



Koleksi Ucapan *MAHATHIR*

*Dengan Angalan Yang Tulus Jujur
daripada
Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia*

APB 709258
NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

22 FEB 1994

Diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan
Abas bin Salleh KMN, Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan Malaysia
B.015 (B.M.) Nov. 1992 (0.1)4

Pra-cetak oleh Syarikat R&S

Dicetak oleh Ampang Press Sdn. Bhd.



منتري فترائن مليسيا
MENTERI PENERANGAN MALAYSIA

KATA-KATA ALUAN

Syabas diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Penerangan di atas inisiatif dan Sdayausahanya menerbitkan buku "Koleksi Ucapan Mahathir" sempena 10 tahun kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia. Ia adalah merupakan satu sumbangan yang positif ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaklumat.

Sebagai seorang pemimpin dan negarawan tanahair yang matang dan dinamis pemikirannya, Dato' Seri Dr. Mahathir memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan yang berwibawa dan berwawasan. Adalah menjadi hasrat beliau untuk membentuk bangsa Malaysia sebagai bangsa yang berjaya dan mempunyai kualiti hidup yang tinggi serta budaya kerja yang cemerlang, melalui pentadbiran yang bertanggungjawab dan berkesan.

Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang berpandangan jauh, telah mengilhamkan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dengan masyarakatnya mempunyai nilai-nilai yang mulia serta hidup secara demokratik dan bertolak-ansur, penyayang, progresif, makmur serta dihormati dan mampu bersaing dengan masyarakat antarabangsa.

Di arena antarabangsa, kepimpinan dan kewibawaan Dato' Seri Dr. Mahathir begitu terserlah. Beliau dianggap sebagai 'wira' atau 'suara baru' Dunia Ketiga kerana pandangannya dan sikapnya yang tegas serta ucapan-ucapannya yang begitu lantang dan berani di dalam membincangkan isu-isu seperti hak asasi manusia, perdagangan bebas, masalah alam sekitar, demokrasi, dasar Apartheid dan keganasan kaum. Kini, Malaysia berdiri megah di kalangan masyarakat dunia dan diiktiraf sebagai sebuah negara Islam yang maju dengan masyarakat majmuknya hidup di dalam aman dan damai.

Oleh itu adalah wajar rakyat segenap lapisan mengambil iktibar daripada segala perjuangan beliau untuk memajukan negara. Melalui buku koleksi ucapan ini, dapatlah kita sama-sama mendekati Dato' Seri Dr. Mahathir dan menghayati ucapan-ucapan beliau yang terkandung di dalamnya berbagai amanat, pandangan dan panduan yang

akan membimbing masyarakat Malaysia untuk sama-sama menyumbang kepada pencapaian matlamat-matlamat pembangunan negara.



(DATO' MOHAMED RAHMAT)
Menteri Penerangan Malaysia



**KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN PENERANGAN MALAYSIA**

KATA-KATA ALUAN

U saha Jabatan Perkhidmatan Penerangan mengumpul ucapan-ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sepanjang satu dekad beliau menjadi Perdana Menteri adalah bertujuan untuk mengabadikan segala perjuangan, aspirasi dan wawasan beliau untuk dijadikan sebagai satu lagi warisan khazanah negara yang akan dapat dinilai dan dihayati sebagai bahan rujukan untuk generasi akan datang.

Penerbitan buku-buku ini juga diharap akan dapat memupuk minat membaca di kalangan semua golongan masyarakat, terutama generasi muda. Cetusan idea yang bernas serta kritikan yang berterus-terang oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di dalam ucapan-ucapan beliau diharap akan dapat menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia untuk bersama-sama berusaha bagi membangunkan negara.

Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun yang menuju kepada status negara maju, memerlukan rakyat yang berfikiran maju, matang serta bermaklumat.

Sempena dengan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.B. Dato' Mohamed bin Rahmat, Menteri Penerangan Malaysia serta Y.B. Dato' Fauzi bin. Abd. Rahman, Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan di atas buah fikiran serta galakan yang telah diberikan bagi menjayakan penerbitan buku-buku koleksi ucapan ini. Saya juga merakamkan sepenuh penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini.

(ABAS BIN SALLEH)
Ketua Pengarah
Perkhidmatan Penerangan Malaysia

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Kata-kata Aluan Menteri Penerangan Malaysia	iii
Kata-kata Aluan Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan Malaysia	v
Pendahuluan	xii
Ucapan-ucapan:	
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung MCA Yang Ke-29 Di Wisma MCA, Kuala Lumpur, 19hb. September, 1981	1
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Merasmikan Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-29 Di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 3hb. Oktober, 1981	5
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Mesyuarat Perwakilan Yang Ke-10 Parti Gerakan Di Dewan Seri Pinang, Pulau Pinang, 21hb. November, 1981	9
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Majlis 'Jasamu Di Kenang' untuk Y.A.Bhg. Tun Hussein Onn Anjuran UMNO, Kuala Lumpur, 22hb. Januari, 1982	13
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Majlis Pembukaan Perhimpunan Agung MIC Di Bangunan RISDA, Kuala Lumpur, 3hb. Julai, 1982	18
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-33, Di Kuala Lumpur, 10hb. September, 1982	21

Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Persidangan Perwakilan Tahunan Gerakan Di Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 25hb. September, 1982	40
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung MCA Yang Ke-30 Di Wisma MCA, Kuala Lumpur, 3hb. Oktober, 1982	43
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Selaku Pengerusi Barisan Nasional Di Pembukaan Muktamar Parti Berjasa Di Kota Bharu, Kelantan, 16hb. April, 1983	46
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Majlis Pembukaan Perhimpunan Agung MIC Di Bangunan Risda, Ja- lan Ampang, Kuala Lumpur, 4hb. Jun, 1983	50
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Persidangan Perwakilan Tahunan Gerakan Di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, 23hb. Julai, 1983	54
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-34 Di Kuala Lumpur, 19 hb. Ogos, 1983	59
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Majlis Perasmian Bangunan UMNO Alor Star, Kedah, 26hb. Ogos, 1983	78
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung MCA Yang Ke-31 Di Wisma MCA, Kuala Lumpur, 16hb. Oktober, 1983	81
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-35 Di Kuala Lumpur, 25hb. Mei, 1984	85
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Majlis Pembukaan Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-32 Di Subang Jaya, Selangor, 21hb. Julai, 1984	102
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Ketika Membentangkan Usul Mengenai Laporan Ulangkaji Dan Persem- padanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya Parlimen Dan Negeri Bagi Nege- ri Sabah Di Dewan Rakyat, 6hb. Disember, 1984	105
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Ketika Membentangkan Usul Mengenai Laporan Ulangkaji Dan Persem-	

padanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya Parlimen Dan Negeri-Negeri Tanah Melayu Di Dewan Rakyat, 6hb. Disember, 1984	110
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Majlis Pembukaan Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-33, Di Melaka, 20hb. Julai, 1985	116
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Selaku Presiden UMNO Di Upacara Perasmian Kompleks UMNO Malaysia, Kuala Lumpur, 26hb. September, 1985	119
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-36 Di Kompleks UMNO Malaysia, Kuala Lumpur 27hb, September, 1985	123
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Pengerusi Barisan Nasional Sempena Pilihanraya Umum 1986 Melalui Rangkaian Nasional, Radio Malaysia, 28hb. Julai, 1986	139
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-37, Kuala Lumpur, 18hb. September, 1986	142
Ucapan Y.A.B. Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Majlis Pembukaan Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-34, Di Shah Alam, Selangor, 10hb. Oktober, 1986	162
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perasmian Perhimpunan Agung MCA Di Wisma MCA, Kuala Lumpur, 16hb. November, 1986	166
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Ketika Membentangkan Usul Mengenai Laporan Ulangkaji Dan Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya Parlimen Dan Negeri Bagi Negeri Sarawak Di Dewan Rakyat, 18hb. Mac, 1987	170
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-38, Di Kuala Lumpur, 24hb. April, 1987	175
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Persidangan Perwakilan Parti Gerakan Di Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 6hb. Jun, 1987	186
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perasmian Perhimpunan Agung MCA, Di Wisma MCA, Kuala Lumpur, 11hb. Julai, 1987	190

Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perasmian Perhimpunan Agung MIC, Shah Alam, Selangor, 29hb. Ogos, 1987	194
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perayaan Ulangtahun Ke-20 Parti Gerakan Rakyat Malaysia Di Kuala Lumpur, 29hb. Mei, 1988	198
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perasmian Perhimpunan Agung MIC Di Dewan Bandaran Baru, Serem- ban, Negeri Sembilan, 2hb. Julai, 1988	201
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perasmian Perhimpunan Agung MCA Di Wisma MCA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, 31hb. Julai, 1988	205
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO, Di Dewan Merdeka Pusat Perdagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 28hb. Oktober, 1988	209
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Persidangan Perwakilan Parti Gerakan, Di Komtar, Pulau Pinang, 26hb. November, 1988	231
Ucapan Presiden UMNO, Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Sambutan Hari Kelahiran UMNO, Di Johor Bahru, Johor, 11hb. Mei, 1989	234
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perasmian Perhimpunan Agung MCA, Di Wisma MCA Jalan Ampang, Kuala Lumpur, 30hb. Julai, 1989	246
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Majlis Pembukaan Perhimpunan Agung MIC, Di Shah Alam, Selangor, 19hb. Ogos, 1989	249
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Majlis Perasmian Persidangan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak Di Kucing, Sarawak, 21hb. September, 1989	252
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Persidangan Perwakilan Parti Gerakan, Di Stadium Komtar, Pulau Pinang, 23hb. September, 1989	255
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Persidangan Perwakilan Tahunan Parti Bersatu Sabah (PBS), Di Kota	

Kinabalu 29hb. September, 1989	258
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO Di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 17hb. November, 1989	262
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Membentangkan Rang Undang-Undang Akta Pertubuhan (PINDAAN) 1989 (BACA KALI KEDUA) Di Dewan Rakyat, 13hb. Disember, 1989	277
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Membentangkan Rang Undang-Undang Akta Pilihanraya (PINDAAN) 1990 Di Dewan Rakyat, 15hb. Mac, 1990	283
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Persidangan Perwakilan Parti Gerakan, Di Kuala Lumpur, 9hb. Jun, 1990	286
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Perhimpunan Agung MCA Di Wisma MCA, Kuala Lumpur, 28hb. Julai, 1990	291
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO Di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 30hb. November, 1990	296
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Semasa Menggulung Perbahasan Di Perhimpunan Agung UMNO, Kuala Lumpur, 2hb. Disember, 1990	317
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perasmian Perhimpunan Agung Tahunan MCA Di Wisma MCA, Kuala Lumpur, 28hb. Julai, 1991	327
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Persidangan Perwakilan Parti Gerakan Ke-20, Di Kuala Lumpur, 3hb. Ogos, 1991	332
Ucapan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perasmian Perhimpunan Agung MIC Dan Majlis Makan Malam Sempena Ulangtahun Ke-46 MIC, Kuala Lumpur, 13hb. September, 1991	336
Ucapan Presiden UMNO Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Di Perhimpunan Agung UMNO, Di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 8hb. November, 1991	340

PENDAHULUAN

'Koleksi Ucapan Mahathir' adalah merupakan rangkaian 4 jilid buku yang diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia sebagai satu usaha untuk mengabadikan ucapan-ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sejak beliau memegang teraju kepimpinan negara sebagai Perdana Menteri yang keempat.


Rangkaian 4 jilid buku 'Koleksi Ucapan Mahathir' ini merangkumi ucapan-ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir selama 10 tahun beliau menjadi Perdana Menteri, iaitu daripada bulan Julai, 1981 hingga Disember, 1991. Buku-buku tersebut dijilid mengikut 4 bidang utama, iaitu Sosial, Ekonomi, Politik dan Antarabangsa. Klasifikasi yang sedemikian dibuat semata-mata untuk memudahkan proses rujukan memandangkan kepelbagaian topik-topik yang disentuh oleh Dato' Seri Dr. Mahathir di dalam ucapan-ucapan beliau.

Sebagai seorang pemimpin yang pragmatik dan berwibawa, wawasan dan pandangan Dato' Seri Dr. Mahathir yang tegas, bernas dan berani melalui ucapan-ucapan beliau sering sahaja mendapat perhatian masyarakat tempatan dan antarabangsa. Oleh itu, melalui rangkaian buku-buku 'Koleksi Ucapan Mahathir' ini, Jabatan Perkhidmatan Penerangan merakamkan selayang pandang ucapan-ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir, yang di dalamnya terkandung berbagai aspirasi, harapan serta wawasan beliau yang boleh dijadikan panduan untuk memahami, menghayati dan mengrealisasikan matlamat-matlamat Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Nasional.

Secara keseluruhannya, apa yang jelas ialah ucapan-ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mencerminkan hasrat beliau untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang bermaruah serta di pandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat dunia.

Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan, khususnya Pejabat Perdana Menteri, Bahagian Penerangan Luar Negeri, Kementerian Luar Negeri, Arkib Negara dan lain-lain bagi menjayakan penerbitan buku 'Koleksi Ucapan Mahathir' ini.

Pengarah,
Bahagian Akhbar dan Perhubungan,
Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.



“**B**ANYAK LAGI YANG HARUS KITA RANCANG DAN LAKSANAKAN DAN MALAYSIA MEMERLUKAN KERAJAAN YANG TEGUH, CEKAP DAN BERTANGGUNGJAWAB. PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL MEMPUNYAI KEWIBAWAAN DAN KESANGGUPAN MEMIMPIN NEGARA KE ARAH KESTABILAN DAN KEMAJUAN. BAGI NEGARA YANG MEMBANGUN DAN BERBILANG KAUM DAN AGAMA SEPERTI MALAYSIA INI, KERAJAAN YANG KUAT SAHAJA YANG DAPAT MENTADBIR NEGARA INI DENGAN BAIK, JUJUR DAN DENGAN PENUH KEYAKINAN. JUSTERU ITU SAMA-SAMALAH KITA MEMASTIKAN SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH.....”

*(Amanat Y.A.B. Perdana Menteri
selaku Pengerusi Barisan Nasional
pada 28 Julai, 1986)*




1

D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri bersama-sama para Menteri Kabinet menyaksikan perarakan kemerdekaan dari pentas khas.

2

3




2 Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sedang mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat di hadapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan disaksikan oleh Tun Hussein Onn.

3 Perdana Menteri Malaysia keempat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sedang menandatangani sumpah jawatan pada 16hb. Julai 1981.



KESTABILAN,





4

5

Kemenangan besar bagi Barisan Nasional dalam pilihanraya umum 1990.



Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menyembahkan ucapan tahniah dan taat setia daripada Kerajaan dan rakyat Malaysia.

6

7



Yuarat Majlis Raja-raja yang ke-154 di Istana Negara pada bulan Jun 1991.



Ibu Pejabat UMNO terletak di Pusat Dagangan Dunia Putra. Ianya dirasmikan pembukaannya pada September 1985 bersempena dengan perhimpunan Agong UMNO yang ke-36. Mercutanda di tengah-tengah kotaraya Kuala Lumpur ini dilengkapi dengan dewan-dewan persidangan dan pameran, ruang pejabat, hotel serta perkhidmatan sokongan yang komprehensif.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG MCA YANG KE-29
DI WISMA MCA, KUALA LUMPUR
19HB. SEPTEMBER, 1981

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato Lee San Choon dan Jawatankuasa Pusat MCA kerana sudi menjemput saya, sebagai Pengerusi Barisan Nasional, untuk merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA pada tahun ini. Memanglah menjadi satu tradisi bagi MCA dan beberapa parti lain dalam Barisan Nasional menjemput Pengerusi Barisan Nasional untuk merasmikan Perhimpunan-perhimpunan Agung Tahunan masing-masing. Walaupun demikian saya tidak menganggap jemputan kepada saya ini sebagai jemputan biasa. Sebaliknya saya menganggap kesudian MCA menjemput saya sebagai satu kehormatan yang luar biasa. Ia juga menunjukkan bahawa walau apapun pendapat yang ada pada kita anggota Barisan Nasional, kita tetap berpegang kepada prinsip-prinsip yang mewujudkan kerjasama dan "solidarity" sesama kita. Janganlah hendaknya prinsip dan sikap yang sekian lama telah memberi manfaat kepada pemerintahan negara dan kestabilan politik dibenarkan digugat oleh tuntutan-tuntutan atau tindakan-tindakan yang boleh merosakkan keadaan ini.

MCA telah menjadi rakan UMNO yang pertama dalam pilihanraya Munisipal di Kuala Lumpur pada tahun 1951 dan juga dalam membentuk-gabungan parti di Malaya yang berkesan, iaitu Perikatan. UMNO kemudiannya bersama-sama dengan MCA dan MIC telah mempelopori konsep parti gabungan (atau coalition) dan kerjasama dalam bentuk yang amat berkesan. Walaupun dunia memperlihatkan beberapa "coalition" antara parti-parti politik, tetapi tidak ada satu yang lebih berjaya dari gabungan yang diasaskan oleh UMNO, MCA dan MIC. Kerana UMNO, MCA dan MIC berjaya, maka parti-parti lain sanggup menyertai dalam "coalition" tersebut dan juga dalam Kerajaan. Hari ini kita mempunyai parti-parti yang bergabung dalam Barisan Nasional yang terdiri dari berbagai kaum dan pendapat politik dan ini mencerminkan "Unity in Diversity" yang benar-benar berjaya di negara yang berbilang kaum ini.

Baru-baru ini negara kita telah melalui satu perubahan kepimpinan dalam Kerajaan di mana bukan sahaja Perdana Menteri bertukar tetapi juga beberapa pertukaran jawatan telah berlaku dalam Kabinet. Umumnya pertukaran ini tidak melibatkan anggota-anggota Kabinet dari parti MCA. Walaupun demikian pertukaran ini tentu menimbulkan tanda tanya di kalangan ahli-ahli MCA. Ramai juga pemerhati-pemerhati politik dari dalam dan luar negeri membuat ramalan yang tidak baik tentang beberapa kemungkinan yang kononnya akan berlaku akibat pertukaran-pertukaran kepimpinan negara Malaysia.

Sebagai Perdana Menteri yang baru saya telah dari awal lagi menegaskan bahawa tidak akan berlaku perubahan besar dalam dasar-dasar asas Kerajaan di bawah pimpinan saya. Cuma yang akan bertukar ialah "style" dan cara sahaja.

Saya menegaskan perkara ini kerana semenjak kita mencapai kemerdekaan kita telah berpeluang mencuba dasar-dasar yang sesuai dan boleh diterima oleh rakyat. Dasar-dasar Kerajaan Perikatan dan kemudiannya Kerajaan Barisan Nasional telah diuji dan diterima oleh sebilangan besar rakyat berbagai kaum di Malaysia. Tetapi memang terdapat sebahagian rakyat pula yang tidak menerima dasar-dasar ini sama ada sebahagian daripadanya atau sepenuhnya. Ada saja aspek dasar-dasar Kerajaan yang tidak dipersetujui oleh kaum ini dan kaum itu atau parti ini dan parti itu. Tetapi dalam keadaan yang terdapat di Malaysia, kita tentulah tidak dapat memuaskan hati setiap kaum atau kumpulan, apatah lagi tiap-tiap individu. Keadaan di mana terdapat pihak-pihak yang tidak puas hati tetapi tidaklah sehingga sanggup menimbulkan huru-hara yang boleh menjejaskan dan menghancurkan negara adalah satu keadaan yang kita harus terima sebagai "the best possible situation" memandangkan keadaan yang terdapat di negara kita. Walaupun pemerhati-pemerhati dari luar negeri kerap kali membuat ramalan bahawa Malaysia akan hancur tetapi kita telah dapat membuktikan bahawa ramalan mereka itu tidaklah tepat. Sebaliknya Malaysia telah terus membangun dengan pesat sekali. Negara kita membangun walaupun sistem demokrasi dan pilihanraya tiap-tiap lima tahun dianggap oleh beberapa negara membangun sebagai penghalang kestabilan. Ada setengah-setengah negara yang mengamalkan sistem demokrasi yang lebih lama daripada Malaysia tetapi mereka tidak dapat mencapai pertumbuhan ekonomi (rate of economic growth) seperti yang dicapai oleh negara kita.

Memandang kepada keadaan politik, ekonomi dan sosial yang baik di Malaysia inilah maka saya berpendapat adalah lebih baik jika perubahan besar dalam dasar-dasar asas tidak dibuat apabila saya mengambilalih jawatan Perdana Menteri. "We must be doing something right. How else can there be this stability and growth. So why change a tried and tested policy"?

Pada hemat saya, kita telah dapat mewujudkan satu formula yang sesuai dan secukupnya dengan keadaan di negara kita. Tiada siapa yang dapat menafikan kejayaan Malaysia. Oleh kerana itu saya tidak mahu menukar dasar tersebut. Sebaliknya saya berpendapat bahawa dasar ini patut dikekalkan. Saya akan meneruskan "status quo" yang telah diasaskan oleh "predecessors" saya, iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

Dalam sesebuah negara demokratik kehendak seseorang sahaja, walaupun dianya menjadi Perdana Menteri, tidak akan menentukan kejayaan. Untuk mencapai kejayaan sebilangan besar atau majoriti daripada rakyat hendaklah mempunyai pendapat yang sama. Di Malaysia ini sekurang-kurangnya parti-parti komponen Barisan Nasional yang membentuk Kerajaan hendaklah mempunyai pendapat yang sehaluan khususnya pendapat bahawa pengekalannya "status quo" ini adalah penting untuk kejayaan negara.

Sebagai salah satu dari tiga parti yang terbesar dalam Barisan Nasional, MCA memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan kestabilan dan kemakmuran negara. Jika "status quo" ini adalah penting untuk negara kita, maka MCA sebagai sebuah parti yang bertanggungjawab haruslah berusaha untuk mengekalkan "status quo" ini. Jika MCA kerana sebab-sebab tertentu cuba mengubah perimbangan (balance) atau dengan perkataan lain cuba "disturb status quo" ini akibatnya adalah Barisan Nasional akan menjadi tidak stabil lagi. Dalam keadaan ini kita tidak dapat meneruskan pembangunan dan mencapai kejayaan yang telah kita nikmati selama ini.

Memanglah peranan setiap parti politik memperjuangkan kepentingan ahli-ahli dan penyokong-penyokongnya. Tetapi dalam pada itu parti politik yang bijak dan bertanggungjawab tentu tahu ada perkara-perkara yang boleh diperjuangkan dan ada pula perjuangan yang akan menjadi "non-starter" awal-awal lagi. Oleh sebab itu kita semua, sama ada MCA, UMNO, MIC, GERAKAN, BERJAYA atau mana-mana parti yang lain dalam Barisan Nasional, mestilah berhati-hati sebelum membuat sesuatu tuntutan itu. Sekiranya kita tidak berhati-hati kita akan mengalami seperti kata pepatah Melayu " yang dikejar terlepas yang dikendung kecikiran".

Sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional, saya akan bersikap sederhana tetapi tegas. Saya memang sedar tentang tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh kaum-kaum dan parti-parti dalam Malaysia yang sebahagian daripadanya adalah keterlaluan. Sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional saya terpaksa menolak tuntutan dari mana-mana pihak yang tidak mungkin diterima langsung oleh pihak lain. Saya sedar setakat mana yang boleh saya memberi dan setakat mana yang boleh saya menerima. Jika saya tidak tegas, kesannya adalah buruk. Buruk bukan sahaja kepada diri saya, tetapi juga kepada negara dan kepada yang menuntunya. Izinkan saya mengingatkan kita semua bahawa "Politics is the art of the possible". Kebijaksanaan politik ialah mengenal "what is possible and what is not".

Kestabilan negara ini bergantung kepada kebolehan Kerajaan memenuhi janji-janjinya. "We have to deliver the goods if we wish to continue as the Government of this country".

Kita telah bersetuju dengan berbagai program supaya kita boleh "deliver the goods". Kita juga telah bersetuju dan menerima beberapa dasar bagi negara kita. Soalnya ialah di antara penerimaan dasar dan pelaksanaannya. Ada kalanya kita menerima sesuatu dasar itu kerana kita tidak percaya dasar itu dapat dilaksanakan. Oleh itu apabila sahaja kita lihat bahawa dasar itu sebenarnya boleh dilaksanakan, maka kita berasa gelisah dan tidak tentu arah. Kadang-kala dalam keadaan tidak tentu arah ini kita cuba mengganggu pencapaian dasar itu.

Perbuatan mengganggu atau melambat-lambatkan pencapaian sesuatu dasar cuma akan mengekalkan keadaan yang menyebabkan dasar itu dibentuk. Lebih lama pencapaian matlamat diganggu, lebih lamalah usaha akan dijalankan untuk mencapai matlamat itu.

Kita semua telah menerima Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru bukan dibentuk untuk satu kaum sahaja. Dasar Ekonomi Baru mengambil kira kepentingan tiap-tiap kaum. Lebih cepat Dasar Ekonomi Baru dicapai maka kita tidak perlu lagi menumpukan sebegitu banyak tenaga, masa dan wang untuk menjayakan program-program di bawah dasar itu. Tetapi, jika kerana gangguan dan perasaan curiga yang tidak berasas, usaha mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru itu ditandingi dengan usaha-usaha yang mengurangkan kesan usaha tadi maka akibatnya ialah lebih banyak lagi tenaga, masa dan wang terpaksa ditumpukan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Saya berharap MCA yang sama-sama menggubal dan memberi sokongan kepada Dasar Ekonomi Baru akan membantu Kerajaan mempercepatkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Apabila sudah tercapai matlamat Dasar Ekonomi Baru maka kita tidak lagi perlu "compete against each other but instead we can link arms and work together to build a greater Malaysia".

Tidak syak lagi bahawa Malaysia mempunyai "potential" yang besar. Kita mempunyai semua ingredients untuk membangunkan negara sehingga setaraf dengan negara-negara yang maju. Yang diperlukan dari tiap-tiap parti dan kaum ialah "level headedness and the will to work". Saudara-saudari yang hadir pada hari ini adalah pemimpin-pemimpin dan sebagai pemimpin saudara-saudari mestilah menunjukkan satu tahap "level-headedness" yang boleh menjadi contoh kepada rakyat.

"Cheap popularity" adalah untuk parti pembangkang. "For you and for me there is no easy way, no cheap popularity. For you and for me there is only the burden of responsibility and the need to work for the nation. That is why you are here today and that is also why I am here".

Saya berharap saudara-saudari akan renungkan tentang apa yang telah saya perkatakan. Perhimpunan Agung MCA tahun ini adalah satu perhimpunan yang bersejarah. Biasanya apabila ada pertandingan untuk jawatan-jawatan dalam CWC maka berlakulah beberapa peristiwa yang mencemar imej MCA. Tetapi pada tahun 1981 ini pemilihan pemimpin telah berjalan dengan begitu baik sehingga keenam-enam jawatan yang tertinggi telah dipilih dengan sempurna tanpa pertandingan yang heboh. Saya percaya pengurusan dan perbahasan dalam perhimpunan tahun ini juga akan berjalan dengan teratur dan tenang dan akan mencapai keputusan-keputusan yang bijak dan bermanfaat bukan sahaja kepada MCA dan kaum Cina tetapi lebih lagi kepada negara.

Saya mengucapkan tahniah kepada kepintaran peniimpin-pemimpin MCA yang berjaya meningkatkan lagi kematangan parti. Sekarang dengan harapan bahawa "good sense will always prevail" saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Perhimpunan Agung MCA Yang Ke - 29 ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC YANG KE-29
DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG
3HB. OKTOBER, 1981

Saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Samy Vellu, Presiden MIC dan juga Jawatankuasa Pusat MIC kerana menjemput saya, sebagai Pengerusi Barisan Nasional, untuk merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MIC pada hari ini. Pada 19hb. September yang lalu, saya telah diberi penghormatan merasmikan Perhimpunan Agung MCA dan pada hari ini pula sekali lagi saya diberi penghormatan untuk merasmikan Perhimpunan Agung sebuah lagi parti komponen Barisan Nasional, iaitu MIC.

MIC, seperti MCA, telah menjadi rakan UMNO dalam membentuk gabungan Perikatan. Kemudian gabungan yang diasaskan oleh UMNO, MCA dan MIC ini telah dibesarkan di mana parti-parti politik yang lain telah menyertainya bersama untuk membentuk Barisan Nasional. Parti MIC telah banyak memberi sumbangan kepada pembentukan asas-asas Perikatan dan kemudian Barisan Nasional dan juga kepada Kerajaan. Sumbangan dan kerjasama yang diberi oleh MIC telah membantu memperkukuhkan coalition Barisan Nasional ini.

Di sini elok juga saya terangkan konsep 'coalition' atau gabungan seperti yang diamalkan oleh Perikatan dan Barisan Nasional di Malaysia. Biasanya 'coalition' diadakan selepas pilihanraya kerana tidak ada parti yang mendapat majoriti yang cukup untuk membentuk Kerajaan. Tetapi Perikatan dan Barisan Nasional dibentuk sebelum pilihanraya dan pemilihan calon serta pembentukan strategi dibuat secara satu parti dan bukan parti-parti yang berasingan. Konsep dan amalan inilah yang telah menjamin kemenangan gabungan kita di tiap-tiap pilihanraya. Tetapi sungguhpun Perikatan dan Barisan Nasional bertindak lebih sebagai satu parti dari parti campuran, kepentingan parti komponen masing-masing masih terjamin. Dalam keadaan politik di Malaysia kini susunan seumpama ini adalah yang sebaik-baiknya yang boleh diadakan. Adalah penting bagi ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional memahami asas kekuatan Barisan Nasional. Jika asas sebenar Barisan Nasional ini tidak difahami, maka cabaran terhadap amalan yang sedia ada ini mungkin dibuat dan cabaran-cabaran ini bukan sahaja akan melemahkan Parti Barisan Nasional tetapi akan menggugat kedudukan Kerajaan dan kestabilan negara. Akhirnya mereka yang mencabar dan melemahkan Barisan Nasional dan Kerajaan Barisan Nasional, akan dengan sendirinya binasa. MIC sebagai anggota Barisan Nasional dan ahli-ahli MIC, seperti juga parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain, harus

faham asas dan bentuk Barisan Nasional supaya tidak akan berlaku, secara sedar atau tidak sedar, tindakan-tindakan yang boleh membawa akibat yang saya telah terangkan tadi.

Sebagai parti yang mewakili sebahagian besar daripada masyarakat India di negara ini peranan MIC bukan sahaja besar malahan adalah berat. Masyarakat India di Malaysia, seperti juga masyarakat-masyarakat yang lain, telah memberi berbagai sumbangan kepada perkembangan sosial, ekonomi dan politik negara. Dengan adanya kerjasama dan persefahaman di antara kaum di negara ini kita telah dapat mencapai kemajuan yang begitu pesat sekali. Kemajuan yang kita capai ini adalah juga hasil sumbangan rakyat dari segenap lapisan dan pentadbiran Kerajaan yang cekap dan berkesan.

Pada hemat saya masyarakat India Malaysia, walaupun kecil bilangannya, telah mencapai kemajuan yang boleh dibanggakan berbanding dengan masyarakat keturunannya India di negara-negara lain. Pada keseluruhannya pencapaian oleh masyarakat India Malaysia di berbagai bidang, termasuk bidang ekonomi dan profesional bolehlah dikatakan hampir mencapai matlamat yang dituju. Masyarakat India Malaysia bukan sahaja bekerja di ladang-ladang besar tetapi juga terdapat di dalam Kerajaan, dalam bidang perniagaan, kejuruteraan, peguaman dan sebagainya. Malahan beberapa orang dari Masyarakat India Malaysia memegang atau menduduki jawatan-jawatan yang penting dan besar sama ada dalam Kerajaan ataupun swasta.

Parti MIC telah bekerjasama dengan parti-parti lain dalam Barisan Nasional dalam mewujudkan dasar-dasar dan program-program yang bertujuan untuk meningkatkan lagi taraf hidup rakyat dan meningkatkan pembangunan negara. Dasar-dasar ini telah mengambil kira kepentingan semua bangsa di negara ini. Semua dasar ini juga telah ditimbang dengan teliti dan mendalam dan telah mendapat persetujuan umum sebelum ianya dilaksanakan. Dalam lain perkataan dasar-dasar Kerajaan telah diterima oleh sebahagian besar rakyat Malaysia kerana dasar-dasar ini adalah sesuai untuk masyarakat berbilang bangsa yang terdapat di negara ini.

Sepertimana yang telah saya sebutkan beberapa kali dahulu, tidak akan berlaku perubahan-perubahan besar dalam dasar-dasar asas Kerajaan di bawah kepimpinan sekarang. Kalau ada yang bertukar pun hanyalah 'style' atau cara sahaja. Seperti mana juga yang saya nyatakan, tidak ada sebab mengapa mesti ditukar dasar-dasar yang telah diterima dan yang berjalan dengan baik. Saya kerap kali menyebut perkara ini kerana masih lagi terdapat ramalan-ramalan yang tidak berasas sama sekali yang mengatakan berbagai perubahan dasar akan berlaku. Ini tidaklah benar. Saya ingin menegaskan bahawa saya akan meneruskan usaha-usaha dan dasar-dasar yang telah dipelopori oleh pemimpin-pemimpin negara yang lepas.

Dasar-dasar Kerajaan, seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, adalah bertujuan juga untuk mewujudkan perpaduan yang lebih lagi di kalangan masyarakat Malaysia. Dasar-dasar yang sedang dilaksanakan ini telah pun kita persetujuan bersama. Yang penting bukanlah lagi perun-

tukan dasar baru yang dikatakan lebih sesuai tetapi mengamalkan dasar yang sedia ada dengan cara yang saksama dan mengikut matlamat yang telah ditentukan. Memang benar ada kadangkala berlaku beberapa kelemahan, di sana sini, di dalam pelaksanaan. Ini memang patut ditegur dan sekiranya didapati ada kelemahan di dalam pelaksanaan sesuatu rancangan itu, tindakan segera hendaklah diambil untuk membetulkannya.

Walau bagaimanapun kita mestilah sedar bahasa oleh kerana dasar-dasar ini telah kita terima apa juga teguran-teguran yang hendak dikemukakan seharusnya mengenai soal-soal pelaksanaan sahaja. Teguran-teguran yang berasas dan membina akan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Tetapi kita tidak patut membangkit atau menyoal prinsip dasar-dasar yang telah dipersetujui itu. Apa yang sudah dipersetujui mestilah dihormati. Kerajaan boleh memperbaiki interpretasi dan cara pelaksanaan sahaja. Kerajaan tidak akan mengubah dengan sewenang-wenangnya dasar-dasar asas yang telah diterima bersama. Semua pihak mestilah menerima hakikat ini khususnya parti-parti komponen Barisan Nasional.

Saya sedar tentang beberapa perkara yang tidak disenangi oleh MIC dari segi pelaksanaan dasar. Perkara-perkara ini telah disebutkan oleh Presiden MIC tadi. Kerajaan berhasrat membetulkan pelaksanaan ini. Tetapi dalam perkara ini masalah yang timbul ialah kekeliruan di antara kaum keturunan India dengan kaum keturunan Tamil dari Ceylon. Kerajaan tidak dapat mengambil dari kaum keturunan Ceylon untuk diberi kepada kaum keturunan India. Perkara ini hendaklah diselesaikan oleh kedua-dua pihak sendiri. Keduanya, ialah tentang minat kaum keturunan India sendiri. Adalah penting mereka bukan sahaja membuat teguran tetapi beberapa kelemahan dan sikap di kalangan mereka dibetulkan supaya identiti mereka di Malaysia ini tidak boleh dipersoalkan. 'They should remember always that they are not just Indians but they are Malaysian Indians; the descendants of people from the Indian sub-continent who have settled here and have acknowledge Malaysia as their home and focus of loyalty'.

Teguran yang saya buat ini adalah sama dengan teguran-teguran yang telah saya buat kepada kaum-kaum lain termasuk orang-orang Melayu. Tujuannya ialah supaya kita tidak sahaja memandang kepada orang lain untuk membetulkan diri tetapi juga kepada diri kita sendiri. Saya bangga dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh MIC untuk menjayakan kaum keturunan India, seperti disebut oleh saudara Presiden MIC tadi. Tetapi masih banyak yang perlu diperbetul dan diperbuat oleh MIC dan kaum keturunan India untuk mendapat faedah yang sepenuhnya dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Selain daripada itu janganlah sesiapa dari apa kaum juga membuat apa-apa jua yang boleh menimbul keraguan tentang fokus taat setia mereka. Perbuatan seperti itu tidak memudahkan Kerajaan untuk menolong mereka atau menolong mententeramkan suasana politik di negara ini.

Kemajuan dan pembangunan yang kita capai ini adalah kerana kita berada dalam keadaan aman dan kerana adanya perpaduan di antara penduduk-penduduk di negara ini. Perpaduan adalah faktor yang sangat penting terutama sekali dalam negara yang

mempunyai penduduk berbilang bangsa. Bagi negara kita Malaysia perpaduan kebangsaan adalah faktor utama dan segala usaha-usaha kita adalah bertujuan untuk memperkukuhkan lagi perpaduan ini. Tanpa perpaduan yang tulin kita tidak dapat mencapai matlamat-matlamat yang telah kita tetapkan.

Perpaduan yang terdapat sekarang ini telah dipupuk sejak begitu lama dan kita mestilah berusaha perpaduan ini tidak diganggu dan diancam. Dalam hal ini kita semua terutama sekali parti-parti komponen dalam Barisan Nasional mestilah sentiasa berhati-hati khususnya apabila membuat cadangan ataupun permintaan supaya tindakan tersebut tidak menimbulkan sebarang keraguan atau salahfaham yang boleh menjejaskan perpaduan. Walau bagaimanapun saya yakin bahawa dengan kepimpinan yang bijak dan kematangan politik parti-parti komponen Barisan Nasional, tindakan seumpama ini tidak akan berlaku.

Kita juga bersyukur bahawa keselamatan negara kita adalah terpelihara. Sayugia diingatkan bahawa keselamatan negara bukanlah tanggungjawab pihak berkuasa atau pasukan keselamatan sahaja tetapi adalah tanggungjawab kita bersama. Setiap rakyat mempunyai peranan masing-masing bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman negara. Kita mestilah juga berhati-hati kerana masih lagi terdapat golongan-golongan yang cuba mengancam ketenteraman dan kestabilan negara kita. Golongan-golongan ini adalah kecil tetapi kita hendaklah sentiasa berwaspada terhadap kegiatan-kegiatan mereka.

Pada tahun ini, nampaknya pemilihan dalam MIC berjalan tanpa pertandingan yang heboh dan hebat. Ada lagi pemilihan yang belum selesai dan saya harap ini juga berjalan dengan licin dan teratur.

Perhimpunan ini akan membincangkan berbagai-bagai perkara. Saya harap apa jua perkara yang akan dibangkitkan akan dibincang dengan penuh tanggungjawab dan keputusan yang dibuat kelak bukan sahaja akan memberi manfaat kepada MIC tetapi juga kepada negara.

Dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Perhimpunan Agung MIC yang ke-29 ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MESYUARAT PERWAKILAN YANG KE-10 PARTI GERAKAN
DI DEWAN SERI PINANG, PULAU PINANG
21HB. NOVEMBER, 1981

Saya mengucapkan terima kasih kepada Presiden Parti GERAKAN Dr. Lim Kheng Yaik, dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Parti yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Perwakilan Yang ke-10 Parti GERAKAN pada hari ini.

Ini adalah merupakan kehadiran saya yang pertama kali di Mesyuarat Perwakilan Parti GERAKAN setelah saya memegang jawatan Perdana Menteri dan Presiden Barisan Nasional. Kehadiran saya di majlis yang dihadiri lebih daripada seribu orang perwakilan merupakan satu peluang yang baik bagi saya untuk bertemu muka dengan semua lapisan ahli parti. Walaupun kehadiran saya ini tidak meluangkan masa yang begitu banyak untuk saya berkenal-mesra dengan ahli-ahli parti, namun demikian memandang kepada kesibukan saya memberi faedah yang besar kepada saya. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada Parti GERAKAN serta ahli-ahlinya yang telah memberi sokongan dan kepercayaan penuh kepada saya untuk memimpin Barisan Nasional.

Wujudnya Barisan Nasional sebagai satu gabungan parti-parti politik yang mendokong Kerajaan merupakan satu keganjilan kepada mereka yang kurang biasa dengan negara kita. Setengah anggota masyarakat di seberang laut menganggap Kerajaan Barisan Nasional di Malaysia sebagai satu bentuk pemerintahan yang lemah kerana kemungkinan desakan dan tekanan daripada berbagai-bagai pihak di dalam Barisan Nasional. Kepada kita di dalam Barisan Nasional kita faham bahawa Barisan Nasional adalah sesuai dengan kehendak dan suasana di negara kita. Melalui Barisan Nasional kita dapat mencapai kata sepakat dalam hal-hal yang besar. Kita juga dapat bertukar-tukar pendapat meluaskan penerimaan anggota parti dan rakyat terhadap sesuatu perkara atau isu. Melalui Barisan Nasional juga kita dapat mengurangkan perselisihan politik secara terbuka yang boleh menguntungkan pihak lawan ataupun memberi faedah kepada musuh-musuh negara.

Melalui Barisan Nasional kita telah dapat mengukuhkan lagi asas dasar-dasar penting negara bagi menjamin masa depan kita yang lebih cemerlang dan berjaya lagi. Di dalam sesebuah masyarakat berbilang kaum seperti di negara kita apa yang diperlukan ialah usaha dan tindakan dan dikurangkan percakapan dan persengketaan. Di dalam suasana masyarakat berbilang kaum, sesuatu isu boleh diputar-belitkan untuk meningkatkan sentimen perkauman oleh pihak-pihak tertentu dengan tujuan untuk

mewujudkan barisan "pressure group" terhadap isu tersebut. Keadaan seperti ini hanya akan melambat-lambatkan pencapaian matlamat perpaduan negara kerana isu-isu yang dibakarkan dengan sentimen perkauman, atau kedaerahan akan hanya menimbulkan keraguan di dalam fikiran rakyat, dan seterusnya sekiranya dikeroahkan lagi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab boleh menimbulkan kekacauan. Semua pihak mestilah sedar bahawa keadaan seperti ini tidak akan mendatangkan faedah kepada mana-mana pihak juapun sama ada sekarang ataupun bagi generasi akan datang.

Kewibawaan Barisan Nasional adalah sangat bergantung kepada perpaduan parti-parti komponen di dalamnya. Kita hendaklah sentiasa berusaha untuk mengukuhkan kewibawaan Barisan Nasional kerana kelemahan Barisan Nasional boleh mendatangkan kemerosotan kepada kestabilan politik. Ia juga boleh menimbulkan masalah kepada ekonomi negara yang selama ini adalah kukuh dan dapat dijamin pada kadar perkembangan yang tinggi. Oleh itu, apa-apa jua kemusykilan atau perselisihan di kalangan parti-parti komponen di dalam Barisan Nasional hendaklah di atasi melalui jentera yang wujud bagi penyelesaian masalah di dalam Barisan Nasional sendiri tanpa diheboh-hebohkan atau diperbesar-besarkan melalui akhbar dan lain-lain media massa.

Sepertimana yang pernah saya tegaskan, parti-parti komponen Barisan Nasional mempunyai tanggungjawab yang berat bukan sahaja kerana ia adalah parti yang membentuk Kerajaan tetapi juga oleh kerana "coalition" Barisan Nasional ini adalah satu gabungan yang istimewa yang mewakili sebahagian besar daripada masyarakat Malaysia yang berbilang keturunan. Kita telah diberi mandat oleh rakyat dan kita tidak akan menyalahgunakan kuasa yang ada di tangan kita. Setiap tindakan dan langkah yang kita ambil adalah bertujuan untuk mendatangkan faedah kepada rakyat yang telah memberi kepercayaan kepada kita untuk membimbing negara. Kerajaan Barisan Nasional akan menggunakan kuasa yang ada padanya untuk membawa kemajuan dan kemakmuran yang lebih lagi kepada rakyat dan negara.

Perpaduan merupakan kunci kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara. Begitu pula kemakmuran dan kesejahteraan merupakan asas bagi perpaduan yang lebih kukuh. Semua dasar yang telah dirumuskan untuk negara kita adalah dengan tujuan untuk mencapai matlamat-matlamat kemakmuran, kesejahteraan dan perpaduan. Tindak tanduk untuk mengungkit dasar-dasar yang telah dipersetujui dengan menggunakan sentimen 'pressure group' oleh mana-mana pihak akan mendatangkan kesan yang buruk. Penggunaan 'pressure group' oleh kumpulan minoriti terhadap perkara-perkara yang telah dipersetujui di dalam sistem demokrasi merupakan penentangan terhadap demokrasi itu sendiri. Hakikat ini hendaklah sentiasa disedari oleh rakyat kerana kita melihat bagaimana berkali-kali setengah-setengah pihak telah menjadikan diri mereka sebagai 'pressure group' atau menggunakan 'pressure group' untuk menggugat keadaan yang tenang dalam negara kita.

Perkataan Dasar Ekonomi Baru tentulah tidak asing lagi bagi rakyat di negara kita. Tetapi sejauh manakah fahaman rakyat mengenai Dasar ini? Kadang-kadang kita merasa begitu aneh bagaimana setengah pihak, dengan cara langsung atau tidak lang-

sung, telah menunjukkan bahawa mereka mempunyai kurang keyakinan ataupun kurang fahaman terhadap Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru telah digubal dengan mengambilkira kepentingan semua kaum, golongan dan kawasan serta kepentingan negara, sama ada dalam jangka pendek ataupun jangka panjang. Tentulah tidak wajar, malah dalam suasana negara kita adalah merbahaya sekali, sekiranya perimbangan ekonomi tidak wujud di kalangan kaum dan usaha-usaha ke arahnya tidak dibuat. Pihak-pihak atau individu-individu yang hanya memikirkan untuk mengumpul kekayaan bagi diri mereka sahaja adalah seolah-olah mencurahkan minyak ke api. Begitu pula mereka yang enggan berusaha untuk memperbaiki taraf hidup mereka akan ketinggalan masa dan akan mengalami kepahitan hidup. Sekiranya perkara yang tidak diinginkan ini berlaku mereka tidak harus menyalahkan orang lain tetapi diri mereka sendiri. Dalam konteks Dasar Ekonomi Baru apa-apa juga galakan dan bantuan Kerajaan tidak akan menghasilkan kejayaan kepada seseorang di dalam bidang ekonomi kecuali ianya sanggup mengubah nasibnya sendiri.

Rakyat keseluruhannya sepatutnya bersyukur dengan keadaan baik kita di negara kita ini. Jika dibandingkan dengan keadaan di kebanyakan negara-negara yang sedang membangun yang lain keadaan kita adalah begitu baik sekali. Kita tidak mengalami kebuluran dan negara kita tidak diancam oleh bencana-bencana alam kecuali jarang-jarang sekali kita mengalami banjir. Oleh itu, adalah tidak patut sekali bagi setengah-setengah rakyat negara ini yang tidak putus-putus mengeluh tentang keadaan di tanah tumpah darahnya. Setengahnya berhijrah ke negara maju untuk mengejar pendapatan yang lebih lumayan sedangkan mereka menonjol-nonjolkan masalah di negara ini kononnya mereka didiskriminasi. Sebenarnya apa yang berlaku tak ubahlah apa yang terdapat di dalam pepatah Melayu "kacang lupakan kulit". Bagi rakyat yang tulen "di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung" dan "hujan emas di negeri orang hujan keris-lembing di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri". Sebenarnya dari cerita-cerita yang diterima mereka yang telah berhijrah ke negara lain merasai kehidupan yang tidak selesa dan menjadi warganegara kelas dua, tetapi mereka malu mengakui hakikat ini.

Hasrat kita untuk memesatkan pembangunan negara tentulah tidak akan terlaksana dengan jayanya sekiranya setiap rakyat sendiri tidak membuat sumbangan dan menyertainya. Ini menjadi bertambah-tambah penting dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil. Setakat ini kita bernasib baik kerana kemelesetan ekonomi dunia tidak begitu menjejaskan ekonomi kita. Tetapi oleh sebab ekonomi kita adalah ekonomi terbuka inflasi yang mengancam kebanyakan negara-negara yang maju, iaitu negara-negara perindustrian dan pengeluar, telah menambahkan pula inflasi di negara kita. Usaha mengawal inflasi adalah penting dan usaha ini tidak akan memberi kesan yang memuaskan tanpa sokongan dan kerjasama rakyat. Dalam hal ini juga, setiap parti politik di negara kita perlulah memainkan peranan mereka untuk mententramkan suasana tanpa menanggok di air keroh untuk kepentingan-kepentingan sempit perjuangan politik mereka.

Kerajaan sentiasa sedar dan menginsafi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Malahan Kerajaan juga menginsafi betapa rumitnya cabaran-cabaran yang

dihadapi oleh negara di dalam suasana politik dan ekonomi antarabangsa yang tidak begitu tenteram. Kerajaan akan berusaha untuk menjamin supaya program-program pembangunan kita akan dapat diteruskan dan faedah-faedahnya dinikmati oleh rakyat keseluruhannya. Saya yakin, sekiranya kita menjadikan usaha pembangunan sebagai satu perjuangan kita pasti akan berjaya.

Negara kita mempunyai "ingredients" untuk mencapai tahap kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara maju. Kita mempunyai tenaga kerja yang cukup. Negara kita telah dikurniakan dengan sumber-sumber alam yang kaya dan banyak. Oleh itu yang perlu sekarang ini ialah bagi setiap rakyat Malaysia bekerja dengan lebih tekun dan gigih lagi bagi meninggikan daya pengeluaran negara. Jikalau negara-negara yang tidak mempunyai sumber-sumber alam sebanyak yang kita ada boleh membangun dan mencapai kemajuan yang pesat, tidak ada sebab mengapa kita di Malaysia ini tidak boleh mencapai kejayaan yang sama malahan yang lebih lagi daripada itu. Sekiranya kita benar-benar menumpukan perhatian dan bekerja kuat kita sudah pasti dapat meningkatkan lagi prestasi ekonomi kita.

Dengan harapan itu tadi saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Perwakilan ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS 'JASAMU DIKENANG' UNTUK
Y.A.BHG. TUN HUSSEIN ONN ANJURAN UMNO
KUALA LUMPUR
22HB. JANUARI, 1982

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tetamu yang kita raikan pada malam ini, iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn dan Toh Puan Suhailah, yang telah sudi menerima jemputan dan melapangkan masa untuk menghadiri Majlis penghormatan dan perpisahan anjuran UMNO ini. Saya juga mengalu-alukan kehadiran hadirin sekalian, terutama yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan Yang Amat Berbahagia Tun Sardon untuk bersama-sama meraikan Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn sebagai tanda penghormatan dan penghargaan kita semua terhadap sumbangan dan jasa-jasa beliau kepada Parti dan negara.

Sebenarnya UMNO telah bercadang untuk mengadakan Majlis ini sebaik-baik sahaja Yang Amat Berbahagia Tun Hussein meletakkan jawatan sebagai Presiden Parti dan juga sebagai Perdana Menteri pada pertengahan tahun yang lalu. Cadangan ini terpaksa ditangguh memandangkan bahawa Yang Amat Berbahagia Tun memerlukan masa untuk berehat sebagai pesara politik walaupun ini adalah satu perkara yang tak mungkin bagi sesiapa kerana sekali mencebur diri di dalam politik tak mungkin ia boleh memisahkan diri daripadanya. Namun demikian kita menghormati kehendak Tun dan kita telah menundakan cadangan kita untuk mengadakan Majlis penghormatan ini hingga ke suatu masa yang lebih sesuai.

Yang Amat Berbahagia Tun, sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan maklum, merupakan seorang tokoh yang dapat dikatakan "shy" dan "retiring" yang tidak begitu gemar dengan sambutan yang meriah baginya. Malahan ketika beliau meletakkan jawatan beliau telah cuba mengelak daripada keadaan di mana semua pihak bertalu-talu mengadakan majlis-majlis perpisahan dan penghormatan baginya. Itulah sebabnya Majlis kita telah ditangguhkan, iaitu supaya Tun mendapat rehat yang cukup sebelum Majlis ini diadakan.

Menghormati pendapat Yang Amat Berbahagia Tun Hussein sendiri, kita telah cuba tidak mengganggu beliau semasa beliau bersara. Kita sedar bahawa persaraannya disebabkan bukan sahaja oleh kesihatannya yang terganggu tetapi juga kerana beban kerja sebagai Perdana Menteri adalah berat. Adalah wajar bagi beliau berehat secukup-cukupnya supaya dapat memulihkan semula tenaga dan kesihatannya.

Tetapi sebagai seorang doktor saya membuat diagnosis dari jauh bahawa Tun sudah pun pulih dan beliau telah pun mendapat rehat yang cukup. Oleh itu saya berpendapat bahawa adalah elok sekali jika Tun bergiat semula dan memberi khidmatnya kepada masyarakat. Negara kita pesat membangun. Masyarakat masih memerlukan tenaga dan fikiran Tun. Malangnya kita tidak mempunyai begitu ramai orang-orang yang berpengalaman dalam urusan pentadbiran dan pemikiran. Dalam keadaan ini, percebunan Tun sekali lagi di dalam "public service" amatlah dialu-alukan jika Tun bersetuju. Saya telah pun membuat cadangan ini kepada Tun dan saya harap Yang Amat Berbahagia Tun bersetuju dengan syor saya itu. Tujuannya bukanlah untuk membebankan Tun dengan kerja sehingga mengganggu kesihatan. Saya yakin bahawa kerja dapat disusun supaya tidak terlalu berat tetapi sebaliknya masih berkesan. Saya berharap Yang Amat Berbahagia Tun sudi menimbang cadangan yang telah dibuat oleh saya. Sekali lagi sebagai doktor saya tahu bahawa orang yang biasa bekerja, seperti Tun Hussein telah bekerja akan berasa terganggu dan tidak senang jika tidak ada kerja harian yang hendak dibuat.

Di antara hadirin pada malam ini terdapat ramai sahabat taulan yang erat kepada Yang Amat Berbahagia Tun. Saya yakin bahawa kehadiran mereka serta kehadiran wakil semua lapisan Parti dan juga wakil-wakil parti-parti komponen Barisan Nasional akan mengingatkan kembali Tun kepada kenangan-kenangan manis di dalam perjuangan dan khidmat beliau.

Majlis kita pada malam ini bukan sahaja dihadiri oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang memegang jawatan di dalam parti ataupun Kerajaan di waktu kini atau di masa-masa yang lepas. Yang lebih penting, pada malam ini setiap Bahagian UMNO diwakili oleh beberapa orang ahli. Ini bukan sahaja sebagai tanda penghormatan dan sanjungan keseluruhan Parti kepada Yang Amat Berbahagia Tun tetapi juga sebagai tanda perpaduan Parti. UMNO berkesan kerana perpaduan dan kerana hormat dan taat yang ditunjuk oleh semua ahli-ahlinya kepada kepimpinan sama ada kepimpinan lama mahupun yang baru.

Yang Amat Berbahagia Tun telah melalui berbagai-bagai liku hidup dan rintangan di dalam politik negara. Ketika beliau meletakkan jawatan berbagai liputan telah dibuat mengenai sejarah hidup dan sumbangan beliau. Walaupun demikian masih banyak yang belum pernah di perkatakan. Saya yakin semuanya akan dirakam dan diperkenalkan dalam tulisan sejarah negara. Tetapi buat malam ini yang ingin saya sebutkan sebagai tanda kasih-sayang dan penghargaan ialah jasa-jasa dan sumbangan-sumbangan Yang Amat Berbahagia Tun kepada Parti dan negara. Kita akan sentiasa mengingati Tun sebagai seorang negarawan yang jaguh dalam mendokong dan memegang kuat kepada prinsip. Oleh kerana pegangan inilah maka Parti telah dapat mengatasi segala krisis Parti dan Kerajaan yang berlaku semasa Tun memimpinya. Bahawa pegangan kepada prinsip ini dihormati oleh rakyat menjadi nyata apabila dalam Pilihanraya 1978 Barisan Nasional telah mencapai kemenangan yang luar biasa. Sebenarnya selain dari kemenangan Parti Perikatan dalam pilihanraya pertama pada tahun 1955, kemenangan pada tahun 1978 di bawah kepimpinan Tun Hussein ialah yang terbaik sekali bagi Barisan Nasional yang mewarisi tempat Perikatan.

Kita meraikan Tun Hussein malam ini terutamanya kerana penglibatan beliau dengan UMNO, iaitu satu penglibatan politik yang begitu lama. Tun Hussein menyertai UMNO di waktu ianya ditubuhkan, iaitu di waktu ayahnya, Allahyarham Dato' Onn giat menubuh UMNO dalam tahun 1946. Walaupun hari ini kita meraikan Tun Hussein kita tidak lupa jasa ayahnya, Allahyarham Dato' Onn Jaafar kepada UMNO dan kepada negara. Penggembleran semangat dan tenaga Melayu telah diasaskan oleh Allahyarham Dato' Onn. Semangat ini jugalah yang dipupuk oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra sehingga tercapainya Kemerdekaan bagi kita.

Kita tidak syak bahawa penglibatan Tun Hussein dengan politik dan UMNO pada mula-mulanya adalah didorong oleh Allahyarham Dato' Onn. Kemudian Dato' Onn dan Tun Hussein telah terpisah dari UMNO. Tetapi kita bernasib baik kerana kemudiannya Allahyarham Tun Razak telah berjaya memujuk Tun Hussein supaya balik kepada UMNO.

Ini semuanya adalah sejarah, sejarah bagi Tun Hussein, sejarah bagi UMNO dan sejarah bagi Malaysia. Kita kenangkan sejarah kerana kita harus tahu dari mana kita datang untuk mengetahui ke arah mana kita akan tuju. Dalam sejarah UMNO memang ada pergolakan kerana pertukaran pemimpin tetapi umumnya tabiat UMNO ialah merapatkan semula barisan setelah pemilihan dibuat. Peralihan kepimpinan selepas kehilangan Allahyarham Tun Razak berjalan secara tradisi tetapi memang berlaku pergolakan yang besar selepas itu. Walaupun demikian UMNO terus kuat dan tidak berpecah seperti yang ditakuti. Kepimpinan Tun Hussein pada ketika itu adalah kritikal tetapi kepimpinannya dapat mengatasi ancaman yang dihadapi oleh UMNO. UMNO bukan sahaja selamat daripada bahaya perpecahan tetapi menjadi lebih kukuh sehingga tercapai kemenangan yang luar biasa dalam tahun 1978.

Sebagai Timbalan, iaitu "subordinate" yang pertama kepada Yang Amat Berbahagia Tun Hussein saya ingin sebutkan sedikit di sini tentang pengalaman saya. Yang pertama ialah tentang pegangan kepada keadilan atau "sense of fairness" yang ada pada beliau yang tidak dapat menerima apa-apa pemilihan yang berasaskan kepada "pilih-kasih". Walaupun saya kenal Kapten Hussein dari jauh semasa beliau menjadi Ketua Pemuda UMNO dalam tahun 1947 atau 1948, namun demikian saya tidak pernah berdamping rapat dengan beliau. Tetapi beliau sanggup membuat pilihan Timbalan Perdana Menteri dengan tidak mengambil kira perhubungan yang biasanya boleh mempengaruhi pemilihan seperti itu. Saya bernasib baik kerana adanya sifat ini kepada Tun Hussein. Kita tahu ramai yang mengancam amalan pilih kasih, tetapi jika terdapat peluang, semua akan mengambil kesempatan dari pertalian kekeluargaan atau persahabatan.

Bekerja dengan Tun Hussein adalah mudah kerana umumnya beliau tidak suka campurtangan dalam urusan "subordinate" beliau. Tiap-tiap seorang yang dipilih untuk apa-apa jawatan dikehendaki merancang dan menjalankan tugas secara tersendiri. Cuma jika ada masalah baharulah dikehendaki merujuk kepada beliau. Cara ini mungkin tidak digemari oleh orang-orang yang suka bergantung kepada "superior," tetapi bagi saya, cara ini adalah amat sesuai untuk bekerja. Namun

demikian jika ada panduan yang diperlukan saya mudah sahaja mendapatnya dari "boss". Jika "boss" jemput untuk berbincang di rumah, saya tahu saya akan dapat dua perkara satu makanan yang lazat dan perbincangan cuma akan tamat pada jam 1.30 pagi.

Sesiapa yang bekerja dengan Tun Hussein tentu sedar tentang sikap beliau yang memberi kebebasan yang penuh kepada kakitangan. Jika ada kakitangan yang tidak begitu senang dengan cara ini, kesalahan adalah pada diri mereka sendiri kerana ujian yang terbaik sekali ialah ujian melalui pengalaman. Bagi saya sepanjang masa saya berkhidmat di bawah Tun Hussein adalah satu pengalaman yang amat berguna kerana beliau memberi kebebasan bertindak atau "free-hand" kepada saya dalam menyelesaikan urusan yang telah dipertanggungjawabkan kepada saya. Walaupun ini bukanlah majlis saya, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih saya kepada Yang Amat Berbahagia Tun Hussein kerana panduan dan pimpinannya kepada saya.

Majlis pada malam ini, selain daripada merakamkan penghargaan terhadap jasa-jasa dan sumbangan Yang Amat Berbahagia Tun Hussein, juga menjadi simbol perpaduan dalam UMNO dan dalam Barisan Nasional. Ketika kita berada bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin yang membawa negara kita melalui liku-liku sejarah hinggalah ke hari ini kita dapat menginsafi bagaimana pentingnya faktor perpaduan di dalam apa jua kejayaan dan pencapaian kita setakat ini. Kita juga harus menginsafi bagaimana masalah memelihara perpaduan di dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti kita adalah sama seperti menatang minyak yang penuh.

Soal perpaduan akan terus menjadi faktor utama bagi masa depan kita. Pada malam ini, dengan kehadiran Yang Amat Berbahagia Tun yang sering kali menegaskan kepentingan perpaduan, kita harus menjadikan malam perpisahan ini sebagai Majlis untuk mengingati semula amanah-amanah Yang Amat Berbahagia Tun mengenai perpaduan.

Perpaduan yang menjadi hasrat dan matlamat kita hanya boleh dicapai dengan usaha dan keinsafan di kalangan semua golongan dan lapisan masyarakat. Dalam usaha kita mengukuhkan perpaduan kita harus ingat kita mempunyai musuh yang sentiasa mencari jalan untuk memecah-belahkan kita. Musuh kita ini tidak jemu mencari isu yang boleh timbul salah faham antara kita sesama sendiri. Jika kita latah, terutama jika melatah di khalayak ramai maka isu yang mudah diselesaikan akan menjadi begitu "rigid" kerana pendirian masing-masing sudah diketahui umum sehingga tak mungkin penyelesaian dapat dibuat. Yang Amat Berbahagia Tun yang terkenal sebagai seorang yang tidak mudah latah dan selalu mengambil masa yang panjang untuk meneliti sesuatu isu itu dengan sehalus-halusnya sepatutnyalah menjadi contoh kepada kita semua. Kejayaan Tun Hussein sebagai pemimpin Barisan Nasional ialah kerana beliau selalu tenang atau selalu "keep his cool" dalam semua peristiwa. Akhirnya dengan pengertian yang mendalam beliau dapat memberi keputusan yang boleh diterima oleh semua pihak. Saya rujukkan sifat ini bukan sahaja kepada UMNO tetapi juga kepada parti-parti yang lain di dalam Barisan Nasional. Janganlah kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Majlis ini telah dianjurkan dengan usaha dan kerjasama berbagai pihak dan orang-orang perseorangan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Majlis ini, terutama sekali Pengerusinya Yang Berhormat Dato' Mohamed Rahmat, yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan Majlis ini. Saya harap Majlis yang tidak seperti ini akan mencapai tujuannya sebagai rakaman penghormatan dan penghargaan terhadap jasa dan sumbangan Yang Amat Berbahagia Tun.

Saya bagi pihak Majlis Tertinggi UMNO dan sekalian ahli UMNO mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, bekas Presiden UMNO, di atas segala jasa beliau kepada Parti dan negara. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berpisah dan selamat bersara kepada Yang Amat Berbahagia Tun.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PEMBUKAAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC
DI BANGUNAN RISDA, KUALA LUMPUR
3HB. JULAI, 1982

Saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Samy Vellu dan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat MIC yang telah menjemput saya ke Majlis Perasmian Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-30 ini. Sebagai Pengerusi Barisan Nasional, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk mengikut dan meneliti perkembangan setiap parti komponen Barisan Nasional dan sesuatu perhimpunan agung sesebuah parti komponen adalah peristiwa yang penting yang dapat menambah pengetahuan saya mengenai politik dan kemajuan Barisan Nasional.

Saya telah berpeluang berucap di Majlis yang sama pada tahun lalu, iaitu buat kali pertama setelah saya memegang jawatan Pengerusi Barisan Nasional. Dalam ucapan saya itu saya telah menyentuh tentang peranan dan tanggungjawab parti-parti komponen Barisan Nasional, khususnya mengenai MIC dan masyarakat India, dan mengenai pelaksanaan dasar-dasar negara setelah saya memegang teraju pentadbiran negara. Pada kali ini, setelah Barisan Nasional memenangi Pilihanraya Umum 1982, biarlah saya khususnya ucapan saya kepada tanggungjawab kita setelah diberi mandat oleh rakyat.

Pilihanraya Umum yang lalu telah membawa kejayaan yang membanggakan bagi Barisan Nasional. Rakyat sekali lagi telah memberi mandat yang besar kepada Barisan Nasional untuk mentadbir negara. Kemenangan yang kita capai itu, tidak lain dan tidak bukan, hanya memberi erti bahawa kita mesti bekerja lebih keras lagi untuk menunaikan segala janji-janji yang telah kita buat. Pelaksanaan janji-janji kita itu terletak di bahu setiap ahli serta penyokong parti-parti komponen Barisan Nasional, tidak kira sama ada seseorang itu memegang jawatan di dalam Kerajaan, ataupun sebaliknya.

Rakyat telah menentukan bahawa mereka mahukan Kerajaan bersih, Kerajaan cekap dan Kerajaan amanah. Dengan lain-lain perkataan, rakyat mahukan sebaik-baik Kerajaan yang dapat melaksanakan dasar-dasar negara dengan tegas dan berani; rakyat mahukan perkhidmatan yang baik, mesra dan segera; rakyat mahukan kehidupan yang lebih sempurna dengan Kerajaan melaksanakan segala sesuatu dengan bijak, adil, dan cekap. Ini bermakna bermula dari Menteri, hinggalah kepada pegawai yang paling rendah di dalam Kerajaan, mestilah berusaha - dan saya ulangi, mestilah berusaha untuk melaksanakan segala yang telah kita janjikan. Hasrat untuk

menunaikan janji-janji kita itu hendaklah lahir dari keinginan untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara, dan bukan kerana mahu dipuji, mahu dikenali ataupun kerana mahu mendapat tempat-tempat yang tertentu sahaja.

Segala-galanya yang dijanjikan tidak mungkin terlaksana jika Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri, pegawai-pegawai kanan dan semua kakitangan Kerajaan tidak berusaha, tidak berfikir dan tidak bertindak untuk membawa kejayaan. Demikian pula, segala-galanya sukar dilaksanakan, jika ahli-ahli parti dan penyokong-penyokong parti bermain politik untuk mencari pengaruh dan nama, dan menganggap Kerajaan sebagai penjaga kepentingann mereka yang berpengaruh sahaja, dan boleh dilentur-lenturkan, bagi menjaga kepentingan mereka. Demikian juga, hasrat kita itu tidak mudah menjadi kejayaan jika rakyat tidak bersama-sama berganding bahu, memberi sokongan dan kerjasama bagi menjayakannya. Kita tidak boleh membiarkan sifat-sifat keji untuk mencari keuntungan daripada jawatan dan memperalatkan Kerajaan kerana muslihat diri dan peribadi untuk menjejaskan hasrat dan cita-cita murni kita.

Sekarang, setelah kita mendapat mandat, tidak kira Menteri atau pegawai, mestilah mengenalpasti semua masalah dari dekat dan dengan terperinci dan seterusnya menggunakan akal fikiran serta tenaga bagi mengatasi masalah-masalah yang wujud dalam mencapai hasrat Kerajaan bersih, cekap dan amanah. Seseorang tidak akan dapat mengenalpasti masalah jika ia sentiasa berada di dalam bilik pejabat, kalau ia cuma pentingkan kedudukannya sebagai VIP dan hanya menggunakan khidmat keutamaan, iaitu tidak sanggup menggunakan khidmat yang digunakan oleh rakyat biasa dan dengan cara yang dibuat oleh rakyat biasa. Maksudnya, kita tidak akan dapat mengatasi masalah sekiranya kita mengasingkan diri daripada sistem yang dilaksanakan bagi orang ramai walaupun kita dengan lantang mengeluarkan slogan-slogan memperjuangkan nasib rakyat. Kita mahukan sistem yang terbaik yang dapat memberi khidmat yang terbaik bukan sahaja kepada orang-orang kenamaan malahan bagi keseluruhan rakyat. Dengan lain-lain perkataan, sesiapa juga bertindak untuk mewujudkan sistem yang mereka sendiri tidak mungkin puas hati dengannya, adalah musuh kepada Kerajaan bersih, cekap dan amanah.

Saya menyentuh Kerajaan bersih, cekap dan amanah di sini kerana ia harus diketahui dengan sejelas-jelasnya oleh semua pihak, dan oleh itu, ia perlulah diulang sehingga menjadi sebahagian dari nilai hidup kita. Kadang-kadang, sesuatu sistem menjadi rosak kerana ada pihak yang tidak menggunakan sistem yang wujud dengan betul, malah mereka inginkan sistem berikut memberi keutamaan kepada mereka; apa yang terjadi kepada orang lain adalah masalah orang lain. Ini seringkali terjadi apabila setengah-setengah individu yang berpangkat, ternama, dan penyokong parti menganggap diri mereka sebagai terkecuali daripada peraturan dan tata-cara yang ada hinggalah pegawai-pegawai yang bertugas merasa begitu angkuh dengan kedudukan mereka hingga sanggup melakukan sesuatu yang melanggar peraturan seperti peraturan jalanraya dan lalulintas. Jika peraturan menentukan ukuran-ukuran tertentu dan jenis-jenis tertentu bagi nombor kereta, misalnya, ada yang merasa mereka dikecualikan, dan yang menjadi lebih aneh ialah cara penguatkuasaan pun menjadi kelam-kabut. Sepatutnya, semua pihak memberi kerjasama bagi memudahkan pelak-

sanaan Kerajaan bersih, cekap dan amanah. Dan sepatutnya, semua pihak merasa bangga kerana dapat membuat sumbangan kepadanya.

Di antara perkara-perkara yang penting yang perlu diamalkan ialah menjamin sistem yang baik, cara bekerja yang bertanggungjawab serta jujur, penjimatan dan jaminan mutu khidmat dan hasil kerja yang tinggi. Itulah sebabnya kita memberi keutamaan kepada usaha-usaha yang dapat meningkatkan daya pengeluaran ataupun "productivity". Berhubung dengan usaha-usaha ini juga, kita mahukan seluruh sistem Kerajaan memberi keutamaan kepada penjimatan di dalam semua bidang kerja kerana pembaziran, sama ada dari segi perbelanjaan, penggunaan alat-peralatan, tenaga dan lain-lain, hanyalah bererti kita membuang wang dan tenaga dengan sia-sia. Kita mahukan usaha dan amalan yang baik menjadi cara hidup kita iaitu selaras dengan satu bangsa yang mulia.

Di samping itu, kita juga pentingkan mutu dan hasil usaha kita. Di dalam dunia serba moden ini, jika kita hanya sanggup mengeluarkan sesuatu - sama ada perkhidmatan ataupun barang buatan - tanpa memberi keutamaan kepada mutu yang tinggi, kita tidak dapat berbanding dengan orang lain. Itulah sebabnya kita mahukan daya pengeluaran yang tinggi, kita mahukan hasil kerja yang bermutu tinggi, dan kita tidak mahu apa-apa jua pembaziran.

Bagi mencapai semua ini, kita perlukan sikap positif - iaitu satu sikap yang menjadi disiplin baru bagi rakyat Malaysia, tidak kira warna kulit dan kepercayaan. Jika perubahan sikap ini tercapai oleh setiap rakyat, Malaysia akan merasai satu kebahagiaan yang tidak pernah dialaminya sebelum ini, dan ini akan menjadi jaminan jangka panjang bagi generasi demi generasi yang akan datang.

Salah satu faktor yang akan menjadi penggerak kepada usaha kita ini ialah keyakinan rakyat, bahawa tanpa melalui cara-cara ini kita mungkin gagal di tengah jalan dan kita mungkin menjadi hancur, dan dengan itu, kita mesti mengubah sikap kita walaupun ada mereka yang ingin mengelirukan kita dengan politik sempit dan politik memancing undi. Inilah satu perkara yang setiap parti komponen Barisan Nasional dan setiap rakyat harus memberi pertimbangan, dan pengorbanan yang paling mulia ialah pengorbanan bagi menjamin masa depan negara yang kita sayangi ini.

Saya yakin MIC, sebagai rakan di dalam Barisan Nasional, akan bersama-sama meningkatkan keupayaannya bagi menjamin terlaksananya segala janji-janji kita kepada rakyat dan negara. Sebagai parti komponen di dalam Barisan Nasional kepuasan bagi kita tidak lain hanyalah kerana kesanggupan dan kejujuran kita untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.

Dengan pesanan ini, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-30 ini.

UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-33
DI KUALA LUMPUR
IOHB. SEPTEMBER, 1982

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah Skurnia dan izinNya, dapat saya berhadapan dengan saudara-saudari sekalian di majlis yang bahagia ini untuk menyampaikan ucapan dasar sebagai Presiden parti. Inilah kali pertama saya menunaikan kewajipan ini sebagai Presiden UMNO, setelah saya diberi kepercayaan untuk memimpin parti oleh perhimpunan agung tahun lalu, apabila Presiden yang kita sayangi, Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, atas sebab-sebab kesihatan, terpaksa mengundurkan diri dari memimpin parti.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran saudara-saudari para perwakilan serta pemerhati sekalian, yang telah datang dari jauh dan dekat, untuk menghadiri mesyuarat kita yang penting ini. Sebagaimana kita sekalian maklum, Perhimpunan Agung UMNO adalah satu peristiwa yang amat penting. Selain dari kepentingannya kepada kita ahli-ahli parti sekalian, Perhimpunan Agung kita juga menarik minat dan perhatian, bukan sahaja dari peminat-peminat politik dan rakyat di negara ini, malahan ia menjadi tumpuan perhatian berbagai pihak di luar negeri. Minat yang khusus terhadap Perhimpunan Agung UMNO ini adalah kerana UMNO merupakan parti penentu di dalam perkembangan politik kita. Perubahan pucuk pimpinan, perubahan pendirian dan dasar di dalam UMNO membawa kesan yang mendalam yang melibat dan menarik perhatian semua pihak.

Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu begitu menarik perhatian sekali kerana ia menandakan detik perubahan pucuk pimpinan di dalam UMNO. Hari ini, kami berdiri di hadapan saudara-saudari sekalian dengan beban amanah yang telah diserahkan kepada kami. Tentulah kali ini yang menjadi tanda-tanya masing-masing ialah prestasi kepimpinan yang telah diberi kepercayaan setahun lalu itu.

Kali ini, setelah peralihan pucuk pimpinan parti berlaku dengan licin, Perhimpunan Pemuda dan Wanita pula telah melaksanakan tanggungjawab mereka untuk meneruskan tradisi demokrasi kita sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Parti dengan pemilihan pucuk pimpinannya masing-masing. Alhamdulillah, semuanya telah berjalan dengan beres dan penentuan telahpun dibuat oleh masing-masing para perwakilan. Kepada Saudara Anwar Ibrahim yang telah memenangi jawatan Ketua Pemuda, dan Datin Paduka Hajah Aishah Ghani yang telah memenangi jawatan Ketua Wanita, serta mereka yang lain yang telah memenangi jawatan masing-masing, saya bagi pihak Parti keseluruhannya, mengucapkan syabas dan setinggi-

tinggi tahniah. Kepada yang menang dan juga yang tewas, ingatlah bahawa menang dan tewas itu ialah persepsi dari sudut individu, tetapi dari sudut prinsip perjuangan parti, tidak ada yang tewas; yang tewas juga menang, kerana perjuangan kita ialah perjuangan yang satu, iaitu perjuangan untuk mengukuhkan UMNO supaya UMNO dapat memainkan peranannya sebagai parti yang memelihara dan mendukung kepentingan bangsa, agama dan negara. Tidak sekali-kali harus kita lupa bahawa tujuan pertandingan dan amalan demokrasi adalah proses untuk mengukuhkan parti, bukan pertarungan untuk mencari juara. Setiap ahli UMNO yang mendukung cita-cita dan perjuangan parti serta prinsip-prinsip demokrasi kita, tidak kira jawatannya, adalah juara.

Bagi saya, Perhimpunan Agung kita ini bukan sahaja penting dari beberapa sudut yang saya telah sebutkan itu sahaja. Perhimpunan kita ini juga penting kerana kita UMNO dan Barisan Nasional baharu sahaja menang Pilihanraya Umum 1982. Ia adalah peluang yang istimewa bagi kita untuk bersama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas rahmat dan penentuanNya mengurniakan kemenangan kepada kita. Bagi pihak Majlis Tertinggi, dan Parti amnya, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka yang telah bekerja keras untuk membawa kejayaan kepada UMNO dan Barisan Nasional di dalam Pilihanraya yang lalu. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah, dan selamat menjalankan tugas dengan bersih, cekap dan amanah kepada semua calon-calon kita yang telah menang. Kepada pengundi sekalian, saya juga menyampaikan setinggi-tinggi terima kasih di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada UMNO dan Barisan Nasional. Semoga Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Mengetahui atas segala sesuatu akan memandu kita dalam menunaikan tanggungjawab dan janji-janji kita demi kepentingan bangsa, agama, dan negara.

Pilihanraya adalah ujian. Ia adalah ujian terhadap perpaduan, semangat perjuangan dan kerjasama serta kematangan parti, pemimpin dan juga ahli-ahli sekalian. Ujian ini mendedahkan kekuatan dan kelemahan kita. Kita bukan sahaja harus menerima dengan insaf dan objektif hakikat kekuatan dan kelemahan kita, malahan bertindak memelihara dan meningkatkan lagi kekuatan dan mengikis kelemahan kita. Inilah yang akan menjamin keutuhan UMNO.

Syukur Alhamdulillah Barisan Nasional telah menang Pilihanraya 1982 dengan cemerlang. UMNO, sebagai salah sebuah parti komponen Barisan Nasional, telah memenangi sebilangan besar dari kerusi-kerusi yang diperuntukkan kepadanya. Di negeri-negeri tertentu, UMNO telah dapat merebut balik beberapa kerusi yang dimiliki oleh parti lawan. Di Perak, buat pertama kalinya, UMNO telah menang semua kerusi yang ditandinginya. Di Johor, Barisan Nasional telah mencapai kejayaan seratus peratus. Kawasan-kawasan di bandar-bandar pula yang tidak pernah dimenangi oleh parti-parti Barisan Nasional, kali ini diperolehi oleh Barisan Nasional melalui parti-parti rakan UMNO.

Barisan Nasional pada amnya dan UMNO khususnya, bolehlah berbangga dengan prestasi yang dicapai dalam Pilihanraya yang lepas. Tetapi, kemenangan ini dicapai bukan sepenuhnya kerana perpaduan dan kedewasaan UMNO. Terdapat tindak-tan-

duk dan sikap di kalangan beberapa orang ahli UMNO yang membuktikan masih ada fahaman yang kolot mempengaruhi beberapa orang yang kecewa kerana tidak mendapat sesuatu untuk diri sendiri.

Adanya tindak-tanduk dan sikap yang tidak diinginkan ini lebih mendukacitakan lagi kerana orang-orang ini telah mendapat nikmat yang banyak dari ketaatan orang lain dahulu. Beberapa orang daripada mereka ini terdiri dari bekas wakil rakyat. Mereka berjaya menjadi wakil rakyat dahulu kerana di waktu mereka dicalonkan semua ahli-ahli UMNO dan kepimpinan UMNO tempatan dan pusat telah bekerja bertungkus-lumus untuk mendapat kemenangan bagi mereka. Di antara yang bekerja ialah orang-orang yang dicalonkan kali ini. Tetapi apabila orang-orang ini dicalonkan, bekas wakil rakyat itu tidak mahu menolong dan ada yang disyaki membantu pihak yang menentang UMNO. Inilah balasan mereka kepada orang yang memberi kejayaan kepada mereka dahulu.

Ada pula orang yang berminat untuk menjadi calon, tetapi tidak dipilih, yang melakukan perbuatan yang sama. Kerana mereka tidak dipilih mereka cuba menarik sekumpulan daripada ahli-ahli UMNO untuk tidak bekerjasama bagi menjamin kemenangan calon UMNO. Mereka tidak memikir jika mereka dicalonkan dan orang lain melakukan demikian kepada mereka, mereka tentu akan merasa kecewa.

Dalam UMNO tidak ada sesiapa lebih berhak dari yang lain. Jawatan-jawatan yang dipegang oleh orang-orang tertentu, sama ada dalam parti atau dalam Kerajaan, adalah amanah sementara untuk kepentingan parti, kepentingan bangsa, agama dan negara. Perbuatan mementingkan diri, walaupun benar dirinya adalah lebih layak, cuma akan melemahkan parti dan melemahkan perjuangan. Walau bagaimana baik sekalipun seseorang, walau bagaimana cekap dan bijak seseorang, dalam apa jua sistem politik dianya seorang diri tidak akan berkesan. Yang memberi kesan kepadanya sebagai pemimpin ialah kemenangan partinya terutama apabila partinya menjadi parti yang memerintah. Dengan perkataan lain, parti yang memberi makna kepada pemilihan wakil rakyat, calon wakil rakyat, dengan seorang diri dan terasing, bukanlah calon yang sebenar tetapi adalah semata-mata oportunist yang mencari kesempatan untuk diri sendiri. Penyokong-penyokong orang ini adalah orang-orang yang tertipu - atau dalam slang Inggeris 'suckers.'

Dalam UMNO tidak ada tempat bagi orang yang mengutamakan diri sendiri, yang tidak mahu turut kehendak parti melalui Perlembagaan yang mewujudkan parti. Jika pemimpin parti salah, ada cara dan masanya untuk membetul atau mengubah kepimpinan. Jika peruntukan dalam Perlembagaan salah, ada masa dan caranya untuk meminda Perlembagaan. Tetapi orang yang menyatakan kepimpinan atau peruntukan Perlembagaan salah, cuma ketika dirinya tidak mendapat sesuatu yang diidami, orang ini adalah oportunist, yang sanggup menerima kesalahan pemimpin jika dirinya untung, dan cuma nampak kesalahan kepimpinan bila dirinya rugi.

Dalam Pilihanraya yang lepas memang terdapat oportunist seperti ini. Tetapi, kita menang juga. Apa yang saya perkatakan ini bukan ditujukan semata-mata kepa-

da mereka yang telah menjadi oportunist, tetapi juga kepada oportunist yang akan datang. Kita akan menghadapi pilihanraya lagi di masa hadapan. Saya dan parti berharap peristiwa-peristiwa yang telah saya jelaskan ini tidak akan berlaku lagi.

UMNO kuat dan kukuh kerana adanya perpaduan di kalangan ahli-ahlinya. Perpaduan wujud kerana matlamat - iaitu matlamat untuk menebus maruah orang Melayu dan orang Islam lain di negara ini. Untuk mencapai matlamat yang mulia ini susunan kepimpinan dan cara-cara bertindak mestilah diadakan. Sementara perpaduan adalah penting, tidak kurang pentingnya ialah kepimpinan yang berkesan dan cara-cara bergerak yang tertib. Angkatan tentera yang terbesar sekalipun tidak akan berjaya semata-mata kerana saiznya. Hanya dengan adanya kepimpinan yang berkesan, dan taktik serta strategi yang tertib sahaja, yang akan menentukan kejayaan. Begitu jugalah dengan pertubuhan politik.

Jika arahan dan susunan kerja dibelakangkan dalam UMNO, dan ahli-ahli bertindak bersendirian mengikut pendapat diri sendiri, UMNO sebagai parti tidak akan wujud dan bergerak maju. Kepimpinan UMNO pula tidak akan dihormati oleh sesiapa. Pendek kata, UMNO, sebagai parti politik nasional, akan hancur. Matlamat UMNO tidak akan tercapai dan perjuangan untuk orang Melayu dan orang Islam akan gagal. Akhirnya, Malaysia sebagai sebuah negara akan menjadi lemah. Mungkin komunis dalam negeri akan menguasai Kerajaan, atau Malaysia akan sekali lagi, dan buat selamalamanya, dijajah secara langsung, atau tidak langsung, oleh kuasa asing.

UMNO bukanlah sebarang parti. UMNO adalah parti pemerintah, parti yang benar-benar boleh menjayakan perjuangan orang Islam Melayu. UMNO telah menjadi parti yang memelihara dan melindungi bangsa Malaysia dan negara Malaysia. Tidak ada tempat dalam UMNO bagi orang yang berpandangan cetek, yang cuma memikirkan tentang kepentingan dirinya sahaja. Jika UMNO berjaya hingga kini, ini ialah oleh kerana disiplin yang terdapat di dalamnya, dan susunan hierarki kuasa yang tertib dan teratur. Janganlah kerana tamak beberapa orang pemimpin segalagala yang dipupuk dan dibina selama 36 tahun ini dimusnahkan. Janganlah kerana tamak orang ini, orang Melayu, orang Islam, bangsa Malaysia dan negara Malaysia dihancurkan.

Perjuangan UMNO selama 36 tahun - perjuangan menyatukan bangsa Melayu, mematahkan gagasan Malayan Union, menuntut dan mencapai kemerdekaan, menjamin dan melindungi kepentingan Melayu, agama Islam dan negara, dan seterusnya sebagai teras parti komponen yang memerintah, tidak dapat dinafikan, adalah rekod yang cemerlang.

Perayaan Jubli Perak Kemerdekaan sepuluh hari yang lalu mengingatkan kita kembali kepada perjuangan kita, cabaran-cabaran dan masa-masa genting yang kita lalui serta kemajuan-kemajuan yang kita capai. Sebagai parti yang memegang amanah bangsa, sejarah 25 tahun pertama kita sebagai negara merdeka hanyalah satu detik yang pendek dalam sejarah negara. Esok, lusa, dan tahun demi tahun, kita bertanggungjawab untuk memikul beban amanah terhadap maruah bangsa, agama dan negara.

Kita tidak boleh lemah, dan kita tidak boleh cuai. Perjuangan ini adalah perjuangan yang tidak ada hujung; setiap detik adalah permulaan dan setiap permulaan harus kita lalui dengan semangat yang gigih dan dengan langkah yang teliti dan tegas. Perjuangan kita memerlukan satu semangat, satu suara dan satu tindakan bagi menjamin hasil yang berkesan.

Setelah berjuang sekian lama, kita mestilah sedar bahawa dengan masa yang berlalu dan dunia yang berubah, kita juga berubah. Kita harus melihat perspektif kemerdekaan kita, kejayaan dan pencapaian, serta kelemahan dan kegagalan kita dari sudut pengkritik diri yang jujur dan dewasa. Walaupun sesudah 25 tahun merdeka, kita tidak boleh leka dan bersenang-senang. Insafilah bahawa perjuangan kita untuk mengisi kemerdekaan, untuk menebus maruah dan kehormatan bangsa dan agama masih lagi di peringkat permulaan. Kita perlukan usaha yang berlipat-ganda bagi membawa agama, bangsa dan negara ke tahap yang lebih kukuh lagi bagi menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan generasi-generasi yang akan datang.

Asas kebahagiaan negara ialah perpaduan, keadilan, keharmonian, kemakmuran, kesejahteraan dan kestabilan. Maruah dan kehormatan tidak bergantung kepada satu unsur sahaja. Semua asas-asas ini, adalah berkait dan semuanya tidak mudah dicapai kecuali dengan tindakan tegas dan berani, dengan pengorbanan dan sumbangan fikiran dan tenaga.

Hari ini, kita sebagai anggota masyarakat dunia, menghadapi berbagai cabaran. Di negara kita, ancaman komunis masih wujud, anasir yang ingin memecah-belahkan rakyat dan menghancurkan negara masih ada, inflasi masih belum reda, harga barangan mentah kita belum pulih dan stabil, eksport negara telah merosot. Kita perlu berjimat dan mengatur perbelanjaan negara dengan lebih kemas.

Di peringkat antarabangsa, kemelesetan ekonomi masih berterusan. Sebagai negara membangun yang kecil, walaupun kita mempunyai sumber-sumber kekayaan dan kita tidak terdedah kepada malapetaka yang sering melanda banyak negara, kita tidak dapat mengelakkan diri dari kesan-kesan ekonomi dunia yang meleset. Negara-negara maju masih mengamalkan strategi konfrontasi di sebalik diplomasi kerjasama. Banyak masa yang terbuang dengan bercakap dan resolusi yang tidak ke mana-mana. Keamanan dan kehidupan selesa masih jauh dari umat manusia. Dalam dunia Islam, pertumpahan darah dan perselisihan masih memecahkan umat Islam. Kita dihina dan dipermainkan. Kuasa-kuasa besar masih bertelagah, masih memperalatkan negara lemah dalam peperangan proksi mereka, dan mencabul maruah dan kehormatan kita. Ketika manusia begitu maju dalam ilmu pengetahuan, cengkaman nilai-nilai primitif masih menguasai politik antarabangsa sehingga kemanusiaan tidak mempunyai makna.

Dalam suasana yang penuh cabaran ini, yang ada pada kita ialah kemungkinan meningkatkan ketahanan, kemampuan dan keupayaan kita dalam semua bidang supaya kita tidak dapat diperdaya dan dibuat sesuka hati oleh orang lain. Kita mesti membetulkan pendirian dan sikap kita, dan kita mesti menyusun strategi bertindak kita, dan kita mesti bertindak bagi menebus maruah bangsa, agama dan negara sepenuhnya.

Sejak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 masyarakat Melayu dan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu telah melalui berbagai-bagai perubahan. Malayan Union telah diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu di bawah takluk British, kemudian Persekutuan ini telah mencapai kemerdekaan dan selepas itu telah bercantum dengan Singapura, Sarawak dan British North Borneo menjadi Malaysia. Singapura telah keluar pada tahun 1965, dan sekarang ini Malaysia mengandungi negeri-negeri di Semenanjung bersama dengan Sarawak dan Sabah.

Sementara itu masyarakat Malaysia pula berubah corak. Pemisahan antara kaum dalam bidang ekonomi dan penempatan yang dipupuk oleh British dahulu sudah beransur-ansur kurang. Perubahan yang ketara sekali ialah penyertaan bumiputera, terutamanya orang-orang Melayu, dalam kegiatan ekonomi negara. Walaupun politik masih memainkan peranan yang besar dalam menentukan nasib dan haluan yang dituju oleh negara, peranan kegiatan ekonomi sudah menjadi semakin penting. Kerajaan juga sudah terlibat dengan banyaknya dalam kegiatan ekonomi, sama ada sebagai pemegang amanah bagi bumiputera, mahupun sebagai daya penggerak bagi perkembangan ekonomi negara seluruhnya. Terdapat syarikat-syarikat Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam hampir semua bidang di mana mereka, kadang-kadang melindungi dan membimbing peniaga atau pengusaha bumiputera, dan kadang-kadang, malangnya, mereka bersaing dan mengganggu peniaga bumiputera.

Adalah jelas bahawa kegiatan ekonomi sudah meningkat sebagai satu kuasa dalam menentukan masa depan negara dan masa depan bumiputera, lebih-lebih lagi orang-orang Melayu. Agensi-agensi ekonomi Kerajaan tidak lagi boleh dibiarkan diisi oleh siapa sahaja yang terjumpa yang boleh ditugaskan untuk menguruskannya. Kita tidak lagi boleh bergantung kepada bidan tarik. Kita perlukan pengurusan yang aktif bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam selok-belok politik negara.

Di waktu badan-badan ekonomi ditubuh untuk memenuhi keperluan Dasar Ekonomi Baru kita kerap kali melantik orang politik sebagai pengerusi dan pegawai pentadbir sebagai pengurus. Biasanya kedua-dua tidak berpengalaman atau terlatih dalam bidang pengurusan. Sementara beberapa daripada orang yang dilantik ini dapat menguasai bidang pengurusan perniagaan dengan pantas dan jayanya, ramai pula yang gagal. Kesan dari kegagalan ini membantutkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Kerap kali pula badan-badan ini menjadi penghalang kepada perkembangan syarikat-syarikat bumiputera.

Sekarang ini pengurusan ala bidan tarik sudah berakhir. Kita berkehendakkan pengurus badan-badan berkanun dan 'corporation' yang lebih profesional serta sedar akan dasar dan matlamat politik, terutamanya Dasar Ekonomi Baru.

Ahli-ahli politik yang berminat untuk menyertai Kerajaan harus faham bahawa tidak semua daripada mereka diperlukan dalam pentadbiran. Sebahagian daripada mereka diperlukan dalam bidang ekonomi, sama ada sebagai pengerusi, atau ahli lembaga atau pengurus-pengurus. Penyertaan mereka dalam bidang ekonomi, terutama dalam syarikat milik kerajaan, adalah sama pentingnya dengan penyertaan sebagai jemaah pentadbir dalam Kerajaan.

Kita tidak mahu penyertaan ahli politik dalam badan-badan ekonomi milik Kerajaan merupakan sebagai "job for the boys." Janganlah fikir bahawa kerana khidmat politik yang lama maka kita harus diberi jawatan. Tidak ada sesuatu yang lebih membahaya dari memberi jawatan kepada orang yang bukan ahli di dalamnya. Oleh itu, bagi memenuhi keperluan politik dalam ekonomi, ahli-ahli politik yang berminat perlulah menguasai selok-belok pengurusan perniagaan. Apabila mereka memiliki kecekapan yang sesuai mereka perlu menganggap bahawa peranan mereka dalam kegiatan ekonomi tidak kurang pentingnya daripada peranan rakan-rakan mereka yang mendapat tempat sebagai anggota pentadbiran. Politik adalah alat, bukan matlamat kita. Matlamat kita ialah kehidupan yang lebih bahagia.

Sementara itu pengurus dari punca-punca bukan-politik akan dipertingkatkan pengetahuan mereka dalam bidang politik. Kita tidak berhajat untuk menggantikan mereka dengan orang politik. Kita cuma ingin menyesuaikan pengurusan dengan realiti politik dalam Malaysia.

Saya berharap ahli-ahli politik akan sedar tentang peranan ekonomi dalam politik dan kebahagiaan negara. Ahli-ahli yang benar-benar berjuang untuk kepentingan bangsa, agama dan negara tidaklah harus mengidami jawatan-jawatan politik sahaja, tetapi hendaklah sanggup memainkan peranan dalam bidang ekonomi, sama ada secara sendirian atau mewakili Kerajaan Barisan Nasional dalam badan-badan tertentu. Janganlah berfikir untuk menjadi Senator sahaja jika tidak dapat menjadi wakil rakyat. Bersedia dan berlatihlah untuk penglibatan di dalam ekonomi kerana kegiatan ekonomi tidak kurang pentingnya dari kegiatan politik. Orang yang berbuat demikian adalah orang yang benar-benar mengutamakan dan memperjuangkan agama, bangsa dan negara.

Malaysia adalah di antara negara-negara kecil dan membangun. Hari ini bilangan penduduk kita sudah meningkat kepada 14 juta. Berbanding dengan kebanyakan negara yang terkemuka yang sama luas wilayahnya, bilangan penduduk di Malaysia adalah kecil.

Sama ada Malaysia menjadi negara maju atau tidak, tidaklah bergantung kepada bilangan penduduk. Yang penting ialah daya pengeluaran - iaitu kesanggupan untuk tekun bekerja. Asalkan ada kesanggupan untuk bekerja kuat, dan tidak memilih kerja, negara akan membangun dengan pesat dan menjadi maju. Juga, jika semua penduduk Malaysia sanggup bekerja kuat, tambahan bilangan penduduk tidak akan menjadi masalah. Sebaliknya, ia mungkin membawa manfaat.

Dalam ekonomi moden, pengeluaran barang buatan bergantung kepada 'volume' atau besarnya jumlah satu-satu jenis barang yang dikeluarkan. Kita boleh mengeluarkan lebih banyak barang secara ekonomik di Malaysia jika pasar di dalam negeri besar atau pasaran dunia sanggup membuka pintu untuk barang keluaran kita. Tetapi, pasaran dunia yang terbesar bagi barang-barang buatan berada di negara-negara maju yang sering mengamalkan dasar "protectionist" atau pasaran terlindung. Oleh itu jika kita ingin maju dalam bidang pembuatan kita perlu ada pasaran dalam negeri yang besar dan kaya.

Memandang kepada hakikat ini kita perlu mengkaji semula dasar kependudukan di Malaysia. Pengurangan penduduk tidak semestinya meninggikan taraf hidup, dan tambahan penduduk pula tidak semestinya menurunkan taraf hidup. Yang penting ialah daya membeli atau "purchasing power" penduduk, dan ini bergantung kepada bilangan dan daya pengeluaran mereka. Kita boleh menampung penduduk yang lebih ramai, iaitu hingga ke paras 70 juta jika penduduk Malaysia sanggup bekerja kuat dan menjadi lebih produktif. Dengan pasaran domestik yang besar, dan daya membeli yang tinggi industri kita tidak akan bergantung terlalu sangat kepada pasaran dunia. Memang benar kita akan menghadapi masalah, terutama sekali jika kita mempunyai masyarakat yang tidak berdisiplin. Tetapi, ini boleh kita atasi jika kita pupuk semangat disiplin dan kuat bekerja dari sekarang. UMNO akan memberi perhatian kepada perkara ini dan akan membuat kajian yang mendalam berkenaan dengan kependudukan dalam jangka panjang di Malaysia.

Dalam setahun yang lepas ini kita telah cuba memerintah negara secara lebih liberal. Memangnya Malaysia lebih liberal pemerintahannya berbanding dengan kebanyakan negara lain di dunia. Tetapi sejak setahun yang lepas ini kita telah cuba memberi lebih banyak kebebasan, bahkan juga kepada orang-orang yang menolong musuh kita.

Kita telah membebaskan ramai daripada orang-orang tahanan termasuk ahli-ahli dari parti pembangkang. Kita juga telah menawar untuk melepaskan sesiapa jua dari golongan "hard core" komunis yang sanggup kerakyatannya dilucutkan dan diterima oleh negara asing. Kebenaran untuk menerbit surat-surat khabar dan majalah telah diberi kepada hampir sesiapa sahaja yang memohon.

Kita berharap dasar liberalisme ini akan dihargai dan dipelihara oleh pihak-pihak yang mendapat faedah daripadanya. Malangnya ada pihak yang menganggap kebebasan ini sebagai satu "lesen" untuk membuat apa sahaja. Ada yang cuba menyelewengkan proses undang-undang dengan mengguna tekanan dari luar negeri untuk membebaskan penjenayah yang telah dihukum mengikut semua proses undang-undang. Juara-juara penjenayah ini dengan suara yang lantang sering mendesak kita hadapkan ke mahkamah orang-orang yang ditahan di bawah undang-undang ISA kerana kononnya tidak adil. Tetapi apabila penjenayah dibicarakan dan dihukum, mereka sekali lagi menjerit bahawa inipun tidak adil. Mereka adalah boneka kumpulan-kumpulan asing di luar negeri yang tidak senang melihat keamanan di Malaysia.

Di bidang akhbar pula setelah kebenaran diberi dengan mudah, ada akhbar-akhbar baru yang mengguna seks dan skandal untuk mendapat pelanggan yang ramai. Pada permukaannya akhbar-akhbar ini kononnya memandang berat skandal-skandal yang berlaku. Tetapi sebenarnya yang diutamakan ialah kelarisan penjualan akhbar berkenaan. Tuduhan yang melulu dibuat tanpa mengambilkira kesan kepada yang dituduh. Akhbar-akhbar ini mengambil kesempatan dari keengganan yang dituduh menghadapi publisiti. Mereka berasa megah dan angkuh kerana sebagai penulis akhbar mereka boleh hebahkan segala maklumat dan hujah melalui akhbar mereka sementara yang dituduh tidak mempunyai alat untuk mempertahankan diri mereka.

Kerajaan memandang berat penyalahgunaan kebebasan yang terdapat dalam dasar liberal Kerajaan sekarang. Kebebasan yang diguna untuk menindas orang lain tidak kurang buruknya dari penindasan oleh Kerajaan yang tidak liberal. Jika kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini diteruskan, sikap liberal Kerajaan mungkin ditukar semula. Kita liberal kerana kita percaya masyarakat Malaysia sudah dewasa. Tetapi, jikalau tidak ada penghargaan terhadap dasar Kerajaan, maka terpaksa Kerajaan menamatkan liberalisme yang disalahgunakan ini. Jangan fikir bahawa liberalisme Kerajaan ialah tanda kelemahan. Tidak ada cadangan oleh Kerajaan untuk menghapuskan ISA selagi kegiatan-kegiatan yang mengancam keamanan negara masih diminati oleh golongan tertentu. Kepada Kerajaan Belanda saya syorkan mereka periksa semula sejarah pemerintahan mereka di Dutch East Indies sebelum mereka berlagak sebagai manusia yang mempunyai "conscience." Digul adalah ciptaan mereka.

Baru-baru ini kita sekali lagi mendengar satu tuduhan yang biasa dilempar oleh seorang yang kononnya ahli UMNO. Tuduhannya ialah UMNO sudah diresapi oleh Pertubuhan Freemason. Tidak cukup itu, tuduhan juga dibuat bahawa Jabatan Perdana Menteri dimasuki oleh Freemason, bahawa Setiausaha Politik Perdana Menteri adalah orang Freemason dan saya sendiri adalah penyokong Freemason. Kerajaan kononnya sekarang Kerajaan dikuasai oleh Freemason.

Sama ada gerakan Freemason ini buruk atau tidak adalah satu perkara lain. Tetapi menuduh Jabatan Perdana Menteri, Perdana Menteri, Setiausaha Politiknya, UMNO, dan Kerajaan dikuasai oleh badan ini adalah satu perbuatan yang biadab. Dakwaan orang ini bahawa ia adalah ahli UMNO amat mengecewakan.

Kita telah perhatikan tindak-tanduk orang ini sekian lama, dan jika ada musang berbulu ayam atau musuh dalam selimut, inilah dia. Dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1978, orang ini cuba membawa usul tergegar kononnya Kerajaan telah membenarkan "lumba anjing" di negara ini. Mesyuarat hendak ditangguhkan kerana mahu membahaskan perkara ini terlebih dahulu. Risalah-risalah disebar bukan sahaja kepada para perwakilan tetapi juga kepada orang ramai.

Kita semua tahu apa yang berlaku. Apabila orang ini diberi peluang bercakap, dia tidak bercakap dan tidak pun membangkitkan perkara "lumba anjing" ini. Sebabnya jelas tuduhan ini tidak berasas. Tujuannya membawa usul ini ialah supaya majlis menjadi gamat, supaya Kerajaan dikedam oleh ahli UMNO, supaya UMNO rosak, dan tujuan yang terbesar sekali ialah untuk membuka peluang kepada musuh-musuh UMNO menghentam UMNO dan Kerajaan.

Kegiatan orang ini di mana-mana sahaja mencerminkan keperibadiannya. Ia biasa mencero boh masuk ke bangunan PKNS dan membuka kedai tanpa izin. Sewa kedai tidak dibayar dan akhirnya barang-barang yang tidak berguna yang ada di kedai itu terpaksa dilelong untuk mendapat balik sewa.

Ada kedai lain yang disewa dengan mudah kerana dianya bumiputera, dan

selepas dapat sahaja kedai itu disewa olehnya kepada bukan bumiputera. Sewa dikutip dari penyewa bukan bumiputera tetapi sewanya sendiri kepada PKNS tidak dibayar sehingga PKNS terpaksa mengambil tindakan undang-undang.

Sebagai ketua sebuah persatuan perniagaan Melayu, orang ini membuat syarikat dengan nama yang seakan-akan nama persatuan yang ia dipilih untuk mengetuai. Syarikat ini memohon sekeping tanah dari Kerajaan. Kerana disangka yang memohon ialah persatuan dan bukan dirinya sendiri, pihak berkuasa meluluskan permohonan ini. Dalam masa yang singkat nama pemilik tanah ini ditukar kepada nama syarikat kepunyaannya sendiri dan diserahkan kepada bukan bumiputera untuk taman hiburan yang tidak mempunyai unsur Melayu sama sekali. Apabila taman hiburan ini tidak maju, tanah ini dijual terus kepada syarikat bukan bumiputera.

Ada lagi perbuatan-perbuatan menggunakan nama bumiputera atau Melayu untuk mendapat itu dan ini semata-mata untuk mengkhianati hak orang Melayu. Tetapi, bila berucap suaranya lantang - mengecam orang lain tidak Islam, tidak bumiputera, tidak mengutamakan bahasa, Zionis dan sebagainya. Senarai ahli-ahli Freemason disimpan sebagai alat ugutan. Tiap kali seseorang mendapat apa-apa sesuatu maka dikeluarkanlah senarai ini. Senarai ini tidak tetap. Adakala nama orang-orang tertentu dimasukkan, dan entah dengan tujuan apa nama-nama ini digugurkan dari senarai yang dikeluarkan kemudian. Apabila sahaja berpeluang menuduh maka tuduhan dibuat dengan tidak mengambilkira keadaan yang sebenar.

Freemason bukanlah satu badan yang kita alu-alukan dan orang Islam tidak sepatutnya menjadi ahli pertubuhan ini. Tetapi janganlah seseorang terpesong dari kenyataan kerana ingin mencari alasan untuk melindungi kelemahan kita. Janganlah kita habiskan tenaga dan masa berjuang dengan bayang sedangkan yang mengancam kita berada di hadapan kita dengan terang dan nyatanya. Zaman kita hidup di alam khayalan sudah berlalu. Hari ini kita perlu menghadapi kenyataan dan mengatur langkah berbas kepada kenyataan. Orang yang percaya kepada khayalan mereka sendiri, dan mengambil tindakan berbas kepada khayalan mereka akan diketawakan oleh musuh mereka yang tahu keadaan yang sebenar. Hari ini sasarannya ialah Freemason, tetapi sudahpun ada tanda-tanda iaitu selepas Freemason, Kelab Rotary, Kelab Apex, Kelab Lions dan lain-lain lagi kelab khidmat dan badan-badan kebajikan akan menjadi sasaran dan pengharaman mereka dituntut. Mereka akan mengugut, akan mendakwa bahawa semua badan ini adalah gerakan Zionis dan berperanglah kita bermati-matian sementara musuh kita masuk

Dalam Islam pembunuh sekalipun boleh diampun. Inikan pula perbuatan kebudak-budakan di masa muda. Apakah kita akan singkir mereka yang dahulu terlibat dengan Freemason sehingga tidak mungkin mereka balik ke pangkuan masyarakat? Apakah kita menolak orang yang sudah bertaubat? Apakah agama Islam tidak akui orang yang bertaubat?

Setiausaha Kerja UMNO telah dipilih kerana ia berkali-kali bekerja dengan

sukarela mengendalikan jentera pilihanraya di peringkat pusat. Kita tidak pernah kalah di waktu beliau bertugas dalam bilik gerakan. Sebaliknya kemenangan kita telah meningkat dari tahun 1974, 78 hingga ke 82. Jika benar ia agen Freemason yang bertujuan menghancurkan UMNO, maka ia adalah ejen yang tidak pernah berjaya. Tetapi saya dan rakan-rakan saya tahu tentang kerjanya dan kami puas hati dengan kesetiiaannya. Sebaliknya ada orang yang menuduhnya biasa melesapkan peruntukan pilihanraya di waktu yang sama.

Apakah jenis masyarakat kita jika orang yang nyata setia dituduh dan orang yang nyata oportunistik yang tak bermaruah didewa-dewakan? Sekali lagi saya ingin katakan, dari segi kesan kepada perpaduan dalam UMNO, orang yang menuduh adalah lebih Freemason, bukan orang yang dituduh. Jika ada orang yang patut disingkir, orang yang menuduhlah yang patut disingkir. Dialah musuh berbulu ayam, dialah duri dalam daging, dialah musuh dalam selimut, dialah Freemason pada hakikat. Awasilah orang yang melempar fitnah. Tuhan telah berfirman yang bermaksud orang yang memfitnah adalah lebih bahaya dari pembunuh - dan Tuhan adalah lebih mengetahui.

UMNO, dan orang Melayu dan Islam mempunyai tanggungjawab yang besar. Tanggungjawab ini memerlukan kita menumpukan perhatian kepada masalah-masalah yang nyata. Masalah-masalah ini kita tahu akan memusnahkan kita jika kita alpa. Lihatlah apa yang sedang terjadi dalam dunia Islam. Walaupun nampaknya ada kesedaran yang baru terhadap ajaran agama, tetapi kesedaran ini lebih tertumpu kepada soal-soal yang memecah-belahkan umat Islam dan mencetuskan peperangan di kalangan mereka. Tidak ada perhatian yang serius yang diberi kepada penyerapan ilmu, kepada memperkuatkan persaudaraan dan kepada menentang musuh. Akibatnya ialah orang Islam tidak hidup bahagia seperti yang dijanjikan kepada umat Muhammad s.a.w. Sebabnya bukan kerana Islam menghalang, tetapi kerana orang Islam mudah dipesong dari ajaran Islam, mudah dipengaruhi oleh nafsu.

Oleh itu UMNO perlu menarik balik perhatian orang Melayu yang juga orang Islam kepada hakikat masalah yang sebenar dan mengikut kehendak agama dalam mengatasi masalah ini. Singkirkanlah khayalan. Elaklah diri dari menghabiskan masa dan tenaga melawan musuh ciptaan. Hadapilah musuh yang ada di hadapan kita, musuh yang sebenar, iaitu nafsu dan hasad dengki kita yang tetap menjadikan kita sasaran sesiapa sahaja yang pintar dan berani.

UMNO telah menewaskan Malayan Union. UMNO telah memenangi kemerdekaan. UMNO telah menebus maruah orang Melayu yang dijajah. UMNO telah memelihara dan menegak agama Islam di Malaysia. UMNO telah memerintah dengan adil dan membawa pembangunan, dan lain-lain lagi. Semua ini ialah hasil perjuangan UMNO. Tetapi saya ulangi sekali lagi perjuangan UMNO belum tamat. Sekarang ini kita menghadapi perjuangan yang terbesar sekali — perjuangan untuk mengubah sikap orang Melayu supaya sesuai dengan kehendak agama Islam di zaman moden ini.

Sehingga kini ada orang Melayu cuma bercakap berkenaan dengan agama Islam tetapi amalan mereka adalah berlainan. Mereka bercakap tentang persaudaraan dalam Islam tetapi ada mereka yang mengadakan isu supaya orang Islam tidak bersaudara. Mereka bercakap tentang mempelajari ilmu tetapi mereka tidak mempelajarinya. Mereka bercakap tentang ketahanan orang Islam tetapi tidak berusaha ke arahnya.

Tugas UMNO sekarang ialah meningkatkan lagi amalan mengenai Islam dan menjamin masyarakat Melayu benar-benar mengamalkan ajaran agama Islam. Ini bermakna orang Melayu mesti menjadi orang yang rajin, berpengetahuan dan cekap dalam semua bidang. Orang Melayu mesti berusaha ke arah "self-reliance" atau kebolehan sendiri dalam semua bidang. Untuk ini kita perlu semangat yang tak mudah luntur. Setiap kali kita jatuh kita akan bangun dan berusaha lagi — bukan kerana kemegahan dan keuntungan material tetapi, kerana Islam dan keagungan Allah Subhanahu Wataala.

Memang perjuangan ini jauh lebih besar dari segala perjuangan UMNO dahulu. Memang perjuangan ini tidak mudah dijayakan. Tetapi UMNO mesti memperjuangkannya, walau apa sekalipun rintangannya, kerana inilah perjuangan kita yang sebenarnya.

Satu perkara yang menarik perhatian ahli-ahli UMNO ialah perhubungan negara kita dengan negara-negara asing. Hingga kini kita telah menurut arus sejarah sahaja. Memang ada sebab-sebabnya yang kita berbuat demikian. Tetapi kita sudah merdeka selama sesuku abad dan dalam tempoh sesuku abad itu banyak perubahan telah berlaku kepada negara kita dan kepada dunia.

Negara kita tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kekuatan dan pertolongan negara-negara Komanwel. Corak perdagangan sudah bertukar sehingga "Commonwealth preference" tidak ada lagi dan sebahagian terbesar perdagangan kita adalah dengan negara-negara bukan Komanwel. Kita tidak lagi bergantung semata-mata kepada timah dan getah, tetapi sudah menjadi pengeluar minyak sawit, petroleum, balak dan barang-barang buatan. Ekonomi kita tidak lagi dikongkong sepenuhnya oleh orang asing atau oleh satu kaum.

Pentadbiran pula tidak lagi terhad kepada menjaga keamanan dan tata-tertib masyarakat, tetapi meliputi dasar dalam dan luar, penyelarasan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Pentadbir tidak lagi boleh mengasingkan diri dalam bilik kerja tetapi perlu keluar berjumpa dan berdialog dengan rakyat walaupun di luar masa kerja.

Dunia telah berubah dengan tertubuhnya ASEAN yang diikuti dengan penglibatan United Kingdom dalam Kesatuan Ekonomi Eropah atau EEC. Komanwel dibelakangkan oleh pengasas Komanwel sendiri. Di Vietnam, Amerika Syarikat telah dikalahkan. Republik Rakyat China telah membuka pintunya kepada dunia luar. Negara-negara Islam muncul bersama dengan pengambilan-alih pemasaran minyak petroleum oleh negara-negara pengeluar. Vietnam telah mencero bohi Kampuchea dan mengancam kestabilan Asia Tenggara.

Memandang kepada perubahan-perubahan ini maka tidak dapat tidak Malaysia perlu mengubahsuaikan pendekatannya terhadap hubungan dengan negara-negara asing. Kita perlu menentukan keutamaan kita sama seperti negara-negara lain menentukan keutamaan mereka dari masa ke semasa.

Kita yakin bahawa ASEAN mempunyai peranan penting dalam menstabilkan keadaan di Asia Tenggara. Tanpa kestabilan di wilayah ini kita tidak mungkin dapat hidup dengan aman. Oleh itu kita memberi keutamaan yang tertinggi kepada perhubungan dengan negara-negara ASEAN. Kita akan berusaha sedaya-upaya mengadakan perhubungan yang baik dengan setiap negara ASEAN dan memupuk keutuhan pertubuhan serantau ini. Ini akan kita buat tanpa menjejaskan kedaulatan kita.

Dalam konteks Asia Tenggara, kita, melalui ASEAN, akan berusaha mencari penyelesaian terhadap masalah Kampuchea. Walau apa sekalipun terjadi kita tidak akan terima tindakan sesebuah negara jiran melanggar negara tetangga untuk mendirikan sebuah kerajaan boneka.

Keutamaan kita yang kedua ialah perhubungan dengan negara-negara Islam. Sebagai sebuah negara Islam kita tidak boleh berpisah dengan dunia Islam. Kita berasa bertanggungjawab terhadap nasib yang menimpa umat Islam di mana sahaja mereka berada. Adalah menjadi kepercayaan kita bahawa perpaduan umat Islam bukan sahaja akan membawa kebahagiaan kepada mereka tetapi juga kepada dunia.

Kita sedar akan kelemahan dan pecah-belah yang terdapat dalam dunia Islam. Tetapi pendirian kita ialah kita tidak mahu memihak kepada sesiapa, dan jika dikehendaki, kita sedia menjadi orang tengah dan pendamai. Walau apa sekalipun berlaku, pendirian kita ialah persaudaraan dengan semua negara dan penganut agama Islam.

Demikian jugalah pendirian kita di kalangan semua negara di dunia. Kita tidak mahu terlibat dengan permusuhan antara kuasa-kuasa besar. Kita berkecuali dan oleh itu kita akan teruskan keanggotaan kita dan peranan kita dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali. Sebarang usaha untuk memasukkan pergerakan ini dalam mana-mana kem kuasa besar akan ditentang oleh kita.

Komanwel masih wujud walaupun hidup segan. Kita sedar akan potensi Komanwel, terutama sebagai satu forum untuk negara-negara kecil yang baru merdeka. Oleh itu kita akan kekal sebagai ahli Komanwel dan akan memainkan peranan dalam pembangunan negara-negara kecil. Walaupun saya berpendapat mesyuarat seluruh Komanwel tidak berfaedah, saya akan menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel Peringkat Wilayah atau "Commonwealth Heads of Government Regional Meeting" yang akan berlangsung di Fiji pada bulan depan. Ini ialah oleh kerana ramai ketua-ketua kerajaan yang akan hadir ialah dari negara-negara kecil dari wilayah ini.

Akhirnya yang menjadi tumpuan kita sekarang ialah perhubungan dua hala. Kita

dapati bahawa lebih banyak perkara-perkara boleh diselesaikan melalui rundingan dua hala daripada rundingan berbagai hala atau 'multi-lateral.' Oleh itu sementara kita meneruskan kerjasama dalam konteks kumpulan, kita akan mengadakan juga hubungan dua hala untuk projek-projek tertentu. Kita telah mengadakan hubungan dengan Mali di Afrika dan dengan beberapa negara Pasifik Selatan untuk maksud ini.

Kita berpendapat bahawa tanggungjawab sosial bukan sahaja terhad kepada masalah-masalah dalam negeri tetapi melibatkan juga perhubungan antarabangsa. Sepertimana di dalam negeri yang kaya perlu dikenakan cukai supaya yang miskin boleh ditolong, begitu juga dalam masyarakat antarabangsa yang kaya perlu membantu yang miskin. Ada pihak-pihak yang berkata bahawa dalam perhubungan antara Utara dan Selatan dan usaha membentuk satu 'New International Economic Order', atau Order Baru Ekonomi Antarabangsa, Malaysia cuba menonjolkan konsep Dasar Ekonomi Barunya – iaitu perseimbangan dan pembasmian kemiskinan. Jika unsur Dasar Ekonomi Baru dilihat dalam saranan Malaysia bagi mengatasi masalah ekonomi dunia yang tidak seimbang, kita tidak akan menafikan. Memang asas-asas Dasar Ekonomi Baru merupakan manifestasi tanggungjawab sosial yang baik, dan kita sanggup mengutarakannya dalam perhubungan antarabangsa.

Baru-baru ini Kerajaan telah membuat satu dasar yang dikenali sebagai "Pandang ke Timur." Penjelasan telahpun dibuat berkali-kali tentang maksud dasar Pandang ke Timur ini. Umumnya dasar ini adalah berhubung dengan ekonomi negara. Di Timur terdapat beberapa buah negara yang telah menunjukkan kebolehan mereka mengatasi masalah-masalah pembangunan ekonomi sehingga mereka dapat bersaing dengan jayanya dengan negara-negara barat yang telah lama maju.

Selama beberapa abad kita kagum dengan kekuatan dan kebolehan barat. Kita bukan sahaja kagum tetapi kita telah menerima pendapat bahawa tidak mungkin kita, atau mana-mana bangsa Timur, bersaing dengan orang-orang barat. Tetapi, hari ini kita telah melihat sekurang-kurangnya dua buah kuasa barat dikalahkan di medan perang oleh bangsa Timur. Dan di dalam bidang ekonomi pula, sementara negara barat umumnya tidak dapat mengatasi krisis minyak dan lain-lain, beberapa negara Timur dapat mengatasinya. Asia Tenggara juga merupakan satu kumpulan negara-negara yang berjaya membangun dengan pesat di waktu negara-negara maju di barat mengalami kemerosotan atau pembangunan yang lambat.

Memandang kepada hakikat inilah maka kita harus membetulkan sikap dan pandangan kita. Barat tidak lagi boleh menjadi contoh sepenuhnya. Orang yang gagal tidak boleh dijadikan contoh. Jika kita ingin kejayaan kita perlu mengambil sebagai contoh negara yang berjaya dan yang berjaya hari ini berada di Timur. Contoh-contohnya ialah Jepun dan Korea Selatan.

Dalam pada itu, kita sedar bahawa bukan semua yang didapati di Timur adalah baik. Masih ada beberapa teladan dan contoh di Barat yang baik yang perlu kita terus terima. Oleh itu, kajian perlu dibuat tentang apa yang hendak kita terima dan amalkan dari Timur dan apa yang hendak kita tinggalkan dari Barat.

Yang menarik perhatian kita di Timur ialah kerajinan. Orang-orang Jepun dan Korea bukan sahaja rajin bekerja tetapi juga rajin dalam menjaga kebersihan dan ketertiban rumah tangga dan kampung halaman. Sebenarnya, kita sebagai orang Islam menjunjung tinggi kerajinan dan kebersihan, tetapi amalan kita tidaklah seperti yang dituntut oleh agama Islam. Semenjak serapan nilai barat di zaman ini kerajinan pun sudah dipandang rendah dan hina terutama oleh generasi muda. Ada mereka yang berkata, "kalau rajin kita akan jadi robot," ada yang berkata, "kita akan jadi hamba," dan lain-lain lagi. Manusia kononnya memerlukan rehat yang bertambah-tambah. Kalau dahulu kerja tujuh hari, sekarang patut enam hari. Kalau sudah enam hari bekerja, patut dikurang kepada lima setengah, kepada lima dan seterusnya.

Kerajinan membawa kebahagiaan. Kita semua tahu, tetapi, sejak pengaruh barat menular, kita sudah menjadi malas. Oleh itu kita perlu pandang ke Timur di mana terdapat bangsa-bangsa yang rajin bagi menghapuskan nilai barat yang telah kita serapkan kini. Dahulu kita dihina oleh Barat kerana kita dikatakan malas. Sekarang apabila Barat menjadi malas, kita junjung tinggi tabiat malas. Ini benar-benar menunjukkan bahawa kita tidak mempunyai pendirian sendiri – bahawa kita berasa serba kurang sehingga apa sahaja yang ada pada kita, kita pandang rendah, dan apa saja yang dimiliki oleh Barat, kita muliakan. Kita sudah menjadi "pak turut" yang tidak mempunyai pendirian sendiri. Masanya sudah tiba untuk kita menebus kembali maruah kita. Demikianlah Dasar Pandang ke Timur; kerana kita adalah dari Timur, memandang ke Timur bermakna memandang kepada diri sendiri juga - memupuk nilai-nilai baik yang sedia ada dan mengikis nilai-nilai yang kita tahu tidak bermanfaat.

Bukan kerajinan dan ketertiban sahaja yang hendak kita tiru dari Timur. Kita mahu ketekunan bekerja, kecekapan pengurusan dan cara-cara perhubungan sekerja dan lain-lain lagi yang terdapat di Timur. Jelaslah dasar Pandang ke Timur ini adalah untuk kebaikan, untuk memelihara maruah kita dan menjadikan kita kaya dari segi jasmani dan rohani. Yang diutamakan dan yang dijunjung tinggi masih juga agama kita - agama Islam. Yang kita akan serapkan ialah nilai-nilai dan cara-cara yang tidak bertentangan dengan agama, bahkan kebanyakannya adalah nilai-nilai yang dipandang tinggi dan dituntut oleh agama. Kalau pada hari ini kita tidak amalkan cara-cara ini, ini bukanlah kerana agama melarang atau tidak menyuruh, tetapi kerana kita amalkan ajaran agama di mulut sahaja dan tidak melalui perbuatan. Sebenarnya jika kita benar-benar menurut ajaran Islam berkenaan dengan kerajinan, menuntut ilmu, mencari nafkah, kebersihan, ketahanan dan lain-lain nilai yang baik, kita tidak perlu pandang ke mana-mana lagi. Tetapi kita tidak. Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda bahawa kita perlu menuntut ilmu walaupun ke Negeri China. Maksudnya kita harus mengambil contoh-contoh yang baik dari mana-mana jua pun. Inilah yang kita lakukan apabila kita Pandang ke Timur.

Semenjak dekad 70an hingga sekarang dunia semakin sedar mengenai Islam dan penganut-penganutnya. Sebagai sebuah negara Islam dan sebagai orang Islam kita berbangga dengan perkembangan ini. Kita percaya bahawa dalam tiap-tiap perhitungan politik dan ekonomi dunia, kesan kebangkitan semula Islam tidak boleh diketepikan.

Di samping kebanggaan ini kita tidak dapat meniadakan beberapa kejadian yang mengancam kedudukan agama suci Allah Subhanahu Wataala ini. Di beberapa negara, umat Islam telah diusir dan ditindas tanpa apa-apa pertolongan yang boleh diberi oleh negara-negara Islam, walaupun oleh negara Islam yang kaya-raya. Musuh-musuh Islam membuat sesuka hati mereka terhadap orang-orang Islam kerana, walaupun ada negara Islam yang kaya tetapi mereka adalah lemah kerana kurang pengetahuan dan berpecah-belah.

Unsur-unsur yang memecah-belahkan umat Islam berlaku di negara kita sendiri. Beberapa orang yang berminat di dalam bidang politik telah mencabul kesucian Islam dengan menonjolkan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam. Demikianlah kesan kegiatan mereka ini sehingga tergugat akidah beberapa kumpulan orang Islam di sana-sini, dan berlakulah peristiwa sembahyang dua imam, perkuburan yang berasingan sesama orang Islam, penggunaan simbol parti untuk mayat dan perpecahan masyarakat Islam.

Perlembagaan negara ini menjadikan kedudukan agama Islam sebagai tanggungjawab Kerajaan. Apabila kesucian Islam dicemar dan akidah serta iman orang Islam digugat hasil dari apa yang dilakukan oleh beberapa pemimpin parti PAS, terutamanya di Terengganu, Kerajaan Pusat tidak boleh mendiamkan diri. Saya ingin memberi amaran kepada pemimpin-pemimpin PAS yang suka mencemar agama Islam dan mengelirukan serta memesongkan kepercayaan orang Islam bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang bagi menghentikan kegiatan mereka. Kerajaan bertanggungjawab memelihara dan melindungi umat Islam di negara ini dari segala ajaran sesat, dan tokoh-tokoh politik yang tamak kuasa tidak dikecualikan dari undang-undang yang akan dikuatkuasakan oleh Kerajaan.

Sebagai satu usaha ke arah kebahagiaan umat Islam di negara ini dan juga di dunia Kerajaan telah merancang tiga projek yang besar. Yang pertama ialah Universiti Islam Antarabangsa yang bertujuan, di antara lain, memberi tempat kepada sebahagian dari penuntut Islam yang sekarang ini terpaksa menuntut di luar negara-negara Islam di mana mereka terdedah kepada nilai-nilai yang boleh meruntuh akhlak dan keperibadian Islam. Seperti amalannya di institusi pengajian tinggi di Sepanyol di bawah pemerintahan Islam dahulu dan di Baghdad, Universiti ini akan menerima sekumpulan penuntut bukan Islam supaya dunia bukan Islam dapat memahami falsafah dan peribadi Islam.

Yang keduanya ialah penubuhan Bank Islam. Bank adalah satu institusi kewangan yang penting dalam ekonomi moden tetapi kini sistem bank yang wujud memperkenalkan sistem yang tidak begitu sesuai dengan agama Islam. Dengan penubuhan Bank Islam kita yakin bahawa ekonomi dan ketahanan orang Islam serta agama Islam sendiri akan menjadi lebih kukuh. Sistem kewangan Islam ini adalah satu alternatif kepada sistem kewangan yang wujud sekarang ini.

Langkah yang ketiga yang akan diambil oleh Kerajaan ialah memperkenalkan tamadun Islam di universiti-universiti di tanahair kita. Islam, sebagai agama rasmi negara,

patut dikenali oleh semua penduduk di Malaysia. Kita tidak bercadang mengajar asas-asas agama Islam dengan tujuan pengislaman, tetapi untuk memperkenalkan peradaban Islam atau "Islamic Civilisation." Kaedahnya adalah sama dengan pengajaran "History of the British Empire" atau Sejarah Empayar British di zaman penjajahan dahulu. Dengan cara ini kita harap dapat mengurangkan perasaan takut dan curiga yang terdapat di kalangan setengah orang bukan Islam di Malaysia terhadap agama Islam dan orang Islam. Kita yakin, ini akan dapat merapatkan lagi hubungan antara kaum di Malaysia.

Semua usaha-usaha ini dibuat kerana UMNO, sebagai parti orang Islam dan tulang belakang Kerajaan bertanggungjawab terhadap Islam dan negara. Saya yakin, dari masa ke semasa, lain-lain unsur Islam akan dimasukkan ke dalam kegiatan negara. Semua ini akan dibuat tanpa menjejaskan kedudukan agama-agama lain yang dilindungi oleh Perlembagaan.

Saudara-saudara dan saudari-saudari yang hadir pada hari ini datang dari seluruh Semenanjung untuk mendengar dan membahas perkara-perkara yang berhubung dengan parti, Kerajaan, dan negara. Tahun ini UMNO berusia 36 tahun dan Malaysia berusia sesuku abad. Kita telah mara jauh ke hadapan dan dalam proses ini kita semakin dewasa.

Sekarang kita memandang ke hadapan dengan penuh keyakinan terhadap masa depan kita. Negara yang bertuah ini akan kita jadikan sebuah negara yang maju dan jaya. Bangsa kita akan kita jadikan bangsa yang bermaruah tinggi dan dihormati, Insyaallah.

Seperti saya katakan tadi, perjuangan kita belum tamat. Dalam pilihanraya yang lalu kita menggunakan slogan "Bersih, Cekap dan Amanah." Memanglah bersih, cekap dan amanah boleh membawa kejayaan. Tetapi, kita perlu juga lain-lain nilai yang tinggi - keberanian, ketahanan, kejujuran, kerajinan, bersopan-santun, berdisiplin dan sebagainya. Semua ini kita ingin amalkan kerana kita yakin bahawa nilai-nilai yang baik membawa kebaikan.

Tidak ada bangsa yang ingin dan sanggup dihinakan oleh orang lain. Tetapi tidak ingin dan tidak sanggup sahaja tidak cukup. Kita perlu berusaha untuk mencapai tahap yang akan menentukan kita akan dihormati. Bagi tujuan ini kita perlu menginsafi kelemahan kita. Kejayaan kita berada di tangan kita, dan kitalah yang mesti membetulkan diri kita dan memperbaiki keadaan di sekeliling kita.

Malaysia yang kita idami ialah Malaysia yang aman, yang makmur, yang bebas dari segala ancaman. Kita boleh mencapai keamanan melalui politik yang adil dan bertimbang-rasa. Ini tidak bermakna sesiapa yang sengaja cuba mencabul keamanan dan ketenteraman negara akan kita layan dan dibenarkan bermaharajalela. Tetapi, bagi orang yang menghormati undang-undang dan tatasusila negara, serta dasar-dasar asasnya, walau apa bangsa dan agama, mereka tidak akan ditindas atau dianiaya.

Kita mahu kekayaan bukan kerana taksu dengan kebendaan tetapi kerana kekayaan perlu untuk memelihara keselamatan kita - untuk membangunkan negara

kita, untuk membersihkan dan mengindahkan alam sekeliling kita, untuk meninggikan taraf kehidupan semua rakyat, dan untuk menambah peluang pekerjaan. Tidak kurang pentingnya ialah peranan kekayaan dalam memelihara agama dan keimanan kita kerana kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran. Kita ingin kaya kerana kita tidak ingin bergantung kepada orang yang sudah tentu akan mengambil peluang untuk mempengaruhi kita atau membendung kebebasan kita. Kita ingin kaya supaya kita boleh menolong orang yang kurang bernasib baik, termasuk negara yang miskin dan menderita.

Kita perlu kekayaan kerana kita mahu hidup bahagia, kerana kebahagiaan adalah hak orang Islam. Tidak ada kebahagiaan bagi orang yang terdedah kepada segala macam tekanan oleh sebab kemiskinan

Kebebasan dari ancaman memerlukan kesanggupan mempertahankan negara. Harta dan jiwa tidak bermakna tanpa kebebasan. Oleh itu tiap-tiap seorang daripada kita harus sanggup mengorbankan harta dan jiwa untuk negara. Bangsa yang pengecut, yang menyerahkan pertahanan negara kepada orang lain tidak akan hidup bahagia. Akhirnya, bangsa itu akan dijajah dan mungkin dihapuskan.

Kebahagiaan tidak akan datang melayang. Pengorbanan dan usaha diperlukan bukan dari orang lain tetapi dari kita sendiri.

UMNO dan ahli-ahlinya harus faham hakikat ini jika kita benar-benar inginkan kebahagiaan. Kelemahan kita menyebabkan kemunduran kita. Mungkin orang lain juga menjadi penghalang. Tetapi adalah lebih baik kita mengatasi kelemahan kita daripada kita mengeluh tentang apa yang kita katakan "sabotaj" oleh orang lain.

Kita mendapati ramai daripada orang Melayu yang masih tidak sanggup berusaha, tidak sanggup belajar, tidak sanggup bekerja. Masih ramai yang memilih-milih kerja. Ramai pula dari penuntut yang ingin mendapat ijazah di universiti bukan kerana ilmu pengetahuan yang didapati itu berguna, tetapi kerana status. Apabila ijazahnya didapati tidak sesuai dengan kerja yang dipohon maka Kerajaan dikecam. Ramai yang tidak lekat dengan satu-satu kerja lebih dari dua tahun kerana bosan, kerana tidak boleh kerja dengan rakan sekerja, kerana mengejar gaji lebih tinggi sedikit. Ada pula yang setelah menjadi eksekutif tidak mahu meninggalkan pejabat berhawa dingin, dan bercampur dengan pekerja dalam kilang, atau di tempat kerja lain. Ada yang tidak mahu kotor tangan sedikitpun.

Semua sikap ini adalah penghalang kemajuan orang Melayu. Mereka mungkin tidak suka mendengar tentang kelemahan diri mereka, tetapi, UMNO adalah pertubuhan yang bertanggungjawab untuk membimbing orang Melayu. UMNO mesti membawa orang Melayu ke alam nyata. Musuh UMNO akan menanggung di air yang keruh ini, tetapi UMNO tidak boleh membenarkan sikap yang membinasakan ini menguasai orang Melayu, walaupun politik parti terjejas.

Peranan dan tanggungjawab UMNO kepada orang Melayu mestilah jelas.

UMNO bukanlah semata-mata alat untuk mendesak Kerajaan membuat itu dan ini, dan memberi itu dan ini. UMNO adalah juga badan kepimpinan orang Melayu ke arah kebahagiaan. UMNO adalah contoh dan teladan kepada orang Melayu. UMNO mesti meyakinkan orang Melayu bahawa kemajuan dan kebahagiaan mereka berada di tangan mereka.

Orang yang menyeru ke arah kebaikan melalui pengorbanan dan usaha jarang sekali mendapat sanjungan. Sebaliknya orang yang suka menyuruh orang lain menjalankan kerja memang disukai ramai. Tetapi kita semua tahu kesan bergantung kepada orang. Kerana kita menyerah kerja kepada orang lainlah maka negara kita dijajah dahulu dan pembangunan orang Melayu terbantut.

Sebagai parti yang bertanggungjawab, UMNO tidak mempunyai pilihan lain. UMNO akan merintis segala perubahan yang akan membawa kebahagiaan negara. UMNO akan mempertingkatkan kecekapan orang Melayu dan orang Islam lain serta rakyat keseluruhannya. UMNO akan menjunjung tinggi amanah yang diletakkan di bahunya ini.

Insyallah, orang Melayu dan orang Islam di negara ini akan sedar, akan maju dan bahagia, dan negara akan dihormati oleh seluruh dunia.

Malaysia yang bernaung ialah matlamat kita. UMNO akan menjadi teladan dan memimpin orang-orang Melayu dan semua rakyat Malaysia ke arah matlamat yang mulia ini.

Akhir kata saya mengucapkan kepada saudara-saudari sekalian selamat bersidang dan selamat maju jaya.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN GERAKAN
DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR
25HB. SEPTEMBER, 1982

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Presiden dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Gerakan kerana menjemput saya ke majlis ini.

Dalam Pilihanraya yang lalu Barisan Nasional telah mendapat kejayaan yang cemerlang. Tentulah setiap parti komponen dapat berbangga dengan prestasi dan kejayaannya masing-masing. Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada GERAKAN di atas pencapaiannya dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli parti yang telah bekerja keras untuk membawa kejayaan kepada Barisan Nasional.

Kita tidak harus lupa bahawa kemenangan Barisan Nasional adalah hasil sumbangan semua parti komponen. Oleh itu kedua-dua perspektif, iaitu perspektif parti dan juga perspektif keseluruhan Barisan Nasional, adalah amat penting bagi kita menjaga keutuhan kita.

Saya memulakan dengan membuat penekanan kepada pentingnya kedua-dua perspektif ini, iaitu parti dan keseluruhan Barisan Nasional, ialah kerana kekuatan Barisan Nasional terletak kepada penerimaan kita terhadap pentingnya perspektif-perspektif ini. Jika sesebuah parti cuma mementingkan perspektif partinya sahaja, tanpa membuat perhitungan dalam konteks Barisan Nasional keseluruhannya, tentulah perjalanan kita akan menjadi sumbang dan kita akan menanggung berbagai-bagai masalah yang lebih merupakan ciptaan kita sendiri. Ini akan menjejaskan persefahaman dan ketertiban perjalanan Barisan Nasional sebagai sebuah gabungan parti-parti politik yang mendukung Kerajaan.

Barisan Nasional, sebagaimana kita sekalian maklum, telah diasaskan kepada penerimaan hakikat politik di Malaysia yang memerlukan persefahaman dan kesederhanaan, serta penerimaan Perlembagaan dan dasar-dasar asas sebagai landasan kita membangunkan negara kita. Walaupun sistem politik kita ialah sistem demokrasi, iaitu demokrasi berparlimen, tetapi demokrasi kita dikecam oleh setengah-setengah pihak yang mengangkat diri mereka sebagai pentafsir demokrasi. Tetapi kita tidak gentar. Demokrasi kita adalah unik bagi kita, dan demikian juga dengan sistem demokrasi di negara-negara liberal yang lain, tiap-tiap satunya adalah unik bagi sesuatu negara tertentu. Tidak ada siapa yang boleh berkata bahawa cuma sistem mereka sahaja yang demokratik.

Sebenarnya demokrasi liberal ala barat adalah tidak demokratik kerana 'the silent majority' ditindas oleh 'the activist minority' dalam sistem ini. Pemerintahan yang dikuasai oleh minoriti sudah tentu tidak demokratik.

Persepsi kita terhadap demokrasi ini adalah berdasarkan kepercayaan kita bahawa tidak ada dua buah negara yang sama dalam segala-galanya, sama ada dari segi tahap kemajuannya, struktur kependudukan, masalah, malahan hinggakan kepada cara mengatasi sesuatu masalah itu sendiri. Oleh itu kita sebagai rakyat Malaysia tidak harus curiga dengan anjuran kononnya demokrasi kita bukan demokrasi. Tentulah demokrasi kita mempunyai sempadan-sem-padannya, sebagaimana juga hakikatnya di seluruh dunia walaupun di negara yang dianggap paling liberal sekali. Demokrasi tanpa sempadan sebenarnya bukan demokrasi yang dapat berbuat sesuatu yang berfaedah malahan ia adalah anarki dan huru-hara. Kita bernasib baik kerana sebahagian besar daripada rakyat di negara ini sedar betapa pentingnya sistem demokrasi kita bagi keperluan kita, kerana jika sebahagian besar rakyat menerima anjuran demokrasi tanpa sempadan, sistem yang akan wujud bukan lagi demokrasi tetapi satu bentuk cengkaman yang akan melenyapkan semua kebebasan.

Itulah sebabnya kita, sebagai anggota di dalam Barisan Nasional dan sebagai rakyat yang cintakan negara, mesti berhati-hati di dalam usaha pembangunan politik 'political development' kita. Politik adalah alat dan bukannya matlamat kita. Menganggap politik sebagai matlamat boleh mengaburkan mata kita tentang matlamat-matlamat sebenar kita, iaitu kebahagiaan, kestabilan, keharmonian dan sebagainya yang harus dinikmati oleh rakyat sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan maju.

Keadaan ekonomi dan politik di peringkat antarabangsa masih berada ditahap yang membimbangkan kita. Walaupun kita tidak terancam dengan serious tetapi kita tidak dapat memastikan dengan tepat bilakah keadaan akan pulih semula. Adalah menjadi harapan kita bahawa ekonomi dunia akan beransur-ansur pulih menjelang pertengahan tahun hadapan. Dari segi politik pula kita berharap sesuatu asas penyelesaian yang adil akan tercapai di Asia Barat dan keadaan di wilayah Asia Tenggara akan kembali stabil dengan penyelesaian masalah Kampuchea.

Sebagai anggota masyarakat dunia kita bimbang suasana ekonomi dan politik yang tidak stabil akan membawa masalah ekonomi, politik, dan sosial yang lebih kompleks dan berpanjangan. Walaupun kita optimis bahawa ini satu kemungkinan yang tipis namun ia memerlukan tindakan yang betul-betul tegas dan berani oleh semua pihak terutama sekali oleh negara-negara maju dan negara-negara besar. Oleh itu kita tidak dapat menghilangkan kebimbangan kita dengan sewenang-wenang.

Petang ini saya akan berlepas ke New York untuk menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu. Tentulah sebagai sebuah negara yang kecil sumbangan kita ke arah penyelesaian masalah-masalah yang besar ini hanya merupakan setitik air di dalam satu takungan yang besar. Namun begitu adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mengutarakan hujah kita sebagai anggota masyarakat dunia yang bimbang dengan suasana yang wujud pada masa ini.

Walaupun adalah di luar kuasa kita untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh dunia, kerjasama kita dengan rakan-rakan kita di dalam forum-forum antarabangsa boleh membuktikan tahap kebimbangan dan kejujuran kita untuk membantu mencari penyelesaian kepada masalah bersama.

Dalam keadaan ekonomi yang wujud sekarang, kita tidak harus melihatnya tanpa melakukan sesuatu. Kita bukan sahaja harus menyesuaikan perbelanjaan kita dengan keupayaan kewangan kita malah kita harus melihat suasana yang wujud sebagai satu oportuniti untuk kita mengukuhkan asas-asas yang akan meningkatkan ketahanan kita dalam semua bidang. Sebagai gabungan parti-parti yang mendukung Kerajaan, setiap parti komponen mestilah menggerakkan jenteranya untuk membantu Kerajaan menyusun cara berfikir dan bertindak yang positif supaya apabila ekonomi dunia pulih kelak kita akan berada di hadapan dengan segala persiapan untuk mengambil segala peluang dari ekonomi yang berkembang.

Sebagai Pengerusi Barisan Nasional, saya mempunyai tanggungjawab yang berat untuk memelihara keharmonian berpolitik di kalangan anggota Barisan. Saya yakin, semua anggota Barisan faham dengan jentera yang wujud bagi menjamin kepentingan semua pihak. Sebagai satu keluarga yang besar, Barisan Nasional tidak dapat mengelakkan diri dari perbezaan-perbezaan pendapat. Sebenarnya perbezaan-perbezaan tidak semestinya merupakan sesuatu yang buruk, kerana jika perbezaan-perbezaan ini diselesaikan dalam suasana yang matang kita akan mendapat banyak manfaat daripadanya. Ini adalah satu realiti di dalam Barisan Nasional. Tetapi di samping membenarkan perbezaan-perbezaan yang sihat kita juga harus membendung perbezaan-perbezaan yang boleh membawa kerenggangan dan perpecahan. Ini adalah satu sikap dan fahaman yang harus dihayati oleh semua peringkat kepimpinan dan ahli di dalam parti-parti komponen Barisan Nasional.

Akhir kata, dengan harapan ini dan dengan ucapan selamat bersidang, saya dengan segala sukacitanya membuka Perhimpunan Agung GERAKAN Yang Ke-11 dengan rasminya.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG MCA YANG KE-30
DI WISMA MCA, KUALA LUMPUR
3HB. OKTOBER, 1982

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada MCA kerana kejayaan yang cemerlang yang dicapai oleh MCA dalam pilihanraya 1982. Kemenangan MCA di Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka membuktikan kebolehan MCA memikat hati pengundi dalam suasana di mana parti-parti lawan begitu mengguna sentimen kaum untuk membakar perasaan kaum Cina. Kemenangan dan proses berkempen juga membuktikan bagaimana orang MCA boleh bekerjasama dengan orang UMNO dengan rapatnya untuk menjayakan Barisan Nasional. Saya mengucapkan syabas kepada pemimpin-pemimpin MCA terutamanya dan ahli-ahli MCA amnya. Teruskanlah usaha dan sikap ini. Saya yakin Malaysia akan kekal sebagai negara yang aman damai dan semua penduduk akan memperolehi kebahagiaan.

Negara kita sudah mencapai usia sesuku abad. Tidak ada siapa, termasuk pengkritik-pengkritik dalam dan luar Malaysia, yang boleh berkata bahawa kita tidak mencapai kejayaan. Sebenarnya semua terpaksa mengaku bahawa kita telah mencapai kejayaan yang luar biasa. Dalam masa 25 tahun, pembangunan kita adalah empat kali lebih banyak daripada apa yang dicapai sepanjang Malaysia berada di bawah pemerintahan asing. Sebenarnya perkembangan atau "growth" kita adalah lebih pesat dari negara-negara maju di Eropah atau Amerika pada waktu yang sama.

Tetapi yang terbaik sekali ialah keharmonian kaum yang terdapat di masa ini. Memang benar kita belum mencapai integrasi kaum sehingga ternyata perpaduan kaum wujud. Tetapi segala ramalan tentang pergaduhan kaum yang dibuat oleh "the prophets of doom" di waktu kita mencapai kemerdekaan dan di waktu peristiwa Mei 1969 tidak menjadi kenyataan. Ekonomi Malaysia telah tumbuh dengan lebih pesat sejak merdeka dan lebih lagi selepas 1969.

Oleh itu kita boleh mengucapkan tahniah kepada diri kita sendiri kerana kejayaan kita dalam menentukan perpecahan kaum tidak berlaku dan mengancam kemajuan Malaysia. Namun demikian kita tidak boleh bersenang-senang di atas kejayaan kita yang terhad ini. Kita perlu berusaha untuk meningkatkan lagi prestasi keharmonian antara kaum di negara yang kita kasihi ini.

Kita bercakap tentang kasih kepada negara kita Malaysia. Kita juga dakwa tentang taat setia kita kepada negara kita. Tetapi kasih dan taat setia kepada negara mem-

punyai tafsiran yang berbeza-beza. Ada yang berpendapat bahawa mengaku diri sendiri sebagai warganegara sudah cukup bagi membuktikan kasih dan taat setia. Dan ada yang berpendapat bahawa cuma jikalau sanggup mati berperang untuk negara baharulah kasih dan taat setia mempunyai makna. Di antara kedua-dua ekstrim ini terdapat banyak tafsiran lain.

Saya tidak berpendapat bahawa cuma orang yang sanggup mati untuk negara baharulah kasih dan taat setia. Tetapi saya tidak dapat menerima bahawa orang yang tinggal negara ini semata-mata kerana terdapat sedikit masalah adalah warganegara yang taat.

Sebagai warganegara kita mesti terima "the good with the bad" dalam negara kita. Tidak ada siapa dalam negara ini sama ada dia dari keturunan Cina, atau India, atau Melayu yang akan dapati bahawa semua yang terdapat dalam negara ini secukup dengan kehendaknya. Orang Melayu mempunyai banyak yang mereka tidak puas hati dalam negara ini. Saya tidak perlu sebut apa dia kerana ini cuma akan memburukkan suasana perpaduan. Sudah tentu saudara-saudari sebagai orang keturunan Cina mempunyai banyak perkara yang saudara-saudari tidak puas hati. Begitu juga dengan orang keturunan India.

Tetapi jikalau kerana ada yang tidak secukup dengan kita maka kita pindah ke negeri lain dan dari sana kita kecam negara kita sendiri, ini bukanlah bukti yang kita cinta dan taat setia kepada negara kita sendiri. Lebih-lebih lagi jika di negara yang kita pergi, kita tidak dapat apa yang kita kata tidak ada di negara kita. Ramai dari rakyat Malaysia dari keturunan Cina, yang pergi ke Australia dan Kanada kononnya kerana bahasa Cina tidak dilayan di Malaysia, tidak kecewa bila di sana tidak ada tempat sama sekali untuk pelajaran bahasa ibunda. Saya yakin dalam masa satu generasi semua orang yang tinggalkan Malaysia tidak akan dapat bercakap dalam bahasa nenek moyang mereka.

Selain dari itu diskriminasi yang lebih ketara diamalkan terhadap mereka yang menjadi imigran di sana. Peluang untuk mereka juga berkurangan, dan sudah tentu peluang untuk anak mereka adalah tipis. Tetapi mereka ini sanggup menerima tekanan-tekanan ini di negara di mana mereka menjadi imigran. Di Malaysia mereka tidak sanggup.

Memandang kepada peristiwa inilah maka timbul perasaan di kalangan lain-lain warganegara Malaysia bahawa kumpulan itu dan kumpulan ini tidak punyai kasih sayang dan taat setia kepada negara. Walau apapun alasan yang mereka beri, mereka tidak boleh lari dari tuduhan bahawa kewarganegaraan mereka terhadap kepada yang sedap bagi mereka sahaja, yang tidak kena pada hati mereka, yang bercorak tanggungjawab kepada negara, mereka tidak sanggup memikul.

Mereka ini bukanlah warganegara tetapi adalah semata-mata "birds of the passage" yang cuma singgah di Malaysia. Dan kerana perbuatan mereka maka kaum mereka tercemar dan terdedah kepada tuduhan tidak taat setia dan tidak cintakan negara.

Perpaduan masih belum tercapai dalam negara kita. Benar dalam bidang politik kerjasama yang erat dapat diadakan antara parti-parti yang mewakili kaum-kaum di Malaysia. Tetapi di luar dari politik, dalam bidang ekonomi dan sosial bukan sahaja tidak ada perpaduan tetapi perhubungan pun tidak wujud antara kaum.

Sebenarnya dalam bidang politiklah yang terdapat perbezaan yang jauh. Tetapi kerana kesedaran tentang bahaya permusuhan politik dalam negara yang mengamalkan demokrasi kita sanggup dan dapat membendung pendapat dan pendirian kita supaya dapat kita bekerjasama.

Malangnya dalam bidang sosial dan ekonomi kita tidak begitu takut dengan kesan perpisahan kaum yang jauh. Oleh itu tidak ada satu usaha yang bersungguh-sungguh untuk mendekatkan kaum dalam bidang ini. Walaupun Kerajaan sendiri mempunyai jabatan dan aktiviti untuk mengintegrasikan kaum, sokongan dan penglibatan kumpulan-kumpulan tidaklah dibuat dengan penuh dedikasi.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
SELAKU PENERUSI BARISAN NASIONAL
DI PEMBUKAAN MUKTAMAR PARTI BERJASA
DI KOTA BAHRU, KELANTAN
16HB. APRIL, 1983

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan izinNya, dapat saya menunaikan permintaan Presiden Barisan Jemaah Islamiah Se Malaysia - BERJASA untuk menghadiri majlis ini dan menyampaikan sepatah dua kata ucapan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas jemputan untuk menghadiri majlis ini dan atas penghormatan yang diberikan kepada saya.

Tempoh selama saya memegang jawatan Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional adalah amat menarik sekali dari segi perkembangan politik negara. Bukan sahaja Barisan Nasional dengan parti-parti komponennya mencapai kejayaan di dalam Pilihanraya 1982, tetapi, dengan kewibawaan Barisan Nasional, dan Kerajaan yang ada, pergolakan dalam parti-parti pembangkang semakin ketara. Adalah jelas bahawa parti-parti yang membenarkan ekstrimisme menjadi cara perjuangan mereka tidak dapat diterima oleh sebahagian besar rakyat negara ini yang ingin hidup aman-damai dan berbaik-baik. Dengan perkataan lain, pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, dengan usaha-usaha konkrit dan dasar-dasar yang diterima rakyat, telah memperkukuhkan lagi kedudukan kita.

Sebagai orang Islam sudah tentulah menjadi tujuan kita untuk meninggikan syiar Islam di negara ini dan menyumbangkan apa-apa jua yang boleh mengukuhkan lagi perpaduan dan perkembangan Islam di kalangan umah di peringkat antara bangsa. Usaha-usaha meningkatkan syiar Islam mestilah dilihat pada dua peringkat, iaitu peringkat negara, dan peringkat antarabangsa. Kedua-dua peringkat ini saling mempengaruhi.

Kemajuan syiar Islam di negara kita tidak dapat dipisahkan dari perjuangan kebangsaan dan nasionalisme. Sabda Nabi s.a.w. "Hubbul watan minal iman", iaitu "cintakan tanah air merupakan sebahagian dari iman". Maksud hadis ini dengan jelasnya memperlihatkan kepada kita pentingnya Islam diperjuangkan di dalam konteks nasionalisme sesebuah negara. Perjuangan mempertingkatkan syiar Islam dalam konteks universal, tanpa penyesuaian dengan perjuangan dalam sesuatu keadaan, mungkin akan melemahkan perjuangan itu sendiri dalam jangka panjang.

Malangnya ada sesetengah golongan yang cuba mengaburkan mata umat Islam dengan tanggapan bahawa nasionalisme tidak mempunyai tempat di dalam

perjuangan Islam. Sebenarnya tanggapan seperti ini hanyalah merupakan permainan politik bagi memperkecilkan usaha-usaha Kerajaan dalam mengembangkan syiar Islam. Umat Islam di negara ini harus sedar bahawa kita merupakan hanya setengah daripada jumlah penduduk negara ini dan kita juga lemah di dalam berbagai-bagai bidang. Jika kita hanya khayal dengan keangkuhan bahawa kita kuat dan berkemampuan penuh untuk berbuat apa sahaja tanpa memikirkan suasana dan implikasinya, kita hanya bermain dengan api. Sementara kita merupakan setengah daripada jumlah penduduk negara ini, apakah boleh kita membuat kesimpulan bahawa jumlah ini mempunyai tahap keimanan yang begitu tinggi semuanya untuk berjihad, sedangkan kita sedar bahawa sebahagian daripada umat Islam di negara kita yang masih lemah dari segi spiritual dan materialnya. Umat Islam bukan sahaja dipengaruhi oleh unsur-unsur yang tidak sihat, malahan umat Islam kurang perpaduan, dan malang pula telah disemai dengan ajaran-ajaran yang boleh memecah-belahkan, oleh setengah-setengah oportunistik politik dan pengembang-pengembang agama yang menyeleweng.

Dalam keadaan seperti ini, yang harus menjadi tumpuan perhatian umat Islam yang inginkan kekuatan dan kemajuan ummah, ialah mengikis tabiat mencemar Islam dan menyemai konflik di kalangan umat. Dalam keadaan di mana sebahagian dari umat Islam kita masih lemah dari segi keimanan dan kemajuan, strategi yang paling sesuai ialah untuk memperkukuhkan asas-asas kedua-dua aspek ini, tanpa bertindak secara buta-tuli mengikut emosi, yang boleh menimbulkan implikasi yang akhirnya akan menambahkan lagi kelemahan kita.

Sesebuah negara tidak serupa dengan negara lain. Keadaan kita di Malaysia juga berbeza dengan keadaan di negara-negara lain. Apa-apa jua yang akan kita lakukan bagi memperkukuhkan kedudukan umat Islam dan syiar Islam di negara kita mestilah mengambil kira keadaan yang berbeza ini. Tindakan-tindakan kita mestilah mementingkan matlamat akhir di mana nilai-nilai Islam yang sebenarnya diamalkan oleh umat Islam, dan dapat menjadi ukuran dan contoh baik-buruk bagi rakyat Malaysia seluruhnya. Islam tidak menganjurkan paksaan supaya orang lain menjadi Islam, dan ini adalah kerana Islam merupakan agama rasional, dan agama yang boleh menarik minat semua orang. Tetapi ini mestilah dengan ketinggian Islam sendiri dari segi nilai dan amalannya.

Tidak guna kita mengadakan label itu Islam dan ini bukan Islam jika umat Islam tidak mengamalkan nilai-nilai Islam. Sebaliknya, jika kita menganjurkan amalan nilai-nilai Islam dengan semangat firman Allah Subhanahu Wataala yang maksudnya "berdakwahlah dengan cara yang lemah-lembut", dan umat Islam seluruhnya mengikut prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam, dengan sendiri nilai-nilai ini akan meresap ke dalam keseluruhan aktiviti-aktiviti kita. Ini tidak semestinya berlaku dalam masa yang singkat dan dibuat dengan gopoh-gapah tanpa perkiraan bahawa negara kita merupakan negara majmuk dan mempunyai masalah-masalahnya yang tersendiri.

Melalui sejarah perkembangan Islam di zaman Rasulullah s.a.w. yang memakan

masa selama 23 tahun, kita dapat meneliti satu hikmat pentingnya strategi dan diplomasi dalam mengembangkan syiar Islam. Jika dikehendakinya tentulah Allah Subhanahu Wataala menjadikan kaum Kurish Islam dalam masa yang sesingkat-singkatnya tanpa Rasulullah s.a.w. melalui berbagai-bagai liku perjuangan. Hikmat perjuangan Rasulullah s.a.w. ialah supaya kita berhati-hati tanpa kehilangan semangat dan perkiraan dalam mengembangkan syiar Islam. Ketika semangat Islam berkubar dengan kencangnya ketika ini, kita harus menjamin kejayaan perjuangan kita melalui tindakan-tindakan yang munasabah atau tanpa mendatangkan mudarat kepada kita. Kita mesti pentingkan pemerintahan yang adil dan bertanggungjawab. Ini dikehendaki oleh Islam.

Salah satu perkara yang merugikan umat Islam ialah wujudnya pemikiran setengah-setengah golongan yang memisahkan apa yang dipanggil sebagai ulamak dengan bukan ulamak, yang mendapat didikan Islam di institusi tempatan dan institusi negara-negara Islam, yang kononnya lebih Islam dengan yang kurang Islam. Bagi kita memperjuangkan Islam, yang penting ialah semua orang Islam, tidak kira latar belakang, kemahiran dan kelayakan, menggembelngkan ilmu pengetahuan, kepakaran dan kemampuan mereka sebagai satu tenaga yang menyeluruh bagi faedah kemajuan umat Islam. Kalau kita lihat di zaman keagungan Islam dahulu, tokoh-tokoh Islam yang terkemuka adalah dari berbagai-bagai bidang, dan yang dikatakan ulamak ialah mereka yang berilmu pengetahuan tinggi dalam berbagai-bagai ilmu dan bukanlah semata-mata golongan fukuha atau ahli-ahli fekah. Tetapi zaman kita ini perkataan ilmu yang sebenarnya memberi maksud sains dihadkan bagi pakar hukum, dan ada kalanya Islam seseorang diukur secara adat orang yang memakai pakaian tertentu. Bagi kepentingan Islam, pengertian yang luas dan hikmat-hikmat Islam harus benar-benar difahami oleh kita umat Islam, lebih-lebih lagi jika kita mahukan kejayaan.

Islam sebagai agama rasional yang tidak perlukan mukjizat dan peristiwa-peristiwa yang mencari adat untuk diterima, adalah agama yang mementingkan beberapa prinsip yang unggul untuk kemajuannya. Prinsip kesederhanaan, berusaha, berdikari, tolong-menolong, hormat-menghormati, amanah dan lain-lain lagi adalah nilai-nilai baik yang boleh diterima oleh semua orang. Nilai inilah yang sepatutnya menjadi kenderaan usaha menerapkan nilai-nilai Islam di dalam kehidupan di negara kita. Bukan pandangan ekstrim dan tindak-tanduk yang boleh menakutkan orang lain, tetapi pandangan yang akan memberi manfaat kepada Islam. Bukan cara paksaan yang akan memberi manfaat kepada Islam, tetapi dengan cara menunjukkan kebaikan Islam.

Di negara kita pada hari ini, Islam telah menjadi satu perkataan yang menimbulkan banyak reaksi. Kita tidak mahu Islam menjadi 'counter productive' sebagaimana di setengah-setengah tempat di mana Islam tinggal nama sahaja, sedangkan pengaruh-pengaruh kepercayaan lain dapat memikat orang-orang Islam yang kebanyakan lemah dari segi keimanan dan kebendaan. Jika Islam hanya dapat menakut-nakutkan orang tentulah dengan mudah Islam akan ditinggalkan, apatah lagi jika cara-cara yang digunakan oleh orang lain lebih menarik dan halus.

Politik yang mencemarkan Islam akan merugikan umat Islam. Perjuangan politik untuk Islam tidak seharusnya didorongkan oleh nafsu untuk mencari kuasa dan mendapat jawatan. Sesuatu parti politik, kerana berada di luar Kerajaan menyemaikan idea-idea ekstrim bukan sahaja akan menjejaskan usaha-usaha Kerajaan bagi memajukan umat Islam, tetapi secara tidak langsung telah memupuk satu bentuk musuh yang akan memakan parti itu sendiri. Ini telah terbukti dengan pergolakan di dalam PAS. Kerana inginkan kuasa, ada ahli-ahli PAS yang cuba memikat hati umat Islam dengan idea perjuangan Islam yang sempit dan perjuangan radikal ala-Iran. Sepatutnya PAS, sebagai parti yang dikatakan parti Islam, menunjukkan nilai-nilai keIslamannya dalam perjuangannya, bukan sebagaimana parti-parti pembangkang seperti DAP yang memang tidak menonjolkan nilai-nilai Islam. Kita bukan hendak mengajar, tetapi cuma mengingatkan mereka bahawa Islam mementingkan umatnya berfikir dan bertindak secara bertanggungjawab, dan lebih mementingkan kejayaan bagi Islam bukan kerana mahukan kuasa.

Dengan kajian terperinci kita sedang membina institusi-institusi Islam bukan sahaja bagi memudahkan umat Islam tetapi supaya umat Islam, setingkat demi setingkat, akan mengamalkan nilai-nilai Islam. Inipun kita dicaci, kononnya kita tidak jujur, dan cuma mengadakan semua ini untuk mengaburi mata umat Islam. Kejujuran adalah di hati dan kita tidak harus mempermain dan mempersendakan Islam.

Banyak yang perlu kita buat bagi memajukan negara, membawa kebahagiaan kepada rakyat dan umat Islam. Kita perlukan sokongan dan kerjasama bagi memudahkan kita mencapai cita-cita kita ini. Usaha-usaha untuk meningkatkan daya pengeluaran negara, memperkemas jentera pentadbiran yang bersih, cekap, beramanah yang menjadi teladan, memupuk kerjasama di kalangan semua sektor, mengukuhkan nilai-nilai mulia dan disiplin di kalangan rakyat semuanya adalah untuk kebahagiaan kita dan masa depan kita. Yang penting, jika kita mahukan semua ini dicapai, ialah kita semua - rakyat Malaysia - berfikiran sebagai satu keluarga dan bertindak sebagai satu persaudaraan ke arah matlamat masa depan kita yang lebih cemerlang ini.

Setiap parti komponen Barisan Nasional telah dapat bekerjasama bagi kebaikan dan masa depan negara ini. Keadaan ini akan menjamin usaha-usaha kita akan dapat diteruskan bagi kebaikan semua. Berjasa, sebagai salah sebuah parti dalam Barisan Nasional, telah sama-sama membuat sumbangan kepada kebahagiaan bersama. Kalau hendak diukur siapa yang lebih banyak membuat sumbangan tentulah susah. Landasan kita adalah jelas, cuma yang penting bagi kita di dalam Barisan Nasional ialah memperkukuhkan lagi jentera parti, menjamin perpaduan dan memupuk kelahiran barisan pemimpin bagi menjamin Barisan Nasional akan sentiasa berkemampuan memberi kepimpinannya yang dinamis.

Tentulah Muktamar ini akan membincangkan banyak perkara. Saya cuma dapat mengucapkan selamat berbincang dan selamat maju jaya. Dengan ini juga saya merasmikan Muktamar Berjasa dibuka.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PEMBUKAAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC
DI BANGUNAN RISDA, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR
4HB. JUN, 1983

Saya mengucapkan terima kasih kepada Presiden MIC, Dato' Samy Vellu dan Jawatankuasa Pusat MIC, kerana menjemput saya untuk merasmikan Perhimpunan Agung MIC yang ke-31 ini.

Di dalam sebuah negara yang masyarakatnya berbilang keturunan, kepercayaan dan latarbelakang sosial ekonominya, Malaysia menjadi perhatian peminat-peminat politik di dalam dan di luar negeri. Bagaimana sebuah masyarakat majmuk yang diwakili oleh begitu banyak parti politik dapat bekerjasama untuk menuntut kemerdekaan, mentadbir dan membangunkan negara menjadi satu perkara aneh di kalangan pihak-pihak tertentu.

Tidak asing pula di sebalik kejayaan kita, ada kecaman-kecaman yang dibuat kerana kononnya kita sebagai sebuah perahu hanyut yang penumpangnya sentiasa berselisih faham sesama sendiri, dan ada pula yang membuat tuduhan kononnya di dalam sistem kita, sebuah parti atau pihak menindas parti-parti rakan yang lain dalam perkongsian Perikatan dan Barisan Nasional. Bagi pihak yang menghargai sesuatu pencapaian, khususnya kita sendiri di dalam Barisan Nasional dan rakyat Malaysia amnya, ini semua adalah pengajaran yang tidak ternilai yang dapat memandu kita untuk terus menjayakan negara kita Malaysia.

Sebenarnya, hakikat bahawa kita sebuah negara kecil yang masyarakatnya berkelompok-kelompok dan perlu hidup berharmoni, adalah satu kekuatan bagi kita. Ini jika dilihat secara positif. Secara negatif, perbezaan boleh ditafsir dan dijadikan bahan untuk melemahkan perpaduan. Di kalangan cerdik-pandai, teori konflik memang lumrah sekali, hingga seolah-olah tiap-tiap sesuatu itu adalah berasaskan kepada konflik dan mereka tidak senang jika sesuatu keadaan mencabar kebenaran teori konflik mereka.

Masyarakat Malaysia, sama ada bumiputera dan mereka yang berketurunan Cina atau India, hingga ketika ini masih sedar tentang sejarah dan asal keturunan mereka, dan bagaimana tanahair mereka sekarang iaitu Malaysia - walau diburuk-burukkan oleh pihak-pihak tertentu - adalah tempat mereka berteduh dan menaruh untung. Walaupun kebanyakan mereka tidak pernah ke negara-negara lain, dan tidak berpeluang melihat dengan mata sendiri tentang kesusahan hidup di negara-negara

lain, mereka sedar bahawa Malaysia adalah tempat yang makmur yang tidak menekan sesiapa yang ingin hidup aman-damai dan ingin mencari nafkah yang halal. Kalau di setengah negara kelaparan dan kebuluran menjadi perkara biasa, manusia dijual-beli untuk mendapat wang, dan pengemis berkeliaran, di negara kita pula semua ini susah kita temui. Itulah sebabnya rakyat asing yang susah mencari pekerjaan dan nafkah di negara mereka begitu berhasrat untuk datang dan berhijrah ke negara kita. Pendapatan beberapa bulan dengan menjual kuih dan minumanpun sudah dapat menampung keperluan kehidupan keluarga mereka di negara mereka untuk sekian lama.

Kerana kebanyakan rakyat Malaysia sedar tentang hakikat inilah yang menjadi salah satu asas bagi mereka berusaha memelihara negara ini daripada dimusnahkan oleh mana-mana pihak. Hingga sekarang, walaupun ada pihak-pihak yang menganjurkan kononnya mereka boleh memberi alternatif yang lebih baik dengan sistem dan ideologi baru, rakyat Malaysia tidak menerimanya.

Ada pihak yang tidak habis-habis mengecam kita, konon kita tidak demokratik, kolot, kejam, menyekat kebebasan dan lain-lain. Memang kita akui bahawa kita tidak sebeb apa yang didapati dalam buku-buku yang mengupas teori demokrasi. Sebenarnya demokrasi yang ideal memang tidak ada di mana-mana. Setengah negara yang begitu lantang mengaku diri mereka demokrasi, senang-senang mengintip hal peribadi rakyat mereka, dan tanpa segan-silu campur tangan dalam hal ehwal negara lain. Mereka ada macam-macam sekatan, tetapi oleh sebab wartawan-wartawan dan penulis-penulis mereka mempunyai prasangka terhadap kita, yang dikecam ialah kita.

Tujuan saya menyebut perkara ini ialah kerana ada di kalangan rakyat kita yang begitu terpengaruh dengan mentaliti asing hinggalah mereka hanya dapat menyanjung apa yang ada pada orang lain sahaja dan mengecam bermati-matian negara dan tanahair mereka. Memang ada kebaikan kepada orang lain, tetapi ini tidak bermakna yang ada pada kita semuanya tidak baik. Kebebasan tanpa batasan hanya menggalakkan golongan yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan keganasan. Apakah demokrasi untuk merestui orang yang mengganas, dan apakah hidup dalam keadaan anarki dan ketakutan itu demokrasi? Tentu tidak, tetapi kalau demokrasi dianggap kebebasan mutlak, ia bermakna melindungi keburukan, dan kejahatan serta mengancam kebahagiaan dan kebebasan majoriti.

Dengan Barisan Nasional bukan bermakna kita tidak ada masalah. Masalah ada di mana-mana sahaja. Hidup seorang diri di pulau terpencilpun ada masalah. Hidup di bandar ada masalah, hidup di desapun ada masalah. Yang penting ialah kesabaran dan keinsafan dan usaha yang dibuat untuk mengatasi masalah. Kalau diheboh-hebohkan masalah mungkin tinggal sebagai masalah juga. Itulah sebabnya sebagai satu persefahaman perkara-perkara melibat parti-parti komponen Barisan Nasional dibincangkan secara tertutup tanpa diheboh-hebohkan. Inilah semangat Barisan Nasional, dan dengan cara ini lebih senang kita mencari penyelesaian dan mendapat persefahaman.

Dalam Barisan Nasional, kita tahu tidak semua tuntutan yang dibuat oleh mana-mana pihak, sama ada tuntutan orang Melayu, orang Cina atau orang India atau bumiputera lain, akan berhasil. Jika mana-mana pihak berjaya mendapat semua tuntutan mereka melalui desakan, inipun akan menimbulkan masalah yang besar. Sebenarnya pentadbiran negara Malaysia perlu mengambilkira kepentingan semua pihak, tetapi akhirnya kepentingan negara, yang tidak semestinya memenuhi kehendak semua pihak dengan sepenuhnya, yang hanya diberi keutamaan. Di Malaysia kalau dikira tidak semua tuntutan orang Melayu yang berhasil, dan demikian juga tuntutan kaum-kaum lain. Jika kita sayangkan demokrasi dan cara hidup berharmoni, cara dan adat yang kita amalkan di dalam Barisan Nasional perlu diteruskan dan perlu diberi sokongan oleh semua pihak.

Tidak semua masalah yang dapat diatasi sekali gus. Kita lihat sahaja pelaksanaan Bahasa Malaysia, kita laksanakan dengan beransur-ansur. Ada pihak yang bermati-mati mahu melaksanakannya sekali gus, tetapi jelas terbukti bahawa sebahagian besar rakyat inginkan cara yang berkesan dan selamat, walaupun mengambil masa sedikit. Begitulah juga dalam banyak hal yang lain. Kalau dilihat dari sudut orang Melayu dan bumiputera yang lain, tentulah kemerdekaan sepatutnya mengubah kehidupan mereka dalam sedetik masa. Tetapi, setelah 25 tahun merdeka, dengan berbagai-bagai usaha, kita masih lagi dalam proses memperbaiki keadaan mereka, dan kita juga tidak ketinggalan menjalankan usaha-usaha untuk kebaikan semua kaum dan lapisan masyarakat. Kalau mana-mana pihak bersikap tamak, tidak sabar dan tidak faham bahawa kita tidak dapat mengubah sesuatu keadaan dalam masa yang singkat, tentulah negara kita akan hancur. Harus kita ingat bahawa negara yang jauh lebih lama merdeka dari kita masih mempunyai rakyat yang tidak berpuas hati kerana berbagai kekurangan. Sebab itu negara-negara yang sudah majupun tidak sunyi dari kecaman oleh rakyat mereka kerana masih banyak kemudahan tidak diadakan dan keadaan yang tidak sempurna masih terdapat.

Dalam negara kita terdapat ahli politik yang suka mengamalkan cara-cara yang terasing dari kita. Mereka ini tidak puas hati kerana di negara kita perbalahan politik berlaku dalam keadaan yang tertib dan tenang. Mereka tidak puas hati kerana tindakan liar, mogok politik, campurtangan kuasa asing serta pembunuhan kanak-kanak, orang tua dan suku kaum tertentu tidak berlaku. Oleh itu mereka tidak segan-segan dan tidak berhenti-henti mencipta berbagai peristiwa supaya suasana ketegangan wujud dan perhatian ditumpukan kepada mereka.

Sebagai anggota Parti Barisan Nasional, janganlah kita benarkan diri kita dipengaruhi oleh 'critics' orang jenis ini. Jika mereka ingin meniru amalan-amalan negara asing biarlah mereka sahaja mengamalkannya. Malaysia tidak perlu jenis politik yang bergantung kepada 'sensationalism' dan 'violence'. Politik Malaysia adalah politik rundingan, politik dialog di mana 'common sense' adalah lebih utama dari emosi dan 'sensationalism'.

Baru-baru ini Kerajaan telah melancarkan konsep Persyarikatan Malaysia. Semangat di sebalik konsep ini ialah persefahaman dan kerjasama antara sektor awam

dan swasta, dan ia juga bererti persefahaman dan kerjasama antara berbagai kaum. ... bukan bermakna dahulu tidak ada persefahaman dan kerjasama. Tetapi yang kita harapkan ialah peningkatan persefahaman dan kerjasama ini, kerana dengan persefahaman dan kerjasama yang erat yang berpandukan kepada matlamat kepentingan dan faedah bersama, boleh membuka peluang yang lebih banyak lagi dalam berbagai bidang bagi kita semua. Banyak perkara yang boleh dipraktikkan melalui konsep Persyarikatan Malaysia dan hasilnya tentulah bagi meningkatkan perpaduan, ketahanan dan maruah negara.

Selalunya sesuatu anjuran Kerajaan dilihat oleh setengah-setengah pihak dari sudut-sudut yang sempit dan kadangkala ditafsirkan sesuka hati mengikut dorongan perasaan hinggakan menjadi isu politik dan isu peribadi. Walaupun demokrasi kita tidak membuat sekatan terhadap kritikan, tetapi kritikan yang melulu boleh mematahkan semangat dan kejayaan sesuatu yang diusahakan. Sebagai Kerajaan yang didukung oleh apa yang boleh kita katakan sebagai Persyarikatan parti-parti komponen Barisan Nasional, konsep-konsep atau pendekatan-pendekatan yang dianjurkan perlulah diberi penelitian oleh setiap parti. Penelitian semua pihak bukan sahaja perlu bagi menjamin kejayaannya, tetapi bagi mengemukakan pendapat-pendapat dan langkah-langkah munasabah bagi menambah kekesanannya.

Perhimpunan Agung sesebuah parti komponen Barisan Nasional adalah peristiwa penting di negara kita. Asas-asas yang dipersetujui oleh setiap parti komponen menjadi sumbangan yang penting ke arah mengukuhkan teras Barisan Nasional dan Kerajaan. Sebagai Pengerusi Barisan Nasional saya mengambil kesempatan ini menyampaikan harapan saya agar perhimpunan ini berjaya membuat sumbangan ke arah keutuhan MIC, Barisan Nasional dan Kerajaan.

Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya membuka Perhimpunan Agung MIC ke-31 dengan rasminya.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN GERAKAN
DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR
23HB. JULAI, 1983

Ini adalah kali yang ke tiga berturut-turut saya diberi penghormatan untuk merasmikan Mesyuarat Perwakilan Tahunan Parti GERAKAN. Saya mengucapkan terima kasih kepada Dato Dr. Lim Kheng Yaik, Presiden Parti GERAKAN, dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja sekalian, diatas jemputan, untuk menghadiri Majlis ini dan penghormatan yang diberikan kepada saya.

Tahun lalu, di dalam ucapan saya, saya telah menyentuh tentang kejayaan Barisan Nasional di dalam Pilihanraya Umum 1982. Saya juga menyentuh tentang betapa perlunya kewibawaan Barisan Nasional di dalam realiti politik di Malaysia. Kejayaan Barisan Nasional adalah berdasarkan kepada keyakinan sebahagian besar rakyat Malaysia kepada dasar-dasar yang dilaksanakan dan kerana mereka berpandangan jauh, mahukan keamanan, kestabilan dan kemakmuran dan masa depan yang terjamin lagi bahagia. Sebahagian besar rakyat tidak mahu apa-apa yang boleh mencestuskan huru-hara yang akan hanya merugikan mereka juga akhirnya.

Walaupun sebahagian besar dari rakyat Malaysia inginkan cara hidup yang aman, selamat dan makmur, ada sebahagian rakyat yang dengan mudah terpedaya dengan pendirian-pendirian ekstrim beberapa orang yang sanggup mengungkit isu-isu sensitif dan perkauman bagi tujuan politik mereka. Ini adalah amat mendukacitakan, kerana taktik politik seperti ini, walaupun digunakan dalam musim pilihanraya terutamanya, tetapi ia mendatangkan kegelisahan di kalangan rakyat yang tidak begitu faham dengan kedudukan dan isu-isu sebenarnya. Dengan mudah perasaan dan sentimen mereka dapat dibangkit dan dibakar. Ini telah berlaku di Kepayang, Perak dan di Raub, Pahang, di mana Barisan Nasional telah kehilangan dua kerusi di dalam pilihanraya kecil kerana parti pembangkang telah menggunakan isu-isu perkauman.

Bagi kita anggota-anggota Barisan Nasional apa yang terjadi di Kepayang dan di Raub harus menjadi pengajaran kepada kita untuk mengukuhkan lagi persefahaman dan perpaduan dan toleransi di kalangan Barisan Nasional, dan meyakinkan rakyat bahawa pendirian ekstrim tidak mempunyai tempat di dalam politik tanah air kita, dan supaya kita terus berusaha untuk menebus kembali apa-apa jua kelemahan yang telah meresapi Barisan Nasional. Sebagaimana yang saya pernah sebutkan di dalam ucapan saya tahun lalu, kita tidak boleh membiarkan perbezaan pendapat menjadi unsur yang merenggangkan kerjasama di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional dan

juga ahli-ahlinya. Apa-apa jua usaha dan sumbangan setiap daripada ahli dalam Barisan Nasional ke arah kewibawaan Barisan Nasional yang lebih lagi, akan menjadi pelaburan yang amat bernilai bagi masa depan negara.

Kerajaan telah menganjurkan beberapa pendekatan dan membuat penyesuaian dasar bagi membolehkan negara kita mencapai tahap kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi lagi di masa-masa yang akan datang dan supaya rakyat akan memperolehi faedah-faedah yang lebih lagi dari pembangunan. Dari apa yang saya tahu, ramai di antara para pemimpin, pegawai dan orang-ramai yang keliru, dan kurang faham dengan pendekatan-pendekatan yang dibuat. Sebenarnya pendekatan-pendekatan, ataupun dasar-dasar ini boleh difaham dengan mudah jika seseorang membaca dan meneliti tentang apa yang dimaksudkan dengan sesuatu konsep atau dasar itu. Jikalau tidak faham sekali baca, hendaklah diulangi lagi supaya dapat dilihat sudut-sudut yang dipentingkan di dalam sesuatu konsep itu. Ada mereka yang keliru kerana mereka tidak membaca sendiri tentang konsep ini, dan hanya mendengar dari orang lain, yang mungkin telah menokok-tambah menurut selera masing-masing. Ada pula mereka yang membaca secara sepintas lalu sahaja, dan membiarkan pula imaginasi mereka merangkumi perkara-perkara yang mungkin tidak disentuh oleh sesuatu konsep. Itulah sebabnya, seperti saya sebutkan, konsep-konsep ini mesti difaham dan diteliti maksudnya dengan membaca dan mengulangi membaca tentangnya. Selalunya, asas-asas bagi memahami konsep-konsep ini terdapat di dalam buku-buku tertentu yang ada di pasaran.

Pandang Ke Timur, misalnya, walaupun beberapa kali saya telah jelaskan bahawa ia bertujuan untuk mengambil contoh-contoh yang baik dari negara-negara yang lebih maju dari kita, yang boleh dicontohi, seperti Jepun dan Korea, khususnya dari aspek-aspek etika kerja, cara pengurusan dan peningkatan daya pengeluaran, namun masih ramai yang menekankan kononnya kita ingin menjadikan orang Malaysia seperti orang Jepun, dan menjadikan negara Malaysia sebagai negeri Jepun. Sebagai bangsa dan negara yang berdaulat, kita tidak mahu bertuankan sesiapa, dan kita tidak mahu menjadi seperti sesiapa juga, kerana kita mempunyai identiti kita sendiri, dan mempunyai maruah kita sendiri. Tetapi, contoh-contoh tidak ada salahnya jika yang boleh memberi faedah kepada kita, kita ambil, jangan katakan dari Jepun atau Korea, malahan dari mana-mana juga harus kita ambil asalkan tidak bertentangan dengan asas-asas nilai, kepercayaan dan sistem kehidupan kita. Ada pula yang membangkitkan soal orang Jepun bengis ketika perang dulu. Bukan sahaja kita tidak harus tiru kebengisan Jepun malahan kalau kita pun bengis, kita harus buang kebengisan itu. Ada orang yang membangkitkan perkara ini kerana takut nanti pisang berbuah dua kali, maknanya nanti Jepun menjadikan kita mangsa perang sekali lagi dengan segala kebengisannya. Kalau sesiapa mahu menakluki kita, mereka tidak akan menanti sama ada kita berbaik dengan mereka atau belajar dari mereka. Tetapi, kalau kita mencari sebab dan dalih kerana tidak mahu yang baik, itu amat merugikan.

Persyarikatan Malaysia diberi berbagai tafsiran. Konsepnya senang sahaja, iaitu menggambarkan negara kita seolah-olah dan saya saya ulangi, seolah-olah seperti satu

badan swasta di mana Kerajaan mempunyai saham dan kepentingan dan dengan itu sektor awam amat bergantung kepada kejayaannya dan sepatutnyalah membantu bagi menjayakannya. Ada mereka yang dengan penuh imaginasi menyatakan projek itu atau program ini sebagai Persyarikatan Malaysia. Ini tidak tepat. Persyarikatan Malaysia cuma merupakan satu pendekatan atau "approach". Satu projek seperti projek usaha-sama dan lain-lain tidak sebenarnya bermakna Persyarikatan Malaysia. Yang membawa kenyataan kepada konsep ini ialah kerjasama dan persefahaman di antara anggota-anggota sektor awam dan sektor swasta bagi membolehkan sektor swasta menjalankan aktiviti-aktiviti mereka lebih berkesan lagi. Ini bermakna segala kelemahan di dalam sektor awam yang boleh menjejaskan kelulusan, perjalanan, atau prestasi sektor swasta harus diatasi dan disingkirkan dan diganti dengan cara-cara dan peraturan baru yang lebih sesuai dan berkesan. Persyarikatan Malaysia adalah cuma satu gelaran, supaya senang kita ingat dan senang kita gambarkan. Bagi menjayakan konsep ini, mestilah ada sikap yang betul-betul positif di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan sektor awam dan sektor swasta. Persefahaman dan kerjasama mengikut konsep Persyarikatan Malaysia tidak bermakna dasar-dasar dan peraturan penting perlu diketepikan.

Baru-baru ini Kerajaan telah menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam. Sebenarnya ramai orang yang kurang faham tentang Islam dan orang Islam. Orang Islam dikehendaki menjalankan cara hidup mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan di dalam Islam. Jika bagi orang Kristian mereka ke gereja pada hari Ahad untuk sembahyang, tetapi bagi orang Islam, sembahyang pada tengah hari, hari Jumaat hanya merupakan satu dari sembahyang yang jumlahnya sekurang-kurangnya lima kali sehari mengikut waktu dan disiplin yang ditetapkan. Jadi dalam Islam banyak sekali amal ibadatnya dan orang Islam perlu patuh kepada peraturan-peraturan ini, dan bagi membolehkan mereka mematuhiinya, kemudahan-kemudahan tertentu adalah amat perlu. Dalam semua hal orang Islam mempunyai cara dan peraturan yang tertentu; ini meliputi keseluruhan hidup mereka. Mereka tidak mempunyai pilihan lain. Begitu juga Islam mempunyai falsafahnya, dan mungkin di antaranya sama dengan falsafah kepercayaan-kepercayaan lain, misalnya kesederhanaan, toleransi, keadilan, kebersihan, persaudaraan dan banyak lagi. Cuma dalam Islam semuanya ini mempunyai peraturan-peraturan yang amat lengkap. Ini tentulah sukar untuk diketahui oleh orang bukan Islam yang tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang agama ini. Yang penting ialah orang bukan Islam perlu faham bahawa amalan ajaran Islam oleh orang Islam tidak akan mengganggu kehidupan orang bukan Islam sehingga menjadi masalah kepada mereka.

Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ialah dengan tujuan supaya kita dapat menghidupkan semula peranan orang-orang Islam sebagai peneroka ilmu-ilmu baru seperti yang telah dimainkan oleh mereka dalam zaman kegemilangan Islam. Kita tahu bahawa banyak ilmu-ilmu yang kita pelajari sekarang, umpamanya algebra, alchemy, astronomy, beberapa bidang pathology dan perubatan dan lain-lain diasaskan kepada kaji-selidik pakar-pakar Islam. Tetapi kerana sebab-sebab tertentu mereka tidak lagi berminat dalam bidang-bidang pengajian ini dan akibatnya mereka

telah ketinggalan. Dengan adanya Universiti Islam maka kajian-kajian dalam berbagai jenis ilmu dapat sekali lagi diterokai oleh cerdik-pandai Islam. Di samping itu penuntut-penuntut Islam dan bukan Islam bolehlah belajar di Universiti Islam sama seperti di universiti-universiti lain. Yang mungkin berbeza sedikit ialah penuntut-penuntut di Universiti Islam dikehendaki mempelajari tamadun, kebudayaan dan falsafah Islam dan universiti pula akan diurus mengikut kehendak-kehendak dan cara-cara yang tidak bertentangan dengan Islam. Ini semua tidak bermakna bahawa penuntut akan dipaksa untuk memeluk agama Islam ataupun mengamalkan ibadah Islam.

Bank Islam pula menggunakan prinsip-prinsip yang dikehendaki oleh Islam. Prinsip-prinsip ini tidak bertentangan dengan sesiapa pun. Tetapi ia adalah institusi kewangan untuk semua orang Islam, dan orang bukan Islam pun boleh menjadi pelanggan asalkan mengikut syarat-syaratnya. Sebenarnya syarat-syarat ini tidak menghalang orang bukan Islam untuk menggunakan kemudahan bank ini kerana banyak bidang pelaburan yang dibolehkan oleh bank ini.

Sebenarnya sebagai sebuah negara maju pengetahuan masyarakat bukan Islam tentang Islam, dan pengetahuan orang Islam tentang kepercayaan-kepercayaan lain adalah amat penting sekali. Ia akan membolehkan seseorang memahami realiti politik, sosial-budaya dan ekonomi di negara kita dengan lebih lagi. Ia juga akan dapat mengelakkan kita dari sentimen dan emosi yang terbawa-bawa oleh sesuatu berita dan tanggapan. Memahami tentang kepercayaan orang lain tidak semestinya menjadikan seseorang mengikut kepercayaan itu. Kita tahu ramai orang bukan Islam yang menjadi pakar tentang pengajian Islam di banyak universiti dan mereka tidak menganut agama Islam. Dalam Islam pun tidak ada paksaan supaya orang lain menjadi Islam.

Saya menyentuh perkara ini kerana agama semakin memainkan peranan penting di arena politik antarabangsa dan juga dalam negara. Orang Islam semakin insaf tentang kedudukan mereka yang lemah, dan mereka mahu menjadi orang Islam yang patuh kepada peraturan-peraturan orang Islam dan bebas untuk mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Mengikut Islam orang Islam boleh, dan malahan harus hidup berbaik-baik dengan orang lain asalkan mereka sendiri terus mengamalkan segala ajaran Islam, dan dalam keadaan ini keamanan, kemakmuran dan kestabilan adalah dijamin bagi semua, kerana Islam jelas sekali agama yang bukan ofensif malahan agama defensif.

Persefahaman dan perpaduan adalah "asset" dan pelaburan yang begitu penting bagi kita di Malaysia. Kita mestilah berusaha ke arah ini, dan perubahan serta penyesuaian perlulah dibuat dari masa ke semasa bagi mengukuhkan lagi persefahaman dan perpaduan ini. Yang paling penting sekali ialah di peringkat kepimpinan sendiri, khususnya kepimpinan di dalam Barisan Nasional. Kita harus lebih mementingkan masa depan dan kepentingan umum. Jika ini sentiasa menjadi landasan dan perhitungannya, saya yakin semua rakyat Malaysia akan mendapat faedah yang berlipat-ganda lagi di masa akan datang.

Saya akhiri ucapan saya dengan mengucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian selamat bersidang dan dengan ini juga saya membuka Mesyuarat Agung GERAKAN yang ke-12 ini dengan rasminya. Terima kasih.

**UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-34
DI KUALA LUMPUR
19HB. OGOS, 1983**

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izin Allah Subhanahu Wataala, sekali lagi dapat berkumpul menghadiri Perhimpunan Agung UMNO ini. Sebagai Presiden Parti, bagi pihak Parti dan Majlis Tertinggi, saya mengucapkan selamat datang kepada tetamu-tetamu kehormat kita dan mengalu-alukan kehadiran saudara saudari sekalian di majlis yang bahagia ini. Bersama-samalah kita berdoa, semoga dengan hidayat dan petunjuk Allah Subhanahu Wataala, dapat kita menunaikan tanggungjawab kita bagi menjayakan mesyuarat ini mengikut Perlembagaan dan prinsip-prinsip Parti serta memperkukuhkan lagi perjuangan kita.

Dalam ucapan saya bersempena Perhimpunan Agung tahun lalu, saya telah menyentuh beberapa perkara berhubung dengan parti dan pilihanraya, politik dan ekonomi, kependudukan dan demokrasi, hubungan luar, Dasar Pandang ke Timur, dan Islam. Reaksi terhadap ucapan saya agak begitu hangat, dan saya telah cuba sedaya upaya yang boleh untuk menjelaskan isu-isu yang telah dibangkitkan. Setelah setahun, saya percaya kali ini banyak isu pula yang akan diketengahkan oleh para perwakilan sekalian untuk dijawab. Inilah cara demokrasi yang kita amalkan di mana pemimpin-pemimpin parti dituntut menjelaskan tentang amanah dan mandat yang telah diberikan kepada mereka. InsyaAllah, Ahli-ahli Majlis Tertinggi akan cuba menjelaskan apa-apa jua kemuskilan yang akan dibangkitkan di akhir Perhimpunan ini nanti.

Malaysia Yang Bahagia

Sesebuah negara adalah satu organisme. Dan sebagai satu organisme, sesebuah negara mahukan kesihatan, kebahagiaan, dan usia yang panjang. Tetapi, sebagai satu organisme, sesebuah negara terdedah kepada penyakit dan menghadapi masalah yang jika tidak dirawat dan dipelihara akan menjejaskan kebahagiaan, kesihatan dan usianya.

Saya membuat misalan negara kita sebagai satu organisme yang mementingkan ciri-ciri kesihatan, kebahagiaan dan panjang usia kerana misalannya adalah tepat. Di sana sini, dan begitu juga daripada sejarah, kita dapat melihat peristiwa-peristiwa yang menjejaskan sesebuah negara - peristiwa-peristiwa yang menghalang pembangunan, serta melemah, bahkan melenyapkan. Peradaban Roma, Kerajaan Byzantium, Parsi, Turki, British, dan banyak contoh lagi yang boleh disebut adalah bukti-bukti yang

menunjukkan kelenyapan peradaban dan kehancuran Kerajaan-kerajaan besar di dunia. Empayar Melayu juga telah melalui sejarah yang sama; Kerajaan Sriwijaya dan Kerajaan Melaka dahulukala menjelma dari wilayah-wilayah yang kecil, berkembang dan membesar menjadi empayar dan kuasa besar, dan kemudian berpecah dan hancur dan hilang dari muka bumi. Yang lain pula telah melalui pertumbuhan yang tidak sihat dan hancur sebelum berkembang.

Ini semua adalah pengajaran bagi kita, dan salah satu pengajaran yang penting ialah bagaimana faktor-faktor kelemahan menular ke dalam masyarakat dan memusnahkan sesuatu Kerajaan besar. Seorang tokoh terkemuka Islam, Ibn Khaldun, pernah mengutarakan teori tiga generasi bagi fenonema sosial – generasi pertama, dengan semangat, ketegasan dan usaha membina satu asas sistem yang kukuh; generasi kedua, dengan asas-asas yang dibina, membawa kepada keuntungan; dan generasi ketiga, kerana kekurangan semangat, dan ghairah dengan kesenangan dan keagungan, menyemaikan bibit-bibit ke arah kehancuran. Ini tidak semestinya benar bagi semua keadaan, tetapi jika kita kurang berhati-hati, ia tidak mustahil pula berlaku, malahan boleh berlaku kepada kita, mungkin sebelum pun kita sampai kepada generasi kedua.

Itulah sebabnya kita harus tekun membimbing negara kita ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan, dan sentiasa mengisi kemerdekaan kita dengan semangat, makna dan maruah, dengan usaha dan disiplin, supaya setiap generasi bangsa kita tidak akan mengalami kelemahan, atau membenarkan unsur-unsur yang tidak sihat, serta khayalan dan keghairahan menyerapi pemikiran dan cara hidup kita. Itulah sebabnya kita harus menyemai dan memupuk nilai-nilai yang tinggi di kalangan masyarakat kita dan giat berusaha untuk kemajuan dan kebahagiaan.. Usaha-usaha kita ini bukanlah kerana didorongkan oleh keangkuhan untuk menunjuk-nunjuk, atau kerana hendak menjadi satu kuasa besar untuk menakluki orang lain, tetapi untuk menjaga maruah dan kedudukan kita, dan untuk membuat sumbangan supaya hidup kita menjadi lebih bahagia, dan dapat pula sama-sama kita menyumbang ke arah kebahagiaan manusia sejagat.

Usaha-usaha ke arah yang baik tidak mudah. Walaupun pada prinsipnya manusia sukakan yang baik, tetapi pada amalannya; oleh sebab didorong oleh kepentingan-kepentingan tertentu, nilai yang baik dibelakangkan.

UMNO telah ditubuh berasaskan kepada satu prinsip penting, iaitu prinsip demokrasi. Semasa kongres pertama di Kelab Sultan Sulaiman, wakil persatuan-persatuan orang Melayu yang berkumpul dengan secara automatik telah menggunakan sistem suara ramai bagi rundingan mereka walaupun jelas sistem suara ramai adalah asing bagi orang Melayu.

Sejak itu hinggalah sekarang tidak ada soal lagi tentang sistem demokrasi sebagai asas susunan dan perjalanan Parti. Semua yang dilakukan oleh UMNO ditentukan secara langsung, atau tidak langsung, mengikut sistem suara ramai. Demikianlah kepercayaan kepada sistem ini, hinggalah apabila merdeka, sistem pentadbiran negara juga diasaskan kepada demokrasi.

Walaupun demokrasi mempunyai berbagai tafsiran, di Malaysia kita berpegang kepada suara ramai sebagai asas demokrasi. Sebab itulah di dalam Parti kita, kita mengadakan pungutan suara untuk menggubal dan meminda Perlembagaan, untuk memilih pemimpin, dan untuk membuat keputusan berkenaan perkara-perkara yang penting dan istimewa. Pemimpin juga dipilih melalui suara ramai. Mereka tidak kekal, dan jelas dalam tempoh tertentu – setahun, dua tahun atau tiga tahun sekali – calon-calon dikemukakan dan dipilih melalui suara ramai.

Tetapi demokrasi – sebagaimana apa juga sistem tidak semestinya berkesan semata-mata kerana sistem itu baik. Jika pengamal sistem demokrasi mahu mereka boleh menggunakan demokrasi untuk menghancurkan amalan demokrasi. Sebab itulah kita lihat banyak negara demokratik di dunia yang gagal. Jika umpamanya demokrasi menyebabkan terlalu banyak parti politik ditubuh, hingga tidak satu pun daripadanya menjadi parti yang bertaraf nasional, maka pilihanraya tidak akan berjaya menentukan sebuah parti yang cukup besar bilangan wakilnya untuk membentuk Kerajaan. Kerajaan campuran pun sukar dibentuk kerana parti-parti yang sama kecil tidak sanggup menerima kepimpinan sesiapa juga di antara mereka. Jika Kerajaan campuran berjaya dibentuk, ia tidak mungkin stabil kerana tidak ada disiplin, dan ugutan-ugutan sering dibuat untuk menarik diri dan sebagainya. Kesannya ialah Kerajaan yang lemah yang sekejap-sekejap bertukar.

Kadang-kadang sistem dua parti wujud. Tetapi, ini pun tidak menjamin kestabilan. Jika bilangan wakil rakyat hampir sama banyak diantara kedua-duanya, parti yang membentuk Kerajaan enggan bertindak tegas dalam apa-apa perkara penting atau “controversial” kerana takut penyokong memberontak dan Kerajaan jatuh atau parti akan kalah dalam pilihanraya yang akan datang. Dalam keadaan ini, masalah-masalah negara tidak mungkin diatasi, dan negara tetap akan hanyut.

Demokrasi cuma akan kekal dan kuat jika pengamalannya memahami peranan mereka, dan mengawal kepentingan diri untuk menjayakan kepentingan ramai dan memelihara demokrasi. Bagi yang faham, kepentingan ramai adalah kepentingan bersama yang akhirnya memenuhi kepentingan diri juga. Jadi, seseorang tidak akan rugi jika kepentingan ramai diutamakan – sekadar keuntungan serta-merta tetapi tidak kekal, dan mengutamakan kepentingan ramai, walaupun memerlukan pengorbanan, tetap akan membawa hasil jangka panjang.

Dalam UMNO, dan di kalangan orang Melayu amnya, terdapat terlalu banyak yang mengutamakan hasil jangka pendek. Sebab itu, amalan-amalan yang melemahkan Parti dan perjuangan orang Melayu kerap berlaku. Di antara amalan-amalan ini ialah tabiat melempar fitnah.

Fitnah memfitnah adalah satu sifat yang keji di kalangan semua masyarakat manusia. Dalam Islam ia merupakan salah satu daripada dosa besar. Malangnya, sifat keji ini berleluasa di kalangan masyarakat kita. Ia juga menjadi tabiat setengah-setengah ahli dan penyokong UMNO.

Sebelum seseorang masuk bertanding untuk apa-apa jawatan, tidak ada keburukan padanya. Tetapi, apabila sahaja ia dicalonkan, maka bermacam-macam cerita dialunkan,

cerita yang dibisik-bisik tanpa menghiraukan sama ada cerita itu benar atau tidak. Dari satu mulut ke satu mulut, cerita-cerita itu bukan sahaja disebar, tetapi ditokok tambah. Kalau sudah berkahwin, kononnya telah kahwin satu dua lagi, serta dengan cerita yang cukup "detail". Kalau rasuah, angka yang terlibat pula ditokok tambah, sehingga tidak ada hadnya. Bermacam-macam cerita dicipta dengan penuh imaginasi.

Pada satu masa, seorang Menteri yang amat kurus telah bertanding. Maka terdengarlah cerita bahawa Menteri ini telah berkahwin satu lagi. Hari ini Menteri itu telah bersara dan tidak ada cerita lagi. Bahkah kita tahu cerita itu tidak benar. Begitu juga dengan seorang Menteri lain dari negeri Hang Tuah. Bermacam risalah diedar. Tetapi hari ini kita tahu cerita-cerita yang menarik itu tidak benar sama sekali. Banyak lagi contoh yang boleh saya sebutkan dan saudara saudari akan ketawa. Walaupun kita tahu bahawa cerita-cerita dahulu adalah fitnah belaka, tetapi kalau ada cerita baru, kita tidak menolak. Kita terima bulat-bulat dan kita turut mengedarkannya juga.

Demikianlah, tiap kali ada sesiapa yang ingin maju ke hadapan, atau sudah mencapai tempat yang istimewa, maka fitnah dilempar dari mulut ke mulut. Hari ini, cerita Jepun dan Korea menyogok duit kepada orang-orang tertentu amat popular. Bahawa tidak ada apa-apa bukti yang ini berlaku tidak menjadi masalah. Fitnah amat sedap apabila orang lain jadi sasaran. Benar atau tidak, tidak mengapa. Lemparkan sahaja, dan sembunyikan tangan.

Fitnah dicipta dan disebar dengan lebih cepat apabila seseorang gagal mendapat sesuatu untuk dirinya. Jika gagal mendapat kontrak misalnya, maka sebab yang ditonjolkan ialah kerana orang yang berjaya telah menyogok wang kepada orang yang membuat keputusan. Yang berjaya pula, jika gagal mendapat kontrak lain, dia juga tidak segan-segan menuduh rasuah telah dilakukan oleh orang yang berjaya. Walau siapa juga berjaya, tuduhan rasuah tetap dibuat, terutama terhadap orang yang memenuhi jawatan yang tertinggi.

Fitnah bukanlah terhad kepada tomanan rasuah. Untuk memburukkan orang lain bermacam fitnah dilempar, termasuk telah berkahwin sekali lagi, atau mempunyai simpanan, selalu minum arak, suka mengejar isteri orang dan lain-lain. Beberapa penuntut kita di Eropah dan Amerika suka melempar fitnah terhadap Kerajaan yang kononnya dianggotai oleh orang yang selalu mabuk, tahi arak dan sebagainya. Apabila tuduhan ini dilempar, gambaran yang diukir ialah anggota Kerajaan ini sepanjang masa, kata orang Kedah, "mabuk tunggang langgang". Malahan, mereka sanggup memanggil Kerajaan ini Kerajaan syaitan, iaitu sama dengan Kerajaan Shah Iran.

Allah Subhanahu Wataala maha mengetahui. Allah Subhanahu Wataala telah berfirman dalam Al-Quran bahawa fitnah adalah lebih bahaya daripada membunuh. Tetapi, apakah kita hiraukan firman Tuhan. Berapa ramai daripada kita yang dengan sewenang-wenang mengulangi cerita yang didengari dari mulut ke mulut, dengan ditokok tambah, tanpa sedikit pun rasa bersalah atau berdosa. Kita teruskan sahaja dengan fitnah kerana begitu asyik dengan kelazatan amalan ini.

Kerana merbahayanya fitnah, dan kerana amalannya boleh merosakkan masyarakat, maka ia ditakrifkan sebagai dosa besar. Kita tahu tentang cerita fitnah yang telah dilempar terhadap seorang isteri Nabi Muhammad s.a.w. dan kesannya terhadap baginda, keluarga dan masyarakat Islam ketika itu. Jika tidak kerana kepimpinan Nabi kita tentulah masyarakat Islam dan agama Islam ketika itu akan lumpuh. Mungkin juga agama Islam tidak akan berkembang dan kita tidak akan memeluk agama Islam. Sebenarnya ini semua adalah pengajaran. Tetapi, sebagai seorang Islam, adakah kita mengambil pengajaran ini?

Saya menumpukan perhatian kepada soal fitnah memfitnah ini kerana kesannya amat buruk dalam sesebuah negara demokratik. Dalam negara demokratik, kuasa datangnya daripada sokongan orang ramai. Melalui fitnah, kepercayaan rakyat terhadap dasar dan kepimpinan dapat dimusnahkan, dan masyarakat, malah negara, boleh hancur. Asyik dengan mendengar dan membisik fitnah dan menyebarkan risalah, tidak ada satu pun rancangan yang boleh berjaya, dan akhirnya rakyat sendiri akan menderita, dan mungkin negara akan tergadai. Tetapi, dalam masyarakat Islam di Malaysia fitnah dijadikan alat politik, bukan sahaja dalam parti kita tetapi oleh parti lawan yang tidak ada modal yang benar.

Firman Tuhan bertujuan memberi kebahagiaan kepada umatnya. Kita tahu bahawa masyarakat boleh hancur kerana fitnah. Sementara semakin ramai suka mempamerkan keIslaman mereka dalam cakap-cakap, pakai dan dan desakan mereka kepada masyarakat dan kepada Kerajaan, orang yang sama tidak segan-segan dan tidak takut kepada Tuhan sama sekali apabila melemparkan fitnah. Tanda tanya yang timbul ialah sama ada kita sedang melihat kebangkitan Islam semula, atau apa yang sedang berlaku ialah semata-mata dan sebenarnya umat Islam adalah lebih sesat sekarang daripada dahulu. Jika nasib umat Islam diambil kira, kemungkinannya ialah mereka lebih sesat. Adalah mustahil jika ajaran Islam dipatuhi umat Islam semakin buruk keadaannya – dengan pembunuhan dilakukan sesama sendiri, dengan penerusan penjajahan oleh orang lain, dengan kebuluran berlaku di beberapa negara Islam sedangkan banyak negara Islam yang tidak terhingga kekayaannya, dan lain-lain lagi peristiwa-peristiwa buruk yang diperlihatkan sekarang.

Saya tidak berkata bahawa semua tuduhan rasuah tidak mempunyai asas yang benar. Memang rasuah berlaku dalam negara kita ini. Tetapi, tuduhan yang dibuat kerana ada bukti dan diarahkan kepada badan yang ditugaskan untuk membanteras rasuah, iaitu BPR, adalah berbeza dengan fitnah yang dilepaskan dan disebar di merata-rata tempat kerana iri hati dan ingin memburukkan orang. Memang kita tahu bahawa adalah sukar bagi mendapat bukti berkenaan amalan rasuah, tetapi semua tuduhan yang munasabah disiasat oleh BPR. Hampir semua daripada tomanhan yang disampaikan kepada Kerajaan diberi layanan yang serius walaupun kebanyakan daripada tomanhan ini akhirnya didapati tidak berasas.

Memang benar terjadi rasuah yang tidak dapat diambil tindakan undang-undang walaupun memang berlaku. Dalam kes-kes seperti ini tindakan disiplin, termasuk

penyingkiran, dilakukan. Bagi ahli politik pula, jika Kerajaan tidak mengambil tindakan, ahli parti atau pengundi boleh mengambil tindakan. Tetapi, kita tahu bahawa tuduhan rasuah mudah diguna oleh musuh politik untuk mendapat sesuatu bagi diri mereka, sama ada dalam parti atau antara parti.

Oleh itu, kita harus berhati-hati. Amatlah tidak adil kita membuat tuduhan yang tidak benar – kita memfitnah. Amatlah tidak adil jika tindakan diambil oleh parti, atau Kerajaan, atau pengundi semata-mata berasaskan fitnah yang dilempar. Kita tahu 99 peratus daripada tuduhan yang dibuat oleh orang ramai tidak berasaskan pengetahuan sendiri, tetapi semata-mata berasaskan cerita yang sampai ke telinga mereka. Kita tahu pula bahawa memang menjadi tabiat manusia menokok tambah cerita yang didengari apabila disampaikan kepada orang lain. Kita tahu 99 peratus daripada cerita rasuah sampai kepada kita bukan "second-hand" atau "third-hand" tetapi setelah melalui telinga dan mulut berpuluh orang lain. Dan tiap-tiap seorang bercerita seolah-olah dialah yang mula-mula mendapat maklumat berkenaan dengan rasuah itu.

Fitnah-memfitnah adalah amalan keji yang buruk kesannya. Ia tidak harus di-biarkan menjadi tabiat dan amalan masyarakat kita yang mahukan kebahagiaan. Ia harus dibanteras, dan UMNO, sebagai teras pembimbing masa depan negara yang bahagia harus mengikiskannya daripada masyarakat kita.

Dunia Yang Bergolak

Kita berada dalam suasana dunia yang bergolak. Walaupun pencapaian kemajuan material, sains dan teknologi dalam abad kita ini amat menakjubkan, dan kemungkinan pencapaian ini boleh membawa umat manusia kepada kebahagiaan yang begitu besar, suasana politik dan sosio-ekonomi dunia mencabar kemungkinan peradaban gemilang yang boleh dinikmati oleh umat manusia.

Penaklukan dan campur tangan, sama ada secara politik, ideologi, atau ekonomi masih menjadi hasrat dan idaman kuasa-kuasa besar. Mereka masih ghairah bermain politik-kuasa tanpa menghiraukan hasrat sebahagian besar masyarakat antarabangsa untuk hidup aman dan bahagia. Mereka masih menjadi dalang kepada boneka-boneka mereka. Yang menjadi boneka pula, seperti Israel, telah menunjukkan keangkuhan dan biadapnya di kalangan negara-negara lemah tanpa sesuatu pun yang dibuat dengan serius oleh pihak negara-negara besar untuk menghalangnya.

Keadaan di rantau kita masih tegang kerana Vietnam masih menduduki Kampuchea, dan dari semasa ke semasa mengganggu dan mencabuli sempadan sahabat kita negara Thai. Dalangnya juga kuasa besar – Russia, yang dengan tipu helah, telah secara langsung menduduki dan mencabuli negara Afghanistan, sebuah negara Islam. Russia juga, setelah bertapak di Vietnam dan Afghanistan, dengan terang-terang menyuarakan hasratnya untuk menghancurkan infrastruktur negara-negara ASEAN. Di kebanyakan negara membangun, kecuali beberapa negara termasuk Malaysia, kebuluran berlaku dan ramai yang dilanda berbagai-bagai wabak penyakit dan hidup menderita. Di sana sini Kerajaan tumbang dan jatuh kerana negara tidak

dapat mengatasi masalah-masalah rakyat akibat pergolakan politik dan ekonomi antarabangsa dan cukup mencukup oleh kuasa-kuasa yang ingin mewujudkan blok-blok mereka melalui keadaan kucar-kacir.

Suasana keselamatan, khususnya bagi negara-negara kecil, masih terancam. bagi kita di Malaysia, keadaan keselamatan serantau dan pergolakan di peringkat antarabangsa membawa kebingungan kepada kita. Ini lebih-lebih lagi kerana sikap setengah-setengah pihak yang, secara sedar atau tidak sedar, mengelirukan fikiran rakyat dan menyemaikan kegelisahan dan kemarahan rakyat kepada perkara-perkara yang tidak berasas. Keadaan seperti ini adalah satu keadaan yang subur bagi anasir-anasir komunis dan anti-nasional untuk cuba menghancurkan negara.

Kemelesetan Ekonomi

Tahun 1982 memperlihatkan kemerosotan ekonomi dunia yang teruk. Sebagai pembekal bahan mentah kepada dunia, kita terperangkap dengan aliran ekonomi yang buruk ini. Harga bijih timah, getah, kelapa sawit, kayu tropika, dan lain-lain keluaran negara kita, telah mengalami kemerosotan harga dan permintaan. Harga minyak petrol kita juga turut merosot. Dengan ini maka pendapatan Kerajaan juga berkurangan. Walaupun keadaan nampaknya akan pulih tetapi kesan pemulihan tidak akan dirasakan dengan serta-merta.

Beberapa negara yang telah berhutang dengan banyak pada waktu mereka kaya dengan hasil petroleum sekarang ini hampir bangkrap. Kita bernasib baik kerana kita tidak boros berbelanja. Sebaliknya, pada waktu kita mendapat hasil yang lumayan daripada dagangan kita, kita cuma berhutang untuk membekalkan infrastruktur penting sahaja. Oleh itu, kita bukan sahaja terselamat daripada menjadi bangkrap, tetapi kita masih dapat berhutang untuk membiayai projek-projek negara yang penting dan perlu dimulakan atau diteruskan. Namun demikian, tentulah banyak juga projek yang dirancang pada waktu kita berpendapatan tinggi dahulu yang terpaksa kita tangguh.

Berjimat cermat bukan sahaja menjadi suatu amalan yang baik bagi seseorang individu, tetapi adalah baik untuk masyarakat dan untuk sesebuah negara. Pada masa kita berada, kita boleh berbelanja dengan berpatutan, tetapi ada waktu kita daif, kita mesti menerima kenyataan bahawa perbelanjaan mesti dikurangkan. Inilah cara yang selamat bagi semua orang.

Apakah sebabnya ekonomi dunia merosot? Ada yang berpendapat bahawa kemerosotan ini disebabkan oleh kenaikan harga minyak. Ini adalah satu fitnah dan tipu helah. Kenaikan harga minyak telah membawa nikmat, bukan sahaja kepada negara pengeluar dan rakyat mereka yang dahulu tertipu dengan pembayaran royalti 20 sen setong, tetapi juga kepada negara dan rakyat negara maju yang begitu gelojoh menggunakan minyak dahulu. Negara-negara maju telah sedar akan pentingnya mengurangkan penggunaan minyak, satu bahan yang tidak dapat diganti. Dengan ini, maka hari ini penggunaan minyak telah dikurangkan sebanyak 25 peratus, dan bahan-bahan gantian telah dicipta yang boleh membawa mestilah banyak nikmat kepada mereka.

Yang betul-betul menderita ialah negara-negara membangun yang tidak mempunyai minyak sendiri dan yang kemampuannya terhad. Malaysia patut bersyukur kerana, walaupun kita juga sebuah negara membangun, kita mempunyai berbagai-bagai bahan mentah dan minyak yang cukup, bahkan boleh dijual dan menambah pendapatan kita.

Kemerosotan ekonomi dunia sebenarnya disebabkan oleh tabiat malas meresapi masyarakat negara-negara maju di Barat akhir-akhir ini. Mereka sekarang ingin bersewang -senang tanpa berusaha. Oleh kerana itu, segala pengeluaran mereka berharga tinggi, bukan sahaja di luar negara mereka, tetapi juga di dalam negara mereka sendiri. Apabila mereka dapati barang buatan negara membangun dan beberapa negara Timur dapat mengalahkan barang mereka di pasaran mereka sendiri, mereka yang dahulunya menyanjung tinggi dasar perdagangan bebas telah menutup pasaran mereka. Dengan itu, maka pemasaran semua barang, termasuklah bahan mentah, telah merosot.

Satu lagi tindakan yang dibuat oleh pemerintahan negara-negara Barat ialah meminjam beratus ribu juta daripada pasaran wang untuk alat-alat perang. Dengan itu maka kadar faedah bank telah meningkat sehingga pada satu masa ke paras 22 peratus. Faedah yang tinggi menghalang perkembangan perdagangan dan pelaburan. Mereka yang mempunyai wang lebih suka menyimpannya untuk mendapat faedah tinggi dari bank daripada membelanjakan untuk membeli barang-barang atau melabur. Dengan itu, permintaan untuk barang-barang dan harga barang-barang pun merosot.

Jelaslah, bukan harga minyak yang menjadi masalah, tetapi keengganan bekerja dan tindakan negara Barat yang menyebabkan kemerosotan ekonomi. Sebenarnya, pada waktu harga minyak melambung tinggi antara tahun 1975 hingga 1980, getah, bijih, kelapa sawit, balak dan barang-barang lain, walaupun harga lebih tinggi daripada sekarang, amat laris dijual. Pada masa itu juga negara maju terus pesat kemajuannya.

Kita harus memahami semua ini kerana kita tidak mahu kita juga terperangkap. Barat memang berminat supaya daya pengeluaran kita dikurangkan. Pada zaman kolonial, mereka berkuasa menyekat perkembangan industri di Malaysia dan di negara-negara lain yang dijajah oleh mereka. Sekarang, kerana empayar Barat sudah diganti dengan negara yang merdeka, mereka menggunakan badan-badan sekerja antarabangsa untuk menentukan perusahaan kita diganggu di Malaysia umpamanya, yang mengambil kesempatan daripada beberapa kelemahan yang ada pada pekerja kita untuk menyekat perkembangan perusahaan dan efisiensi. Sebab itulah kita dengar penentangan terhadap dasar-dasar seperti Pandang ke Timur, Penswastaan, Persyarikatan Malaysia dan lain-lain yang bertujuan untuk membolehkan Malaysia bersaing dalam pasaran dunia dengan barang-barang buatan Malaysia.

Sesungguhnya, pada waktu kita kekurangan wang, tidak ada tindakan yang lebih berkesan daripada mengikat perut dan bekerja lebih kuat. Ini sememangnya dituntut oleh agama kita. Insya-Allah, melalui tindakan ini, kemewahan akan kembali semula, dan sekali lagi kita akan hidup bahagia.

Pandang Ke Timur

Kita telah menggubal satu dasar yang dikenalkan sebagai "Pandang ke Timur". Seperti yang biasa berlaku dengan perkara yang baru, kekeliruan dan salah faham telah wujud atau sengaja diadakan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi menjelaskan tentang Dasar Pandang ke Timur ini.

Sejak Portugis menawan Melaka, orang Malaysia, terutama orang Melayu, telah mengalami satu jenis rasa rendah diri. Apa yang ada pada mereka semuanya dianggap "inferior" daripada apa yang diperbuat oleh Benggali Putih dan penjajah-penjajah barat yang datang kemudian. Cuma apabila Jepun mengalahkan British barulah sebahagian daripada rasa malu dan hina diri atau "inferiority complex" ini dapat diatasi. Tetapi, masih banyak yang terus tercengang dan terpegun dengan kulit putih. Amalan menghantar penuntut ke negara-negara Barat tidak menolong mengurangkan "inferiority complex" ini.

Malangnya, orang Barat sekarang bukan seperti orang Barat pada zaman mereka menakluki dunia dahulu. Mereka sudah menukar falsafah hidup sehingga seseorang dapat membuat apa sahaja yang didorong oleh kepentingan atau keseronokan diri tanpa mengambil kira ketenteraman masyarakat. Kalau mereka ingin berbogel di khalayak ramai, ini adalah dianggap hak dan tiada siapa pun patut atau boleh melarang. Jika mereka ingin kahwin, atau bersekedudukan - hatta lelaki sesama lelaki, atau perempuan sesama perempuan pun - ini hak mereka. Orang yang gila pun sekarang berhak bebas walaupun mereka cenderung membunuh dan telah membunuh. Pekerja mereka boleh bekerja jika mereka suka bekerja, tetapi jika tidak bekerja, majikan atau pemerintah mestilah membiayai sara hidup mereka sama seperti pada waktu mereka bekerja. Dengan itu ramai yang memilih untuk tidak bekerja.

Penyalahgunaan dadah berleluasa di Barat kerana itu pun hak mereka juga. Mereka suka khayalan yang dibawa oleh dadah. Dan banyak lagi amalan yang buruk yang diamalkan oleh mereka dengan berdalih kepada hak asasi seseorang. Mereka kurang mementingkan apa akibat kepada masyarakat dan generasi mereka yang akan datang.

Memandang kepada gejala-gejala inilah maka Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengurangkan pengaruh barat dan meningkatkan pengaruh Timur supaya satu perseimbangan tercapai. Di Timur, sifat dan amalan yang dianggap baik oleh masyarakat kita dan memang membawa kesan yang baik masih tebal jika dibandingkan dengan di Barat. Orang Timur masih mementingkan kesejahteraan masyarakat. Sementara individu berhak, tetapi hak individu tidaklah sehingga dibenarkan mengganggu ketenteraman masyarakat - berbogel, bersekedudukan, membelakangkan adat resam, menyalahgunakan dadah dan malas bekerja tidak diterima oleh masyarakat Timur. Sebaliknya, bersopan-santun, ketertiban, menghormati kepentingan masyarakat dan keluarga, beradat resam dan kerajinan disanjung tinggi dan diamalkan. Oleh kerana semua ini adalah nilai-nilai yang baik maka hasilnya juga

adalah baik. Masyarakat di beberapa negara Timur lebih tenteram dan maju sekarang daripada masyarakat Barat.

Mungkin ada yang akan bertanya: "Apakah pentingnya kemajuan di dunia? Tidak memadaikah jika kita utamakan kebahagiaan di akhirat sahaja?" Jawabannya ialah bagi kebanyakan orang kebahagiaan di akhirat sukar dicapai tanpa kebahagiaan di dunia. Kita dapati ramai orang Islam yang telah meninggalkan agama Islam kerana kemiskinan, kerana dijajah dan diperintah oleh orang, kerana kecewa dan lain-lain. Kemiskinan adalah hampir kepada kekufuran. Mereka yang hari ini kononnya dapat menumpukan semata-mata kepada akhirat cuma dapat berbuat demikian kerana perlindungan yang diberi oleh orang Islam lain yang mengimbangkan dunia dengan akhirat. Kerana ada orang yang sanggup menjaga keamanan dan pembiayaan usaha ini oleh orang yang rajin bekerja dan berusaha di dunia maka kumpulan yang mementingkan kedudukan mereka di akhirat dapat membuat amal ibadat dengan sempurna.

Berkenaan dengan desakan supaya rajin bekerja tujuannya ialah supaya masyarakat menjadi lebih bahagia dan tenteram. Tiap-tiap seorang mestilah sedar bahawa pada zaman moden ini ia dapat mencari nafkah kerana masyarakat menyediakan kemudahan baginya. Pada asalnya, pada zaman purba, tiap-tiap seorang mestilah memburu atau menanam makanan sendiri. Jika usaha sendiri tidak ada maka ia akan mati kebuluran. Tetapi, pada zaman ini seorang mekanik yang tidak tahu memburu, menernak atau bercucuk tanam masih dapat hidup kerana ada orang lain yang akan menjual makanan kepadanya. Sebagai mekanik ia pula tidak akan ada pendapatan jika tidak ada orang lain mengeluarkan jentera, menjual, memiliki dan merosakkan jentera itu. Untuk mengadakan jentera, berbagai-bagai jenis bahan perlu dicarigali, dikeluarkan, dipindah dari satu negara ke satu negara, dilebur, dibentuk, dipasang dan dijual. Untuk membeli jentera yang dipasarkan ini, seseorang perlu bekerja dan mempunyai pendapatan yang cukup. Untuk memperbaikinya pula, pemilik jentera memerlukan wang yang cukup untuk bayaran kepada mekanik tadi, yang juga telah dilatih oleh mekanik lain.

Saya cuba menggambarkan di sini betapa tiap-tiap seorang di dalam masyarakat moden bergantung kepada beribu-ribu orang lain di dalam masyarakatnya dan juga kepada masyarakat-masyarakat yang lain. Tidak ada seorang pun yang dapat hidup di dunia secara berasingan jika ia inginkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Menyedari hakikat ini, tentulah kita sedar bahawa lebih banyak usaha tiap-tiap seorang daripada kita, lebih baiklah balasan kebahagiaan yang akan kita dapati. Sebaliknya, masyarakat yang anggotanya cuma mengutamakan kepentingan diri sendiri di dunia atau diakhirat dan mengurangkan layanan dan sumbangannya kepada masyarakat, maka masyarakat itu akan menjadi masyarakat yang lemah dan kucar-kacir, dan setiap ahli masyarakat itu tidak akan hidup atau mati sempurna dan terpelihara. Tentulah jelas pepatah "membuat baik dibalas baik" memang berasas dan sesuai setiap masa dan setiap masyarakat.

Peranan organisasi dalam masyarakat adalah sama dengan peranan individu. Pentadbiran atau perusahaan/perniagaan adalah sama daripada segi kesannya ter-

hadap masyarakat dan diri sendiri. Galakan yang diberi supaya diadakan perusahaan dan perniagaan bukanlah kerana keutamaan kepada keuntungan bagi pemilik syarikat-syarikat berkenaan, tetapi adalah kerana kegiatan perdagangan mewujudkan peluang kerja dan peluang perniagaan sampingan. Bagi setiap kilang yang diadakan, banyak penganggur akan mendapat kerja, banyak pembekal dan peniaga kecil akan dapat menumpang mencari nafkah, dan banyak pula cukai dapat dipungut. Jika difikir dengan mendalam, hampir setiap orang dalam negara akan merasai nikmat daripada kejayaan perdagangan yang diusahakan kerana, jika lebih untung perdagangan tersebut, maka lebih banyak hasil yang akan diperolehi oleh Kerajaan melalui cukai atas keuntungan dan bermacam-macam cukai lain. Sepertimana kita semua maklum, hasil yang dipungut oleh pemerintah adalah untuk membiayai keperluan rakyat melalui pembinaan infrastruktur, melalui kemudahan dan perkhidmatan pelajaran dan kesihatan, pengawalan dan keselamatan dan sudah tentu untuk berbagai-bagai jenis subsidi.

Sekali lagi, tentulah jelas lebih banyak perusahaan dan perniagaan diadakan dan lebih banyak keuntungan yang didapati oleh mereka, lebih bahagialah kehidupan rakyat. Sebaliknya, jika apa-apa perusahaan atau perniagaan rugi kerana apa-apa sebab, maka rakyatlah yang akan menanggung kerugian itu akhirnya.

Desakan Kerajaan supaya diadakan rancangan perindustrian dan dikembangkan perniagaan, khususnya untuk penyertaan bumiputera, ialah supaya mereka melatih diri dalam bidang pengurusan dan seribu satu kegiatan lagi yang ada kaitan dengan ekonomi. Desakan supaya pekerja rajin bekerja, penuntut rajin belajar, supaya semua jujur, bertanggungjawab dan beramanah bukanlah kerana taksud dengan kebendaan, tetapi kerana semua sifat-sifat ini ada pertalian secara langsung dengan kebahagiaan hidup dan mati kita semua. Jikalau terdapat amalan yang tidak baik dalam semua ini, ini bukanlah kerana bidang-bidang ini sebenarnya tidak baik, tetapi kerana pengamalannya membuat perkara yang tidak baik.

Di Malaysia, kita bukan sahaja berlumba antara kaum, tetapi berlumba dengan negara-negara jiran kita, dan negara-negara lain di dunia. Tidak syak lagi bahawa pengasingan diri kita daripada kegiatan ekonomi akan melemahkan kita daripada segi ketahanan dan kebahagiaan hidup – bahkan daripada segi kekuatan iman. Hari ini pun sudah ramai orang Islam yang menolak agama mereka kerana tekanan kemiskinan, ideologi komunis atau kerana ditakluk dan ditindas oleh orang lain. Jika kita tidak mahu bekerja kuat dan tekun belajar, jika kita tidak jujur dan beramanah, maka kita juga akan mengalami nasib yang sama – semoga Allah Subhanahu Wataala melindungi kita daripada kecelakaan ini.

Sekali lagi saya ulangi desakan Kerajaan supaya kita Pandang ke Timur dan bekerja kuat, dan berusaha untuk menambah pendapatan bukanlah kerana taksud dengan kebendaan, tetapi kerana kebahagiaan hidup individu dan masyarakat, dan keteguhan iman. Kita harus faham dasar dan usaha Kerajaan, kerana tanpa fahaman yang menyeluruh, amat mudahlah mereka yang mempunyai muslihat memutar belitkan segala-gala yang diusahakan oleh Kerajaan, supaya mereka dapat menarik

perhatian dan sokongan rakyat. Bagi mereka ini, kucar kacir, pecah belah dan lumpuhnya masyarakat Melayu dan Islam adalah korban yang ringan asalkan mereka mendapat sesuatu di dunia ini bagi diri mereka. Sebagai Parti yang bertanggungjawab kita di dalam UMNO tidak boleh membiarkan nafsu mereka ini menghancurkan peluang keemasan yang setelah 500 tahun kita dijajah telah kembali kepada kita, peluang yang datang kerana kita merdeka dan menguasai dengan izin Allah Subhanahu Wataala nasib kita sendiri. Inilah masanya bagi orang Melayu mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka. Jika peluang ini kita sia-siakan tidak mungkin kita mendapat peluang seperti ini lagi. Kita tentu tidak mahu menjadi seperti setengah-setengah orang Islam yang diberi nikmat yang tidak terhingga oleh Allah Subhanahu Wataala, tetapi mereka menghabiskan masa, tenaga dan kekayaan untuk bertelingkah sesama sendiri. Sekarang dengan jatuhnya harga minyak peluang untuk membebaskan diri daripada tekanan Barat sudah pun hilang. Sekali lagi mereka terpaksa mengikut telunjuk komunis dan kuasa-kuasa Barat. Inilah yang akan berlaku kepada kita jika kita menggunakan peluang yang terdapat hari ini dengan melayan mereka yang tidak bertanggungjawab.

Daya Pengeluaran

Sebagai sebuah negara membangun yang inginkan kebahagiaan dan kemakmuran, dan dalam dunia yang semakin sempit dengan negara-negara saling bergantung antara satu sama lain, terutama daripada segi ekonomi, kita tidak ada jalan lain untuk menuju kepada kejayaan melainkan dengan menjual beli di pasaran dunia. Dalam perdagangan antarabangsa, faktor utama yang akan menentukan jaya atau gagalannya kita ialah daya pengeluaran tiap-tiap seorang daripada kita.

Memang senang untuk memperkatakan tentang daya pengeluaran. Tetapi, untuk membawa negara membawa satu tahap yang lebih tinggi bergantung pula kepada beberapa faktor penting. Faktor pertama dan utama ialah sikap. Selagi kita utamakan kepentingan jangka pendek diri sendiri, dan oleh itu kita tidak bekerja keras, tetapi sebaliknya kita menuntut pendapatan tinggi, selama itulah daya pengeluaran kita akan kekal rendah berbanding dengan mereka yang bersaing dengan kita. Akibatnya ialah kita tidak akan dapat menembusi pasaran, hasil perdagangan tidak akan meningkat, negara tidak akan makmur, dan akhirnya, iaitu dalam jangka panjang, kita sendiri tidak akan dapat pendapatan yang lebih. Sebaliknya, jika daya pengeluaran adalah tinggi, maka kos pengeluaran akan menjadi rendah dan barangan kita akan dapat bersaing dengan lebih berjaya. Hasil kejayaan ini tentulah pertumbuhan ekonomi yang pesat yang akan membawa keuntungan kepada semua pihak termasuk diri kita sendiri. Adalah jelas bahawa sikap rajin bekerja, berdisiplin, tidak taksub dengan kepentingan jangka pendek adalah amat penting bagi diri sendiri akhirnya.

Disiplin juga tidak kurang pentingnya. Mereka yang berdisiplin sahaja – iaitu yang dapat mengawal kehendak diri dan sanggup mengikut peraturan dan arahan – yang dapat membuat sumbangan kepada daya pengeluaran. Di samping itu, minat dan kesanggupan untuk menggunakan pengetahuan-pengetahuan baru, untuk

meningkatkan kemahiran dan menggunakan teknologi dan cara-cara yang lebih berkesan, boleh membantu meningkatkan lagi daya pengeluaran kita. Seterusnya, kesanggupan dan minat untuk bekerjasama akan menjamin pencapaian yang lebih tinggi bagi semua. Ini semua adalah amat penting, kerana kita hidup dalam zaman moden yang menghendaki kita berlumba dengan orang-orang lain, kaum-kaum lain dan bangsa-bangsa lain dalam mengejar kejayaan dan kebahagiaan hidup.

Itulah sebabnya Kerajaan menganjurkan supaya kita semua mengamalkan etika kerja yang baik. Yang dimaksudkan dengan etika kerja ialah semangat dan cara bekerja yang diasaskan kepada nilai moral yang tinggi dan membelakangkan nafsu. Upah untuk kerja memang penting, tetapi bekerja semata-mata kerana upah akan menjadikan kita sebagai hamba upahan.

Kerajaan sedang berusaha meningkatkan daya pengeluaran dan memupuk nilai kerja yang baik dengan berbagai-bagai cara. Usaha-usaha ini bukanlah usaha-usaha yang mudah, malah ia mungkin tidak akan berjaya tanpa kerjasama semua pihak dan setiap individu. UMNO, sebagai parti yang menjadi tunjang kepada Kerajaan, mestilah bersama-sama mendukung cita-cita ini dan menggerakkan jenteranya bagi menjayakan cita-cita ini. Yang kita lakukan ialah untuk menjayakan prinsip bersih, cekap dan amanah yang mana kepimpinan melalui teladan adalah cara yang mustajab sekali.

Persyarikatan Malaysia

Sebagaimana saudara saudari maklum, baru-baru ini saya telah mengemukakan konsep Persyarikatan Malaysia sebagai salah satu pendekatan dan juga dasar bagi mempertingkatkan lagi kemampuan kita untuk menuju ke arah kemakmuran yang lebih bermakna. Yang dimaksudkan dengan Persyarikatan Malaysia ialah satu semangat kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta.

Sesebuah negara telah menjadi maju dan makmur semata-mata kerana adanya pentadbiran walau bagaimana cekap sekalipun. Kemajuan dan pertumbuhan negara bergantung kepada ekonomi yang maju, iaitu kepada segala kegiatan berniaga dan berusaha di semua peringkat. Daripada keuntungan perniagaan dan perusahaan inilah maka Kerajaan mendapat hasil. Juga, setiap sen yang didapati oleh peniaga dan pengusaha akan dibelanjakan, sama ada untuk membeli barang, membayar gaji atau melabur. Dan setiap kali perbelanjaan dibuat ada orang lain yang akan mendapat wang yang dibelanjakan ini. Tentulah jelas bahawa pihak swasta yang cergas dan pintar akan membawa kemakmuran dan kemajuan kepada sesebuah negara. Oleh itu, tidak ada sebab kenapa pihak swasta harus dianggap sebagai musuh pentadbiran. Jika mereka menyalahi undang-undang atau dasar tindakan yang sewajarnya boleh diambil. Tetapi, umumnya mereka bukan musuh, sebaliknya mereka adalah rakan dalam usaha membangunkan negara. Anggapan bahawa pihak swasta adalah rakan perkongsian Kerajaan, dan oleh itu perlu dilayan dan dibantu oleh pentadbir, akan menjadikan negara seolah-olah sebuah syarikat di mana Kerajaan dan swasta menjadi pemilik dan mempunyai matlamat yang sama, iaitu pembangunan negara. Inilah yang dimaksudkan dengan Persyarikatan Malaysia.

Pembangunan Seimbang

Pembangunan adalah untuk manusia. Pembangunan bukanlah jalan raya atau bangunan besar, hospital dan berbagai kemudahan awam; ini semua adalah alat kelengkapan bagi pembangunan yang hakiki. Yang dimaksudkan dengan pembangunan ialah peribadi dan mutu hidup manusia yang menggunakan alat kelengkapan ini. Pembangunan adalah kesejahteraan yang dicapai melalui keselesaan hidup dan ketenteraman kerohanian. Dengan perkataan lain, pembangunan adalah proses untuk memupuk masyarakat manusia yang berperadaban tinggi dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mulia untuk kebahagiaan umat manusia.

Usaha-usaha kita untuk membangunkan negara adalah dengan tujuan untuk memupuk Bangsa Malaysia yang mempunyai ciri-ciri perseimbangan daripada segi "material" dan "spiritual". Sesuatu program atau projek tidaklah diwujudkan semata-mata untuk kita berseronok-seronok tetapi supaya kita hidup terpelihara daripada tekanan dan ancaman yang mana ini akan memesongkan fikiran kita daripada kehendak dan ajaran agama kita. Dalam keadaan yang tenang dapatlah kita membayar amal ibadat dengan sempurna.

Dalam suasana dunia yang bergolak, dan nilai-nilai kemanusiaan dicabul dan tidak langsung diberi perhatian oleh setengah-setengah pihak, kita menanggung satu beban yang berat bukan sahaja untuk menyelamatkan diri kita daripada gejala-gejala buruk yang mempengaruhi zaman kita ini, tetapi juga untuk membantu usaha-usaha bagi mewujudkan suasana yang lebih aman dan bahagia di dunia.

Dadah

Masalah dadah telah menjadi satu masalah yang amat membimbangkan. Jika sesuatu tindakan tegas tidak diambil bagi mengatasi masalah ini, kita mungkin akan gagal dalam semua usaha kita dan mungkin pula negara kita akan hancur akhirnya. Bermula dengan kempen pencegahan dadah awal tahun ini, usaha-usaha baru sedang dijalankan untuk mempertingkatkan lagi kemampuan kita bagi membanteras masalah ini. Namun demikian, masalah yang besar ini tidak mungkin dapat kita atasi jika rakyat tidak sama-sama memeranginya dengan satu tindakan yang bersepadu.

Mungkin kita tidak dapat menyelamatkan mereka yang telah terperangkap dalam ketagihan dadah. Penagih dadah adalah bangkai bernyawa yang akan terus menjadi beban kepada masyarakat. Tetapi, kita masih dapat menyelamatkan mereka yang belum terlibat dan anak-anak yang belum terjerumus ke dalam jenayah ini. Cara yang boleh menyelamatkan mereka ialah dengan sama-sama berusaha menyediakan persekitaran sosial kita yang tidak mengasingkan mereka ini dan dengan cara melengkapkan mereka dengan pengetahuan tentang bahaya dan akibat dadah.

Dalam perkara ini, adalah penting tiap-tiap keluarga menentukan didikan moral yang baik bagi anggota keluarga yang masih muda dan mengawasi gerak-geri mereka

sepanjang masa. Penyerapan nilai-nilai Barat yang menekankan kebebasan individu dan membelakangkan keluarga dan masyarakat tidak harus dipupuk oleh ibu bapa, atau sekolah atau universiti. Di mana-mana juga kita dapati kebebasan dan keutamaan bagi individu berlaku tanpa sekatkan di situlah terdapat keruntuhan akhlak dan jenayah dadah. Oleh itu, kita semua harus berusaha untuk kembali kepada nilai-nilai kita yang lama seperti menghormati ibubapa dan orang tua dan menjunjung adat berkenaan perhubungan di dalam masyarakat. Insya-Allah dengan cara ini kita akan dapat mengatasi jenayah dadah.

Hubungan Luar

Sebagaimana yang saya jelaskan dalam ucapan saya tahun lalu, kita mempunyai keutamaan-keutamaan tertentu dalam hubungan kita dengan negara-negara lain. Asas dasar luar kita ialah untuk bersahabat dengan semua negara yang ingin bersahabat dengan kita.

Tetapi, yang kita pentingkan di dalam persahabatan kita ialah semangat persaudaraan yang tulen di mana kedua-dua pihak harus hormat-menghormati dan memberi nilai yang tinggi kepada kebebasan dan kedaulatan negara masing-masing. Bagi kita, kita mahukan perhubungan kita terjalin mengikut prinsip-prinsip hubungan antarabangsa di mana kita tidak bimbang walaupun kita lemah dan kecil.

Pengalaman telah menunjukkan bagaimana setengah-setengah negara hanya manis di bibir sahaja. Kerana ideologi dan kepentingan diri, ada yang sanggup menjadi talam dua muka. Kalau kita tidak sukakan sifat sedemikian kita juga tidak harus mengamalkannya. Itulah sebabnya kita mencuba seberapa daya yang boleh untuk mengadakan hubungan yang erat melalui kerjasama yang sama-sama menguntungkan kedua-dua pihak. Anggapan bahawa kita adalah "recipient" atau penerima, dan mereka adalah "donors" atau pemberi tidak ada tempat dalam hubungan kita dengan negara lain.

Program bantuan teknik Malaysia, walaupun dengan satu tabungan yang kecil, adalah diasaskan kepada kejujuran kita untuk mempraktikkan prinsip-prinsip yang kita sanjung tinggi. Bantuan yang diberi melalui program ini tidak menjadikan kita sebagai pemberi atau "donor" kerana ia merupakan satu jenis kerjasama yang bermakna yang tidak menghinakan pihak penerima. Kita tahu mereka juga boleh membantu kita. Lawatan saya ke negara-negara Pasifik Selatan dan negara-negara Bangladesh, Sri Lanka dan Maldives baru-baru ini telah mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama kita dengan negara-negara yang saling hormat-menghormati satu sama lain.

Pendirian kita terhadap masalah-masalah Kampuchea, Afghanistan dan Palestine tetap tegas. Kuasa-kuasa besar harus bersikap serius dan jujur bagi membantu mengatasi masalah-masalah ini di akar umbinya. Sebenarnya, masalah-masalah ini, jika dibenarkan berterusan, dapat menjejaskan kedudukan kuasa-kuasa besar sendiri. Bagi kita umat Islam, kita yakin Allah Subhanahu Wataala tetap bersama pihak yang benar.

Desakan yang kita buat supaya Benua Antartika diwarisi oleh semua umat manusia diasaskan kepada keadilan. Jika wilayah yang dijajah harus diberi balik kepada penduduknya wilayah yang tidak ada penduduk tentulah menjadi hak seluruh umat manusia. Oleh itu kita akan teruskan usaha kita untuk membebaskan Antartika dari dieksploitasi oleh negara-negara tertentu sahaja.

Perhubungan kita dengan beberapa negara terkemuka di Barat adalah mengikut peraturan. Sementara kita tidak anti mereka, kita juga tidak ingin menjadi satelit mereka. Sebagai negara yang bebas, Malaysia akan menghormati semua mereka yang menghormati kita. Malaysia adalah negara yang berkecuali.

Nilai Nilai Islam

Akhir-akhir ini, apa yang dikatakan sebagai usaha untuk menyerapkan nilai-nilai Islam di Malaysia telah menimbulkan berbagai-bagai reaksi. Ada pihak yang menganggap usaha ini sebagai tindakan radikal untuk mengIslamkan orang-orang bukan Islam di negara ini. Setengah-setengah pihak pula menganggap ini sebagai permulaan kepada satu proses revolusi Islam. Di samping itu, ada pula yang memperolok-olokkan tindakan-tindakan Kerajaan seolah-olah usaha-usaha Kerajaan itu cuma hendak mengaburkan mata rakyat semata-mata. Ada pula, yang dengan tujuan-tujuan tertentu, cuba mengecam usaha-usaha Kerajaan sebagai tidak jujur dan semata-mata dibuat kerana kepentingan politik.

Usaha-usaha ke arah menyerap nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, yang bermakna menyerap nilai-nilai moral yang tinggi, adalah berdasarkan rasional bahawa sesebuah negara tidak mungkin mencapai dan menjamin kebahagiaan kecuali dengan nilai-nilai tinggi ini. Kita faham bahawa yang membezakan manusia dengan haiwan ialah akal fikiran dan nilai-nilai kemanusiaan. Islam mementingkan kedua-duanya dan itulah sebabnya kita menjadikan usaha menerap nilai-nilai Islam sebagai teras kebahagiaan dan masa depan kita. Sesungguhnya, semua nilai Islam tidaklah berbeza daripada nilai-nilai yang tinggi dan baik yang diterima oleh alam sejagat. Cuma mereka yang sudah membelakangkan nilai-nilai moral yang wajar sahaja yang akan berasa terancam dengan hasrat Kerajaan untuk menetapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan dan gerak-geri negara. Rakyat tidak perlu khuatir dengan telatah beberapa kumpulan ekstremis kerana itu bukanlah dari ajaran Islam yang sebenarnya dan Kerajaan tidak berminat untuk menyeraap amalan-amalan mereka.

Usaha-usaha ini bukanlah untuk menakut-nakutkan setengah-setengah pihak, dan ia juga bukan untuk memaksa rakyat bukan Islam menjadi Islam. Islam tidak menganjurkan paksaan, dan Islam juga tidak mendapat untung jika mereka memeluk Islam kerana dipaksa, kerana takut atau kerana muslihat-mulihat tertentu. Yang kita mahu ialah umat Islam benar-benar mengamalkan nilai-nilai Islam, dan yang bukan Islam mengamalkan nilai-nilai mulia yang sudah tentu tidak bertentangan dengan nilai Islam dan dapat hidup dalam suasana aman maju, harmoni dan bahagia.

Ada orang yang berpendapat bahawa adakan sahaja undang-undang Islam dan semua orang Islam akan menjadi orang Islam yang beriman dan bertakwa. Cara ini sebenarnya akan menghasilkan orang-orang Islam cuma pada zahirnya. Mereka akan lari ke sana sini dalam usaha mereka untuk mengelak daripada undang-undang Islam. Dengan ini maka peristiwa-peristiwa yang memalukan berlakulah di negara-negara bukan Islam di mana orang Islam suka pergi. Orang Islam akan berasa "committed" kepada agama Islam jika sekiranya mereka diberi penjelasan tentang kehendak agama Islam yang sebenarnya. Perbuatan menyembunyi atau memutar belit ayat-ayat Al-Quran dan hadis Nabi kerana didapati tidak secocok dengan pendirian orang-orang tertentu tidak akan menolong menyakinkan orang Islam sehingga mereka berpegang kuat kepada Islam di mana juga mereka berada. Oleh itu, Kerajaan Malaysia akan terus berusaha menjelaskan agama Islam yang benar walau apa sekalipun tuduhan dibuat oleh mereka yang berkepentingan. Sesungguhnya, Islam ialah agama kesederhanaan dan bebas daripada sebarang paksaan.

Penutup

Di tengah-tengah masyarakat Islam dan dunia Islam terdapat pertubuhan kita UMNO. Jika pada hari ini negara kita tidak dilanda oleh berbagai malapetaka buatan manusia, sebabnya ialah kerana UMNO adalah parti politik yang sederhana, satu sifat yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala. Berkat dari kesederhanaan inilah maka orang Islam di Malaysia terpelihara daripada bermacam-macam tekanan dan penindasan. Berkat daripada kesederhanaan yang sama, yang berasaskan kepada ajaran Al-Quran, hadis dan sunah Nabi yang sahih, dan sejarah pemerintahan Islam pada zaman kegemilangannya, maka semua kaum dan penganut agama lain hidup sejahtera dan terlindung di Malaysia.

Tidak ada sesiapa pun yang akan mencabar dakwaan bahawa sehingga sekarang Malaysia tenang, tenteram serta makmur kerana UMNO memerintah melalui kedudukannya sebagai parti yang terkanan dan terbesar dalam Kerajaan-kerajaan campuran yang telah ditubuhkan sejak 1955. Orang yang waras daripada semua kaum tidak berhajat untuk melihat UMNO menjadi lemah dan porak-peranda. Tentulah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memelihara kestabilan dan kekuatan UMNO ini.

Kita telah memilih sistem demokrasi dalam susunan serta pentadbiran UMNO. Kita tidak syak bahawa sistem inilah yang paling sesuai dan berkesan bagi mencapai cita-cita kita. Tetapi harus kita ingat bahawa pertubuhan-pertubuhan lain, bahkan negara-negara lain telah menerima demokrasi tanpa mencapai kejayaan. Sebenarnya banyak pengamal sistem demokrasi dewasa ini menjadi lemah dan berpecah antara sesama sendiri. Saya syorkan saudara saudari membuat senarai nama-nama parti dan nama-nama yang menerima sistem demokrasi tetapi hari ini lumpuh dan hancur.

Maksud saya ialah sistem walau betapa baik sekalipun dengan sendirinya tidak menjamin kejayaan. Akhirnya, yang menentukan kejayaan ialah pengamal sistem itu

yang sedar bahawa peruntukan dalam sistem itu perlu diguna dengan membelakangkan nafsu dan mengutamakan semangat penubuhan badan yang berkenaan.

UMNO, sejak ianya ditubuhkan hampir 38 tahun dahulu telah mengamalkan beberapa amalan yang sekarang ini menjadi adat dan tradisi dalam UMNO. Hak yang diberi dalam Perlembagaan UMNO tidak diguna dengan sewenang-wenangnya, terutama di peringkat pucuk kepimpinan, iaitu Majlis Tertinggi. Beberapa Bahagian dan Cawangan UMNO telah lumpuh kerana terlalu ghairah dengan hak demokrasi tetapi tidak menghiraukan adat resam dan tradisi. Tetapi, umumnya, adat dan tradisi disanjung tinggi dan diamal oleh UMNO dari peringkat cawangan hinggalah ke peringkat Perhimpunan Agung UMNO. Pegangan kepada adat resam dan tradisi inilah yang membawa kejayaan kepada UMNO dan seterusnya kepada negara Malaysia.

Pada masa-masa akhir ini terdapat satu kegiatan yang tidak mencerminkan pegangan kepada tradisi dan adat. Atas nama demokrasi kononnya, adat dan tradisi dibelakangkan. Mungkin ada orang yang berminat kepada jawatan-jawatan tertentu dalam Parti dan Kerajaan. Tetapi yang ghairah sekali ialah orang-orang kanan bakal-bakal calon ini. Tidak ada had dan batasan apabila orang-orang ini berkempen. Bahawa akibatnya ialah kehancuran parti tidak sama sekali dihiraukan. Bagi mereka yang utama ialah status dan pengaruh yang didapati oleh mereka jika calon mereka mendapat kemenangan. Sebab itu, hampir dua tahun sebelum pemilihan Majlis Tertinggi mereka telah merancang dan menjalankan kempen mereka.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dalam menjalankan tugas saya sebagai Presiden Parti dan Perdana Menteri, saya dibantu oleh rakan-rakan yang cekap dalam menjalankan tugas yang diserahkan kepada mereka. Bersama-sama dengan Dato Musa sebagai Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri, satu "team" yang berkesan telah diwujudkan untuk membuat beberapa perubahan yang dianggap penting untuk kesejahteraan negara. Saya mengucapkan terima kasih kepada perwakilan 1981 yang memilih seorang Timbalan Presiden yang boleh bekerjasama sebagai satu "team" dengan saya. Dengan kerjasama ini maka kepimpinan menjadi lebih mudah dan berkesan.

Setiap orang daripada anggota Majlis Tertinggi dan Jemaah Menteri mempunyai peranan yang penting dalam jawatan masing-masing. Walaupun ramalan-ramalan kerap dibuat tentang rombakan Kabinet, seperti saudara saudari maklum, tidak banyak perubahan yang dibuat, melainkan pengisian jawatan-jawatan kosong. Sebabnya ialah kerana pertukaran tidak dilakukan semata-mata kerana inginkan pertukaran, tetapi sebaliknya kestabilan adalah dianggap lebih utama. Penggunaan kuasa tidak dibuat kerana kuasa ada di tangan tetapi cuma apabila kuasa perlu digunakan. Kaedahnya adalah sama dengan amalan sistem demokrasi. Bukanlah kerana hak diberi oleh demokrasi maka hak ini mesti digunakan. Kuasa, seperti juga hak, mesti digunakan dengan penuh tanggungjawab dan kebijaksanaan.

"Team spirit" atau semangat pasukan perlu ada jika sesuatu pasukan itu ingin mencapai kejayaan. Jika seseorang daripada ahli pasukan mempunyai cita-cita atau

"ambition" yang tersendiri dan membelakangkan pasukan maka alamatnya ialah pasukan itu akan gagal. Sehingga kini, walaupun ada khabar angin yang berkata si polan si polan mempunyai "ambition" yang bertentangan dengan "team" dan ketua pasukan tetapi saya percaya akhirnya kepentingan pasukan akan mendapat kesetiaan.

Saya ingin memberi amaran kepada beberapa orang "leftenan" yang terlalu ghairah berkempen. Kedudukan mereka dalam Kerajaan bukanlah begitu kemas. Oleh itu, berhati-hatilah.

UMNO adalah kepunyaan semua ahli UMNO. Sama ada UMNO akan terus kuat dan berjaya atau gagal dan hancur lebur cuma ahli UMNO sahaja yang boleh menentukan. Kepimpinan cuma merupakan alat yang diamanahkan oleh ahli kuasa yang tertinggi sekali dalam Parti, iaitu Perhimpunan Agung UMNO. Oleh itu, berhati-hatilah, terutama pada tahun 1984. Janganlah kerana kepentingan seseorang maka nasi menjadi bubur.

Bagi saya, tempat yang saya isikan ini tidak berguna melainkan untuk menentukan kepentingan UMNO dipelihara bersama dengan kepentingan agama dan negara.

Saya telah menyentuh berbagai-bagai perkara dalam ucapan saya ini. Mungkin ada yang menyentuh perasaan, tetapi apa yang saya sebutkan adalah lahir dari hati yang ikhlas. Saya harap saudara saudari sekalian dapat memberi perhatian yang serius dan wajar kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan.

Saya telah berucap agak begitu panjang dan saya percaya ada di antara saudara saudari yang ternanti-nanti untuk mem bahas nya. Oleh itu, tanpa membuang masa saya mengakhiri ucapan saya ini dengan mengucapkan kepada saudara saudari sekalian selamat bersidang dan selama maju jaya.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN UMNO
ALOR STAR, KEDAH, 26HB. OGOS, 1983

Alhamdulillah, hari ini kita dapat bersama-sama menghadiri satu majlis yang bahagia yang menandakan salah satu detik istimewa dalam sejarah UMNO Negeri Kedah.

Setiap bangunan UMNO yang dibina dari semasa ke semasa menjadi kemegahan kepada sekalian ahli UMNO, apatah lagi kepada saya sebagai Presiden UMNO yang sentiasa mengharapkan kemajuan dan keteguhan Parti kita. Bangunan UMNO yang tersergam indah ini adalah satu lambang yang boleh memperingatkan kita kepada perjuangan orang Melayu. Namun demikian, kita tidak harus menganggap bangunan-bangunan Parti semata-mata sebagai lambang kerana ia harus memberi erti yang lebih dari itu. Ia harus mencerminkan aspirasi semasa yang dianjurkan oleh Parti dan oleh Kerajaan di mana Parti kita menjadi tunjangnya.

Dalam pilihanraya umum 1982 kita telah menggunakan tema "Bersih, Cekap dan Amanah" dalam manifesto kita. Kerajaan yang dibentuk selepas pilihanraya telah berusaha untuk mengisi tema ini dengan berbagai program. Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah membuat penekanan terhadap kebersihan dan keindahan, menggesa semua rakyat supaya bekerja kuat dan meningkatkan daya pengeluaran serta mengambil contoh-contoh yang baik dari Timur, menekankan kepentingan sektor swasta melalui konsep Persyarikatan Malaysia dan Perswastaan, dan penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran dan gerak-geri negara. Kalau kita faham, sebenarnya semua ini menjadi hasrat UMNO, dan dengan itu juga adalah menjadi tanggungjawab UMNO untuk membuktikan kemampuannya menjayakan program-program dan konsep-konsep ini.

Kalau saudara saudari ingat, awal tahun ini Kerajaan telah melancarkan gerakan Kepimpinan Melalui Teladan. Tentulah dalam hal ini parti kita UMNO harus berada di hadapan di dalam melaksanakan konsep ini. Itulah sebabnya saya katakan bahawa bangunan UMNO adalah lebih dari menjadi sebagai lambang semata-mata, kerana apa yang harus berlaku ialah bangunan UMNO menjadi pusat membawa kenyataan kepada konsep-konsep yang dianjurkan oleh Kerajaan dengan mendapat sokongan dan didokong oleh setiap ahli UMNO.

UMNO tidak akan kekal menjadi kuat hanya dengan adanya bangunan-bangunan yang besar dan indah di merata-rata tempat. Dahulu, pada permulaan perjuangan kita UMNO tidak mempunyai apa-apa bangunan sendiri dan ahli-ahli UMNO tidak ter-

diri daripada orang-orang yang mewah dan berada. Tetapi pada masa itu UMNO adalah satu parti yang kuat kerana ahli-ahli UMNO mempunyai semangat yang kuat dan cita-cita yang besar dan tinggi. Dengan semangat dan cita-cita ini kita telah dapat menumpaskan Malayan Union dan kita telah dapat menuntut kemerdekaan.

Hari ini, setelah lebih sesuku abad merdeka, UMNO masih dapat mengekalkan kedudukannya sebagai parti yang kanan di dalam pemerintahan negara. Ini semua adalah kerana semangat UMNO masih dapat dikekalkan. Tetapi, dengan masa yang berlalu, cabaran-cabaran yang kita hadapi telah juga berubah. Kita sedang berada di dalam suasana perubahan yang amat pesat di mana terdapat persaingan di dalam semua lapangan. Jika kita ketinggalan kita tidak akan dapat mengekalkan kedudukan ini, dan jika ini berlaku UMNO mungkin tinggal sebagai nama sahaja di dalam sejarah.

Kita baru selesai mengadakan Perhimpunan Agung kita. Dari perbahasan, kita dapati bahawa ahli-ahli UMNO semakin teliti di dalam membuat hujah-hujah mereka. Mereka tidak segan menyoal amanah yang telah diberikan kepada pemimpin-pemimpin mereka. Bagi saya ini adalah merupakan satu perkara yang sihat, yang mana jika digunakan mengikut prinsip-prinsip demokrasi di dalam Parti, akan dapat mengukuhkan lagi kedudukan kita sebagai parti yang memegang amanah rakyat dan negara. Tetapi sebagaimana yang saya jelaskan di dalam Perhimpunan Agung itu, soal fitnah-memfitnah sering berlaku di dalam UMNO. Soalnya ialah mengapakah penyakit ini dibiarkan berlaku sedangkan kita mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi di mana apa-apa kemuskilan boleh dikemukakan untuk mendapat jawapan. Itulah di dalam ucapan dasar saya, saya telah mengatakan bahawa orang Melayu sedang dihingapi oleh penyakit khayalan dan kelazatan berfitnah.

Orang-orang Melayu adalah orang Islam. Tetapi ini secara umumnya sahaja. Hari ini kita tahu ramai orang Melayu yang telah meninggalkan Islam kerana berbagai-bagai sebab. Yang menjadi cabaran bagi orang Islam di negara kita, khususnya orang Melayu, ialah bagaimana untuk mengatur satu strategi yang berkesan bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan ini berterusan. Pada hemat saya salah satu perkara utama yang harus diberi perhatian oleh setiap orang Islam ialah untuk mengekalkan perpaduan supaya tindakan-tindakan yang lebih tersusun dapat dibuat untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam semua gerak-geri hidup kita. Selagi orang Islam di negara ini masih memberi tempat kepada mereka yang ingin menyemaikan perpecahan di kalangan umat Islam selama itulah usaha-usaha yang mungkin dapat dijalankan tidak akan dapat dibuat dengan berkesan.

UMNO tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya untuk menegakkan syiar Islam di negara ini. Tetapi, sebagai Parti yang memerintah kita lebih mengutamakan jalan yang praktikal dan selamat daripada membuat sesuatu secara terburu-buru tanpa memikirkan kesan dan akibatnya.

Di dalam ucapan saya di Perhimpunan Agung juga saya telah menyentuh tentang penerapan nilai-nilai Islam di negara kita. InsyAllah, sekiranya semua pihak memberi sokongan kepada saya, saya yakin kita dapat menyusun usaha-usaha kita

dengan lebih kemas dan teratur lagi bagi memenuhi hasrat perjuangan kita yang berlandaskan kepada kepentingan bangsa, agama dan negara.

Pada hari ini kita juga dapat meraikan beberapa orang tokoh lama UMNO. Kita maklum bahawa setiap ahli berperanan membuat sumbangan kepada perjuangan kita. Dengan sumbangan tokoh-tokoh lamalah hari ini kita telah mencapai tahap kejayaan sekarang. Kita terhutang budi kepada mereka dan bersama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala sentiasa melimpahi rahmat dan hidayat-Nya kepada mereka dan kepada kita semua supaya kita dapat terus berjuang bagi kepentingan bangsa, agama dan tanahair.

Sempena dengan majlis pada hari ini, sukaiah saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada UMNO Negeri Kedah serta semua pihak yang telah giat berusaha untuk menjayakan projek Bangunan UMNO ini. Semoga dengan adanya bangunan ini UMNO Negeri Kedah akan dapat bergerak dengan lebih lancar dan ditadbirkan dengan lebih berkesan lagi.

Akhir kata, dengan sukacitanya saya merasmikan Bangunan UMNO Negeri Kedah ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG MCA YANG KE-31
DI WISMA MCA, KUALA LUMPUR
16HB. OKTOBER, 1983

Saya merasa amat sukacita kerana dapat menghadiri dan berucap di majlis pembukaan Perhimpunan Agung MCA pada pagi ini. Tahun lepas, sebagaimana saudara saudari maklum, saya tidak dapat menghadiri majlis yang sama kerana pada waktu itu saya terpaksa ke luar negeri.

Banyak perubahan yang telah berlaku dalam masa setahun yang lalu. Bagi MCA, satu perubahan yang terpenting ialah pengunduran Datuk Lee San Choon sebagai Presiden Parti. Pengunduran Datuk Lee bukan sahaja merupakan satu kehilangan kepada MCA tetapi juga kepada Barisan Nasional, Kerajaan dan negara. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Lee di atas segala sumbangannya kepada Barisan Nasional khususnya, dan kepada Kerajaan dan negara amnya. Saya cuma dapat mengharap agar Datuk Lee akan terus memberi sumbangan khidmatnya dengan apa jua cara kepada Barisan Nasional dan negara selaras dengan tradisi kita di mana setiap orang anggota parti, walau apa pun kedudukan dan jawatannya dalam parti, akan terus bersama-sama mendukung cita-cita murni Barisan Nasional dan Kerajaan. Perletakan jawatan oleh Dato Lee adalah satu teladan yang amat baik yang patut dicontohi bukan sahaja oleh lain-lain ahli MCA tetapi juga semua ahli politik. Beliau telah meletakkan jawatan dengan cara yang cukup teratur, tanpa paksaan oleh sesiapa dan dengan tidak meninggalkan 'time-bomb' atau dengan apa-apa muslihat. MCA patut menyanjung tinggi khidmat dan sikap Dato Lee San Choon itu.

Negara kita telah maju setapak demi setapak dengan kesedaran sebilangan besar rakyat dan parti-parti komponen Barisan Nasional tentang pentingnya hakikat "bersatu kita teguh bercerai kita roboh". Ciri-ciri masyarakat dan negara kita benar-benar menunjukkan betapa pentingnya kita memupuk dan meletakkan asas-asas yang kukuh ke arah mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu dan hidup dalam harmoni. Perpaduan dan keharmonian di dalam sesebuah negara majmuk seperti negara kita adalah faktor utama. Tanpa perpaduan dan keharmonian, bukan sahaja sukar untuk kita mencapai kemakmuran dan kemajuan yang lebih tinggi, bahkan kita mungkin akan kehilangan segala-galanya. Walaupun negara kita merupakan sebuah negara yang mempunyai berbagai sumber kekayaan dan kita mempunyai potensi yang besar untuk menjadi sebuah negara yang maju dalam masa yang singkat, ini semua mungkin menjadi impian semata-mata jika kita tidak memberi keutamaan kepada perpaduan dan keharmonian.

Mungkin ada mereka yang tidak insaf dengan hakikat ini. Mungkin ada mereka yang terbawa-bawa oleh emosi dan sanggup mempertarungkan nikmat keamanan dan kestabilan, seolah-olah huru-hara dan malapetaka buatan manusia tidak akan menimpa kita. Sebenarnya malapetaka dan huru-hara tidak pernah jauh dari kita. Selagi ada kumpulan, walau kecil sekalipun yang memandang ringan kepada perpaduan dan keharmonian, kita harus berwaspada bahawa keadaan kita adalah seperti keadaan telur di hujung tanduk.

Memandang kepada keadaan ini tidak seharusnya ada orang yang waras fikiran yang sanggup menukarkan keamanan dengan kekacauan, kemakmuran dengan kesusahan, masa depan yang penuh harapan dengan penderitaan.

Dalam negara yang demokratik seperti Malaysia kita mempunyai banyak kebebasan. Tetapi kebebasan ini bukanlah untuk disalahgunakan oleh sesiapa bagi satu-satu kepentingan yang jelas bertentangan dengan kepentingan nasional. Sudah tentu kebebasan ini bukan untuk kepentingan diri.

Di Malaysia di mana penduduk terdiri daripada berbagai kaum, banyak perkara yang sensitif yang jika tidak diurus dengan diplomasi akan mencetuskan huru-hara. Dalam Barisan Nasional kita mempunyai cara-cara dan forum tertentu untuk membincangkan masalah-masalah yang sensitif. Begitu juga Kerajaan mempunyai saluran dan forum tertentu, terutama bagi parti komponennya, untuk membincang perkara-perkara yang sensitif. Melalui saluran dan forum ini, perbincangan tanpa emosi boleh dibuat dan segala keraguan, salah tafsiran atau kesilapan dasar boleh diatasi. Dengan ini rakyat tidak akan berasa 'agitated', kestabilan politik tidak akan tergugat dan para pengusaha, peniaga dan pelabur tidak akan berasa terancam.

Saya sedar akan peranan isu-isu yang sensitif dalam usaha mencari populariti. Tetapi dalam Malaysia, kita tidak dapat bercakap dengan satu kaum sahaja tanpa didengari oleh kaum lain. Saya ingin menasihatkan bahawa taktik mencari populariti melalui isu yang sensitif mungkin akan 'backfire' dan membawa kesan yang buruk.

Sepertimana tuan-tuan dan puan-puan maklum, saya suka berterus-terang. Baru-baru ini soal penyerapan nilai-nilai Islam telah ditimbulkan oleh beberapa pihak. Oleh itu saya fikir perlu saya jelaskan di sini tentang perkara ini.

Sebenarnya di waktu kita mencapai kemerdekaan kita telah bersetuju bahawa agama Islam ialah agama rasmi, "but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation". Peruntukan dalam Perkara 3 ini menyebabkan Kerajaan menolak desakan daripada pihak-pihak tertentu supaya undang-undang Islam dikenakan kepada orang-orang bukan Islam. Jika orang Islam mahu undang-undang Islam dikuatkuasakan ke atas mereka, ini adalah hak mereka. Mereka juga berhak membuat interpretasi mereka terhadap undang-undang Islam dipaksa supaya diterima oleh orang bukan Islam. Jikalau hari ini terdapat mana-mana negara di dunia yang menguatkuasakan undang-undang Islam ke atas orang bukan Islam, ini bukanlah kerana ajaran agama Islam, tetapi adalah kerana keangkuhan

pemerintahan yang sanggup membelakangkan ajaran Islam yang sebenar. Kerajaan Malaysia yang ada sekarang tidak sanggup membelakangkan ajaran Islam dan mengenakan peraturan Islam ke atas bukan Islam.

Nilai-nilai Islam bukan bermakna undang-undang Islam. Sebenarnya nilai-nilai Islam tidak jauh berbeza daripada konsep baik-buruk yang universal. Apa yang dianggap baik oleh orang-orang yang waras juga dianggap baik oleh Islam, dan yang buruk dianggap buruk. Oleh itu penyerapan nilai-nilai Islam oleh Kerajaan tidak akan menghancurkan nilai-nilai lain yang terdapat di Malaysia. Tetapi sekarang ini ada trend yang tidak sihat dari Barat, yang bertentangan dengan nilai Islam dan juga nilai-nilai universal, yang malangnya diterima oleh orang yang waras.

Di Eropah sekarang ini orang berbogel pun boleh berjalan di tengah-tengah bandar, perempuan boleh kahwin perempuan, lelaki kahwin lelaki, adultery, sodomy dan lesbianism diterima sebagai perkara biasa. Hormat-menghormati antara manusia sesama manusia, atau pengikut dengan pemimpin tidak diberi keutamaan. Kata-kata kotor sengaja diguna oleh lelaki dan perempuan. Hisap ganja bahkan dadah lain dipandang sebagai hak asasi manusia. Hak individu dianggap lebih penting daripada hak masyarakat. Menimbulkan kacau-bilau dalam masyarakat juga menjadi hak. Amanah dan berpegang kepada janji tidak lagi dianggap penting oleh masyarakat Barat. Trend di Barat ini sudah menular ke Timur dan ke Malaysia. Ramai yang berpendapat bahawa apa yang diterima oleh Barat boleh diterima oleh kita.

Islam tidak dapat menerima nilai-nilai seperti ini. Dan saya yakin semua orang yang waras dari apa juga agama tidak boleh menerima keruntuhan akhlak seperti ini. Yang boleh kita semua terima ialah nilai-nilai kebudayaan Timur yang juga merupakan nilai universal yang asli. Dan hampir semua nilai-nilai ini adalah sama dengan nilai-nilai Islam. Oleh itu penyerapan nilai-nilai Islam tidak akan menjejaskan mana-mana kebudayaan lain dan tidak akan merupakan satu tekanan kepada orang bukan Islam di Malaysia.

Ini sahaja yang dimaksudkan oleh Kerajaan dengan penerapan nilai Islam. Tidak ada hak sesiapa yang disentuh. Jika wanita Cina hendak pakai cheongsam tidak ada ketegahan, tetapi kalau hendak berbogel di jalan, saya fikir orang Cina pun tidak boleh terima. Begitu juga di Hong Kong, apabila Kerajaan Penjajah ingin membenarkan perhubungan antara lelaki dengan lelaki mengikut kegemaran orang British, penduduk Cina di Hong Kong membuat bantahan. Orang Islam pun sudah tentu akan turut memprotes – di sini dapat dilihat nilai Islam adalah sama dengan nilai orang Cina umpamanya.

Kerajaan tidak berniat untuk memaksa orang bukan Islam memeluk agama Islam atau patuh kepada undang-undang keluarga Islam. Cuma nilai Islam yang rata-rata sama dengan nilai kaum lain di Malaysia yang akan diserapkan oleh Kerajaan.

Oleh itu saya harap isu ini tidak dijadikan isu politik dalam parti atau luar parti. Saya khuatir keharmonian dan keamanan dalam negara akan terancam.

Segala perubahan yang dibuat akhir-akhir ini, sama ada dari segi dasar Pandang ke Timur, Persyarikatan Malaysia dan Penswastaaan, penerapan nilai-nilai mulia universal dengan nilai-nilai Islam sebagai terasnya, Kepimpinan Melalui Teladan serta gerakan kebersihan dan pengindahan seluruh negara adalah dengan tujuan untuk mengukuhkan ciri-ciri serta identiti bangsa Malaysia yang berkemampuan dan yang berketahanan. Tetapi, sebagaimana yang pernah saya nyatakan, perkara-perkara yang baik tidak senang diterima orang; bahkan sentiasa ada orang yang menentangnya. Sayangnya di antara yang menentang adalah terdiri daripada mereka yang berkelelahan tinggi dan berpengalaman luas. Sayangnya mereka ini membenarkan 'negativism' menghalang mereka daripada melihat dan menilai kebaikan-kebaikan sesuatu perubahan yang dianjurkan.

Kalau diteliti dengan baik-baik dan dengan fikiran yang waras perubahan-perubahan yang dianjurkan lebih banyak kebaikannya daripada keburukan. Begitu juga, kalau diteliti dan difikirkan secara positif, di antara keburukan ini pun banyak yang boleh diatasi dan ditukar untuk membawa manfaat. Sebagaimana dengan kepercayaan kepada hantu, jika kita selalu membincang dan mengkhayalkan tentang hantu, bukan sahaja kita akan menjadi takut dan lemah semangat, malah tidak mustahil kita akan menemui hantu khayalan kita di mana-mana sahaja. Tentulah orang yang berkeadaan seperti ini tidak dapat membuat apa-apa kecuali hidup dengan hantu-hantu buatannya sendiri. Sebaliknya kita tahu mereka yang tidak percaya kepada khayalan, mereka tidak takut melainkan kepada ancaman yang benar-benar nyata.

Saya yakin Perhimpunan Agung MCA ini akan memberi peluang kepada saudara saudari sekalian untuk mengukuhkan lagi kefahaman saudara saudari tentang segala bidang usaha yang telah dan sedang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Gunakanlah perspektif yang wajar untuk meneliti isu-isu yang dipersoalkan dan janganlah dibiarkan sentimen menjejaskan perhitungan saudara saudari daripada melihat sudut-sudut kebaikan sesuatu usaha yang dianjurkan dengan tujuan kebaikan.

Akhir kata, dan dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya membuka Mesyuarat Agung MCA yang ke-31 ini dengan rasminya.

UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE- 35
DI KUALA LUMPUR
25HB. MEI, 1984

Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izin Allah Subhanahu Wataala, ssekali lagi kita dapat berkumpul menghadiri Perhimpunan Agung UMNO dalam keadaan tenang dan aman, kali ini buat kali yang ke- 35. Bagi pihak parti dan Majlis Tertinggi, saya mengalu-alukan kehadiran saudara-saudari para perwakilan sekalian. Saya juga mengalu-alukan wakil-wakil dan pemimpin-pemimpin parti Barisan Nasional, yang hadir di majlis ini. Marilah kita bersama-sama berdoa ke hadirat Illahi supaya dengan taufik dan hidayahNya dapat kita menunaikan tanggungjawab kita di perhimpunan ini bagi memelihara perpaduan dalam parti dan mencapai matlamat perjuangan kita.

Walaupun setiap Perhimpunan Agung UMNO menjadi peristiwa yang amat penting kepada kita ahli UMNO khususnya, dan rakyat serta negara amnya, namun setiap tiga tahun sekali, Perhimpunan Agung UMNO lebih menarik minat kerana pemilihan pucuk pimpinan, iaitu Majlis Tertinggi. Kali ini adalah satu daripadanya - sekali lagi perhimpunan agung kita akan memilih mereka yang akan diamanahkan dan diberi tanggungjawab untuk menerajui parti di peringkat yang tertinggi.

Di perhimpunan agung tahun lepas, saya lebih menghuraikan dengan panjang lebar proses demokrasi dan amalannya dalam UMNO dan saya percaya para perwakilan tidak perlu diperingati lagi tentangnya. Walau apapun yang akan kita lakukan pada bila-bila masa, kita harus mengutamakan kepentingan parti lebih daripada kepentingan diri, insya-Allah.

UMNO: Perpaduan Kebangsaan Dan Keislaman

UMNO adalah parti politik orang Melayu. Oleh kerana orang Melayu semuanya beragama Islam, maka UMNO dengan sendirinya menjadi parti orang Islam Semenanjung Malaysia dan berjuang untuk agama Islam. Tetapi UMNO bukan hipokrit dan berpura-pura menafikan ia adalah parti orang Melayu seperti yang dibuat oleh sebuah parti lain.

UMNO dengan jelas mengakui yang ianya parti kebangsaan Melayu di samping menjadi parti Islam. Menafi hakikat ini akan menjadikannya hipokrit atau munafik — dan orang munafik tidak menjadi orang Islam yang jujur.

Di Malaysia orang Melayu cuma 50% daripada jumlah penduduk dan mereka adalah golongan yang, secara relatif, lemah dan miskin. Dengan itu UMNO juga mewakili golongan yang lemah dan miskin dalam negara.

Orang yang lemah dan miskin biasanya menarik simpati masyarakat umum. Tetapi, walaupun lemah dan miskin, orang Melayu telah berjaya memegang kuasa politik dalam negara Malaysia yang merdeka. Ini menimbulkan kebencian yang tidak terhingga terhadap mereka di kalangan orang-orang tertentu di dalam dan di luar negeri. Oleh sebab itulah semenjak merdeka orang Melayu tidak mendapat simpati, dan negara Malaysia menjadi sasaran bermacam-macam tuduhan dan tohmahan. Dan sudah tentu parti orang Melayu, iaitu Parti UMNO menjadi tumpuan utama segala usaha pihak lawan untuk mengekalkan orang Melayu di taraf rendah mereka, supaya tidak dapat menggunakan kuasa politik mereka untuk memperbaiki kehidupan mereka.

Tidak ada cara yang lebih berkesan untuk mengekalkan kelemahan orang Melayu daripada menggunakan orang Melayu sendiri untuk melawan orang Melayu. Dengan tertubuhnya Parti PAS maka terbentuklah alat utama musuh orang Melayu. Malang bagi mereka, kebanyakan daripada orang Melayu dapat meneka strategi pecah-belah ini dan telah terus menyokong UMNO.

Sekarang ini usaha ditumpukan kepada melemahkan semangat kebangsaan Melayu dengan mendakwa Islam menentang kebangsaan. Bahawa kebangsaan orang Melayu adalah satu alat mempertahankan diri bagi orang Melayu yang semuanya Islam, sama seperti kebangsaan Mujahidin mempertahankan orang Islam Afghanistan, dan tidak menjadi satu keangkuhan yang mengeneipkan agama Islam dan orang Islam lain, tidak disebut. Mereka yang mendakwa bahawa mereka cuma mengakui keIslaman mereka dan kononnya menolak semangat kebangsaan Melayu, tidak pula berani mempertahankan orang yang seagama dengan mereka di Afghanistan, atau di Lubnan atau di lain-lain tempat. Kelslaman mereka terhad kepada kegiatan di Malaysia sahaja di mana kebangsaan Melayu UMNO dapat memberi perlindungan kepada mereka. Sifat mereka ini adalah sifat hipokrit atau sifat talam dua muka. Dan mereka adalah begitu fanatik kepada parti mereka sehingga mereka tidak menyoal sama ada pendirian parti mereka baik atau tidak. Mereka inilah yang sebenarnya dari golongan Asabiyah.

Hipokrasi Dan Ekstrimisme Musuh Utama

UMNO perlu mendedahkan golongan hipokrit di kalangan orang Melayu ini. Golongan hipokrit dalam mana-mana masyarakat memang menjadi duri dalam daging. Pertahanan Madinah di zaman Nabi Muhammad s.a.w. telah dilemahkan oleh golongan ini. Dalam sejarah Islam, golongan seperti ini kerap muncul apabila sahaja orang Islam mencapai kejayaan dan merekalah yang melemahkan semula masyarakat Islam. Sekarang keadaan seumpama ini sedang berlaku di Malaysia. Adalah menjadi tanggungjawab parti orang Islam seperti UMNO untuk bukan sahaja mendedahkan golongan hipokrit ini tetapi juga melawan mereka sehingga mereka tewas. Insyallah,

UMNO akan berjaya dalam usaha yang mulia ini dan orang Melayu serta orang Islam di Malaysia akan kekal dengan perpaduan mereka dan akan terus kuat dan maju.

Sebagai satu lagi usaha untuk menentukan kejayaan orang Melayu, kita telah berusaha menerapkan nilai-nilai Islam. Kita tidak syak bahawa nilai-nilai Islam akan menjadikan orang Melayu orang yang lebih berjaya di dunia dan di akhirat. Pentadbiran yang diasaskan kepada nilai-nilai Islam tetap akan menjadi pentadbiran yang kukuh, adil dan berjaya.

Di sini nilai-nilai Islam tidak bermakna rupabentuk dan kebudayaan Arab yang menjadi tumpuan setengah-setengah orang Melayu di Malaysia. Memang benar rupabentuk boleh dijadikan simbol Islam dan ditiru dengan mudah. Tetapi rupabentuk tidak akan membawa kejayaan kepada kita. Yang akan membawa kejayaan ialah amalan nilai-nilai Islam seperti amanah, disiplin, taat setia, rajin dan tekun, bersaudara antara orang-orang mukmin, berani kerana benar, bertoleransi dan bertimbang rasa, adil, insaf dan syukur dan lain-lain lagi nilai yang mulia yang tidak begitu mudah diamal atau dipamerkan.

Jika pada hari ini masyarakat Islam berada dalam keadaan yang hina, berpecah-belah dan berperangan antara satu sama lain, dipermain, ditipu dan diperalatkan, terlalu bergantung kepada orang-orang bukan Islam dan diserang oleh berbagai masalah, sebabnya ialah orang Islam tidak mengamalkan nilai-nilai Islam. Ini termasuklah orang-orang Melayu yang kerap memperkatakan tentang nilai-nilai yang baik tetapi jarang mengamalkan nilai-nilai ini.

Penerapan Nilai-Nilai Islam Ke Dalam Pentadbiran

Dalam ucapan saya di Perhimpunan Agung Tahun 1982, saya telah menjelaskan tentang hasrat Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran negara. Maksud saya ialah supaya kita akan mentadbir dengan amanah, jujur, disiplin, setia, bertanggungjawab, cekap, bersih, dan lain-lain lagi nilai Islam yang akan menjadikan pentadbiran negara ini satu pentadbiran yang berkesan dan adil.

Malangnya hasrat ini telah dijadikan alasan untuk ajaran dan tindakan yang membawa masalah dan mengganggu pentadbiran. Islam sengaja digambarkan oleh kumpulan-kumpulan tertentu sebagai agama yang tidak toleran, sehingga kakitangan Kerajaan yang beragama Islam dilarang dari berkawan dengan yang bukan Islam dan melawat mereka di hari kebesaran mereka. Tumpuan diberikan bukan kepada soal khidmat yang baik dan pegangan kepada janji dan ikrar, tetapi kepada soal haram-halal, di mana tafsiran dibuat mengikut nafsu.

Demikianlah ekstrimnya tafsiran yang dibuat sehingga ada pegawai yang tidak mahu menyentuh kertas yang ada tertulis di dalamnya perkataan 'babi'. Ada yang sanggup menukar arahan ketua kerana tidak secocok dengan fahaman ekstrim mereka. Ada yang berpendapat bahawa penerapan nilai Islam bermakna memakai cador, tetapi kerana gaji, mereka masih sanggup bekerja di pejabat.

Dengan kegiatan menyalahafsirkan niat Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran, maka matlamat mengadakan pentadbiran yang jujur dan kemas tidak tercapai seperti yang dijangkakan. Tidak ada tekanan diberi oleh kumpulan-kumpulan tertentu ini kepada amanah, disiplin, kesetiaan dan lain-lain kerana ini semua dikatakan sama sahaja dengan nilai-nilai universal, dan oleh itu tidak menjadi nilai Islam yang khusus. Nilai Islam, kata mereka, ialah yang mengasingkan orang Islam daripada yang bukan Islam.

Walaupun penyelewengan telah berlaku, Kerajaan akan terus berusaha untuk menjayakan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Mereka yang sengaja menimbulkan masalah dengan tafsiran yang sempit dan keterlaluan akan ditentang habis-habisan. Penerapan nilai-nilai Islam oleh pentadbiran negara akan membentuk Kerajaan yang lebih adil dan lebih berkesan. Semua rakyat, dari apa juga kaum dan agama, akan mendapat kebahagiaan daripada pentadbiran yang diasaskan kepada nilai-nilai Islam. Segala usaha untuk mengkhianati hasrat ini akan gagal, insya-Allah.

Kemelesetan Ekonomi Dan Cabaran

Malaysia dalam tahun 1983 telah melalui beberapa liku dan menghadapi beberapa masalah. Kemelesetan ekonomi dunia telah memuncak dan membawa banyak kesan buruk kepada pembangunan negara dan kehidupan rakyat. Berbanding dengan negara-negara lain, baik yang membangun atau yang sudah maju, kesan kepada Malaysia tidaklah begitu teruk. Dari segi pengangguran umpamanya, Amerika Syarikat mengalami pengangguran sebanyak 11%, sementara kita cuma 6%. Dari segi inflasi pula, inflasi di negara kita adalah lebih rendah dari negara-negara lain. Di Amerika Selatan, kadar inflasi meningkat ke paras 150% setahun, tetapi di negara kita cuma 3.6% sahaja. Pertumbuhan ekonomi kita ialah hampir 6% berbanding dengan pertumbuhan negatif di kebanyakan negara-negara lain. Namun demikian perkembangan ekonomi di Malaysia tidaklah seperti dahulu, di waktu mana kita dapat memenuhi banyak daripada kehendak rakyat dan negara dari segi bekalan wang.

Hakikat yang mesti kita akui ialah kedudukan kewangan negara kita mempunyai pilihan. Pertama, kita boleh ketepikan kenyataan dan kita belanja seperti di masa makmur. Jika tidak cukup wang, kita berhutang. Soal bayar balik kita lupakan. Tidak usah kita fikirkan bahawa negara akan jadi bankrap. Yang penting ialah kita popular sekarang.

Pilihan kedua ialah kita berjimat cermat, dan belanja setakat yang kita mampu sahaja. Saya yakin tiap seorang daripada kita akan berkata pilihan kedua ialah yang terbaik. Malangnya sementara kita bersetuju dengan sikap jimat-cermat Kerajaan, kita berharap yang hendak dijimatkan ialah peruntukan bagi orang lain. Kita lupa bahawa orang lain itu ialah kita sendiri kalau dipandang dari sudut orang lain.

Pendek kata, Kerajaan disokong supaya berjimat asalkan semua projek diteruskan. Ini adalah mustahil. Kita semua haruslah berkorban jika usaha jimat-cermat hendak diamalkan.

Dalam keadaan ini datanglah orang yang tidak bertanggungjawab yang hendak menanggung di air yang keruh. Parti pembangkang akan mengecam dengan hebat kerana menurut mereka Kerajaan berbelanja secara boros dan berhutang terlalu banyak. Mereka mencabar supaya kita kurangkan hutang. Tetapi di masa yang sama mereka mengecam mengapa bekalan wang tidak mencukupi, pembangunan tidak diadakan dan peruntukan untuk berbagai maksud dikurangkan. Mereka mengejek-ejek kita kerana tidak membuat itu dan ini. Dan kadang-kadang ada di antara kita yang melatah dan menari mengikut rentak mereka. Inilah yang mereka mahu, bukan peruntukan atau kemudahan. Bagi mereka, tidak ada peruntukan amatlah baik, kerana ini boleh dijadikan isu untuk menarik perhatian kepada diri mereka. Tidak ada sesuatu yang lebih mengecewakan mereka daripada kejayaan Kerajaan memenuhi kehendak rakyat.

Ahli-ahli UMNO dan pemimpin-pemimpin UMNO tidak boleh latah. Kita mesti sedar akan keadaan ekonomi dan kewangan negara. Kita mesti berjimat-cermat, mesti sanggup mengikat perut buat sementara waktu. Kita perlu menjelaskan kepada rakyat akan betapa pentingnya kita bersabar. Akhirnya kita akan mencapai kebahagiaan. Inilah caranya menghadapi cabaran. Mereka yang mengikut nafsu akan menderita, mereka yang bersabar akan bahagia.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat telahpun diumumkan dan beberapa strategi baru telah digubal. Pemimpin dan ahli UMNO mestilah menolong mejayakan strategi baru ini. Insya-Allah kita akan dapat memulihkan dengan lebih cepat lagi keadaan ekonomi negara, terutama ekonomi orang Melayu di desa.

Pindaan Perlembagaan

Selain daripada kemelesetan ekonomi, perkara yang mencabar UMNO dalam tahun 1983 ialah isu pindaan perlembagaan. Saya tidak perlu ulangkan di sini tentang sebab-sebab Perlembagaan perlu dipinda. Saya telahpun memberi keterangan yang jelas kepada semua Ketua Bahagian dan Pegawai Penerangan yang harus menyampaikannya kepada semua ahli UMNO.

Saya ingin menyatakan di sini kesyukuran saya dan terima kasih saya kepada pemimpin serta ahli UMNO yang telah memberi sokongan kepada tindakan Kerajaan. Majlis-majlis penerangan yang diadakan telah dibanjiri oleh ahli UMNO dan orang Melayu dan bukan Melayu yang menjadi penyokong Barisan Nasional sehingga tidak siapa boleh menuduh lagi bahawa pindaan ini dibuat tanpa mendapat restu daripada majoriti ahli UMNO. Ada yang menuduh bahawa hanya Presiden dan Timbalan Presiden sahaja yang inginkan pindaan Perlembagaan. Ada yang berkata, Parti tidak diberi peluang membincang terlebih dahulu.

Sebenarnya Perlembagaan Malaysia telah dipinda berkali-kali. Di antara pindaan-pindaan yang telah diluluskan ialah pemisahan Singapura. Pemisahan mana-mana wilayah Malaysia dilarang oleh Perlembagaan. Ia memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja terlebih dahulu. Sudah tentu parti patut diberitahu, jika tidakpun diberi pelu-

ang membahas. Tetapi sepertimana kita maklum, tidak ada sebarang rujukan atau rundingan. Setiausaha Agung UMNO pada ketika itu meletak jawatan kerana membantah cara keputusan pemisahan Singapura dibuat. Tetapi pindaan terus dibuat, dengan 2/3 daripada ahli Dewan Rakyat menyokong pindaan ini, termasuklah saya sendiri. Saya tidak membantah kerana matlamat adalah lebih penting dari cara. Tidak ada gunanya kita mengadakan pemimpin, jika mereka tidak dibenarkan menggunakan budibicara mereka sama sekali terutama apabila perbincangan umum akan mencekutkan lebih banyak masalah dan ketegangan.

Pindaan Perlembagaan yang kita buat baru-baru ini tidak sebesar pemisahan Singapura, tidak bertentangan dengan Perlembagaan dan tidak memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja. Mengungkit soal aturan-peraturan cuma dibuat kerana kepentingan lain atau kerana sengaja hendak mencari salah.

Memang ada pemimpin-pemimpin UMNO yang agak tidak begitu berminat dengan pindaan yang telah dibuat. Ini adalah perkara biasa. Tetapi sepertimana mereka mengungkit soal aturan-peraturan, mereka juga patut mengikuti aturan-peraturan dalam tindak-tanduk mereka. Jika ahli-ahli yang tidak bersetuju berpendapat bahawa pindaan ini perlu dirujuk kepada UMNO terlebih dahulu, kenapakah mereka sendiri tidak rujuk kepada UMNO sebelum mereka membuat kenyataan umum dan berpakat dengan orang-orang di luar Parti untuk menghalang tindakan yang diambil oleh pemimpin yang dipilih oleh Parti? Apakah orang yang tidak dipilih lebih berhak dari orang yang dipilih? Jika benar, di mana duduknya demokrasi dalam Parti?

Apabila saya membuat salah dahulu saya disingkir. Hari ini saya memimpin parti tetapi kita tidak menyingkir orang yang membuat salah kepada parti. Siapakah yang lebih demokratik dan siapakah 'Yes-man'?

Alhamdulillah. Sekarang isu pindaan perlembagaan sudah menjadi sejarah. Kita telah mencapai matlamat kita, dan kita semua harus bersyukur bukan sahaja kerana pencapaian matlamat ini tetapi juga kerana parti kita masih bersepadu walaupun retak sedikit. Di samping kita bersyukur, kita harus ingat bahawa retak mudah menjadi belah. Yang gagahpun akan lemah jika dipalu berkali-kali. Apatah lagi yang sudah retak.

Pindaan Perlembagaan sudahpun selesai. Sama ada benar atau tidak tuduhan bahawa kita terlalu bertolak ansur atau terlalu tamak kuasa, tidak perlu dibahas. Pemimpin-pemimpin UMNO akan datang dan akan pergi, tetapi perjuangan UMNO perlu dikekalkan. Pada hemat saya, perjuangan untuk menghilangkan keraguan tentang kuasa rakyat dan kuasa raja telah selesai. Kita telah tentukan bahawa akhirnya rakyat yang berhak membuat undang-undang yang mempunyai kesan terhadap rakyat.

Dasar Ekonomi Baru dan Kenyataan

Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan jujur dan telah mencapai kejayaan, walaupun, kerana sebab-sebab tertentu, tidak ke tahap yang dirangka. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, kita telah

mencapai 18% daripada 23% bahagian ekonomi yang ditentukan bagi bumiputera sehingga tahun 1983.

Sekarang kita perlu tanya diri kita, sama ada kita benar-benar mahu bahagian kita dalam ekonomi negara. Soal ini perlu ditanya kerana baru-baru ini soal haram-halal Amanah Saham Nasional telah dibangkitkan semula oleh orang-orang yang berkepentingan.

Ekonomi dunia di zaman moden ini bukan dibentuk dan diusahakan oleh orang Islam. Oleh itu ekonomi moden tentulah ada unsur-unsur yang mungkin bertentangan dengan ajaran Islam, yang telah dicampuradukkan dengan cara-cara serta kegiatan yang boleh diterima oleh Islam. Kadangkala kita dapat mengasingkan apa yang bertentangan dengan Islam daripada apa yang diizinkan. Tetapi kerap kali pengasingan ini tidak dapat dibuat, terutama jika kita sengaja mencari unsur-unsur yang tidak se-cocok dengan Islam. Demikianlah pencemaran yang berlaku sehingga kita tidak mungkin mengamalkan apa-apa ibadat tanpa terlibat secara tidak langsung sekurang-kurangnya dengan soal haram-halal. Kain yang kita pakai waktu sembahyang, kapal atau kapal terbang yang kita guna untuk ibadat haji, kurma yang kita makan di bulan puasa, bahkan fitrah yang kita bayarkan sedikit sebanyak terlibat dengan sistem bank perdagangan. Cuma mengucap dua kalimah syahadat sahaja yang mungkin tidak melibatkan bank dan lain-lain perniagaan yang diragui oleh mereka yang ingin dikenali sebagai 'Muslim purist' yang kononnya tidak pernah tercemar kelslaman mereka.

Di Malaysia ada yang mendakwa bahawa mereka membuat perniagaan mengikut ajaran Islam dan oleh itu, mestilah disokong oleh semua orang Islam. Bahkan ada yang menyatakan bahawa orang Islam tidak boleh membeli barangan selain daripada apa yang dijual oleh orang Islam. Dengan itu, maka terdapatlah orang yang menjual mi Islam yang dibuat oleh mereka. Tetapi sungguhpun mi itu dibuat oleh orang Islam, tepung dibeli dari orang bukan Islam, bahkan ditanam, diimport dan dijual dengan pembiayaan bank perdagangan kepunyaan bukan Islam. Pembuatan dan penjualan barang oleh orang Islam memang patut disokong oleh orang Islam tetapi janganlah gunakan Islam sebagai iklan, terutama apabila dakwaan yang dibuat tidak benar. Perbuatan sedemikian menghinakan Islam dan menjadikannya bahan gelak-ketawa orang lain. Memang benar ada larangan kepada orang Islam dalam soal makan-minum, pakaian dan kegiatan sosial, ekonomi dan politik. Larangan ini amat mudah diamalkan. Kita tidak boleh makan babi, tidak boleh minum arak, tidak boleh berzina, tidak boleh menipu, tidak boleh menerima ideologi yang menafikan adanya Tuhan dan lain-lain lagi yang jelas. Tetapi mereka yang ingin bertopengkan Islam tidak puas hati dengan larangan ini sahaja. Mereka mencipta dan mencari bermacam-macam lagi larangan lain, sehingga membuat takrif dan tafsiran sendiri. Di samping itu, mereka menjadikan yang sunat itu wajib, yang harus menjadi sunat dan diwajibkan kemudiannya. Perkara-perkara yang tidak dilarang dijadikan haram. Tetapi, yang anehnya bagi orang-orang ini yang wajib diketepikan. Mereka tidak mengambil berat tentang perpaduan ummah, jauh sekali persaudaraan dalam Islam. Mereka tidak segan-segan berbohong berkenaan dengan agama, mengkafirkan orang Islam, menyalah-tafsir, memilih-milih ayat Al-Quran,

Hadis dan Sunah Nabi yang secocok dengan dakwaan mereka sahaja dan lain-lain kegiatan yang dilarang oleh agama. Mereka menjual ayat-ayat Al-Quran dengan murah.

Sepertimana yang saya telah katakan tadi, ekonomi moden bukan dibentuk dan dikembangkan oleh orang Islam. Ia dibentuk dan diamalkan oleh orang bukan Islam. Demikianlah berkesannya sistem ekonomi mereka, sehingga seluruh dunia terpaksa menggunakan sistem ini. Orang Islam sendiri tidak dapat mengelak daripada menggunakan sistem ini. Jika orang Islam cuba mengelak, sebelum sistem Islam dikembangkan, akibatnya ialah kita akan dijajah oleh pengamal sistem ekonomi dunia sekarang. Dan jika kita dijajah, sistem ekonomi Islam tidak mungkin kembang dan maju.

Orang Islam yang berhajat untuk memajukan sistem ekonomi Islam mestilah tahu menyusun langkah dan menggunakan sistem orang lain dahulu. Sistem Islam adalah praktikal. Yang menggagalkan sistem Islam, bukanlah agama Islam, tetapi tindakan buta-tuli penganut-penganut Islam. Jika Sepanyol, Eropah Timur dan Selatan Rusia sekarang ini tidak lagi menjadi sebahagian daripada dunia Islam, sebabnya ialah penganut Islam bertindak mengikut nafsu lebih daripada akal fikiran. Mereka menolak ilmu kerana ada yang berpendapat bahawa ilmu-ilmu yang tidak berasas kepada tafsiran Al-Quran, Hadis dan Sunah Nabi adalah sekular dan tidak Islam. Jika di zaman ini peluang daripada kekayaan minyak yang dikurniakan oleh Tuhan kepada orang Islam tidak dapat diperalatkan untuk mengembangkan sistem ekonomi Islam sebabnya ialah kerana sekali lagi orang Islam tunduk kepada dorongan nafsu dan tidak menggunakan akal fikiran. Mereka mahu mengharamkan semua tanpa menyediakan gantinya.

Di Malaysia orang Islam berada dalam keadaan cemas kerana mereka begitu lemah dalam bidang ekonomi. Dalam kecemasan atau darurat banyak tindakan yang diizinkan oleh agama Islam. Daging babi sekalipun boleh dimakan jika perbuatan cara itu sahaja yang boleh menyelamatkan nyawa seorang orang Islam. Ada pemimpin sebuah parti yang baru-baru ini berkata riba diizinkan dalam darurat. Mereka tahupun ajaran Islam, tetapi kelonggaran ini mereka gunakan untuk kepentingan politik, kerana tidak mahu mengakui Bank Islam – bukan kerana darurat.

Oleh kerana orang Islam dalam Malaysia berada dalam keadaan cemas maka beberapa tindakan perlu diambil. Di antaranya ialah pembentukan Amanah Saham Nasional. Melalui ASN kita akan dapat menguasai sebahagian daripada ekonomi negara kita, iaitu 30%. Ekonomi yang dimaksudkan ialah ekonomi moden. Jika kita mahu menunggu sehingga sistem Islam menguasai seluruh ekonomi negara ini, kita tidak akan mencapai 30% dalam tahun 1990. Mungkin kita terpaksa tunggu 100 tahun atau 200 tahun atau lebih. Mungkin pula kerana gagal mendapat 30% dalam tahun 1990, kita tidak dapat mempengaruhi dengan berkesan ekonomi negara, jauh sekali mengembangkan sistem ekonomi Islam. Memandangkan kepada kemungkinan inilah yang kita bentuk ASN sebagai alat utama kita.

Kerana peranan yang dimainkan oleh badan-badan seperti ASN, PERNAS, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negara dan lain-lainlah yang kita hari ini menguasai 18% daripada ekonomi negara. Jika badan-badan ini diharamkan maka kita tidak mungkin mendapat 1 peratus pun dari ekonomi negara, lebih-lebih lagi jika Bank Islam pun kita tidak mahu terima. Jika ini berlaku orang Islam akan lumpuh sama sekali. Jauh daripada mengatasi kecemasan, mereka akan bergelumbang dalam lembah kehinaan yang akan mengancam iman mereka.

Terpulanglah kepada kita memilih sama ada kita mahu menolong diri kita sendiri atau menjadi hipokrit yang sanggup bertindak cuma kerana politik parti sementara berpura-pura dengan keislaman kita. Saya yakin UMNO dan ahli-ahlinya tidak suka dengan hipokrit. Kita akan berpegang kepada Islam dan akan menjayakan penganut agama Islam secara ikhlas. Rupa bentuk Islam bukanlah untuk kita. Bagi kita isi kandungan Islam adalah lebih penting dan kita akan teruskan usaha kita untuk mencari dan mengamalkan isi kandungan ajaran Islam.

ASN dan lain-lain badan adalah jentera kita untuk memelihara kepentingan ekonomi bumiputera, orang Melayu dan orang Islam. Sesiapa yang cuba menggagalkan ASN bererti mengkhianati usaha pemeliharaan dan pembangunan orang Islam di Malaysia. Kita mesti menentang mereka habis-habisan.

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah sampai ke tahun yang ke-14 dengan pencapaian sebanyak 18% daripada matlamat 30% untuk bumiputera. Sekarang ini perkara yang hangat dibincangkan ialah sama ada kita akan mencapai matlamat 30% ini pada tahun 1990 ataupun kita perlu meneruskan DEB selepas tahun 1990 sehingga tercapai matlamat kita. Di sini, ingin saya tegaskan bahawa bukan peratusan yang dicapai pada 31hb Disember, 1990 yang penting. Yang penting ialah kebolehan kita mengekalkan apa yang sudah menjadi milik kita. Walaupun pada penghujung tahun 1990 kita telah memiliki 30%, Dasar Ekonomi Baru tidak bermakna jika pada 1hb Januari, 1991, kita jualkan bahagian kita untuk wang tunai.

Oleh itu yang harus kita lakukan sementara kita berusaha mendapat bahagian kita, ialah kita mempelajari cara-cara mengurus wang supaya bukan sahaja hak kita akan kekal di tangan kita tetapi ia akan tumbuh dan berkembang. Ekonomi bukan perkara yang statik, yang tidak bergerak. Ia berkembang dan ia tumbuh. Jika kita tidak tahu mengurus bahagian kita dalam ekonomi dan ia tidak tumbuh dan berkembang, bahagian itu tentu akan merosot. Dan sekali lagi Dasar Ekonomi Baru tidak akan mempunyai makna.

Pengurusan Dan Kejayaan

Jika kita tidak tahu berjimat-cermat dan mengurus wang dan tidak mahu belajar tentang selok-belok urusan ini, kita tidak boleh salahkan sesiapa pun melainkan diri kita sendiri. Tabiat boros, tabiat suka menunjuk-nunjuk, tabiat mengutamakan rupa lebih dari isi, masih ada pada kebanyakan kita. Singkirkanlah tabiat-tabiat ini dan belajarlah cara-cara mengurus dan berjimat-cermat. Cuma kecekapan mengurus sahaja

yang akan dapat menjamin keupayaan kita mengekalkan bahagian kita dalam sektor ekonomi hasil daripada Dasar Ekonomi Baru. Inilah matlamat Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya. Melanjutkan tempoh Dasar Ekonomi Baru bukanlah merupakan kunci kepada masalah kita. Ia cuma akan melalaikan kita dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan akan menangguh masalah yang kita tetap akan hadapi pada suatu hari kelak, jika kita tidak mempunyai kecekapan pengurusan. Oleh itu adalah lebih baik kita tekankan soal kecekapan pengurusan daripada menumpukan perhatian kepada pemanjangan tempoh Dasar Ekonomi Baru.

Perkongsian Dan Kemakmuran

Perjuangan UMNO ialah untuk bangsa, agama dan tanahair. Di tanahair kita terdapat bukan sahaja orang Melayu tetapi juga bumiputera lain, orang Cina, orang India dan lain-lain lagi. Oleh itu, perjuangan UMNO terpaksa mengambilkira kedudukan dan kepentingan orang-orang bukan Melayu yang menjadi warganegara. UMNO tidak ada niat untuk merampas hak dan harta orang lain yang diperolehi secara sah. Agama Islam, yang menjadi agama rasmi dan agama ahli-ahli UMNO, juga tidak menyuruh supaya UMNO merampas hak orang lain. Apa yang diperlukan oleh UMNO ialah kerjasama daripada semua kaum supaya keadilan wujud dalam semua lapangan di negara yang kita cintai ini.

Sementara UMNO memberi kerjasama dan membantu kaum-kaum lain, mereka pula mestilah menolong menjayakan Dasar Ekonomi Baru, dasar-dasar Kerajaan yang lain dan tindakan yang bertujuan mengurangkan ketidak-seimbangan antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Mereka patutlah ada perkongsian atau 'partnership' yang bermakna apabila berniaga, menunjuk-ajar rakan dan kakitangan yang terdiri daripada bumiputera supaya kecekapan diperolehi dengan secepat mungkin. Lebih cepat kaum bumiputera mencapai kejayaan, lebih berjaya lah negara. Dan di negara yang berjaya, ekonomi akan berkembang dengan pesatnya dan ini akan menambahkan keuntungan kaum bukan bumiputera.

Kerajaan tidak memandang serong akan perkongsian bumiputera dengan bukan bumiputera. Sebaliknya Kerajaan memberi galakan. Tetapi, kerjasama di mana bumiputera cuma meminjamkan nama mereka akan tetap dikutuk. Bumiputera pula hendaklah menunjuk minat untuk mempelajari urusaniaga. Janganlah fikir tentang keuntungan hari ini sahaja. Yang lebih penting ialah kejayaan yang berkekalan, walaupun ianya tidak begitu lumayan. Tunggulah sehingga betul-betul berjaya sebelum bergaya.

Tentulah ada ramai yang berkata peringatan ini tidak perlu. Kita semua tahu. Pendedahan seperti ini di Perhimpunan Agung UMNO cuma memalukan. Bagi saya lebih baik malu sekarang daripada malu kemudian.

Kesedaran Di Barat

Buat beberapa lama negara-negara Barat berada dalam khayalan. Mereka percaya bahawa semua kepandaian dan kecekapan ada pada mereka dan tidak ada siapa

yang boleh menandingi mereka. Oleh itu mereka tidak lagi bekerja kuat dan lebih suka bersenang-senang. Melalui kesatuan-kesatuan sekerja mereka, pekerja Barat menuntut bermacam-macam kemudahan, sehingga ada negara Barat yang membayar elaun yang lebih kepada orang yang menganggur daripada yang bekerja. Dengan itu, maka ramailah yang memilih untuk tidak bekerja.

Semenjak tamat Perang Dunia Kedua, negara-negara Timur seperti Korea dan Jepun telah berjaya mengejar dan mengalahkan negara Barat yang khayal ini. Saya percaya kita juga mungkin dapat berlumba dengan jayanya dengan negara Barat dalam beberapa bidang.

Tetapi dalam lawatan saya ke Eropah dan Amerika pada bulan Januari tahun ini, saya merasa bahawa semangat baru menjelma di Barat. Mereka sudah sedar. Di Britain, pekerja tidak mogok dengan mudah lagi — bahkan mereka menolak arahan pemimpin kesatuan yang mahu mereka mogok. Di negeri Belanda, Kerajaan mengurangkan gaji kakitangan Kerajaan sebanyak 3%. Di Amerika Syarikat, etika kerja Jepun dicontohi dan kesatuan-kesatuan sekerja yang besar dan megah sudah kehilangan ahli.

Barat nampaknya sudah sedar semula bahawa pekerja perlu kerja keras jika mereka mahu taraf hidup yang tinggi. Saya yakin kesedaran ini akan sekali lagi menjadikan mereka cukup kuat untuk menangkis segala serangan dari Timur dan negara-negara yang baru memasuki bidang perindustrian.

Tetapi di Malaysia hakikat ini belum disedari umum. Ramai daripada kita masih khayal. Kita fikir bahawa Barat masih mengamalkan etika kerja yang lama, yang mereka semai di seluruh dunia melalui pertubuhan sekerja sedunia. Kita masih meneruskan falsafah yang sudah digugurkan oleh Barat. Kita masih memikir bahawa cara untuk mendapat pendapatan yang lebih ialah dengan menggugat 'industrial peace' dan bukan melalui peningkatan daya pengeluaran.

'In-House Union'

Oleh kerana negara ingin meningkatkan taraf hidup rakyat maka ketenteraman dalam perhubungan antara majikan dengan pekerja adalah perlu. Kerajaan, sebagai majikan yang terbesar di Malaysia, telah cuba memperbaiki perhubungan dengan kesatuan-kesatuan sekerja kakitangan Kerajaan, terutamanya CUEPACS. Kerajaan telah menasihatkan majikan lain supaya memberi perhatian kepada keluhan dan rayuan pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan mereka. Majikan hendaklah mengadakan dialog dan rundingan dengan kesatuan-kesatuan pekerja mereka.

Sebagai satu lagi langkah untuk mewujudkan ketenteraman perusahaan dan memberi peluang kepada perusahaan-perusahaan yang kecil atau yang baru, Kerajaan telah menggalakkan penubuhan 'in-house union' iaitu kesatuan sekerja yang terhad kepada pekerja sesuatu syarikat tanpa mengambilkira jenis kerja. Sepertimana kita semua maklum bukan semua syarikat atau perusahaan, maju dan mampu membayar gaji seperti syarikat-syarikat besar yang lama. Jika paras gaji dan kemudahan yang

tinggi dikenakan kepada semua syarikat, perniagaan baru tidak dapat dimulakan, terutama secara kecil-kecilan. Banyak syarikat bumiputera yang termasuk dalam kategori ini.

Jika pekerja dalam syarikat yang baru dan lemah mengadakan 'in-house union', maka paras gaji dan lain-lain yang dituntut tentulah akan mengambilkira kemampuan perniagaan syarikat itu. Sebaliknya jika kesatuan yang bertaraf nasional mewakili pekerja, mereka terpaksa menjaga kepentingan pekerja dalam syarikat yang sudah maju, dan oleh itu mereka tidak akan membenarkan bayaran yang kurang kepada ahli-ahli mereka dalam syarikat yang lemah.

Kita tidak juga boleh membenarkan pekerja tidak berkesatuan kerana majikan mungkin akan menindas mereka. Sebaliknya, kesatuan sekerja biasa mungkin akan menghalang penubuhan perniagaan baru atau mengganggu kemajuannya. Oleh itu, jalan yang sesuai ialah dengan mengadakan 'in-house union'. Dengan semua pekerja dalam sebuah syarikat menjadi ahli sebuah kesatuan khas untuk syarikat itu sahaja, maka kepentingan syarikat itu akan diambilkira oleh kesatuan sekerja. Jika syarikat ditekan sehingga perniagaan menjadi rugi, akhirnya pekerja sendiri yang akan menderita. Sebaliknya jika kesatuan sekerja menolong menjayakan syarikat mereka, sudah tentu syarikat akan lebih mampu melayan tuntutan pekerja.

Syarikat yang gagal merugikan negara. Syarikat yang berjaya akan membayar cukai dan menguntungkan negara. Oleh kerana 'in-house union' lebih bertanggungjawab terhadap kejayaan syarikat, maka kemungkinan syarikat itu berjaya lebih besar, dan negara juga akan berjaya.

Sekali lagi Kerajaan tidak berniat buruk apabila mengesyorkan 'in-house union'. Kita hendak melihat pekerja mendapat hak mereka tanpa menjejaskan hak orang lain.

Penswastaan

Baru-baru ini kita telah merancang satu cara untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan di samping meninggikan daya pengeluaran negara. Caranya ialah dengan memindahkan beberapa perkhidmatan Kerajaan kepada pihak swasta. Kita percaya bahawa pihak swasta, jika dipilih dengan teliti, boleh menjalankan dengan lebih baik lagi beberapa tugas yang sekarang ini ditanggung oleh Kerajaan. Namun demikian kita tidak mahu sehingga pekerja menjadi korban. Oleh itu, kita telah mensyaratkan bahawa segala kemudahan yang diperolehi oleh pekerja sekarang mesti dikekalkan oleh pihak swasta jika mereka mengambilalih mana-mana perkhidmatan atau syarikat Kerajaan.

Penswastaan telah dikaji oleh Kerajaan secara mendalam dan satu panduan telahpun disediakan. Mengikut panduan ini penswastaan boleh dibuat secara menyeluruh dan berperingkat-peringkat. Proses ini tetap akan mengambil masa kerana ia perlu dilaksanakan dengan teliti. Walaupun demikian, masalah tentulah akan menyerang rancangan baru ini. Adalah diharapkan kita tidak cepat melatah dan menge-

cam penswastaan apabila sahaja sedikit masalah timbul. Seperti juga dengan dasar-dasar lain, kita perlu menilaikannya secara menyeluruh selepas satu jangka masa yang munasabah. Kerajaan yakin jika penilaian yang teliti dan menyeluruh dibuat, penswastaan akan mencapai matlamatnya.

Jika penswastaan berjaya, Kerajaan tidak lagi perlu membuat peruntukan yang banyak untuk beberapa perkhidmatan. Sebaliknya kita percaya Kerajaan akan mendapat hasil cukai yang bertambah kerana perkhidmatan yang diuruskan oleh swasta dipercayai akan memperolehi keuntungan.

Dengan pengurangan belanja untuk berbagai perkhidmatan serta penambahan cukai, lebih banyak kemudahan yang diperlukan oleh rakyat dapat dibiayai. Pekerja dalam perkhidmatan yang diswastakan juga akan menerima nikmat secara tidak langsung dari tabung kerajaan yang lebih besar.

Saya bersyukur kerana umumnya konsep penswastaan telah diterima termasuklah oleh pekerja-pekerja yang akan terlibat. Cuma ada beberapa orang yang masih terpengaruh dengan falsafah kesatuan sekerja Barat dahulu yang tidak begitu senang hati. Pekerja-pekerja Barat sudah tentu akan menyokong orang seperti ini kerana mereka takut kejayaan kita akan mengancam mereka.

Penswastaan juga akan memberi peluang kepada pengusaha bumiputera yang mampu, ataupun yang boleh mengadakan usahasama dengan pihak-pihak lain, sama ada dari dalam atau luar negeri, untuk memenuhi Dasar Ekonomi Baru. Cadangan penswastaan dibuat sekarang kerana pada masa-masa yang lepas ini, bilangan peniaga dan pengusaha bumiputera sudah bertambah dengan mencukupi bagi membolehkan penswastaan dilaksanakan tanpa menjejaskan Dasar Ekonomi Baru. Sebenarnya penswastaan mungkin dapat menolong menjayakan matlamat DEB dengan lebih cepat.

Banyak negara di dunia telah cuba memilik-negarakan perusahaan dan perniagaan swasta kerana kononnya semua keuntungan akan didapati oleh Kerajaan yang kemudiannya akan membelanjakannya untuk rakyat. Tetapi hakikatnya ialah semua perusahaan yang dimiliki-negarakan bukan sahaja rugi, tetapi juga memerlukan subsidi. Pemberian subsidi kepada perusahaan yang dahulunya untung dan membayar cukai, tetapi mengalami kerugian selepas dimiliki-negarakan, bermakna peruntukan untuk pembangunan negara dan rakyat akan berkurangan.

Konsep penswastaan adalah bertentangan dengan konsep milik-negarakan perusahaan swasta. Dalam dekad-dekad selepas Perang Dunia Kedua hingga ke tahun 1970an, milik-negarakan perusahaan swasta dipercayai akan membawa keadilan dan nikmat kepada rakyat dan negara. Oleh kerana itu banyakkah negara yang telah memilik-negarakan perusahaan swasta. Malangnya harapan itu telah tidak menjadi kenyataan. Sebaliknya negara-negara yang dahulu kemas ekonominya, sekarang sudah merosot. Apabila kesedaran timbul bahawa 'nationalisation' bukanlah penawar ekonomi yang dilaung-laungkan, maka sedikit demi sedikit sistem swasta diterima balik.

Malaysia telah memilih dasar penswastaan ini agak lebih awal dari negara-negara lain. Tetapi kita yakin akan kebaikan penswastaan, jika tidak berlaku sabotaj. Saya berharap ahli-ahli politik, terutama ahli UMNO, bukan sahaja akan faham dan menerima konsep penswastaan, tetapi juga akan menolong menjayakannya. Insya-Allah kita semua akan mendapat kebahagiaan daripadanya.

Kerajaan tidak mempunyai niat lain apabila membentuk dasar melainkan untuk kebaikan. Mungkin kita tidak nampak kebaikan ini jika dilihat dari terlalu dekat. Tetapi percaya dan yakinlah. Jikalau dasar Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini diterima dan dijayakan, kita semua akan dapat kebahagiaan. Sebenarnya semenjak kita merdeka 27 tahun dahulu, kita telah menikmati pembangunan yang amat pesat hasil dari dasar-dasar Kerajaan. Tidak ada sebab mengapa dasar-dasar yang telah dan sedang dibentuk akan membawa hasil yang berlainan. Percayalah bahawa jika kita menyerapkan nilai-nilai Islam, jika kita Pandang ke Timur, jika kita amalkan Kepimpinan Melalui Teladan, jika kita Bersih, Cekap dan Amanah, jika kita anggapkan negara Malaysia sebagai satu persyarikatan, jika kita swastakan sebahagian daripada perkhidmatan Kerajaan, jika kita selenggarakan Dasar Ekonomi Baru dengan tekun dan ikhlas, Malaysia akan bahagia dan kita semua akan merasai nikmat di dunia, dan di akhirat juga. Kita tidak akan ketinggalan.

Slogan

Semenjak 1981 banyak slogan baru dicipta oleh Kerajaan. Slogan ialah satu cara untuk menyedarkan dan memberi panduan kepada kita supaya berusaha untuk mencapai sesuatu matlamat. Walaupun slogan dicipta untuk tujuan yang baik, ianya sering dijadikan sasaran kritik yang tidak bertanggungjawab. Demikianlah dengan slogan 'Kepimpinan Melalui Teladan'.

Maksud slogan ini ialah supaya kita semua, terutama yang menjadi pemimpin, menunjuk teladan yang boleh dicontohi dan yang akan membawa kebaikan. Tetapi kita semua adalah manusia biasa dan sering membuat kesilapan. Pendek kata tidak ada siapa yang boleh dijadikan contoh baik seratus-peratus sepanjang masa. Sudah tentu tidak ada sekumpulan pemimpin yang boleh menjadi teladan baik sepanjang masa. Akan ada sahaja kesilapan atau kesalahan yang dibuat oleh mereka.

Oleh itu janganlah sengaja mencari kesalahan pemimpin supaya kita boleh menolak seribu kebaikan yang boleh dicontohi. Jangan begitu gembira apabila terdapat kesalahan. Jangan begitu ghairah memetik 'cakap tidak serupa bikin'. Perbuatan yang sedemikian menghalang usaha kita untuk membentuk masyarakat yang lebih bahagia. Sementara yang salah patut didedah dan dihukum, janganlah jadinya sebagai alasan kenapa kita tidak perlu mencontohi teladan yang baik, kenapa 'Kepimpinan Melalui Teladan' tidak boleh menjadi panduan dan penyedar kepada kita. Buangkanlah yang keruh dan ambillah yang jernih.

UMNO sekarang memasuki satu era baru, era di mana kepentingan diri sendiri nampaknya diberi keutamaan yang lebih daripada kepentingan parti. Dengan semakin ramai orang Melayu menjadi kaya, rebutan jawatan dibuat dengan menggunakan wang yang banyak. Sekali lagi saya ingin memberi amaran. Penggunaan wang dan rebutan jawatan akan menghancurkan UMNO dan melemahkan orang Melayu. Sekiranya ini berlaku, satu hari nanti, 'millionaire' sahaja yang akan memimpin UMNO. Pada waktu itu, UMNO bukan lagi parti politik. Ia akan menjadi persatuan orang kaya. Dan sudah tentu rakyat umum tidak lagi akan menyokongnya.

Yang melahir dan mengukuhkan UMNO semangat dan bukan wang ringgit. Di waktu UMNO dianggotai oleh orang-orang yang miskin belaka, UMNO telah berjaya menumpaskan British. Hari ini peristiwa berkelahi di mesyuarat cawangan sudah meresapi UMNO sehingga terpaksa memanggil polis. Yang sudah memimpin menggunakan kuasa untuk menyekat ahli-ahli baru atau penubuhan cawangan-cawangan baru. Yang berminat hendak menjadi pemimpin menggunakan wang untuk tujuan yang sama. Nama orang-orang tertentu digunakan untuk mendapat pengaruh. Fitnah dilemparkan dengan sewenang-wenangnya. Hartawan Melayu dan bukan Melayu dipohon menderma. Kepada calon-calon tertentu jamuan diadakan untuk berkempen dan kuasa Kerajaanpun diperalatkan.

Ahli-ahli yang membenarkan diri mereka dipengaruhi dengan kempen jenis ini akan kecewa akhirnya. Apabila pemilihan dibuat, tidak kira siapa yang menang dan siapa yang kalah, kerjasama dalam parti tidak dapat diadakan lagi. Semakin lama semakin banyak perpecahan akan berlaku. Dan akhirnya akan hancurlah UMNO.

Bila UMNO sudah hancur, kemenangan untuk menjadi pemimpin tidak bermakna lagi. Yang akan memenangi pilihanraya bukan lagi UMNO, tetapi parti lain. Pemimpin parti yang kalah tidak akan dapat keistimewaan yang diidamkan.

UMNO tidak akan kalah melainkan UMNO mengalahkan dirinya sendiri. Saya telah melihat beberapa kali UMNO yang meletakkan calon bebas untuk mengalahkan calon rasmi UMNO. Maka calon UMNO pun kalah. Tetapi dalam pilihanraya sekali lagi, pihak yang dahulunya meletakkan calon bebas tajaan calon UMNO yang kalah dahulu. Dianya juga kalah. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka yang bermain dengan pisau akan mencederakan diri sendiri juga akhirnya.

Saya merayu kepada ahli-ahli UMNO, terutama golongan muda, supaya tidak membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh taktik main duit dan mengutamakan diri sendiri ini. Taktik menggunakan kemudahan Kerajaan untuk memancing undi juga tidak boleh digalakkan. Pilihlah mereka yang mengutamakan khidmat yang jujur dan tidak berhempas-pulas untuk mendapat tempat. Jikalau kita jual undi kita pada hari ini, satu hari nanti kita akan jual parti, dan mungkin kita akan jual negara juga. Janganlah kita benarkan sejarah negeri-negeri Melayu diulangi melalui parti kita ini.

Di sini ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Bahagian-bahagian UMNO yang telah menentukan supaya saya tidak perlu bertanding untuk jawatan Presiden Parti pada tahun 1984 ini.

Setahu saya semenjak saya memimpin UMNO dari 1981 hinggalah sekarang, saya jarang-jarang benar memuji atau melayan sesiapa. Sebaliknya, setiap kali saya berucap, saya mendedahkan kelemahan-kelemahan ahli-ahli UMNO, pemimpin-pemimpin UMNO, kelemahan orang Melayu dan kelemahan rakyat Malaysia. Sepanjang masa saya telah menasihatkan supaya berdisiplin, bekerja kuat, beramanah, jangan tamak dan lain-lain lagi desakan yang tidak popular. Saya memaksa rakyat bangun setengah jam lebih awal, berada di pejabat tepat pada waktu, memakai tanda nama di dada dan lain-lain peraturan yang dikatakan sebagai 'beban'.

Tetapi, segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala. Walaupun ada yang berpendapat bahawa apa yang saya buat mungkin akan menjadikan saya tidak popular tetapi nampaknya saya masih mendapat kepercayaan, sekurang-kurangnya dari sebahagian besar dari Bahagian-bahagian UMNO untuk memimpin parti – yang juga bermakna memimpin negara. Alhamdulillah, saya tidak minta lebih.

Tidak ada apa yang dapat saya tawarkan kepada UMNO dan kepada negara melainkan khidmat yang masih boleh saya berikan. Selagi ada hayat dan kemampuan, dan selagi saya dikehendaki, saya akan berkhidmat kepada parti dan negara. Cuma yang saya pohon kepada Allah Subhanahu Wataala ialah apabila khidmat saya sudah tidak dikehendaki lagi, saya akan sedar dan kenal akan tanda-tandanya dan saya dapat mengundurkan diri dengan segala senang hati.

Yang penting ialah UMNO. Kita tidak tubuhkan UMNO untuk memberi tempat kepada orang-orang tertentu. Mereka cuma dipilih menjadi pemimpin kerana perjuangan UMNO tidak akan berjaya jika ia tidak berketua. Rakyat menubuhkan UMNO dan memberi kuasa kepada pemimpin kerana matlamat-matlamat tertentu. Pada mulanya matlamat UMNO ialah menumpaskan Malayan Union. Setelah ini berjaya, UMNO telah beralih kepada soal masa depan orang-orang Melayu. Kemudian UMNO telah berjuang untuk mencapai kemerdekaan. Sekarang tugas UMNO ialah untuk menentukan bahawa orang-orang Melayu tidak lagi diancam kerana kelemahan mereka. Untuk ini, politik, ekonomi dan kedudukan sosial orang-orang Melayu mesti diperkembangkan; bukan semata-mata melalui bantuan tetapi melalui penghapusan sikap dan sifat-sifat yang melemahkan orang-orang Melayu.

Jika ada mana-mana pemimpin UMNO yang jelas menyeleweng atau sudah tidak mempunyai idea dan tenaga lagi, kita perlu mencari ganti. Tetapi kita tidak perlu mengganti pemimpin semata-mata kerana ini diizinkan, atau kerana ingin memberi kemenangan kepada calon kita. Sudah tentu jika proses penggantian ini akan membawa kesan yang buruk dan memecah-belahkan parti, adalah lebih baik jika kita mengelakkan diri daripada mempraktikkan demokrasi hanya kerana demokrasi. Demokrasi ialah alat dan bukannya matlamat. Matlamat kita ialah kebahagiaan bangsa, agama dan tanahair.

Saya merayu kepada ahli-ahli UMNO supaya cintakan UMNO dan tidak orang-orang tertentu di dalamnya, termasuk saya. Orang-orang ini berguna cuma kerana khidmat yang boleh diberikan oleh mereka. Dari mana mereka datang tidak penting. Sama ada mereka raja atau rakyat, bergelaran atau tidak, adalah tidak penting. Yang penting ialah khidmat mereka ke arah pencapaian matlamat UMNO. Jangan sekali-kali begitu sayang kepada seseorang sehingga sanggup UMNO dipecah-pecahkan. Jangan ada 'personality cult' dan 'parochialism' dalam UMNO. Cuma yang boleh diberi kepada mereka yang menawar diri ialah mandat untuk menjalankan tugas, dan untuk maksud itu, kita berdiri teguh di belakang mereka.

Penutup

Hidup adalah sementara sahaja. Tetapi Allah Subhanahu Wataala tidak menjadikan manusia supaya ia hidup dan kemudiannya mati sama seperti haiwan. Tuhan mengurniakan akal fikiran dan menyediakan alam sekeliling dengan sumber-sumber tertentu supaya manusia hidup lebih bahagia. Segala-gala yang dijadikan Tuhan tidaklah sia-sia sahaja. Lambat laun manusia yang berakal akan dapat meneka penggunaannya. Manusia yang menyembah Tuhan mesti menghargai segala-gala yang dikurniakanNya.

Nyawa dan masa yang diberikan kepada kita tidak boleh disia-siakan dengan hanya menunggu maut. Jika kerana asyik menentukan tempat bagi diri kita seorang di akhirat, kita mengabaikan tanggungjawab kita kepada masyarakat dan kejayaannya, maka kita akan termasuk dalam golongan orang yang tamak, yang mengutamakan kepentingan diri sahaja. Mustahil orang seperti ini akan mendapat tempat yang bahagia di akhirat.

Oleh itu berilah khidmat kita kepada masyarakat dan jayakanlah usaha untuk memperbaiki nasib umat. Ingatlah, dalam Islam walaupun kita menunaikan fardhu ain, kita tidak terlepas dari dosa jika fardhu kifayah tidak ditunaikan oleh mana-mana anggota masyarakat. Fardhu kifayah bukanlah untuk orang lain sahaja menunaikannya. Jika setiap orang daripada kita menunggu orang lain, mungkin tiada sesiapaupun yang menunaikannya. Dan akan berdosa kita.

Penyertaan dalam parti politik seperti UMNO yang bertujuan untuk berkhidmat dan membawa kejayaan kepada masyarakat, terutamanya bangsa Melayu, memberi banyak peluang untuk kita menunaikan kewajipan kita. Yang bertanggungjawab di antara kita haruslah bersedia untuk berkhidmat, walaupun kita tidak dapat memenuhi kehendak hati kita dari segi tempat dan ganjaran di dunia.

Saya berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala supaya Perhimpunan Agung UMNO 1984 ini berjalan dengan sempurna. Saya berdoa supaya kita kekal dengan perpaduan kita. Saya berdoa supaya UMNO selalu bersikap bertanggungjawab dalam menjalankan urusannya. Saya berdoa supaya kita berjaya.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PEMBUKAAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC YANG KE-32
DI SUBANG JAYA, SELANGOR
21HB. JULAI, 1984

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Samy Vellu dan Jawatankuasa Pusat MIC kerana menjemput saya untuk melakukan upacara pembukaan Perhimpunan Agung MIC yang ke-32 ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat bersidang kepada saudara-saudari sekalian dan semoga persidangan ini akan melahirkan rumusan-rumusan yang akan mengukuhkan lagi parti MIC, Barisan Nasional dan seterusnya rakyat dan negara.

Barisan Nasional telahpun wujud selama lebih satu dekad. Di bawah sistem 'perkongsian' kuasa yang unik ini, negara kita telah dapat melaksanakan berbagai program untuk kesejahteraan rakyat dengan jayanya. Urusan pentadbiran negara berjalan dengan lincin dan teratur. Kalau adapun sedikit sebanyak masalah yang kita hadapi, ianya dapat diatasi dengan semangat kerjasama, musyawarah dan saling hormat menghormati antara satu sama lain. Justeru itu adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita bersama bagi memastikan bahawa Barisan Nasional bukan sahaja teguh, hidup dan maju, bahkan juga semakin hari semakin kuat dan kukuh.

Walau bagaimanapun, kita harus sentiasa mengingatkan diri kita sekali-sekala tentang tanggungjawab memelihara keharmonian dan perkongsian Barisan Nasional, semoga tidak terdapat mana-mana parti komponen melukakan hati parti komponen lain. Ingat mengingati tentang tanggungjawab ini mesti dilakukan dari masa ke semasa supaya kita tidak tergelincir, tidak terkeluar dari batasan. Dengan cara ini kita dapat memastikan Barisan Nasional akan terus memegang teraju Kerajaan.

Kita tidak dapat lari daripada kenyataan bahawa setiap parti komponen mendapat sokongan daripada sesuatu kaum tertentu. Dengan itu setiap parti komponen hendaklah menjaga kepentingan kaum yang memberi sokongan kepadanya. Barisan Nasional memang menggalakkan parti komponennya mendapat kepercayaan satu-satu kaum. Secara inilah setiap parti komponen akan kuat dan seterusnya Barisan Nasional pun akan kukuh.

Walau bagaimanapun dalam kita memperjuangkan kepentingan kaum yang kita wakili, parti-parti komponen dalam Barisan Nasional mestilah memastikan tidak timbulnya sebarang sentimen atau perasaan perkauman yang keterlaluan. Kita mesti memastikan setiap tindakan atau ucapan kita tidak menimbulkan prasangka dan sen-

timen yang mungkin sensitif kepada parti-parti komponen yang lain ataupun agensi-agensi atau pentadbiran yang didokong oleh Barisan Nasional. Bercakaran dengan parti-parti pembangkang sudahlah menjadi adat, tetapi percakaran di antara parti atau pentadbiran Barisan Nasional adalah tidak sihat. Sekali sekala perkara seperti ini timbul. Sama ada ianya berlaku secara sengaja atau tidak, tindakan susulan hendaklah diambil dengan segera untuk mengurangkan kesan buruk daripadanya.

Saya berharap apa-apa perasaan kurang puashati terhadap sesuatu tindakan yang dilakukan oleh mana-mana parti komponen Barisan Nasional yang lain, atau oleh agensi-agensi dan pentadbiran yang didokong oleh Barisan Nasional, hendaklah kita salurkan melalui saluran yang sewajarnya. Kita memang tidak akan dapat mengelak daripada masalah yang timbul dari masa ke semasa sepanjang perkongsian kuasa kita ini. Kita juga harus maklum bahawa tidak semua tuntutan oleh satu-satu parti komponen akan berhasil, disebabkan kita mesti mengambil kira kepentingan semua pihak. Dengan itu apa-apa prinsip yang kita persetujui dan yang kita fikirkan berpatutan patutlah diteruskan untuk kepentingan masa depan Barisan Nasional sendiri.

Di samping itu, sistem perkongsian kuasa seperti Barisan Nasional ini hendaklah kita jagai benar-benar dengan penuh perasaan cemburu. Janganlah perselisihan terjadi sehingga tidak dapat diselesaikan sesama sendiri. Janganlah gejala merajuk perselisihan politik ke pihak ketiga seperti mahkamah dibiarkan berterusan. Kita mesti mencari 'jalan politik' atau 'political means' untuk menyelesaikan masalah dalam parti. Selagi cara ini kita ikuti, selagi itulah kita akan dapat menentukan apabila terdapat perselisihan pendapat, ianya akan berkisar dalam parti sahaja, dan tidaklah perlu kita mendedahkan segala masalah dan keburukan dalam parti kepada orang ramai.

Pendedahan seperti ini dan penglibatan orang luar dalam masalah parti akan mengurangkan kepercayaan ahli dan orang ramai terhadap parti. Jika ada perselisihan pendapat, perlembagaan dan saluran yang sedia ada dalam parti hendaklah digunakan untuk mencari penyelesaian. Dan apa juga keputusan yang dibuat hendaklah kita terima dengan rela hati. Mahkamah yang tertinggi sekalipun mungkin membuat keputusan yang boleh dipertikaikan. Tetapi oleh kerana masyarakat memahami perlunya keputusan muktamad dibuat bagi tiap-tiap masalah, masyarakat akan menerima keputusan tersebut dengan tenang. Sudah tentu jika anggota masyarakat mencabar keputusan mahkamah tertinggi maka huru-hara akan terdapat sepanjang masa. Demikian juga dengan keputusan dalam parti.

Saya tidak tujukan nasihat ini kepada MIC sahaja, tetapi kepada semua parti komponen Barisan Nasional. Penyakit mengutamakan diri lebih daripada parti, bahkan lebih daripada negara sudah merebak dan jika tidak berhati-hati, riwayat kita sebagai pemerintah negara yang kita cintai ini akan tamat.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada MIC atas pendiriannya tidak mahu campur tangan, bahkan tidak memberi komen, tentang pengenaan visa oleh Kerajaan India bagi mereka yang ingin melawat ke negara tersebut. India adalah sebuah negara asing yang menjadi sahabat kita sejak beberapa lama. Kita menghormati negara-

negara asing yang menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat. Kita tidak harus campur tangan dalam apa-apa tindakan sebuah negara yang lain. MIC dikutuk kerana tidak mahu campur tangan dalam hal visa ini oleh ahli-ahli pembangkang tertentu. Sikap; pembangkang ini menimbulkan banyak tanda tanya. Apakah ianya menganggap orang-orang keturunan India di Malaysia perlu diberi layanan istimewa oleh negara asing?

Seperti biasa parti pembangkang, menanggung di air yang keruh. Mereka suka memainkan sentimen rakyat Malaysia keturunan India supaya memberi sokongan kepada mereka. Pada prinsipnya tidak ada satu pihakpun di negara ini, baik parti pembangkang sekalipun, yang patut campur tangan dalam hal-ehwal negara-negara asing. Oleh kerana sikap tamakkan pengaruh, prinsip inipun mereka abaikan. Mereka ini memang suka melaung di sana-sini, kadang-kadang kitapun tidak faham apa yang dilaungkan. Orang seperti ini sanggup melaung siang dan malam sekiranya kelakuan sebegitu akan dapat menarik perhatian kepadanya. Janganlah kita turut melatah dengan kelakuan seperti ini. Mereka memang mengharapkan kita melatah dan itulah saat-saat yang menggemirakan bagi mereka yang suka melaung di sana-sini.

Kita harus bangga oleh kerana kematangan politik rakyat di negara ini semakin meningkat. Kita tidak menafikan terdapatnya golongan yang akan terpengaruh dengan kata-kata manis dan laung-laungan kosong parti-parti pembangkang, tetapi bilangan mereka semakin hari semakin kecil. Pemikiran yang matang ini memang ditakuti oleh mereka yang suka melaung di sana-sini. Kita akan menghormati pandangan yang rasional — yang baik dipuji dan bagi yang tidak baik pula dicadangkan penyelesaian yang wajar. Kita tidak menghormati mereka yang tidak berhenti-henti mengkritik, tetapi kekeringan idea tentang bagaimana hendak menyelesaikan sesuatu masalah itu.

Akhir sekali, saya berharap Perhimpunan Agung MIC kali ini akan membawa manfaat kepada ahli-ahli parti ini, dan memberi sumbangan kepada keutuhan Barisan Nasional dan negara. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya membuka Perhimpunan Agung MIC Yang ke-32 ini dengan rasminya.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
KETIKA MEMBENTANGKAN USUL MENGENAI LAPORAN ULANGKAJI
DAN PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA
PARLIMEN DAN NEGERI BAGI NEGERI SABAH DI DEWAN RAKYAT
6HB. DISEMBER, 1984

Saya mohon mencadangkan:-

"Bahawasanya telahpun dibentangkan dalam Dewan ini di bawah seksyen 9 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan laporan Suruhanjaya Pilihanraya yang bertarikh 1hb November, 1984 dan dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 8hb November, 1984 di bawah seksyen 8 Jadual tersebut yang mengandungi syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan persempadanan (Bahagian-Bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sabah) berserta dengan draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya) (Negeri Sabah) 1984 yang akan dibuat di bawah seksyen 12 Jadual tersebut bagi menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut;

Dewan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen 10 Jadual tersebut, mengambil ketetapan bahawa draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya) (Negeri Sabah) 1984 yang tersebut di atas tadi diluluskan."

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, menurut Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab untuk menjalankan ulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri pada lat tempoh tidak kurang daripada 8 tahun. Sebagai menepati kehendak peruntukan tersebut Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan ulangkajinya bagi Negeri Sabah mulai daripada 26hb Julai, 1982. Ini adalah disebabkan bahawa ulangkaji yang terakhir yang dilakukan bagi Negeri Sabah ialah pada 26hb Julai, 1974.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat bahawa pada 19hb Mac, 1984, Dewan ini telah meluluskan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1984. Menerusi Akta ini, Perkara 46 Perlembagaan telah dipinda untuk menambah satu kerusi Parlimen iaitu kerusi Parlimen bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Ini adalah berikutan dengan penubuhan Pulau Labuan sebagai kawasan Wilayah Persekutuan.

Dengan adanya penambahan kerusi ini maka kelancaran proses ulangkaji Suruhanjaya telah sedikit sebanyak terganggu dan dengan demikian Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan bersabit dengan ulangkaji telah dipinda, khususnya mengenai hal yang berkaitan dengan tempoh yang diberikan kepada Suruhanjaya untuk menyelesaikan ulangkaji itu. Manakala peruntukan asal menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menjalankan ulangkaji tidak awal daripada 8 tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun, peruntukan yang baru ini menyatakan bahawa Suruhanjaya hendaklah menyiapkan ulangkaji ini dalam tempoh tidak lebih daripada 2 tahun dari tarikh bermulanya ulangkajian itu dan mengikut peruntukan yang diberikan di dalam suatu fasal yang baru iaitu Fasal (9), tarikh bermulanya ulangkajian di bawah Fasal (2) hendaklah tarikh tersiarnya dalam warta akan notis mengenai syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya bersabit dengan persempadanan ini. Dengan adanya pindaan ini maka bermaknalah juga Suruhanjaya Pilihanraya telah dibolehkan untuk menyiapkan laporan ulangkaji sebelum 4hb Januari, 1986.

Walau bagaimanapun, oleh kerana Suruhanjaya Pilihanraya telah memulakan kerja-kerja mengulangkaji lebih awal maka laporan ulangkaji itu dapat dikemukakan kepada saya lebih awal iaitu pada 8hb November yang lepas dan dibentangkan di Dewan ini pada hari ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat di dalam sidangnyanya pada 3hb Ogos, 1983, Dewan yang mulia ini telah meluluskan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983. Menerusi Akta ini, pindaan telah dibuat kepada Perkara 46 Perlembagaan yang melibatkan kerusi Parlimen bagi Negeri Sabah ditambah dari 16 kepada 20. Walau bagaimanapun, penambahan kerusi Parlimen ini tidak diikuti dengan penambahan kerusi Negeri kerana Kerajaan Negeri Sabah telah mengekalkan bilangan kerusi Negeri mengikut bilangan yang ada sekarang iaitu 48.

Sepertimana yang telah saya nyatakan di awal ucapan saya tadi, Labuan telah dijadikan sebagai kawasan Wilayah Persekutuan dan juga satu bahagian Parlimen yang berasingan menerusi Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 yang berkuatkuasa mulai 16hb April, 1984. Sungguhpun Labuan tidak lagi menjadi sebahagian daripada Negeri Sabah, Akta pindaan yang sama telah tidak mengubah bilangan kerusi parlimen atau kerusi Negeri bagi Negeri Sabah. Dengan keadaan yang demikian maka satu perubahan besar perlu dibuat untuk menyesuaikan bilangan kerusi dengan keadaan bahagian-bahagian pilihanraya baik Parlimen mahupun Negeri bagi Negeri Sabah.

Sukacita saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telahpun menyiapkan laporannya selaras dengan prosedur-prosedur yang ditentukan oleh Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Syor-syor kajian yang terkandung di dalam laporannya itu adalah jua dibuat dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Bahagian I Jadual yang sama. Laporan ulangkaji dan persempadanan ini telah diserahkan kepada saya pada 8hb November, 1984 sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 8 Jadual Ketiga Belas

Perlembagaan Persekutuan. Laporan itu telah juga dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 200 Tahun 1984.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat, Laporan Suruhanjaya Pilihanraya itu mengandungi 6 Bab iaitu Bab A hingga Bab F. Bab A mengandungi maklumat-maklumat mengenai bidangkuasa dan lat tempoh ulangkaji, penerangan-penerangan bersabit dengan unit ulangkaji, skop dan bidangkuasa, pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan, bilangan kerusi Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sabah dan juga penerangan mengenai pindaan sempadan-sempadan Parlimen dan Negeri yang telah dilakukan.

Perlu diterangkan di sini bahawa mengikut Fasal (6) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Malaysia telah dibahagikan kepada **3 unit ulangkaji** yang berasingan iaitu **Negeri-negeri Tanah Melayu** termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, **Negeri Sabah** dan **Negeri Sarawak**. Oleh kerana Wilayah Persekutuan Labuan, bagi tujuan ulangkaji ini, adalah tergolong dalam unit ulangkaji Negeri-negeri Tanah Melayu, maka Laporan ini tidak mengandungi butir-butir persempadanan bahagian pilihanraya Parlimen Labuan. Ianya terkandung dalam laporan ulangkaji Bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu.

Bab B memberi keterangan yang jelas mengenai ulangkaji dan persempadanan yang telah dijalankan termasuklah prinsip-prinsip persempadanan, keterangan mengenai daftar pemilih yang digunakan, purata bilangan pemilih, pembahagian daerah-daerah mengundi dan pemetaan serta keterangan mengenai nama-nama bahagian pilihanraya.

Perlu diterangkan di sini iaitu daftar pemilih yang digunakan sebagai asas, sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 3 bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan, ialah daftar pemilih yang disahkan pada 27hb Disember, 1982. Ini adalah kerana Suruhanjaya Pilihanraya telah memulakan tugas ulangkaji mulai bulan Julai, 1982. Mengikut daftar pemilih bagi Negeri Sabah, setelah Kepulauan Labuan diasingkan pada 16hb April, 1984, jumlah pemilih bagi Negeri Sabah ialah sebanyak 358,343. Berasaskan kepada 20 bahagian pilihanraya Parlimen dan 48 bahagian pilihanraya Negeri purata pemilih Parlimen ialah 17,917, dan purata pemilih Negeri ialah 7,465.

Satu perkara yang perlu dinyatakan di sini mengenai purata pemilih bagi Negeri Sabah ialah bahawa amat sukar bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk memperseimbangkan pemilih bagi tiap-tiap bahagian pilihanraya berpandukan kepada purata pemilih, oleh kerana terdapat kawasan-kawasan luar bandar yang keadaan topografi dan demografinya amat luar biasa, menyebabkan bilangan pemilih yang dicadangkan bagi bahagian-bahagian tertentu di luar bandar adalah lebih rendah daripada yang sepatutnya. Ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan bagi Negeri Sabah oleh kerana konsentrasi penduduk adalah tertumpu kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihanraya dalam usahanya untuk meringankan beban wakil-wakil rakyat, khususnya di kawasan-kawasan di mana kemudahan-kemudahan perhubungan dan pengangkutan sangat terhad atau langsung tidak wujud, telah cuba mengurangkan keluasan sesebuah kawasan pilihanraya tanpa banyak menjejaskan jumlah pemilih supaya tidak jauh lari daripada angka purata pemilih yang telah ditetapkan.

Bab C mengandungi maklumat mengenai syor-syor Suruhanjaya, notis yang telah dipamerkan, rayuan-rayuan dan bantahan-bantahan yang telah diterima dan pindaan-pindaan kepada syor-syor Suruhanjaya dan persempadanan semula yang telah dibuat akibat terkeluarnya Labuan dari Negeri Sabah. Sebanyak 33 rayuan telah diterima apabila syornya yang pertama dipamerkan mulai daripada 4hb Januari, 1984 hingga 4hb Februari, 1984. Sebanyak 19 siasatan tempatan telah dijalankan di Negeri Sabah di dalam bulan April dan Mei, 1984. Pindaan-pindaan dibuat selepas siasatan-siasatan dijalankan dan setelah Kepulauan Labuan dijadikan bahagian Parlimen yang tersendiri. Setelah notis dan syor-syor pindaan yang kedua dipamerkan daripada 30hb Julai, 1984 hingga 30hb Ogos, 1984, sebanyak 3 rayuan telah diterima dan satu siasatan tempatan telah dijalankan pada 27hb September, 1984.

Bab D mengandungi perakuan-perakuan Suruhanjaya mengenai bahagian-bahagian Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sabah. Butir-butir lanjut mengenai segala perakuan Suruhanjaya ini adalah terkandung di dalam Jadual 1 dan Jadual 2 kepada Laporan itu dan peta yang menunjukkan semua bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri adalah sepertimana yang diberikan di dalam Jilid II iaitu Bab F. Peta yang disediakan adalah berdasarkan kepada peta asas yang paling kemaskini yang mengandungi rangkaian jalanraya, sungai-sungai dan sebagainya yang didapati sehingga pertengahan tahun 1984.

Ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya bagi Negeri Sabah telah dibuat bukan semata-mata sebagai menepati kehendak Perlembagaan bahawa bahagian-bahagian pilihanraya itu harus diulangkaji pada lat tempoh 8 tahun sekali, tetapi ulangkaji seperti ini perlu dijalankan memandangkan kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku di Negeri Sabah terutama di dalam bidang ekonomi dan sosial dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan bertambahnya bilangan penduduk dan bilangan pengundi di negeri tersebut. Penambahan kawasan pilihanraya Parlimen bagi Negeri Sabah sebagaimana yang disyorkan dalam Laporan itu akan memberi peluang yang lebih kepada rakyat untuk mendapat perwakilan yang lebih sempurna dan berkesan. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyambut baik langkah yang telah diambil itu dan memberi sokongan sewajarnya.

Draf Perintah persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya Negeri Sabah, 1984, adalah dibentangkan bersama ini sebagai Kertas Statut No. 201 Tahun 1984 dan sebelum saya mencadangkan supaya draf Perintah itu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sukalah saya mengambil kesempatan untuk melahirkan rasa penghargaan saya kepada Pengerusi, Ahli-ahli dan Setiausaha serta Pegawai-pegawai Kanan dan

seluruh kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya yang telah bekerja dengan penuh dedikasi bagi menjayakan urusan ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya dan seterusnya menyediakan laporan untuk dibentangkan di Dewan ini dalam tempoh yang singkat.

Saya mohon mencadangkan.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
KETIKA MEMBENTANGKAN USUL MENGENAI LAPORAN ULANGKAJI
DAN PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA
PARLIMEN DAN NEGERI BAGI NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
DI DEWAN RAKYAT
6HB, DISEMBER, 1984

Saya mohon mencadangkan:-

"Bahawasanya telahpun dibentangkan di dalam Dewan ini di bawah seksyen 9 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan laporan Suruhanjaya Pilihanraya yang bertarikh lhb. November, 1984 dan dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 8hb. November, 1984 di bawah seksyen 8 Jadual tersebut yang mengandungi syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya Parlimen dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan) dan Bahagian-Bahagian Pilihanraya Negeri setiap Negeri dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu berserta dengan draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihanraya) (Negeri-Negeri Tanah Melayu) 1984 yang akan dibuat di bawah seksyen 12 Jadual tersebut bagi menguat-kuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut;

Dewan ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen 10 Jadual tersebut, mengambil ketetapan bahawa draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian- Bahagian Pilihanraya) (Negeri-Negeri Tanah Melayu) 1984 yang tersebut di atas tadi diluluskan."

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, menurut Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab untuk mengulangkaji dan mempersempadankan seluruh bahagian pilihanraya Parlimen dan bahagian pilihanraya Negeri pada lat tempoh tidak kurang daripada 8 tahun. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, dalam sidangannya pada 19hb. Mac, 1984, Dewan ini telah meluluskan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1984. Mengikut Akta pindaan yang berkenaan itu Suruhanjaya adalah dibenarkan untuk menjalankan ulangkajian pada lat tempoh yang sama iaitu 8 tahun dan ianya hendaklah siap dalam tempoh tidak lebih daripada 2 tahun dari tarikh bermulanya ulangkaji itu. Tarikh bermulanya ulangkaji ini ialah pada 4hb. Januari, 1984 berasaskan kepada notis pengesyoran-pengesyoran sempadan bahagian-bahagian pilihanraya yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada tarikh tersebut.

Sungguhpun demikian Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa tugas ulangkaji telah dimulakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya sejak bulan Julai, 1982 oleh kerana lat tempoh 8 tahun yang disyaratkan baginya untuk melaksanakan ulangkaji jatuhnya pada tarikh tersebut. Pindaan yang dibuat menerusi Akta A585 yang dinyatakan ialah untuk membolehkan Suruhanjaya menyelesaikan tugas-tugas ulangkaji setelah tugas-tugas itu tergendala kerana penubuhan Labuan sebagai kawasan Wilayah Persekutuan dan juga sebagai satu bahagian pilihanraya Parlimen yang baru yang dikuat-kuasakan mulai 16hb. April, 1984, mengikut Akta pindaan yang sama.

Berhubung dengan ulangkaji dan persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya ini saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa dalam sidang-nya pada 3hb. Ogos, 1983 Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983. Menurut Akta itu Perkara 46 dalam Perlembagaan telah dipinda dengan menambah kerusi-kerusi dalam Dewan ini daripada 154 kepada 176.

Di samping itu, dalam sidang-nya yang berlangsung pada 19hb. Mac, 1984, menerusi Akta (Pindaan) No. 2, 1984 Dewan ini telah sekali lagi meluluskan penambahan satu lagi kerusi iaitu kerusi Parlimen bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Dengan pertambahan itu, kerusi Parlimen seluruh Malaysia adalah berjumlah 177. Berikutan dengan pertambahan kerusi-kerusi Parlimen itu, Dewan-dewan Perundangan Negeri dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu (iaitu Semenanjung Malaysia) kecuali Dewan Perundangan Negeri Melaka telah meminda Perlembagaan Negeri masing-masing dengan menambah bilangan kerusi-kerusi dalam Dewan-dewan Perundangan Negeri yang berkenaan.

Dengan adanya pindaan-pindaan kepada Perkara 46 dalam Perlembagaan Persekutuan dan perkara-perkara berkenaan di dalam Perlembagaan-Perlembagaan Negeri yang berkenaan, maka menjadi perlu bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjalankan ulangkaji untuk membahagikan Negeri-Negeri Tanah Melayu kepada bahagian-bahagian pilihanraya dan mengesyorkan apa-apa perubahan yang difikirkan perlu, sebagai mematuhi kehendak Fasal (1) dan (2) Perkara 116 dalam Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi seperti berikut:-

- (1) Bagi memilih Ahli-ahli Dewan Rakyat, sesuatu unit ulangkaji hendaklah dibahagi kepada beberapa bahagian pilihanraya mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas;
- (2) Jumlah bilangan bahagian-bahagian pilihanraya hendaklah sama dengan bilangan ahli-ahli supaya seorang ahli dipilih bagi tiap-tiap satu bahagian pilihanraya, dan daripada jumlah bilangan bahagian pilihanraya dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu itu sebilangan yang ditetapkan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perkara 46 dan Jadual Ketiga Belas hendaklah diuntukkan bagi tiap-tiap satu Negeri."

Suruhanjaya Pilihanraya telahpun menyiapkan laporannya berpandukan kepada prosidur-prosidur yang diberikan dalam Bahagian II Jadual Ketiga Belas

Perlembagaan. Ulangkaji dan persempadanan semula yang telah dijalankan itu adalah juga diasaskan, setakat mana yang boleh, kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan .

Laporan Ulangkaji dan Persempadanan ini telah diserahkan kepada saya pada 8hb. November, 1984 sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 8 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan, Laporan itu telahpun dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No.198 Tahun 1984.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat, laporan Suruhanjaya ini mengandungi 6 Bab iaitu Bab A hingga F. Ianya terkandung di dalam 2 Jilid iaitu Jilid mengandungi Bab A hingga E dan Jilid II mengandungi Bab F iaitu peta. Bab A adalah menerangkan dengan jelas bidangkuasa dan juga lat tempoh ulangkaji, unit ulangkaji, soal kemasukan Labuan sebagai sebahagian daripada unit ulangkaji Negeri-Negeri Tanah Melayu, penambahan kerusi Parlimen dan Negeri dan pindaan-pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan. Perkara yang penting di dalam Bab A ini yang perlu saya sebutkan ialah berkaitan dengan unit ulangkaji dan penambahan kerusi-kerusi Parlimen dan Negeri.

Bagi tujuan persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya, Fasal (6) Perkara 113 dalam Perlembagaan telah membahagikan Malaysia kepada unit ulangkaji yang berasingan iaitu:-

- i) Negeri-Negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan);
- ii) Negeri Sabah;
- iii) Negeri Sarawak (yang tidak terlibat dalam ulangkaji ini buat masa ini).

Oleh kerana pembahagian Malaysia kepada yunit-yunit ulangkaji yang berlainan, maka Suruhanjaya Pilihanraya perlulah mengemukakan laporan-laporan yang berasingan, iaitu satu bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan satu lagi bagi Negeri Sabah. Negeri Sarawak tidak terlibat dalam ulangkaji kali ini kerana ulangkaji kawasan pilihanraya di Sarawak telah diadakan secara berasingan dalam tahun 1977.

Berhubung dengan penambahan kerusi Parlimen, sepertimana yang saya nyatakan sebentar tadi, Akta Perlembagaan (Pindaan), 1983 yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 3hb. Ogos, 1983 melibatkan pindaan kepada Perkara 46 dalam Perlembagaan untuk menambah bilangan kerusi Parlimen bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu daripada 114 kepada 132 dan bagi Negeri Sabah daripada 16 kepada 20 menjadikan jumlah kerusi Parlimen sebanyak 176. Sebuah lagi kerusi telah ditambah menerusi sidang Parlimen pada 19hb. Mac, 1984 bilamana Rang Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1984 diluluskan. Mengikut pindaan ini Wilayah Persekutuan Labuan adalah juga diisytiharkan sebagai satu kerusi Parlimen yang baru, menjadikan jumlah kerusi Parlimen sebanyak 177.

Di samping itu tindakan-tindakan diambil di peringkat negeri bilamana Kerajaan-Kerajaan Negeri, melainkan Negeri Melaka dan Negeri Sabah, telah mengambil tin-

dakan-tindakan untuk meminda Perlembagaan negeri masing-masing untuk menambakan kerusi-kerusi negeri. Kerusi-kerusi negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu telah bertambah daripada 312 kepada 351 iaitu tambahan sebanyak 39 kerusi.

Bab B Laporan Ulangkaji dan Persempadanan ada menerangkan bagaimana Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan ulangkaji dan persempadanan di samping maklumat-maklumat lain bersabit dengan prinsip-prinsip persempadanan, daftar pemilih asas yang digunakan, purata bilangan pemilih bagi Parlimen dan Negeri, pembahagian daerah-daerah mengundi, nama-nama bahagian pilihanraya dan pemetaan. Perkara yang penting yang perlu saya nyatakan berkaitan dengan Bab B ini ialah mengenai asas bilangan pemilih. Sebagaimana yang telah saya terangkan sebentar tadi, Suruhanjaya Pilihanraya telah memulakan ulangkaji sejak bulan Julai, 1982 dan dengan yang demikian asas ulangkaji daripada segi bilangan pemilih ialah daftar pemilih yang disahkan pada bulan Disember, 1982. Jumlah pemilih bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan, ialah sebanyak 5,239,278 orang. Sungguhpun asas bilangan pemilih ialah daftar pemilih tahun 1982, namun oleh kerana pertambahan bilangan pemilih dari tahun 1982 hingga ke tahun 1984 tidak menunjukkan perbezaan yang besar iaitu hanya seramai kira-kira 58,056 (1.11%) sahaja, maka tidak berlaku perubahan-perubahan yang besar dan nyata di peringkat bahagian-bahagian pilihanraya, di antara bilangan pemilih yang diperakukan oleh Suruhanjaya berasaskan bilangan pemilih yang berkenaan itu dengan bilangan pemilih yang sebenarnya bagi tahun 1984 ini.

Perlu diterangkan juga di sini bahawa dalam menjalankan ulangkaji ini Suruhanjaya Pilihanraya telah berpandukan kepada prinsip-prinsip persempadanan yang termaktub di Bahagian I Jadual Ketiga Belas dalam Perlembagaan dan setakat mana yang boleh Suruhanjaya telah menepati kehendak berbagai prinsip-prinsip yang berkenaan.

Bab C Laporan Suruhanjaya ini mengandungi keterangan-keterangan berhubung dengan Notis-Notis dan pengesyoran-pengesyoran dan juga pameran-pameran serta dengan rayuan-rayuan dan bantahan-bantahan dan seterusnya mengenai pindaan-pindaan kepada syor-syor Suruhanjaya yang keseluruhannya ialah dilakukan mengikut prosidur yang terkandung di dalam Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan. Berhubung dengan rayuan-rayuan dan bantahan-bantahan bagi syor-syor yang disiarkan menerusi Notis yang dipamerkan buat pertama kali pada 4hb. Januari hingga 4hb Februari, 1984, Suruhanjaya telah menerima sebanyak 218 rayuan. Rayuan-rayuan itu telah diproses dan sebanyak 132 siasatan tempatan di semua negeri di Semenanjung Malaysia telah dijalankan. Bagi pameran yang kedua yang dibuat pada 30hb. Julai hingga 30hb Ogos, 1984 Suruhanjaya telah menerima sebanyak 25 rayuan dan telah menjalankan sebanyak 10 siasatan tempatan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia.

Bab D laporan itu mengandungi perakuan-perakuan Suruhanjaya Pilihanraya. Perakuan-perakuan ini dapat diteliti sepenuhnya di dalam Jadual I dan Jadual II yang menerangkan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri yang dicadangkan

bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan juga daerah-daerah mengundi di dalam bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri serta bilangan pemilih di dalam tiap-tiap bahagian pilihanraya.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat boleh lihat di dalam laporan itu, Suruhanjaya Pilihanraya ada mengesyorkan beberapa perubahan nama kepada bahagian pilihanraya yang sedia ada pada masa sekarang. Sebab-sebab perubahan itu dilakukan ada diberikan di dalam laporan itu. Bagi bahagian-bahagian pilihanraya yang baru Suruhanjaya telah mencadangkan nama-nama tertentu yang difikirkan sesuai dan ada di antara nama-nama ini diubah setelah menimbangkan rayuan-rayuan yang dibuat oleh pengundi-pengundi tempatan atau pihak-pihak yang layak.

Bab E iaitu bab yang akhir di dalam Jilid I mengandungi lampiran-lampiran dan maklumat-maklumat penting berkaitan dengan syor-syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Bab F di dalam Jilid II mengandungi peta-peta yang menunjukkan sempadan-sempadan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan wilayah Persekutuan Labuan. Peta-peta yang disediakan itu mengandungi base atau asas maklumat yang paling kemaskini, khususnya mengenai pertalian jalanraya, keretapi serta rangkaian sungai-sungai dan lain-lain lagi.

Mengikut seksyen 9 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan laporan itu, hendaklah dibentangkan bersama dengan draf suatu Perintah yang hendak dibuat dibawah seksyen 12 untuk menguatkuasakan dengan atau tanpa ubahsuaian-ubahsuaian syor-syor yang terkandung di dalam laporan itu. Draf Perintah itu sekarang ini ada di hadapan Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 199 Tahun 1984.

Kerajaan telah mengkaji dengan teliti syor-syor yang dibuat dalam laporan itu dan tidak mencadangkan apa-apa pengubahsuaian. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu ini dibuat sebagaimana yang perlu oleh Suruhanjaya Pilihanraya mengikut prosidur-prosidur dan prinsip-prinsip yang telah ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan. Penambahan-penambahan kerusi juga adalah sesuai dengan perkembangan-perkembangan ekonomi dan sosial sejak 10 tahun yang lepas yang berlaku di negara kita, dan juga pertambahan bilangan penduduk atau bilangan pemilih. Perubahan-perubahan sempadan bahagian-bahagian pilihanraya perlu dilakukan sesuai dengan perubahan yang berlaku kepada bentuk muka bumi dan sebaran atau penempatan penduduk di seluruh Semenanjung Malaysia. Penambahan dan perubahan kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri sebagaimana yang disyorkan dalam laporan itu akan memberikan peluang kepada rakyat untuk mendapat perwakilan yang lebih sempurna dan berkesan. Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyambut baik langkah yang telah diambil itu dan memberi sokongan yang sewajarnya.

Sebelum saya mencadangkan supaya draf Perintah yang dibentangkan sebagai

Kertas Statut No. 199 Tahun 1984 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sukalah saya mengambil kesempatan untuk melahirkan penghargaan saya kepada Pengerusi, Ahli-ahli dan Setiausaha serta Pegawai-pegawai Kanan dan seluruh kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya yang telah bertugas dengan penuh dedikasi untuk menyiapkan laporan ini dengan sempurna dalam tempoh yang singkat.

Saya mohon mencadangkan.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PEMBUKAAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC YANG KE-33
DI MELAKA, 20HB. JULAI, 1985.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Sammy Vellu dan Jawatankuasa Pusat MIC kerana menjemput saya untuk melakukan upacara pembukaan Perhimpunan Agung MIC yang ke-33 ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat bersidang kepada saudara-saudari sekalian. Saya berharap persidangan ini akan melahirkan rumusan-rumusan yang akan mengukuhkan lagi parti MIC, Barisan Nasional dan seterusnya rakyat dan negara.

Inilah persidangan parti komponen Barisan Nasional yang pertama saya hadiri tahun ini dan saya ingin mengambil kesempatan ini bagi menyampaikan satu-dua pesanan, bukan sahaja untuk MIC tetapi juga untuk semua parti komponen.

Tahun lalu pernah saya menyuarakan di Persidangan MIC tentang tidak wajarnya membawa apa-apa masalah atau perselisihan pendapat dalam parti ke mahkamah atau ke pihak ketiga. Kita hendaklah berusaha mencari 'jalan politik' atau 'political solution' untuk menyelesaikan masalah dalam parti. Secara ini kita akan dapat memastikan apabila terdapat perselisihan pendapat, ianya akan berkisar dalam parti sahaja, dan tidaklah terdedah segala masalah dan keburukan dalam parti kepada orang ramai untuk dijadikan bahan cemuan, atau perbualan di kedai-kedai kopi. Sebaliknya pengadilan di mahkamah walaupun ia mungkin dapat menentukan siapa benar dan siapa salah, ia tidak dapat menentukan populariti mereka yang terlibat.

Di sini saya ingin mencadangkan bukan sahaja kepada MIC tetapi juga kepada semua parti komponen Barisan Nasional supaya mengkaji peruntukan-peruntukan di dalam perlembagaan masing-masing dan membuat pindaan-pindaan di mana perlu bagi mengelak atau menghalang apa-apa perselisihan yang berlaku dalam parti daripada dibawa ke mahkamah dengan sewenang-wenangnya. UMNO juga akan mengambil langkah-langkah bagi berbuat demikian. Sekiranya ada parti-parti komponen lain yang mengambil langkah yang sama, mungkin semua parti komponen dapat bersama-sama mengkaji cara yang sebaik-baiknya diperuntukkan perkara ini dalam perlembagaan masing-masing supaya gejala ini dapat diatasi. Walaupun demikian sesuatu kesalahan jenayah dalam parti atau oleh ahli parti tidak terselamat daripada undang-undang biasa.

Ini tidak bermakna saya menyeru parti-parti komponen meniru UMNO. Tujuan sebenar ialah, pertamanya, bagi mengelak 'gejala ke mahkamah' yang kita alami

bersama yang akhir-akhir ini semakin berleluasa dan berlanjutan. Banyak parti komponen Barisan Nasional mengalaminya dan sudah tentu kita tidak mahu mendengar parti-parti komponen dan para pemimpinnya diburuk-burukkan di luar arena politik. Sekiranya ini berlaku, bukan sahaja ahli-ahli parti akan berasa bingung terhadap parti-parti komponen Barisan Nasional, tetapi juga rakyat jelata dan para pengundi akan berasa gelisah dan hilang kepercayaan terhadap Barisan Nasional. Keduanya, parti-parti komponen dapat belajar sesama sendiri cara yang sebaik-baiknya pindaan perlembagaan parti itu harus dilakukan.

Walau bagaimanapun adalah penting perlembagaan parti memperuntukkan saluran-saluran yang mencukupi bagi seseorang ahli atau pemimpin-pemimpin di peringkat bawahan mengemukakan bantahan atau apa-apa kemusykilan. Janganlah sebarang pindaan perlembagaan yang mencegah ahli-ahli parti membawa perselisihan atau perbezaan pendapat ke mahkamah menjadikan parti komponen terlalu 'rigid' - sehinggakan wujud pemimpin yang tidak boleh ditegur atau ditentang sama sekali. Apa yang hendak diutamakan ialah sebarang bantahan atau kemusykilan dalam parti diselesaikan dalam parti mengikut semangat berparti, semangat bekerjasama dan berjuang untuk kepentingan bangsa dan negara. Ini akan mewujudkan sokongan yang berterusan dan menggalakkan daya usaha yang berterusan bagi kepentingan parti dan negara.

Saya berharap kita akan dapat mengatasi masalah 'gejala ke mahkamah' ini seberapa cepat yang boleh. Kalau hendak ditafsirkan gesaan ini berkait dengan pilihanraya umum, itupun tidak ada salahnya. Pilihanraya umum mesti diadakan sebelum bulan April 1987, iaitu kurang daripada dua tahun lagi. Sebenarnya gesaan ini saya sampaikan terutamanya bagi menjaga perpaduan dan keutuhan Barisan Nasional. Walaupun ada masalah-masalah yang timbul dari masa ke semasa, kita masih kukuh dan dengan terdapatnya usaha-usaha mengatasi apa-apa masalah yang kita hadapi nanti, Barisan Nasional akan bertambah kuat dan utuh.

Baru-baru ini negara kita telah menjadi mangsa berita-berita palsu dan yang sengaja diada-adakan. Segolongan kecil rakyat kita terpengaruh juga dan akibatnya mereka mengambil tindakan yang tidak rasional, sehinggakan kita merasakan juga sedikit-sebanyak akibatnya. Ini termasuklah tekanan ke atas pasaran saham dan ke atas sektor kewangan. Walau bagaimanapun kita bertuah kerana segolongan besar rakyat kita masih mempunyai keyakinan terhadap kekuatan kita, serta keutuhan dan kewibawaan kita sendiri. Akhirnya berita-berita palsu dan jahat itu berkurangan. Saya yakin berita-berita jahat itu akan mati dengan sendirinya sekiranya kita terus bersikap rasional dan lebih meneliti terlebih dahulu berita seumpama itu.

Kita mestilah menyedari bahawa masyarakat yang utuh adalah masyarakat yang berilmu pengetahuan, menghormati prinsip-prinsip asas dan bersatupadu. Apa sekalipun gejala-gejala buruk yang diwujudkan oleh musuh-musuh kita, semua itu tidak akan dapat mempengaruhi rakyat jelata kalau kita tidak bergopoh-gapah dan bertindak secara melulu.

Politik duitan juga nampaknya semakin menjadi-jadi. Tidak boleh dinafikan bahawa duit adalah penting dalam menguruskan parti, bahkan tiada parti politik sama ada yang memerintah atau pembangkang yang boleh mentadbir pergerakan parti dengan lancar tanpa mempunyai wang yang cukup. Tetapi kalau duit mengalir dalam parti bagi tujuan pemilihan para pemimpin, saya ragu perkara ini akan mengikis kepercayaan dan keyakinan rakyat.

Setiap parti komponen Barisan Nasional haruslah berwaspada dengan gejala ini dan berusaha supaya duit tidak dijadikan alat untuk memancing pengaruh atau untuk mendapatkan kedudukan dalam parti.

Saya berharap Perhimpunan Agung MIC ini akan membawa manfaat kepada ahli-ahli parti ini, dan memberi sumbangan kepada keutuhan Barisan Nasional dan negara. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya membuka Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-33 ini dengan rasminya.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
SELAKU PRESIDEN UMNO
DI UPACARA PERASMIAN KOMPLEKS UMNO MALAYSIA
KUALA LUMPUR
26HB. SEPTEMBER, 1985

Pada hari yang bahagia ini kita berkumpul untuk menyaksikan satu upacara yang amat bermakna dalam sejarah politik UMNO, bahkan dalam sejarah politik negara. Kita bukan sahaja akan merasmikan pembukaan sebuah kompleks bangunan yang terbesar sekali yang pernah dimiliki oleh sebuah parti politik di Malaysia (ada setengah pihak yang berkata terbesar sekali di dunia), tetapi juga kita akan melihat satu langkah raksaksa atau 'giant step' dalam kemajuan orang Melayu dan bumiputera di negara kita ini.

Pada tahun 1946, apabila Kongres Pertubuhan-pertubuhan Melayu dari seluruh Semenanjung dan Singapura bersidang di Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Bahru, Kongres ini telah merancang penubuhan sebuah parti politik orang Melayu yang dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau 'United Malays National Organisation' atau ringkasnya UMNO. Kuala Lumpur pada ketika itu, hampir tidak mempunyai sebuahpun rumah kedai dimiliki oleh orang-orang Melayu. Pada ketika itu, orang-orang Melayu seolah-olah orang asing di ibukota ini. Iklan dan papan tanda dalam Bahasa Melayu hampir tidak terdapat sama sekali.

Tetapi, hari ini bangunan yang terbesar sekali di Kuala Lumpur - Kompleks UMNO Malaysia - dimiliki oleh orang-orang Melayu. Pemilik kompleks ini ialah UMNO, parti politik orang Melayu yang terbesar di Malaysia.

Kita sudah melangkah jauh semenjak UMNO ditubuhkan. Ibu Pejabat UMNO pada mulanya ditempatkan dalam sebuah kedai kecil di Johor Bahru. Kemudian ibu pejabat itu berpindah ke Kuala Lumpur. Pada tahun 1955, sebuah bangunan ibu pejabat UMNO telah dibina di Jalan Tuanku Abdul Rahman, atau Batu Road pada ketika itu.

Walau bagaimanapun, bukan ibu pejabat UMNO di Kuala Lumpur sahaja yang mempunyai bangunan yang indah. Dengan kejayaan usaha Kerajaan meningkatkan ekonomi orang-orang Melayu dan dengan kerjasama antara kaum yang dihasilkan oleh Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional, bilangan bangunan-bangunan kepunyaan UMNO telah bertambah. Selain daripada UMNO negeri, bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO juga berjaya mendirikan bangunan masing-masing. Sekarang kebanyakan bandar-bandar di Malaysia mempunyai bangunan UMNO.

Ini membuktikan bahawa UMNO adalah parti untuk rakyat yang dianggotai dan disokong oleh rakyat. Sebagai bukti bilangan ahli-ahli UMNO sudah meningkat lebih daripada satu juta orang.

Semua ini membuktikan kejayaan usaha Kerajaan Perikatan dan kemudiannya Kerajaan Barisan Nasional untuk meningkatkan ekonomi orang-orang Melayu dan bumiputera lain. Di samping terdirinya bangunan-bangunan UMNO, sudah banyak bangunan-bangunan dan kedai-kedai orang-orang Melayu dan bumiputera terdapat di bandar-bandar. Dengan itu, bandar-bandarpun bertukar wajah menjadi lebih keMalaysiaan dan mencerminkan pembahagian harta kekayaan yang lebih adil di antara kaum.

Kompleks ini selain daripada menjadi ibu pejabat UMNO Malaysia juga merupakan satu lambang peringatan dan penghargaan kepada tokoh-tokoh UMNO yang telah meneroka dan membangunkan UMNO sebagai sebuah parti politik yang berkesan dan berjaya di Malaysia. Oleh itu kita telah mengabadikan nama tokoh-tokoh parti kita di bangunan-bangunan di Kompleks ini.

Secara kasarnya, Kompleks UMNO Malaysia ini mempunyai sebuah pusat konsyen, sebuah pusat pameran, sebuah menara pejabat dan sebuah hotel. Pusat konsyen dan pusat pameran dinamakan Pusat Dagangan Dunia Putra atau Putra World Trade Centre, mengambil sempena nama Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Selain daripada itu, kita telah mengabadikan nama para pemimpin UMNO seperti Allahyarham Dato' Onn Jaafar, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Dr. Ismail dan Tun Hussein Onn. Menara 42 tingkat Kompleks ini, di mana ibu pejabat UMNO ditempatkan, diberi nama 'Menara Dato' Onn', Yang Di-Pertua UMNO yang pertama.

Dewan pameran di Pusat Dagangan Dunia Putra ini dinamakan 'Dewan Tun Razak'. Pusat persidangan di Pusat Dagangan ini mempunyai beberapa buah dewan. Dewan pleno yang terbesar dan yang boleh menampung 3.500 orang dinamakan 'Dewan Merdeka'. Pusat Persidangan ini juga mempunyai dua dewan persidangan atau 'conference halls', dan dewan-dewan ini dinamakan 'Dewan Tun Ismail' dan 'Dewan Tun Hussein'. Jelaslah, bahawa nama-nama bangunan di Kompleks UMNO ini adalah lambang peringatan dan penghargaan UMNO kepada pemimpin-pemimpinnya.

Sebenarnya, ini bukanlah selaras dengan khidmat dan jasa pemimpin-pemimpin ini kepada UMNO. Kita memang tidak dapat membalas budi pemimpin-pemimpin kita dengan sepenuhnya. Tetapi kita ikhlas dengan hasrat menyatakan penghargaan kita kepada bekas-bekas pemimpin kita ini.

Hari ini wajarlah kita ahli-ahli UMNO bergembira dan berbangga dengan perasmian Kompleks UMNO ini. Ia menjadi mercu kejayaan kita setakat ini. Tetapi kita tidak boleh khayal dengan kejayaan yang kita telah capai setakat ini.

Sebenarnya Kompleks ini belum lagi menjadi milik kita sepenuhnya. Secara tidak langsung tuan punya Kompleks ini yang sebenarnya ialah pihak bank. Kita telah

meminjam wang yang banyak untuk membangunkan Kompleks ini dan bangunan-bangunan di Kompleks ini telah dijadikan cagaran pinjaman itu. Haruslah kita ingat kenyataan ini.

Apakah sebabnya yang kita meminjam wang untuk membangunkan kompleks yang begini besar; yang sebenarnya lebih besar daripada yang diperlukan oleh Ibu Pejabat UMNO? Jawapannya ialah, amatlah tidak bijak jika kita membina bangunan yang kecil dan murah mengikut kepentingan semasa kita di atas sekeping tanah yang nilainya amat tinggi. Sekiranya kita berbuat demikian kita akan mempunyai bangunan, tetapi kita tidak akan dapat hasil daripadanya. Lebih daripada itu, kita akan rugi oleh kerana nilai berjuta-juta ringgit dalam bentuk sekeping tanah seluas dua belas ekar yang telah kita miliki sekian lama, tidak dapat memberi apa-apa keuntungan kepada kita.

Jika kita menunggu sehingga kita mempunyai ongkos yang mencukupi melalui kutipan yuran dan derma daripada ahli-ahli, kita tidak mungkin mendirikan apa-apa bangunan sekalipun. Lebih lama kita menunggu, lebih tinggi kos pembinaannya. Dan berapa banyakkah yang mungkin dikutip daripada ahli-ahli? Rancangan saya menjual setem derma supaya ahli menderma \$1/- sebulan telah luput begitu sahaja. Bukan sahaja duit yang dikutip tidak sebanyak mana, tetapi kadang-kadang setem pun hilang, bahkan si pengutip pun hilang juga.

Sebaliknya, jika kita adakan kompleks yang sejajar dengan keluasan dan nilai tanah kita ini, mudah-mudahan kita akan dapat hasil untuk membayar balik pinjaman kita. Namun demikian kita masih memerlukan derma dan bantuan-bantuan lain untuk membayar pinjaman. Sementara itu, kita harus ingat bahawa Kompleks ini masih dimiliki sebenarnya oleh bank-bank dan kita tidak boleh bergantung kepada pendapatan daripada sewa untuk membiayai pengurusan UMNO, terutama di waktu 'kebanjiran' ruang pejabat yang sedang dialami di Kuala Lumpur pada masa ini.

Pembinaan bangunan walaupun sebegini besar dan kompleks adalah mudah. Jika kita sanggup membayar kita akan dapat orang yang sanggup membinanya. Walau bagaimanapun, yang penting bukan sahaja pembinaan, tetapi juga penyelenggaraan dan penggunaannya. Kalau kita tidak tahu menyelenggara dan menggunakan bangunan yang cantik, bangunan macam mahligai dan kemas seperti Fort Knox sekalipun akan menjadi buruk, kotor dan usang dalam tempoh masa yang pendek.

Penyelenggaraan dan pengawasan Kompleks ini telah diserahkan kepada sebuah syarikat profesional. Kita percaya mereka akan menjaga dengan baikanya Kompleks ini.

Kompleks UMNO Malaysia ini akan digunakan bukan sahaja oleh ahli-ahli UMNO di waktu mesyuarat-mesyuarat tertentu tetapi juga oleh orang ramai. Sama ada bangunan ini terus bersih dan terus menarik bergantung kepada sikap kita sendiri.

Saya memohon maaf awal-awal lagi untuk berterus-terang. Saya berpendapat sementara kita cintakan alam sekitar yang cantik, kita tidak pula berusaha menjaga

keadaan sekitar kita. Jika ada sahaja perhimpunan yang besar, maka sampah sarap dibuang dengan begitu bebas. Bilik-bilik air dan tempat-tempat mencuci bukan sahaja dikotorkan, tetapi juga dirosakkan dalam sekelip mata.

'Alnazafatul Minal-Iman' – kebersihan adalah sebahagian daripada iman. Saya berharap kita semua akan menghayati seruan Nabi Muhammad s.a.w. dan kita selalu memastikan kita tidak menjadi punca kekotoran atau kerosakan di sekitar kita. Benda yang cantik patut kita sayangi. Ahli-ahli UMNO sekarang memiliki bangunan yang cantik ini. Cemburuilah kecantikannya seperti kita cemburu jika beristeri cantik!

Pusat Dagangan Dunia Putra telah dicipta sebagai pusat perdagangan di mana bermacam-macam pameran yang kecil dan besar dapat diadakan. Kita berharap juga dengan adanya Pusat Dagangan ini, Kuala Lumpur dan Malaysia akan menjadi satu pusat persidangan atau 'convention centre' untuk dunia. Kita bukan sahaja berharap kita akan memperolehi pendapatan daripada persidangan dan pameran yang akan diadakan di sini, tetapi kita percaya Pusat Dagangan Dunia Putra ini akan membantu Kerajaan meningkatkan bilangan para pelancong dan tetamu ke negara kita.

Tanpa menjadi angkuh UMNO bolehlah bermegah dengan Kompleks ini. Ianya patut memperingati kita bahawa perjuangan kita berhasil, walaupun masih banyak yang perlu dibuat untuk menjadikan negara majmuk ini sebuah negara di mana semua kaum berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah sebagai rakyat yang setia. Ianya patut memberi semangat dan mendorong kita untuk lebih berusaha dan membulatkan tenaga bagi meningkatkan lagi keupayaan orang Melayu dan bumiputera. Ianya patut memperingati kita tentang perjuangan pemimpin-pemimpin kita yang lama, menghargai perjuangan ini dan menjadikannya sebagai contoh dan teladan. Janganlah kerana kepentingan diri, kita hancurkan hasil usaha mereka yang mendahului kita dalam UMNO. Janganlah kita lupa bahawa parti adalah lebih utama daripada diri sendiri.

Pada hari yang bersejarah ini kita telah menjemput bukan sahaja tokoh-tokoh lama parti UMNO, tetapi juga tokoh-tokoh dari parti-parti komponen Barisan Nasional, serta parti-parti pembangkang. Saya mengucapkan berbilang terima kasih atas kehadiran tokoh-tokoh yang dihormati ni. Kita tidak berniat untuk mendapat apa-apa modal politik daripada upacara pada hari ini, sebaliknya sekadar memperlihatkan komitmen kita kepada demokrasi dan pengiktirafan kita terhadap masyarakat majmuk di negara ini.

Saya berdoa supaya negara kita Malaysia dipelihara oleh Allah yang Maha Kuasa daripada segala malapetaka. Saya berdoa supaya kita semua dapat hidup rukun damai. Dan saya berdoa supaya perasmian Kompleks ini akan menimbulkan keinsafan di kalangan ahli-ahli UMNO akan tanggungjawab yang telah diletakkan ke atas bahu mereka supaya mereka akan memikul tanggungjawab ini dengan rela dan hati yang tabah, tanpa mengutamakan kepentingan diri.

Dengan harapan ini, saya dengan segala sukacitanya membuka Kompleks UMNO Malaysia ini dengan rasminya.

UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-36
DI KOMPLEKS UMNO MALAYSIA, KUALA LUMPUR
27HB. SEPTEMBER, 1985

Alhmdullillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dapat kita sekali lagi berkumpul menghadiri Perhimpunan Agung UMNO yang ke-36 ini. Sebagai Presiden parti, bagi pihak Parti dan Majlis Tertinggi, saya mengucapkan selamat datang kepada para perwakilan sekalian ke Perhimpunan Agung ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil parti-parti komponen Barisan Nasional di perhimpunan ini. Marilah kita sama-sama berdoa semoga dengan hidayat dan petunjuk Allah Subhanahu Wataala, dapat kita sekali lagi menunaikan tanggungjawab kita sebagai ahli-ahli UMNO menjayakan Perhimpunan Agung ini mengikut Perlembagaan dan lunas-lunas parti bagi mengukuhkan lagi perjuangan kita.

Perhimpunan Agung UMNO 1985 ini tetap akan menjadi mesyuarat yang istimewa dalam sejarah perjuangan UMNO dan perjuangan orang Melayu. Yang pertama, Perhimpunan kali ini diadakan dalam bangunan UMNO sendiri. Memang benar UMNO telah memiliki bangunannya sendiri semenjak awal-awal lagi tetapi bangunan-bangunan Ibu Pejabat UMNO dahulu adalah terlalu kecil untuk menampung mana-mana Perhimpunan Agung UMNO. Kompleks UMNO yang baru sahaja siap dan dirasmikan pembukaannya semalam, merupakan bangunan yang khusus direkabentuk untuk menampung keperluan persidangan yang terbesar yang diadakan tiap-tiap tahun di negara kita — iaitu Perhimpunan Agung UMNO.

Kompleks UMNO ini membuktikan bukan sahaja kemajuan UMNO tetapi juga kejayaan orang Melayu khususnya dan kejayaan pemerintahan Kerajaan campuran di Malaysia semenjak merdeka.

Walaupun kita terpaksa meminjam duit untuk membangunkan projek ini, tetapi kita tahu orang tidak akan memberi pinjaman jika kita tidak mempunyai kemampuan untuk membayar balik. Ahli-ahli UMNO sendiri tidaklah menderma seperti dijangka, tetapi ada juga orang-orang lain yang mengakui bahawa kejayaan mereka adalah hasil kejayaan perjuangan UMNO dan pemerintahan yang diterajui oleh UMNO dan oleh itu sudi membantu UMNO untuk mendirikan ibu pejabat ini. Selain daripada itu, kita yakin perolehan dari kompleks ini dan keuntungan beberapa perniagaan di mana UMNO mempunyai saham, akan menolong kita membayar balik pinjaman dan memberi sedikit lebihan untuk pengurusan ibu pejabat.

Yang kedua ialah bilangan ahli UMNO sudah meningkat sehingga lebih daripada satu juta. Ini membuktikan bahawa orang Melayu yang berminat dengan UMNO semakin bertambah. Di mana sahaja kita pergi terdapat papan tanda menyatakan ada cawangan UMNO di situ. Sudah tentu semua kawasan setinggan mempunyai papan tanda UMNO. Jika ada sebuah bangsal kecil di dalam satu kawasan pembangunan baru, papan tanda UMNO serta bendera UMNO tetap ada dengan megahnya. Dalam kawasan di mana pihak lawan menganggap sebagai kubu mereka, di situpun ada UMNO.

Keahlian yang ramai ini mencerminkan minat orang Melayu menjadi ahli UMNO. Tetapi, malangnya ia belum tentu mencerminkan semangat dan kefahaman tentang perjuangan UMNO.

Kedua-dua keistimewaan UMNO yang saya sebutkan ini, iaitu kejayaan ekonominya dan bertambahnya bilangan ahlinya, walaupun pada permulaannya merupakan satu perkembangan yang boleh dibanggakan, tetapi ada juga unsur-unsur keburukan, unsur-unsur yang boleh merobohkan UMNO dari dalam.

Kejayaan orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi tidak selalunya membawa kesyukuran. Ramai yang berjaya dan menjadi kaya tidak puas hati dengan kekayaan semata-mata. Mereka mahu tempat dalam bidang politik dan kuasa yang kononnya dimiliki oleh orang-orang politik.

Justeru itu, kita telah lihat penggunaan wang untuk menjayakan pertandingan merebut jawatan dalam UMNO baik di peringkat cawangan, atau bahagian atau pusat. Saguhati dihantar kepada ahli dengan kiriman salam daripada si-polan si-polan. Kadang-kadang sampul surat khas digunakan dengan ucapan 'salam sejahtera' daripada orang yang berkenaan.

Ramai ahli UMNO dibawa makan angin ke luar negeri. Banyak juga majlis jamuan diadakan, lengkap dengan syarahan kecil dan doa. Hotel-hotel mewah mendapat pelanggan yang ramai. Begitu juga bas-bas persiaran, mendapat tempahan sepanjang tahun.

Tiap sesuatu mempunyai permulaannya. Penggunaan wang bermula dengan penempatan wakil-wakil ke perhimpunan agung di hotel-hotel mewah. Dahulu, wakil-wakil ke perhimpunan agung mencari tempat tinggal sendiri di hotel-hotel kecil, tetapi kerana undi mereka diminati oleh calon-calon Majlis Tertinggi, maka mereka diberi layanan yang istimewa. Selepas itu berlakulah perlumbaan menggunakan wang.

Kita tidak boleh salahkan pemberi sahaja. Penerima juga bersalah. Mereka mendesak, bahkan secara halus mengugut bakal calon supaya memberi layanan istimewa kepada mereka. Jika tidak, maka kesannya mungkin buruk kepada calon.

Amatlah pedih bagi saya untuk mendedahkan perkara-perkara yang buruk ini. Saya sedar parti-parti lawan akan menggunakannya untuk menghentam kita. Tetapi, saya tidak mempunyai pilihan. Dengan bertambahnya ahli-ahli UMNO, lebih ramai

orang yang tidak berprinsip sudah menjelma dan menggunakan cara-cara yang buruk untuk mendapatkan tempat. Dan orang-orang yang sudah lama dalam UMNO pun lupa akan prinsip perjuangan kerana takut kehilangan tempat.

Memandangkan kepada hal ini, UMNO terpaksa meminda undang-undang tubuhnya untuk mengadakan sekatan yang lebih berkesan terhadap penyelewengan yang dilakukan oleh ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin parti. Undang-undang ini akan menambahkan kuasa badan-badan penyelarasan UMNO menyelesaikan masalah-masalah tanpa disekat oleh 'court injunction' yang sudah menjadi adat kepada beberapa ahli yang mengutamakan kepentingan diri sendiri lebih daripada kepentingan parti.

Saya sedar ada pihak yang mempermainkan konsep 'contract' antara ahli dengan parti. Kononnya, sekian lama UMNO berada, kita tidak perlu kepada 'contract'. Yang perlu, kata mereka, ialah keadilan dalam menyelesaikan masalah.

Yang pertamanya, mereka yang menyoal keadilan dalam UMNO harus bertanya diri sendiri apakah benar mereka sendiri adil. Yang keduanya, keadilan biasanya cuma diakui oleh pihak yang mendapat apa yang diminatinya. Jika seseorang itu gagal, maka sudah tentu diannya tidak akan mengakui keadilan keputusan yang dibuat.

Sebenarnya, UMNO mengamal sistem yang demokratik dan memilih pemimpin dengan mengundi secara ramai. Sama ada pemimpin yang dipilih terjamin sifat keadilannya tidak dapat ditentukan. Yang penting ialah jika pemimpin betul-betul tidak adil, ia dapat digantikan melalui proses demokrasi. Janganlah kita membenarkan kesalahan teknik mengatasi prinsip dan kepentingan parti keseluruhannya.

Di antara gejala buruk yang muncul kerana kemajuan ekonomi orang Melayu dan bertambahnya ahli UMNO, ialah politik wang dan rebutan tempat yang telah saya perkatakan. Memadailah jika saya katakan bahawa kedua-dua amalan ini jika tidak dibendung akan menghancurkan UMNO dan juga negara.

Nasib orang-orang Melayu dan agama Islam akan menjadi amat buruk jika UMNO hancur. UMNO tidak akan hancur kerana serangan musuhnya tetapi UMNO boleh hancur kerana pecah-belah di dalam parti, kerana sengketa di antara ahli-ahli UMNO. Ingatlah rebutan takhta negeri-negeri Melayu oleh kerabat Diraja Melayu telah menyebabkan negara kita dijajah selama lebih 400 tahun. Ingatlah dan insafilah yang tamak akan kehilangan semua akhirnya.

Sebelum kedatangan Portugis, Belanda dan Inggeris, orang-orang Melayu menjadi rakyat di begitu banyak negeri-negeri kecil yang muncul kerana rebutan kuasa oleh keluarga Raja-Raja Melayu. Negeri-negeri kecil ini lemah dan dengan berterusannya rebutan takhta oleh keluarga Diraja, maka satu demi satu negeri-negeri Melayu telah jatuh ke tangan penjajah.

Penubuhan UMNO dalam tahun 1946 telah berjaya menyatukan semula orang-

orang Melayu untuk menentang Malayan Union sehingga mencapai kemenangan. Perpaduan melalui UMNO ini telah diteruskan sehinggalah kita berjaya mencapai kemerdekaan.

Tetapi, perpaduan dan cantuman negeri-negeri Melayu yang menjadikan negara Malaysia telah membawa cabaran baru — iaitu pentadbiran yang lebih besar. Sejarah menunjukkan cuma bangsa yang mampu mentadbir bilangan manusia yang lebih ramai sahaja yang dapat menegakkan negara yang besar dan kuat. Bangsa yang tidak mampu akan berpecah-pecah menjadi negeri-negeri kecil seperti yang berlaku dalam alam Melayu di Asia Tenggara.

Soalannya ialah apakah orang-orang Melayu mampu mentadbir UMNO yang sudah besar atau apakah orang-orang Melayu tidak mampu? Inilah ujian yang dihadapi sekarang setelah UMNO menjadi begitu besar dan disertai pula oleh berbagai golongan anggota masyarakat, termasuk mereka yang tidak faham matlamat UMNO atau tidak mempunyai semangat kebangsaan.

Dalam persidangan khas yang akan diadakan, kita akan membentangkan pindaan dan aturan-peraturan baru yang bertujuan untuk menjaga keutuhan dan kesenanan UMNO. Saya bersetuju bahawa undang-undang tidaklah sebegitu berkesan seperti kesanggupan mengawal diri oleh kita semua. Tetapi, dalam mana-mana kumpulan manusia, walaupun yang cukup tertib, akan terdapat individu-individu yang menjadi duri dalam daging masyarakat. Tujuan undang-undang adalah untuk mengawal mereka ini sahaja. Jika majoriti daripada ahli UMNO berkelakuan buruk dan tidak menghiraukan peraturan-peraturan atau undang-undang, pindaan Perlembagaan tidak akan membawa apa-apa kesan dari segi pemeliharaan parti.

Saya berharap ahli-ahli UMNO akan menyokong pindaan undang-undang tubuh dan peraturan parti demi menjaga keutuhan dan kewibawaan parti. Lebih-lebih lagi saya berharap undang-undang ini tidak akan kerap digunakan kerana ahli-ahli parti akan mengawal nafsu dan bertindak sebagai satu bangsa yang bermaruah dan bersopan.

UMNO menerima kenyataan dan berpegang teguh kepada kebenaran. Kenyataan ialah Malaysia adalah negara berbilang kaum. Oleh itu UMNO sanggup bekerjasama dengan semua kaum asalkan sahaja perjuangan mereka tidak bertentangan dengan kepentingan mereka dan perjuangan UMNO.

Sebab itulah UMNO sanggup menjadi anggota Perikatan dan Barisan Nasional. Kita sanggup mengenyepikan sedikit kepentingan kita kerana kita ingin mengutamakan kepentingan negara. Kita ingin supaya negara ini stabil dari segi politik dan ekonomi, dan dalam negara majmuk tidak ada sesuatu yang lebih berkesan dalam menentukan kestabilan daripada bekerjasama antara kaum.

Tetapi kerjasama itu hendaklah berkesan dan jujur. Sehingga kini kerjasama dalam Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional adalah berkesan dan Kerajaan-kerajaan campuran yang ditubuhkan di bawah Perikatan dan Barisan Nasional telah

berjaya membangunkan negara kita Malaysia.

Walaupun biasanya parti-parti komponen dalam Barisan Nasional tidak campurtangan dalam masalah rumahtangga parti masing-masing, tetapi kepentingan Barisan Nasional lebih utama daripada kepentingan sesuatu parti komponen. Jika peristiwa dalam parti komponen bukan sahaja merosakkan dirinya sendiri, tetapi mengancam kekuatan Barisan Nasional, maka Barisan Nasional tidak dapat berdiam diri.

Namun demikian kita amat berhati-hati dalam mengambil tindakan. Masa yang cukup diberi untuk sesuatu parti menyelesaikan masalah mereka.

UMNO amat kecewa apabila usaha Barisan Nasional untuk menyelesaikan sesuatu masalah itu sebelum pilihanraya telah sengaja diputar-belitkan oleh golongan-golongan tertentu dengan berkata bahawa UMNO telah campurtangan dalam pemilihan para pemimpin bagi sebuah parti komponen. Tujuan dakwaan ini ialah untuk menimbulkan perasaan perkauman yang boleh mempopularkan pihak-pihak tertentu.

Yang anihnya ialah mereka yang sekarang mendakwa UMNO telah campurtangan dalam masalah parti mereka, adalah juga orang yang sama yang dahulunya sering meminta pertolongan supaya diberhentikan orang-orang tertentu daripada parti itu di dalam Kerajaan, atau mengambil balik mereka ke dalam Kerajaan, kerana tindakan ini dipercayai boleh menolong pihak masing-masing dalam usaha merebut jawatan dalam parti. Pendek kata, merekalah yang mendesak supaya ada campurtangan luar bagi menentukan siapakah yang akan memimpin parti. Tetapi hari ini mereka ini jugalah yang menyalahkan campurtangan luar apabila mereka gagal menyelesaikan masalah mereka.

Masyarakat Cina di Malaysia adalah kedua besarnya selepas masyarakat Melayu. Kita ingin melihat masyarakat Cina diwakili dalam Kerajaan. Tetapi dua perkara mestilah diambil ingatan.

Pertamanya, keinginan UMNO bekerjasama dengan masyarakat Cina janganlah digunakan sebagai alat politik peribadi sesiapa.

Yang keduanya, wakil masyarakat Cina dalam Kerajaan hendaklah terdiri daripada orang yang ikhlas serta jujur dan bukan orang yang mengutamakan kepentingan diri.

Para pemimpin mestilah sanggup tunduk kepada keputusan ramai. Pemimpin tidak harus mencari isu semata-mata untuk kepentingan diri. Pemimpin tidak boleh mempermainkan aturan-peraturan supaya kedudukannya dalam parti dikekalkan.

UMNO tidak berniat untuk campurtangan dalam masalah rumahtangga parti lain dalam Barisan Nasional. Tetapi UMNO sebagai anggota Barisan Nasional tidak sanggup kewibawaan Barisan Nasional terjejas kerana kepentingan sesuatu parti komponen atau orang-orang tertentu. Dan UMNO tidak sanggup ditohmah oleh mereka yang sudah kehilangan pengaruh.

Kita telah diberitahu oleh akhbar-akhbar dan berita-berita angin bahawa ekonomi negara telah merosot. Berita-berita ini disokong pula dengan tindakan majikan di beberapa industri menamatkan khidmat atau mengurangkan masa kerja pekerja-pekerja mereka.

Negara kita ialah sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan dengan dunia luar, terutama dengan negara-negara maju, untuk perkembangan dan kestabilan ekonomi kita. Dalam keadaan ekonomi dunia yang merosot, tidak dapat tidak kita akan rasai kesan kemerosotan ini.

Yang penting bukanlah sebab-sebab kemerosotan ini berlaku di negara asing. Yang penting ialah sikap dan tindakan kita dalam menghadapi kemelesetan ekonomi negara kita.

Kita boleh mengambil sikap tidak memperdulikan kenyataan dan kita teruskan amalan biasa kita, iaitu membelanjakan wang dengan tidak menghiraukan kesan buruknya. Kita boleh meminjam duit dari negara-negara asing dan bank-bank sehingga segala pendapatan kita terpaksa digunakan untuk membayar hutang sahaja.

Tetapi seperti individu yang berhutang, negara juga terpaksa membayar hutang. Dan bayaran ini akan menjadi beban yang amat berat untuk dipikul. Kita berhutang hari ini, dan anak-cucu kita akan menanggung beban pembayarannya. Nenek-moyang kita menggadai negeri untuk perbelanjaan yang membazir seperti acara perkahwinan besar-besaran, dan akibatnya ialah kita dijajah.

Pemberi hutang di zaman ini tidak akan menjajah secara langsung jika kita gagal membayar hutang. Tetapi, penjajahan secara tidak langsung atau neo-colonialisme boleh berlaku. Pada ketika itu sia-sia sahajalah perjuangan untuk kemerdekaan. Kita dan anak-cucu kita akan hidup di bawah telunjuk bangsa-bangsa asing.

Bukanlah maksud saya bahawa negara tidak boleh berhutang sama sekali. Kita boleh berhutang. Bahkan kita harus meminjam dan kerap kali kita mendapati nilai matawang yang digunakan semasa membayar adalah lebih rendah daripada nilainya di waktu kita meminjam. Namun demikian, ada hadnya untuk kita meminjam.

Memandangkan kepada hakikat inilah, kita perlu berjimat-cermat dan mengawasi segala perbelanjaan. Pembangunan negara tidak lagi boleh dilaksanakan dengan pesat seperti dahulu. Projek dan subsidi terpaksa dikurangkan. Barang-barang mewah dari luar negeri hendaklah dikurangkan pembeliannya, baik oleh Kerajaan atau rakyat.

Tetapi ramai yang bertanya, mengapakah kita membina jambatan dan jalan-jalan raya? Tidak dapatkah kita menangguhkan projek-projek ini?

Sebenarnya, kemelesetan ekonomi dunia berlaku dengan mengejut. Kesannya terhadap ekonomi negara cuma dirasai dengan sepenuhnya dalam tahun 1983-85.

Pada tahun 1980, kita masih begitu mewah sehingga kita dapat mengadakan semakan gaji lebih awal daripada biasa dan menaikkan gaji dan pencen ke paras yang amat tinggi. Begitu juga kita tidak mempunyai alasan bagi menangguhkan pelaksanaan projek-projek yang telah lama dirancang. Cuma dalam tahun 1983 baharulah kita mula menangguhkan projek yang belum 'committed'. Sudah tentu projek-projek yang kontraknya telah diberi atau kerja-kerja telah bermula, terpaksa diteruskan. Jika dibatalkan, maka bayaran pampasan yang tinggi terpaksa dibayar kepada pihak-pihak berkenaan. Ini bermakna kerugian tanpa sebarang hasil.

Namun demikian, projek-projek infrastruktur, terutama yang akan memberi pulangan wang, perlu diadakan. Dengan itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa projek walaupun semasa kemelesetan ekonomi.

Hasil daripada pengurusan kewangan negara yang lebih berhati-hati ialah kedudukan kewangan kita telah menjadi lebih sihat berbanding dengan kedudukan kewangan hampir semua negara membangun di rantau ini bahkan di dunia. Namun demikian, kita belum lagi lepas daripada bahaya. Kita masih perlu berjimat-cermat dalam perbelanjaan kita. Justeru itu, bagi beberapa tahun yang akan datang, kita terpaksa mengurangkan hutang kita. Tetapi, kita harus meneruskan projek-projek yang berfaedah kerana jika tidak, industri pembinaan akan terhenti. Ini bermakna bukan sahaja majikan akan rugi tetapi juga para pekerja, pembekal, pekedai, penjaja, perusahaan kenderaan dan lain-lain pihak akan turut rugi.

Sekali lagi ingin saya jelaskan bahawa langkah bagi mengatasi kemelesetan ekonomi ialah penjimatan belanja dan peningkatan daya pengeluaran. Sekarang ini kos pengeluaran bahan-bahan mentah di Malaysia adalah lebih tinggi daripada kos di negara-negara lain yang mengeluarkan bahan yang sama. Jika kita tidak dapat mengurangkan kos ini dan meningkatkan daya pengeluaran, maka harga barangan kita tidak dapat bersaing atau 'competitive' di pasaran dunia. Sekali lagi yang akan menderita bukan sahaja tauke-tauke, tetapi juga pekerja-pekerja dan lain-lain pihak yang bergantung secara langsung atau tidak langsung kepada industri-industri bahan mentah kita.

Pemulihan ekonomi negara tidak bergantung kepada Kerajaan sahaja. Kita semua, sama ada sebagai majikan atau pekerja bergaji, juga bertanggungjawab. Jeritan dan pekikan pekerja dan analisis oleh pakar-pakar di seminar-seminar dan bengkel-bengkel tidak akan membawa apa-apa kebaikan selagi kita semua tidak bersikap bertanggungjawab dan berusaha meningkatkan daya pengeluaran. Hanya penjimatan belanja dan daya pengeluaran yang tinggi yang menjadi ubat kepada ekonomi yang meleset. Tidak ada ubat yang lain.

Sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, kemelesetan ekonomi dunia memberi kesan yang buruk kepada ekonomi negara. Malaysia adalah sebuah negara di mana 50% Keluaran Negara Kasar atau GNP bergantung kepada perdagangan dengan negara-negara lain. Dengan kemerosotan permintaan dari negara-negara maju, maka tidak dapat tidak pendapatan kita dari dagangan akan berkurangan. Kurangnya perdagangan mengurangkan pula hasil yang diperolehi oleh Kerajaan daripada cukai eksport dan cukai pendapatan, serta lain-lain cukai.

Apakah yang harus kita lakukan dalam keadaan ini? Jika kita ingin meneruskan juga perbelanjaan biasa, maka tidak dapat tidak kita mesti berhutang. Hutang negara adalah perkara yang serius. Faedah dan hutang pokok mesti dibayar. Sebahagian daripada hasil yang dipungut oleh Kerajaan mestilah digunakan untuk membayar hutang. Selepas membayar hutang yang banyak dan belanja urusan, Kerajaan tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk pembangunan. Tetapi, pembangunan terpaksa diteruskan dan projek-projek yang penting terpaksa dilaksanakan. Oleh kerana itu kita terpaksa berhutang.

Berhutang untuk membina projek penting yang boleh mendatangkan hasil kepada Kerajaan adalah munasabah. Tetapi, kita tidak boleh berhutang untuk belanja pengurusan yang berterusan atau 'recurrent expenditure' seperti gaji, pensen dan lain-lain. Kita tidak boleh berbuat demikian, sama juga seperti seorang tidak boleh berhutang untuk makan hariannya.

Dalam keadaan di mana kita tidak dapat meningkatkan hasil, kita harus berbelanja untuk urusan setakat mana yang kita mampu sahaja. Kita patutlah sanggup berkorban sedikit, supaya bayaran hutang tidak meningkat dengan begitu pesat sehingga bakinya tidak mencukupi untuk perbelanjaan pengurusan.

Malangnya, terdapat ugutan daripada pihak pemimpin kesatuan kakitangan Kerajaan bahawa jika tuntutan mereka tidak dilayan, maka mereka akan mogok. Apakah dengan mengadakan mogok ini, kita akan mendapat hasil yang banyak untuk membayar gaji tambahan?

Tentulah jelas bahawa mogok ini akan merosakkan ekonomi negara dan mengurangkan hasil Kerajaan. Kegiatan perniagaan akan tergendala dan para pelabur, dari dalam dan luar negeri, akan berasa takut untuk melabur. Kerja-kerja mengutip hasil akan tergendala dan projek-projek pembangunan untuk rakyatpun akan terhenti.

Jauh daripada menolong menambah pendapatan Kerajaan, mogok akan mengurangkan pendapatan Kerajaan dengan berpanjangan, kerana kesan daripada sesuatu mogok itu tidak akan hilang apabila sahaja ia diberhentikan. Keupayaan Kerajaan menaikkan gaji akan tergendala buat beberapa tahun.

Kerajaan bukan sahaja bertanggungjawab kepada kakitangannya. Kerajaan juga bertanggungjawab kepada rakyat keseluruhannya. Sehingga kini, kemelesetan ekonomi telah menyebabkan beribu-beribu pekerja swasta menganggur. Di samping itu, kedai-kedai dan pekerja-pekerja kedai turut merasai secara langsung kesan buruk perniagaan yang merosot. Penjaja yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang yang mengalami kerugian jika cuaca buruk, tetap tidak terlepas daripada tekanan ekonomi yang meleset. Petani dan nelayan, penoreh getah dan pekerja lombong, semuanya menderita bukan sahaja kerana kehilangan atau kekurangan pendapatan, tetapi juga kerana inflasi.

Sebaliknya, tidak seorangpun daripada kakitangan Kerajaan telah dibuang kerja

kerana kemelesetan ekonomi. Sebenarnya, sebahagian daripada mereka telah mendapat kenaikan gaji hingga sebanyak 12% iaitu lebih dari sebulan gaji dalam satu tahun. Ada juga yang telah dinaikkan gred dan elaun mereka.

Apakah Kerajaan perlu melayan kakitangannya sahaja tanpa mengambilkira rakyat lain? Saya amat dukacita kerana mereka yang bernasib baiklah yang bercadang mengancam kestabilan negara dan mungkin juga periok nasi orang lain.

Kita tahu bahawa kita akan mengadakan pilihanraya tidak lama lagi dan kita memerlukan seberapa banyak sokongan yang boleh. Tetapi, Kerajaan Barisan Nasional ini tidak sanggup menjadikan Malaysia negara yang bankrap semata-mata kerana mahu memancing undi. Kita akan menghadapi cabaran dan ugutan dengan pendirian yang tegas. Tawaran kenaikan gaji yang kita telah persetujuan sudahpun menjejaskan kedudukan kewangan negara. Kita tidak sanggup menggadai negara kerana takut kehilangan kerusi.

Saya sedar bahawa bukan semua pekerja Kerajaan yang ingin mengambil tindakan mogok. Yang berminat ialah para pemimpin kesatuan sekerja yang bercita-cita besar. Memang mudah menjadi popular dengan mendesak orang lain memberi sesuatu. Memang mudah menjadikan isu gaji sebagai tenaga untuk mendapat jawatan yang diidami. Tetapi, jalan itu merbahaya dan boleh memakan diri. Oleh itu, berhati-hatilah.

Negara ini ialah negara demokratik. Setiap rakyat bebas bergerak. Kerajaan tidak berniat untuk membendung terlalu sangat percakapan dan kegiatan para pengkritik Kerajaan. Sebaliknya, kita ingin bersikap lebih liberal lagi. Sebab itulah kita telah membebaskan ramai yang berada di dalam tahanan. Sebab itulah juga kita telah memberi kebenaran mencetak dengan lebih mudah dan lebih banyak. Sebab itulah kita menghentikan pengakuan umum atau 'public confession' melalui TV dan media-media lain.

Tetapi, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak lupa bahawa keselamatan dan kestabilan negara adalah tanggungjawab Kerajaan. Apabila kita mengangap perlu, kita akan menggunakan segala kuasa dan undang-undang yang ada pada Kerajaan dengan adil. Tiada siapapun perlu khuatir mengenai ini.

Sebelum pun UMNO ditubuh, orang-orang Melayu telah menyatakan sokongan mereka kepada sistem demokrasi. Perhimpunan pertubuhan-pertubuhan Melayu yang bersidang untuk membentuk alat menentang Malayan Union telah dengan secara automatik membuat keputusan mengikut lunas-lunas demokrasi.

Apabila ianya ditubuhkan, UMNO telah menyatakan pegangannya kepada sistem pentadbiran Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Ideologi lain — sosialis atau komunis, liberal atau konservatif — tidak menjadi panduan kepada UMNO atau mempengaruhinya. Hanya yang didokong ialah Demokrasi Berparlimen dengan Raja Berperlembagaan.

Kita tidak menafikan bahawa ada pengaruh sistem British dalam pemilihan UMNO. Dalam sejarah Melayu, tidak ada demokrasi. Yang ada ialah sistem beraja, di mana raja mempunyai kuasa yang tidak terbatas. Sistem pemerintahan Melayu ialah sistem feodal. Sistem feodal inilah yang menyebabkan negeri-negeri Melayu diserahkan dan dikuasai oleh penjajah.

Walaupun kita tidak begitu gemar dengan sifat-sifat yang ada pada British, kita tidak menolak sesuatu kerana ianya berasal daripada British. Sebagai bangsa yang waras, kita mengkaji dan meneliti apa dianya isi dan apa dianya hampas. Kita tidak berasa was-was semata-mata kerana asal-usul sesuatu itu. Yang penting ialah sama ada sesuatu itu boleh mendatangkan kebaikan atau keburukan. Dan kita berpendapat bahawa sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan adalah sebaik-baiknya sistem, sudah tentu lebih baik daripada sistem feodal.

Kita tidak berasa kesal dengan pilihan kita. Demokrasi menentukan bahawa jika seseorang pemimpin sudah tidak layak lagi, maka dianya tidak dapat mengekalkan kedudukannya. Memang baik juga seseorang pemimpin atau sesebuah Kerajaan tidak diganggu atau dipengaruhi oleh kemungkinan ia dikalahkan apabila menggubal dasar dan melaksanakan rancangan. Kerajaan yang tidak berasa takut kepada ugutan sesiapa kadang-kadang boleh bertindak dengan lebih adil. Seseorang atau sesuatu kumpulan yang berpengaruh tidak boleh mengancam menarik sokongan jika tidak mendapat sesuatu bagi dirinya.

Sebaliknya, Kerajaan pilihan ramai seperti yang terdapat dalam demokrasi selalunya terpaksa memperhitungkan kesan terhadap sokongan baginya setiap kali ia menggubal dasar atau undang-undang. Dengan perkataan lain politik mempengaruhi Kerajaan. Terdesak dengan kemungkinan dikalahkan dalam pilihanraya yang berikutnya, Kerajaan demokratik kerap kali memberi lebih keutamaan kepada kepentingan politik daripada kepentingan-kepentingan lain.

Namun demikian kita tidak berminat dengan sistem diktator atau feodal. Kita berasa lebih lega jika kita boleh menukarkan Kerajaan melalui proses demokrasi daripada mendedahkan diri kita kepada kemungkinan wujudnya Kerajaan yang kejam dan tidak bertimbang rasa yang tidak dapat dijatuhkan tanpa revolusi.

Melalui sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan bermakna pemerintahan diamanahkan kepada rakyat. Raja menjadi simbol pentadbiran supaya taat-setia rakyat kepada negara ditujukan kepada simbol kedaulatan negara. Tetapi, pentadbiran negara yang sebenarnya ditentukan oleh rakyat melalui pilihanraya yang bebas.

Oleh kerana Raja tidak terlibat dengan pentadbiran dan tidak terikat dengan mana-mana parti politik, maka kesetiaan rakyat tidak berbelah-bahagi. Rakyat tidak dipengaruhi dengan fahaman politik atau ideologi dalam mencurahkan kesetiaan mereka kepada negara dan Raja yang menjadi simbolnya.

Malangnya, walaupun sistem ini berjalan dengan baik dan ahli-ahli politik tidak cuba melibatkan Raja-raja, sekarang ini ada pihak lain yang ingin menggunakan kedudukan raja-raja untuk kepentingan peribadi masing-masing. Oleh kerana Kerajaan menghormati Raja-raja dan Perlembagaan melindungi mereka, orang-orang yang berkepentingan ini berpendapat bahawa dengan melibatkan Raja-raja dalam kegiatan peribadi mereka, mereka juga akan dilindungi oleh undang-undang, bahkan mereka dapat membelakangkan segala dasar dan matlamat Kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Mereka membuat rancangan-rancangan perniagaan yang memikat hati Raja-raja dan cuba mendapat penyertaan Raja-raja dalam perniagaan mereka. Bukan sahaja mereka berharap akan dapat mempengaruhi pihak berkuasa dengan cara ini, tetapi mereka boleh bersaing dengan jayanya dengan pengusaha-pengusaha lain, terutamanya pengusaha-pengusaha bumiputera.

Tidak dapat tidak, kegiatan ini mencemar nama baik Raja-raja di kalangan rakyat. Tidak dapat tidak, jika kegiatan ini berterusan, pandangan rakyat terhadap Raja-raja akan menjadi buruk. Tidak dapat tidak, rakyat akhirnya akan mempersoalkan sistem Raja Berperlembagaan.

Para perwakilan sekalian. Kerajaan telah cuba merahsiakan kegiatan ini untuk menjaga nama baik Raja-raja. Tetapi, sedikit sebanyak kegiatan-kegiatan menggunakan pengaruh Raja-raja sudah sampai ke telinga rakyat.

Sebelum pandangan rakyat menjadi buruk, saya ingin menasihatkan, bahkan memberi amaran, kepada golongan yang cuba memeralatkan Raja-raja untuk kepentingan perniagaan mereka supaya memberhentikan kegiatan ini. Kita tidak mahu sistem Raja Berperlembagaan disoal oleh rakyat. Kita, UMNO khususnya, menjunjung sistem ini dan kita tidak mahu sistem ini diancam dan dicabar semata-mata kerana kepentingan orang-orang yang tamak.

Jika kita mendapati sesiapa cuba berbuat demikian, dianya akan dimasukkan ke dalam 'senarai hitam' dan segala urusan perniagaannya yang melibatkan Kerajaan akan dipandang serong dan tidak akan mendapat layanan. Kegiatan mereka akan didedah supaya rakyat tahu siapa yang cuba memburukkan sistem Raja Berperlembagaan.

Saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa Malaysia adalah negara berbilang kaum dan berbilang agama. Manakala agama Islam diterima sebagai agama rasmi negara, agama-agama lain adalah bebas diamalkan oleh penganut-penganutnya. Di samping itu orang-orang Islam dipelihara daripada pengembangan agama-agama lain. Sebaliknya, dalam mengembang dan meningkatkan bilangan penganut agama Islam, paksaan tidak boleh digunakan.

Semua ini, secara langsung atau tidak langsung adalah peruntukan Perlembagaan, undang-undang asas pentadbiran negara kita, undang-undang asas yang disusun dengan mengambilkira pandangan Islam dalam pentadbiran negara yang berbilang kaum dan agama.

Al-Quran dan Hadis serta Sunnah Nabi adalah asas kepercayaan orang-orang Islam. Asas ini tidak boleh dipersoalkan tetapi untuk kehidupan harian, kita perlu kepada panduan amalan secara terperinci.

Umpamanya ayat 60 Surah Al-Anfaal menyuruh kita membuat persediaan bagi mempertahankan umat Islam. Pada zaman Rasulullah s.a.w., ini bermakna menyediakan pedang dan kuda. Pada zaman moden ini, mempertahankan ummah bermakna menyediakan 'carbine, machinegun', meriam, kereta kebal, kapal terbang, kapal perang, kapal selam, radar, 'laser beam rang finder' dan seribu satu alat moden. Sementara Al-Quran, Hadis dan Sunnah Nabi memberi panduan, usaha untuk mencipta segala alat yang diperlukan ini mestilah dibuat oleh kita dengan menggunakan akal fikiran kurniaan Tuhan.

Begitu jugalah dengan cara-cara pemerintahan. Sementara panduan asas terdapat dalam Al-Quran, Hadis dan Sunnah Nabi, untuk mencegah berbagai jenayah moden, untuk mentadbir zon ekonomi, untuk menentukan lalu-lintas dalam bandar dan di jalanraya, untuk mengurus pelabuhan dan lapangan terbang, gerakan anti-penyeludupan dan seribu satu urusan dan tanggungjawab, Kerajaan terpaksa mengubal undang-undang, dengan menggunakan akal fikiran dan kepakaran secara bermesyuarah. Yang penting ialah perkara tersebut mengambilkira ajaran agama Islam dan keadaan sesebuah negara.

Perlu ditegaskan di sini bahawa agama Islam memberi kelonggaran dan mengambilkira keadaan semasa. Dalam pentadbiran, yang penting ialah keselamatan dan kesempurnaan masyarakat. Kita tidak dapat berpegang kepada tafsiran yang dibuat oleh manusia biasa walau bagaimana arif sekalipun, jika tafsiran itu begitu ketat atau 'rigid' sehingga keselamatan masyarakat dan orang-orang Islam terancam.

Di Malaysia pentadbiran kita tidak bertentangan dengan lunas-lunas Islam dan mengambilkira keadaan semasa, termasuklah keadaan di mana separuh daripada rakyat negara ini bukan beragama Islam. Banyak perkara yang haram bagi kita tetapi tidak haram bagi orang-orang bukan Islam. Kita tidak boleh memaksa mereka mengamalkan suruhan agama Islam. Jika kita cuba berbuat demikian mereka akan mencari jalan supaya percubaan kita tidak akan berkesan. Di samping itu, perhubungan antara kita dengan mereka akan menjadi buruk sehingga mungkin berlaku pertelingkahan. Demikian juga tindakan mereka mengelak daripada perbekalan undang-undang boleh membawa keburukan kepada negara.

Kita tidak mahu menjadi orang-orang munafik atau hipokrit yang mempamerkan keIslaman di negeri sendiri tetapi melakukan maksiat apabila sahaja berada di luar negeri. Kita tidak mahu memperkatakan sesuatu tetapi melakukan yang lain. Nama Islam sudah banyak tercemar, bahkan orang Islam diketawakan kerana perbuatan sekumpulan orang hipokrit daripada kalangan orang Islam sendiri.

Kita tidak mahu jadi hipokrit. Kita tidak mahu membuat tafsiran yang lebih ketat daripada suruhan Islam dan selepas itu kita melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan tafsiran yang kita laung-laungkan.

Dalam usaha kita mengamal dan mengembangkan syiar Islam, kita akan menggunakan kelonggaran yang diberi oleh agama Islam, sekiranya kita mendapati kelonggaran ini perlu dan ianya bermanfaat kepada kita dalam jangka panjang.

Oleh itu kita bermula dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Jika kita berjaya menentukan yang Kerajaan kita ini bersih, cekap, beramanah, tertib, rajin, sopan, berdisiplin, bertanggungjawab, dan menjunjung tinggi nilai-nilai lain yang mulia bagi setiap umat yang bertakwa, Insya-Allah syiar Islam akan berkembang dan kita semua akan memperolehi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Inilah sebabnya kita menitik-beratkan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan. Rupa bentuk yang kononnya Islam tidak memberi makna sehingga nilai-nilai yang saya sebutkan tadi diamalkan. Kita tidak mahu bermusuhan dengan mereka yang menganggap rupa bentuk Islam itu penting tetapi janganlah mereka pula menganggap orang yang tidak mengutamakan rupa bentuk sebagai kurang Islam. Yang penting ialah jika ada perbezaan pendapat dalam Islam, kita terima sahaja perbezaan ini tetapi janganlah kita berpecah-belah kerananya.

Umat Islam, di mana juga mereka berada adalah bersaudara, tetapi masyarakat Islam di sesuatu tempat atau negara perlu berdiri di atas kaki sendiri, atau berdikari. Sebab itu walaupun kita bersimpati dengan pejuang-pejuang Mujahiddin Afghanistan, peperangan untuk membebaskan Afghanistan bergantung atas usaha mereka sendiri. Untuk menentukan mereka bersemangat berperang membebaskan negara sendiri, perasaan cinta dan kasih kepada negara mereka Afghanistan, cinta dan kasih yang tidak kenal takut, tidak kenal mati, mestilah tertanam di dalam sanubari orang-orang Afghan sendiri. Perasaan inilah yang dikatakan perasaan kebangsaan atau nasionalisme, dan semangat yang lahir daripadanya ialah semangat kebangsaan. Walaupun simpati umat Islam keseluruhannya penting juga, tetapi yang akan menentukan perjuangan pembebasan Afghanistan ialah semangat kebangsaan orang-orang Afghan itu sendiri.

Namun demikian, lain halnya dengan permusuhan antara dua kumpulan orang Islam atau dua buah negara Islam. Permusuhan seperti ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Orang seperti inilah yang dikenal sebagai mazhabiah atau asabiah. Mereka membelakangkan Islam kerana terlalu taksud dan taat kepada kumpulan atau negara mereka.

UMNO terdiri daripada golongan orang-orang Melayu yang bersemangat kebangsaan. Tetapi, kita tidak membelakangkan Islam walaupun bersemangat kebangsaan. Semangat kebangsaan memberi kekuatan kepada perjuangan Islam dan persaudaraan dalam Islam. Sebaliknya, kumpulan-kumpulan yang menentang UMNO sanggup meniadakan persaudaraan dalam Islam dan membuat tohmah yang jelas menunjukkan bahawa bukan Islam yang menjadi panduan mereka, tetapi nafsu dan syaitan.

Sebagai pertubuhan kebangsaan Melayu, UMNO tidak ragu dengan keislaman dirinya. UMNO akan terus berpegang kepada semangat kebangsaan, kerana semangat

kebangsaan dalam UMNO adalah sama dengan semangat kebangsaan yang diperlihatkan oleh Mujahiddin Afghanistan. Kita akan terus mempertahankan kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan tidak akan mengabaikan tanggungjawab kita untuk memancing undi.

Mereka yang cuba berbuat demikian menderhaka kepada orang Melayu dan mengkhianati Islam. Undi memang penting dalam politik demokrasi, tetapi janganlah kerana undi kita sanggup menjual bangsa dan keturunan kita. Jangan kita memutarbelitkan tafsiran agama untuk kepentingan pilihanraya seperti yang dibuat oleh satu kumpulan yang kononnya berpegang kepada ajaran Islam.

Sebaliknya, kita harus menebalkan lagi semangat kebangsaan kita. Untuk tujuan ini kita harus menentukan bahawa kebolehan dan keupayaan kita adalah sama dengan kaum-kaum lain di negara ini. Selagi kita terpaksa bergantung kepada lain-lain kaum untuk tugas-tugas biasa kita, selagi tugas-tugas dan kecekapan tertentu tidak ada pada kita, selama itulah semangat kebangsaan kita akan terus cacat. Selama itulah perimbangan antara kaum tidak akan tercapai.

Semangat kebangsaan bukan untuk mendabik dada, untuk bermegah-megah dan sombong atau untuk memandang hina orang-orang lain. Semangat kebangsaan adalah untuk mendorong kita supaya meningkatkan kebolehan kita supaya sama, bahkan lebih daripada orang lain, dan dengan cara ini, kita menjadi bangsa yang bermaruah, dihormati serta disegani.

Inilah kebangsaan yang dimaksudkan oleh UMNO apabila kita memilih nama bagi parti kita dan kita menentukan matlamat perjuangan kita. Janganlah sesiapa mencemarkan semangat kebangsaan kita ini dengan kelakuan atau perbuatan buruk yang menghinakan bangsa kita.

Tak akan Melayu hilang di dunia. Tetapi Melayu jenis apakah yang harus kekal ini? Melayu yang mulia atau Melayu yang menjadi hamba kepada orang lain, yang selalu meminta-minta, yang lemah semangat dan yang tidakpun berupaya mempertahankan diri? Melayu apakah yang tidak akan hilang di dunia ini? Bersama-samalah kita merenungkannya. Jika kita mahu Melayu yang mulia dan berkemampuan, ubahlah sikap dan perkukuhkanlah semangat. Insya-Allah, kita akan jadi Melayu yang mulia.

Pepatah Melayu berkata, 'Hujan emas di negeri orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri'. Malaysia adalah tanahair kita. Malaysia bukan syurga, walaupun tidak dihujani keris-lembing. Penduduknya terdiri daripada berbagai kaum, dan sudah tentulah mempunyai perbezaan pendapat dan kadang kala pula bertelingkah. Dalam keadaan masyarakat yang sedemikian, tidak ada satupun yang kena jika dibuat, dan tidak ada satupun yang kena jika tidak dibuat.

Tetapi, Malaysia adalah negara kita, negara orang Melayu, orang bumiputera, orang-orang Malaysia keturunan Cina, keturunan India, orang-orang Iban, Kadazan,

dan lain-lain keturunan. Walau bagaimana buruk sekalipun negara Malaysia, rakyatnya mestilah cintakannya. Ini bukan sesuatu yang luar biasa.

Manusia suka kepada apa yang menjadi kebiasaannya. Sudah tentu negaranya menjadi kebiasaannya. Sebab itu ada manusia yang sanggup tinggal di padang pasir yang begitu panas dan kering. Terdapat juga manusia yang sanggup tinggal di negara sejuk di mana buminya diliputi salji berpuh-puluh kaki tebalnya.

Mereka sanggup hidup dalam keadaan sedemikian dan tidak mahu berpindah. Mereka sanggup berperang bermati-matian jika negara mereka dicero bohi. Kerana sayang kepada tempat kebiasaan inilah, maka wujudnya bangsa dan negara. Sayang kepada tempat kebiasaan inilah yang dikatakan nasionalisme atau semangat kebangsaan.

Bangsa Melayu adalah juga Bangsa Malaysia. Sementara kita menganggap negeri-negeri Melayu sebagai bumi asli orang Melayu, kita akui hak keturunan kaum-kaum lain sebagai warganegara Malaysia. Walaupun ada di antara mereka yang dengan mudahnya meninggalkan bumi Malaysia untuk bermastautin di negara lain, kita tidak menafikan bahawa kebanyakan daripada mereka yang bermastautin di negara ini benar-benar setia dan taat kepada Malaysia. Justeru itu kita iktiraf mereka sebagai warganegara.

Kita orang-orang Melayu tidak harus berasa segan-silu dengan perasaan kasih sayang kita terhadap negara dan bangsa kita. Kita adalah manusia biasa dan ini adalah perasaan biasa manusia. Tidak ada manusia yang hatinya begitu kering hingga tidak berasa berdebar apabila ia pulang ke tanahairnya. Lebih lama ia dipisahkan dari tanahairnya lebih kuat denyut jantungnya. Inilah tanahair yang tercinta. Inilah tempat tumpah darahnya.

Saya tidak malu mengakui bahawa semangat kebangsaan memberi dorongan kepada tindakan saya. Saya percaya kita semua mempunyai perasaan yang serupa. Jika tidak, hendaklah kita suburkan perasaan cinta kepada bangsa dan negara ini. Kita tidak akan rugi. Sebaliknya, kita akan menerima manfaat dan kita akan menjadi lebih bahagia. Kita akan dihormati dan kita akan berjaya.

UMNO adalah parti kebangsaan. Ahli-ahli UMNO terdiri daripada orang-orang Islam. Oleh itu, UMNO adalah juga parti Islam. Islam dan semangat kebangsaan tidak bertentangan. Sebagai parti kebangsaan, UMNO akan melindungi orang-orang Melayu khususnya, serta rakyat dan negara Malaysia amnya daripada ancaman dan pengaruh-pengaruh luar. UMNO akan memupuk semangat nasionalisme supaya perasaan ini akan menyatupadukan segala tenaga dan fikiran rakyat untuk membangun dan membina negara yang mulia, yang bermaruah dan berjaya. Sebagai parti Islam, UMNO akan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang didokong oleh Islam.

Inilah negara kita Malaysia. Dan negara inilah yang akan kita maju dan pertahankan. Saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan memberi taufik dan hidayahNya kepada kita.

Marilah kita berusaha sedaya upaya memperjuangkan maruah dan masa depan agama, bangsa dan negara kita. Marilah kita berdoa semoga perbincangan kita ini akan membawa manfaat kepada agama, masyarakat dan negara. Akhir kata saya mengucapkan selamat bersidang dan selamat maju jaya.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
PENGERUSI BARISAN NASIONAL SEMPENA PILIHANRAYA UMUM 1986
MELALUI RANGKAIAN NASIONAL, RADIO MALAYSIA
28HB. JULAI, 1986

Pada penghujung minggu ini para pengundi di seluruh negara akan keluar mengundi bagi memilih wakil-wakil mereka ke Dewan Rakyat dan semua Dewan Undangan Negeri, melainkan Sabah dan Sarawak. Gunakanlah peluang ini sebaik-baiknya untuk memilih Kerajaan yang kukuh dan yang berkesan bagi menjamin kestabilan dan kesejahteraan negara ini dan rakyatnya.

Perikatan dan sekarang Barisan Nasional telah mentadbir Malaysia selama 29 tahun terus-menerus. Selama 29 tahun juga pakatan parti-parti semua kaum yang memerintah ini telah memperjuangkan nasib rakyat dalam semua bidang - ekonomi, sosial, politik, keagamaan dan sebagainya. Pencapaian negara ini semenjak merdeka jelas terbukti dalam semua bidang.

Parti tertua dalam Barisan Nasional iaitu UMNO telah berusia 40 tahun, dan telah memulakan perjuangannya dengan menentang 'Malayan Union'. Selepas itu bersama-sama MCA dan MIC, Perikatan diwujudkan dan gabungan ini telah menghasilkan kemerdekaan negara. Enam tahun kemudian, rakyat dan parti-parti politik bergabung bagi mewujudkan Malaysia dan melaluinya merdekalah Sabah dan Sarawak. Malang menjenguk juga dengan berlakunya peristiwa 13 Mei tetapi Kerajaan berjaya memulihkan keadaan, bahkan lebih bertekad lagi untuk menjamin kesejahteraan negara sehingga wujudnya Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan mengimbang dan menyatupadukan rakyat.

Usaha perpaduan diteruskan dengan membentuk Barisan Nasional yang memberi tempat kepada parti-parti lawan dalam Kerajaan. Dengan penyertaan semua pihak dalam Kerajaan, pembangunan negara sejak tahun tujuh puluhan menjadi lebih pesat lagi.

Pembangunan negara dirancang dengan teliti dan teratur dan setakat ini enam rancangan lima tahun telah dilancarkan. Kesan dan hasilnya sungguh menyeluruh - kalau disebut pendidikan, tersergam beratus buah sekolah, berpuluh buah kolej dan enam universiti baru ditubuhkan; kalau kesihatan, bukan sahaja hospital besar bertambah di bandar, bahkan beratus pusat kesihatan, klinik dan klinik desa dibina; kalau pertanian, beribu hektar tanah hutan diterokai, sistem talian air bersilang-seli di sana-sini, kalau kemudahan asas pula, beribu kilometer jalan baru dibina dan yang

lama diperbaiki, bekalan air sudah sampai ke hulu-hulu, dan bekalan elektrik menerangi rumah-rumah desa, estet dan kampung baru; yang miskin telah berkurangan, bahkan bilangan profesional, pengusaha dan cerdik-pandai bertambah; dan kalau industri, bukan sahaja kilang-kilang dan industri kecil bertambah, bahkan bilangan industri besar juga meningkat. Bandar-bandar telah membesar, menjadi lebih bersih dan nyaman. Kampung-kampung baru juga telah diperbaiki dan dilengkapi dengan jalan dan elektrik.

Segarnya Barisan Nasional terbukti sehingga sanggup memperjuangkan satu pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah. Segala keburukan dan kelemahan yang sekian lama tersembunyi telah didedahkan dan pembersihan diusahakan. Semua ini membuktikan hasrat Kerajaan bahawa membela nasib rakyat memang menjadi tradisi Perikatan dan Barisan Nasional.

Justeru itu, 'Tradisi Membela Rakyat' yang dipilih oleh Barisan Nasional sebagai cogan kata untuk pilihan raya umum ini adalah tepat.

Tradisi ini juga memaksa Kerajaan Barisan Nasional mengambil tindakan yang tidak popular dalam jangka pendek tetapi akan membawa kebaikan akhirnya. Keberanian membuat demikian memberi kesan yang berpanjangan dalam pembangunan negara. Jika tidak maka yang akan ditumpukan ialah politik untuk populariti sahaja.

Tekanan kepada faedah jangka panjang inilah yang menghasilkan sistem perakam waktu, manual prosedur kerja, kumpulan meningkatkan mutu kerja, ruang pejabat terbuka, tag nama, pusat bayaran setempat dan membajai nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam. Hasilnya dalam perkhidmatan awam dalam jangka panjang telah terbukti.

Hasil negara datang dari kegiatan ekonomi, kebanyakannya oleh pihak swasta. Tentulah munasabah Kerajaan menolong pihak swasta oleh kerana ianya menolong Kerajaan menambah hasilnya. Demikian Persyarikatan Malaysia. Di samping itu Penswastaan dilaksanakan untuk mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan, meninggikan kecekapan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Islam sebagai agama rasmi negara telah menempa pembangunan pesat. Di samping menanam nilai-nilai murni Islam di kalangan kakitangan awam, Kerajaan sekarang berjaya mendirikan Universiti Islam Antarabangsa, Bank Pembangunan Islam dan Syarikat Takaful. Undang-undang keluarga Islam telah juga diperkenalkan di beberapa buah negeri. Sementara itu pengikut agama lain bebas menganut agama masing-masing. Tidak ada paksaan dalam Islam.

Bagi membangunkan ekonomi, Kerajaan sekarang berpendapat industri seharusnya menjadi tulang belakang pembangunan negara masa depan. Beberapa projek industri berat yang memerlukan modal dan teknologi tinggi serta tenaga pekerja mahir merupakan satu penekanan baru. Walau bagaimanapun, pembangunan kampung dan luar bandar terus mendapat perhatian. Kerajaan menggalakkan pengurusan

moden bagi kebun-kebun kecil dan sawah padi, menggalakkan industri kampung, serta bertekad menyusun semula kampung-kampung secara teratur. Penduduk-penduduk di kampung-kampung baru juga diberi berbagai-bagai kemudahan untuk hidup yang lebih selesa. Begitu juga halnya dengan penduduk di estet-estet dan ladang-ladang serta di kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil.

Setiap bangsa dan negara mempunyai maruah. Begitu juga kita mempunyai maruah pada kacamata antarabangsa. Kita semakin dikenali bukan sahaja kerana berpendirian tegas dalam beberapa isu antarabangsa, tetapi juga kerana sumbangan pendapat dan pengalaman kita bagi mengatasi berbagai masalah, termasuk pencegahan dadah. Ramai orang asing yang dihantar ke negara kita untuk mempelajari berbagai sistem dan cara pentadbiran yang kita pelopori.

Banyak lagi yang harus kita rancang dan laksanakan dan Malaysia memerlukan Kerajaan yang teguh, cekap dan bertanggungjawab. Para pemimpin Barisan Nasional mempunyai kewibawaan dan kesanggupan memimpin negara ke arah kestabilan dan kemajuan. Bagi negara yang membangun dan berbilang kaum dan agama seperti Malaysia ini, Kerajaan yang kuat sahaja yang dapat mentadbir negara ini dengan baik, jujur dan dengan penuh keyakinan. Justeru itu sama-samalah kita memastikan sebuah Kerajaan yang kukuh akan tertubuh melalui pilihanraya ini, insya-Allah.

**UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-37
KUALA LUMPUR
18HB. SEPTEMBER, 1986**

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita sekali lagi berkumpul menghadiri Perhimpunan Agung UMNO yang ke-37 ini. Sebagai Presiden parti, bagi pihak parti dan Majlis Tertinggi, saya mengucapkan selamat datang kepada para perwakilan sekalian ke Perhimpunan Agung kita ini. Saya juga mengalu-alukan wakil-wakil parti-parti komponen Barisan Nasional di Perhimpunan ini. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala supaya diberi hidayat dan petunjukNya kepada kita semua bagi menjayakan Perhimpunan Agung kita ini.

Sepertimana kita maklum pergerakan Pemuda dan Wanita telah melaksanakan tanggungjawab mereka dan meneruskan tradisi demokrasi kita sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Parti dengan mengadakan pemilihan pucuk pimpinan masing-masing. Syukur Alhamdulillah proses ini telah berjalan dengan teratur dan penentuan telahpun dibuat oleh para perwakilan pergerakan tersebut. Saya bagi pihak parti keseluruhannya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang telah memenangi jawatan masing-masing bagi kedua-dua pergerakan.

Pada hari yang bahagia ini kita bersidang sekali lagi untuk mengkaji pencapaian kita, Parti UMNO, mengenal dan membahaskan isu-isu semasa dan membuat garis panduan perjuangan kita pada masa akan datang.

UMNO Dan Pilihanraya 1986

Kali ini kita bersidang selepas pilihanraya dalam mana kita mencapai kejayaan yang terbaik sekali sejak tertubuhnya UMNO dan sejak pilihanraya diadakan dalam negara kita. Jika pada tahun 1955, semasa kita masih dijajah oleh British, UMNO menang 34 daripada 35 kerusi yang kita tandangi, pada kali ini UMNO menang 83 daripada 84 kerusi yang ditandangi. Dari segi peratusan, dalam tahun 1955, kita menang 97% daripada kerusi yang dipertandingkan tetapi dalam tahun 1986 kita menang hampir 99% daripada kerusi yang kita tandangi. Di peringkat negeri juga kita mencapai kejayaan yang cemerlang.

Kita berhak berbangga dengan kejayaan ini. Tetapi kita tidak boleh terlalu sangat berbangga dengan kejayaan diri sendiri, atau bersikap sombong dan angkuh atau

begitu berpuas hati sehingga lalai akan tanggungjawab kita, akan betapa perlunya kita bekerja lebih kuat dan memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyat yang telah memberikan kepercayaan kepada kita.

Kemenangan UMNO sudah tentu akan menambahkan lagi perasaan irihati dan geram di kalangan musuh kita. Mereka telah membuat berbagai ramalan yang sebenarnya berasaskan kepada angan-angan dan khayalan mereka. Kononnya UMNO menghadapi krisis kepimpinan, UMNO telah diserang oleh gejala berpuak-puak atau factionalisme, UMNO telah terbawa-bawa dengan sentimen kedaerahan atau menjadi "parochial". Ada yang berpendapat bahawa UMNO sudah menjadi begitu busuk di dalam sehingga tidak dapat dibersihkan lagi.

Mereka juga telah menyebarkan berbagai berita angin untuk menghilangkan kepercayaan rakyat dan ahli-ahli UMNO kepada kepimpinan parti. Kononnya pemimpin-pemimpin tertentu terlibat dengan rasuah, termasuk melesapkan duit BMF. Kononnya Perdana Menteri Malaysia adalah seorang Perdana Menteri yang terkaya sekali dalam dunia dan kononnya perkara ini telah dilaporkan dalam majalah dagangan Fortune. Apabila tidak sesiapa pun boleh mengesahkan telah membaca rencana ini dalam majalah Fortune, berbagai helah telah dibuat kononnya keluaran yang berkenaan disekat daripada dijual di Malaysia, atau sebaliknya bukan Fortune tetapi Business Week atau Forbes Magazine yang menyiarkan berita ini.

Walaupun dibuktikan bahawa semua berita ini tidak benar, fitnah-fitnah ini terus disebarkan juga sehinggalah sekarang .

Sejurus sebelum Pilihanraya, penjualan timah dan kes Makuwasa telah diheboh-hebohkan seolah-olah sekali lagi pemimpin tertentu dalam Kerajaan terlibat dengan penyalahgunaan duit Kerajaan dan bukannya berusaha untuk menyelamatkan ekonomi dan kewangan negara.

Demikianlah propaganda musuh UMNO dan penyokong-penyokong mereka dari luar negeri, termasuk beberapa majalah dan akhbar yang dikuasai oleh Zionist, sehingga mereka sendiri percaya bahawa apa yang diperkatakan oleh mereka itu benar dan UMNO akan kalah teruk dalam pilihanraya apabila pilihanraya diadakan.

Penipuan diri juga berlaku dalam parti lawan. Mereka mendewa-dewakan pemimpin mereka dan puluhan ribu datang dari jauh, untuk mendengar jaguh ciptaan mereka ini di mana juga beliau berucap. Tetapi puluhan ribu ini kebanyakannya bukan orang tempatan dan mereka tidak berhak mengundi di tempat itu. Sebenarnya tidak ramai penduduk tempatan yang menyokong parti ini. Sebahagian orang tempatan yang hadir adalah orang yang tidak "committed" kepada parti lawan atau mungkin juga orang UMNO yang datang untuk melihat.

Kita bersyukur kerana walaupun kadang-kadang kita khuatir akan sokongan rakyat kepada kita, tetapi umumnya kita ketahui pendirian rakyat. Kita akui ada sebilangan bumiputera terpelajar di bandar yang tidak menyokong UMNO.

Mereka ini berpendapat kononnya mereka adalah lebih layak memerintah daripada orang politik tetapi mereka tidak sanggup mengadu nasib dalam proses demokrasi.

Orang-orang yang memang "anti-establishment" mencari alasan tentang sebab-sebab mengapa rakyat tidak akan menyokong parti Kerajaan. Seperti juga dengan parti lawan yang disebutkan tadi, mereka akhirnya percaya dengan propaganda mereka sendiri dan yakin parti Barisan Nasional akan kehilangan banyak kerusi, dan tidak lagi akan berkesan apabila menubuhkan Kerajaan.

Setelah mendapati bahawa ramalan mereka tidak menjadi kenyataan, mereka ini sekarang asyik pula menganalisa keputusan pilihanraya umum baru-baru ini untuk membuktikan bahawa tekaan mereka adalah tepat dan Barisan Nasional tidak menang seperti yang dicerminkan dengan bilangan kerusi yang dimenangi. Mereka sekarang mengubah asas perkiraan mereka. Hasil usaha menipu diri ini ialah dakwaan mereka bahawa sebenarnya 43% rakyat menyokong parti lawan dan hanya 57% sahaja yang menyokong Barisan. Ada yang berkata kemenangan BN di tempat-tempat tertentu adalah begitu kecil seolah-olah kelebihan kecil itu tidak bermakna kemenangan.

Parti lawan pun bersetuju dan menggunakan perkiraan ini. Kata DAP parti lawan mendapat 43% undi. Yang mereka lupai ialah 24 ahli Dewan Rakyat dari Parti itu tidak mendapat 43%. Ramai daripada 43% pengundi ini menyokong parti-parti lawan yang lain dan calon-calon bebas yang tidak secukup dengan DAP. Sebaliknya BN mendapat 57% dan peratusan ini dicapai oleh BN tanpa berkongsi dengan parti-parti lain.

Ada pula yang berkata bahawa tanpa orang-orang Cina, UMNO tidak mungkin menang. Mereka mengeneipkan konsep kerjasama antara kaum dalam Barisan Nasional di mana asasnya ialah tolong-menolong. Parti-parti lain dalam BN menang kerana sokongan orang-orang Melayu. Mereka amat kecewa kerana chauvinisme DAP jelas kelihatan, tetapi UMNO nyata tidak chauvinistik. Sebenarnya jika UMNO hendak, UMNO boleh bertanding di dalam lebih daripada separuh kawasan-kawasan Dewan Rakyat. Tetapi UMNO sanggup bukan sahaja untuk memberi tempat kepada lain-lain parti komponen Barisan Nasional, malah sanggup pula menajayakan mereka.

Kita akui bahawa memang benar hanya 57% daripada rakyat yang mengundi Barisan Nasional sedangkan BN dapat empat per lima daripada kerusi Dewan Rakyat. Apakah ini ganjil dalam demokrasi? Berapa peratuskah daripada rakyat yang mengundi yang menyokong Kerajaan-kerajaan yang sekarang memerintah di negara-negara demokratik di Eropah dan Amerika Utara? Tahukah mereka bahawa di Amerika Syarikat, setiap negeri atau 'state' diberi dua kerusi dalam Senat yang begitu berkuasa di Amerika Syarikat. Misalnya penduduk New Jersey yang hanya 5 juta mendapat dua kerusi, sementara penduduk California yang berjumlah 22 juta mendapat dua kerusi juga. Ini bermakna orang-orang New Jersey mempunyai empat setengah undi bagi setiap satu undi di California.

Di Amerika Syarikat juga negeri atau 'state' yang merupakan desa atau "rural" yang kebanyakan penduduknya terdiri daripada para petani yang bilangannya tidak ramai, tetapi mendapat dua kerusi Senat juga. Jelaslah bahawa di Amerika Syarikat juga terdapat "rural weightage" atau diskriminasi yang memberi keutamaan kepada kawasan luar bandar dan petani. Sebenarnya pembahagian kerusi yang berat ke kawasan luar bandar adalah satu amalan yang universal dalam demokrasi.

Sungguhpun BN mendapat 57% daripada undi dan 4/5 daripada kerusi, ini adalah perkara biasa. Negara yang memberi keutamaan kepada peratusan undi akan menghadapi masalah jika lebih daripada dua parti bertanding. Malaysia akan mengekalkan sistem yang memberi "weightage" kepada kawasan luar bandar kerana sistem ini adalah yang terbaik bagi kestabilan politik dan pembangunan yang seimbang.

Hubungan Kaum

Malaysia adalah negara majmuk. Di negara majmuk apakah kedudukan minoriti yang bukan bumiputera? Di negara-negara yang baru merdeka biasanya jika bumiputera menjadi majoriti, mereka menindas minoriti daripada kaum bukan bumiputera. Ada yang terpaksa menggugurkan nama asal mereka, ada yang tidak boleh belajar bahasa asal mereka, ada yang tidak dibenarkan berniaga di kawasan-kawasan tertentu. Ada juga yang tidak dibenarkan mengamal barang-sedikit pun kebudayaan mereka.

Apakah ini tidak berlaku di negara maju seperti di Amerika dan Eropah? Di Britain, warganegara bukan kulit putih menjadi rakyat kelas dua. Sementara yang kulit putih boleh berkahwin dengan orang asing dan membawa balik isteri, warganegara bukan kulit putih tidak dibenarkan membawa isteri dari luar negeri, bahkan terpaksa mendapatkan visa bila ke luar negeri. Warganegara Komanwel berkulit putih boleh keluar masuk dengan bebas. Hasil Kerajaan tidak boleh digunakan untuk sekolah yang menggunakan bahasa yang bukan Inggeris. Sekolah yang diakui dan dibiayai oleh Kerajaan adalah sekolah Inggeris sahaja.

Dalam bidang politik walaupun lebih daripada 10% penduduk Britain terdiri daripada orang-orang yang berasal dari India, Pakistan, Bangladesh, Caribbean dan Afrika, mereka tidak mempunyai wakil rakyat dalam Parlimen. Kalau adapun seorang menjadi ahli Majlis Bandaran, ini diheboh-hebohkan.

Warganegara British yang bukan Inggeris ini kerap kali dipukul, kadang-kadang sampai mati. Mereka adakan 'Paki-bashing' iaitu memukul rakyat British keturunan Pakistan.

Sebenarnya Britain akan menjadi bankrap hari ini jika tidak kerana usaha dan kerajinan warganegara British berketurunan Asia, Afrika dan Caribbean. Tetapi mereka ini tidak ada suara dan menjadi warganegara kelas dua.

Demikian juga di Amerika Syarikat di mana terdapat lebih daripada 20% warga-negara yang terdiri daripada orang-orang kulit hitam dan Hispanics. Tidak mungkin orang-orang ini dapat memegang pangkat tertinggi dalam Amerika Syarikat. Sebabnya ialah diskriminasi ras. Di negara yang bukan demokratik amalan diskriminasi kaum memanglah berlaku.

Sebaliknya di Malaysia kaum minoriti keturunan orang-orang yang datang ke negara ini di zaman British dahulu diberi layanan yang lebih baik daripada layanan di lain-lain negara di dunia ini – sama ada yang baru merdeka atau yang sudah maju.

Ada bukti yang menunjukkan bahawa di beberapa buah negara apabila orang mendatang pula sudah menjadi majoriti, maka mereka tidak akan memberi peluang atau apa-apa layanan kepada orang tempatan yang sudah menjadi minoriti. Di negara ini pun sudah ternampak trend seperti ini berlaku di mana mereka menjadi majoriti, umpamanya di bandar-bandar tertentu. Mereka menolak persahabatan orang-orang tempatan dan dengan lantang mengecam mereka seolah-olah orang tempatan tidak berhak sama sekali.

Lim Kit Siang dari DAP baru-baru ini menyeru supaya langkah-langkah diambil untuk mencegah polarisasi kaum. Aneh sekali seruan ini datang daripadanya, sedangkan DAPlah yang menentang segala usaha perpaduan. DAP adalah parti anti-Melayu yang tebal yang menggunakan isu-isu yang boleh membangkitkan kebencian orang-orang Cina terhadap orang-orang Melayu sebagai asas popularitinya. Selepas membakar hati orang-orang Cina terhadap orang-orang Melayu dan menolak konsep kerjasama antara kaum anjuran Barisan Nasional, Kit Siang kononnya mahu polarisasi kaum dikurangkan.

Apakah perwakilan DAP dalam Dewan Rakyat mencerminkan kedudukan kaum-kaum di Malaysia? Siapakah wakil Melayu di Parlimen dari DAP? DAP memperingati kita bahawa 43% dari rakyat menyokong parti-parti lawan. Dengan tidak seorang pun dari wakil rakyat DAP di Dewan Rakyat terdiri daripada orang Melayu, apakah bagi DAP tidak ada orang Melayu di Malaysia ini?

Jika DAP hendak bercakap berkenaan dengan perkauman, lebih baik DAP tumpukan kepada parti PAS yang tebal perkauman Melayunya. UMNO sanggup bekerjasama dengan orang-orang bukan Melayu sehingga dalam kawasan di mana orang Melayu merupakan majoriti pun, kita sanggup menyokong calon bukan Melayu daripada parti komponen Barisan Nasional sehingga menang. Kalau hari ini setelah pilihanraya diadakan terdapat orang-orang Melayu, Iban, Kadazan, dan lain-lain kaum bumiputera di samping orang-orang Cina dan India di sebelah Kerajaan dan dalam Kabinet, sebabnya ialah kerana ada Barisan Nasional dan kerana Barisan Nasional disertai oleh UMNO.

Di negara-negara lain "racialists", "racists" dan "chauvinists" dikecam hebat oleh akhbar-akhbar luar negeri. Di Malaysia, akhbar-akhbar yang sama menyokong parti "racialist" dan "racist" seperti DAP dan PAS. Kita hairan kenapa? Apa hubungan DAP

dan PAS dengan akhbar-akhbar asing ini? Ataupun mungkin DAP dengan PAS dianggap sebagai alat untuk menghancurkan negara, satu-satunya negara yang orang Islam berkuasa dan demokratik serta stabil.

Walaupun UMNO kecewa dengan aliran chauvinistik di kalangan ramai orang-orang Cina di kawasan-kawasan bandar dalam pilihanraya baru-baru ini, UMNO tidak akan membalas dengan menjadi "racialist" Melayu. UMNO percaya dan menyokong kerjasama antara kaum di Malaysia. Sebab itu walaupun parti-parti Cina dalam Barisan Nasional tidak memenangi kerusi yang sepatutnya, bilangan Menteri dan Ketua Menteri yang bukan Melayu tidak dikurangkan. Dengan UMNO memenangi 83 daripada 84 kerusi, UMNO sepatutnya mendapat tambahan jawatan menteri kabinet. Hakikat ini tidak akan disebut oleh orang-orang lain di luar UMNO kerana mereka takut jikalau mereka berbuat demikian, ini bererti mereka mengiktiraf kejujuran dan kemurahan hati UMNO. Tetapi ini tidak mengapa kepada UMNO. Kita bukan membuat sesuatu untuk dipuji atau untuk orang lain terhutang budi kepada kita. Kita membuat sesuatu kerana perbuatan itu baik dan adil.

Kita teruskan dasar berbilang kaum dan kerjasama antara kaum ini tanpa mengambil kira segala kata-kata kesat yang dilemparkan terhadap kita. Pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh UMNO akan terus menegakkan keadilan antara kaum. Dasar mengimbangkan pembangunan kaum-kaum di Malaysia akan diteruskan.

Dasar Ekonomi Baru

Dasar Ekonomi Baru memberi kepada bumiputera hanya 30% kekayaan negara ini, sedangkan lebih daripada 50% daripada penduduk negara ini terdiri daripada bumiputera. Nisbah ini menggambarkan bahawa pembahagian ini akan membuat bumiputera terus lebih miskin daripada bukan bumiputera walaupun DEB tercapai. Kita tidak akan menuntut lebih walaupun kita berhak. Kerajaan Barisan Nasional akan meneruskan Dasar ini sehingga ia tercapai, kerana Dasar ini sudahpun mencerminkan kesanggupan kita bertolak-ansur dan mengutamakan bukan bumiputera.

Jangan sesiapa fikir oleh kerana kita senyap apabila hak kita dicabar, maka ini bermakna bahawa kita berasa tersalah atau kita lemah. Orang-orang Melayu tidak berjuang untuk mencapai kemerdekaan bersama supaya orang-orang Melayu menjadi golongan yang miskin dalam negara sendiri.

Kita tidak berniat untuk merampas hak sesiapa. Tetapi jangan sesiapa cuba merampas hak kita. Kita lihat di negara-negara lain, kaum yang memiliki kuasa politik dan kuasa ekonomi tidak pernah memberi layanan kepada kaum yang ketinggalan dan tidak mampu. Di Malaysia bumiputera memiliki kuasa politik sahaja. Kita tidak ada kuasa ekonomi tetapi kita masih juga melayan kepentingan orang-orang lain.

Janganlah menunjuk kepada Kerajaan sahaja apabila memperhitungkan ketidakseimbangan. Tunjuk juga kepada swasta di mana peluang-peluang berkerja bagi bumiputera terhad kepada jawatan rendah atau jawatan yang tidak mempunyai tanggungjawab tetapi baik untuk imej.

Kerajaan yang kita sertai dan pimpin bersedia untuk memperbaiki kedudukan kaum dalam Kerajaan. Soalnya apakah pihak swasta bersedia untuk berbuat demikian?

Kalau pihak swasta berkata bahawa bumiputera tidak mempunyai kebolehan atau kecekapan, jangan kecam Kerajaan apabila Kerajaan memberi keutamaan kepada bumiputera untuk belajar dan berlatih.

UMNO sedar bahawa Malaysia sudah menjadi negara berbilang kaum. Kita terima akan pentingnya kerjasama antara kaum. Jika tidak, UMNO tidak akan menyertai Barisan Nasional.

Jika Malaysia ingin maju, semua kaum mesti mendapat tempat. Dan UMNO akan berusaha dengan rakan-rakan dalam Barisan Nasional untuk menentukan semua mendapat tempat yang sepatutnya. Walaupun orang-orang Cina di bandar-bandar telah membuktikan chauvinisme mereka dan menolak tangan persahabatan kita dalam pilihanraya baru-baru ini, UMNO tidak akan mengubah sikapnya. Kita sanggup bekerjasama dengan semua kaum untuk menegakkan Malaysia yang lebih maju. Kita menolak racialisme yang sempit sama ada daripada orang-orang Melayu atau daripada orang-orang Cina atau daripada orang-orang India.

Kita sedar tentang percubaan yang dibuat oleh satu gabungan badan-badan politik, badan-badan perkauman dan lain-lain untuk menghancurkan kestabilan negara kita Malaysia. Apabila kita mengadakan kempen melawan rasuah, mereka memfitnah dan membuat tohmah bahawa Kerajaan sendiri terlibat dengan rasuah. Mereka membesar-besarkan penyelewengan dalam BMF bukan dengan niat untuk memulihkan keadaan atau mendapat balik wang yang hilang tetapi untuk memburukkan nama Kerajaan, untuk mendapat "political mileage".

Jika Kerajaan hendak menjadi popular Kerajaan boleh dengan mudah menjadikan BMF sebagai isu politik. Kita boleh melupakan sahaja ribuan juta yang hilang dan sebaliknya mengadakan tangkapan dan perbicaraan walaupun kita tidak berkuasa ke atas jenayah yang berlaku di luar negara kita. Dengan ini Kerajaan akan nampak tegas.

Tetapi Kerajaan tidak semata-mata melihat daripada sudut keuntungan politik. Kita berasa bertanggungjawab terhadap wang yang begitu banyak yang telah hilang. Justeru itu, kita utamakan usaha untuk mendapat balik wang ini. Jika tindakan terhadap penjenayah tidak diambil, ini adalah kerana undang-undang negara ini tidak boleh dikuatkuasakan di Hong Kong di mana jenayah itu berlaku.

Sebenarnya pihak Kerajaan Hong Kong pun tidak dapat mengambil tindakan serta merta kerana proses mendapat bukti tetap memakan masa. Adalah dianggarkan

bahawa proses undang-undang akan mengambil masa sekurang-kurangnya lima tahun sebelum hukuman dijatuhkan. Dan apabila hukuman dijatuhkan wang yang hilang tidak akan didapati balik.

Sekarang ini kes timah pula dibangkitkan. Kerajaan mengaku kita telah cuba menyelamatkan perniagaan timah dengan memasuki pasaran dan membeli timah. Memang benar Kerajaan tidak boleh memasuki pasaran timah tetapi penipuan yang besar dibuat dalam "London Metal Exchange" (LME) pada ketika itu yang merugikan kita.

Pada ketika itu sekumpulan ahli LME telah sengaja menekan turun harga timah dengan menjual "forward", iaitu untuk dibekal pada masa hadapan, dengan harga yang lebih murah daripada harga pasaran ketika itu. Mereka ini tidak memiliki walau satu paun pun timah. Harapan mereka ialah tindakan mereka akan mengurangkan pembelian semasa yang akan menurunkan harga timah. Apabila harga timah turun, mereka akan membeli timah untuk membekal pelanggan mereka apabila genap tempoh yang dijanjikan.

Untuk menstabilkan harga, Kerajaan, melalui broker yang berdaftar dengan LME (tidak ada orang Malaysia yang boleh menjual-beli timah dalam LME), telah membeli timah yang dijual "forward" oleh ahli-ahli LME untuk mempertahankan harga tinggi dalam pasaran.

Melalui cara ini, apabila genap masanya untuk timah dibekalkan kepada pembeli, pilihan yang boleh dibuat oleh ahli-ahli LME yang berjudi dengan pasaran timah, ialah membeli timah dengan harga mahal dari kita untuk membekal kepada pembeli "forward" mereka atau mereka terpaksa mungkir janji dan menerima tindakan kerana "breach of contract".

Tetapi LME telah menipu dengan menukar aturan-peraturan jual-beli apabila sampai masanya bagi ahli-ahli mereka menunai janji. Mereka berkata bahawa janji itu tidak perlu ditunaikan. Dengan itu terselamatlah ahli-ahli mereka dan harga timah pun turun dengan mendadak.

Kerana tindak-tanduk LME, Kerajaan rugi dalam operasi ini yang diluluskan oleh Kabinet dalam tahun 1980. Tetapi kita bercadang mengganti balik kerugian ini dengan penjualan timah yang ada pada Kerajaan dan perniagaan tertentu yang akan dibuat oleh sebuah syarikat yang dimiliki 100% oleh Kerajaan yang diberi nama Makuwasa. Sebenarnya saham KWSP yang dipindahkan kepada Makuwasa bukanlah hak KWSP. Saham ini ialah saham yang dikhususkan untuk bumiputera yang harganya memang rendah daripada harga pasaran. KWSP tidak pernah diberi saham untuk bumiputera kerana ia bukan badan bumiputera yang diiktiraf. Walau bagaimanapun agihan kepada KWSP ini dibuat semata-mata untuk dipindahkan kepada Makuwasa yang mana keuntungannya akan didapati oleh Kerajaan.

Adakah sesiapa dari Kerajaan mendapat untung daripada operasi ini? Tentulah jelas bahawa tidak sesiapa pun yang mendapat apa-apa untuk diri sendiri. Apa yang

dibuat oleh Kerajaan adalah bertujuan menyelamatkan perniagaan timah. Ramai daripada pelombong-pelombong yang sepatutnya sudah bankrap lebih awal lagi telah terselamat kerana operasi Kerajaan ini. Dan Kerajaan pula dapat mengutip hasil yang lebih tinggi kerana, buat beberapa waktu, harga timah kekal di paras yang tinggi. Jika tidak kerana penipuan yang dibuat di London yang mana aturan-peraturan dipinda untuk melindungi ahli-ahli LME, Kerajaan tidak akan rugi dan soal penglibatan Kerajaan dalam mempertahankan harga bijih timah tidak akan dibangkitkan sama sekali.

Saya sedar pihak DAP ingin menjadikan perkara ini sebagai satu lagi skandal. Jika DAP mempunyai bukti bahawa terdapat pemimpin atau pegawai Kerajaan terlibat dengan rasuah, silalah buat aduan. Jika tuduhan tidak berasas, sila sanggup pula menerima tindak balas.

Tak usah sebut tentang Suruhanjaya Siasatan. Kita tahu apabila sahaja Suruhanjaya ditubuhkan, satu kempen akan diadakan untuk menentukan Suruhanjaya itu menari mengikut gendang dan irama pihak tertentu.

Ahli Suruhanjaya akan begitu ghairah dengan publisiti dan keinginan menjadi hero sehingga tidak dapat bersikap berkecuali dan objektif lagi. Berbagai hadiah akan diberikan kepada ahli Suruhanjaya semasa menjalankan tugas supaya tindakannya berat sebelah kepada pihak tertentu.

Jika kita tidak suka kepada orang tengah yang mirip kepada Kerajaan, kita juga sepatutnya tidak suka kepada orang tengah yang mirip kepada pihak anti-Kerajaan. Di sini letaknya keadilan.

Sementara BMF dan Makuwasa dijadikan isu dan skandal, perbuatan beberapa orang banker dari Malaysia, yang bukan dari Bank Bumiputra, yang menyalahgunakan wang dua buah bank di Hong Kong tidak pula diberi perhatian. Kerana mereka ini, nama orang Malaysia menjadi begitu busuk di kalangan masyarakat "banker" dan "financier" di luar negeri. Demikian juga dalam peristiwa Carrian. Hampir seratus buah bank lain kehilangan wang, termasuklah sebuah bank yang terbesar yang mempunyai cawangannya di Malaysia. Semua pihak membisu seribu bahasa, berkenaan bank-bank ini baik di Hong Kong ataupun di Malaysia. Mengapakah Bank Bumiputra diheboh-hebohkan? Kerana skandal atau kerana bumiputera? Kerana tidak suka melihat bumiputera berjaya? Kerana seronok melihat kegagalan bumiputera?

Bank Bumiputra kerugian dua ribu juta ringgit. Tetapi skandal Pan-Electric menyebabkan kerugian enam belas ribu juta ringgit, bukan duit Kerajaan, bukan semua duit tauke, tetapi duit pelabur kecilan di Malaysia, hampir kesemua mereka terdiri daripada orang-orang Cina Malaysia. Soal siapakah yang bersalah tidak perlu kita bincangkan. Tetapi kerana Pan-El, buat kali pertamanya dalam sejarah pasaran saham Malaysia, pasaran saham terpaksa ditutup. Kerana Pan-El semua saham jatuh harga. Kerana Pan-El ramai peniaga dan syarikat bankrap. Kerana Pan-El hutang bank tidak dapat dibayar oleh ramai pelanggan bank dan bank-bank rugi. Kerana Pan-El harga

bangunan, harta dan saham jatuh sehingga rendah daripada nilai cagaran di bank. Kerana Pan-El ekonomi negara terjejas.

Tetapi reaksi terhadap kes Pan-El tidak seperti dengan kes BMF. Mengapa tidak begitu dihebohkan oleh pencipta skandal daripada parti-parti lawan? Mungkinkah kerana tidak dilakukan oleh bumiputera? Pada pandangan saya, bukan kehilangan duit yang penting kepada mereka. Yang menggerak dan mendorong kritikan mereka ialah perasaan "chauvinisme", perasaan perkauman yang tebal.

Demikian juga dengan Pasaran Komoditi di mana harga minyak kelapa sawit telah mengalami manipulasi sehingga musnah pasaran itu. Dan sekarang Koperasi pula. Ratusan juta daripada duit rakyat dilesapkan oleh orang-orang tertentu yang menguasai koperasi ini.

Akibat daripada semua ini, ekonomi negara merosot dan kepercayaan orang asing kepada negara ini tergugat. Perniagaan-perniagaan kecil dan besar sudah tidak ada pelanggan lagi. Modal untuk pelaburan baru sudah tidak ada. Bangunan-bangunan yang didirikan tidak mendapat penyewa.

Siapakah yang menyebabkan semua ini berlaku? Orang kampungkah? Dasar Ekonomi Barukah? Atau orang-orang di bandar-bandar – orang-orang yang begitu senang mengecam Kerajaan, orang yang selalu menyalahkan Kerajaan, orang yang begitu marah sehingga ingin melihat BN kalah.

Pentingnya Kestabilan

Malaysia perlukan kestabilan dan keamanan supaya rakyat hidup bahagia, supaya rakyat dapat bergerak dan mencari nafkah, selamat daripada sebarang ancaman, supaya ekonomi tumbuh dengan baik untuk memberi keuntungan kepada peniaga dan pengusaha, serta peluang-peluang pekerjaan kepada ratusan ribu yang keluar dari sekolah-sekolah dan institusi-institusi pelajaran tinggi setiap tahun dan supaya Kerajaan memperolehi hasil dan cukai yang cukup untuk membayar gaji, mentadbir dan membangunkan negara.

Malaysia perlukan kestabilan dan keamanan supaya pelabur dan peniaga asing dapat melabur dengan selamat dan mendapat keuntungan yang sewajarnya, di samping menolong mengembangkan ekonomi negara dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi penduduk negara kita. Pelabur-pelabur asing amat sensitif dan mereka mempunyai pilihan yang luas kerana banyak negara-negara lain juga mempelawa mereka.

Pelabur-pelabur asing tidak memegang semata-mata kepada janji Kerajaan atau kelonggaran syarat-syarat melabur, tetapi mengambilkira semua aspek iklim pelaburan. Mereka menghantar pakar-pakar perisik komersial untuk memerhati, menyoal-selidik dan menganalisa sebarang kejadian, laporan akhbar, cakap-cakap di kedai-kedai kopi dan di kelab-kelab dan berita-berita angin.

Dengan perasaan bertanggungjawab terhadap kebahagiaan rakyat dan negara, Kerajaan cuba sedaya-upaya mengelak dari membuat apa-apa atau mengeluarkan kata-kata yang boleh disalahertikan atau boleh memberi gambaran bahawa terdapat unsur-unsur ketidakstabilan atau ketegangan di negara kita. Saya sendiri tidak membuat apa-apa komen atau menyatakan pendapat saya, jika komen itu mungkin disalahartikan dan memberi gambaran ketidak-stabilan atau ketegangan dalam negara kita.

Rupa-rupanya penghargaan yang tinggi yang diberi oleh Kerajaan, dan kita UMNO umumnya, terhadap stabiliti negara ini, telah dilihat oleh pihak-pihak tertentu sebagai peluang untuk mereka menggugat kedudukan Kerajaan, orang-orang Melayu dan bumiputera, peluang untuk mereka menuntut itu dan ini .

Sepanjang masa parti-parti perkauman bukan Melayu telah sengaja membuat kenyataan-kenyataan dan ugutan-ugutan yang menghalang usaha Kerajaan untuk menyelamatkan rakyat. Sementara kita berdiam, mereka sengaja menjolok isu-isu perkauman .

Mereka mengecam DEB dan pelaksanaannya. Mereka memberi gambaran yang tidak tepat berkenaan dengan hasil DEB. Mereka sengaja membisik bahawa keadaan perhubungan kaum di Malaysia tidak baik sehingga mungkin meletup bila-bila sahaja.

Mereka cuba menggambarkan kedudukan Kerajaan sebagai tidak kukuh, sebagai Kerajaan yang tidak mendapat sokongan daripada rakyat lagi, sebagai Kerajaan yang korap dan akan tumbang pada bila-bila masa sahaja. Dengan dibantu oleh akhbar-akhbar asing yang dimiliki oleh Zionist, mereka sedikit sebanyak berjaya menghilangkan kepercayaan para pelabur asing terhadap kestabilan negara kita. Kerana ingin menghapuskan dakwaan bahawa Kerajaan tidak mendapat sokongan rakyat dan dasar-dasarnya tidak diterima oleh rakyat, Kerajaan dan Barisan Nasional telah mengadakan pilihanraya. Keputusan pilihanraya menunjukkan bahawa sebenarnya sokongan kepada Kerajaan tidak merosot walaupun bertukar corak sedikit. Tetapi usaha untuk mengurangkan kepercayaan kepada Malaysia diteruskan juga supaya ekonomi terus terjejas.

Jangan Salahkan DEB

Sejurus selepas pilihanraya, beberapa pihak telah membuat analisis kononnya beberapa aspek keputusan pilihanraya disebabkan oleh pelaksanaan DEB. Kononnya DEB baik, tetapi pelaksanaannya tidak betul. Kononnya DEB hanya berjaya mewujudkan beberapa jutawan Melayu.

Apakah dakwaan ini benar? Apakah DEB semata-mata bermakna pembahagian saham atau peluang berniaga? Apakah pelaksanaannya tidak betul? Apakah yang sebenarnya berlaku?

Pertamanya DEB bukan semata-mata pembahagian saham atau kontrak. DEB meliputi segala kegiatan ekonomi dan sosial. Sebelum DEB, anak Melayu dan bumiputera yang berpelajaran tinggi amat berkurangan. Semenjak DEB ramai daripada

anak orang kampung, anak pekerja mahir dan tidak mahir, anak orang miskin sudah mendapat pelajaran dan sekarang menjadi orang-orang profesional. Malang sedikit, kadang-kadang mereka ini sendiri tidak sedar bahawa mereka adalah hasil program-program DEB. Lalu mereka menyalahkan tuduhan bahawa DEB cuma menambah jurang perbezaan antara bumiputera dengan bumiputera. Maka lebih gembiralah pengkritik DEB daripada parti-parti pembangkang.

Jika tidak ada DEB dapatkah kita melihat begitu ramai bumiputera dan Melayu menuntut di universiti-universiti di dalam dan di luar negeri? Jika mereka semua anak orang-orang kaya, maka bermaknalah DEB sudah berjaya mewujudkan ramai orang kaya bumiputera, bukan sahaja segelintir jutawan Melayu. Tetapi kita tahu ramai daripada mereka adalah anak-anak orang miskin, dan ini bermakna bahawa DEB memberi manfaat kepada bumiputera yang miskin.

Soal jutawan bumiputera! Berapa ramaikah mereka? Kita nampak mereka kerana mereka adalah orang kaya baru yang memang suka menunjuk-nunjukkan kekayaan mereka. Mereka menggunakan Rolls-Royce, kot Pierre Cardin, berumah besar dan ke sana-sini dengan "designer brief-case", berjalan "first class". Cuba tanya pula, berapa ramaikah jutawan bukan bumiputera? Kita tidak tahu, sehinggalah seseorang yang memakai singlet sahaja dicolik dan mampu membayar berjuta-juta ringgit sebagai tebusan. Ketika itu barulah kita tahu yang ianya seorang jutawan. Dan kita tahu ramai yang terkenal sebagai jutawan, sama ada baru atau lama. Bagi setiap orang jutawan bumiputera, kemungkinannya ialah terdapat sekurang-sekurangnya sepuluh orang jutawan bukan bumiputera. Jadi, apakah yang dihebohkan bahawa DEB kononnya hanya mewujudkan jutawan bumiputera?

Salahkah kalau bumiputera menjadi jutawan? Kita bukan sosialis. Kita amalkan sistem "free enterprise", sistem bebas. Siapa yang mempunyai kepintaran dan inisiatif boleh menjadi kaya. Tidak bolehkah seorang bumiputera menjadi kaya di antara sepuluh, mungkin seratus orang kaya yang bukan bumiputera? Apakah kita hendak melihat bumiputera cuma miskin atau "middle-class" atau golongan pertengahan sahaja? Selagi kita bukan sosialis atau komunis, selama itulah akan terdapat orang-orang yang kaya dalam masyarakat kita. Apakah mereka semua mesti terdiri daripada orang-orang bukan bumiputera?

Benar, kebanyakan bumiputera yang mendapat sedikit kekayaan adalah kerana mendapat kontrak atau bantuan Kerajaan. Kenapa? Sebab kontraktor bumiputera tidak boleh bermimpi akan mendapat kontrak daripada pengusaha atau peniaga kaya yang bukan bumiputera. Sementara kontraktor bukan bumiputera boleh mendapat kontrak daripada bumiputera, kontraktor bumiputera tidak pernah diberi kontrak oleh bukan bumiputera. Kononnya tidak cekap, tidak layak. Bila nak cekap? Bila nak layak jika tidak diberi peluang kerja?

Apakah kontraktor bukan bumiputera tidak dapat kontrak langsung daripada Kerajaan, tidak dapat menjadi jutawan kerana tidak dapat membekal dan membina itu

dan ini untuk Kerajaan? Apakah DEB memberi keuntungan kepada bumiputera sahaja?

Sila semak hutang dari bank. Sila semak bilangan ahli-ahli profesional bumiputera. Sila bandingkan bilangan peguam bumiputera, dan bandingkan dengan nisbah kaum di negara ini. Kalau kerana, kononnya, tumpuan kepada satu kaum, penganut satu agama sahaja, terdapat keadaan yang begitu tidak seimbang antara kaum dalam semua bidang selain daripada politik, apakah nisbah yang akan terdapat di dalam negara ini jika pelaksanaan DEB dibuat mengikut kemahuan para pengkritik yang begitu lantang mengancam DEB, mengancam pelaksanaan DEB?

Cukuplah UMNO diarah supaya jangan bangkitkan isu-isu yang boleh menjejaskan kestabilan negara. Saya sendiri membisu supaya iklim pelaburan tidak tergugat. Kita cuba melayan bermacam-macam tuntutan. Kita pinda syarat-syarat "Industrial Coordination Act" (ICA). Kita benarkan tarian singa. Kita berdialog dengan peniaga-peniaga tertentu dan bersabar apabila mereka mengancam Kerajaan. Kita berdiam apabila kata-kata kesat digunakan dalam akhbar, apabila beberapa chauvinis bercakap seolah-olah orang Melayu tidak berhak di negara ini, seolah-olah ini bukan asalnya negeri Melayu, sebaliknya adalah sebahagian daripada negara asing.

Kita berdiam apabila mereka berkata mereka tidak suka kepada perkataan bumiputera, tidak mahu dengar DEB disebut, tidak mahu apa-apa rancangan bagi menentukan nasib orang bumiputera dan Melayu selepas DEB.

Mereka tahu bahawa matlamat DEB tidak akan tercapai apabila genap masa yang ditentukan untuk Dasar ini. Mereka tahu bahawa sebenarnya pencapaian mereka telah melebihi 40%, walaupun sebelum tamat DEB. Mengikut "projection" yang dibuat, pada tahun 1990 sebahagian daripada kuota bumiputera dan kuota orang-orang luar akan terdapat kepada orang-orang bukan bumiputera. Tetapi awal-awal lagi mereka mengugut bahawa ketegangan akan berlaku jika ada usaha untuk mencapai matlamat DEB setelah genap tempohnya pada tahun 1990.

Rancangan DEB diasaskan kepada pertumbuhan ekonomi sebanyak 7% hingga 8%. Sekarang tidak ada pertumbuhan dan dengan itu "target" bagi bumiputera tidak mungkin dicapai. Tetapi yang ditonjolkan ialah tarikh dan bukan imbalan ekonomi antara kaum sebagai objektif DEB. Sedangkan kita tahu sebabnya DEB dibentuk ialah kerana terdapat perbezaan yang ketara dalam pembahagian kekayaan antara kaum di negara ini. Pada masa DEB dibentuk, pertumbuhan ekonomi amat baik, dan mengikut perhitungan tahun 1970, kita memerlukan dua puluh tahun sahaja untuk mencapai objektif 30% bagi bumiputera yang berjumlah 52% daripada penduduk negara ini. Kita menerima nisbah ini kerana kita tidak tamak. Perancangan pada tahun 1970 tidak sama sekali menyangka bahawa ekonomi akan merosot dan matlamat DEB tidak akan tercapai dalam masa 20 tahun. Jelas sekali DEB bukan menekankan jangkamasa tetapi imbalan pembahagian kekayaan.

Kita tidak mahu menekan atau membahaskan perkara ini dahulu kerana kita tidak mahu memberi gambaran bahawa kaum-kaum di Malaysia tidak sepakat. Kita

percaya bahawa jika ada masalah antara kita, maka eloklah jika kita bincangkan dalam keluarga terutama bagi anggota Barisan Nasional. Kita tidak suka terseret dalam perbahasan terbuka kerana ini tetap akan mencetuskan ketegangan dan menakutkan para pelabur, sama ada dari dalam atau luar negeri. Kita tidak mahu pertumbuhan ekonomi negara terjejas kerana pertengkaran antara kita, antara kaum-kaum di Malaysia. Di mana-mana juga kita pergi, kita sebutkan tentang kestabilan dan keamanan di Malaysia sebagai satu asset untuk menarik para pelancong dan para pelabur.

Kita sedar ada masalah kadang-kadang dalam pelaksanaan DEB. Mungkin ada pegawai yang "over-zealous". Tetapi ini semua boleh dirunding tanpa diheboh-hebohkan dan ia boleh dibetulkan.

Malang sekali sikap kita ini ditafsir sebagai pendirian orang yang salah, orang yang lemah. Justeru itu ugutan secara terbuka dibuat. Mereka sengaja mengancam harmoni dan kestabilan negara untuk memaksa supaya DEB tidak dilaksanakan, tidak dicuba supaya tercapai matlamatnya. Mereka sengaja membuat interpretasi yang tidak betul kepada orang luar dan pelabur asing untuk menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Kita mahu harmoni. Kita mahu kestabilan. Kita mahu pertumbuhan ekonomi. Kita sedar pertumbuhan ekonomi penting untuk kesejahteraan kita dan juga untuk negara.

Tetapi, "Not At Any Cost". Kita tidak akan menggadai maruah kita. Kita tidak akan memperdagangkan kehormatan kita sehingga anak cucu kita tidak dapat memanggung kepala. Kita tidak akan menyondol-nyondol hanya kerana terpicat dengan kekayaan kebendaan.

Sudah banyak pengorbanan yang telah kita buat. Kita terima bahawa kita sudah menjadi salah satu kaum dalam negara yang berbilang kaum. Nampaknya bangsa Melayu sudah hilang. Yang tinggal hanya kaum Melayu bangsa Malaysia. Kita akui kaum-kaum lain mempunyai hak untuk mengekalkan identiti mereka. Kita tidak protes melihat semakin banyak kekayaan negara diperolehi oleh orang lain. Kita tidak protes apabila dalam bidang swasta diskriminasi dikenakan kepada kita.

Sebaliknya kita sanggup membendung keMelayuan kita dalam politik. Untuk bersahabat dengan kaum-kaum lain di negara ini, kita berlawan habis-habisan dengan ekstrimis di kalangan kaum kita sendiri. Di kawasan-kawasan di mana kita mempunyai majoriti yang "absolute", kita sanggup bertanding sesama kita sehingga kalah-menang kita bergantung kepada pengundi kaum lain. Kita terima calon-calon bukan daripada kaum kita di kawasan-kawasan di mana kita ramai dan kita tentukan mereka mendapat kemenangan.

Semua ini kita buat kerana kita percaya kepada kerjasama antara kaum dan pembahagian kuasa antara kaum. Dan kita masih percaya kepada konsep ini. Kita masih

ingin melihat negara ini stabil dan aman. Kita masih bersedia untuk menghulur tangan persahabatan kepada kaum-kaum lain. Tetapi 'Don't take us for granted'. Kesabaran kita bukan tidak terhad.

UMNO - Teras Pemerintahan

UMNO masih merupakan tulang belakang Barisan Nasional dan tulang belakang Kerajaan. Justeru itu, UMNO perlu merintis jalan serta menjadi contoh dan teladan dalam semua bidang. Sekarang ini kita menghadapi masalah kemelesetan ekonomi. Kita tidak boleh harap orang lain menolong mengatasi masalah ini. Kita juga tidak boleh bergantung kepada Kerajaan.

Harga getah, harga kelapa sawit, harga minyak mentah, harga lada, harga kayu balak tidak akan naik walaupun Kerajaan membuat undang-undang supaya harga naik. Harga barangan ini ditentukan oleh pasaran dunia dan kita tidak berkuasa ke atas pasaran dunia. Kita juga tidak mampu melawan negara-negara kaya yang memberi subsidi yang banyak untuk menurunkan harga barangan mereka supaya dapat bersaing dengan jayanya dengan barangan kita.

Kita hanya mempunyai satu cara sahaja untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi akibat daripada kejatuhan harga barangan eksport kita. Caranya ialah dengan mengurangkan kos pengeluaran, supaya apa yang dikeluarkan oleh kita lebih murah daripada apa yang dikeluarkan oleh orang lain, dan dengan itu barangan kita lebih laris dijual.

Apakah peranan kita untuk mengurangkan kos pengeluaran? Apakah dengan menurunkan gaji kita? Bagi eksekutif memang inilah menjadi satu daripada cara-caranya. Gaji di sini bukan bermakna gaji sahaja tetapi segala elaun dan kemudahan atau "perks", yang didapati. Bahawa jumlah semua gaji, elaun dan "perks" eksekutif, yang bilangannya tidak ramai, tidak banyak, tidaklah boleh dijadikan alasan mengapa ia tidak boleh dikurangkan. Di masa kecemasan semua pihak mesti memikul beban supaya ianya menjadi ringan. Dan sekarang ini kita menghadapi kecemasan ekonomi.

Saya ingin menyebut bahawa kita telah memotong gaji menteri-menteri lebih daripada 10% semenjak tahun 1982. Tetapi saya tahu bagi yang sinis, mereka akan berkata menteri boleh potong gaji kerana mereka rasuah, terutama Perdana Menteri. Mereka yang berkata demikian dusta. Kalau tidak mahu berkorban sendiri, janganlah memperkecil dan memfitnah tentang pengorbanan orang lain untuk melindungi kebakhilan diri sendiri.

Bagi pekerja yang gaji rendah, pengurangan gaji tidak dapat dibuat. Tetapi peningkatan hasil kerja mesti dibuat. Untuk ini satu rancangan latihan besar-besaran akan diadakan terutamanya bagi yang menganggur. Rancangan latihan ini tidak akan tertumpu kepada kemahiran sahaja tetapi juga kepada sikap dan sifat yang akan menjamin daya-pengeluaran yang tinggi.

Pusat-pusat latihan akan diadakan bagi memupuk nilai-nilai yang baik untuk membantu meningkatkan etika kerja. Kerja-kerja yang berkesan akan ditekankan. Peserta akan terdiri daripada mereka yang rela menghadapi cabaran latihan yang intensif dan hebat. Mereka yang lulus dan menunjuk bukti bahawa sikap mereka terhadap kerja sudah berubah dan boleh meningkatkan tanggungjawab dan hasil, mereka ini akan diutamakan apabila ada peluang kerja, baik dalam Kerajaan atau dalam bidang swasta.

Semua kaum akan berpeluang mendapat latihan ini. Tatanegara juga akan diajar supaya para lulusan kursus ini tidak begitu tebal perkaumannya dan mempunyai sifat-sifat patriotisme terhadap negara. Ini ialah kerana kita percaya bahawa masa hadapan negara ini bergantung kepada pengurangan polarisasi kaum dan pembangunan yang seimbang antara kaum selain daripada kerajinan, disiplin, inisiatif dan lain-lain nilai murni masyarakat yang boleh meningkatkan keupayaan kita bersaing dengan orang lain.

UMNO sebagai parti politik yang ulung akan menyokong usaha ini dengan menggalakkan ahli-ahli UMNO menyertainya. Jika orang lain tidak mahu mempercayai niat baik Kerajaan, tidak mahu menyertai rancangan ini, ahli-ahli UMNO dari golongan muda akan menyertainya. Walau apa sekalipun tuduhan dibuat, rancangan ini akan diteruskan. Pemulihan ekonomi negara ini dan pembangunannya adalah tanggungjawab istimewa UMNO, tanggungjawab kita yang setia kepada parti walau apa pun fitnah yang dilempar kepada kita.

Dasar Luar Negeri

Kita baru sahaja membentuk Kerajaan yang baru dan eloklah jika kita tegaskan semula dasar-dasar kita, termasuk dasar luar negeri. Kerajaan pimpinan UMNO ini akan terus mengutamakan ASEAN sebagai satu pakatan jiran sewilayah walaupun matlamat pasaran bersama belum tercapai.

Kita akan meneruskan kerjasama kita dengan Indonesia, Thailand, Brunei dan Singapura. Jarak perhubungan kita dengan Filipina akan ditentukan selepas mereka selesai menggubal perlembagaan baru negara mereka.

Singapura meminta pertolongan kita berkenaan dengan bekalan air. Sebagai jiran, kita sedia menimbang permohonan ini dengan wajarnya. Sementara kita sedar akan pentingnya air bagi Singapura, kita tidaklah dapat membelakangkan kepentingan kita sendiri.

Keutamaan kita selepas ASEAN ialah Pertubuhan Negara-negara Islam atau OIC. Kita berminat dengan kerjasama dunia Islam walaupun negara-negara Islam tidak lagi kaya seperti dahulu, dan mereka sering berkelahi antara satu sama lain. Di samping itu, terdapat nasionalisme Arab yang begitu ekstrimis sehingga membelakangkan Islam. Ada juga yang Marxist atau sekurang-kurangnya menjadi "client state" kepada komunis atau kepada Amerika Syarikat. Ada pula yang suka memin-

bulkan kekacauan di negara-negara Islam yang lain, bahkan sanggup cuba mempengaruhi politik dalam negara kita. Semua ini kita tahu tetapi kita masih ingin mengadakan kerjasama dengan negara-negara dan orang-orang Islam di mana juga mereka berada.

Keutamaan kita yang ketiga ialah Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali. Kita tidak mungkin mendapat apa-apa pertolongan daripada negara-negara ini tetapi sebagai "third force" mereka mengimbangkan pertandingan antara blok Timur dan Barat. Sebagai sebuah negara kecil, kita tidak mahu menyebelahi mana-mana blok. Sebaliknya, kita memerlukan kawan yang setaraf dengan kita dan bukan kuasa besar yang memandang kita hanya sebagai "client state" iaitu pelanggan mereka sahaja.

Di antara pertubuhan-pertubuhan antarabangsa di dunia ini, kita hanya menyokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan beberapa agensinya. Jika perlu kita bercakap kepada dunia keseluruhannya, kita akan gunakan forum Bangsa-Bangsa Bersatu. Demikianlah dengan masalah dadah. Kita akan menyertai perjumpaan-perjumpaan anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu dalam usaha menentang bahaya dadah kerana dadah bukan masalah kita sahaja tetapi adalah juga masalah dunia.

Satu kajian terperinci akan dibuat berkenaan dengan pertubuhan Komanwel untuk mengetahui faedah daripada keahlian kita dalamnya dan membandingkannya dengan perhubungan antara Britain khususnya dengan beberapa negara bukan Komanwel. Ada perbezaan yang jelas di antara ahli yang kulit putih dengan ahli yang bukan kulit putih dalam Komanwel dan butir-butir berkenaan aspek ini perlu diketahui. Kita juga tahu bahawa sementara penuntut-penuntut dari Eropah dan Amerika Syarikat yang bukan ahli Komanwel mendapat layanan istimewa, penuntut-penuntut kita dikenakan yuran pelajaran yang begitu tinggi sehingga secara tidak langsung kita membantu penuntut Inggeris dan lain-lain.

Dasar Pandang ke Timur akan diteruskan. Kebudayaan dan moraliti bangsa-bangsa di Timur lebih secukup dengan kita. Di samping itu cara-cara mereka membangunkan negara mereka membawa lebih banyak kejayaan, dan kita tidak mahu meniru orang yang gagal. Sekarang ini terdapat ramai pekerja dan eksekutif Barat pergi ke Jepun untuk belajar teknik-teknik pembuatan dan etika kerja. Jelaslah bahawa bangsa-bangsa Barat pun sedang memandang ke Timur dan mengikut jejak langkah kita. Tidak ada satu sebab mengapa kita perlu menolak dasar Pandang Ke Timur ini.

Maruah Bangsa

Manusia sanggup berperang bermati-matian kerana tidak suka dihina. Orang-orang Melayu adalah sama daripada segi memelihara maruah. Jika kita berjuang selama 400 tahun untuk kebebasan negara kita, sebabnya ialah kerana sebagai satu bangsa kita tidak sanggup diperhambakan oleh sesiapa.

Di zaman ini penjajahan secara langsung sudah hampir luput. Sebenarnya kebanyakan daripada saudara-saudari tidak pernah merasai kehinaan sebagai orang

yang dijajah. Justeru itu, penghargaan terhadap kebebasan bangsa yang merdeka tidak sebegitu tebal. Ketidaksedaran ini akan melalaikan kita, terutama apabila penjajahan secara tidak langsung diusahakan .

Melalui ekonomi, melalui kebudayaan, penjajahan "indirect" ini sedang berlaku. Kita amalkan sistem "free enterprise" kerana ianya lebih baik daripada sistem feudal. Kita sedar bahawa ekonomi negara-negara di dunia tidak dapat dipisahkan antara satu dengan yang lain. Tetapi kita tidak begitu bebas kerana harga barangan kita dikuasai oleh orang-orang lain. Hari ini kita merasai kesan penjajahan ekonomi ini apabila harga barangan kita ditekan turun sehingga meleset ekonomi negara kita.

Penjajahan melalui kebudayaan dapat dilihat apabila kita simpan rambut panjang, kita pakai jeans walaupun ke majlis perkahwinan, kita menari macam orang gila tanpa segan silu di konsert rock, lelaki pakai subang, atau sengaja suka pakaian yang kotor dan koyak. Adat resam, sopan santun bangsa kita sudah hampir luput dan kita hampir kehilangan identiti.

Bukan semua peniruan kebudayaan asing membuktikan penjajahan oleh bangsa asing. Ada amalan yang baik yang sepatutnya kita tiru dengan mata terbuka. Tetapi penjajahan kebudayaan berlaku apabila kita terbawa-bawa dengan kebudayaan asing sehingga tidak mempedulikan akan kesan buruk daripadanya.

Kita juga dijajah melalui dadah. Kita tidak mengeluarkan dadah di negara ini. Amalan ini bukan sebahagian daripada kebudayaan kita. Tetapi hari ini majoriti yang mengisap dan menyuntik dadah adalah belia-belia Melayu. Mereka ini tidak boleh mempertahankan maruah bangsa kita.

Dalam bidang media-massa pula, pada mulanya hanya media-massa asing sahaja yang "brainwash" kita. Sedikit demi sedikit nilai-nilai kita berubah. Akhirnya ada wartawan dan akhbar kita sendiri yang telah "dibrainwashkan". Tidak perlu lagi akhbar asing "subvert" nilai hidup dan kebudayaan kita. Kita sendiri sudah mengambil-alih peranan "brainwashing" ini. Kadang-kadang yang memburukan imej negara kita ialah orang-orang Malaysia sendiri. Mereka tidak peduli bahawa mereka sendiri akan menjadi mangsa keburukan itu. Mereka sudah begitu objektif, kononnya. Tetapi sebenarnya mereka telah diperalatkan oleh penjajah.

Sebenarnya UMNO sahaja yang terdaya mempertahankan maruah kaum kita, maruah bangsa Malaysia kita dan maruah negara kita. Kalau kita desak supaya UMNO mengutamakan perpaduan dan berdisiplin, sebabnya bukanlah kerana ini memudahkan kerja pemimpin tetapi kerana perpaduan dan disiplin sahaja yang menjadikan parti kita berkesan dan dihormati dan layak memimpin dan menjadi teladan kepada lain-lain penduduk di Malaysia, baik Melayu, baik bukan Melayu.

Perpaduan, disiplin dan kesetiaan kepada parti menentukan kemenangan kita dalam pilihanraya dan pembentukan Kerajaan yang berkesan. Wakil-wakil rakyat yang

menang, menang kerana disiplin dan ketaatan ahli dan pemimpin-pemimpin kepada parti. Jikalau kita mendapat kebahagiaan daripada sifat-sifat ini janganlah apabila kita tidak bertanding lagi, kita lupakan akan jasa-jasa orang lain kepada kita dahulu. Janganlah kita bertukar haluan dan bersikap berkecuali dan kononnya objektif apabila kita tidak perlu lagi sokongan parti. Taat setia bukanlah untuk mendapat tempat. Taat setia adalah sifat kita ahli UMNO, sifat yang kita junjung sepanjang hayat kita, kerana taat setia inilah yang memberi kejayaan kepada kita. Oleh itu teruskanlah sokongan kita kepada UMNO terutamanya di waktu pilihanraya, walaupun kita tidak bertanding lagi.

Cerah atau gelapnya masa depan orang Melayu dan agama Islam khususnya, bangsa Malaysia negara Malaysia bahkan kaum-kaum lain yang berada di Malaysia bergantung kepada UMNO. Parti-parti lain adalah ekstrimis atau chauvinis atau terlalu kecil untuk memelihara negara ini dan menghadapi berbagai cabaran. UMNO adalah "binding force" atau kuasa yang mengikat, kuasa yang menarik semua parti yang bersikap sederhana supaya bekerjasama. Sikap ini adalah pilihan UMNO sendiri. Jika tidak, akan berpecahlah rakyat negara ini seperti yang terjadi di negara-negara lain yang mempunyai berbagai kaum. Sistem demokrasi dengan sendirinya tidak menjamin keadilan dan kebahagiaan. Yang benar-benar menjamin kedua-dua nikmat ini ialah pengamalan demokrasi yang ikhlas dan jujur. Dan UMNO adalah pengamal demokrasi yang ikhlas dan jujur.

Jelas sekali bahawa tanggungjawab kita, ahli-ahli UMNO, adalah berat. Kita mesti memikul tanggungjawab ini dan kita mesti menentukan kestabilan dan keadilan bagi semua rakyat di negara ini. Kita mesti menghulur tangan persahabatan setiap masa.

Di waktu kemelesetan ini, di waktu wang sukar dicari dan Kerajaan sendiri menghadapi masalah kewangan, ahli-ahli UMNO perlu menunjukkan kesabaran dan sanggup berjimat cermat dengan wang ringgit dan harta yang ada kepada kita. Kita tidak boleh meneruskan cara hidup yang biasa kita amalkan di zaman mewah dahulu. Sebaliknya kita harus menerima kesan kemelesetan ekonomi ke atas kehidupan kita dan kita menyesuaikan diri kita dengan keadaan ini.

Syiar Islam

Kita bersyukur negara kita bukan sahaja masih aman dan sejahtera, tetapi juga agama Islam yang kita anuti terus berkembang dan terpelihara. Kita berdoa semoga umat Islam negara ini akan terus berpegang kepada tali Allah dan bersatupadu.

Perpaduan ummah negara ini telah terancam semasa pilihanraya umum yang lalu. Kita seharusnya mencuba supaya perpaduan yang tergugat itu dapat dipulihkan semula. Apa-apa perbezaan pendapat dan apa-apa salah faham sesama sendiri janganlah dibiarkan berpanjangan. Bersama-samalah kita menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai panduan hidup kita. Kita patutlah mengutamakan sifat-sifat yang lebih luhur dan sederhana supaya kita tidak bersikap keterlaluan atau ekstrim. Kita harus yakin akan kesederhanaan yang dituntut oleh agama Islam yang bukan sahaja dapat

mengekalkan perpaduan di kalangan ummah, tetapi juga dapat mengembangkan lagi syiar Islam. Ia juga akan membolehkan kita bekerjasama dengan kaum-kaum lain, bahkan memberi perlindungan kepada mereka.

Kita telah membuktikan tekad Kerajaan mengembangkan syiar Islam dengan melaksanakan beberapa projek dan dasar. Saya tidak bercadang menyenaraikan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan kerana umum mengetahuinya. Kita harus bertekun untuk melaksanakan apa sahaja yang boleh dilakukan untuk mengembangkan syiar Islam

Di sini harus kita berhati-hati kerana dalam iklim politik yang terdapat di negara ini, amat mudah kita memperkatakan atau membuat sesuatu bukan kerana agama tetapi kerana terbawa-bawa dengan arus tekanan politik. Orang yang membenarkan kepentingan politik sendiri mempengaruhi tindakan keagamaannya akan membawa kepada penyelewengan dan mungkin merosakkan akidah. Oleh itu setiap kali kita bertindak atau membuat cadangan, bertanyalah diri terlebih dahulu sama ada ianya didorong oleh agama atau kerana perasaan riak. Hanya dengan bersikap jujur dalam menjawab soalan ini baharulah agama Islam terselamat.

Penutup

Perjuangan UMNO belum tamat. Kita masih mempunyai banyak kerja yang perlu dibuat, banyak matlamat yang perlu dicapai.

Dengan izin Allah Subhanahu Wataala, kita telah sekali lagi diberi kuasa mentadbirkan negara yang kita cintai ini. Marilah kita memperbaharui azam dan tekad, marilah kita rapatkan barisan dan dengan tegasnya kita menghadapi segala masalah dan rintangan dalam perjuangan mempertahankan dan meningkatkan maruah kaum dan bangsa, agama dan negara kita. Insyallah.

**UCAPAN Y. A. B. PERDANA MENTERI
DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PEMBUKAAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC
YANG KE-34 DI SHAH ALAM, SELANGOR
10HB. OKTOBER, 1986**

Saya mengucapkan terima kasih kerana sekali lagi dijemput oleh Jawatankuasa Pusat MIC untuk merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Parti ini. Saya juga berterima kasih kerana pada kali ini Perhimpunan Agung MIC disertai dengan Majlis Jamuan Makan Malam dan saya telah dijemput bersama.

Sekarang ini nampaknya sudah menjadi tradisi bagi Pengerusi Barisan Nasional dan Perdana Menteri merasmikan Perhimpunan Agung Parti MIC. Sebagai pemimpin Barisan Nasional yang percaya kepada konsep Barisan Nasional saya amat menghargai tradisi ini. Walaupun Barisan Nasional adalah parti campuran, penghormatan yang diberi oleh MIC kepada Pengerusi Barisan Nasional merapatkan lagi perpaduan yang diperlukan oleh Barisan Nasional dan membantu kewibawaan Barisan Nasional sebagai parti pemerintah.

Dua bulan lalu kita telah berjaya memenangi pilihanraya umum ketujuh dengan majoriti yang kita semua boleh berbangga. MIC juga telah memenangi kesemua enam kerusi Dewan Rakyat yang diperuntukkan kepadanya. Parti ini hanya mengalami satu kekalahan daripada 13 orang calon bagi Dewan Undangan Negeri yang diperuntukkan kepada MIC. Marilah kita semua mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada para pengundi, terutama para penyokong dari semua kaum, kerana telah memberi kepercayaan dan kemenangan besar ini.

Selepas pilihanraya, tugas kita yang utama ialah berkhidmat kepada rakyat dan negara. Janganlah kejayaan yang besar ini melalaikan kita semua daripada tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Saya yakin semua wakil rakyat Barisan Nasional bersedia menjalankan tugas masing-masing dan menabur khidmat seperti yang diharapkan oleh rakyat negara ini.

Pada pandangan saya, kemenangan besar Barisan Nasional selama ini sedikit-sebanyak telah melalaikan kita tentang satu-dua aspek. Salah satunya ialah beberapa orang wakil rakyat, sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri, tidak berusaha dan tidak bersungguh-sungguh mendapatkan pengetahuan tentang peraturan-peraturan majlis mesyuarat atau 'standing orders' dewan perundangan berkenaan dan juga isu-isu dan implikasi-implikasi sesuatu rang undang-undang yang dibentangkan. Mungkin juga terdapat seorang-dua yang tidak begitu memahami dasar-

dasar Kerajaan secara mendalam seperti yang diharap daripada wakil rakyat parti yang memerintah. Kurangnya kefahaman ini kerap membawa kepada perselisihan pendapat antara parti-parti komponen Barisan Nasional dan menyebabkan kata-kata yang menyinggung hati kawan.

Dengan itu marilah kita — semua wakil rakyat yang mewakili parti-parti komponen Barisan Nasional — sentiasa memastikan yang kita memahami dasar-dasar Kerajaan: latarbelakang dan rasionalnya, objektif-objektif, serta program-program yang terlibat bagi menjayakan sesuatu dasar itu. Marilah kita bersama-sama berusaha memastikan yang kita bersungguh-sungguh dalam memahami setiap rang undang-undang yang dikemukakan. Ramai daripada kita tidak termasuk dalam kategori mereka yang sudah alpa ini, tetapi marilah kita memastikan semuanya berusaha dan bersungguh-sungguh terhadap tanggungjawab ini. Di samping itu kita mestilah mengambil tahu dan menjaga kepentingan para pengundi kita. Jika perkara-perkara seperti ini kita selalu mengambil berat, saya yakin Barisan Nasional akan sentiasa berjaya dalam memperjuangkan kepentingan rakyat di negara ini.

Mengenai MIC pula, saya berpendapat ahli-ahli MIC harus berbangga dengan perkembangan yang telah dicapai oleh MIC setakat ini. Parti MIC bertambah kukuh kerana ahli-ahlinya bersatu-padu dan memberi sokongan yang penuh kepada kepimpinannya. Tidak lama dahulu MIC menjadi objek kritikan kerana sering berlaku peristiwa-peristiwa yang memalukan akibat daripada rebutan jawatan dan lain-lain. Tetapi sekarang MIC menjadi satu contoh yang baik kepada lain-lain komponen parti Barisan Nasional.

Sementara perkembangan ini dialu-alukan dan menjadikan MIC parti yang kuat, ada kemungkinan bahawa perasaan kekuatan atau 'a sense of strength' ini, akan menjadikan MIC lebih agresif terhadap parti-parti lain, termasuk parti-parti komponen Barisan Nasional. Demikian diperhatikan bahawa teguran-teguran yang dibuat terhadap beberapa dasar Kerajaan oleh beberapa tokoh muda tidak mengambilkira kesan terhadap perpaduan Barisan Nasional dan perpaduan kaum. Mungkin ada asas kenapa teguran ini dibuat. Tetapi sepertimana juga kita berkata bahawa kita bersetuju dengan dasar tetapi menegur perlaksanaannya, kita juga boleh kata bukan teguran yang menyinggung tetapi cara teguran itu dibuat.

Sebenarnya dalam Barisan Nasional terdapat berbagai saluran untuk pemimpin-pemimpin parti-parti komponen menyuarakan perasaan tidak senang mereka terhadap dasar atau pelaksanaan dasar atau lain-lain. Bahkan bagi parti-parti besar, Kabinet juga boleh digunakan sebagai saluran. Melalui cara dan saluran ini pembentukan atau penjelasan yang terperinci boleh dibuat tanpa menyinggung perasaan parti atau ahli atau pemimpin kecil komponen Barisan Nasional yang lain. Dengan itu solidarity Barisan Nasional tidak boleh disyaki atau dipersoalkan dan kesan Barisan Nasional dalam politik atau ekonomi negara akan menjadi lebih kukuh.

Seperkara lagi ialah apabila sesuatu pendapat atau pendirian sudah diketahui umum, amatlah sukar bagi kita bertolak ansur. Kita akan mempertahankan juga

pendirian kita walaupun sudah jelas asasnya salah. Kata pepatah Melayu, "kita akan cuba menegak benang yang basah". Maka akan rugilah kita. Akan rugilah Barisan Nasional dan akan rugilah negara kerana perbalahan yang tidak berasas dan tidak bermanfaat.

Saya mengucapkan tahniah kepada MIC, terutama pemimpin-pemimpin pemuda dan wanitanya, yang sedar akan saluran yang saya sebutkan tadi dan kesanggupan mengelak daripada pertikaian pendapat antara parti-parti komponen Barisan Nasional. Saya mengucapkan tahniah lebih-lebih lagi kerana pendirian tegas menyokong Dasar Ekonomi Baru dan kesanggupan menyelesaikan soal-soal Dasar Ekonomi Baru melalui saluran yang ada. Saya yakin dengan adanya sikap seperti ini dalam Barisan Nasional, kestabilan negara yang kita semua sayangi ini akan kekal.

Kita semua menjunjung tinggi demokrasi. Dalam parti kita dan di negara kita Malaysia ini, kita amalkan sistem demokrasi — sistem yang diasaskan kepada suara ramai. Tidak siapa boleh menafikan bahawa demokrasi adalah satu sistem pemerintahan yang baik dan ianya berjaya di Malaysia. Kita juga tahu bahawa di kebanyakan negara-negara yang mencapai kemerdekaan selepas perang dunia kedua, demokrasi tidak berjaya. Di kebanyakan negara-negara ini setelah mencuba sistem demokrasi beberapa tahun atau beberapa bulan, keadaan politik dan pentadbiran menjadi tidak stabil. Akhirnya demokrasi terpaksa ditamatkan dan digantikan dengan sistem kerajaan tentera atau lain-lain cara yang autokratik.

Masalahnya bukan demokrasi tidak baik tetapi rakyat atau 'citizens' tidak tahu mengguna sistem demokrasi, atau lebih tepat lagi tidak tahu 'limit' demokrasi. Mereka anggap demokrasi sebagai kebebasan membuat apa sahaja atau apabila mereka mendapat kuasa melalui demokrasi mereka boleh menyalahgunakan kuasa ini. Terdapat juga dalam demokrasi kumpulan-kumpulan yang menganggap diri mereka lebih layak memerintah daripada pemimpin yang dipilih oleh rakyat. Mereka ini kerap kali tidak mencebur diri dalam kegiatan politik secara langsung kerana mereka tidak yakin boleh mempengaruhi majoriti rakyat untuk menyokong mereka. Oleh itu mereka cuba memperalatkan hak-hak demokratik untuk menggagalkan usaha-usaha Kerajaan. Mereka meningkatkan penyalahgunaan hak demokratik ini untuk mencabar Kerajaan supaya bertindak terhadap mereka. Dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia, mereka berpeluang untuk memperalatkan sentimen perkauman dengan harapan Kerajaan akan bertindak keras untuk mencegah kegiatan mereka yang boleh mencetuskan rusuhan. Apabila sahaja Kerajaan bertindak menghalang kegiatan bahaya mereka, maka berpeluanglah mereka mengancam Kerajaan sebagai tidak demokratik. Untuk maksud ini, mereka sanggup memburuk-burukkan negara sendiri kepada orang-orang asing.

Strategi yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan ini sering menghancurkan demokrasi di beberapa negara. Jika di Malaysia demokrasi masih kekal, sebabnya ialah kerana majoriti rakyat di negara ini faham akan cara menggunakan demokrasi dan tahu 'limit'nya dan menolak hasutan kumpulan-kumpulan ini. Demokrasi sebagai satu sistem politik dengan sendirinya tidak akan menentukan kejayaan dan kestabilan

negara. Sebenarnya yang menjayakan demokrasi ialah pengamal demokrasi. Di Malaysia yang benar-benar faham sistem demokrasi dan menggunakannya dengan baik ialah Barisan Nasional. Jika Malaysia tidak mempunyai Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional, berpuluh buah parti akan bertanding dan tidak ada satu pun yang akan memperolehi cukup wakil untuk menubuhkan Kerajaan. Mungkin secara 'marriage of convenience', ini diadakan ianya tidak stabil. Kemudian akan jatuhlah Kerajaan, atau jika kekal buat beberapa ketika akan menjadi pemerintah yang tidak berkewibawaan kerana selalu diancam oleh pihak parti itu dan ini untuk menarik diri. Apabila satu demi satu daripada parti-parti membentuk Kerajaan minoriti, maka akan bermulalah huru-hara dalam negara yang baru mencuba demokrasi. Akhirnya, gugurlah demokrasi dan diganti dengan berbagai jenis autokrasi.

Kerana demokrasi di Malaysia adalah hasil kerjasama parti-parti dalam Barisan Nasional, maka tiap-tiap parti komponen hendaklah sedar akan tanggungjawabnya serta memelihara dan mengamal sistem demokrasi dengan baik. Janganlah sesiapa daripada kita melampaui batas-batas demokrasi dan menyebabkan kehancuran demokrasi di negara ini. Jika kita percaya kepada suara majoriti, kita mesti patuh kepada majoriti. Kepentingan minoriti juga terpelihara dalam demokrasi tetapi demokrasi tidak bermakna minoriti boleh mengguna taktik yang haram atau yang buruk untuk mengganggu majoriti.

Saya telah mengambil masa sedikit menghuraikan demokrasi kerana maju-mundurnya negara kita bergantung kepada kefahaman kita terhadap demokrasi dan kelemahannya. MIC sebagai parti yang demokratik tentu faham maksud saya. Kita semua bertanggungjawab kerana kita adalah daripada parti pemerintah. Parti lawan dan kumpulan tertentu tidak mempunyai tanggungjawab dan kita faham chauvinisme mereka. Kita tidak boleh turut mereka dan cara-cara mereka menyalahgunakan demokrasi. Kita mesti amalkan demokrasi secara baik dan tidak menyalahgunakan hak-hak yang demokratik. Ingatlah, jika Barisan Nasional berpecah, akan hancurlah demokrasi di negara ini.

Saya berharap Perhimpunan Agung MIC yang ke-34 ini akan berjalan dengan baik dan menghasilkan resolusi dan program yang akan menjayakan bukan sahaja MIC tetapi juga Barisan Nasional dan negara kita Malaysia.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC 1986 ini dengan rasminya.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MCA
DI WISMA MCA, KUALA LUMPUR
16HB. NOVEMBER, 1986

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ini. Kepada para perwakilan sekalian saya berharap Perhimpunan ini akan menghasilkan sesuatu yang akan membantu mengukuhkan lagi MCA dan Barisan Nasional.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Dato' Dr. Ling Liong Sik yang telah diberi kepercayaan oleh ahli-ahli MCA untuk mengetuai parti MCA. Saya mempunyai keyakinan di bawah kepimpinan Dato' Dr. Ling Liong Sik, MCA akan bertambah kukuh lagi.

Dalam negara yang demokratik seperti Malaysia kita mempunyai banyak kebebasan. Walau bagaimanapun kebebasan sahaja tidak menjamin Malaysia dan rakyatnya menjadi makmur dan bahagia. Kita tidak boleh menerima konsep kebebasan individu ala Barat sehingga masyarakat menjadi mangsa. Seseorang individu itu bebas dalam demokrasi yang kita amalkan hanya setakat kebebasannya tidak mengancam masyarakat. Pendek kata dalam demokrasi kita, kepentingan ramai atau kepentingan majoriti lebih utama daripada kepentingan individu.

Di Malaysia, di mana penduduknya terdiri daripada berbagai kaum, banyak perkara yang sensitif yang perlu diurus dengan diplomasi untuk mengelakkan timbulnya masalah. Dalam Barisan Nasional kita mempunyai cara dan saluran tertentu untuk membincangkan masalah-masalah yang sensitif. Begitu juga Kerajaan mempunyai saluran dan forum tertentu, terutama bagi parti-parti komponennya, untuk membincangkan perkara-perkara yang sensitif. Melalui saluran dan forum ini, kita telah dapat mengatasi berbagai masalah. Di negara-negara di mana masalah-masalah telah cuba diselesaikan melalui perasaan atau emosi, masalah-masalah itu didapati berkekalan dan bertambah buruk sepanjang masa. Akibatnya ialah rakyat rugi dan menderita.

Di antara perkara-perkara yang sering menimbulkan emosi ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan kaum. Dengan menggunakan saluran yang ada, dan memindahkan isu itu dari tempat-tempat awam dan jalan-jalanraya ke bilik mesyuarat, kita telah berjaya menyelesaikan masalah kaum berkali-kali. Setelah pertelingkahan kaum yang terakhir dapat diselesaikan, kita tidak lagi perlu menyoal status sesiapa. Kita tahu bahawa warganegara Malaysia yang berketurunan Cina dan India bukanlah

pendatang asing dan mereka mempunyai hak yang sama dengan lain-lain warganegara. Orang-orang Melayu dan bumiputera lain, daripada sudut sejarah, adalah penduduk asal negara ini. Perseetujuan ini dicapai bersama dengan cara bermesyuarat yang tertib dan perkara-perkara ini tidak perlu dibangkitkan lagi.

Sekarang ini masalah yang mengancam negara kita yang sebenar ialah kemelesetan ekonomi. Kemelesetan ekonomi bukan disebabkan oleh kita, tetapi oleh kejatuhan harga bahan mentah secara menyeluruh di seluruh dunia. Di masa yang sama, nilai ringgit kita telah ditekan turun. Walaupun bukan kita yang menyebabkan kemelesetan ekonomi di negara kita, kita tidak boleh berdiam diri dan menunggu harga barangan kita meningkat semula. Kita perlu menyusun langkah-langkah untuk memperbaiki semula ekonomi kita.

Kerajaan telahpun mengambil berbagai-bagai tindakan, dan mengubah beberapa dasar untuk memulihkan ekonomi negara. Tetapi tindakan-tindakan Kerajaan tidak akan mendatangkan hasil jika rakyat tidak sanggup menghadapi cabaran ini dengan menjadi lebih produktif dan mengelak daripada sebarang perbuatan yang boleh memburukkan lagi ekonomi negara.

Ekonomi negara adalah seperti air di sungai. Di waktu air naik, ia berjalan deras dan segala sampah-sarap dan kekotoran di bawa arus dan hilang di lautan. Tetapi apabila air surut, maka sampah-sarap terapung di permukaan dan terlekat di tebing dan akan ternampaklah segala kekotoran yang memang ada di dalam sungai.

Demikian juga apabila ekonomi meleset, maka timbul dan ternampaklah segala kelemahan dan kecurangan yang telah berlaku. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita untuk membersihkan ekonomi kita supaya apabila ekonomi pulih semula, ia akan mempunyai asas yang lebih sihat.

Walaupun pedih proses ini, kita harus menganggap pengalaman kita sekarang sebagai satu pelajaran. Kita harus berhati-hati apabila kita memberi kepercayaan kepada mana-mana pengurus. Kita harus ada peraturan-peraturan dan kita harus menyemakannya selalu. Janganlah kita terlalu tertarik dengan mendapat untung yang banyak dan cepat sehingga kita mudah percaya kepada kata-kata manis orang-orang tertentu.

Kita telah lihat di negara ini orang ramai begitu mudah tertipu kerana mereka ingin menjadi kaya cepat. Apabila ada orang yang berkata mereka boleh membuat sepuluh ringgit menjadi seratus ringgit tanpa apa-apa usaha, ada orang yang sanggup memberi ribuan ringgit duit mereka. Begitu juga dengan 'chit-fund'. Sungguhpun berkali-kali orang ditipu, ada lagi orang lain yang sanggup menjadi pelanggan "chit-fund".

Sebenarnya tidak ada cara yang mudah untuk mendapat untung. Penukaran syer, kenaikan nilai harta, 'listing' dalam 'stock exchange', spekulasi syer, spekulasi komoditi, semuanya tidak boleh menjamin kekayaan jika tidak diasaskan kepada perniagaan, pengeluaran dan penjualan barang-barang berkenaan dengan harga yang

menguntungkan. Sekarang kita sedar bahawa apabila nilai syer atau komoditi atau harta jatuh, kita akan terperangkap dengan hutang yang tidak mempunyai cagaran yang cukup. Pada ketika itulah bank meminta kita menambah cagaran atau membayar semua hutang dan kita akan terjerat.

Amanah amat penting dalam perniagaan. Ramai yang menghadapi masalah sekarang ini adalah kerana menyalahgunakan amanah apabila mengurus perniagaan. Sekali lagi mereka memikirkan mereka tidak akan terperangkap kerana mereka akan dapat membayar balik hutang sebelum diketahui oleh sesiapa. Tetapi, apabila ekonomi merosot dengan mengejut, maka segala rancangan mereka terdedah dan mereka tidak dapat mengelakkan diri daripada tindakan. Perbuatan membawa keluar matawang ringgit kita untuk ditukar dengan matawang lain dengan harapan ringgit akan jatuh harga dan mereka akan untung, adalah satu khayalan. Kerajaan akan menentukan ringgit naik harga, bukan turun.

Dalam usaha kita memulihkan ekonomi negara, kita perlu kepada 'a new breed of managers' yang bersikap profesional dan 'ethical'. Mereka tidak harus tamak dan tidak boleh menggunakan peluang dan amanah yang diberi kepada mereka untuk membuat perkara-perkara yang dilarang. Mereka harus menumpukan kepada pengurusan yang baik. Orang yang mempunyai syarikat sendiri tidak harus mengurus syarikat awam yang terlibat dengan perniagaan yang sama. Dengan perkataan lain, kita ingin melihat pembentukan etika baru bagi pengurus-pengurus syarikat di Malaysia.

Jika kita mendapat pelajaran daripada kemelesetan ekonomi dan kita bersihkan diri kita dan kita tingkatkan amanah sebagai pengurus, maka kemelesetan ekonomi boleh menjadi satu 'blessing in disguise'. Tetapi jika kita tidak mendapat apa-apa pengajaran daripada kemelesetan ekonomi negara kita, maka sia-sia sahajalah penderitaan kita.

Tanda-tanda pemulihan ekonomi negara kita sudahpun ternampak. Malangnya, apabila sahaja ekonomi ternampak semakin baik, ada sahaja perkara-perkara lain yang berlaku yang mencemar iklim politik dan ekonomi negara kita. Kita terlalu sangat terbawa-bawa oleh apa yang dikatakan proses-proses demokratik sehingga kita tidak peduli sama ada proses ini membawa kebaikan atau tidak. 'We are too often taken up by the so-called democratic processes to the extent that we ignore whether they benefit us or not'.

Kita telah melalui proses ini berkali-kali, tetapi masih ada orang yang tidak mendapat apa-apa pelajaran daripada pengalamannya. Mereka berulang-ulang membuat perkara yang sama. Benarlah seperti kata George Santayana, bahawa mereka yang tidak belajar daripada sejarah akan didera dengan mengulangi kesilapan mereka berkali-kali. (Those who do not learn from the lessons of history are condemned to repeat their mistakes).

Negara kita Malaysia adalah istimewa. Kita tidak serupa dengan negara yang sudah maju di Eropah dan Amerika. Kita juga tidak serupa dengan negara memba-

ngun yang lain. Oleh itu, jika kita pilih sistem kerajaan dan pentadbiran dari negara-negara lain, kita bukan sahaja perlu menyesuaikan diri kita dengan sistem itu, tetapi di mana perlu kita mesti mengubahsuaikan sistem itu supaya boleh dipraktikkan di negara kita yang istimewa ini.

Kita telah memilih demokrasi dengan kebebasan yang dipercayai menjadi sebahagian daripada sistem demokrasi. Tetapi tidak ada gunanya demokrasi dan kebebasan jika ia tidak menolong membawa kebahagiaan kepada kita dan membangunkan negara kita. Tidak ada faedah jika sistem demokrasi berjaya diamalkan tetapi negara kita hancur kerana amalan ini. 'Democracy for democracy's sake is useless if it results in oppressive anarchy and the destruction of our society. It is not the system that is important. It is the good that it can bring to society that really matters'.

Seorang negarawan dari sebuah demokrasi di Barat telah berkata, 'I do not agree with what he says, but I will defend his right to say it'. Tetapi di negara tersebut sekarang, mereka tidak segan-segan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang tidak secukup dengan pendapat umum. Jika Kerajaan tidak bertindak, masyarakat umum akan bertindak. Tidak ada kebebasan yang 'absolute' di mana-mana di dunia ini.

Jika demokrasi yang lama ini boleh membuat tafsirannya yang tersendiri apabila difikirkan perlu, tidak ada satu sebab mengapa kita tidak boleh membuat tafsiran kita sendiri. Oleh itu janganlah kita cepat mengecam negara kita sebagai tidak demokratik semata-mata kerana kita tidak ikut 100 peratus amalan negara lain. Kita juga tidak harus berasa malu kerana kita tidak 'conform' kepada konsep-konsep tertentu negara lain. Adalah hak kita menentukan corak negara kita mengikut keistimewaan negara kita.

Saya percaya MCA akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi prestasinya dan dengan itu memberi sumbangan yang lebih kepada keutuhan Barisan Nasional dan juga Kerajaan. Saya juga percaya bahawa MCA dan kepimpinannya yang baru, berkemampuan untuk memikul tanggungjawab ini. Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
KETIKA MEMBENTANGKAN USUL MENGENAI LAPORAN ULANGKAJI
DAN PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA
PARLIMEN DAN NEGERI BAGI NEGERI SARAWAK
DI DEWAN RAKYAT
18HB. MAC, 1987

Saya mohon mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini membuat ketetapan di bawah seksyen 10 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan bahawa draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya) (Negeri Sarawak) 1987, yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 10hb. Mac, 1987 bersama dengan laporan Suruhanjaya Pilihanraya bertarikh 14hb. Februari, 1987 mengenai persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sarawak dan yang akan dibuat di bawah seksyen 12 Jadual tersebut untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan".

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, menurut Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab untuk mengulangkaji dan mempersembahkan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri pada lat tempoh tidak kurang daripada 8 tahun. Sesuai dengan kehendak peruntukan tersebut, Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak mulai daripada 15hb. Mac, 1986. Ulangkaji terakhir yang dilakukan bagi Negeri Sarawak ialah pada 31hb. Disember, 1977.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat bahawa pada bulan Oktober 1985 Dewan Rakyat telah meluluskan rang Akta berkuatkuasa pada 24hb. Februari, 1986. Menerusi Akta ini pindaan telah dibuat kepada Perkara 46 Perlembagaan yang mengakibatkan kerusi Parlimen bagi Negeri Sarawak bertambah daripada 24 kepada 27. Di samping itu, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meminda Perkara 14(2) Perlembagaan Negeri Sarawak pada 18hb. Mei, 1985 menerusi Ordinan No. 5 tahun 1985. Ordinan ini juga berkuatkuasa pada 24hb. Februari, 1986. Dengan berkuatkuasanya Ordinan ini kerusi bagi Dewan Undangan Negeri Sarawak telah bertambah sebanyak 8 kerusi lagi menjadikan jumlahnya 56 kerusi.

Saya ingin menegaskan bahawa pembentangan usul ini tidak ada kaitan sama sekali dengan perkembangan politik di Sarawak sekarang ini. Usul ini telah dijadualkan untuk dibentangkan di sidang Parlimen kali ini lama sebelumnya. Berlakunya

perkembangan politik di Sarawak itu semasa usul ini dibentangkan adalah secara kebetulan semata-mata.

Sepertimana yang saya nyatakan pada awal tadi tugas mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak ini adalah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya. Suruhanjaya itu di dalam memulakan tugasnya untuk mengulangkaji dan mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihanraya perlu mematuhi kehendak Perlembagaan Persekutuan. Di samping terdapatnya peruntukan berhubung dengan lat tempoh ulangkajian yang perlu dipatuhi, Suruhanjaya juga perlu mematuhi had tempoh ulangkajian itu perlu disiapkan. Tugas-tugas ulangkaji dan persempadanan ini perlu disiapkan dalam masa dua tahun selepas kerja-kerja dimulakan berpandukan kepada Fasal (9) dan (10) Perlembagaan Persekutuan. Tugas persempadanan yang dijalankan oleh Suruhanjaya bermula pada 15hb. Mac, 1986, bilamana notis pengesyoran sempadanan bahagian pilihanraya disiarkan kepada umum.

Sukacita saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaaya Pilihanraya telahpun menyiapkan laporannya setelah mematuhi sepenuhnya prosedur-prosedur yang ditentukan oleh Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu syor-syor yang terkandung di dalam laporan itu adalah juga dibuat dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Bahagian I Jadual yang sama. Laporan ulangkaji dan persempadanan ini telah diserahkan kepada saya pada 18hb. Februari, 1987, sebagaimana yang dikehendaki oleh Seksyen 8 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Laporan itu telah juga dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 76 Tahun 1987.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat, laporan Suruhanjaya Pilihanraya itu mengandungi enam bab iaitu Bab 'A' hingga Bab 'F'. Saya percaya segala isi laporan itu telah diteliti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Walau bagaimanapun, izinkan saya memberikan sedikit keterangan mengenai isi kandungan laporan tersebut.

Bab 'A' mengandungi maklumat-maklumat mengenai bidang kuasa dan lat tempoh ulangkaji di samping penerangan-penerangan bersabit dengan unit ulangkaji, skop dan bidang kuasa Suruhanjaya Pilihanraya, pindaan yang telah dibuat kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan dan Fasal (2) Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sarawak, bilangan kerusi Parlimen dan Negeri Sarawak dan juga penerangan mengenai pindaan sempadan-sempadan Parlimen dan Negeri yang telah dijalankan.

Berhubung dengan apa yang diistilahkan sebagai unit-unit ulangkaji, sukacita saya jelaskan bahawa mengikut Fasal (6) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Malaysia telah dibahagikan kepada **tiga unit ulangkaji** yang berasingan iaitu **Negeri-Negeri Tanah Melayu** termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, **Negeri Sabah** dan **Negeri Sarawak**. Sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum ulangkaji bagi unit ulangkaji Negeri-negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan) dan Negeri Sabah telahpun dijalankan pada tahun 1984 dan bahagian-bahagian pilihanraya yang dipersem-

padankan semula bagi unit-unit ulangkaji Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah itu telahpun digunakan bagi pilihanraya umum tahun 1986 yang lepas.

Bagi maksud pilihanraya bahagian-bahagian pilihanraya yang dipersempadankan semula oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi Negeri Sarawak setelah ianya diluluskan kelak akan dapat dikuatkuasakan apabila Dewan Undangan Negeri Sarawak dibubarkan untuk pilihanraya Negeri dan apabila Dewan Rakyat dibubarkan untuk pilihanraya Parlimen. Perlu diterangkan bahawa selagi Dewan-dewan yang saya nyatakan tadi tidak dibubarkan atau tidak dengan sendirinya terbuang maka selama itulah masih terpakai bahagian-bahagian pilihanraya yang telah disempadankan mengikut urusan persempadanan yang akhir tahun 1977 yang lepas iaitu bahagian-bahagian pilihanraya yang wujud pada masa sekarang ini.

Di dalam Bab 'B' Suruhanjaya Pilihanraya ada memberikan keterangan yang jelas mengenai ulangkaji dan persempadanan yang telah dijalankan termasuk prinsip-prinsip persempadanan, daftar pemilih yang digunakan, purata bilangan pemilih, pemetaan serta keterangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan nama-nama bahagian pilihanraya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengikut keterangan yang terkandung di dalam laporan Suruhanjaya itu daftar pemilih yang digunakan sebagai asas sebagaimana yang dikehendaki oleh Seksyen (3) Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan ialah daftar pemilih bagi Negeri Sarawak mengikut daftar pemilih yang berkenaan ialah 607,232 orang. Angka ini merupakan 47.14% lebih daripada jumlah pemilih tahun 1977 bilamana ulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Negeri Sarawak yang terakhir dijalankan. Jumlah pemilih pada ketika itu ialah 412,676.

Satu perkara yang diambil perhitungan juga berkaitan dengan jumlah pemilih ini ialah purata pemilih bagi Negeri Sarawak. Mengikut laporan yang dibentangkan ini purata pemilih Parlimen ialah 22,490 manakala purata pemilih negeri ialah 10,843. Di dalam laporannya, Suruhanjaya Pilihanraya ada memberikan ulasan mengenai kesukaran yang dihadapi oleh pihaknya di dalam usaha mengseimbangkan pemilih bagi tiap-tiap bahagian pilihanraya berpandukan secara ketat kepada fakta purata pemilih. Ini adalah di sebabkan oleh keadaan topografi dan demografi Negeri Sarawak yang amat luar biasa menyebabkan bilangan pemilih yang diwujudkan bagi bahagian tertentu di kawasan luar bandar khususnya kawasan-kawasan pedalaman adalah lebih rendah daripada yang sepatutnya. Perkara ini memang tidak dapat dielakkan bagi Negeri Sarawak memandangkan bahawa konsentrasi penduduk adalah terhad kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja. Kesukaran yang timbul ialah di dalam segi mengseimbangkan bilangan pemilih dan keluasan kawasan pilihanraya yang patut diwujudkan.

Sepertimana yang kita semua maklum, Sarawak dengan kawasan seluas 124,448 km persegi adalah negeri yang terbesar di Malaysia. Penduduk yang kecil, iaitu kira-kira 1.5 juta orang tidak setimpal dengan keluasan kawasan negeri itu. Satu ciri demografi yang berbeza bagi Negeri Sarawak ialah bahawa di samping konsentrasi penduduk yang

besar di kawasan bandar, terdapat taburan penduduk yang tinggal secara berkelompok di merata-rata kawasan pendalaman yang sukar dihubungi. Masyarakat di kawasan-kawasan ini yang juga mempunyai hak yang sama untuk mengundi dan hak untuk memilih wakil, perlu juga diletakkan di bawah bahagian pilihanraya tertentu. Namun demikian, untuk mengimbangkan keadaan penduduk dengan keluasan kawasan maka Suruhanjaya telah cuba sedaya-upaya bukan sahaja untuk menentukan bahawa terdapat bilangan pemilih yang berpatutan bagi satu-satu bahagian pilihanraya tetapi juga menentukan bahawa bahagian pilihanraya itu tidak begitu luas hingga memberi kesukaran yang amat besar kepada wakil-wakil rakyat yang dipilih kelak.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa di samping keadaan topografi dan demografi yang luar biasa yang terdapat di Negeri Sarawak, satu faktor yang sukar diatasi tetapi memberi kesan dan mempengaruhi keputusan-keputusan Suruhanjaya di dalam menentukan sempadan bahagian pilihanraya khususnya bagi kawasan-kawasan luar bandar di Negeri Sarawak ialah mengenai faktor pengangkutan dan perhubungan. Sungguhpun terdapat banyak perubahan disebabkan oleh pembangunan yang pesat yang berjalan di Negeri Sarawak sejak persempadanan terakhir dijalankan dalam tahun 1977 yang lalu, namun kekurangan kemudahan pengangkutan dan perhubungan masih menjadi faktor penghalang yang besar, khususnya untuk memenuhi kehendak mewujudkan pada keseluruhannya bahagian-bahagian yang ideal dari segi pentadbiran, termasuk urusan perjalanan pilihanraya bagi bahagian-bahagian berkenaan. Sungai-sungai, sama ada kecil atau besar, masih menjadi saluran pengangkutan dan perhubungan yang utama kerana jalanraya-jalanraya masih berkurangan dan hanya terdapat di antara bandar-bandar besar sahaja. Dengan hal yang demikian, amatlah sukar bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk benar-benar mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya secara memenuhi sepenuhnya kehendak berbagai prinsip yang terkandung di dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan atau mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya yang kesemuanya dapat ditadbirkan dengan cara yang mudah dan berkesan oleh Wakil-wakil Rakyat yang akan dipilih kelak.

Di dalam Bab 'C' laporan persempadanan ini terdapat maklumat mengenai syor-syor Suruhanjaya, notis-notis yang telah dipamerkan, rayuan-rayuan dan bantahan-bantahan yang telah diterima dan pindaan kepada syor-syor Suruhanjaya dan persempadanan semula yang telah dibuat. Sebanyak 66 rayuan telah diterima apabila syor pertama dipamerkan mulai 15hb. Mac, 1986 hingga 15hb. April, 1986. Sebanyak 38 siasatan tempatan telah dijalankan di Negeri Sarawak dalam bulan Jun dan bulan September, 1986. Pindaan-pindaan dibuat selepas siasatan-siasatan tempatan dijalankan. Setelah notis dan syor-syor pindaan yang kedua dipamerkan pada 20hb. November, 1986, sebanyak 17 rayuan telah diterima dan sebanyak 5 siasatan tempatan telah dijalankan pada 20hb. dan 21hb. Januari, 1987. Dengan tindakan-tindakan itu saya yakin bahawa rakyat Negeri Sarawak telah diberi peluang sepenuhnya untuk mengambil bahagian di dalam proses persempadanan ini sepertimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan. Ulasan-ulasan sepenuhnya mengenai rayuan-rayuan dan siasatan-siasatan yang telah dijalankan ada terkandung di dalam Bab 'E' laporan itu.

Bab 'D' dalam laporan itu mengandungi perakuan-perakuan Suruhanjaya mengenai bahagian Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak. Butir-butir lanjut mengenai segala perakuan Suruhanjaya ini adalah terkandung di dalam Jadual I dan Jadual II kepada laporan itu dan peta yang menunjukkan semua bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri adalah sepertimana yang diberikan di dalam Jilid II iaitu Bab 'F'. Peta yang disediakan adalah berasaskan kepada peta asas yang paling kemaskini dan sebagainya yang didapati sehingga penghujung tahun 1985.

Saya percaya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah sependapat dengan saya bahawa ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya bagi Negeri Sarawak perlu dibuat bukan semata-mata sebagai menepati kehendak Perlembagaan bahawa bahagian-bahagian pilihanraya di negeri tersebut harus diulangkaji pada lat tempoh tidak kurang daripada 8 tahun sekali, bahkan ianya harus dijalankan memandangkan kepada perkembangan-perkembangan yang pesat yang berlaku di Negeri Sarawak terutama di dalam bidang ekonomi dan sosial dalam tempoh kira-kira 10 tahun yang lalu. Di samping itu, dengan adanya penambahan bilangan penduduk dan bilangan pengundi yang pesat di negeri tersebut maka pertambahan kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri juga akan memberi peluang kepada rakyat Sarawak untuk mendapat perwakilan yang lebih seimbang dan berkesan. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyambut baik ulangkaji dan persempadanan semula yang telah dijalankan itu dan memberi sokongan terhadap syor-syor yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Draf perintah persempadanan bahagian pilihanraya Negeri Sarawak 1987 adalah dibentangkan bersama ini sebagai Kertas Statut No. 77 Tahun 1987 dan sebelum saya mencadangkan supaya draf perintah itu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sukalah saya mengambil kesempatan untuk melahirkan rasa penghargaan kepada pengerusi, ahli-ahli, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya yang telah bekerja dengan penuh dedikasi bagi menjalankan urusan ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya di dalam Dewan ini dalam masa yang lebih pendek daripada yang dijangkakan.

Saya mohon mencadangkan.

UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-38 DI KUALA LUMPUR
24HB. APRIL, 1987

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan BizinNya dapat kita sekali lagi bersama-sama menghadiri Perhimpunan Agung UMNO yang ke-38 ini. Saya bagi pihak parti dan Majlis Tertinggi mengucapkan selamat datang kepada para perwakilan, pemerhati dan tetamu sekalian ke Perhimpunan Agung ini. Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanu Wataala supaya kita diberi hidayat dan petunjukNya bagi menjayakan Perhimpunan Agung ini mengikut lunas-lunas demokrasi, perlembagaan dan tradisi parti demi keutuhan perjuangan murni parti UMNO.

Kita berhimpun pada hari ini dalam keadaan dunia yang kehilangan arus dan arah. Manusia yang mempunyai pengetahuan sehingga mampu mendarat di bulan; mempunyai kebolehan berkomunikasi yang tidak kenal jarak jauh atau dekat; dapat melihat kuman yang terkecil sekali serta 'universe' yang luasnya diukur dengan sejauh mana cahaya bergerak pada satu tahun atau 'light-years' dan lain-lain lagi yang lebih ajaib dari semua cerita ajaib; manusia ini, tidak dapat mengurus hal-ehwal dunia dengan baik supaya segala sengketa dan masalah hidup rukun damai dapat diatasi.

Politik dunia sekarang ini memperlihatkan manusia terbahagi kepada tiga blok yang tiap-tiap satu menentang yang lain dengan kesan yang amat buruk kepada manusia. Jika puak Barat dan puak Komunis tidak berperang secara langsung, secara tidak langsung mereka berperang dengan memeralatkan negara-negara ketiga.

Bunuh-membunuh, menculik dan memeras ugut bukan sahaja dilakukan oleh penjenayah tetapi juga oleh negara-negara. Bahawa perbuatan ini kerap kali menganiaya orang yang tidak terlibat dan tidak berdosa tidak diambilkira. Ada negara yang cuba 'assassinate' orang-orang tertentu dengan mengebom kediaman mereka, sambil mengancam perbuatan mengganas atau terrorisme.

Di dalam dunia Islam bermacam-macam rusuhan berlaku. Culik dan peras ugut menjadi senjata utama sehingga imej Islam terjejas. Sementara sedikit sahaja daripada puak Zionis yang dibunuh atau dcederakan dalam peperangan 40 tahun Arab - Israel, lebih daripada 1 juta orang Islam telah dibunuh oleh orang Islam sendiri dengan senjata yang dibekalkan oleh pihak Timur, Barat dan Israel.

Dalam bidang ekonomi juga jenayah tidak kurang. Di Amerika Syarikat lebih seratus bank telah bankrap, sementara di Britain sebuah bank yang besar sedang di-

siasat oleh Kerajaan. Saham-saham syarikat gergasi telah dimanipulasikan oleh pengarah-pengarahnya melalui 'insider trading'; broker bursa saham terlibat dengan berbagai jenayah komersial, bahkan dengan pengedaran dadah. Saham-saham yang tidak berharga atau 'junk shares' dijual dengan harga yang tinggi yang tidak ada kena mengena dengan pulangan daripada pelaburan.

Kerajaan-kerajaan Barat tidak mahu menaikkan cukai untuk membiayai perbelanjaan mereka. Oleh itu mereka bermuafakat mencari jalan keluar dengan mendesak negara-negara kaya yang mengeksport kepada mereka untuk menaikkan nilai matawang. Dengan itu maka nilai Yen dan Deutsmark meningkat naik dan menjadi beban kepada negara-negara miskin.

Tetapi negara-negara kaya ini tidak juga dapat mengurangkan import mereka dari negara-negara yang berkenaan. Masalah ekonomi Eropah-Amerika tidak juga dapat diatasi.

Penipuan yang ketara sekali ialah penekanan yang dibuat ke atas harga bahan mentah. Dengan menggunakan teknologi baru mereka meningkatkan pengeluaran bahan mentah sehingga melebihi permintaan terhadap barang-barang ini. Di masa yang sama negara-negara industri yang terbesar mencipta teknologi baru yang boleh mengurangkan penggunaan bahan mentah yang dijual olen negara-negara membangun. Dengan bertambahnya pengeluaran dan kurangnya penggunaan, maka pasaran bahan mentah, dibanjiri dengan barang-barang mentah, turun dengan mendadak.

Kita biasa mendengar cogankata "yang kaya menjadi lebih kaya, yang miskin menjadi lebih miskin". Dalam masyarakat manusia biasanya jika seseorang menjadi kaya, ada sahaja orang yang miskin yang dapat menumpang kekayaan ini. Sebab itu apabila pelombong maju dan kaya banyak peluang pekerjaan dan peluang perniagaan wujud. Kerajaan juga dapat mengutip cukai yang kemudiannya diagihkan di kalangan rakyat, melalui subsidi dan projek.

Tetapi negara-negara kaya yang menjatuhkan harga bahan mentah dengan sengaja berjaya menambah kekayaan mereka dari kerugian negara yang miskin. Dalam tahun 1986 tidak kurang daripada 70,000 juta atau 70 billion dolar Amerika telah dinikmati oleh negara kaya kerana harga bahan mentah jatuh dengan teruk. Di samping itu harga barangan buatan mereka telah meningkat tinggi dan sekali lagi negara miskin terpaksa menanggung kerugian kerana terpaksa membeli dengan harga mahal. Dalam masa yang sama nilai hutang negara miskin meningkat kerana kenaikan nilai matawang negara yang memberi pinjaman.

Politik Barat dan Timur tidak pernah sejuk. Masing-masing menuduh bahawa satu pihak mempunyai niat jahat apabila mana-mana pihak membuat cadangan perdamaian atau keamanan. Rundingan di meja menjadi konfrontasi yang kemudian menjadi pertandingan tuduh-menuduh. Apabila pemimpin tertinggi Barat dan Timur berjumpa di Iceland, awal-awal lagi pihak akhbar Barat berkata bahawa perjumpaan itu tidak akan memberi hasil yang baik. Justeru itu sikap pemimpin lebih mirip kepada permusuhan.

Apabila rundingan gagal maka berkatalah nujum-nujum akhbar 'Bukankah kami sudah berkata perjumpaan itu tidak mungkin membawa hasil?'. Maka mereka memuji diri sendiri kerana mereka anggap mereka begitu bijak. Dan negara-negara kecilpun menggeletar kerana takut perang nuklear akan berlaku dan dunia ini musnah sama sekali.

Hakikatnya kuasa besar tahu perang nuklear akan memusnahkan kedua-dua pihak, tetapi masing-masing ingin mempunyai bilangan senjata nuklear yang terbanyak. Maka mereka berbelanjalah sehingga bukan sahaja kedudukan kewangan negara mereka terjejas, tetapi kewangan duniapun menjadi buruk. Yang betul-betul menderita ialah negara-negara membangun seperti Malaysia.

Walaupun umumnya negara-negara di seluruh dunia ternampak tidak sihat, tetapi tidaklah semua negara-negara ini menderita. Ada yang semakin maju dan kaya. Pada analisa yang terakhir maju-mundurnya sesuatu bangsa bergantung kepada bangsa itu sendiri. Negara-negara seperti Korea dan Taiwan memperoleh begitu banyak nikmat semasa dunia tidak sihat kerana sikap bangsa mereka.

Kita dapati mereka ini sanggup bekerja keras supaya barangan keluaran mereka dapat menandingi dari segi mutu dan harga barangan keluaran negara lain. Soal tidak ada bahan utama atau pasaran tempatan yang besar tidak menghalang mereka. Semua ini diatasi dengan ketekunan, kerajinan dan disiplin yang dipupuk oleh kebudayaan mereka secara sedar atau tidak sedar.

Apa yang jelas daripada prestasi yang dicapai oleh negara-negara di dunia di zaman kemelesetan ini ialah maju-mundurnya bangsa dan negara bergantung kepada sifat-sifat yang ada pada penduduknya atau rakyat. Jika rakyat sanggup berusaha dengan penuh minat maka berjajalah negara dan bangsa itu. Jika sebaliknya rakyat tidak sanggup berusaha, segala bantuan menjadi sia-sia sahaja.

Setelah memenangi pilihanraya 1986 dengan mendapat mandat yang besar dari rakyat, Kerajaan telah menumpukan perhatiannya kepada strategi dan usaha untuk meneruskan pembangunan negara. Dengan tidak ada lagi gangguan-gangguan daripada parti-parti lawan, adalah difikirkan bahawa langkah yang diatur oleh Kerajaan dapat dijalankan dengan licin dan lancar.

Dasar luar dan dasar dalam negeri telah diselenggarakan dengan tegas. Walaupun Malaysia adalah negara kecil, kita tegas dalam memperjuangkan sesuatu yang kita fikir adil. Kita telah mengambil bahagian cergas dalam perbahasan dan tegas dalam tindakan mengenai beberapa masalah penting di dunia.

Kita mengecam Soviet Russia kerana menakluk Afghanistan. Secara terbuka kita menyokong Mujahideen Afghan dan kita memberi tempat dan bantuan kepada perwakilan mereka di Malaysia. Sikap kita ini didorong oleh perasaan persaudaraan Islam dan sifat kemanusiaan kita.

Di Asia Barat, kita terus menyokong PLO sebagai wakil tunggal orang-orang Palestine. Kita tidak mahu mengiktiraf kumpulan-kumpulan serpihan. Pendirian kita adalah konsisten.

Berkenaan dengan perang Iraq-Iran kita bukan sahaja berkecuali tetapi berusaha untuk mendamaikan kedua-dua negara ini. Kita menganggap peperangan ini sebagai pembaziran yang hanya menguntungkan Israel dan penyokong-penyokong mereka.

Sikap kita terhadap rejim Afrika Selatan dan apartheid adalah jelas. Kita mengutuk sekeras-kerasnya apartheid dan kita menyokong pemerintahan majoriti kulit hitam di Afrika Selatan.

Kita tidak bermusuhan dengan Amerika Syarikat atau negara-negara Eropah, bahkan kita tidak mahu bermusuhan dengan sesiapa selain daripada Afrika Selatan dan Israel. Tetapi tidak bermusuhan tidak bermakna kalau sesiapa melakukan perbuatan yang kejam, yang tidak adil, kita harus berdiam diri. Sebab itulah kita kecam tindakan Amerika Syarikat dan United Kingdom terhadap Libya.

Memang benar sebagai sebuah negara kecil pendirian kita tidak akan menggoncang dunia, tetapi negara dan bangsa yang bermaruah tidak boleh berdiam diri hanya kerana perbuatan yang buruk dilakukan oleh kuasa yang besar. Keadilan tidak bererti jika ada pilih kasih atau takut. Demikian juga ketegasan tidak bermakna jika kita memilih-milih untuk bersikap tegas.

Dalam sejarah negeri-negeri Melayu terdapat amalan menghantar bunga emas ke negara-negara yang lebih kuat daripada kita. Kita hormati adat tetapi bukan semua adat perlu dikekalkan. Amalan sujud kepada sesiapa sahaja kerana takut atau kerana wang bukanlah adat yang harus kita kekalkan.

Maruah bangsa dan maruah negara perlu kita pertahankan. Jika tidak, kemerdekaan tidak bermakna. Apa dianya kemerdekaan jikalau sesiapa sahaja boleh mengongkang kita? Apa dianya kemerdekaan jika kita letakkan diri kita di bawah telunjuk orang-orang lain?

Kita tidak harus angkuh dan sombong. Kita harus berbaik-baik dengan orang lain. Kita harus sederhana dan toleran. Tetapi semua ini diasaskan kepada 'reciprocity', atau timbalbalas, iaitu jika kita menghormati mereka pihak mereka pula hendaklah menghormati kita. Inilah asas dasar luar negeri kita. Kita bukan 'client' atau negara pelanggan kepada sesiapa.

Di dalam negeri, kita bersikap pragmatis dan terbuka. Malangnya ramai pihak yang mengambil kesempatan menyalahgunakan sikap kita. Satu langkah yang diambil pada tahun 1981 - 1982 ialah untuk tidak menghalang penerbitan akhbar, majalah dan buku-buku dalam negeri. Jika pada hari ini terdapat begitu banyak akhbar-akhbar dan buku-buku, termasuk buku-buku yang melempar fitnah dan tuduhan liar, sebabnya ialah kerana semenjak tahun 1981 kita bersikap lebih liberal.

Sikap liberal Kerajaan diasaskan kepada kepercayaan bahawa masyarakat Malaysia sudah dewasa dan matang dan kenal antara kaca dengan permata. Namun demikian jika kebebasan ini sering disalahguna, sikap liberal ini terpaksa ditamatkan.

Kerajaan juga tidak suka menggunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya. Orang-orang dalam tahanan yang tidak benar-benar mengancam keselamatan negara telah dibebaskan. Darpada hampir 600 orang dalam tahanan sebelum Kerajaan ini mengambilalih, kini hanya 30 orang 'hard-core terrorists' sahaja yang masih ditahan. Namun demikian jangan sesiapa memikir bahawa Kerajaan ini lemah. Jika ada sesiapa yang cuba menimbulkan huru-hara tindakan tegas akan diambil.

Semenjak tiga tahun yang lepas kita telah cuba memperbaiki kedudukan kewangan negara. Kita tidak lagi berhutang tanpa mengambilkira pembayaran balik yang mesti dipikul oleh negara kelak. Kita telah mengurangkan perbelanjaan Kerajaan yang sering meningkat dahulu. Kita telah cuba mengurangkan beban bayaran gaji dengan cara memindah kepada swasta bahagian-bahagian khidmat Kerajaan yang difikirkan tidak semestinya diuruskan oleh Kerajaan.

Kemelesetan ekonomi dunia serta kejatuhan secara menyeluruh semua harga bahan mentah memerlukan perubahan strategi ekonomi kita. Di waktu ini negara-negara yang mengeluarkan barangan buatan seperti Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong mendapat kelebihan dagangan yang amat tinggi. Kita bernasib baik kerana di waktu bahan mentah masih berharga tinggi kita tidak lupa akan sektor pembuatan. Kita telah meningkatkan perkembangan industri asas (basis industries) dan lain-lain perusahaan pembuatan.

Justeru itu di zaman kemelesetan harga bahan mentah ini kita dapat menumpang industri pembuatan. Kita sudah menjadi negara utama di dunia dalam pengeluaran komponen elektronik dan alat pendingin. Industri tekstil dan pakaian juga mencapai kejayaan yang cemerlang.

Di antara industri berat, kilang kereta Proton mempunyai potensi yang tinggi. Semenjak ianya mula mengeluarkan kereta, kilang Proton menarik minat bukan sahaja mereka yang ingin mengimport Proton Saga ke negara-negara mereka, tetapi juga syarikat-syarikat motor antarabangsa yang bercadang menggunakan kilang Proton untuk mengeluarkan komponen kereta mereka.

Kilang Proton juga membantu kilang-kilang komponen tempatan dan ramai peniaga dan pengusaha lain. Peniaga kecil dan penjaja juga mendapat nikmat daripada industri kereta ini.

Sepertimana termaklum tumpuan tidak diberi kepada perniagaan dan perusahaan besar sahaja. Perusahaan-perusahaan kampung, peniaga-peniaga semuanya mendapat bantuan dalam bentuk wang atau kemudahan seperti ruang atau tempat berniaga. Barangan kerja tangan mendapat pasaran yang baik dan mutu barangan ini diperingkatkan. Di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur terdapat pusat pasaran kraftangan

iaitu Karyaneka. Masalahnya sekarang ialah untuk mendapat barangan yang bermutu yang memenuhi permintaan yang kian meningkat.

Perniagaan dan perusahaan yang bukan tradisional telah diperkenalkan oleh agensi-agensi Kerajaan dan disambut baik oleh bumiputera. Jambu, pisang emas, jagung, kelapa muda, asparagus. Sate yang dahulu dapat dijual oleh orang yang pandai buat sate sahaja, sekarang dapat dijual oleh sesiapa sahaja melalui sistem 'franchise'. Pendek kata jika ada kesanggupan, memang ada peluang berniaga atau berusaha.

Kemelesetan ekonomi membawa kesan yang buruk kepada hampir semua negara membangun. Memang ada sebuah negara jiran yang ekonominya mencatatkan pertumbuhan. Pertumbuhan ini, di antara lain, disebabkan mereka tidak ada masalah pembahagian kekayaan antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

Jika kita tidak perlu mengawasi pertumbuhan ekonomi untuk menentukan perbezaan antara kaum tidak menjadi lebih ketara, atau dengan perkataan lain, jika kita sanggup gugurkan sahaja DEB, pertumbuhan ekonomi negara kita juga akan meningkat dengan pesat. Tetapi DEB adalah pilihan kita. Kita tidak mahu berbangga dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat tetapi bumiputera menjadi papa-kedana. Dasar Kerajaan sekarang adil dan saksama antara kaum walaupun terjejas sedikit pertumbuhan ekonomi. Biarlah kita lambat sedikit asalkan selamat.

Di antara dasar dan matlamat terpenting Kerajaan ialah Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Tekanan utama Kerajaan ialah terhadap nilai-nilai seperti persaudaraan, amanah, disiplin, kejujuran, keadilan, tuntutan kekayaan di dunia secara halal, toleransi dan lain-lain nilai murni.

Di antara nilai-nilai Islam ialah kita tidak menggunakan paksaan untuk menenun orang lain turut kita. Islam lebih mengutamakan pujuk rayu daripada paksaan. Menggambarkan Islam sebagai agama yang tidak toleran, tidak bertimbang rasa dan kejam adalah perbuatan yang mencemar nama baik Islam dan menyekat perkembangannya.

Selaras dengan penerapan nilai-nilai Islam kita telah berusaha untuk memberhentikan pengurusan dalam semua bidang. Setelah ekonomi negara mengalami kemerosotan, maka terdedahlah beberapa amalan yang tidak sihat di kalangan para peniaga dan para pengurus. Tindakan telah diambil terhadap mereka yang menyamun duit orang lain yang diamanahkan kepada mereka. Malangnya kita tidak dapat mengesan dan mendapat bukti secukupnya akan kecurangan pengarah-pengarah, pengurus-pengurus dan peniaga-peniaga ini. Tetapi kita tidak putus asa. Akan kita tentukan penipu akan menerima balasan yang setimpal dengan jenayahnya.

Di samping itu Kerajaan tidak mahu melihat mereka yang tertekan kerana kemelesetan ekonomi dijadikan sasaran tindakan bank-bank umpamanya. Institusi-institusi kewangan telah dinasihatkan supaya tidak terlalu keras menuntut bayaran

atau mengambil tindakan undang-undang. Kerajaan tidak mahu melihat peniaga dan pengusaha bumiputera khususnya, tersekat apabila ekonomi pulih semula.

Pengurusan Kerajaan tidak dilupakan dalam usaha memelihara ekonomi negara di zaman kemelesetan. Kerajaan percaya ubat yang paling mustajab sekali di waktu kita tidak berada ini ialah mengurangkan belanja ke paras yang kita mampu sahaja dan meningkatkan lagi daya pengeluaran. Kita boleh meminjam lagi untuk berbelanja seperti di zaman mewah, tetapi ini bermakna menggadaikan masa depan kita.

Tindakan penswastaaan dan pengurangan kakitangan Kerajaan adalah bertujuan mengurangkan beban Kerajaan. Seberapa yang mungkin kita akan tentukan tidak ada sesiapa yang teraniaya kerana pendekatan ini.

Sebenarnya, kesan baik dari tindakan-tindakan Kerajaan sudahpun mula di rasai. Rizab kita sudah meningkat sekali ganda berbanding dengan keadaan tiga tahun dahulu. Perbelanjaan pembangunan bagi Rancangan Malaysia Kelima dapat ditingkatkan semula daripada 37 ribu juta kepada 48 ribu juta ringgit. Kita telah dapat menyelamatkan 2 ribu juta ringgit wang pampasan kerana projek-projek yang telah diikatjanji tidak perlu dibatalkan.

Projek-projek Kerajaan di zaman dahulu adalah projek sosial semata-mata. Jalanraya dibina tanpa banyak mengambkira perolehan daripadanya. Demikian juga khidmat telefon, pelabuhan, pelajaran, perubatan dan lain-lain. Jika bayaran dikenakan, ini adalah sebagai mengambil syarat sahaja.

Kerajaan membiayai khidmat-khidmat ini melalui cukai daripada punca lain – seperti cukai pendapatan, cukai eksport dan import, cukai jalan dan cukai jualan. Di waktu kos pentadbiran rendah kita dapat membiayai khidmat-khidmat sosial dari cukai biasa. Tetapi sekarang kos sudah meningkat berpuluh kali ganda. Oleh kerana itu sebahagian daripada kos khidmat perlu dipindahkan kepada pihak swasta atau Kerajaan memungut sedikit bayaran daripada khidmat tertentu.

Kerajaan tidak boleh dan tidak berhajat untuk mendapat balik semua kos yang terlibat. Jika diswastakan sekalipun, elemen subsidi terpaksa diadakan dengan pihak swasta yang akan diperolehi. Sebab itulah kita sanggup memajak seluruh sistem kere-tapi dengan bayaran \$1 sahaja.

Maruah sesuatu bangsa tidak boleh dipertahankan semata-mata dengan meminta supaya orang lain tidak menghinakan bangsa itu. Apa yang perlu dibuat ialah membuktikan bahawa bangsa berkenaan mempunyai sifat-sifat yang mulia dan berjaya.

Dalam bidang politik orang-orang Melayu telah berjaya sehingga kini. Tetapi dalam bidang agama, sosial dan ekonomi pencapaian kita belum begitu memuaskan.

Kita belum berjaya dalam bidang agama kerana jelas sekali kita tidak meng-

amalkan banyak daripada ajaran Islam. Ada di antara kita tidak mahu bersaudara, kita sering membelakangkan amanah, kita tidak begitu toleran, kita tidak begitu memberi penghargaan kepada keadilan dan lain-lain lagi. Sebab itulah kita menganjurkan penerapan nilai-nilai Islam.

Dalam bidang sosial orang-orang Melayu sering memencilkan diri daripada orang lain. Justeru itu kita tidak begitu berjaya mempengaruhi sesiapa. Kita lebih suka menggunakan kuasa untuk mendapat kerjasama daripada mengguna kemesraan untuk tujuan yang sama. Untuk kejayaan dalam bidang politik, sosial dan ekonomi, pergaulan kita sesama sendiri dan dengan kaum-kaum lain adalah faktor yang penting.

Di dalam bidang ekonomi kejayaan kita amat terhad. Pencapaian sebanyak 18% bagi kaum bumiputera dalam bidang ekonomi diperolehi kerana peranan agensi-agensi Kerajaan. Sebilangan kecil orang-orang Melayu mencapai sedikit kejayaan bergantung semata-mata kepada perniagaan dengan Kerajaan. Tanpa Kerajaan, orang Melayu tidak dapat bersaing.

Ini bukanlah pencapaian yang dimaksud dan diharapkan oleh kita dalam perancangan DEB. Kita hendak orang-orang Melayu menyertai bidang ekonomi dengan kebolehan dan kekuatan mereka sendiri. Jika Kerajaan membantu, ini adalah pada permulaan sahaja atau dalam pembekalan kemudahan-kemudahan asas untuk membusi bidang yang dimonopoli oleh kaum-kaum lain.

Menyedari hakikat ini kita telah cuba mengenalpasti akan sebab-sebab kegagalan orang-orang Melayu dalam berbagai bidang. Kita dapati ada kelemahan yang ketara daripada segi sifat-sifat serta sikap-sikap orang-orang Melayu. Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini Kerajaan bercadang untuk mengadakan kursus-kursus secara menyeluruh untuk mendedah dan memperkenalkan kepada orang-orang Melayu khususnya akan sifat-sifat dan sikap-sikap yang menjadi penghalang kepada kejayaan mereka dan bagaimana mereka boleh mengatasi halangan-halangan ini.

Kem-kem latihan untuk maksud ini, serta juga pelatih-pelatih sudah disediakan. Demikian juga kurikulum dan bentuk kursus. Dalam peringkat pertama pemimpin-pemimpin politik di peringkat tertinggi sekali dan pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan Persekutuan dan negeri telahpun mengikuti kursus ini.

Tekanan dalam kursus ini ialah mengkritik diri sendiri dan bukan mengkritik orang lain. Setelah mengenali kelemahan diri sendiri maka baharulah seseorang itu akan dapat membetulkan dirinya. Amalan mengkritik orang lain tidak digalakkan kerana orang lain tidak akan membetulkan diri mereka kerana teguran dari kita.

Setakat ini hasil kursus ini adalah memuaskan. Adalah diharapkan melalui kursus-kursus ini kita akan dapat melahirkan orang-orang Melayu yang lebih cekal, lebih bertanggungjawab dan lebih berdedikasi dalam segala usaha mereka. Jika maksud kursus ini dicapai, orang-orang Melayu khususnya, tidak akan lagi bergantung

semata-mata kepada Kerajaan dan kuasa politik untuk menentukan kejayaan mereka. Mereka akan berjaya kerana kebolehan mereka sendiri. Dengan ini masa depan mereka akan lebih terjamin.

UMNO adalah harapan orang-orang Melayu. Segala-galanya yang kita nikmati hari ini adalah hasil perjuangan UMNO. Kita telah menangkis Malayan Union, kita telah mencapai kemerdekaan, kita telah mengisikan kemerdekaan ini dengan pembangunan, kita telah meningkatkan ekonomi dan pelajaran orang-orang Melayu dengan menggunakan kekuatan yang kita dapati daripada UMNO.

Jika UMNO berjaya menghasilkan semua ini sebabnya bukanlah semata-mata kerana UMNO merupakan sebuah pertubuhan yang bersemangat kebangsaan. Semangat kebangsaan penting dalam memperjuangkan kemerdekaan dan semua parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan memang mempunyai semangat kebangsaan. Bahkan banyak parti-parti politik yang lebih kuat semangat kebangsaan mereka daripada UMNO.

Tetapi setelah merdeka, banyak parti-parti politik kebangsaan di lain-lain negara tidak dapat memerintah dengan sempurna dan membawa kebahagiaan kepada bangsa mereka. Bermacam-macam masalah dan penyakit menyerang parti-parti ini. Akibatnya negara yang mereka bebaskan daripada penjajah menjadi lemah dan mundur dan rakyat menderita lebih daripada di zaman penjajah. Banyak daripada parti-parti ini bertukar corak dan mengeneipkan demokrasi. Banyak yang berpecah dan hilang begitu sahaja.

Sebaliknya, UMNO mempunyai falsafah yang membolehkannya membawa kebahagiaan dan kesejahteraan kepada rakyat dan negara. Kerana UMNO tidak terlalu ekstrim, UMNO dapat membentuk satu rangka kerjasama dengan lain-lain kaum dan parti-parti politik di Malaysia. UMNO mengutamakan keamanan dan tidak suka kepada keterlaluan. UMNO menghormati dan memegang kuat kepada konsep dan amalan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Perlembagaan.

Hasilnya ialah Sabah dan Sarawak dapat menyertai Semenanjung dan tertubuhlah Malaysia. Penduduk berbagai kaum dan suku-kaum dapat hidup aman dan dapat bekerjasama dengan tidak merusuh seperti berlaku di negara-negara lain.

Hasilnya ialah pembangunan desa dan pembangunan bandar yang pesat. Hasilnya ialah pelaburan pekerjaan kepada sebahagian besar daripada belia-belia yang membanjiri pasaran kerja daripada sekolah-sekolah dan universiti-universiti.

Memang benar kita menghadapi bermacam-macam masalah dan dugaan. Parti-parti lawan tumbuh dengan subur dalam sistem demokrasi tajaan UMNO. Pada satu ketika, negara-negara jiran berkonfrontasi dengan kita. PAP semasa Singapura berada di dalam Malaysia telah mengugut ketenteraman dengan slogan 'Malaysian Malaysia' mereka. Pakistan memutuskan hubungan diplomatik dengan kita kerana sokongan kita kepada India. Kita dianggap sebagai "neo-colonialist" kerana dasar kita menyokong kuasa-kuasa barat ketika itu.

Di dalam negeri pula, Kelantan mengugut menarik diri dari Persekutuan. Sarawak di bawah seorang pemimpin tertentu menolak kuasa pusat dan Sabah bergelora apabila sebilangan daripada penduduk Sabah mengugut untuk keluar dari Malaysia kerana Singapura sudah disingkir dari Malaysia.

Pengganas komunis terus mengganas selepas merdeka. Ketua Polis Negara dibunuh di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur dan Tugu Peringatan dibom. Ketua Polis Perak ditembak mati. Ramai anggota keselamatan terbunuh atau cedera.

Tentera Merah Jepun menawan Bangunan American International Assurance. Rusuhan kaum berlaku pada tahun 1969 dan beberapa kawasan di Kuala Lumpur dibakar.

Memang terdapat tragedi dan peristiwa buruk dalam sejarah Malaysia yang merdeka. Tetapi negara yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin UMNO, negara yang Kerajaan mempunyai UMNO sebagai teras Kerajaan campuran telah berjaya mengatasi semua masalah ini. Semua peristiwa buruk menjadi peristiwa sementara, berkat kecekapan UMNO yang menerajui Kerajaan.

Selagi UMNO kukuh dan kuat, keupayaan UMNO mengatasi masalah tidak boleh dipertikaikan. Falsafah UMNO amat sesuai untuk pemerintahan sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia. UMNOlah yang memberi kestabilan kepada negara Malaysia ini.

Allahyarham Tun Dr. Ismail telah berkata bahawa apabila generasi selepas merdeka dewasa, mereka akan menimbulkan masalah. Mereka ini tidak tahu pahit-maung perjuangan untuk kemerdekaan. Mereka ini akan menganggap kemerdekaan dan segala nikmat daripadanya sebagai perkara biasa. Mereka ini juga akan mempunyai "expectation" yang tinggi.

Memang benar apa yang diperkatakan oleh pemimpin terkemuka UMNO ini. Tetapi Allahyarham Tun Dr. Ismail tidak menduga semua masalah yang akan menyerang UMNO. Oleh kerana generasi muda perlu diberi tempat dalam UMNO maka terkecewalah beberapa ahli yang lebih awal menyertai UMNO.

Masalah pemimpin-pemimpin UMNO ialah sementara minat untuk memeluk gunung ada, tetapi apakan daya tangan tak sampai. Seperti selimut yang pendek, menutup dada mendedahkan peha, menutup peha mendedahkan dada. Telan mati emak, luah mati bapa. Masalah ini akan menyerang sesiapa juga yang memimpin UMNO.

Falsafah perjuangan UMNO tidak ada tokoh bandingnya. Ia tidak boleh dipertikaikan. Ia amat sesuai bagi negara berbilang kaum ini di mana kaum bumiputera, khususnya orang-orang Melayu, begitu memerlukan perlindungan dan bantuan.

Tetapi setelah ada di antara kita yang memilih untuk membelakangkan tradisi, dan setelah beberapa orang ahli mendahulukan cita-cita mereka daripada cita-

cita bangsa, falsafah UMNO tergutur dan tidak lagi dapat menjamin kejayaan UMNO.

Nasib sesuatu bangsa ditentukan oleh bangsa itu sendiri. Allah S. W. T. tidak menghampakan bangsa yang berikhtiar dan berusaha. Tuhan juga tidak akan menolong mengubah nasib sesuatu bangsa jika bangsa itu tidak berusaha untuk mengubah nasib mereka sendiri.

UMNO sebagai kumpulan yang terpenting dalam masyarakat Melayu tidak boleh mengecualikan diri daripada terlibat dengan perubahan dan nasib bangsa Melayu. Dan sebenarnya penubuhan UMNO dan perlembagaannya mengiktiraf dan mengakui tanggungjawab UMNO dalam menentukan nasib bangsa Melayu, agama Islam dan negara.

Sejarah menyaksikan peranan UMNO, ahli-ahlinya dan pemimpin-pemimpinnya. Sejarah akan memuji atau mengutuk orang Melayu mengikut kejayaan atau kegagalan mereka. Kita tahu sejarah memberi nilai yang tinggi terhadap pencapaian UMNO sehingga hari ini. Terpulanglah kepada kita semua untuk menentukan hukuman sejarah terhadap apa yang akan terjadi dari hari ini sehingga kepada dekad-dekad yang akan datang.

Ingatlah, tidak ada seorang pun daripada kita, termasuk saya sendiri, yang penting. Tidak ada seorang ahli UMNO atau pemimpin-pemimpin UMNO yang penting walau apapun jawatan mereka. Yang penting ialah pertubuhan ini, UMNO sebagai sebuah badan untuk mengubah nasib orang-orang Melayu. Tanpa UMNO tidak ada satupun yang boleh dibuat oleh sesiapa daripada kita, walau bagaimana bijak dan pintar orang itu.

Oleh itu, haruslah kita berfikir dengan sedalam-dalamnya tentang peranan kita dalam perhimpunan ini. Janganlah sejarah, janganlah generasi yang akan datang, janganlah anak cucu kita mengutuk kita kerana kita membenarkan nafsu menguasai kita dan kita kecewakan harapan mereka.

Saya berdoa supaya kita akan selamat bersidang. Saya berdoa semoga kita semua diberi taufik dan hidayah oleh Allah Subhanahu Wataala.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERSIDANGAN PERWAKILAN PARTI GERAKAN
DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA , KUALA LUMPUR
6HB. JUN 1987

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat GERAKAN kerana telah sudi menjemput saya merasmikan Persidangan Perwakilan Parti ini. Saya berharap Persidangan Perwakilan ini akan berjalan lancar dan hal ini dengan sendirinya akan menggambarkan kematangan ahli-ahli parti.

Barisan Nasional telah wujud berbelas tahun, dan sebelumnya Perikatan juga telah wujud sekian lama. Dengan itu, parti-parti komponen bolehlah sekarang dikatakan sebagai sudah matang. Walaupun sesebuah parti komponen itu akan menempuh masa turun dan naiknya, namun parti-parti komponen telah membuktikan keupayaan mereka untuk bersatu-padu dalam menghadapi pilihanraya-pilihanraya dan berbagai-bagai cabaran yang lain. Ini telah dibuktikan dari masa ke semasa. Pada masa-masa yang akan datang juga saya percaya parti-parti komponen yang menghadapi sedikit sebanyak cabaran akan dapat menempuhnya dengan jaya dan bersatu akhirnya. Perpaduan yang jitu di kalangan parti-parti komponen sangatlah penting supaya dapat kita bersama-sama memberikan kepimpinan yang diperlukan ke arah membangunkan negara kita.

Buat masa ini ada parti-parti komponen dalam Barisan Nasional yang sedang menghadapi sedikit sebanyak cabaran dalam parti sendiri, dan ini termasuklah UMNO dan parti GERAKAN. Perkara ini tidaklah merisaukan sangat oleh kerana Barisan Nasional telahpun menempa kecemerlangan dalam pilihanraya umum tahun lalu. Bahkan dalam pertandingan di Gopeng baru-baru ini, kemampuan Barisan Nasional mencapai kejayaan nyata sekali. Apa yang diharapkan ialah apa-apa cabaran yang terdapat di kalangan parti-parti komponen akan di antara lain meningkatkan kematangan berpolitik ahli-ahli mereka.

Pada kita yang penting ialah menjaga perpaduan keseluruhannya terutama apabila kita sedang menghadapi satu-satu cabaran seperti kemelesetan ekonomi atau ketegangan politik atau sosial. Perpaduan di kalangan ahli-ahli sesebuah parti komponen dan di kalangan parti-parti komponen sendiri adalah sangat penting bagi mengatasi segala masalah atau cabaran. Kejayaan yang cemerlang pula adalah sangat penting bagi Barisan Nasional supaya dapat memerintah negara ini dengan lebih berkesan lagi. Tidak mungkin kita dapat memerintah negara ini dengan lebih berkesan sekiranya Barisan Nasional mendapat sokongan yang terhad.

Mengenai GERAKAN pula, saya berasa bangga dengan kejayaan yang telah ditempa oleh parti ini. Kekukuhan dan ketuhanan mana-mana parti komponen sesungguhnya adalah satu sumbangan kepada kekuatan dan kekesanan Barisan Nasional. Dalam hal ini, seharusnya tidak timbul apa-apa perasaan cemburu di antara ahli-ahli komponen Barisan Nasional yang lain, dan sememangnya saya percaya tidak ada perasaan cemburu di antara satu parti komponen dengan parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional mengenai apa-apa kemajuan yang dikecapi oleh mana-mana parti komponen. Sebaliknya, kita harus saling sokong-menyokong kerana kita semua sebenarnya merupakan ahli-ahli dalam satu keluarga yang besar di mana kekuatan kita ibarat kata orang puteh, adalah 'as strong as the weakest link'.

Barisan Nasional merupakan satu parti yang matang dan mempunyai cukup pengalaman untuk menakhodakan negara kita ke arah kejayaan yang lebih pesat lagi. Ini adalah kerana Barisan Nasional mempunyai nilai-nilai yang mewakili berbagai kaum di negara ini dan diterima dan mendapat sambutan daripada rakyat keseluruhannya. Ini terbukti pada setiap kali kita mengadakan pilihanraya. Tidak ada parti lain daripada Barisan Nasional yang boleh mengaku dirinya, ataupun telah membuktikan kemampuannya untuk mewakili masyarakat majmuk seluruh negara kita ini. Dan hakikat ini jelas kerana pada setiap kali diadakan pilihanraya rakyat akan menolak segala rayuan, janji-janji atau laungan parti lain. Dan keyakinan rakyat kepada Barisan Nasional inilah yang harus kita pelihara dan pupuk dengan sebaik-baiknya supaya ianya berterusan.

Mengenai ekonomi pula, kita harus berbangga dengan perkembangannya akhir-akhir ini. Harga barangan kita telah mula meningkat semula. Pelaburan jua telah meningkat, sama ada pelaburan daripada para pelabur luar mahupun dalam negeri. Keyakinan terhadap iklim ekonomi negara kita semakin menebal. Semua ini adalah fakta-fakta yang tidak boleh kita nafikan. Kita bertanggungjawab untuk sama-sama menguatkan lagi keyakinan ini. Salah satu langkah yang boleh kita sama-sama lakukan ialah menangkis gejala khabar-khabar angin yang diada-adakan bagi menguruhkan semula suasana ekonomi kita.

Kita seharusnya tidak terpengaruh dengan berita rekaan yang dibawa oleh anasir-anasir anti-nasional itu, sebaliknya kita harus menaruh keyakinan dan meneliti beberapa fakta yang jitu mengenai ekonomi negara kita. Umpamanya rizab antarabangsa Bank Negara kita telah meningkat tahun lalu sebanyak \$3, 883 juta berbanding daripada tahun 1985. Ini menjadikan rizab antarabangsa kita berjumlah kira-kira \$16,358 juta, iaitu satu jumlah yang tertinggi yang pernah negara kita capai sejak hampir 30 tahun kemerdekaan kita. Jumlah rizab kita ini adalah sama juga dengan keupayaan kita mengimport selama 7. 1 bulan. Sebagai perbandingan, pada penghujung tahun 1985, rizab antarabangsa kita boleh menampung import selama 5 bulan sahaja. Pada suatu masa rizab negara kita pernah turun sehingga bersamaan kira-kira 3. 5 bulan import sahaja.

Di samping itu kita harus juga bersyukur yang imbalan pembayaran atau 'balance of payment' negara kita tahun lalu mencatatkan kelebihan sebanyak \$4,131

juta. Inipun satu rekod iaitu yang tertinggi yang pernah dicatatkan oleh negara kita. Jumlah lebihan ini adalah \$922 juta lebih tinggi daripada lebihan tahun sebelumnya.

Kita tidak harus panik apabila berhadapan dengan sesuatu masalah seperti kemelesetan ekonomi. Melempar tuduhan bahawa orang itu salah, orang ini salah atau dasar itu salah dan dasar ini salah bukan caranya bagi membetulkan keadaan. Apa yang penting ialah mengkaji sesuatu gejala dengan tenang, menentukan sebab-sebab yang sebenar, dan menyusun langkah untuk mengatasi masalah itu. Jika kita panik dan 'react' secara membuta-tuli, maka keadaan akan menjadi lebih buruk lagi.

Kemelesetan ekonomi negara kita disebabkan kita terlalu bergantung kepada eksport bahan mentah untuk mendapat tukaran asing. Sebaliknya kita boleh lihat beberapa 'Newly Industrialising Countries' atau NICs di Timur Asia mengalami pertumbuhan ekonomi yang amat tinggi kerana mereka bergantung kepada eksport barangan buatan. Dalam pada itu kita juga harus sedar bahawa kurang larisnya eksport bahan mentah kita ialah kerana kita adalah 'high-cost producers' dan tidak dapat bertanding dengan bahan-bahan lain atau punca-punca lain.

Memandang kepada hakikat ini strategi kita, yang pertama, ialah cuba mengurangkan kos pengeluaran bahan mentah kita dan yang kedua ialah menumpu kepada bidang pembuatan atau 'manufacturing' untuk membantu pendapatan tukaran asing.

Pihak Kerajaan telah membenarkan nilai matawang kita jatuh sedikit dan ini menolong mengurangkan kos pengeluaran kita. Tetapi ini tidak boleh diharapkan sangat kerana ringgit yang murah meningkatkan kos bahan import yang diperlukan untuk 'manufacture'. Penurunan kadar faedah bank juga boleh menolong. Tetapi, akhirnya yang terpenting ialah kecekapan pengurus-pengurus kita mengurangkan kos pengeluaran.

Dalam bidang pembuatan, kepakaran atau 'expertise' kita agak terhad. Namun demikian kita boleh mengatasinya dengan mengadakan usahasama dengan pedagang-pedagang asing. Tanda-tanda menunjukkan bahawa kemampuan kita dalam bidang pembuatan sudah meningkat. Saya yakin bahawa akhirnya kita akan mempunyai 'optimum mix' antara eksport bahan mentah dengan eksport barang mentah. Yang penting ialah kita tidak mudah kecewa. Sebagai rakyat Malaysia kita harus menerima 'the good with the bad'. Kalau kita menjadi 'fine weather citizen' sahaja, janganlah marah jikalau ketaatan kita dipersoalkan. Pemimpin-pemimpin Gerakan, seperti juga pemimpin-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional, mempunyai tanggungjawab menjelaskan keadaan yang sebenarnya kepada rakyat.

Saya berharap Persidangan ini akan dapat membawa GERAKAN ke arah kekuatan yang bertambah lagi. Saya mempunyai keyakinan bahawa GERAKAN akan dapat memainkan peranan yang lebih lagi dalam membangunkan masyarakat dan negara.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat GERAKAN kerana menjemput saya ke Persidangan Perwakilan ini. Saya berharap GERAKAN akan terus mencapai kejayaan pada tahun-tahun yang akan datang.

Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya membuka Persidangan Perwakilan Parti GERAKAN ini dengan rasminya.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MCA DI WISMA MCA
KUALA LUMPUR
11HB. JULAI, 1987

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ini. Kepada para perwakilan sekalian saya berharap Perhimpunan ini akan menghasilkan sesuatu yang akan membantu mengukuhkan lagi MCA dan Barisan Nasional.

Kejayaan Barisan Nasional berdiri dan memerintah negara ini semenjak kita mencapai kemerdekaan adalah kerana kita terdiri daripada golongan yang 'moderate'. Kita lebih suka menyelesaikan masalah antara kita dan masalah negara melalui rundingan di meja daripada berkonfrontasi sesama kita. Parti-parti lain tidak mungkin berjaya memerintah dalam negara berbilang kaum ini kerana mereka lebih suka bersengketa daripada bermuafakat. Mereka berpendirian ekstrim dan menuntut dengan suara lantang kerana kononnya inilah cara demokrasi. Akibatnya, demokrasi menang tetapi mereka kalah dan masyarakat rugi.

Kejayaan kita ini bukanlah tidak dengan pengorbanan. Sedikit sebanyak kita semua telah membuat pengorbanan demi kebaikan bersama. Kita tidak suka 'kalah sabong, menang sorak' atau mengikut pepatah Inggeris 'win the battle but lose the war'. Kata pepatah Inggeris lagi, 'half a loaf is better than no bread'. Pihak yang keterlaluan di kalangan kita suka membuat tuntutan yang ekstrim yang tidak mungkin dijayakan. Tetapi kepimpinan yang bertanggungjawab di kalangan kita masih sanggup memimpin ke arah kesederhanaan supaya kita dapat sekurang-kurangnya 'half a loaf' dan kita korbankan yang setengah lagi. Harus kita ingat bahawa pihak lain juga mesti menjaga kredibiliti mereka, dan perlu menerima 'the other half'. Inilah falsafah Barisan Nasional yang telah memberi kejayaan kepada kita sejak merdeka.

Ekonomi negara kita telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan dan saya percaya ini adalah berita yang baik kepada kita semua. Dan untuk menentukan supaya pemulihan ekonomi terus berjalan dengan lancar, rakyat Malaysia keseluruhannya dan lebih-lebih lagi para pemimpin hendaknya janganlah melakukan perkara-perkara atau meluahkan kata-kata yang mungkin secara langsung ataupun tidak, menggugat pemulihan ekonomi ini. Kadang-kadang saya rasa seolah-olah kita orang-orang Malaysia adalah musuh ketat diri kita sendiri — 'we Malaysians

are our own worst enemies'. Kita lebih awal condemn apa juga rancangan untuk kebaikan yang kita buat sehingga orang lain juga tidak dapat yakin akan kebolehan kita. Dengan kehilangan keyakinan oleh semua pihak, maka rancangan kita pun gagal. Maka puaslah hati 'the prophets of doom' ini kerana ramalan mereka telah menjadi kenyataan. Sebaliknya, bangsa-bangsa yang berjaya lebih suka mengalu-alukan rancangan mereka sendiri, dan untuk memelihara maruah dan komitmen mereka, mereka berusaha supaya rancangan mereka tetap berjaya. 'We cannot win if we start off by saying we will lose and then to ensure that our prediction is right we work against the possibility of winning'. Inilah yang selalu berlaku di Malaysia.

Parti-parti komponen Barisan Nasional masing-masing sememangnya berjuang untuk memajukan kedudukan sosio-ekonomi dan juga politik masyarakatnya sendiri. Ini tidak menjadi satu kesalahan. Walau bagaimanapun dalam kita memperjuangkan kepentingan kaum kita sendiri, kita mestilah sentiasa berpandu dan mengamalkan kesederhanaan dan bersikap rasional dalam setiap kegiatan kita. Kita mestilah sentiasa berhati-hati dalam membuat apa-apa tuntutan jika kita hendak mengelakkan diri daripada dituduh bertindak keterlaluan. Di sinilah letaknya kebijaksanaan dan kematangan seseorang pemimpin itu.

Kebelakangan ini pula kita banyak mendengar dan membaca di akhbar-akhbar mengenai begitu banyak pendapat yang berlainan di antara parti-parti komponen Barisan Nasional mengenai beberapa perkara sehingga ianya memberi gambaran seolah-olah parti-parti komponen Barisan Nasional tidak lagi sepakat dan sealiran. Apa yang tidak diberi perhatian ialah kejayaan Barisan Nasional mengatasi masalah akhirnya. Jika kita pandang ke belakang, kita akan lihat begitu banyak perselisihan yang difikir akan menghancurkan Barisan Nasional, sekarang ini tidak menjadi masalah lagi. Kita sudah menyelesaikan masalah-masalah ini. Anggapan orang lain bahawa Barisan Nasional sudah lemah adalah mimpi mereka.

Sepertimana kita semua sedia maklum, Barisan Nasional bergerak dan bertindak berpandukan, di antara lain, kepada prinsip-prinsip kerjasama, bermuafakat dan bantu membantu di antara satu sama lain. Barisan Nasional lebih mengutamakan mesyuarat dan 'concensus'. Barisan Nasional juga mementingkan kerjasama, toleransi dan semangat tolak-ansur di antara parti-parti komponen dalam usaha-usahanya untuk mencapai persetujuan. Barisan Nasional lebih suka berbincang sesama sendiri dahulu secara tertutup sekiranya berbangkit sesuatu isu yang dianggap penting. Inilah yang kita lakukan semenjak dahulu lagi dan tindakan-tindakan kita telah berjaya menyelesaikan berbagai-bagai masalah, yang kalau tidak dapat diatasi, tetap akan menghancurkan parti dan kerajaan campuran.

Walaupun bagaimanapun, pada akhir-akhir ini prinsip toleransi, tolak-ansur dan kerjasama ini, pada hemat saya, nampaknya agak tergugat sedikit. Terdapat pihak-pihak tertentu yang telah membelakangkan prinsip mesyuarat kita ini, prinsip sepakat dan prinsip saling hormat-menghormati. Terdapat juga di kalangan parti-parti komponen pihak-pihak yang kerap dan nyaring menyuarakan sesuatu tanpa mengambilkira asal-

usul perkara yang dibangkitkan itu dan tanpa memperhitungkan akibat tindakan gopoh mereka.

Saya berpendapat sekiranya ada ketidakpuasan hati mengenai sesuatu perkara, parti-parti komponen Barisan Nasional sepatutnyalah menggunakan saluran yang sedia ada antara parti. Dengan berbuat demikian, kita dalam Barisan Nasional dapat membincangkan sesama kita secara tertib, teratur dan rasional. Jika tidak, faktor 'public posture' akan 'complicate' usaha ke arah penyelesaian.

Perjuangan Barisan Nasional dan perjuangan Kerajaan yang dibentuk oleh Barisan Nasional adalah untuk menentukan Malaysia terus aman, makmur, stabil dan tenteram. Tetapi jika kita tidak berjaga-jaga kestabilan yang telah kita capai akan hilang.

Satu gejala politik yang perlu diawasi di negara ini ialah kegiatan memindah kesetiaan wakil rakyat dari satu parti kepada parti lain. Jika pemindahan ini adalah kerana perbezaan pendapat atau ideologi, ini tidak mengapa, walaupun agak tidak 'ethical'. Wakil dipilih oleh rakyat kerana, antara lain, ia dicalonkan oleh parti tertentu. Jika ia tidak bersetuju lagi dengan partinya, ia sepatutnya mengosongkan tempatnya.

Apa yang menjadi semakin jelas ialah pemindahan ini adalah kerana wakil rakyat itu disogok atau dijanjikan wang atau sesuatu yang lain. Perbuatan seumpama ini tidak berbeza dengan penerimaan rasuah untuk tujuan tertentu.

Rasuah, walau apa juga bentuknya, tidak boleh dipandang ringan oleh masyarakat atau Kerajaan. Jika disyaki bahawa pemindahan kesetiaan mana-mana wakil rakyat adalah kerana disogok wang atau lain-lain cara yang sedemikian, siasatan akan dibuat terhadap wakil berkenaan dan jika didapati benar, tindakan undang-undang akan diambil terhadapnya. Politik wang tidak boleh dibenarkan berleluasa di negara ini. Jika Kerajaan sudah boleh dibeli, maka bukan sahaja demokrasi tidak bermakna lagi, tetapi juga negara ini mungkin diperkosa oleh orang yang kaya, dan lebih buruk lagi oleh kuasa asing. Oleh sebab itu, Kerajaan memandang berat terhadap sebarang kegiatan yang cuba menjatuhkan Kerajaan dengan menggunakan wang.

Kemajuan dan kestabilan yang kita nikmati setakat ini adalah hasil usaha kita bersama. Kerja dan beban yang berat telah kita pikul bersama-sama. Berbagai-bagai rintangan dan halangan telah sama-sama kita atasi. Dalam ertikata yang lain dengan satu hati, kata sepakat dan keazaman rakyat, Malaysia telah mengatasi berbagai cabaran dengan jayanya.

Malaysia adalah negara kita. Baik buruknya Malaysia bergantung kepada cara kita mentadbir dan menguruskannya. Baik kita menguruskannya, maka baik dan majulah negara kita ini. Sekiranya kita cuai mentadbirkannya, buruklah akibatnya. Malaysia pada umumnya mempunyai cukup kemudahan untuk menampung keperluan asas masyarakatnya, tetapi Malaysia tidak dapat memenuhi kehendak orang-

orang yang tamak. 'Malaysia has enough for everyone's needs, but not for anyone's greed'.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA kerana telah menjemput saya ke Perhimpunannya ini. Saya berharap Perhimpunan ini akan berjaya menentukan dengan tenang siapa yang akan menjadi pemimpin-pemimpin parti. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MCA kali ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC
SHAH ALAM, SELANGOR
29HB. OGOS, 1987

Saya mengucapkan terima kasih kepada MIC kerana menjemput saya untuk merasmikan Perhimpunan Agungnya bagi tahun ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Dato' Samy Vellu yang telah menang tanpa bertanding jawatan Presiden MIC. Ucapan tahniah juga kepada Dato' Subramanian yang turut menang tanpa bertanding. Walau bagaimanapun, para perwakilan MIC akan membuat pemilihan untuk jawatan-jawatan yang lain dan dalam hal ini saya berharap pemilihan akan berjalan dengan teratur mengikut lunas-lunas demokrasi.

Dua hari lagi kita akan menyambut Hari Kemerdekaan kita yang ke-30. Kita bersyukur dan berbangga kerana negara kita telah mencapai kemajuan dan kemakmuran. Kita juga sungguh bernasib baik kerana rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada kemerdekaan ini. Sepertimana kita maklum, kemajuan dan pencapaian yang kita nikmati ini bukanlah datang dengan begitu sahaja tetapi ianya adalah hasil daripada sumbangan dan pengorbanan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Dalam memperjuangkan kemerdekaan, kita telah bekerjasama dengan erat, bersikap toleran, mengutamakan persefahaman serta mengambilkira kepentingan dan perasaan masyarakat majmuk negara kita ini. Kita telah banyak bertolak-ansur dalam semangat persaudaraan dan perpaduan. Begitu juga halnya dengan penubuhan Malaysia. Memang benar, banyak perkara telah dibangkitkan dan dibincangkan ketika itu tetapi ini tidaklah menghairankan kerana sudah semestinya berbagai-bagai isu terpaksa diselesaikan terlebih dahulu sebelum persetujuan dapat dicapai. Apa yang dibanggakan ialah walaupun ada terdapat perbincangan-perbincangan yang begitu hangat tetapi kepentingan rakyat serta negara sentiasa diutamakan. Kerana inilah kita dapat bersama-sama menikmati kejayaan.

Kita sedia maklum bahawa dalam rundingan-rundingan Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional di masa-masa yang lalu, perbincangan-perbincangan diadakan dengan cara teratur, bersopan-santun dan dengan 'decorum'. Sepertimana kita juga maklum, pada masa-masa yang lalu apa juga masalah yang dihadapi oleh Barisan Nasional telah kita bincangkan melalui saluran-saluran yang telah kita tentukan. Berbagai-bagai perkara penting telah kita rundingkan dengan teliti dan terperinci, tetapi di dalam keadaan serta suasana yang tenteram tanpa emosi. Hasilnya ialah kata sepakat yang mencerminkan sikap toleransi dan kesederhanaan kita semua.

Keupayaan Barisan Nasional untuk menyelesaikan sesuatu isu tanpa berlagak sebagai juara di hadapan orang ramai adalah salah satu faktor yang menyebabkan Barisan Nasional kuat dan kukuh. Ahli-ahli Barisan Nasional juga menaruh kepercayaan penuh bahawa kata sepakat pemimpin-pemimpin mereka semasa berunding tidak akan membelakangkan perjuangan parti mereka. Oleh itu mereka berdiri di belakang sebarang keputusan yang dibuat oleh pemimpin mereka.

Tetapi, akhir-akhir ini keadaan sudah agak berubah. Pemimpin-pemimpin nampaknya suka berlagak sebagai hero untuk mendapat sokongan ahli dan sekumpulan orang bagi diri mereka sendiri tanpa mengambilkira kesan terhadap Barisan Nasional, bahkan negara. Dalam negara berbilang kaum, dalam parti campuran kaum dan fahaman seperti Barisan Nasional, kita tidak boleh menjadi hero kaum kita tanpa menjejaskan imej kita sebagai pemimpin semua rakyat. Kita tidak dikehendaki membelakangkan terus semua kepentingan kaum dan parti kita demi kepentingan kaum dan parti lain dalam Barisan Nasional. Sementara kita patut menjaga kepentingan kaum kita, janganlah kita mudah tersinggung dengan perkara titik-bengkek atau remeh-temeh. Jika kita ingin perkara kecil ini diketengahkan, memang ada saluran untuk kita berbuat demikian dalam Barisan Nasional tanpa heboh-heboh. Gunakanlah saluran yang ada ini.

Dalam pada itu pihak yang tidak perlu menghadapi pengadilan masyarakat lima tahun sekali hendaklah juga mengenal prioriti dalam sesuatu perjuangan. Janganlah kerana kedudukan sendiri tidak boleh digugat, maka tidak diambilkira masalah orang yang terpaksa menghadapi pengadilan rakyat lima tahun sekali. Satu daripada sebabnya kita gagal mengimbangkan kedudukan antara kaum ialah kerana kita begitu asyik dengan simbolisme yang tidak ada 'substance' atau isi. Dengan menghabiskan segala tenaga dan masa memperjuangkan simbol-simbol yang kita ciptakan, maka perjuangan yang sebenar tidak lagi mendapat perhatian.

Jika kita mengkaji sejarah Perikatan dan Barisan Nasional, kita akan tahu bahawa kita telah dapat mengatasi semua pertelingkahan antara parti atau kaum yang telah muncul sejak sebelum merdeka lagi. Rusuhan kaum pada tahun 1969 pun dapat diselesaikan dengan baik. Justeru itu, kita harus yakin bahawa sebarang masalah antara kita dalam Barisan Nasional atau antara kaum di Malaysia dapat kita selesaikan akhirnya. Yang diperlukan ialah kesabaran dan penggunaan cara-cara yang tidak menambahkan lagi kerumitan kepada masalah yang dihadapi. Semua pihak haruslah sedar akan perkara ini dan berusaha supaya penyelesaian sebarang masalah menjadi lebih mudah. Di samping itu, kita harus ingat bahawa penyelesaian yang terbaik ialah satu penyelesaian yang tidak memenuhi sepenuhnya tuntutan mana-mana pihak yang terlibat.

Perbandingan antara dahulu dengan sekarang tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya. Dakwaan bahawa semuanya baik dahulu dan semuanya tidak baik sekarang tidak berasas. Perkauman yang ketara juga wujud dahulu. Sebab itulah berlaku Peristiwa 13 Mei. Yang berbeza ialah kita lebih liberal sekarang dan ramai yang mengambil kesempatan daripada kebebasan yang diberi untuk menyentuh

perkara-perkara sensitif. Perlembagaan juga telah dicabul berkali-kali tanpa tindakan oleh Kerajaan.

Kerajaan sanggup meneruskan dasar liberal ini tetapi Kerajaan bertanggungjawab menentukan bahawa liberalisme tidak disalahtafsirkan dan disalahgunakan. Liberalisme bukan bermakna lesen atau permit untuk membuat apa sahaja sehingga ketenteraman negara terancam.

Ada pendapat yang berkata bahawa Kerajaan sekarang ini lemah dan boleh dipermainkan. Tetapi, jikalau ketenteraman negara terancam, maka keutamaan diberikan kepada pemulihan ketenteraman dan bukan kepada dasar liberal Kerajaan.

Jika rakyat menghargai liberalisme rakyat mesti pandai memelihara kebebasan yang diberi. Untuk tujuan ini, undang-undang tidak berkesan. Ramai daripada rakyat sudah bijak dan pandai mengelak daripada tuduhan mencabuli undang-undang. Lebih buruk lagi, ramai daripada rakyat yang sudah pandai menggunakan undang-undang untuk mengelak daripada undang-undang. Ada orang yang menuntut "Rule of Law". Tetapi orang yang sama, atau jenis yang sama, yang menidakkan "Rule of Law" melalui kepintaran mereka memperalatkan undang-undang – termasuk apa yang dikenal sebagai "British Common Law". Saya khuatir aliran ini akan membawa "discredit" kepada profesion dan institusi-institusi tertentu. Jika ini berlaku, akibatnya buruk sekali kepada semua pihak, termasuk mereka yang begitu pintar menyalahgunakan liberalisme tadi.

Satu daripada tugas utama Kerajaan di waktu ini ialah pemulihan dan pembangunan ekonomi. Untuk mencapai matlamat ini, kita perlukan kestabilan politik. Memandangkan pentingnya kestabilan politik untuk ekonomi dan minat Kerajaan memulihkan ekonomi, nampaknya ada setengah pihak yang sengaja cuba mengambil kesempatan dengan mencabar Kerajaan. Mereka ini lupa bahawa sungguhpun bermacam-macam masalah menyerang negara pada tahun 1986, Barisan Nasional masih juga dapat mengekalkan pemerintahannya dengan kelebihan dua per tiga.

Barisan Nasional tidak begitu mudah ditewaskan dengan taktik memperkecilkan suara ramai. Rakyat negara ini tidak akan rela demokrasi dihapus dan digantikan dengan "oligarchy". Tugas Barisan Nasional dan Kerajaan Barisan Nasional ialah melindungi demokrasi. Parti-parti komponen Barisan Nasional, termasuklah MIC, mestilah berjuang memelihara demokrasi. Kita mesti tentukan kekuatan dalam parti masing-masing dan kita jalinkan kerjasama antara parti-parti komponen. Dengan itu, segala usaha oleh "the destabilizers" akan dapat dipatahkan dan kestabilan politik serta pembangunan ekonomi dapat diteruskan.

Parti kita Barisan Nasional sangat istimewa. Beberapa negara merasa kagum dengan keistimewaan dan kebolehan kita bekerjasama untuk mentadbirkan negara ini. Pengalaman kita ini sangat unik. Janganlah kita benarkan suara-suara sumbang dalam masyarakat kita cuba menghalang dan mengubah haluan yang kita

telah setuju bersama. Kita mesti kukuhkan lagi perpaduan dan persefahaman sesama kita dalam menentang mereka yang mempunyai kepentingan politik yang sempit.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada MIC kerana menjemput saya ke Perhimpunan ini. Saya berharap Perhimpunan ini akan menentukan dengan bijak dan adil mereka yang akan memenuhi jawatan-jawatan yang ditandingi. Saya juga berharap Perhimpunan MIC ini akan dapat kukuhkan lagi MIC dan Barisan Nasional. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERAYAAN ULANGTAHUN KE-20
PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA
DI KUALA LUMPUR
29HB. MEI, 1988

Saya mengucapkan terima kasih kepada Parti GERAKAN kerana menjemput saya ke Majlis Ulangtahun ke-20 Parti GERAKAN ini. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Parti GERAKAN dan ahli-ahlinya sempena ulangtahunnya ini.

Semenjak wujudnya Barisan Nasional, Parti GERAKAN telah memberi sumbangan yang bermakna kepada Barisan Nasional dan juga kepada negara. Seperti juga parti-parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional, GERAKAN telah berdiri teguh menyokong dan membantu meningkatkan lagi prestasi dan kemampuan Barisan Nasional dan Kerajaan Barisan Nasional. Saya yakin Parti GERAKAN akan terus memberi sumbangannya kepada Barisan Nasional demi kepentingan dan kebaikan kita bersama dan kestabilan negara.

Kita sungguh bernasib baik dapat mengadakan majlis kita pada malam ini dalam keadaan yang meriah dan mesra. Kebanyakan daripada kita mungkin merasakan bahawa kita dapat berjumpa dalam keadaan meriah dan mesra ini adalah satu perkara yang biasa sahaja. Kebanyakan daripada kita juga mungkin menganggap bahawa kebolehan kita melawat ke sana-sini, membeli-belah dan kunjung-mengunjungi juga adalah perkara biasa. Tetapi sebenarnya dalam sebuah negara berbilang kaum dan berbilang agama, bahkan kadang-kadang dalam sebuah negara satu kaum sekalipun, keamanan dan kemesraan seperti ini bukanlah perkara biasa.

Kita dapat menjalankan tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan kita tanpa gangguan dan halangan oleh kerana negara kita aman dan stabil. Kerana negara kita aman dan stabil, kita juga dapat memajukan ekonomi dan membangunkan negara. Kerana adanya kestabilan dan keamanan negara kita telah mencapai berbagai kemajuan.

Saya sebutkan perkara ini kerana ramai daripada kita mudah lupa dan tidak menghargai kebaikan di negara kita dan memikir semuanya yang dinikmati wujud dengan sendirinya. Sebenarnya, keamanan dan kestabilan tidak wujud dengan sendirinya. Ianya adalah hasil daripada usaha-usaha kita semua termasuklah pihak Kerajaan, parti-parti politik tertentu, badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan serta rakyat sendiri. Ianya juga adalah hasil kerjasama, persefahaman dan persahabatan

majoriti daripada kaum-kaum di negara ini yang telah mengutamakan kepentingan dan kebaikan negara keseluruhannya.

Dengan wujudnya Barisan Nasional dalam mana terdapat semua kaum dan hampir semua parti politik, kita dapat memberi lebih banyak masa kepada usaha-usaha pembangunan dan perkara-perkara penting yang memerlukan perhatian dan pertimbangan yang serius lagi mendalam. Kerajaan Barisan Nasional pula menumpukan perhatian kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat, meningkatkan perkembangan ekonomi, sosial dan lain-lain yang boleh membawa nikmat kepada masyarakat Malaysia keseluruhannya. Melalui usaha-usaha ini, kita telah berjaya mengurangkan politik perkauman di kalangan kita dan memberi perhatian kepada usaha-usaha peningkatan taraf hidup rakyat dan kedaulatan negara.

Melalui kerjasama yang erat dalam BN kita telah dapat menghadapi cabaran-cabaran kemelesetan ekonomi di waktu-waktu yang lalu, khususnya dalam masa dua-tiga tahun yang lepas, dengan tekun, sabar dan tabah hati. Kita telah dapat mengatasi kemelesetan ini dengan berkesan. Sekarang ekonomi negara kita telah mula pulih. Sekali lagi jangan kita mengatakan bahawa ini adalah semata-mata kerana ekonomi dunia sudah pulih. Banyak negara yang tertekan kerana kemelesetan ekonomi dunia masih belum pulih, masih menanggung beban hutang besar dan masih bergantung kepada bantuan negara-negara maju. Ekonomi negara kita pulih kerana tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan BN, baik daripada segi berjimat cermat, mahupun daripada segi penyesuaian dasar dengan keadaan di dalam dan di luar negara. Jika kita meneruskan cara dan amalan kita yang lama, iaitu berlagak seolah-olah kita masih kaya, kita berbelanja besar dan kita banyak berhutang, hari ini kita tidak mungkin merasai pemulihan ekonomi. Kerana kita pragmatik maka kita menjadi lebih tahan lasak, lebih 'resilient'.

Jelas terbukti kerjasama antara kaum dan antara parti melalui Barisan Nasional telah membawa banyak manfaat kepada negara. Jelas juga terbukti bahawa melalui Barisan Nasional, kestabilan dan keamanan dapat dikekalkan, di samping meningkatkan lagi persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyat majmuk Malaysia.

Sebagai satu gabungan parti-parti politik, Barisan Nasional bukan sahaja unik tetapi telah berjaya. Tetapi rakyat berbilang kaum kita masih tidak mengamalkan semangat BN dalam kehidupan harian mereka. Ini berlaku kerana parti-parti lawan sering mengungkit masalah kaum masing-masing. Ini berlaku juga kerana parti-parti dalam BN pun tidak menyampaikan cara dan semangat BN kepada kaum masing-masing secara berkesan. Kita lebih suka mengikut kehendak kaum kita daripada memimpin mereka. Oleh kerana kaum-kaum di negara ini tidak begitu berpeluang memahami masalah masing-masing, seperti pemimpin-pemimpin BN berpeluang, jika rakyat mengikut politik perkauman parti-parti pembangkang, ini akan menyebabkan masyarakat terpengaruh dengan fahaman perkauman yang sempit yang tidak baik bagi negara kita. Oleh itu, masanya sudah tiba bagi pemimpin-pemimpin parti komponen BN menasihati dan memimpin dan tidak hanya mencari populariti sahaja dengan mengikut fikiran yang sempit di kalangan beberapa penyokong kita.

Satu lagi perkara yang menggugat perpaduan dan menjadi masalah kepada kita ialah terdapatnya di kalangan kita pihak-pihak tertentu yang tidak mepedulikan dan tidak menghargai keamanan yang wujud sekarang ini. Pihak-pihak ini mirip membangkitkan soal-soal dan perkara-perkara sensitif seperti perkauman dan agama secara terbuka. Mereka ini lebih mementingkan politik peribadi mereka sendiri. Justeru itu, mereka tidak ragu-ragu dan segan membangkitkan isu-isu sensitif. Mereka ini tidak menghiraukan apa yang akan berlaku kepada negara akibat tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

Namun demikian kita bernasib baik kerana umumnya rakyat negara ini dapat membezakan antara yang jernih dengan yang keruh. Mereka tahu apa yang benar dan apa dia janji-janji kosong. Walau bagaimanapun, sekali-sekala terpengaruh juga masyarakat dengan fitnah yang disebar dan Kerajaan terpaksa mengambil tindakan keras terhadap mereka yang melakukan kegiatan jahat ini.

Kerajaan sanggup menghadapi kritikan-kritikan terhadapnya, malahan fitnah pun kadang-kadang terpaksa dibiarkan kerana di negara ini kerap kali tidak ada cara bagi membela diri daripada fitnah. Tetapi Kerajaan tidak sanggup membenarkan kegiatan atau kempen yang melaga-lagakan kaum-kaum di Malaysia. Kita tidak lupa Peristiwa 13 Mei 1969 yang membawa maut kepada lebih 200 orang rakyat Malaysia. Justeru itu sebarang kempen dan tindakan yang mengancam keamanan negara ini akan dihadapi dengan tindakan keras daripada Kerajaan tanpa mengira sesiapa pun.

Sepertimana yang saya sebutkan tadi, kita mempunyai banyak lagi tugas. Tugas-tugas ini bukanlah terletak di bahu Kerajaan semata-mata, tetapi ia adalah tugas-tugas kita bersama. Saya percaya kita mampu memikul tanggungjawab ini dengan syarat kita bersepakat, bersatu hati dan tekun menghadapinya. Negara Malaysia adalah negara kita. Kita tidak mempunyai tempat yang lain untuk berteduh. Kita semua rakyat Malaysia dan kitalah yang bertanggungjawab terhadap masa depan negara Malaysia. Kitalah yang akan menentukan masa hadapan generasi yang akan datang. Buruk atau baiknya negara kita, terletak di tangan kita sendiri. Ini adalah tanggungjawab kita bersama. Bersama-samalah kita berusaha menjamin masa hadapan Malaysia yang lebih gemilang dan bahagia.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Parti GERAKAN sempena ulangtahunnya yang ke-20. Kepada ahli-ahli GERAKAN terima kasih saya ucapkan kerana sudi menjemput saya ke perayaan meriah memperingati genapnya satu tarikh yang bermakna dalam sejarah parti GERAKAN. Saya berharap GERAKAN akan 'go from strength to strength' dan kekal sebagai satu tiang yang kuat dalam bangunan Barisan Nasional kita.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC
DI DEWAN BANDARAN BARU, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
2HB. JULAI, 1988

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Samy Vellu dan Jawatankuasa Pusat MIC kerana menjemput saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Perhimpunan Agung MIC ini. Seperti perhimpunan-perhimpunan agung parti-parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional, Perhimpunan Agung MIC ini juga mendapat perhatian ramai khususnya oleh parti-parti komponen Barisan Nasional. Saya percaya Perhimpunan ini akan berjalan dengan lancar dan akan menghasilkan sesuatu yang akan membantu mengukuhkan lagi MIC dan juga Barisan Nasional.

Kini kita berada di suatu ketika di mana kita menghadapi berbagai cabaran dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, kita telah memainkan peranan kita di forum-forum antarabangsa dengan ikhlas, jujur dan berani. Kita menyuarakan pandangan dan pendapat kita mengenai isu-isu ekonomi dan politik dengan jelas dan menyeluruh. Kita memuji apa yang baik dan kita juga sanggup mengkritik dan memberi cadangan kepada yang buruk dan yang usang. Pendirian dan sikap kita ini dihormati oleh negara-negara lain termasuk negara-negara maju dan besar. Kerana sikap tegas dan berani ini, Malaysia telah dipilih untuk menyertai berbagai-bagai jawatankuasa dan forum-forum antarabangsa. Pendek kata pendapat dan pandangan kita didengar dan dihormati.

Di samping itu perkembangan di dalam negeri juga amat menggalakkan. Ekonomi negara kita pada tahun lalu telah mencatatkan pertumbuhan yang baik dan ada tanda-tanda bahawa pertumbuhan ini akan menjadi lebih baik lagi pada tahun ini. Harga bahan-bahan mentah kita telah meningkat, termasuk harga bijih timah yang dahulunya disangka tidak mempunyai masa depan lagi. Pelaburan, sama ada oleh pelabur-pelabur tempatan atau asing, telah bertambah. Ramai para pelabur yang sudah mempunyai pelaburan di negara ini telah menambahkan lagi pelaburan mereka. Ramai pula yang akan membesarkan operasi mereka. Bangunan-bangunan yang dikatakan terlalu banyak dan tidak berharga, sekarang ini amat diminati oleh pelabur-pelabur asing. Ini semua bererti peningkatan ekonomi, dan hasil daripada peningkatan ekonomi ini ialah peluang-peluang pekerjaan yang baru.

Sayugia diingatkan bahawa kemajuan ini berlaku bukan dengan sendirinya. Kemajuan ini adalah hasil daripada dasar-dasar serta perancangan-perancangan yang

teliti dan tindakan-tindakan yang berkesan oleh Kerajaan. Kerajaan telah memberi tumpuan dan keutamaan kepada projek-projek yang boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Usaha-usaha Kerajaan ini telah mendatangkan hasil.

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, pembangunan dan kemajuan hanya dapat dicapai sekiranya sesebuah negara itu aman dan stabil. Keamanan dan kestabilan merupakan salah satu faktor yang penting. Kita telah dapat mencatatkan kemajuan kerana negara kita aman dan tenteram. Dengan adanya keadaan sedemikian, kita dapat menumpukan perhatian yang lebih kepada usaha-usaha pembangunan dan kepentingan rakyat keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, sambil kita berusaha untuk memajukan negara kita, terdapat tindakan-tindakan oleh setengah-setengah pihak dalam negara ini yang memburuk-burukkan negara mereka sendiri di kalangan orang-orang asing dan juga di sebarang laut. Kerana kepentingan peribadi mereka, mereka sanggup berbohong kepada orang-orang asing ini. Malahan terdapat juga seorang individu yang sanggup menyeru pihak lain untuk mengenakan sekatan perdagangan terhadap Malaysia. Perbuatan individu ini jelas menunjukkan bahawa ia tidak sayang kepada negaranya. Perbuatan ini juga menunjukkan bahawa individu ini tidak mengutamakan kepentingan para pekerja yang ia wakili. Malangnya, orang yang semacam inilah yang telah diberikan kedudukan dan tanggungjawab untuk mewakili para pekerja negara kita.

Ekonomi negara kita, seperti juga ekonomi negara-negara lain, banyak bergantung kepada eksport barangan ke negara-negara maju. Ini adalah kerana kita telah berjaya mengeluarkan barangan perkilangan hasil kemajuan perindustrian kita. Jelaslah sekiranya kemudahan-kemudahan perdagangan yang sedia ada itu ditarik balik, maka beribu-ribu pekerja akan hilang pekerjaan dan mata pencarian mereka. Kita harus ingat bahawa kita sudah menjadi "competitor" kepada negara maju. Kebolehan kita mengeluarkan barangan yang lebih baik dan lebih murah daripada negara-negara maju bermakna kita mengancam kemewahan pekerja-pekerja di negara-negara maju. Mereka hanya boleh bertanding dengan kita, jika mereka boleh menaikkan kos pengeluaran barangan kita. Dengan menunjuk kononnya mereka bersimpati terhadap nasib para pekerja kita dan mengungkit soal "human rights" dan "workers rights", mereka sudah berjaya mencerminkan diri mereka sebagai jaguh-jaguh atau champions pekerja-pekerja kita dan mempengaruhi tindakan-tindakan pekerja-pekerja dan pemimpin-pemimpin kesatuan-kesatuan sekerja kita.

Mereka menasihatkan para pekerja kita supaya membuat tuntutan-tuntutan yang majikan belum mampu melayan serta mengambil tindakan perusahaan yang menjejaskan kos pengeluaran kita. Sekarang ini kumpulan mereka di ILO mendesak ILO supaya mengambil tindakan terhadap negara-negara membangun kerana tidak menghormati "human rights" dan "workers rights", kononnya. Saya percaya bahawa ada pekerja-pekerja di negara-negara membangun yang akan menyokong desakan ini tanpa memikirkan bahawa tindakan oleh negara-negara maju ini akan menyebabkan pengangguran dan kemiskinan di kalangan diri mereka sendiri. Bagi para pekerja di negara-negara maju, sebarang tindakan terhadap negara-negara membangun, seperti

Malaysia, akan menyelamatkan pekerjaan mereka dan mereka juga boleh membuat tuntutan kepada majikan mereka yang mendapat keuntungan yang lebih. Pendek kata, tindakan para pekerja negara-negara maju dan para pemimpin mereka bertujuan menjadikan para pekerja kita lebih miskin dan menganggur sementara mereka menjadi lebih mewah.

Kita hanya perlu memikirkan tindakan seperti yang diambil oleh "American Soyabean Association" untuk menyedarkan diri kita sama ada mereka bersimpati dengan kita atau tidak. Mereka menggunakan apa jua cara untuk memburukkan minyak kelapa sawit yang menjadi punca pendapatan ribuan pekerja dan peneroka di Malaysia. Di manakah pemimpin-pemimpin pekerja di negara-negara maju itu yang kononnya begitu sayang dan "concern" terhadap pekerja-pekerja kita? Adakah mereka mempertahankan kebaikan kelapa sawit untuk menjaga nasib pekerja-pekerja kita? Kata pepatah Inggeris "Beware of Greeks bearing gifts".

Sepertimana yang saya sebutkan tadi ekonomi negara kita telah mengalami pemulihan semenjak akhir-akhir ini. Kita akan terus berusaha supaya ekonomi negara kita menjadi bertambah kukuh lagi. Salah satu faktor penting bagi menjamin kemajuan ekonomi negara kita ialah kestabilan dan keamanan. Ini bererti setiap orang daripada kita mempunyai peranan masing-masing untuk membantu mengukuhkan keamanan dan kestabilan negara ini.

Menyentuh tentang MIC, saya berbangga dengan prestasi parti ini dalam Barisan Nasional. Sebenarnya MIC lebih baik daripada UMNO sekarang. MIC telah memberi sumbangan yang bermakna terhadap menjaga kepentingan bukan sahaja ahli-ahli partinya, tetapi juga rakyat negara ini yang berketurunan India. MIC berjaya memainkan peranannya dalam konteks Barisan Nasional iaitu melalui perundingan dan tolak ansur.

Saya berharap parti ini akan terus menempa kekukuhan pada tahun-tahun yang akan datang. Kuat MIC dan kuatnya parti-parti komponen yang lain, maka kuatlah Barisan Nasional. Kita memang memerlukan sebuah Kerajaan dan masyarakat yang kuat dan bersepadu untuk terus membangunkan negara kita.

Saya berasa bangga kita dalam Barisan Nasional dapat meneruskan tradisi kita mengadakan perbincangan-perbincangan dengan cara yang teratur dan dengan bersopan-santun. Terdapat sekali-sekala dugaan terhadap tradisi ini, tetapi pada keseluruhannya tradisi ini telah berterusan. Pada masa lalu, apa jua masalah yang timbul kita selesaikan melalui saluran-saluran yang telah dipersetujui. Banyak perkara penting telah kita rundingkan dengan kebijaksanaan dan mengambil kira kedudukan negara, pertimbangan tentang rakyat yang berbilang kaum dan agama, dan persetujuan-persetujuan yang lalu.

Dugaan mesti ada dan kita harus berusaha untuk mengatasinya. Dalam usaha mengatasinya, kita tidak harus berpecah-belah dan bersengketa. Cara yang baik untuk mengatasinya ialah melalui perundingan, perbincangan dan persidangan. Tetapi apa-

bila sesuatu keputusan telah dibuat dan diterima ramai, keputusan itu mestilah dipatuhi oleh semua pihak. Tidak ada gunanya kita berunding dan bermesyuarat tetapi keputusan dan pemilihan yang dibuat tidak dihormati dan kita pergi ke mahkamah selepas itu.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Samy Vellu dan semua Ahli Jawatankuasa Pusat MIC, serta ahli-ahli parti ini, yang telah memberi peluang kepada saya berucap hari ini. Saya berharap Perhimpunan ini akan menjalinkan lagi hubungan baik antara semua para pemimpin dan para ahli parti ini.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MCA
DI WISMA MCA, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR
31HB. JULAI, 1988

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA kerana sekali lagi memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Perhimpunan Agung MCA ini. Saya difahamkan berbagai perkara akan dibincangkan di Persidangan Tahunan ini. Saya percaya perbincangan yang akan diadakan kelak akan membawa manfaat bukan sahaja kepada MCA tetapi juga kepada Barisan Nasional dan semua kaum yang diwakili oleh Barisan Nasional. Kepada para perwakilan sekalian saya berharap Perhimpunan ini akan mengukuhkan lagi MCA dan Barisan Nasional supaya kita dapat memberi lebih banyak sumbangan kepada Kerajaan dan negara.

Dalam negara yang demokratik kita mengamalkan kebebasan iaitu kebebasan yang membawa manfaat untuk keseluruhan rakyat. Kita tidak dapat menerima kebebasan seperti yang diamalkan oleh beberapa buah negara maju sehingga masyarakat mungkin menjadi mangsa tindakan yang tidak bertanggungjawab yang dibuat atas nama kebebasan. Justeru itu, kebebasan yang diamalkan oleh seseorang individu atau kumpulan kecil itu haruslah tidak mengancam kesejahteraan masyarakat. Kepentingan ramai atau kepentingan majoriti rakyat negara ini diutamakan daripada kepentingan individu dan golongan kecil. Namun demikian ini tidak bermakna bahawa kita sanggup membenarkan penindasan terhadap kumpulan minoriti dan individu oleh majoriti rakyat.

Kebebasan dan demokrasi negara kita hendaklah mengambil-kira kepentingan rakyat majoriti yang jarang bersuara, atau 'silent majority', supaya kepentingan mereka tidak pula ditindas oleh golongan atau badan minoriti yang aktif, atau 'the activist minority'. Rakyat negara ini menerima konsep demokrasi dengan sempadan-sem-padan yang wajar supaya kepentingan majoriti terpelihara tanpa mengenyepikan pandangan dan pendapat kumpulan minoriti yang benar-benar bergiat mengikut lunas-lunas demokrasi.

Sepertimana yang kita semua maklum, sebagai sebuah negara majmuk banyak perkara yang sensitif yang perlu kita uruskan secara penuh diplomasi dan kejujuran supaya perkara-perkara sensitif itu tidak diperalatkan sehingga menjadi masalah kepada kita. Sebab itulah Barisan Nasional lebih suka membincang perkara-perkara yang sensitif dengan cara tertutup dan tertib untuk mencapai persetujuan yang tidak berat kepada mana-mana pihak di samping boleh diterima oleh majoriti daripada pihak-pihak yang terlibat. Barisan Nasional juga mengutamakan mesyuarah serta konsen-

sus atau persetujuan bersama. Sistem majoriti tidak boleh digunakan kerana perwakilan kita dalam Barisan Nasional tidak mengikut peratusan atau 'proportion' parti atau kaum masing-masing yang menjadi anggota Barisan Nasional. Sebagai sebuah keluarga yang besar sudah tentu kadang kala timbul perbezaan pendapat antara parti-parti komponen Barisan Nasional. Ini adalah perkara biasa. Perbezaan pendapat ini tidak semestinya menyebabkan keretakan Barisan Nasional. Sebaliknya jika kita sabar dan berusaha mencari jalan keluar melalui tolak ansur, akhirnya keputusan yang matang dapat dicapai.

Kita harus berbangga kerana proses diplomasi serta konsensus ini telah menghasilkan berbagai-bagai kejayaan dalam menguruskan perkara-perkara sensitif ini. Kita harus meneruskan cara dan saluran yang telah kita wujudkan ini demi kepentingan masyarakat dan negara. Walaupun terdapat sekali-sekala di mana satu dua parti komponen terikut-ikut dengan emosi masing-masing, pada keseluruhannya Barisan Nasional boleh berbangga kerana kewarasan akhirnya dapat mengatasi segala rintangan.

Kestabilan adalah faktor yang amat penting bagi sesebuah negara. Ia menjadi lebih penting bagi negara yang membangun yang bergantung kepada eksport dan pelaburan asing untuk pembangunannya. Kita tahu bahawa tanpa stabiliti pembangunan negara akan terjejas dan kehidupan masyarakat terganggu. Maka nyata sekali stabiliti dan keamanan sekiranya tidak ada perlu diwujudkan dan sekiranya sudah ada perlu dipelihara. Bagi kita di Malaysia kita patut bersyukur bahawa pada keseluruhannya kestabilan politik dan keamanan wujud. Jelaslah bahawa tanggungjawab untuk memelihara keamanan ini terletak di tangan kita semua.

Semenjak dua tahun yang lalu ekonomi negara kita telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Marilah kita bersama-sama memastikan supaya pemulihan ekonomi negara kita terus berjalan dengan lancar. Elakkanlah daripada melakukan perkara-perkara atau meluahkan kata-kata yang mungkin secara langsung atau tidak langsung akan mengugut kestabilan dan pemulihan ekonomi negara.

Sekarang ini, barangan komoditi kita telah mengalami kenaikan harga yang menggalakkan. Harga minyak kelapa sawit, getah dan bijih timah telah meningkat. Eksport negara kita terutama bagi barangan elektrik, elektronik dan tekstil telah meningkat, sehinggakan eksport barangan pembuatan merupakan eksport barangan yang terbesar tahun lalu.

Jelas terbukti bahawa usaha-usaha Kerajaan beberapa tahun kebelakangan ini telah membawa hasil. Walau bagaimanapun ada pihak-pihak tertentu menyatakan bahawa pemulihan ekonomi ini bukan kerana perancangan Kerajaan tetapi semata-mata kerana permintaan dari luar meningkat dan bertambah. Memang benar bahawa permintaan dari luar bertambah tetapi banyak juga negara-negara yang tidak mendapat faedah daripada kenaikan harga komoditi kerana keadaan dalam negara berkenaan tidak mengizinkan. Oleh kerana kita menguruskan politik dan ekonomi kita dengan berhati-hati, berjimat cermat membelanjakan wang rakyat dan berusaha

meningkatkan produktiviti, kita telah dapat meraih keuntungan daripada pemulihan ekonomi dunia. Sewaktu dunia mengalami kemelesetan yang teruk sehingga permintaan untuk barangan kita begitu berkurangan pun, ekonomi negara kita tidaklah seburuk beberapa buah negara yang berbelanja sampai tidak terhingga semasa mewah. Demikianlah pengurusan kewangan kita di akhir-akhir ini sehingga kita dapat membayar hutang dengan lebih awal dari jadual dan dengan itu mengurangkan beban negara.

Tindakan Kerajaan sahaja tidak mencukupi. Pekerja dan pengurus perlu memainkan peranan yang cergas dan bijak untuk meningkatkan produktiviti negara. Kekayaan seseorang individu, masyarakat atau negara bergantung kepada tahap produktiviti yang dicapai. Satu billion ringgit yang disimpan di rumah dan tidak dilabur, tidak akan memberi faedah kepada sesiapa termasuk pemiliknya. Tetapi sepuluh ringgit yang 'dikahwinkan' dengan tenaga dan usaha akan menyebabkan nikmatnya dirasai bukan sahaja oleh pemiliknya tetapi juga oleh masyarakat. Sepuluh ringgit yang bergerak cergas dan bertukar tangan dengan kerap akan memberi banyak nikmat kepada semua pihak. Justeru itu, pekerja dan pengurus hendaklah memerah tenaga dan fikiran untuk menggerakkan apa juga modal yang ada supaya potensi modal itu dapat dinikmati oleh semua. Tindakan yang membekukan modal atau tindakan yang menghalang produktiviti modal tidak ada faedah sama sekali. Semua pihak hendaklah mengelakkan diri daripada tindakan seperti ini.

Kita selalu menyebut tentang kestabilan negara dan faedah kestabilan kepada kita semua. Sekiranya dengan mengulangi perkara ini dari masa ke semasa akan meningkatkan kita tentang pentingnya kestabilan ini kepada negara dan masyarakat, maka eloklah kita mengingatkan diri kita di perjumpaan seperti ini. Malaysia dengan penduduknya yang terdiri daripada berbagai kaum yang mempunyai berbagai bahasa, agama dan kebudayaan bukanlah mudah untuk ditadbir dan distabilkan. Kita boleh berbangga kerana kita dapat mentadbir Malaysia dan membangunkannya tanpa mencetuskan keadaan tidak stabil. Tentulah ada sesuatu yang kena yang dibuat oleh kita. 'There must be something right that we have done'. Oleh itu, peliharalah cara kita ini dan dengan izin Tuhan kita akan stabil dan berjaya.

MCA adalah sebuah parti politik yang telah banyak berjasa kepada Parti Perikatan dan kemudian kepada Barisan Nasional. MCA juga telah banyak memberi sumbangan kepada Kerajaan dan negara. Ramai daripada pemimpin-pemimpin MCA yang telah bersama-sama membentuk sistem dan falsafah yang kita amalkan hari ini. Pemimpin-pemimpin MCA sehingga kini telah bekerjasama rapat dengan pemimpin-pemimpin parti-parti politik yang lain dalam Barisan Nasional. Dato' Ling Liong Sik duduk di sebelah saya dalam Kabinet. Seperti pemimpin-pemimpin parti-parti lain dalam Barisan Nasional, beliau sering berjumpa dengan saya. Beliau memahami saya dan saya juga memahami beliau. Dato' Ling tahu apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan dalam negara kita. Jikalau ada sesuatu yang Dato' Ling fikir patut saya diberitahu, beliau memberitahu saya. Begitu juga jikalau saya fikir Dato' Ling patut diberitahu sesuatu, saya akan memberitahu beliau. Pendek kata, kami faham-memahami antara satu sama lain. Pendek kata juga jikalau Dato' Ling dan MCA ada

sesuatu yang hendak dibincangkan, tidak payahlah perkara itu dilaung-laung dan diheboh-hebohkan kepada khalayak ramai. Ketuk sahajalah pintu pejabat saya. Saya dan rakan-rakan Kabinet yang lain akan mempertimbangkannya jikalau perkara itu boleh dipertimbangkan. Saya ingin mengulangi, saya hanya boleh mempertimbangkan. 'I cannot give any guarantees. But my Cabinet colleagues and I will certainly consider anything that is reasonable'.

Saya percaya persidangan MCA kali ini seperti juga persidangan-persidangan yang lalu akan membawa manfaat kepada MCA dan Barisan Nasional. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA kerana menjemput saya untuk merasmikan Perhimpunan ini. Saya berharap Perhimpunan ini akan mencapai kejayaan. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MCA kali ini.

UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI DEWAN MERDEKA
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR
28HB. OKTOBER, 1988

Syukur Alhamdulillah. Pada hari yang mulia ini kita dapat bersidang sekali lagi dalam Perhimpunan Agung UMNO setelah 18 bulan berlalu. Sebagai Presiden parti, bagi pihak parti dan Majlis Tertinggi, saya mengucapkan selamat datang kepada para perwakilan sekalian ke Perhimpunan Agung kita ini. Saya juga mengalu-alukan wakil-wakil parti-parti komponen Barisan Nasional di Perhimpunan ini. Marilah kita berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala supaya diberi hidayat dan petunjukNya kepada kita semua bagi menjayakan Perhimpunan Agung kita ini.

Sebenarnya UMNO yang bersidang pada hari ini, daripada segi semangatnya, daripada segi perjuangannya, daripada segi perlembagaannya, daripada segi keahliannya adalah UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei, 1946, di Istana Besar, Johor Bahru. UMNO ini ialah UMNO, parti yang mewakili orang-orang Melayu semenjak tahun 1946, yang berjuang melawan Malayan Union, yang berjuang mencapai kemerdekaan, yang berjuang untuk mengisi kemerdekaan itu dengan semua keperluan dan hak satu bangsa yang merdeka, yang berjuang untuk meletakkan orang-orang Melayu khususnya sebagai bumiputera yang mempunyai tempat tertentu dalam negara Malaya dan kemudiannya Malaysia. UMNOlah yang menjadi tulang belakang Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional. Hukuman bahawa UMNO tidak sah adalah perkara teknikal. Pembatalan pendaftaran UMNO juga adalah teknikal. Dan pendaftarannya semula menjadi perkara teknikal juga. UMNO sebagai instrumen perjuangan orang-orang Melayu tidak pernah tidak wujud.

UMNO sebagai sebuah badan yang hidup telah melalui evolusi mengikut perkembangan dalam negara dan peredaran zaman. Pada peringkat awal penubuhannya, UMNO hanya menumpukan perhatian kepada kegiatan-kegiatan memupuk perpaduan orang-orang Melayu dalam usaha menentang Malayan Union. Di waktu itu UMNO dipimpin oleh Allahyarham Dato' Onn Jaafar dan telah berjaya dalam usaha ini.

Kemudian Dato' Onn bercadang menjadikan UMNO, parti orang-orang Melayu, sebagai parti semua kaum. Ini telah menyimpang daripada asas dan semangat UMNO. Cadangan Dato' Onn bercanggah dengan selera politik orang-orang Melayu. Oleh itu UMNO telah menolak kepimpinan Dato' Onn dan orang-orang yang sependapat dengannya.

Selepas itu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dijemput oleh Allahyarham Tun Razak dan rakan-rakan yang setia kepada perjuangan UMNO untuk memimpin UMNO. Tunku bukan sahaja telah meningkatkan perjuangan UMNO kepada pencapaian kemerdekaan tetapi juga Perlembagaan UMNO telah dipinda supaya kuasa Presiden diperkukuhkan untuk menjayakan perjuangan parti.

Kali pertama pindaan dibuat ialah untuk mengubah komposisi Majlis Kerja Tertinggi UMNO supaya Setiausaha, Bendahari dan lima orang ahli MKT dilantik oleh Presiden bagi menentukan pentadbiran UMNO Pusat dikuasai oleh Presiden dan mudah bagi Presiden mendapat sokongan majoriti dalam MKT.

Kali yang kedua Perlembagaan UMNO dipinda ialah untuk menguatkan lagi kuasa UMNO Pusat. Pada ketika itu setiap negeri mempunyai UMNO Negeri yang menguasai semua bahagian UMNO di negeri berkenaan. Pindaan yang dibuat menghapuskan UMNO Negeri. Ini digantikan dengan Badan Perhubungan UMNO Negeri tanpa sebarang kuasa eksekutif. Bahagian-bahagian UMNO berhubung terus dan dikuasai terus oleh UMNO Pusat. Badan Perhubungan Negeri hanya menyelaraskan kegiatan bahagian-bahagian sahaja. Perwakilan ke Perhimpunan Agung tidak lagi terdiri daripada wakil negeri-negeri tetapi wakil bahagian-bahagian.

Dari masa Dato' Onn sehingga sekarang, berbagai-bagai pindaan telah dibuat berkali-kali kepada Perlembagaan UMNO. Tetapi pindaan-pindaan ini tidak mengubah asas, semangat, cita-cita dan perjuangan UMNO. UMNO tetap UMNO, parti yang ulung yang mewakili semangat, cita-cita dan perjuangan orang-orang Melayu. Sepertimana peninggalan Dato' Onn dan penyokong-penyokongnya tidak menjejaskan kekuatan dan perjuangan UMNO untuk orang-orang Melayu, begitu juga penyingkiran beberapa tokoh UMNO oleh Presiden Parti dan lain-lain pemimpin tidak menjejaskan UMNO. Di antara tokoh-tokoh UMNO yang dipecat ialah Encik Aziz Ishak, seorang Menteri Kabinet ketika itu (kerana ingin membuat kilang kertas dan kilang baja), Allahyarhamah Khatijah Sidek (ketua kaum ibu), dan beberapa tokoh terkemuka yang lain.

Saya juga dipecat daripada menjadi ahli MT dan UMNO bukan kerana tidak menyokong UMNO tetapi kerana mengkritik kepimpinan Kerajaan semasa itu .

Jelas dilihat bahawa pindaan-pindaan kepada Perlembagaan UMNO dibuat oleh Majlis Tertinggi dari semasa ke semasa untuk memenuhi perjuangan UMNO. Tetapi tiada siapa yang berkata UMNO selepas pindaan Perlembagaan atau pemecatan ahli tidak menjadi UMNO lagi. Ahli-ahli UMNO, orang-orang Melayu, parti-parti kawan dan lawan dan rakyat keseluruhannya telah mengakui dan menerima UMNO, sebelum dan selepas apa-apa perubahan atau tindakan yang diambil oleh UMNO sendiri.

UMNO Dicemari Di Mahkamah

Mengheret UMNO ke mahkamah dan mencemarkan parti kita ialah satu perkara yang dahulunya tidak pernah terlintas di hati sanubari ahli-ahli UMNO. Keputusan

mahkamah yang menyatakan bahawa UMNO tidak sah adalah perkara yang terasing daripada UMNO. Ia bukanlah pilihan UMNO. Ia bukanlah hajat UMNO walaupun ia mungkin menjadi niat segelintir ahli-ahli UMNO yang mempunyai kepentingan peribadi. UMNO sememangnya mempunyai cawangan-cawangan yang tidak sah daripada segi undang-undang semenjak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946. Tetapi ini tidak menimbulkan masalah kerana ahli-ahli UMNO setia kepada parti dan perjuangannya. Mereka menyelesaikan masalah pencabulan perlembagaan parti melalui jentera parti, khususnya Biro Disiplin dan Majlis Tertinggi. Walau apapun perselisihan faham, mereka tidak bertindak di luar UMNO kerana ini akan memburukkan UMNO.

Apabila Parti UMNO diseludupi oleh orang-orang yang berkepentingan diri, yang tidak setia kepada parti, yang tidak bersemangat Melayu, maka berlakulah kegiatan mengheret UMNO ke mahkamah. Mereka membelakangkan parti kerana bagi mereka yang utama ialah kepentingan politik diri mereka. Walaupun parti akan menjadi porak-peranda, menjadi lemah, bahkan diharamkan oleh mahkamah ini tidak menjadi hal bagi kumpulan ini. Bagi mereka, yang penting ialah mereka berpeluang merebut kepimpinan parti.

Sebab itulah usaha Majlis Tertinggi dengan melantik sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada 5 orang ahli Majlis Tertinggi untuk menyelesaikan masalah ahli-ahli UMNO secara rundingan, dan di luar mahkamah telah tidak berjaya. Amaran telah diberi oleh Jawatankuasa Majlis Tertinggi ini kepada mereka yang membawa UMNO ke mahkamah, bahawa tindakan mereka membawa UMNO ke mahkamah akan menyebabkan seluruh Pertubuhan UMNO diharamkan. Amaran ini tidak dihiraukan oleh mereka. Yang penting bagi mereka ialah memaksa supaya diadakan pemilihan Majlis Tertinggi sekali lagi. Hakikat bahawa pemilihan pada 24 April 1987 telahpun menjejaskan perpaduan UMNO tidak dipedulikan. Pemilihan sekali lagi hanya akan menyebabkan pertandingan yang lebih sengit dan memburukkan lagi perpaduan dalam UMNO. Hakikat ini juga tidak mempengaruhi mereka supaya tidak meneruskan kes mereka untuk diputuskan oleh mahkamah. Mereka tidak sabar untuk merebut kepimpinan UMNO. Mereka tidak sanggup menunggu hanya dua tahun lagi, iaitu pada tahun 1990, untuk bertanding dalam pemilihan jawatan-jawatan Majlis Tertinggi. Pada waktu itu mereka boleh cuba merebut kepimpinan UMNO sekali lagi.

Akhirnya, mahkamah menghukum seluruh UMNO tidak sah. Mereka dengan mudah menerima keputusan mahkamah ini dan tidak membuat rayuan kepada Mahkamah Agung supaya dibatalkan keputusan ini. Sebaliknya dengan pantas mereka cuba menubuhkan 'UMNO Malaysia' untuk menggantikan UMNO yang telah diharamkan. Pada ketika itu tidak adapun sebutan 'Semangat 46'.

Oleh kerana pengharaman UMNO adalah disebabkan perkara teknikal dan bukan kerana kehendak UMNO, maka pemulihannya hendaklah dibuat oleh UMNO sendiri melalui pemimpin-pemimpin UMNO, iaitu Majlis Tertinggi UMNO yang wujud di waktu UMNO diharamkan oleh mahkamah. Hanya Majlis Tertinggi ini yang dapat menjamin penerusan perjuangan, cita-cita dan semangat UMNO. Tidaklah munasabah

orang-orang lain mengambil tindakan kecuali pemimpin-pemimpin UMNO sendiri tidak mengambil tindakan memulihkan parti.

Tetapi puak yang telah menyebabkan UMNO didakwa di mahkamah sehingga UMNO diharamkan, membelakangkan Majlis Tertinggi UMNO. Mereka mencari orang yang bukan anggota Majlis Tertinggi untuk mengetuai 'UMNO Malaysia' tajaan mereka. Orang-orang yang mereka anggap tidak secocok dengan mereka, termasuk semua yang dipilih oleh Perhimpunan Agung untuk memegang jawatan tertentu dalam Majlis Tertinggi, diketepikan. Perkara ini samalah seperti merampas UMNO atau dalam bahasa Inggeris 'hijack' UMNO.

Malang bagi mereka, 'UMNO Malaysia' yang mereka anjurkan itu tidak dapat didaftarkan kerana Pejabat Pendaftaran Pertubuhan masih belum membatalkan nama UMNO yang asal. Untuk membatalkan nama UMNO, Pendaftar Pertubuhan dikehendaki memberi notis tunjuk sebab atau 'show cause' kepada Setiausaha Agung UMNO mengapa pendaftaran UMNO tidak boleh dibatalkan. Demikian juga 'UMNO 88' yang ditaja oleh Majlis Tertinggi UMNO tidak boleh didaftarkan.

UMNO Kekal

Apabila Setiausaha Agung UMNO menerima surat 'show cause', di samping tidak membantah kerana keputusan mahkamah tidak boleh diketepikan oleh Pendaftar Pertubuhan, Setiausaha Agung dan lain-lain ahli Majlis Tertinggi telah membuat permohonan sejourus selepas UMNO asal dimansuhkan secara rasmi, untuk mendaftar semula UMNO yang diberi nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO atau United Malays National Organisation. Inilah permohonan yang pertama dan terawal untuk mendaftar sebuah parti dengan nama UMNO yang diterima oleh Pendaftar Pertubuhan selepas ia membatalkan pendaftaran UMNO yang asal mengikut peraturan dan kehendak undang-undang. Oleh itu wajarlah ia didaftarkan dan selepas itu tidak ada lagi parti lain yang boleh didaftarkan dengan nama yang sama.

Penggunaan perkataan (Baru) di hujung perkataan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu adalah hanya untuk menentukan urusan rasmi parti yang baru didaftar ini tidak dikelirukan dengan UMNO asal yang masih mempunyai harta dan surat-surat yang perlu diambilalih oleh Pemegang Amanah Raya. Sebenarnya, setelah UMNO asal dibatalkan pendaftarannya, pertubuhan yang menggantikannya boleh menggunakan nama asal tanpa ditokok-tambah perkataan lain. Tetapi, perbuatan ini akan menyusahkan Pendaftar Pertubuhan dan Pemegang Amanah Raya sewaktu mereka menguruskan harta dan urusan UMNO asal. Selain daripada keperluan ini, Pertubuhan yang didaftar pada 13hb. Februari, 1988 adalah UMNO yang asal yang menyumbang segala dasar, semangat, keahlian dan perjuangan yang ditentukan pada tahun 1946. Pembatalan UMNO oleh mahkamah dan Pendaftar Pertubuhan adalah perkara teknikal menurut kehendak undang-undang semata-mata. Walaupun daripada segi undang-undang UMNO tidak wujud buat beberapa hari, namun daripada segi perjuangan dan semangat, UMNO tetap wujud.

Sebab itulah, Kerajaan yang didokong oleh UMNO tidakpun terjejas dan ahli-ahli dewan-dewan perundangan terus menjadi ahli dan anggota Kerajaan Barisan Nasional.

Penting diingatkan pembatalan pendaftaran UMNO bukanlah kerana wujudnya cawangan-cawangan yang tidak berdaftar, tetapi kerana ianya dibawa ke mahkamah. Pada tahun 1984, setelah Perhimpunan Agung UMNO diadakan, ada ahli UMNO yang membawa UMNO ke mahkamah. Tetapi, mereka tidak meneruskan tindakan mereka sehingga UMNO diharamkan.

Setelah kejadian itu, Ibu Pejabat UMNO telah menyemak semua fail cawangan UMNO dan mendapati ada 5,000 cawangan yang tidak berdaftar. Setelah semua cawangan didaftarkan semula, Setiausaha Agung telah mengarah supaya diadakan mesyuarat penubuhan.

Sebahagian daripada 5,000 cawangan yang didapati tidak berdaftar pada tahun 1984 telah terdaftar semenjak tahun 1966. Tetapi UMNO tidak diharamkan semenjak tahun 1966, kerana tidak ada ahli yang membawa UMNO ke mahkamah. Bukanlah ada atau tidaknya cawangan yang tidak berdaftar yang menjadikan UMNO tidak sah, tetapi ada atau tidaknya orang-orang yang tidak sayangkan UMNO dan sanggup membawa UMNO ke mahkamah.

Dengan terdaptarnya semula UMNO, maka halangan undang-undang telah ditasi dan UMNO terus bergerak seperti sediakala. Tidak wujud badan lain yang berhak menggunakan mana-mana perkataan yang terkandung dalam nama asal UMNO atau nama yang ada sekarang atau nama yang boleh dikelirukan dengan parti kita.

UMNO wujud pada hakikatnya dan tidak ada sesiapa yang boleh membuat fitnah, berpura-pura atau secara rasmi mendakwa UMNO tidak ada dan perlu dihidupkan semula. UMNO tidak mati.

UMNO bukan makhluk yang boleh hidup dan mati seperti makhluk lain. UMNO adalah pertubuhan yang ditubuhkan mengikut undang-undang. Hanya pendaftarannya sahaja terganggu buat sementara. Segala usaha untuk menghapuskan UMNO gagal.

Serpihan UMNO Memecah-Belahkan Perpaduan Melayu

Sikap pihak yang kononnya ingin menghidupkan semula UMNO jelas menunjukkan bahawa mereka tidak faham bahawa pendaftaran UMNO sahaja yang dibatalkan. Undang-undang begitu jelas bahawa yang telah dibatalkan tidak boleh disahkan semula. Ia perlu didaftarkan semula mengikut kehendak undang-undang. Ini telahpun dibuat apabila Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO (United Malays National Organisation) didaftarkan.

Oleh kerana mereka gagal meyakinkan majoriti ahli UMNO bahawa tindakan-tindakan mereka adalah untuk UMNO dan orang-orang Melayu, atau untuk menyatupadukan tenaga politik orang-orang Melayu sebab sebenarnya tindakan mereka adalah untuk kepentingan diri mereka, sekarang mereka tidak segan-segan lagi mempamerkan tindakan mereka yang memecah-belahkan itu. Kalau dahulu mereka cuma bergerak di kalangan orang-orang Melayu untuk memburukkan kepimpinan UMNO supaya mereka boleh menggantikan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang, sekarang secara terbuka mereka berpaling tadah menjadi pembangkang Kerajaan Barisan Nasional yang berteraskan UMNO. Mereka sudah menyeberang ke sebelah pihak pembangkang dalam Dewan Rakyat dan satu dua Dewan Undangan Negeri. Mungkin mereka akan mengundi bersama parti pembangkang setiap kali ada pengundian dalam dewan-dewan ini. Dalam hal yang demikian, jika ada pilihan-raya, undi UMNO akan berpecah. Malahan di kawasan-kawasan tertentu UMNO akan kalah dan merekapun akan kalah. Hanya parti lawan yang akan menang. Justeru itu DAP dan PAS mempunyai harapan yang baik kerana tindakan kumpulan serpihan ini.

Parti DAP tidak pernah bersimpati dengan imbalan kaum yang menjadi cita-cita orang-orang Melayu dan Dasar Ekonomi Baru. Mereka sepanjang masa mengecam rancangan Kerajaan dan UMNO khususnya. Mereka mempunyai dan mempraktikkan perkauman yang tebal. Pemimpin-pemimpin mereka menghina orang-orang Melayu dan UMNO dan membuat tuduhan-tuduhan melulu terhadap UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional. Mereka juga mengecam konsep kerjasama antara kaum seperti yang dianjurkan oleh Perikatan dan Barisan Nasional. Pendeknya, mereka adalah musuh ketat kepimpinan Melayu dan UMNO. Mereka mendokong konsep 'Malaysian Malaysia' yang akan membelakangkan orang-orang Melayu. Dengan konsep ini mereka akan menguasai segala-galanya: pelajaran, perniagaan, politik, sosial dan lain-lain. Dan orang-orang Melayu akan diketepi dan ditekan seperti di masa orang-orang Melayu dijajah dahulu.

Sekarang kerana perpecahan di kalangan orang-orang Melayu, DAP nampak peluang mereka untuk mencapai 'dominance' sudah muncul. Dengan itu mereka begitu rajin bekerjasama dan memberi sokongan kepada kumpulan serpihan UMNO untuk melemahkan UMNO, Kerajaan Barisan Nasional dan kedudukan orang-orang Melayu.

Kumpulan serpihan UMNO ini adalah kumpulan minoriti. Jika mereka percaya kepada demokrasi sepatutnya mereka patuh kepada keputusan majoriti. Kumpulan majoriti tidak menolak mereka tetapi sifat semulajadi berkehendakkan yang kecil beralah kepada majoriti dan bukan yang majoriti mengikut yang kecil, jika penyatuan hendak dicapai.

Adalah tidak demokratik dan ganjil bagi kumpulan minoriti cuba memaksa kumpulan majoriti menerima kepimpinan mereka. Tetapi oleh kerana mereka gagal memaksa majoriti, mereka sanggup mengasingkan diri daripada majoriti dan memecah-belahkan perpaduan Melayu. Jika terjejas kedudukan dan kekuasaan

Melayu sebabnya ialah kumpulan minoriti ini berdegil tidak mahu mengikut majoriti. Demikianlah degilnya mereka sehingga mereka sanggup bekerjasama dengan DAP untuk menghancurkan kedudukan dan kekuasaan Melayu melalui UMNO.

Kata kumpulan serpihan ini, sebabnya mereka tidak menyokong kepimpinan UMNO sekarang ialah kerana apabila mereka kalah dalam pemilihan, mereka digugurkan daripada Kabinet. Apakah ini begitu ganjil? Apabila Allahyarham-Allahyarham Dato' Onn, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Zainal Abidin, Dato' Nik Kamil dan lain-lain pemimpin pengasas UMNO ditolak oleh majoriti UMNO, mereka tidak diterima sebagai anggota Kabinet apabila Malaya merdeka. Sungguhpun Dato' Nik Kamil, Dato' Panglima Bukit Gantang dan beberapa pemimpin asal UMNO tidak lagi berada di pucuk pimpinan UMNO, mereka terus bekerja keras untuk mencapai kemerdekaan. Apabila Allahyarham Dato' Nik Kamil dan Allahyarham Dato' C.M. Yusof merujuk balik kepada UMNO, mereka hanya dilantik menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Encik Aziz Ishak dan beberapa tokoh lain juga telah disingkirkan. Tun Hussein Onn menjadi anggota Kabinet hanya apabila Tun Razak menjadi Perdana Menteri. Dimasa Tun Razakpun, beberapa tokoh yang tidak secocok dengannya dikeluarkan daripada Kabinet. Dan di masa Tun Hussein, Dato' Harun hilang jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor. Janganlah sesiapa berpura-pura kononnya tidak pernah ada penyingkiran dalam UMNO bagi sesiapa yang menghalang kepimpinan majoriti. Sayugia diingatkan bahawa penyingkiran daripada Kerajaan yang dibuat tahun lalu ialah kerana mereka tidak memegang kepada ikrar sumpah mereka dan kerana mereka membocorkan rahsia Kerajaan.

Dalam usaha untuk merebut kepimpinan UMNO, kecaman dibuat hanya kepada seorang pemimpin sahaja. Oleh kerana orang ini memegang jawatan yang tertinggi sekali, kumpulan serpihan ini percaya jika ianya digulingkan, dan tempatnya diisikan oleh peminat utama jawatan itu, maka tokoh yang mengambil-alih jawatan itu boleh menggantikan semua pemimpin lain dengan orang-orangnya. Orang-orang Melayu dan rakyat Malaysia bukanlah begitu jahil sehingga tidak faham muslihat ini. Mereka juga tidak percaya bahawa jika kumpulan serpihan ini berjaya, tidak ada menteri atau timbalan menteri yang akan disingkirkan.

Demokrasi - Asas UMNO Dan Kerajaan

Sekarang ini tuduhan yang dibuat terhadap Kerajaan ialah ianya tidak demokratik. Tuduhan ini malangnya dibuat juga oleh Tunku. Kita tidak mahu menyentuh tentang pentadbiran dan tindakan-tindakan Tunku. Kita menghormati beliau sebagai seorang tokoh negara. Tetapi malangnya Tunku sendiri telah dikeliru dan diseretkan ke dalam permainan politik pihak-pihak tertentu untuk memenuhi kemahuan mereka. Sebenarnya yang tidak demokratik ialah Kerajaan Malaysia yang pertama. Umum mengetahui UMNO, Perikatan dan Kabinet tidak dirunding sama sekali apabila pengumuman dibuat mengenai penubuhan Malaysia di satu majlis di Singapura.

Perkara yang sebegini besar sepatutnya diberi peluang kepada semua pihak menyuarakan pendapat mereka jika demokrasi wujud pada ketika itu. Demikian juga dengan pemisahan Singapura dari Malaysia. Dari London, keputusan muktamad dibuat untuk memisahkan Singapura daripada Malaysia. Tun Razak cuma diberitahu tentang keputusan ini. Allahyarham Syed Jaafar Albar, yang kemudian menentang tindakan itu, digugurkan daripada jawatan Setiausaha Agung UMNO.

Sebelum Kerajaan yang ada sekarang, kebenaran untuk mengeluarkan suratkhbar atau majalah sukar diperolehi. Kerana mengkritik UMNO, akhbar Mingguan Warta yang diterbitkan di Singapura telah dikeluarkan dari Stesen Keretapi Johor Bahru dan kemudian dibakar atas arahan Presiden UMNO. Akhbar Utusan Melayu pula diambil-alih oleh UMNO. Akhbar Straits Times juga dibeli oleh UMNO. Dengan ini tidak ada akhbar yang mengkritik Kerajaan pada masa itu. Apabila akhbar China Press mengkritik Kerajaan, lesennya ditarik balik.

Sebaliknya semenjak tahun 1981, permit KDN dikeluarkan dengan mudah untuk sesiapa sahaja, termasuklah mereka yang menentang Kerajaan. Jika disemak, banyak akhbar dan majalah dicetak selepas tahun 1981. Banyak daripada akhbar dan majalah yang mendapat KDN menentang Kerajaan. Hanya jika mereka cuba melaga-lagakan kaum-kaum barulah KDN mereka ditarik balik seperti yang dibuat pada bulan Oktober tahun 1987.

Berkenaan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA pula, lebih daripada dua ribu orang berada dalam tahanan semasa pemerintahan tiga Perdana Menteri dahulu. Bukan sahaja komunis yang dimasukkan ke dalam tahanan, tetapi juga anggota-anggota parti PAS, Parti Buruh dan Parti DAP ditahan di bawah ISA. Encik Lim Kit Siang dimasukkan ke dalam tahanan pada tahun 1969. Encik Aziz Ishak dimasukkan ke dalam tahanan. Saudara Anwar Ibrahim juga dimasukkan ke dalam tahanan. Apakah benar dakwaan bahawa hanya komunis sahaja yang dimasukkan ke dalam tahanan dahulu?

Pada penghujung tahun 1968 dan awal tahun 1969, Parti Buruh telah mengadakan perletakan jawatan wakil rakyat mereka seorang demi seorang untuk mengganggu Kerajaan. Apakah tidak ada tindakan yang diambil terhadap mereka? Kepimpinan pada masa itu telah mengutuk tindakan tersebut. Kemudian Perlembagaan telah dipinda di mana sekiranya berlaku kekosongan kerusi di Dewan Rakyat dalam tempoh masa enam bulan sebelum tamat hayat biasa Parlimen, kekosongan itu tidak akan dipenuhi. Mengenai majlis-majlis bandaran pula, pemilihan anggota-anggota majlis-majlis tersebut digantung dan ahli-ahli majlis dilantik oleh Kerajaan apabila didapati parti lawan selalu menguasai majlis bandaran dan mempengaruhi pentadbiran bandar-bandar.

Apa yang dibuat oleh Kerajaan sekarang telah dibuat oleh Kerajaan sebelum ini. Bahkan ada tindakan-tindakan Kerajaan pimpinan perdana menteri-perdana menteri dahulu yang lebih tidak demokratik. Apabila ada tindakan oleh Kerajaan untuk mengawal keamanan, hanya parti-parti lawan dan akhbar-akhbar asing sahaja yang mem-

buat tuduhan Kerajaan tidak demokratik. Ahli-ahli UMNO, Perikatan dan Barisan Nasional mengalu-alukan tindakan Kerajaan. Jika disemak catatan perbahasan dalam Dewan Rakyat dan akhbar-akhbar pada masa itu, apa yang diperkatakan ini akan didapati benar.

Jika hari ini terdapat tuduhan yang Kerajaan tidak demokratik, sebabnya ialah kerana ada segelintir bekas ahli UMNO yang kecewa dan ingin memburukkan imej Kerajaan supaya tindakan mereka untuk merebut jawatan parti dan Kerajaan akan disokong oleh pihak-pihak tertentu dan akhbar-akhbar asing. Sebenarnya merekalah yang tidak demokratik. Merekalah yang menolak keputusan ramai. Apabila mereka berkuasa dahulu, mereka bertindak secara kejam, menyingkirkan orang-orang yang mereka tidak suka, bertindak kasar kepada sesiapa yang tidak mahu menurut mereka. Ramai yang tidak bersetuju dengan mereka tidak dicalonkan sebagai wakil rakyat di negeri-negeri yang mereka menjadi ketua perhubungan. Siapakah yang sebenarnya tidak demokratik – Kerajaan-kerajaan dahulu atau Kerajaan yang ada sekarang?

Undang-Undang Dan Pemerintahan

Negara kita bukan sahaja demokratik tetapi pemerintahan negara ini juga tertakluk kepada dan mendokong kedaulatan undang-undang. Dalam pentadbiran yang diasaskan kepada undang-undang, ada prinsip-prinsip tertentu yang mesti diikuti. Di antara prinsip-prinsip ini ialah tidak ada sesiapa yang terkecuali daripada tindakan undang-undang.

Memang benar raja-raja yang memerintah tidak tertakluk kepada undang-undang biasa. Tetapi merekapun tidak bebas sehingga boleh melakukan sebarang jenayah. Pada hakikatnya kita semua, sama ada kita Perdana Menteri atau buruh kasar, sama ada kita hakim atau pesalah – semuanya tertakluk kepada undang-undang.

Tetapi undang-undang yang kita gunakan secara am adalah undang-undang yang dibentuk oleh kita melalui dewan-dewan undangan mengikut kehendak Perlembagaan Negara. Daripada segi undang-undang, Perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi sekali, yang mengatasi undang-undang lain.

Oleh kerana undang-undang negara kita digubal oleh kita manusia dan bukannya undang-undang Tuhan, kita boleh meminda undang-undang ini jika perlu. Tetapi pindaan ini tertakluk kepada prinsip-prinsip tertentu. Kita tidak boleh meminda undang-undang sehingga keputusan mahkamah dibatalkan. Jika kita berbuat demikian, Parlimen akan menjadi mahkamah yang lebih tinggi daripada Mahkamah Agung. Apa yang boleh dibuat oleh Parlimen ialah meminda undang-undang untuk digunakan pada masa hadapan.

Untuk menentukan hakim-hakim bebas daripada tekanan mana-mana pihak, peruntukan khas dibuat dalam Perlembagaan supaya hakim tidak mudah disingkirkan.

Kerajaan atau rakyat atau raja yang memerintah, tidak berkuasa menyingkirkan hakim-hakim. Hanya hakim-hakim sahaja yang berhak menyingkirkan mana-mana hakim melalui prosedur tertentu, iaitu melalui sebuah tribunal yang dianggotai hanya oleh hakim-hakim. Pihak raja yang memerintah tertakluk kepada nasihat tribunal itu. Ahli-ahli politik tidak boleh campurtangan dalam hal ini. Demikian peruntukan Perlembagaan.

Peruntukan ini tidak akan dibuat jika mereka yang menggubal Perlembagaan Malaysia tidak mahu hakim yang bersalah disingkirkan. Bahawa peruntukan ini dibuat dalam Perlembagaan menunjukkan betapa seriusnya pandangan penggubal Perlembagaan terhadap kedudukan hakim dan kebebasan kehakiman. Tetapi mereka juga tahu hakim adalah manusia biasa yang mungkin membuat kesalahan. Oleh itu, dalam situasi yang tertentu, melalui proses tertentu, mereka boleh dipecat.

Ramai daripada penentang Kerajaan yang bercakap tentang 'Pemerintahan Undang-undang' atau 'Rule of Law', tetapi di masa yang sama mendesak supaya undang-undang yang sedia ada tidak digunakan bagi orang-orang tertentu, khususnya Ketua Hakim Negara. Apakah maknanya 'Rule of Law' jika ada pilih kasih dan diskriminasi pula dalam kegunaannya?

Penyingkiran hakim mungkin tidak pernah dibuat di Malaysia. Ini adalah kerana dahulu hakim-hakim tidak melanggar undang-undang. Tetapi di negara-negara lain seperti Kanada, Amerika Syarikat, United Kingdom dan India, penyingkiran hakim pernah dibuat. Apakah yang istimewa sangat dengan hakim di Malaysia sehingga mereka dianggap lebih tinggi daripada undang-undang?

Sekarang orang yang bercakap tentang 'Rule of Law' dan kononnya berjuang untuk kebebasan kehakiman mahu membawa pindaan undang-undang supaya keputusan mahkamah dibatalkan oleh Parlimen. Apakah benar dakwaan mereka bahawa mereka menjunjung tinggi pemerintahan berasaskan undang-undang atau 'Rule of Law'? Atau adakah kepentingan politik diri sendiri yang menyebabkan mereka berpendirian demikian terhadap pemecatan hakim?

Segala hasutan dan tindak-tanduk yang membawa perpecahan dalam UMNO dan di kalangan orang-orang Melayu berpunca daripada mereka ini. Mereka yang mencabar kepimpinan. Mereka yang tidak mahu menerima keputusan pemilihan perhimpunan agung. Mereka yang membuat dakwaan di mahkamah sehingga UMNO dihukum tidak sah. Mereka yang cuba 'hijack' UMNO dengan menaja parti 'UMNO Malaysia' yang membelakangkan pemimpin-pemimpin yang telah dipilih oleh perhimpunan agung tetapi yang mereka tidak setuju. Mereka yang berkempen dan menghasut di merata-rata tempat untuk memecah-belahkan UMNO. Mereka yang meletakkan jawatan dan memaksa pilihanraya kecil diadakan sehingga orang-orang Melayu terkeliru dan berpecah. Mereka yang menyeberang dewan dan menyertai kumpulan pembangkang. Semua ini dan bermacam-macam tindakan buruk diambil oleh mereka, tetapi mereka menuduh kita pihak majoriti yang menyebabkan segala-galanya. Sebenarnya, kita pihak majoriti hanya mempertahankan diri daripada tohmahan fitnah dan tindakan mereka.

Tindakan mereka ini disokong dan digalakkan oleh akhbar-akhbar dan majalah-majalah asing tertentu dan oleh kumpulan pembangkang dalam negeri. Sokongan daripada media asing tertentu ini bukanlah kerana mereka sayang kepada kumpulan serpihan ini. Tujuan mereka ialah supaya kestabilan dan kemajuan Malaysia terjejas dan orang-orang Melayu dilumpuhkan.

Ancaman Terhadap Pembangunan Negara

Tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia sudah mencapai kemajuan yang pesat dalam bidang perindustrian sehingga dalam beberapa bidang telah dapat bersaing dengan negara-negara yang sudah maju. Ada pihak-pihak di negara-negara maju yang tidak senang dengan kejayaan ini dan mereka amat gembira jika pembangunan negara membangun seperti Malaysia tergugat oleh politik yang menjejaskan kestabilan. Sebab itulah apabila ada sahaja golongan kecil yang boleh mencetuskan kekacauan, mereka membesar-besarkan berita dan kegiatan kumpulan kecil ini. Ada media asing yang sengaja tidak melaporkan apa yang benar tetapi membuat ramalan yang memburukkan keadaan serta menggalakkan kumpulan-kumpulan kecil ini untuk bertindak dengan lebih berani dan dengan lebih tidak bertanggungjawab.

Ada media asing yang sering mengecam Malaysia sebagai tidak demokratik bukan sahaja sekarang ini tetapi juga semenjak negara kita mencapai kemerdekaan lagi. Sekarang mereka mendakwa bahawa kononnya Malaysia di masa dahulu adalah contoh negara membangun yang demokratik. Tetapi jikalau dibaca balik laporan-laporan mereka dahulu, dakwaan Malaysia tidak demokratik dan mendiskriminasi antara kaum telah dibuat bertalu-talu di masa pemerintahan Tunku, Tun Razak dan Tun Hussein. Sekarang mereka cuba melaporkan seolah-olah dahulu mereka tidak pernah berkata yang Malaysia tidak demokratik atau mengamalkan diskriminasi antara kaum.

Tujuan media asing dan kumpulan-kumpulan tertentu ini ialah untuk menjejaskan kestabilan dan pembangunan Malaysia. Ada juga unsur-unsur anti-Islam dalam sikap mereka. Ada juga perasaan bahawa orang-orang Melayu dan Islam tidak mampu memerintah diri sendiri, jauh sekali mencapai kemajuan. Oleh itu sesiapa sahaja yang menentang kestabilan dan menimbulkan masalah kepada negara akan mendapat sokongan mereka. Dalam hal ini, kumpulan serpihan UMNO telah diperalatkan oleh media asing untuk menjejaskan pembangunan Malaysia. Tetapi kumpulan ini rela diperalatkan kerana bagi mereka adalah lebih baik Malaysia kucar-kacir dan tidak maju asalkan mereka mendapat sokongan pihak asing untuk kepentingan diri mereka. Jika orang-orang Melayu menjadi lemah dan mundur, itupun tidak mengapa kerana ini juga akan menolong mereka mendapat sokongan.

Walaupun kumpulan minoriti ini meneruskan tindak-tanduk mereka, Parti UMNO dan Kerajaan akan terus berusaha untuk memajukan negara. Matlamat kita ialah keadilan sosial, pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik. Kita ingin menentukan bahawa kaum-kaum yang ada di Malaysia akan mendapat habuan atau bahagian masing-masing secara adil. Oleh kerana kaum bumiputera dan orang-orang Melayu

khususnya masih lagi ketinggalan, usaha-usaha membantu mereka akan diteruskan supaya mereka mendapat bahagian-bahagian yang adil. Di samping itu, kita tidak akan merebut apa yang telah ditentukan untuk bukan bumiputera.

Dasar Ekonomi Baru Dan Ekonomi Negara

Pada tahun 1990 Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan diulangkaji. Matlamat kaum bumiputera belum dicapai sepenuhnya. Walau bagaimanapun, kita telah dapat mengenalpasti kelemahan-kelemahan DEB. Pemberian peluang, kemudahan, modal dan tenaga oleh Kerajaan tidak mencukupi untuk menjayakan perniagaan dan perusahaan yang diberi milik kepada bumiputera, sama ada secara langsung atau melalui badan-badan kepentingan bumiputera. Dalam hal ini, kecekapan pengurusan adalah perkara yang amat penting, dan ini sukar terdapat di kalangan bumiputera.

Justeru itu, hanya melanjutkan DEB tidak akan memberi faedah sepenuhnya kepada bumiputera. Untuk menjayakan usaha mengimbangkan bumiputera dengan bukan bumiputera, pengetahuan dan pengalaman dengan bukan bumiputera mesti dipertingkatkan melalui berbagai-bagai cara. Antara cara yang berkesan sekali ialah dengan menjadi 'apprentice' kepada orang yang cekap dalam bidang pengurusan. Di sini kaum lain, sama ada rakyat Malaysia atau asing, dikehendaki memainkan peranan penting. Kaum-kaum lain mestilah faham bahawa lebih cepat mereka menolong bumiputera memperolehi kecekapan yang diperlukan, lebih cepat pengimbangan antara bumiputera dengan bukan bumiputera dapat dicapai. Selagi bumiputera tidak diberi pertolongan dalam bidang pengurusan sehingga mereka mampu bersaing selagi itulah pencapaian DEB tidak akan memuaskan. Dalam menjayakan usaha ini bumiputera tidak boleh menunggu sahaja. Mereka mesti berusaha. Mereka mesti membetulkan kesalahan dan kelemahan diri mereka.

Kerajaan akan memberi galakan kepada usahasama bumiputera dengan bukan bumiputera asalkan bumiputera memainkan peranan yang bermakna dalam pengurusan. Kita tidak akan membelakangkan syarikat yang 100% bumiputera yang berkebolehan, tetapi kita harus sedar bilangan mereka tidak banyak dan mereka mungkin tidak berupaya dengan sendiri mengambilalih bahagian 30% saham syarikat yang ditentukan untuk bumiputera. Memberikan sesuatu projek kepada sesuatu syarikat yang 100% dimiliki oleh bumiputera hanya kerana ianya 100% bumiputera, sedangkan ia tidak berupaya menguruskan projek itu adalah perbuatan yang mengkhianati matlamat kita untuk menolong bumiputera. Bilangan bumiputera yang dahulu tidak ada masalah kewangan, tetapi sekarang diserang oleh bank dan menjadi muflihs telah meningkat kerana cuba melaksanakan bilangan projek yang lebih daripada kemampuan, kurang kecekapan pengurusan dan tidak berupaya mengatasi kemelesetan ekonomi yang melanda dunia. Justeru itu Kerajaan akan meneliti kemampuan mereka secara mendalam sebelum memberikan sesuatu projek kepada bumiputera.

Kerajaan sedar pengkritiknya akan menjadikan perkara-perkara ini sebagai isu politik. Sebenarnya ramai daripada pengikut-pengikut kumpulan tertentu terdiri dari-

pada orang-orang yang mempunyai masalah kewangan kerana mereka telah menyalahgunakan pinjaman-pinjaman yang telah diperolehi dan sekarang ini tidak mampu membayar balik pinjaman tersebut. Kita tidak akan gentar dengan ancaman kumpulan ini.

Kita tidak berniat menjadikan peniaga dan pengusaha Melayu muflis supaya mereka akan bergantung kepada kita. Kita ingin menjadikan orang-orang Melayu usahawan dan peniaga yang cekap, yang berdikari dan mampu bersaing dengan sesiapa sahaja dengan jayanya.

Matlamat ekonomi kita ialah menegakkan asas yang kukuh untuk Malaysia membangun sehingga sampai ke tahap negara yang maju. Matlamat ini bukan mustahil dicapai. Banyak negara-negara maju dan negara-negara industri baru atau NICs adalah dahulunya negara-negara pertanian yang mundur. Tetapi oleh kerana mereka memasuki bidang perindustrian dengan bersungguh-sungguh hari ini mereka telah maju.

Ada yang berpendapat bahawa kita terlalu bercita-cita tinggi. Pendapat ini adalah pendapat orang yang mudah mengaku kalah atau 'defeatist', hasil sikap kurang percaya kepada diri sendiri. Sebenarnya kita bukan sahaja mampu tetapi kita tidak ada pilihan. Walaupun bidang pertanian merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang penting, namun demikian pertanian tidak mungkin mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi puluhan ribu lulusan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi setiap tahun. Lagi pula penggunaan jentera dan teknologi moden akan mengurangkan lagi penggunaan para pekerja ladang. Hanya sektor industri sahaja yang boleh menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi dan mewujudkan kekayaan yang boleh mengimbangi antara bumiputera dengan bukan bumiputera, dan antara negara kita dengan negara-negara lain.

Perindustrian Dan Teknologi Moden

Kita hidup di zaman persaingan. Apa yang boleh dibuat oleh kita boleh juga dibuat oleh orang lain dan sebaliknya. Sebenarnya tidak ada barangan buatan yang tidak boleh kita buat. Yang akan menentukan jaya atau tidaknya barangan buatan kita itu ialah kos dan mutunya.

Di sini kita perlu kepada pengurusan yang cekap, pengurusan yang tahu mengawal kewangan dan kos, yang faham akan cara dan kegunaan jentera serta teknologi pengeluaran yang terbaik untuk sesuatu industri.

Tidak kurang pentingnya bagi pertumbuhan ekonomi ialah mutu perkhidmatan dan hasil usaha kita. Jika kita terkenal dengan perkhidmatan yang buruk dan barang buatan kita tidak bermutu, maka pertumbuhan industri, dan dengan itu pertumbuhan ekonomi juga akan terjejas. Sebaliknya jika perkhidmatan kita baik dan hasil kerja kita bermutu, bukan sahaja para pelabur akan melabur di negara kita, tetapi juga ramai

para pelawat dan pelancong akan berkunjung ke Malaysia dan akan membelanjakan wang dengan banyaknya. Ini bukan sahaja akan menambahkan peluang-peluang pekerjaan tetapi juga meningkatkan pendapatan para pekerja. Sebenarnya, barangan atau perkhidmatan yang bermutu tinggi tidak sukar dipasarkan dengan harga yang juga tinggi dan lebih menguntungkan. Harga yang murah untuk yang tidak bermutu tidak menjamin penjualan yang laris di pasaran moden ini.

Di sini kita perlukan sikap berbangga atau 'pride' dengan apa juga hasil kerja kita. Perkhidmatan dan barangan yang bermutu tinggi hasil usaha kita bukan sahaja akan memberi pendapatan yang lumayan, tetapi juga akan memberi kepuasan kepada kita. Masyarakat pula harus menghargai dan menyanjung tinggi mereka yang mengeluarkan barangan yang bermutu atau perkhidmatan yang baik. Kualiti hendaklah menjadi salah satu nilai yang dikejar oleh masyarakat Malaysia dan mereka yang mencapai kualiti yang tinggi harus diiktiraf dan disanjung tinggi dan diberi tempat yang istimewa dalam masyarakat.

Mengapakah kita hendak mengejar sangat taraf negara maju ini? Hasrat kita bukanlah semata-mata untuk mendapat pendapatan yang lebih supaya boleh hidup mewah, boleh berehat dan melancong ke sana-sini.

Hasrat kita ialah supaya negara dan masyarakat kita dihormati, disegani dan diterima sebagai setaraf dengan mereka yang sudah maju. Hasrat kita ialah supaya kita tidak perlu bergantung kepada sesiapa. Hasrat kita ialah supaya kita tidak perlu mengikut telunjuk orang. Kesimpulannya ialah supaya kita bebas dalam segala-galanya.

Untuk mencapai taraf ini, kita perlu mendapat pendapatan per kapita yang sama dengan pendapatan per kapita di negara yang maju. Banyak negara membangun sudah mempunyai angka per kapita yang sekali ganda lebih tinggi daripada negara maju tetapi masih ditakrif sebagai negara membangun. Untuk mencapai taraf negara maju, kita memerlukan peningkatan pengetahuan dalam semua bidang sehingga taraf atau lebih daripada taraf pengetahuan penduduk negara maju.

Pengetahuan yang dimaksudkan bukan semata-mata daripada segi memperoleh ijazah tetapi pengetahuan dan kebolehan mencipta, merekabentuk, membuat barangan buatan yang bermutu dan sofistikated dengan menggunakan segala jenis logam, bahan mentah semulajadi dan bahan-bahan tiruan seperti plastik, 'carbon fibre, composites' dan lain-lain lagi. Kita mesti berkebolehan menggunakan komponen elektronik dan laser dalam barangan buatan dan ciptaan kita.

Kita tidak mungkin membuat semua barangan buatan yang ada. Banyak yang tidak dapat tidak, mesti didapati daripada punca luar negeri. Tetapi kita perlu tahu akan cara-cara membuatnya. Bagi kita, tumpuan akan diberikan kepada beberapa bidang mengikut keutamaan yang ditentukan oleh kita.

Malaysia mestilah juga mempunyai rakyat yang cekap dan berpengetahuan dalam bidang pengurusan. Mereka perlu tahu selok-belok perniagaan dan boleh berni-

aga dengan jayanya. Setiap rakyat Malaysia mesti tahu bahawa kerja mereka, di samping memberi pendapatan kepada mereka sendiri, juga mesti menambah kekayaan negara. Mereka harus ingat bahawa yang memberi peluang dan pendapatan kepada mereka ialah negara Malaysia ini.

Untuk mencapai semua ini, rakyat Malaysia dikehendaki mempunyai nilai-nilai hidup dan etika kerja yang mulia. Kita mahu sampai ke tahap di mana rakyat Malaysia terkenal bukan sahaja kerana kecekapan tetapi juga kerana mereka jujur dan tidak mungkir janji, kerana mereka tidak menipu dan mereka rajin serta setia kepada negara.

Sejarah Sebagai Pedoman

Dalam sejarah manusia terdapat banyak negara yang mundur tetapi kemudiannya telah menjadi maju, kaya dan kuat. Tetapi setelah itu prestasi mereka merosot semula sehingga mereka hilang ditelan zaman. Demikianlah dengan negara Parsi lama, Yunani, Roma, China di zaman Kublai Khan dan Genghis Khan, Sri Vijaya, Majapahit, dan Egypt di zaman Firaun. Demikian juga dengan Empayar Islam yang pada satu ketika dahulu menjadi empayar yang terbesar sekali di dunia, meliputi Sepanyol di Barat hingga ke China di Timur. Di zaman moden, Empayar British juga mengalami nasib yang sama.

Jelas daripada contoh-contoh ini bahawa kemajuan sesebuah negara tidak kekal. Oleh itu mungkin ada yang bertanya apa gunanya kita mengejar kemajuan? Tidakkah lebih baik jika kita berpuas hati dengan yang sedikit yang ada pada kita dan sebaliknya kita mengejar ketenangan jiwa sebelum kita kembali ke Rahmatullah?

Yang pertama, masalahnya dalam dunia moden ini ialah kita tidak akan dibenarkan hidup sempurna, dan kita tidak boleh mendapat ketenangan jiwa jikalau kita tidak maju dan tidak boleh mempertahankan diri kita. Yang keduanya, menumpukan kepada ketenangan jiwa untuk diri sendiri sahaja adalah sifat yang tamak, yang bercanggah dengan ajaran agama kita, agama Islam. Kita mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat dan agama.

Kejatuhan setengah-setengah negara yang maju adalah disebabkan keruntuhan akhlak atau kehilangan pedoman agama. Apabila pemimpin-pemimpin Empayar Islam lupa kepada ajaran Islam dan mereka asyik dengan keseronokan hidup, maka empayar mereka pun merosot. Terdapat sultan-sultan dan ketua-ketua negara-negara Islam di masa dahulu yang menyalahgunakan kedudukan mereka semasa negara mereka maju. Wang negara dibelanjakan untuk diri sendiri. Kemiskinan dan penderitaan rakyat tidak dihiraukan. Ajaran Islam ditafsir mengikut nafsu sendiri.

Akibatnya kemajuan negara mereka merosot. Mereka tidak lagi sanggup dan sedia mempertahankan negara mereka seperti yang dituntut oleh agama Islam. Mereka tidak memberi perhatian kepada pembangunan pengetahuan dan teknologi.

Sementara musuh mereka mencipta alat-alat perang dan lain-lain yang meningkatkan kekuatan dan keupayaan mereka, pemimpin-pemimpin Islam bukan sahaja asyik melaungkan sejarah kegemilangan mereka dahulu, tetapi membuat tafsiran-tafsiran agama yang menghalang kemajuan. Mereka lebih menitikberatkan perkara remeh-temeh daripada perkara kemajuan dan peningkatan kemampuan negara. Larangan terhadap lukisan sebarang gambar umpamanya dianggap sebagai begitu utama sedangkan suruhan Tuhan supaya bersedia menentang musuh diketepikan.

Layanan terhadap rakyat yang bukan sebangsa dengan pemerintah, sama ada Islam atau bukan Islam, amatlah kejam dan menghina. Dengan itu berbagai suku bangsa bersubahat dengan musuh Empayar Islam dengan niat menjatuhkannya. Akhirnya, hancurlah Empayar Islam.

Demikian juga dengan lain-lain empayar dan negara yang maju dan kuat. Apabila sahaja maju, maka pemimpin dan rakyat lupa akan tanggungjawab mereka, asyik dengan kemewahan dan kemudiannya menjadi lemah. Maka komplot-komplotpun tumbuh seperti cendawan untuk merebut kuasa. Akhirnya, kemajuan merosot dan mereka kembali menjadi mundur.

Islam

Memandangkan akan gejala-gejala yang menimpa negara-negara maju, maka amatlah penting bagi kita menanam dengan kuat ajaran Islam yang sebenar supaya terbentuk peribadi bangsa dan individu yang tidak akan lupa daratan. Sementara kita berusaha membangunkan bangsa Melayu khususnya sehingga ke tahap bangsa yang maju, agama tidak boleh diabaikan.

Tekanan perlu diberi bukan kepada rupa bentuk yang dikatakan Islam tetapi kepada amalan nilai-nilai yang mencerminkan peribadi Islam yang sebenar. Orang-orang Melayu yang akan maju kerana pengetahuan dan kecekapan mestilah mempunyai nilai-nilai mulia seperti keikhlasan, kejujuran, beramanah, bertanggungjawab, keberanian dan lain-lain sifat yang mulia supaya pengetahuan dan kecekapan mereka tidak disalahgunakan.

Mungkin ada yang akan berkata ini adalah terlalu idealistik dan sukar dicapai. Bagi sesetengah orang Islam lebih mudah dicapai rupabentuk yang dikatakan Islam daripada apa yang sebenarnya dituntut oleh Islam. Jika orang-orang Melayu berpegang kepada ajaran Islam, mereka harus cuba mengamalkan nilai-nilai Islam yang sebenar dan yang mulia ini. Kita telah melihat bagaimana kemewahan sebelum resesi baru-baru ini telah menjadikan ramai rakyat Malaysia termasuk orang-orang Melayu begitu tamak sehingga yang sudah kaya pun sanggup menipu dan menyalahgunakan kuasa yang diamanahkan kepada mereka. Perasaan tamak juga telah membawa kepada perpecahan di kalangan orang-orang Melayu dan kepada percubaan merebut kuasa kerana kepentingan diri. Oleh itu ada yang berpendapat mungkin lebih baik jika kita tidak mengejar kemajuan dan sebaliknya kekal dengan kemunduran kita.

Tetapi sekali lagi perlu ditekankan, kita tidak mempunyai pilihan. Jika kita mundur kita akan dihina dan ditindas oleh orang-orang lain. Kita mungkin dikuasai oleh negara-negara dan orang-orang bukan Islam yang maju. Bahkan kita mungkin dipisahkan daripada agama Islam. Oleh itu, kita harus cuba menerapkan nilai-nilai yang unggul atau ideal walaupun kita tidak mungkin berjaya sepenuhnya. Ini adalah tanggungjawab kita sebagai orang-orang Islam yang berna'wah dan berhemah tinggi. Memandangkan kepada hakikat ini, maka Kerajaan akan menumpukan perhatian yang khusus dan memberikan peruntukan yang wajar kepada pelajaran agama, dakwah Islamiah dan latihan rohaniah supaya pegangan kepada agama Islam akan menjadi benteng kepada orang-orang Melayu dan orang-orang Islam yang lain, dalam kita mengejar kemajuan. Tekanan akan diberi kepada pembentukan peribadi yang benar-benar Islam.

Dalam usaha ini, imbalan akan diberikan kepada ilmu-ilmu duniawi dengan bekalan untuk akhirat. Imbalan ini dituntut oleh agama Islam. Sepertimana kita tidak mahu orang-orang Islam yang tamak, mementingkan diri sendiri dan yang semata-mata memikirkan kepentingan mereka di akhirat, begitu juga kita tidak mahu orang-orang Islam yang terlalu taksud dengan kemajuan di dunia sehingga mereka lupa akan akhirat. Untuk maksud ini, para pendidik agama perlu memberikan penjelasan dan tekanan terhadap imbalan antara dunia dan akhirat.

Gerakan dakwah akan diberi perhatian yang lebih oleh Kerajaan. Peruntukan serta kakitangan yang lebih akan diadakan untuk tujuan ini. Kurikulum dakwah tidak sepatutnya terserah semata-mata kepada budi bicara dan kefahaman individu-individu yang mungkin mengeliru dan memesongkan akidah umat Islam.

Sumbangan dan kekesan institusi-institusi pelajaran agama, daripada taman-taman asuhan sehinggalah ke universiti-universiti, kepada pembentukan umat Islam yang benar-benar berpegang kepada ajaran Islam akan dikaji semula supaya sesuai dengan kehendak agama Islam yang sebenar dan bukan kehendak kumpulan-kumpulan tertentu. Penyelewengan yang sedang berlaku mesti dihapuskan.

Tugas mengembangkan kefahaman agama yang betul dan benar serta usaha membangunkan negara adalah sebahagian daripada ibadat yang wajib ditunaikan oleh semua umat Islam di Malaysia. Kerajaan akan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai sebahagian daripada ibadat kepimpinan Kerajaan, sebagai satu fardu kifayah. Kita mesti berusaha menentukan bahawa walaupun kemajuan dicapai, orang-orang Melayu akan terus insaf dan sedar dan berpegang teguh kepada ajaran Islam. Dengan itu kita tidak akan dilanda dengan masalah tertentu seperti yang dialami oleh beberapa buah negara yang maju.

Peranan Pendidikan

Dalam usaha membangunkan bangsa dan negara, pendidikan memainkan peranan yang amat penting. Dalam hal ini, peranan pendidikan perlu dikaji dari semasa ke semasa dan tekanan diberi kepada kaitan ilmu yang dipelajari dengan kerja yang akan

dilaksanakan. Ijazah dari institusi pengajian tinggi tidak bermakna semua kerja boleh dibuat oleh pemegangnya. Demikian juga keperluan negara dalam zaman teknologi. Kegunaan teknologi moden secara praktik mestilah diberi perhatian yang sewajarnya di sekolah-sekolah dan universiti-universiti. Sementara kita perlu memberi tempat kepada sastera demi pembentukan peribadi bangsa, kita harus ingat bahawa pertumbuhan industri memerlukan mereka yang bukan sahaja tahu bagaimana alatan moden bersungsi, tetapi perlu tahu secara praktik atau 'hands on' bagaimana mengeluarkan barangan-barangan buatan, penggunaan bahan-bahan baru, dan menguruskan kerja-kerja yang perlu dalam proses perkilangan.

Kita tidak mahu jurutera yang berkolar putih, yang duduk dalam bilik berhawa dingin dan berfungsi sebagai pentadbir. Kita tidak mahu para profesional yang mengejar ijazah seumur hidup tanpa menggunakan pengetahuannya dalam kehidupan diri dan masyarakat. Kita tidak mahu terlalu ramai yang mengejar ilmu hanya untuk mengembangkan ilmu itu secara teori sahaja. Yang kita kehendaki ialah mereka yang setelah lulus ijazah pertama akan menggunakan pengetahuan itu secara praktikal. Setelah jelas ilmunya berguna dan ia mampu menghasilkan sesuatu, dan setelah beberapa tahun berlalu, barulah ia harus diberi peluang mengejar ijazah yang lebih tinggi. Selepas itu, sekali lagi ilmu yang diperolehi digunakan secara praktikal. Hanya apabila seseorang itu terlatih dalam jurusan tertentu, mempunyai pengalaman yang luas dan umurnya telah meningkat, barulah seseorang itu diberi tempat sebagai pentadbir atau sebagai pengembang ilmu. Dan sebagai pentadbir mereka akan mendapat tempat dan peluang yang sama dengan pihak pentadbir yang lain.

Ringkasnya, pendidikan diadakan dengan tujuan penggunaan ilmu secara praktikal, supaya proses industrialisasi negara dapat dipertingkatkan. Dalam usaha ini, ijazah tidak harus diberi penilaian secara automatik. Yang tidak berijazah tetapi nyata cekap dan berpengalaman akan mendapat peluang, kenaikan pangkat dan gaji yang sama dengan yang berijazah.

Dalam sesebuah negara yang pesat membangun, belajar kerana semata-mata ingin belajar tidak harus mendapat penilaian yang tinggi jika dibandingkan dengan belajar dengan tujuan menggunakan ilmu pengetahuan itu bagi kemajuan masyarakat dan negara.

Hasil Kerja Yang Bermilai Tinggi

Di Malaysia kita biasanya menganggap sesuatu kerja itu sebagai cara mendapat pendapatan dan sara hidup sahaja. Ini wajar. Tetapi hasil kerja juga perlu diberikan tempat yang tinggi dalam penilaian kita. Kerja yang menghasilkan sesuatu yang baik dan bermutu tinggi mestilah dihargai dan dibanggakan.

Jika kita ingin maju, terutama dalam bidang pengurusan dan pembuatan, apa yang dihasilkan daripada kerja kita amat mustahak. Tidak ada gunanya kita mengurus tetapi tidak mendapat keuntungan. Tidak ada gunanya kita berusaha tetapi hasilnya ialah

barangan yang tidak bermutu, yang tidak boleh diguna dan dipasarkan. Kualiti yang tinggi dan kos yang rendah mestilah menjadi tumpuan dan matlamat setiap pekerja, sama ada buruh atau pengurus atau pengarah, sama ada dalam Kerajaan atau swasta.

Penghargaan juga perlu diberikan kepada pekerja-pekerja kolar biru. Pekerja-pekerja kolar biru yang menghasilkan barangan, membina atau mencipta sesuatu atau memperbaiki alatan dengan cekap tidak boleh dianggap kurang penting. Mereka mesti dilayan sekurang-kurangnya sama dengan pekerja-pekerja kolar putih dari segi gaji, peluang naik pangkat dan lain-lain keistimewaan jika mereka menghasilkan barangan yang bermutu dalam proses industrialisasi kita.

Di masa dahulu barangan buatan dikeluarkan oleh negara-negara maju semata-mata. Kita hanya mengeluarkan barangan mentah yang kita jual dengan harga yang ditentukan oleh pihak pembeli. Tetapi sekarang jelas kita juga mampu mengeluarkan berbagai-bagai jenis barangan buatan.

Oleh kerana sara hidup kita rendah, maka kos barangan buatan kita juga rendah dan kita mampu bersaing di pasaran dunia dengan barangan buatan daripada negara-negara maju. Ini menyebabkan pengusaha-pengusaha dan pekerja-pekerja di negara-negara maju khuatir nasib dan taraf hidup tinggi mereka akan terancam.

Pengusaha-pengusaha di negara-negara maju cuba mengatasi saingan daripada negara-negara membangun dengan memindahkan industri-industri mereka ke negara-negara membangun. Ini menyebabkan industri-industri pembuatan tidak tumbuh dengan pesat seperti dahulu di negara-negara maju. Pekerja-pekerja di negara-negara maju tidak lagi dapat menuntut kenaikan gaji yang tinggi sepanjang masa. Kita bersimpati dengan para pekerja di negara-negara maju tetapi apakah pekerja-pekerja kita harus menganggur supaya pekerja-pekerja negara-negara maju hidup mewah dan semakin mewah? Kita juga berhak mendapat pekerjaan dan pendapatan yang kian meningkat dan taraf hidup yang tinggi.

Untuk mencapai tujuan ini, Kerajaan menggalakkan pelaburan asing melalui insentif-insentif cukai yang dibantu dengan paras gaji yang berpatutan berbanding dengan negara-negara maju, walaupun paras gaji ini tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara jiran. Strategi ini berjaya menarik para pelabur asing dan industri-industri baru yang mewujudkan ribuan peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Harus diingat bahawa walaupun pendapatan kita rendah, kos sara hidup di negara kita juga rendah. Rumah murah yang kita jual dengan harga \$25,000 ringgit di Malaysia berharga hampir sepuluh kali ganda di beberapa negara maju. Di Jepun, semangkuk mi berharga \$25 ringgit. Apakah gunanya pendapatan yang tinggi jika kos keperluan kita begitu tinggi.

Memandang akan kejayaan strategi pelaburan kita, kesatuan-kesatuan sekerja di negara-negara maju cuba menghasut pekerja-pekerja kita menuntut kenaikan gaji sehingga kos pengeluaran kita meningkat dan barangan keluaran kita tidak lagi dapat bersaing di pasaran dunia. Mereka juga menimbulkan soal hak asasi manusia dan 'workers rights' untuk menghapuskan GSP kita. Tindakan mereka sebenarnya ialah

kerana mereka lebih suka kita menganggur daripada kita bersaing dengan mereka. Hak asasi manusia dan hak pekerja adalah alasan sahaja. Sebenarnya hak pekerja tidak bermakna jika kita menganggur.

Kerajaan tidak berniat untuk menyekat peningkatan pendapatan pekerja-pekerja di negara ini. Sekarang inipun pendapatan para pekerja sudah meningkat berbanding dengan dahulu kerana pertumbuhan ekonomi hasil berbagai usaha Kerajaan. Tetapi jika kita inginkan taraf hidup yang lebih tinggi dan mengurangkan pengangguran, kenaikan gaji hendaklah jangan terlalu mendadak sehingga menakutkan para pelabur. Juga, janganlah kita mudah mengugut dan mengambil tindakan perusahaan tanpa mengambil-kira kesan jangka panjang kepada negara dan kepada yang menganggur.

Insyallah, kalau kita bersabar dan kita membuktikan bahawa sesiapa yang melabur di Malaysia akan memperolehi keuntungan, pelaburan asing akan bertambah dan peluang-peluang pekerjaan sudah tentu akan bertambah juga. Di masa itu kita percaya gaji yang ditawarkan akan meningkat dengan sendirinya. Inilah yang telah berlaku di Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura. Tidak ada sebab mengapa ini tidak boleh berlaku di Malaysia.

Kita harus yakin bahawa satu hari kelak pendapatan para pekerja di Malaysia tidak akan jauh kurangnya daripada pendapatan para pekerja di negara-negara maju. Tetapi produktiviti kita mestilah tinggi dan mutu kerja kita tinggi juga supaya kita boleh terus bersaing dengan jayanya di pasaran dunia. Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi pendapatan para pekerja tanpa menjejaskan iklim pelaburan. Adalah mustahil para pekerja di negara-negara maju lebih sayang dan bersimpati dengan pekerja-pekerja Malaysia daripada Kerajaan Malaysia sendiri. Dahulu, di waktu kita cuma mengeluarkan getah dan bijih timah dan kita tidak bersaing dengan mereka, para pekerja negara-negara maju sedikitpun tidak menghiraukan nasib kita. Mengapakah sekarang mereka begitu kuat hendak mempertahankan hak pekerja-pekerja kita? Adakah desakan AFL-CIO supaya GSP kita dihentikan satu tanda kesayangan mereka kepada pekerja-pekerja kita? Janganlah kita mudah terpengaruh dengan kata-kata manis mereka. Sebenarnya ada undang di sebalik batu.

Politik Antarabangsa

Dalam arena politik antarabangsa Malaysia sekarang lebih dikenali. Kita dikenali kerana kita mengambil bahagian yang cergas dalam Dunia Ketiga, di kalangan negara-negara berkecuali, negara-negara Selatan, negara-negara Islam, negara-negara Komanwel, ASEAN dan sudah tentu Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kita juga terkenal kerana pendirian kita yang tegas berkenaan najis dadah. Walaupun ada yang mengecam hukuman mati yang kita kenakan kepada pengedar-pengedar dadah, tetapi secara tidak langsung mereka menolak pendirian ini apabila Malaysia dipilih sebulat suara untuk menjadi presiden Mesyuarat Anti-Dadah di Vienna pada tahun 1987. Malaysia juga dipilih sebagai ahli dalam berbagai Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Persidangan Islam atau OIC dan lain-lain organisasi dunia.

Pendirian kita diiktiraf dan diakui apabila tahun ini Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu Javier Perez de Cuellar menulis surat ucap tahniah kerana ucapan Malaysia di Bangsa-Bangsa Bersatu dan kerana sokongan kita kepada organisasi itu. Kita tidak pernah lokek dalam pembayaran segala yuran Bangsa-Bangsa Bersatu. Namun kita boleh lagi berbangga kerana sokongan negara-negara anggota Bangsa-Bangsa Bersatu kepada keahlian kita dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Amatlah sukar bagi mana-mana calon mendapat undi 2/3 yang dikehendaki untuk dipilih menjadi anggota Majlis Keselamatan. Tetapi kali pertama undian dibuat Malaysia mendapat 104 undi, iaitu hanya kekurangan 2 undi untuk memenangi kerusi di Majlis Keselamatan. Kali kedua kita mendapat 37 undi lebih daripada 2/3 yang diperlukan, iaitu 143 undi berbanding dengan 5 undi bagi lawan kita.

Ini adalah kejayaan yang besar dan Kerajaan mengambil keputusan mengisytiharkan cuti am untuk satu hari bagi seluruh Malaysia pada hari Isnin 31hb. Oktober 1988 ini untuk sekolah-sekolah sahaja.

Politik Kestabilan

UMNO adalah parti politik. Tetapi wujudnya UMNO bukan kerana hendak berpolitik semata-mata. UMNO ditubuhkan kerana kita tahu bahawa melalui politik kita boleh mempertahankan hak dan memperbaiki nasib orang-orang Melayu, agama Islam dan negara kita Malaysia. UMNO dan perjuangan politiknya adalah sebagai instrumen dan jentera untuk mencapai matlamat yang telah kita rancangkan itu.

Kita perlu kepada kuasa politik, kerana kuasa politik boleh menentukan pencapaian matlamat kita. Lebih kuat kuasa politik kita, lebih mudah kita mencapai matlamat yang telah kita tentukan. Sekiranya kuasa politik kita lemah, maka sukarlah kita mencapai matlamat kita. Jika kuasa politik kita lumpuh, maka segala cita-cita orang-orang Melayu akan menjadi angan-angan semata-mata.

Dalam negara kita yang berasaskan demokrasi kuasa datang daripada rakyat. Lebih ramai sokongan rakyat, lebih teguhlah kuasa kita dan lebih mampulah kita melaksanakan rancangan murni kita untuk rakyat, untuk agama dan untuk negara.

Orang-orang Melayu masih menjadi kaum yang ketinggalan di negara berbilang kaum ini. Kita bernasib baik tidak menjadi kaum yang tertindas atau 'oppressed race' seperti orang-orang kulit hitam di Afrika Selatan. Kita telah dikejutkan oleh British dengan rancangan Malayan Union mereka. Dalam ketakutan, kita telah bersatu dan memberanikan diri menentang British. Kita berjaya. Dengan itu orang-orang Melayu mendapat tempat yang tinggi, sama seperti orang-orang yang pernah menjajah kita. Dan dengan itu juga bermulalah rebutan tempat dan kedudukan oleh yang berkepentingan diri.

Hari ini kita sudah sampai kepada satu tahap yang bahaya. Matlamat perjuangan orang-orang Melayu belum tercapai. Tetapi kerana perpecahan di kalangan orang-orang Melayu, orang-orang lain sudah berpeluang menanggung di air yang keruh ini.

Kepimpinan UMNO sekarang tidak mahu perpecahan diteruskan. UMNO tidak mahu orang-orang Melayu menjadi lemah. UMNO tidak mahu orang-orang Melayu diperalatkan untuk menggagalkan orang-orang Melayu sendiri. UMNO mahu orang-orang Melayu bersatu.

Kita percaya, bahkan kita yakin, perpaduan dan kekuatan politik orang-orang Melayu adalah penting untuk menstabilkan negara dan menjayakannya. Nasib orang-orang bukan Melayu juga bergantung kepada kekuatan politik orang-orang Melayu. Jika kita bertanggungjawab kepada negara dan semua penduduknya, segala usaha kita mestilah dibuat untuk mengukuhkan lagi kuasa politik orang-orang Melayu.

Justeru itu, UMNO sedia menerima sesiapa sahaja yang ingin menjadi ahli UMNO, sama ada ianya bekas ahli UMNO, ataupun bukan. UMNO sedia berunding dengan sesiapa sahaja bagi menyatupadukan orang-orang Melayu. UMNO sedia menerima ahli-ahli PSRM atau ahli-ahli PAS atau ahli-ahli DAP dan sesiapa juga yang terdiri daripada orang-orang Melayu sekiranya mereka memohon dan bersedia menghayati dasar dan perjuangan UMNO.

Semua orang yang menyertai UMNO akan mempunyai hak yang sama mengikut Perlembagaan UMNO. Tetapi hak ini mestilah disertai dengan perasaan penuh tanggungjawab. Hanya yang kita minta, yang kita rayu, ialah hentikanlah pecah-belah yang berlaku di kalangan orang-orang Melayu sekarang ini.

Orang-orang Melayu belum lagi terselamat daripada bahaya. Kita belum lagi mencapai kemajuan yang memuaskan. Kita masih menghadapi perjuangan yang besar untuk menjadikan orang-orang Melayu satu bangsa yang terhormat dan dihormati di dunia yang penuh pancaroba ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERSIDANGAN PERWAKILAN PARTI GERAKAN
DI KOMTAR, PULAU PINANG
26HB. NOVEMBER, 1988

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Lim Keng Yaik dan Jawatankuasa Pusat Parti GERAKAN kerana menjemput saya untuk merasakan Persidangan Perwakilan Parti GERAKAN ini. Saya berharap Persidangan Perwakilan ini akan berjalan lancar dan akan dapat mencari langkah-langkah bagi menguatkan lagi parti ini.

Barisan Nasional telah wujud hampir satu setengah dekad. Kita bolehlah menganggap Barisan Nasional sebagai satu saluran yang baik untuk membangunkan negara ini. Dengan wujudnya Barisan Nasional yang diwakili oleh parti-parti untuk semua kaum di negara ini, kita dapat menumpukan lebih banyak masa kepada usaha-usaha pembangunan dan sebaliknya mengurangkan pembaziran masa dan usaha akibat daripada perselisihan faham. Melalui Barisan Nasional dan Perikatan sebelumnya, kita telah dapat menjalankan usaha-usaha untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan semua kaum, untuk menyusun semula masyarakat dan menjadikan ekonomi kita lebih mantap dan kukuh dari semasa ke semasa. Bahkan kita dapat menumpukan masa untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas kepada seberapa ramai penduduk negara ini, baik di bandar atau di luar bandar. Dalam erti kata yang lain Barisan Nasional berjaya mengurangkan perselisihan dan pergeseran sesama kita yang terdiri daripada berbagai kaum, dan sebaliknya dapat meningkatkan perhatian kepada usaha-usaha untuk kesejahteraan rakyat dan negara.

Walaupun bagaimanapun, banyak lagi yang patut kita usahakan dalam konteks memperkukuhkan Barisan Nasional untuk tahun-tahun yang akan datang. Seperti yang saya katakan tadi, kita telah dapat mengurangkan perselisihan faham dan pergeseran dengan adanya Barisan Nasional demi untuk membangunkan negara kita. Namun demikian masih terdapat segelintir ahli-ahli dalam parti-parti komponen yang tidak mengamalkan semangat Barisan Nasional. Mereka melatah dan terikut-ikut dengan gelagat parti-parti pembangkang. Reaksi ini memang menjadi tujuan parti pembangkang. Segelintir pemimpin Barisan Nasional mungkin memikirkan mereka hendaklah juga sekali-sekala bertindak seperti pemimpin-pemimpin parti pembangkang untuk mendapat sokongan daripada kaum yang mereka wakili. Walaupun benar yang kita hendaklah sentiasa menjaga kepentingan kaum yang kita wakili, para pemimpin Barisan Nasional haruslah dapat mengimbangkan apakah kepentingan yang patut kita mengambil berat dan apakah kepentingan yang harus kita imbangkan dengan

kepentingan negara dan rakyat keseluruhannya. Para pemimpin juga harus memikirkan saluran-saluran yang lebih baik dan wajar untuk membangkitkan apa-apa kemusykilan.

Dalam konteks ini, kita perlulah menyampaikan penerangan kepada ahli-ahli parti tentang semangat Barisan Nasional sendiri dan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan yang kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terjamin. Janganlah kita hanya menunjuk kepada kegagalan kaum kita mendapatkan sesuatu, tanpa mengakui dan menunjuk kepada kejayaan yang telah kita capai bagi kepentingan kaum kita. Sebenarnya parti-parti yang mewakili kaum-kaum telah berjaya mendapat kebanyakan daripada apa yang dituntut oleh mereka. Tetapi oleh kerana mereka tidak menunjukkan kejayaan ini, mereka bukan sahaja menyebabkan kaum yang mereka wakili tidak puas hati dengan Kerajaan, tetapi juga kaum mereka tidak puas hati dengan peranan yang dimainkan oleh parti mereka. Dengan itu sokongan kepada parti mereka merosot. Ini adalah tidak sihat bagi Barisan Nasional dan juga bagi negara.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah kesanggupan kita sebagai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional untuk memimpin dan bukan dipimpin oleh ahli-ahli parti. Pemimpin-pemimpin parti mestilah berani memberi penerangan-penerangan yang tepat untuk mengelakkan sebarang salah faham sesama kita. Kalau kita terikut-ikut dengan sentimen yang dibakar di kalangan rakyat dan kita hanya menjadikan sentimen itu untuk mendapat sokongan, kita sebenarnya bukan pemimpin tetapi pengikut. Jika semua pemimpin mengikut sentimen rakyat yang berlainan kaum yang terdapat di Malaysia, lambat laun rusuhan kaum akan berlaku.

Memang menjadi lumrah alam untuk kita seronok mendengar orang lain dikritik. Begitu jugalah kalau Kerajaan dikritik oleh parti-parti pembangkang. Bukan sahaja penyokong-penyokong mereka merasa seronok, bahkan pemerhati-pemerhati lain seronok bersama. Tetapi kita tahu sebenarnya kemampuan parti pembangkang menadbir dan membetulkan perkara-perkara yang mereka kritik amatlah terhad. Sebenarnya mereka tidak mampu menguruskan parti mereka yang sering dilanda oleh sengketa antara pemimpin dan rebutan jawatan. Kritikan mereka adalah strategi politik mereka untuk menghala pandangan kepada orang lain.

Sejarah politik negara telah membuktikan bahawa apabila dua-tiga buah parti pembangkang diberi tanggungjawab memerintah di peringkat negeri, parti-parti itu gagal mengatasi isu-isu yang diperjuangkan oleh mereka. Sementara mereka berkata Kerajaan tidak demokratik dan suka menindas, pemimpin-pemimpin pembangkang tidak sanggup dikritik oleh rakan-rakan mereka sendiri. Jika ada sahaja kritikan, pengkritik disingkirkan terus daripada parti.

Mengenai Parti GERAKAN, saya berbangga dengan perpaduan dalam parti ini walaupun terdapat sedikit-sebanyak dugaan yang dialaminya. Para pemimpin parti ini haruslah sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan kekukuhan dan keutuhan Parti GERAKAN. Pada keseluruhannya, parti-parti komponen Barisan Nasional telah dapat

menguukuhkan lagi kedudukan masing-masing tahun ini sekiranya dibandingkan dengan setahun-dua yang lalu. Ini termasuklah UMNO dan MCA yang telah mengalami dugaan daripada segi perpaduan parti. Kita harus berbangga yang perpaduan parti-parti komponen dapat kita tingkatkan dewasa ini. Kekuatan setiap parti komponen sudah tentu akan dapat meningkatkan lagi kekukuhan Barisan Nasional sendiri. Dengan itu keutuhan Parti GERAKAN akan mengembirakan juga parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain.

Setiap kali kita bertemu, saya memperkatakan hal ekonomi kerana ekonomi menjadi salah satu asas penting untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Kita harus berbangga dengan prestasi ekonomi negara tahun ini. Kita dapat bernafas dengan selesa dengan meningkatnya harga-harga komoditi dan dengan meningkatnya eksport bagi keluaran sektor perkilangan kita. Tahun depan, ekonomi negara dijangka berkembang dengan kadar yang baik juga iaitu pertumbuhan 6.4% bagi Keluaran Dalam Negeri Kasar atau "Gross Domestic Product". Dengan adanya kerjasama daripada semua pihak – sektor awam, pihak swasta dan parti-parti politik dalam Barisan Nasional – kita mungkin dapat mencapai pertumbuhan yang lebih baik lagi pada tahun depan.

Kerajaan juga sedang berusaha untuk menjadikan pelancongan sebagai satu sumber perkembangan ekonomi negara. Usaha-usaha kita setakat ini bolehlah dikatakan berjaya. Bukan sahaja kadar sewa hotel telah menurun sedikit, bahkan kemudahan-kemudahan pelancongan telah dapat dipelbagaikan. Daripada segi ketibaan melalui udara, kita telah mula dapat menarik lebih ramai pelancong, walaupun dua-tiga buah negara jiran juga sangat agresif dalam industri ini.

Kita juga dapat memberi galakan kepada industri pelancongan dengan meningkatkan pelancongan dalam negeri. Di samping itu kita akan mengadakan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990. Kerajaan berharap setiap pihak yang terlibat dengan pelancongan akan bekerjasama dengan Kerajaan dalam pembentukan strategi menarik para pelancong supaya industri ini dapat menyumbangkan tukaran asing yang tinggi. Dengan adanya usaha-usaha bersama ini kita berharap ekonomi negara akan berkembang dengan pesatnya.

Saya berharap Persidangan ini akan dapat memperkukuhkan lagi Parti GERAKAN. Dengan kekukuhan itu Parti GERAKAN akan dapat memainkan peranan yang lebih bermakna lagi dalam membangunkan masyarakat dan negara.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Parti GERAKAN kerana menjemput saya kePersidangan Perwakilan ini. Saya berharap Parti GERAKAN akan terus mencapai kejayaan pada tahun-tahun yang akan datang. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan Parti GERAKAN ini.

UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN SAMBUTAN HARI KELAHIRAN UMNO
DI JOHOR BAHRU, JOHOR
11HB. MEI, 1989

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari yang bersejarah ini.

Hari ini kita menempah satu lagi peristiwa yang bersejarah dalam riwayat UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Hari ini kita rayakan hari lahir UMNO. Pada 11 Mei 1946, di Istana Besar Johor Bahru ini UMNO telah ditubuh dan dilancarkan sebagai parti politik dan alat bagi perjuangan orang-orang Melayu menangkis usaha British untuk menghapuskan bangsa Melayu, negeri-negeri Melayu dan sistem Raja-raja Melayu.

Cadangan menubuhkan sebuah parti politik yang mewakili semua orang Melayu telah dipersetujui di perhimpunan pertubuhan-pertubuhan orang Melayu dari seluruh Semenanjung termasuk Singapura yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru, Kuala Lumpur dari 1hb. hingga 4hb. Mac, 1946.

Di zaman pemerintahan tentera Jepun, orang-orang Melayu memikirkan jika British kembali semula, maka mereka akan diberi semula taraf kerakyatan negeri-negeri yang dilindungi oleh British dan mereka akan diiktiraf semula sebagai warganegara tunggal negeri-negeri Melayu. Hanya penduduk Pulau Pinang, Melaka dan Singapura sahaja yang ditakluk oleh British secara langsung yang akan menjadi rakyat British.

Tetapi setibanya sahaja British, mereka mengumumkan rancangan menyatukan semua negeri-negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka dalam sebuah jajahan takluk British terus yang dinamakan Malayan Union.

Semua penduduk berbagai kaum di wilayah berkenaan akan diberi taraf warganegara tanpa membezakan yang Melayu dan yang bukan, yang baru datang dan yang telah lama tinggal. Raja-raja Melayu diberi peranan simbolik sahaja dan bertanggungjawab hanya terhadap adat istiadat Melayu dan agama Islam.

Taraf sama rata atau 'equal citizenship' yang akan diberi kepada semua penduduk Tanah Melayu akan mendedahkan orang-orang Melayu kepada persaingan dari kaum-kaum lain yang tetap akan menjadikan orang Melayu kaum yang termiskin dan daif di Malaysia. Pada ketika itu orang-orang Melayu hanya menjadi penanam padi, nelayan

persisiran dan ada segelintir yang bernasib baik menjadi kerani kecil di jabatan-jabatan Kerajaan. Tidak ada di antara mereka ahli peniaga atau ahli profesional. Demikianlah pemerintahan British sehingga tanda-tanda bahawa Semenanjung Tanah Melayu adalah negeri asal orang Melayu sudah hampir luput. Bandar-bandar terutamanya tidak sedikitpun mencerminkan kebudayaan Melayu. Jika ada orang Melayu di bandar mereka tinggal di kawasan-kawasan miskin di pinggir bandar atau di kawasan tanah rizab.

Keadaan orang Melayu semasa pemerintahan British samalah dengan orang Red Indian di Amerika Syarikat. Lebih kuat British berkuasa lebih buruk kedudukan orang Melayu. Di Negeri-negeri Selat, iaitu Singapura, Melaka dan Pulau Pinang orang-orang Melayu memegang jawatan-jawatan rendah sahaja. Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, keadaannya baik sedikit, dengan beberapa elit dari golongan pembesar negeri memegang jawatan pentadbir. Di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu, di mana British kononnya boleh memberi nasihat sahaja, kakitangan Kerajaan kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Melayu walaupun ketua jabatan terdiri daripada pegawai-pegawai British.

Di bandar-bandar tidak ada orang-orang Melayu berniaga di kedai-kedai batu. Bilangan penjaja Melayupun lebih kecil daripada kaum lain. Tidak ada sama sekali pengusaha Melayu. Di kawasan-kawasan kediaman orang-orang berada tidak terdapat barang sebuahpun rumah orang Melayu. Pendek kata di bandar-bandar besar orang-orang Melayu menjadi kaum asing yang tidak mempunyai tempat. Jika British bertimbangrasa sedikit, orang-orang Melayu ditempatkan dalam kawasan rizab Melayu seperti Red Indian.

Di estet dan lombong juga tidak kelihatan orang-orang Melayu. Bukan sahaja mereka tidak memiliki punca kekayaan ini, tetapi juga mereka tidak berpeluang bekerja. Mungkin mereka tidak berminat bekerja dalam lombong atau menjadi penoreh getah, tetapi jawatan-jawatan dalam syarikat-syarikat juga tidak terdapat kepada orang-orang Melayu. Selain daripada kebun kecil getah yang dimiliki oleh beberapa kerat orang Melayu, mereka sekali lagi menjadi orang asing dalam estet dan lombong. Di sini bukan tempat mereka. Ini adalah seolah-olah negara asing di mana mereka tidak boleh faham bahasa yang ditutur atau ditulis.

Walaupun British mengakui sebelum perang dunia kedua dalam perjanjian mereka dengan negeri Melayu bahawa Semenanjung ini adalah Semenanjung Melayu, atau 'Malay Peninsular', tetapi selain daripada kawasan sawah dan kawasan-kawasan yang terencil, Semenanjung ini sudah dijadikan negara orang bukan Melayu.

Demikianlah kedudukan orang-orang Melayu sehingga jika mereka terpaksa bersaing dengan kaum lain, mereka tetap akan kalah dalam semua bidang dan akan menjadi kaum yang termiskin dan daif sekali dalam negeri-negeri Melayu. Jika mereka berpeluang menjadi petani dan memiliki sawah padi di zaman British, sebabnya ialah kawasan sawah padi telah dirizabkan bagi mereka. Di mana sawah tidak dirizabkan, kaum lain dengan mudahnya mengambilalih dan mengerjakannya.

Jika semua penduduk berbagai kaum di Malaya diberi kerakyatan dan hak sama-rata dan persaingan dalam semua bidang dibenarkan tanpa apa-apa sekatan, bukan sahaja keMelayuan negeri-negeri Melayu akan luput, tetapi juga orang-orang Melayu akan diperhambakan di tanahair mereka sendiri. Ini tidak bermakna bahawa mereka tidak mampu mempertingkatkan taraf mereka, tetapi penjajahan oleh British yang mengutamakan kepentingan ekonomi diri mereka semata-mata telah menyebabkan orang Melayu tertinggal begitu jauh sekali sehingga kemungkinan mereka berupaya bersaing atau mengejar kaum-kaum lain tanpa pertolongan sudah tidak ada.

Kita sering mendengar ungkapan 'yang miskin menjadi lebih miskin, yang kaya lebih kaya'. Ungkapan ini memang mempunyai asas pada masa penjajahan British. Yang miskin tidak mempunyai sebarang modal, iaitu pelajaran, wang ringgit, peluang, kredibiliti, 'contacts', pengalaman, tempat, kebolehan meminjam modal dan lain-lain fakta lagi yang boleh menolong mereka meningkatkan ekonomi dan taraf hidup mereka. Sebaliknya yang kaya mempunyai semua fakta-fakta yang boleh menolong mereka menjadi lebih kaya dengan lebih cepat. Dengan itu jika persaingan secara terbuka dan bebas diadakan antara rakyat yang mempunyai hak sama rata, semakin lama semakin jauhlah jarak perbezaan antara yang miskin dengan yang kaya. Dalam keadaan ini benarlah ungkapan 'yang miskin menjadi lebih miskin, yang kaya lebih kaya'.

Di zaman British orang-orang Melayu adalah kaum yang miskin dan orang-orang bukan Melayu rata-ratanya adalah kaum yang lebih kaya. Jika taraf yang sama rata diberikan kepada semua penduduk Malaya mengikut rancangan Malayan Union, orang-orang Melayu yang sudah miskin dan serba ketinggalan tetap akan menjadi lebih miskin dan mereka yang lain lebih kaya. Jarak pencapaian antara kaum-kaum akan menjadi lebih jauh dan tidak mungkin boleh dirapatkan semula.

Sebab itu, apabila British mendakwa bahawa Malayan Union adalah langkah ke arah pemerintahan sendiri, ramai orang Melayu pada masa itu menyatakan mereka tidak mahu pemerintahan sendiri — tidak mahu kemerdekaan. Mereka menulis kepada akhbar Majlis menyatakan mereka mahu naungan British diteruskan untuk keamanan dan tunjuk-ajar dalam bidang pentadbiran.

Kita menganggap sikap seperti ini adalah aneh tetapi memanglah orang-orang Melayu sendiri pada masa itu kurang kepercayaan kepada kebolehan mereka dalam semua bidang, dan ketidakmampuan mereka untuk bersaing dengan kaum-kaum lain. Mereka yakin tanpa perlindungan British, kacau-bilau akan berlaku dalam negeri-negeri di Semenanjung termasuklah Negeri-negeri Selat dengan kemungkinan negeri-negeri ini jatuh ke tangan bangsa asing, khususnya orang Cina Komunis yang pada masa itu mempunyai pasukan gerila yang sedang mengganas di merata tempat di Semenanjung.

Ramai orang-orang Cina pada masa itu masih mengibarkan bendera Kuomintang dan menganggap diri mereka rakyat Negara China dan Negara China pula mengakui semua orang Cina di mana juga mereka berada sebagai rakyat Negara China.

Tidaklah menjadi sesuatu yang luar biasa, pada fikiran orang Melayu, jika Negara China memberi pertolongan kepada rakyat mereka dalam usaha merebut negeri-negeri Melayu.

Selepas tamat Perang Dunia Kedua dan sebelum sempat tentera British kembali ke Malaya, gerila Komunis telah bermaharajalela. Mereka telah mengambilalih balai polis di beberapa kawasan terpencil dan menaikkan bendera Komunis Bintang Tiga dan Bintang Satu. Ada orang-orang kampung yang dibunuh untuk menakutkan mereka supaya mereka menerima pemerintahan Komunis. Memang hasrat Komunis untuk mendirikan republik Komunis di Malaya.

Apabila British mendirikan pemerintahan tentera, mereka mengiktiraf dan menghalalkan Parti Komunis Malaya. Dalam sekelip mata Parti Komunis Malaya telah menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja yang dikuasai oleh Komunis. Mereka bergerak bebas dan sombong kerana mereka yakin Malaya akan jatuh ke tangan mereka. Hanya apabila mereka melancarkan perang gerila pada 1948 baharulah pihak British bertindak.

Ketakutan orang-orang Melayu yang disebabkan oleh kedaifan mereka dan oleh berbagai kemungkinan ini, telah membawa kepada kesedaran politik luar biasa. Dari bangsa yang tidak pernah mendatangkan masalah kepada pemerintahan British, mereka telah bangun untuk menentang rancangan Malayan Union British dengan kerasnya.

Pada mulanya penentangan dibuat secara berasingan di negeri masing-masing. Ini tidak berkesan. Pihak British terus juga menghantar MacMichael untuk mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

Raja-raja Melayu pula pada ketika itu tidak ada hubungan dengan rakyat dan tidak pula mengharap sokongan daripada rakyat. Mereka berasa lemah dan kedudukan mereka bergantung semata-mata kepada British. Sebelum daripada Malayan Unionpun, ada masanya bakal raja disingkir dan digantikan dengan anggota keluarga di-Raja yang lain kerana tidak mematuhi kehendak British. Tidaklah hairan jika Raja-raja menandatangani perjanjian Malayan Union yang dibawa oleh MacMichael, iaitu menyerahkan hak mereka dan hak orang-orang Melayu.

Memandang bahawa tindakan berasingan oleh kumpulan-kumpulan kecil Melayu di negeri masing-masing tidak dihiraukan oleh British, maka desakan dibuat supaya orang-orang Melayu dari semua negeri di Semenanjung bersatu-padu dan bergerak bersama dan serentak. Akhirnya pada 1hb Mac 1946, pertubuhan-pertubuhan dan kesatuan-kesatuan sosial Melayu telah mengadakan Kongres Melayu Se Malaya yang pertama di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Sesuatu yang menarik di majlis itu ialah persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan Hishamuddin Alam Shah, Sultan Selangor yang berkenan merasmikan pembukaan Kongres ini. Inilah kali pertama raja bersama rakyat dalam menghadapi masalah

dengan British. Tarikh dan peristiwa ini tidak kurang pentingnya kepada perjuangan nasib orang-orang Melayu dari tarikh keramat 11 Mei di waktu mana UMNO ditubuhkan secara rasminya.

Selain daripada Parti Kebangsaan Melayu Sa-Malaya atau Malay Nationalist Party (MNP) yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin dan sebuah pertubuhan lain, 39 pertubuhan yang lain sebulat suara bersetuju menubuhkan sebuah parti politik orang-orang Melayu di peringkat nasional yang dianggotai oleh semua pertubuhan yang hadir dalam Kongres dan pihak-pihak lain yang bersetuju menyertainya. Allahyarham Allahyarham Dato' Onn, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Zainal Abidin dan Dato' Nik Kamil adalah antara tokoh-tokoh terkenal yang dipilih untuk menubuhkan PEKEMBAR, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, atau UMNO United Malays National Organisation, nama yang diilhamkan daripada nama Bangsa-Bangsa Bersatu atau United Nations Organisation (UNO).

Sementara usaha-usaha menubuhkan UMNO dilaksanakan, kegiatan menentang Malayan Union tidak dikurangkan. Pada 11 Mei 1946 di Kongres Melayu ketiga yang diadakan di Istana Besar Johor Bahru, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO ditubuhkan dengan rasminya. Hanya Malay Nationalist Party atau MNP sahaja yang tidak menyertai UMNO.

Sejarah perjuangan orang-orang Melayu dan sejarah UMNO perlulah diketahui oleh semua ahli UMNO. Keahlian tidak bermakna jika kita tidak tahu asal-usul kita. Sejarah kita adalah pengajaran bagi kita, adalah panduan perjuangan kita.

Kita lihat daripada sejarah yang menunjukkan bagaimana lemahnya orang-orang Melayu apabila mereka menganggap diri mereka sebagai rakyat negeri-negeri yang berasingan. Mereka memang sudah lemah kerana mereka tidak mempunyai orang-orang yang terpelajar, profesional, ahli-ahli peniaga yang kaya, pekerja mahir dan cekap, penglibatan dalam berbagai bidang usaha yang penting dan lain-lain lagi kelemahan. Tetapi apabila mereka membahagi-bahagikan diri mereka kepada rakyat negeri masing-masing dan bertindak secara berasingan, mereka menjadi lebih lemah. Sebab itulah walaupun terdapat tentangan daripada orang-orang Melayu apabila sahaja Malayan Union diumumkan, pihak British tidak sedikitpun menghiraukan tentangan ini. Mereka meneruskan sahaja rancangan mereka itu.

Apabila orang-orang Melayu disedarkan bahawa tindakan secara berasingan tidak berkesan, maka pada ketika itulah desakan dibuat oleh berbagai pihak supaya disatupadukan orang-orang Melayu sebagai satu bangsa bagi menentang rancangan British. Dan kita telah melihat bagaimana berkesannya perjuangan orang-orang Melayu setelah mereka bergabung tenaga melalui Kongres Melayu SeMalaya dan kemudian, dengan lebih tepat lagi, melalui UMNO.

Walaupun British sudah melancarkan Malayan Union secara rasmi, akhirnya mereka terpaksa menarik balik Union itu; satu tamparan hebat kepada sebuah kuasa

dunia yang terkenal kerana kepintaran pemerintahan kolonial mereka. Semua ini adalah hasil semangat, kesedaran dan perpaduan orang-orang Melayu.

Jika kita disoal apakah yang memberi kejayaan kepada satu bangsa yang begitu lemah, iaitu bangsa Melayu pada tahun 1946, jawapannya ialah semangat perpaduan yang berjaya menggumpulkan orang-orang Melayu dari negeri-negeri yang berasingan, dari pertubuhan-pertubuhan yang berlainan, untuk menghadapi ancaman terhadap bangsa mereka. Inilah semangat yang muncul pada 1946 apabila bangsa diancam dengan kemungkinan dihapuskan.

Orang-orang Melayu menangkis usaha-usaha British untuk memecah-belahkan mereka. Sebaliknya mereka bersatu-padu. Orang-orang atasan juga sanggup bergabung tenaga dengan rakyat jelata dan rakyat memberanikan diri mendesak Raja-raja supaya menentang British.

Tidak pernah berlaku dalam sejarah bangsa Melayu di mana mereka begitu kuat bersatu. Yang mencacatkan sedikit ialah kelakuan Malay Nationalist Party atau MNP yang bukan sahaja mengasingkan diri daripada UMNO, tetapi juga semasa orang-orang Melayu berjuang untuk menghapuskan Malayan Union, mereka mengadakan kerjasama dengan All Malaya Council of Joint Action atau AMCJA, sebuah gabungan kiri yang menyokong Malayan Union. Tetapi MNP adalah pertubuhan yang kecil yang mendapat sokongan daripada hanya segelintir orang-orang Melayu. Ramai daripada penyokong MNP telah berpihak kepada UMNO apabila mereka melihat gerak-geri para pemimpin MNP.

Dengan MNP menjadi lumpuh, perpaduan Melayu dalam UMNO menjadi begitu kuat sehingga UMNO boleh menggerakkan orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung bertindak serentak dengan pendirian yang sama pada bila-bila masa. Apabila UMNO memutuskan orang-orang Melayu berkahung sebagai tanda penolakan Malayan Union, orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung berkahung. Apabila disuruh memulaukan segala istiadat menyambut Malayan Union, mereka semua mematuhi arahan itu.

Pihak British yang dahulu tidak menghiraukan pendapat orang-orang Melayu kerana mereka berpendapat orang-orang Melayu adalah satu bangsa yang tidak berwibawa yang boleh diketepikan dengan mudah, terpaksa menukar sikap apabila UMNO ditubuhkan. Jika dahulu mereka tidak menghormati pemimpin-pemimpin Melayu selepas UMNO ditubuhkan, British terpaksa berunding dengan pemimpin-pemimpin UMNO dan memberi pertimbangan yang wajar kepada pendapat dan pendirian UMNO. Dan ini dibuat di peringkat yang tertinggi sekali iaitu dengan melibatkan Gabenor British dan Kerajaan di London.

Dengan tertubuhnya UMNO hasil daripada semangat perpaduan yang tidak mementingkan diri, dengan sokongan sebulat suara kepada pemimpin-pemimpin UMNO, maka pengaruh dan kuasa orang-orang Melayu meningkat. Raja-raja juga mengakui kekuatan UMNO dan menerima pandangan UMNO. Raja-raja yang sebelum

UMNO wujud telah menandatangani Triti MacMichael menolak perjanjian rasmi itu dengan beraninya dan mengambil langkah untuk menentang Malayan Union.

Demikianlah satu bangsa yang lemah menjadi satu bangsa yang berwibawa dan dihormati. Perjuangan orang-orang Melayu tidak diasaskan kepada kekayaan, kepada kemampuan mengadakan revolusi bersenjata, kepada apa-apa jenis kekerasan. Asas perjuangan Melayu ialah perpaduan mereka. Semangat perpaduan yang tidak mementingkan diri inilah yang memberi kejayaan kepada perjuangan orang-orang Melayu.

Di waktu Kongres Melayu SeMalaya dan penubuhan UMNO, tidak sesiapa pun berasa irihati dengan tempat yang utama dan tinggi yang diberikan kepada Allahyarham Dato' Onn dan pemimpin-pemimpin lain. Sebenarnya ramai yang menolak jawatan-jawatan pada masa itu kerana mereka dengan ikhlas dan terus-terang menyatakan bahawa mereka tidak layak kerana sebab-sebab tertentu.

Bukan sahaja yang tidak memegang jawatan tidak cemburu, tetapi juga mereka memberi sokongan yang penuh kepada pemimpin-pemimpin yang dipilih dan menggesa ahli-ahli pertubuhan mereka menerima kepimpinan parti. Apabila Allahyarham Dato' Onn dan lain-lain pemimpin menjelajah ke seluruh Tanah Melayu, orang-orang Melayu melupakan perasaan kenegerian dan menyambut Allahyarham Dato' Onn sebagai pemimpin bangsa Melayu.

Memang benar akhirnya Allahyarham Dato' Onn diganti dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Yang Di-Pertua UMNO. Tetapi penukaran ini bukan disebabkan kerana Tunku meminati jawatan. Apa yang berlaku adalah perbezaan pendapat antara Allahyarham Dato' Onn dengan majoriti pemimpin UMNO dan juga majoriti orang-orang Melayu.

Allahyarham Dato' Onn bercadang menjadikan UMNO bukan lagi parti orang-orang Melayu, tetapi parti yang terbuka kepada semua kaum. Orang-orang Melayu pada masa itu belum merasa diri mereka terselamat, bahkan sekarang inipun mereka belum bersedia membuka UMNO kepada kaum-kaum lain. Oleh sebab itulah majoriti Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan ahli-ahli tidak bersetuju dengan cadangan Dato' Onn. Jika beliau sanggup menerima pandangan majoriti ini, ahli-ahli UMNO sanggup terus menerima kepimpinan Dato' Onn. Tetapi Dato' Onn tidak mahu menukar pendiriannya dan oleh itu telah tidak mendapat sokongan majoriti.

Tidak ada kempen yang dijalankan oleh Tunku Abdul Rahman. Anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang lain pula tidak berebut-rebut untuk mendapat jawatan Yang Di-Pertua yang dikosongkan oleh Allahyarham Dato' Onn. Sebaliknya mereka bersetuju menjemput Tunku Abdul Rahman yang bukanpun ahli Majlis Kerja Tertinggi dan tidak terlibat dengan penubuhan UMNO. Tidak ada perasaan tamak kepada jawatan di pihak sesiapa. Yang dianggap penting ialah kredibiliti dan keutuhan UMNO dan kejayaan perjuangan orang-orang Melayu. Pada pendapat Allahyarham Tun Razak dan rakan-rakannya, Yang Teramat Mulia Tunku, kerana umur dan statusnya di Kedah, adalah orang yang boleh memberi imej yang baik kepada UMNO.

Dengan itu Tunku Abdul Rahman dijemput dan beliau menerima jawatan dan tugas Yang Di-Pertua UMNO. Selain daripada mereka yang sependapat dengan Allahyarham Dato' Onn, yang bilangannya kecil, ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO merapatkan semula barisan mereka dan memberi sokongan yang penuh kepada Tunku Abdul Rahman. Kekuatan UMNO tidak terjejas. Pihak British tidak dapat mencari peluang atau alasan daripada 'perpecahan' UMNO ini. Mereka terpaksa terus mengiktiraf UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman sebagai suara majoriti orang-orang Melayu. Justeru itu UMNO berjaya menuntut kemerdekaan.

Sekali lagi kita melihat semangat perpaduan dalam UMNO. Selepas peralihan kepimpinan kepada Tunku Abdul Rahman, tidak ada rebutan jawatan dalam UMNO walaupun pada tiap-tiap tahun UMNO mengadakan pemilihan Majlis Kerja Tertinggi. Di peringkat cawangan dan bahagianpun pertandingan diadakan dengan sopan, tanpa kempen dan penggunaan wang. Jika adapun pertandingan di peringkat MKT, ianya adalah untuk ahli-ahli biasa MKT sahaja, tidak untuk Presiden, atau Timbalan Presiden, atau Naib Presiden. Hanya jika ada mana-mana kekosongan jawatan Naib Presiden oleh kerana kematian atau lain-lain sebab, maka baharulah ada pertandingan di peringkat Naib Presiden. Jika tidak, maka semua Naib Presiden, Timbalan Presiden dan Presiden menang tanpa bertanding.

Ketertiban dalam UMNO mengukuhkan parti dan memberi kredibiliti kepada pemimpin. Kerana pemimpin ada kredibiliti, pendapatnya dihormati dan dipercayai oleh semua pihak, sama ada British ataupun kaum-kaum lain. Maka mudahlah pemimpin menjaga kepentingan orang-orang Melayu.

Mungkin ada yang berpendapat ini tidak demokratik. Tetapi peristiwa tidak bertanding dan perlantikan semula berlaku sepanjang masa dalam demokrasi. Setiap kali kita mengadakan pilihanraya, ada sahaja yang menang tanpa bertanding. Di negara-negara lain pemimpin-pemimpin parti kerap juga dipilih semula tanpa bertanding.

Hasil daripada adat dan tradisi UMNO tidak merebut-rebut jawatan ini ialah parti yang kukuh dan stabil. Pemimpin UMNO dianggap suara parti apabila mereka berunding dengan pihak lain. Tidak ada sesiapa daripada dalam parti yang menolak pendapat yang disuarakan oleh pemimpin. Kuasa-kuasa yang diberi kepada pemimpin dihormati oleh semua pihak.

Ini tidak bermakna pemimpin boleh berbuat apa sahaja. Pengunduran Allahyarham Dato' Onn adalah kerana beliau ingin membuat sesuatu yang tidak dipersetujui oleh majoriti orang-orang Melayu, bukan kerana Tunku Abdul Rahman ingin menjadi Yang Di-Pertua parti. Pemimpin hanya bebas bertindak asalkan tidak terkeluar daripada prinsip dan matlamat perjuangan parti. Selagi pemimpin tidak bertentangan dengan pendirian parti, ia akan disokong oleh semua anggota parti, walaupun kadang-kadang, seperti keputusan menubuhkan Malaysia dan penyingkiran Singapura, pemimpin tidak terlebih dahulu berunding dengan parti melalui Majlis Kerja Tertinggi. Tentangan oleh Allahyarham Syed Jaafar Albar terhadap pemisahan Singapura tidak mendapat sokongan daripada Majlis Kerja Tertinggi atau ahli-ahli biasa UMNO.

Tradisi dan adat UMNO tidak mencabar kepimpinan parti menjadikan UMNO tenang, kuat dan berkesan. Tidak semua yang dibuat oleh pemimpin dipersetujui 100% oleh ahli-ahli. Demikian dalam peristiwa 13 Mei 1969, ada ahli-ahli UMNO yang berpendapat bahawa pemimpin pada ketika itu bersalah. Mereka ini disingkirkan daripada UMNO tanpa menjejaskan kewibawaan parti walaupun pendirian mereka menarik dan mendapat simpati daripada ramai ahli.

Secara halus dan tertib, pendirian ahli-ahli UMNO disampaikan kepada pemimpin berkenaan dan beliau menarik diri secara terhormat dan timbalannya mengambil tempat tanpa rebutan. Demikianlah seperti rambut ditarik tanpa tepung berkecai. UMNO terus kuat dan pemimpin barunya mendapat kesetiaan ahli-ahli dan tidak kurang dihormati oleh orang-orang luar. Tidak ada perpecahan berlaku. Mereka yang bersimpati dengan Tunku tidak membuat angkara. Tunku sendiri tidak sengaja mencuba 'subvert' atau melemahkan kepimpinan Allahyarham Tun Razak, walaupun, ada tanda-tanda Tunku tidak begitu bersetuju dengan tindakan-tindakan Tun Razak sebagai pemimpin parti dan Perdana Menteri.

Semangat perpaduan dan tradisi serta sopan-santun bangsa Melayu telah berjaya membentuk sebuah parti politik yang kukuh di kalangan rakyat satu bangsa yang hampir tidak mempunyai pengalaman dalam bidang politik, jauh sekali politik berparti dalam demokrasi. Di segenap kampung, walau bagaimana terencil sekalipun, cawangan-cawangan UMNO ditubuhkan lengkap dengan ketua, setiausaha, bendahari dan lain-lain ahli jawatankuasa. Jika ada sahaja pilihanraya kecil atau pilihanraya umum, semua cawangan ini bergerak serentak dan menjalankan tugas-tugas yang diperlukan. Pada masa-masa lain, cawangan-cawangan terlibat dengan usaha-usaha pembangunan negara. Sementara itu diperingkat pemerintahan, Kerajaan pimpinan UMNO berjaya menyesuaikan diri dan menghadapi segala cabaran pentadbiran zaman yang moden dan mencabar ini.

Dengan perkataan lain, UMNO telah berjaya menjadikan orang-orang Melayu satu bangsa yang cukup sofistikated dalam bidang politik. Mereka boleh mengemblemkan tenaga orang-orang Melayu dalam satu jentera politik yang berkesan dan berwibawa sehingga sukar dikalahkan. Demikianlah berkesannya perjuangan UMNO, sehingga hari ini setiap orang Melayu, bahkan setiap rakyat Malaysia, secara langsung atau tidak langsung mendapat nikmat daripadanya.

Semua ini adalah hasil semangat, tradisi dan adat yang membawa orang-orang Melayu serta pertubuhan-pertubuhan mereka ke suatu kongres pada 1 Mac 1946. UMNO ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946, kerana semangat, tradisi dan adat yang sama. Dan semangat, tradisi dan adat ini telah menjadi sebahagian daripada sifat-sifat UMNO sendiri sehinggalah pada tahun 1984.

Pada tahun 1984 Timbalan Presiden UMNO yang telah dipilih pada tahun 1981 dicabar. Segala nasihat supaya tidak melanggar tradisi dan adat UMNO dan orang-orang Melayu tidak dihiraukan. Semangat UMNO sudah luput dalam hati pencabar. Sebenarnya pada ketika itu ia sudah mengasingkan dirinya daripada UMNO. Tidak

hairanlah kejadian-kejadian yang menyusuli usaha tokoh ini merebut jawatan Timbalan Presiden. Yang mendorongnya bukanlah semangat UMNO tetapi kepentingan diri yang mendesak supaya apa sahaja dilakukan termasuklah membina UMNO.

Kita tidak perlu ceritakan tentang percubaan merebut jawatan Presiden oleh tokoh ini pada 1987. Kononnya tidak bersetuju dengan dasar. Kononnya kerana ekonomi negara meleset disebabkan Kerajaan tidak cekap. Kononnya diktator. Semua ini adalah alasan yang diada-adakan sahaja. Yang penting dan utama ialah rebutan jawatan Presiden untuk menjadi Perdana Menteri.

Hasil tekanan cita-cita besar ini ialah pada 4hb. Februari, 1988 UMNO diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan haram. UMNO yang diperjuangkan oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu pada tahun 1946, UMNO yang dimiliki oleh berjuta orang-orang Melayu, UMNO yang telah menjadi benteng kepada orang-orang Melayu dan negara, UMNO ini diharamkan kerana diseret ke mahkamah oleh orang yang ingin mendapat jawatan.

UMNO mempunyai jenteranya sendiri untuk menyelesaikan masalah tanpa campurtangan orang luar. Jika tidak ada kepercayaan kepada Majlis Tertinggi, boleh dirujuk kepada Perhimpunan Agung. Tetapi jentera parti diketepikan dan kuasa parti diserahkan kepada mahkamah. Inikah tindakan orang yang bersemangat UMNO? Inikah semangat UMNO pada tahun 1946 yang kononnya orang ini ingin pertahankan? Saudara-saudari tahu apa dianya semangat orang-orang Melayu dan UMNO pada tahun 1946. Apakah ada persamaan antara nafsu yang mendorong tindakan golongan yang menyebabkan UMNO diharamkan dengan semangat yang kita tahu terdapat di kalangan orang-orang Melayu dan UMNO sewaktu menentang Malayan Union? Apakah kerjasama dengan DAP umpamanya melawan UMNO mencerminkan semangat itu?

Tidak sesiapa dapat menafikan bahawa UMNO yang ada sekarang mendapat sokongan majoriti yang besar daripada orang-orang Melayu. Bilangan ahli-ahli UMNO sekarang ini sudah sama dengan bilangan ahli-ahli UMNO dahulu, walaupun bilangan ahli-ahli dahulu tidak tepat dan diragukan. Tidak syak lagi bahawa ahli-ahli UMNO akan terus bertambah, insya-Allah. Mereka yang percaya dan inginkan perpaduan tidak boleh menolak UMNO kerana tanpa UMNO perpaduan tidak bermakna. Apakah dengan disatukan kumpulan-kumpulan serpihan dan minoriti orang Melayu dan menentang majoriti orang Melayu, maka perpaduan tercapai? Mereka yang inginkan perpaduan mestilah bersatu dengan pihak majoriti.

Apakah perpaduan bermakna jika masing-masing mempunyai tujuan yang berlainan, masing-masing ingin memperalatkan yang lain? Jika perpaduan hendak dicapai, maka masing-masing mestilah menyetujui akan asas dan dasar yang sama. Jika tidak, maka yang dilakukan bukanlah perpaduan tetapi satu pakatan sahaja.

Perpaduan hanya boleh dicapai dalam UMNO di mana ahli-ahli tahu dan menerima akan asas dan dasar perjuangan parti. Pintu UMNO masih terbuka. Jika benar ada

orang yang mempunyai semangat 46 di luar UMNO, mereka harus menyertai UMNO. Hanya dengan bersatu dengan pihak majoriti sahaja baharulah perpaduan boleh dicapai. Apabila minoriti menentang majoriti, pecah-belah namanya.

Perjuangan orang-orang Melayu belum tamat. Mereka belum mencapai tahap pembangunan yang boleh membantu mereka bersaing dalam masyarakat majmuk Malaysia dengan jayanya. Sudah tentu mereka belum sampai ke tahap untuk bersaing dengan bangsa-bangsa maju di dunia.

Justeru itu mereka masih memerlukan kuasa politik dan pengaruh yang kuat dalam Kerajaan. Dengan adanya UMNO orang-orang Melayu telah dapat mempertahankan kedudukan mereka sementara meningkatkan kebolehan mereka untuk bersaing dalam dunia yang penuh cabaran. Insya-Allah dengan diberi perlindungan dan peluang, mereka akan mencapai tahap kebolehan yang boleh menjamin kejayaan mereka. Tetapi sebelum itu mereka perlu kepada perlindungan kuasa politik dan Kerajaan.

Selagi pencapaian orang-orang Melayu belum sampai ke tahap yang boleh menjamin kejayaan masa depan mereka, selagi itulah orang-orang Melayu harus menentukan kemenangan mereka dalam bidang politik. Politik orang-orang Melayu masa kini bukan untuk mendapat tempat tertentu bagi diri sesiapa, tetapi untuk mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu yang masih lemah. Demikianlah juga dengan UMNO. UMNO bukan alat sesiapa untuk mendapat jawatan yang tinggi, tetapi UMNO adalah alat perjuangan orang-orang Melayu.

Jika pada tahun 1946 orang-orang Melayu membentuk UMNO dan memilih Allahyarham Dato' Onn sebagai pemimpin, tujuannya ialah kerana tanpa sebuah parti politik nasional dan seorang pemimpin dan jurucakap, perjuangan orang-orang Melayu melawan Malayan Union tidak mungkin berjaya. Pemilihan Allahyarham Dato' Onn bukan untuk beliau menjadi orang besar. Jika ini berlaku, ia adalah secara kebetulan sahaja.

Sebabnya UMNO diteruskan selepas Malayan Union dibubarkan ialah kerana perjuangan orang-orang Melayu belum tamat. Orang-orang Melayu masih belum memerintah negara mereka sendiri selepas Malayan Union diganti dengan Persekutuan, Tanah Melayu. Berkat perpaduan yang berterusan orang-orang Melayu dalam UMNO, Perikatan telah menang 51 daripada 52 kerusi dalam pilihanraya 1955. Dengan majoriti yang besar ini pihak British tidak mempunyai helah bagi menolak tuntutan orang-orang Melayu untuk mendapat kemerdekaan.

Selepas merdeka pada tahun 1957, masalah orang-orang Melayu belum selesai. Apakah maknanya merdeka jika orang-orang Melayu masih mundur dalam segala bidang dan masih lemah? Jika Kerajaan dikehendaki menolong orang-orang Melayu, maka Kerajaan itu mestilah berteraskan Melayu. Melalui UMNO, sokongan orang-orang Melayu kepada Kerajaan dibulatkan dan langkah-langkah dapat diambil oleh Kerajaan bagi meningkat pencapaian orang-orang Melayu.

Peristiwa 13 Mei 1969 mengingatkan pemimpin-pemimpin UMNO supaya tidak lalai dalam menjalankan tugas membantu orang-orang Melayu. Dasar Ekonomi Baru atau DEB digubal kerana Kerajaan dikejutkan dengan peristiwa berdarah 13 Mei.

Tetapi kita belum mencapai matlamat DEB sepenuhnya. Walaupun kedudukan orang-orang Melayu sekarang begitu baik sehingga ada yang lupa akan sebabnya mereka tidak berasa cemas, tetapi ini adalah kerana UMNO masih ada untuk menentukkan orang-orang Melayu terlindung. Jika UMNO tidak ada dan parti yang memerintah dianggotai oleh 40 wakil rakyat Melayu dan yang lainnya daripada kaum lain, seperti yang dirangka oleh kumpulan serpihan, orang-orang Melayu tidak akan mendapat perlindungan lagi. Pada masa itu kita akan balik kepada situasi semasa British memerintah, bahkan lebih buruk daripada itu.

Hari ini, 11 Mei, kita merayakan bukan sahaja kejayaan bapa-bapa kita membentuk UMNO, tetapi kita juga merayakannya supaya kita dapat memperingati dan menyedarkan diri kita akan perlunya kita meneruskan perpaduan orang-orang Melayu dalam UMNO dan kita meneruskan usaha-usaha untuk menjadikan orang-orang Melayu bangsa dan kaum yang berwibawa dalam negara kita.

Insya-Allah, jika kita seperti pada hari ini, tidak lupa akan sejarah dan asal-usul kita, jika kita tahu menghargai jasa mereka yang begitu berani dan bersemangat berusaha untuk menyatupadukan orang-orang Melayu dan menubuhkan UMNO, jika kita insaf dan selalu bersyukur akan nasib baik kita, insya-Allah kita akan mendapat ganjaran lagi, kita akan mencapai kejayaan, kita akan menjadi bangsa yang gagah, yang mulia dan dihormati. Kita perlu ingat bahawa mereka yang lupa akan sejarah akan didera dengan mengulangi berkali-kali segala kesalahan mereka dan akan menerima keburukan yang menimpa mereka terdahulu.

Mereka yang belum insaf, insafiah dan balik ke pangkal jalan. Mereka yang tahu insaf, insafiah dan bersyukur mudah-mudahan Allah s.w.t. akan mengurniakan lebih banyak kejayaan.

Bagi negeri Johor dan bagi Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar, Sultan Johor, llhb. Mei mempunyai makna yang istimewa kerana pada llhb. Mei, 1982 Duli Tuanku telah diisytiharkan Sultan dan Yang Di-Pertua Negeri Johor Darul Takzim.

Oleh itu rayakanlah hari ini, 11 Mei, sebagai hari yang mulia, hari yang bahagia, hari yang keramat bagi bangsa Melayu yang beragama Islam. Rayakanlah hari ini kerana kita semua berhak merayakannya. Mudah-mudahan anak-cucu kita dan seluruh zuriat kita tidak akan mudah menjadi orang yang tidak tahu berterima kasih kepada jasa.

Akhir kata saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada sekalian yang hadir dan semua orang Melayu. Saya mengucapkan selamat merayakan 11 Mei, hari bertuah dalam sejarah orang-orang Melayu dan sejarah negara kita Malaysia yang kita kasihi. Insya-Allah, akan berhasillah perhimpunan kita ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MCA DI WISMA MCA
JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR
30HB, JULAI, 1989

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA kerana menjemput saya sekali lagi merasmikan Perhimpunan Agung MCA ini. Jemputan bagi Pengerusi Barisan Nasional merasmikan Perhimpunan Agung MCA, MIC dan beberapa parti komponen lain dalam Barisan Nasional sudah menjadi satu tradisi yang penting dalam merapatkan hubungan antara parti-parti dan antara Kerajaan dengan parti. Walaupun kadangkala terdapat perbezaan pendapat antara parti-parti komponen tetapi kerana adanya hubungan rapat di peringkat kepemimpinan, kita dapat menyelesaikan masalah itu tanpa menjelaskan perpaduan dan keutuhan BN.

Pada keseluruhannya, jentera Barisan Nasional telah berjalan dengan lancar semenjak kita bertemu di Perhimpunan Agung MCA tahun lalu. Walaupun konsep Barisan Nasional ini telah selalu kita sebut-sebutkan, tetapi elok juga, sekali-sekala, kita memperkatakannya bagi mengingatkan diri kita sendiri tentang pentingnya konsep muafakat dan kerjasama yang terdapat dalam Barisan Nasional.

Konsep muafakat dan kerjasama dalam Barisan Nasional jelas tergambar apabila kita menghadapi beberapa pilihanraya kecil semenjak akhir tahun lalu. Prestasi Barisan Nasional di pilihanraya-pilihanraya kecil ini adalah memuaskan. Barisan Nasional tidak semestinya memenangi semua pilihanraya kecil yang diadakan, tetapi apa yang diperlukan ialah kemenangan di kebanyakan pilihanraya kecil tersebut. Keputusan-keputusan pilihanraya itu sekurang-kurangnya membuktikan tiga perkara — pertama, sokongan rakyat kepada Barisan Nasional adalah kuat, keduanya, konsep muafakat dalam Barisan Nasional berfungsi dengan baik, dan ketiganya, demokrasi tetap hidup.

Di setiap pilihanraya kecil itu, Barisan Nasional telah awal-awal lagi dapat menentukan mana satu parti komponennya yang harus mengemukakan calon. Bukan sahaja calon BN diiringi oleh wakil-wakil berbagai parti komponen di hari penamaan calon, bahkan ahli-ahli parti-parti komponen bekerjasama rapat membantu calon BN yang bertanding. Perpaduan BN ini memang nyata dan membanggakan.

Dalam Barisan Nasional, kita semua harus mengakui bahawa kitapun, sekali-sekala, menghadapi halangan untuk bermuafakat. Walau bagaimanapun, dengan wujudnya semangat ingin bekerjasama, keikhlasan dan dengan mementingkan

kepentingan negara dan majoriti rakyat, halangan-halangan itu dapat diatasi. Apa yang penting ialah kita dalam BN dapat bekerjasama dalam menghadapi kebanyakan perkara atau masalah. Apa-apa rintangan merupakan perkara yang sementara, yang "temporary", yang akhirnya dapat kita selesaikan dengan cara yang tidak merugikan negara dan tidak membawa perpecahan di kalangan kita atau kaum-kaum di Malaysia.

Beberapa masa dahulu terdapat pihak-pihak yang menuduh kononnya tidak ada demokrasi di negara ini. Pilihanraya-pilihanraya kecil yang berlaku, serta keputusan-keputusannya, menggambarkan sebaliknya. Bukan sahaja proses pilihanraya-pilihanraya kecil ini berjalan dengan teratur, tetapi juga terdapat parti pembangkang yang memenangi pilihanraya kecil itu. Apabila pihak pembangkang memenangi pilihanraya kecil, dan ini menggambarkan demokrasi masih hidup, orang-orang yang heboh mengatakan demokrasi telah mati, malu pula mengatakan demokrasi masih segar. Mereka ini hanya pandai mengelirukan sahaja. Walau bagaimanapun rakyat ramai yang jarang bersuara atau "the silent majority" yakin yang demokrasi telah dan akan hidup berterusan di negara ini. Dan demokrasi akan terus hidup di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Ini dapat kita jamin.

Baru-baru ini terdengar juga beberapa orang pemimpin parti-parti komponen yang kurang senang dengan keputusan dua-tiga buah parti komponen Barisan Nasional yang mengadakan sejenis kerjasama di peringkat kedua di antara mereka. Barisan Nasional tidak menghalang mana-mana pihak daripada parti-parti komponen yang ingin bekerjasama sesama sendiri. Mungkin juga kerjasama seperti itu akan membawa manfaat kepada Barisan Nasional keseluruhannya.

Apa yang diharapkan ialah sekiranya kerjasama di peringkat kedua ini membawa rasa sangsi di kalangan parti-parti komponen yang lain, parti-parti komponen yang terlibat dengan kerjasama peringkat kedua ini harus cuba mengelakkan timbulnya perasaan tersebut dengan mengutamakan kerjasama di peringkat BN. Pada hemat saya kerjasama BN secara menyeluruh, seperti yang terdapat sekarang ini, adalah cara yang paling sesuai untuk mengatasi apa juga masalah dalam mentadbir dan membangunkan negara. Di samping itu juga kerjasama secara menyeluruh di kalangan parti-parti komponen BN ini telah berjalan semenjak begitu lama dan telah membawa banyak manfaat kepada BN. Justeru itu, pada pendapat saya, apa yang diperlukan ialah usaha-usaha yang lebih bagi meningkatkan lagi kerjasama BN yang menyeluruh ini. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan bahawa ini adalah pandangan peribadi saya. Ia bukanlah pandangan para pemimpin BN keseluruhannya.

Dengan usaha-usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, ekonomi negara kita kini telah pulih dan pesat berkembang. Tanda-tanda menunjukkan bahawa pertumbuhan ini akan berterusan. Walaupun kadar pertumbuhan 8.7 peratus yang kita capai tahun 1988 mungkin susah diatasi, Kerajaan yakin ekonomi negara akan mencapai pertumbuhan melebihi 6 peratus bagi beberapa tahun yang akan datang. Langkah-langkah yang telah diambil bagi memulihkan ekonomi negara selepas menghadapi akibat kemelesetan ekonomi dunia akan terus dilaksanakan supaya kekukuhan ekono-

mi sekarang ini akan dapat dilanjutkan pada tahun-tahun yang berikutnya. Rakyat berbagai kaum yang secara langsung mendapat nikmat daripada kemajuan ekonomi sekarang, harus diberi ucapan tahniah kerana mereka tidak bertindak liar tetapi menjaga kestabilan politik yang menolong pertumbuhan ekonomi.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai ekonomi negara pada masa depan sepertimana yang kita sedia maklum. Kerajaan telah menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara atau MAPEN untuk membuat perakuan dan cadangan tentang ekonomi negara selepas tahun 1990.

Kerajaan sebenarnya mempunyai kemampuan dan kepakaran untuk merangka dasar ekonomi selepas 1990, tetapi Kerajaan mahu memberi peluang kepada orang-orang perseorangan dan pertubuhan-pertubuhan menyatakan pendapat dan pandangan mereka. MAPEN ditubuhkan untuk memberi peluang tersebut. Majlis Perundingan ini mempunyai bidang rujukan yang luas bagi membolehkan setiap ahlinya memainkan peranan yang bermakna. Kerajaan akan meneliti setiap perakuan oleh Majlis ini sebaik sahaja ianya selesai menjalankan tugasnya.

Setiap daripada kita hendaklah memastikan bahawa kita tidak melakukan sesuatu yang negatif yang boleh menjejaskan ekonomi negara. Pernah saya katakan dahulu bahawa terdapat sebahagian kecil daripada rakyat Malaysia yang menjadi salah satu daripada punca keburukan ke atas ekonomi negara. Kerana tindak-tanduk golongan kecil ini, seluruh negara dan rakyat menanggung akibatnya. Perkara seumpama ini pernah berlaku. Kita hendaklah mengelakkan daripada mengeluarkan kata-kata yang tidak berasas dan menjalankan tindakan-tindakan yang tidak bertanggungjawab yang boleh mengurangkan keyakinan terhadap kestabilan dan keutuhan negara kita.

Di samping itu pula kita hendaklah berhati-hati apabila menyebut tentang statistik-statistik terutamanya statistik-statistik yang mempunyai berbagai andaian atau "assumptions". Perbuatan seumpama ini boleh mengelirukan orang ramai dan sudah tentu tidak mendatangkan kebaikan kepada sesiapa pun. Malahan ia akan menimbulkan perasaan iri hati dan syak wasangka. Sebenarnya, menyebut di khalayak ramai statistik tanpa asas-asas yang kukuh dan kajian yang menyeluruh adalah merupakan satu "disservice" kepada masyarakat kita. Kita hendaklah mempelajari daripada kesilapan kita dahulu. Janganlah kita ulangi kesilapan yang lalu kerana buruk kesannya kepada negara.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA yang telah memberi peluang kepada saya untuk berucap pada hari ini. Saya berharap Perhimpunan tahun ini akan menandakan perkembangan yang lebih kukuh untuk parti MCA. Kekukuhan MCA semestinya memberi sumbangan yang bermakna kepada keutuhan Barisan Nasional dan Kerajaan.

Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MCA ini.

**UCAPAN PERDANA MENTERI
Y. A. B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PEMBUKAAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC
DI SHAH ALAM, SELANGOR
19HB. OGOS, 1989**

Saya mengucapkan terima kasih kerana sekali lagi dijemput oleh Jawatankuasa Pusat MIC untuk merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Parti ini. Saya berharap Perhimpunan Agung MIC ini akan berjalan dengan lancar dan ianya akan menandakan satu lagi langkah ke arah kekukuhan MIC dan Barisan Nasional amnya.

Sekarang ini sudah menjadi tradisi bagi Pengerusi Barisan Nasional merasmikan Perhimpunan Agung Parti MIC dan beberapa parti Komponen Barisan Nasional yang lain. Saya amat menghargai penghormatan ini. Penghormatan yang diberikan oleh MIC kepada Pengerusi Barisan Nasional akan merapatkan lagi perpaduan yang diperlukan oleh Barisan Nasional dan membantu kewibawaan Barisan Nasional sebagai parti pemerintah.

Baru-baru ini kita telah menghadapi dengan jayanya dua lagi pilihanraya kecil bagi Tambatan di Johor dan Teruntum di Pahang. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan terima kasih kepada semua ahli Barisan Nasional yang telah bekerja keras untuk memastikan kejayaan calon-calon Barisan Nasional.

Barisan Nasional sebagai parti pemerintah memang berharap supaya jangan terdapat pilihanraya-pilihanraya kecil kerana kita mahu menumpukan masa yang lebih banyak untuk membangunkan negara kita. Setiap pilihanraya kecil memerlukan perbelanjaan yang besar daripada segi pentadbirannya. Tetapi selalunya kita tidak mempunyai pilihan, terutama apabila pilihanraya kecil tersebut diadakan berikutan dengan kematian wakil-wakil rakyat.

Walau bagaimanapun, pilihanraya-pilihanraya kecil dapat juga dijadikan barometer kepada Barisan Nasional, iaitu untuk melihat sama ada rakyat masih menyokong kita atau sebaliknya dalam tempoh di antara pilihanraya umum. Ianya juga dapat memberi ingatan kepada kita supaya Barisan Nasional tidak lalai atau leka dalam menjalankan tanggungjawabnya kepada kesejahteraan rakyat dan keamanan serta kestabilan negara.

Sekiranya kita lalai selepas memenangi pilihanraya umum, kita akan berasa gelisah apabila menjelangnya sesuatu pilihanraya kecil ataupun pilihanraya umum berikutnya. Dengan itu wakil-wakil rakyat dan para pemimpin parti-parti komponen harus sentiasa sedar bahawa kita memerlukan sokongan rakyat untuk memerintah. Justeru itu kita perlulah berdamping, mengkaji dan membantu rakyat dalam menyelesaikan masalah mereka.

Dalam sesuatu pilihanraya kecil selalunya isu-isu tertentu dibangkitkan oleh parti-parti lawan. Kadang-kadang isu-isu yang wajar dibangkitkan dan ada juga isu-isu yang sengaja diada-adakan atau diperbesar-besarkan. Kita harus berbangga oleh kerana rakyat negara ini dapat meneliti dan memilih baik-buruk dan betul-salahnya sesuatu isu yang dibangkitkan. Tugas kita ialah memberi penerangan dan penjelasan serta melaksanakan program-program untuk manfaat rakyat. Setakat ini kita telah berjaya dan kita harus berusaha lagi untuk menempa kejayaan yang lebih besar di pilihanraya-pilihanraya akan datang.

Menyentuh pula mengenai MIC, saya yakin parti ini akan bertambah kukuh pada tahun-tahun yang akan datang. Walaupun satu-dua cabaran dihadapi oleh parti ini, saya yakin para pemimpin parti MIC akan dapat mengatasi cabaran-cabaran ini, apatah lagi MIC mempunyai kepimpinan parti yang bertambah matang.

Kalau kita renungkan kembali sejarah Perikatan dahulu dan Barisan Nasional sekarang pula, nampaknya parti-parti komponen BN bersilih-ganti atau bergilir-gilir menghadapi cabaran dalam parti. Dalam sesuatu tempoh itu, ada sahaja parti komponen yang menghadapi cabaran dalaman atau 'internal conflict'. Kadang-kadang cabaran yang dihadapi itu seolah-olah boleh menghancurkan sesebuah parti itu. Walau bagaimanapun, sejarah telah membuktikan bahawa setiap parti komponen akhirnya dapat mengatasi cabaran dalaman itu. Sejarah juga telah membuktikan bahawa selalunya sesebuah parti komponen itu bertambah kuat selepas berjaya mengatasi sesuatu cabaran dalaman itu. Pahit-maung semasa bertelingkah akan menjadi penawar atau tonik untuk keteguhan atau keutuhan parti.

Sebagai satu pakatan lebih daripada sepuluh buah parti politik, BN telah dapat menghadapi cabaran-cabaran daripada parti-parti lawan pada setiap masa. Kesanggupan BN menghadapi cabaran daripada parti-parti lawan adalah oleh kerana kebanyakan parti-parti komponen BN berada dalam keadaan yang kukuh dan utuh. Itulah salah satu unsur penting BN bagi membolehkannya mentadbirkan negara yang berbilang kaum dan agama ini. BN telah dapat menyediakan kekuatan asas atau 'basic strength' yang diperlukan untuk mentadbirkan negara ini. Kita akan dapat menghadapi sebarang masalah atau cabaran sekiranya wujud kekuatan asas itu, dan setakat ini hanyalah BN yang dapat melakukannya untuk kesejahteraan Malaysia.

Satu perkara yang kita harus ingat ialah kita telah dapat mewujudkan kekuatan asas ini dengan adanya pengorbanan. Pengorbanan mestilah dipikul oleh semua parti komponen. Anggota sesebuah parti komponen biasanya nampak dengan jelas akan pengorbanan yang dilakukan oleh parti mereka. Sebaliknya mereka jarang nampak pengorbanan oleh parti-parti komponen yang lain. Perkara seperti ini sudah menjadi lumrah dunia. Dengan itu ada baiknya kita dalam BN dapat meneliti sebarang pengorbanan oleh parti-parti yang lain supaya kita dapat mewujudkan perasaan saling faham-memahami dan hormat-menghormati sesama kita. Dengan cara ini kita akan dapat mengekalkan kekuatan yang diperlukan untuk mentadbir dan membangunkan negara untuk kesejahteraan rakyat semua.

Kita akan menyaksikan Sukan SEA yang akan bermula esok. Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel atau CHOGM akan bermula dua bulan lagi. Di samping itu, sepanjang tahun depan telah diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Malaysia. Dengan itu ramailah tetamu, para pelancong dan anggota-anggota media massa luar negeri yang telah dan akan tiba ke negara kita. Seperkara yang ingin saya tegaskan di sini ialah pentingnya kita menjaga nama baik negara. Tidak kiralah sama ada ianya seorang kakitangan Kerajaan, seorang ahli politik, peniaga, suri rumahtangga dan lain-lain; setiap orang daripada kita mempunyai peranan masing-masing.

Para tetamu dan pelancong akan tinggal di negara kita buat beberapa hari, sama ada di ibukota Kuala Lumpur ataupun di tempat-tempat pelancongan yang lain. Mereka akan bertemu dengan kakitangan hotel, pemandu teksi, pelayan-pelayan dan pekedai-pekedai dan mereka akan bercampur-gaul dengan rakyat tempatan yang mana ini akan mendedahkan kita dan memberi gambaran mengenai negara ini dan rakyatnya. Gambaran baik yang kita tonjolkan akan membawa banyak manfaat dan keuntungan kepada negara. Sebaliknya, banyak pula kerugian sekiranya kita gagal memberi perkhidmatan dan gambaran yang baik dan tidak bersopan santun.

Kerajaan berharap kita semua dapat mengamalkan ciri-ciri yang baik semasa negara menjadi tuan rumah bagi dua upacara yang penting tahun ini. Ianya juga menjadi asas untuk kita bersedia menganjurkan Tahun Melawat Malaysia pada tahun depan. Mungkin beberapa agensi awam telahpun ditugaskan supaya memainkan peranan utama bagi menyusun aktiviti-aktiviti untuk tahun tersebut, tetapi setiap agensi, baik awam atau swasta, dan orang-orang perseorangan adalah bertanggungjawab untuk menjayakan program-program ini. Hasil daripada layanan yang kita berikan ini akan dinikmati secara langsung oleh kita.

Menyentuh tentang ekonomi negara, Malaysia telah mengalami perkembangan ekonomi yang menggalakkan semenjak dua tahun yang lalu. Tanda-tanda pada awal dan pertengahan tahun ini menunjukkan bahawa kita akan mencatatkan perkembangan ekonomi yang berterusan untuk beberapa tahun yang akan datang. Kerajaan sekali lagi menyeru setiap sektor dan golongan supaya bekerjasama untuk memastikan perkembangan ini tidak tergendala. Bagi kita yang terlibat secara aktif dengan aktiviti-aktiviti politik, kitapun mempunyai peranan yang penting bagi menentukan suasana politik dan sosial adalah sesuai untuk perkembangan ekonomi. Kita memerlukan suasana stabil dan aman tenteram bagi memudahkan perkembangan ekonomi. Dengan itu, para pemimpin parti-parti politik, terutama daripada parti-parti komponen Barisan Nasional, hendaklah memastikan kita tidak menjadi punca bagi sebarang kekecohan, termasuklah yang berbau politik.

Saya berharap Perhimpunan Agung MIC ini akan berjalan dengan baik dan menghasilkan resolusi dan program yang akan menjayakan bukan sahaja MIC, tetapi juga Barisan Nasional.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PARTI
PESAKA BUMIPUTERA BERSATU (PBB) SARAWAK
DI KUCHING, SARAWAK
21HB. SEPTEMBER, 1989

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri Sarawak yang juga Presiden Parti PBB, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud dan Jawatankuasa Pusat Parti PBB kerana menjemput saya untuk merasmikan persidangan tahunan Parti PBB ini. Saya percaya berbagai perkara akan dibincangkan di Persidangan ini dan saya percaya bahawa keputusan yang akan diambil kelak akan mendatangkan manfaat bukan sahaja kepada Parti PBB tetapi juga kepada Barisan Nasional dan negara Malaysia keseluruhannya.

Barisan Nasional merupakan gabungan parti-parti politik daripada semua kaum di Malaysia ini. BN mewakili penduduk-penduduk di negeri-negeri Semenanjung dan juga di Sabah dan di Sarawak. Parti-parti politik yang bergabung di bawah BN bertujuan memberi suara dan mengukuhkan perpaduan dan persefahaman di kalangan masyarakat majmuk di negara ini. Kemampuan dan kejayaan BN jelas membuktikan bahawa rakyat Malaysia mahukan perpaduan, pembangunan dan kemajuan melalui sistem perwakilan yang demokratik. Rakyat Malaysia juga inginkan kepada keamanan, rukun damai dan kehidupan yang semakin baik. Oleh kerana itu rakyat Malaysia telah menaruh harapan mereka kepada BN kerana BN telah membuktikan kemampuan dan kebolehan mewakili rakyat berbagai kaum untuk mentadbir dengan cekap, berkesan dan adil.

Semenjak tahun 1957 apabila negeri-negeri di Semenanjung mencapai kemerdekaan dan semenjak 1963 apabila Sarawak dan Sabah menyertai Semenanjung untuk menubuhkan Malaysia, negara kita telah mencapai pembangunan dan kemajuan yang begitu pesat sekali. Negara kita telah mencapai kemajuan ekonomi yang jauh lebih pesat dan tinggi dari di zaman penjajah, sesuatu yang tidak kerap berlaku. Sarawak dan Sabah yang kaya dengan berbagai sumber alam telah mengalami satu kemajuan yang luar biasa semenjak mencapai kemerdekaan melalui Malaysia. Di Sarawak dan Sabah kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalanraya, bekalan air dan elektrik, jambatan, klinik-klinik dan lain-lain lagi dibina dan kemudahan-kemudahan ini telah membawa banyak manfaat kepada rakyat di Sarawak dan Sabah walaupun belumlah sama dengan di Semenanjung di mana penduduk lebih ramai dan keadaan memang lebih baik semenjak dahulu lagi.

Negara kita juga aman dan tenteram dan rakyatnya, secara relatif, hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu. Kita dapat menjalankan tugas-tugas kita tanpa kebim-

ban dan gangguan. Setiap rakyat dapat mengejar cita-cita mereka. Kita bebas menyuarakan pendapat dan pandangan kita. Dan sebagai rakyat kita mempunyai hak untuk menentukan cara hidup kita.

Memang benar apa yang saya sebutkan ini adalah perkara biasa di negara kita. Keadaan ini memang wujud di negara kita. Oleh itu mungkin ada antara tuan-tuan dan puan-puan yang bertanya mengapakah saya selalu menyebut hal-hal ini.

Memanglah benar negara kita maju dan memanglah benar kita boleh menyuarakan pandangan dan pendapat kita. Dan memang benar juga kita telah mencapai kemajuan ekonomi dan sosial. Tetapi oleh kerana perkara-perkara ini sudah menjadi perkara-perkara biasa kepada kita, kebanyakan daripada kita tidak lagi memandang berat kepadanya. Dan ada pula di antara kita yang tidak menghargai nikmat-nikmat ini. Kebanyakan daripada kita, oleh kerana nikmat-nikmat ini sentiasa wujud tidak pula berusaha memeliharanya. Oleh kerana itu ada di antara kita yang sudah mula lalai dan lupa akan pengorbanan yang telah dibuat untuk mewujudkan suasana dan keadaan yang harmoni dan tenteram ini. Ada juga antara kita yang tidak segan silu menimbulkan cakap-cakap dan kata-kata yang boleh mengancam perpaduan dan persefahaman kaum dan dengan itu meningkatkan ketegangan. Tetapi yang lebih buruk lagi ialah terdapat pula golongan-golongan tertentu yang sengaja menimbulkan perkara-perkara supaya keharmonian yang wujud ini akan terganggu. Tindakan-tindakan yang tidak bertanggungjawab ini bertujuan menggugat perpaduan kaum dan mengganggu kestabilan negara.

Sebenarnya tidak semua negara berada dalam keadaan aman dan tenteram dan bukan semua negara dapat menikmati kemajuan dan pembangunan terutama apabila penduduknya terdiri daripada berbagai kaum. Justeru itu kita hendaklah bersyukur kerana kita sungguh bernasib baik. Kita mestilah sentiasa berusaha supaya keadaan ini terus berkekalan. Saya percaya rakyat Malaysia yang yakin kepada negara Malaysia dan masa depan negara kita akan sanggup membendung perasaan dan kepentingan diri atau kaum untuk memelihara kestabilan dan kemajuan negara.

Memang menjadi keutamaan Kerajaan untuk meningkatkan lagi perpaduan nasional. Di samping itu juga adalah menjadi tumpuan utama Kerajaan untuk mengukuhkan lagi integrasi antara Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Kita bersatu dalam tindakan dan kegiatan kita. Kita bersatu dalam bidang politik seperti mana yang dibuktikan dalam BN. Kita bersatu semasa keadaan susah dan bersatu semasa kita senang. Kita bersatu dalam sukan seperti yang terbukti dengan kejayaan cemerlang kita dalam Sukan SEA baru-baru ini. Kita bukan sahaja benar-benar ingin kepada integrasi yang lebih tinggi, tetapi juga berusaha dengan serius untuk mencapainya.

Dalam hal ini, saya ingin mengingatkan bahawa ada pihak-pihak tertentu, baik dari dalam mahupun dari luar, yang begitu kurang senang dengan perpaduan kita. Mereka ini tidak ingin melihat kita maju dan bersatu. Mereka mahu kita berpecah-belah. Oleh kerana itu mereka ini akan melakukan apa sahaja untuk menanamkan

perasaan tidak senang dan syak wasangka sesama kita. Mereka akan menggunakan apa juga taktik untuk mengancam perpaduan kita. Mereka ini akan membangkitkan perkara-perkara yang boleh membawa kepada perasaan irihati sesama masyarakat Malaysia. Mereka akan membesar-besarkan perbezaan pendapat yang semestinya wujud dalam masyarakat dan negara yang mengamalkan demokrasi. Mereka juga tidak akan teragak-agak untuk melaga-lagakan kita dan untuk memberi gambaran bahawa kita tidak sealign dan sepakat. Kita lebih maju, lebih aman dan lebih bersatu. Yang lebih penting ialah kita, setiap rakyat Malaysia, mesti sanggup berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menentukan masa depan Malaysia yang lebih terjamin. Ini memerlukan satu pengorbanan yang besar daripada setiap rakyat Malaysia yang cintakan negara ini. Pada hemat saya, pengorbanan ini adalah perlu bagi masa depan warisan kita. Kita perlu menyerahkan negara kita dalam keadaan yang lebih baik lagi kepada warisan kita. Tanggungjawab ini mestilah kita dukung dan pikul bersama.

Saya yakin kita dapat terus membangunkan negara kita kerana kita boleh bekerjasama sebagai satu tenaga yang padu. Kerana kita bersatu, kita telah dapat menyelesaikan masalah-masalah kita, walau bagaimana rumit sekalipun, dengan menyuarakannya kepada semua pihak.

Dalam negara demokratik, Kerajaan dipilih oleh rakyat melalui proses pilihan-raya yang tertib. Di Sarawak, proses ini telah berjalan dengan baik dan Kerajaan pilihan rakyat telah memerintah negeri ini dengan membawa banyak kemajuan.

Malangnya ada pihak-pihak tertentu yang tidak senang hati dengan proses demokrasi dan cuba merebut kuasa melalui cara-cara yang haram di sisi undang-undang. Kerajaan Pusat tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang cuba bertindak merebut kuasa di luar proses yang halal. Kerajaan Pusat tetap akan menyokong dan membantu Kerajaan Negeri pilihan rakyat daripada sebarang percubaan untuk melemahkannya. Kita ingin bersikap adil tetapi janganlah sesiapa mentafsirkan sikap adil sebagai kelemahan.

Saya percaya Parti PBB akan terus meningkat maju dan akan terus memberikan sumbangan yang membina kepada Barisan Nasional. Dengan adanya sokongan dan kerjasama yang erat antara parti-parti komponen Barisan Nasional, BN akan dapat meningkatkan usaha-usaha untuk membawa kemajuan yang lebih lagi yang akan mendatangkan manfaat kepada seluruh penduduk Malaysia ini.

Mesyuarat Parti PBB ini, saya yakin akan menghasilkan sesuatu yang akan membawa kebaikan bukan sahaja kepada Parti PBB dan BN, tetapi juga kepada negara kita. Saya juga yakin bahawa Parti PBB di bawah kepimpinan Datuk Patinggi Haji Taib Abdul Mahmud akan terus maju dan mencapai lebih banyak kemajuan.

Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Parti PBB ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERSIDANGAN PERWAKILAN PARTI GERAKAN
DI STADIUM KOMTAR, PULAU PINANG
23HB. SEPTEMBER, 1989

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Parti GERAKAN kerana menjemput saya untuk merasmikan Persidangan Perwakilan Parti GERAKAN ini. Saya percaya berbagai perkara akan dibincangkan di Persidangan ini dan saya berharap sebarang keputusan yang diambil kelak bukan sahaja menggambarkan kematangan parti ini, tetapi juga akan mendatangkan manfaat kepada GERAKAN dan Barisan Nasional dan negara kita Malaysia.

Parti GERAKAN telah menempoh berbagai cabaran, dugaan serta juga kejayaan. Sebagai salah sebuah parti komponen, GERAKAN telah memberi sumbangan yang membina ke arah kekukuhan Barisan Nasional. Seperti parti-parti komponen yang lain, GERAKAN telah memainkan peranan yang berkesan membantu Barisan Nasional menghadapi berbagai cabaran semasa. Saya percaya GERAKAN bersama-sama dengan parti-parti komponen yang lain akan terus meningkatkan lagi sumbangan mereka demi keutuhan Barisan Nasional.

Bagi kita dalam Barisan Nasional, keutamaan kita ialah menjaga kestabilan politik dan perpaduan kaum. Kestabilan dan perpaduan ini amatlah penting kerana tanpa kedua-dua faktor ini kita tidak akan dapat mencapai kemajuan dan kita tidak akan dapat hidup dalam keadaan aman dan tenteram. Justeru itu, segala usaha Kerajaan Barisan Nasional adalah untuk menjaga keamanan, kestabilan dan perpaduan. Barisan Nasional akan sentiasa berusaha agar negara kita ini terpelihara daripada sebarang ancaman dan supaya rakyat hidup bebas dari ketakutan dan penindasan.

Memanglah menjadi tanggungjawab Kerajaan menumpukan perhatian kepada pembangunan ekonomi dan sosial serta kebajikan rakyat. Tetapi bukan semua Kerajaan boleh melaksanakan tanggungjawab ini dengan jayanya, lebih-lebih lagi dalam negara berbilang kaum seperti di negara kita. Yang memberi kejayaan kepada kita ialah sikap kesederhanaan anggota Barisan Nasional yang sanggup menolak dan melawan 'chauvinisme' yang ekstrim yang terdapat juga di negara kita. Jika kita tunduk kepada pendekatan yang mudah dan kita main mata dengan ekstrimis, maka negara kita akan mengalami huru-hara dan rakyat akan menderita.

Oleh kerana sikap anggota-anggota Barisan Nasional, Malaysia berada dalam keadaan aman, tenteram dan maju. Kita bersyukur kerana ini. Kita dapat menjalankan

tugas-tugas kita tanpa gangguan dan halangan. Kita juga dapat melaksanakan apa juga kerja kita tanpa perasaan kluatir dan takut. Kita hidup dalam suasana yang aman damai dan berbaik-baik di antara satu sama lain. Umumnya kita bersatu, bersefahaman dan bersepakat. Dengan demikian, kita telah dapat mencapai kemajuan yang pesat yang telah mendatangkan manfaat kepada kita semua.

Oleh kerana kita bersatu dan bersefahaman, kita telah dapat menjaga kestabilan negara. Dan kerana adanya kestabilan, kita dapat memberi perhatian kepada usaha-usaha membangunkan ekonomi negara. Pencapaian kita ini mendapat sanjungan daripada negara-negara lain termasuk negara-negara maju. Walaupun kita telah mencapai kemajuan sosial dan ekonomi yang pesat, Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi pencapaian ini.

Itulah juga sebabnya saya selalu mengingatkan betapa pentingnya kita menjaga kestabilan politik negara kita. Walaupun kita berbeza pendapat dan pandangan, ini adalah perkara biasa dalam sesebuah negara demokrasi termasuk yang tidak ada masalah kaum. Kita boleh berbincang dan berdebat seperti di Parlimen dan lain-lain forum secara jujur, terbuka dan bertangjawab. Yang penting ialah kita tidak boleh membiarkan perbezaan pendapat dan pandangan ini dieksploitasikan sehingga menjadi punca pertelingkahan yang boleh mengancam kestabilan politik negara ini.

Kita di dalam Barisan Nasional menghadapi setiap masalah atau cabaran itu dengan cara yang rasional, bertolak-ansur dan dengan penuh tanggungjawab demi kepentingan perpaduan rakyat. Memang benar Barisan Nasional telah menghadapi berbagai-bagai cabaran tetapi kerana sikap jujur, ikhlas dan keutamaan yang diberikan kepada negara dan masyarakat, akhirnya kita dalam Barisan Nasional telah berjaya mencapai penyelesaian yang memuaskan kepada semua pihak. Perjuangan Barisan Nasional berdasarkan toleransi, kejujuran, keikhlasan dan tanggungjawab. Kita dalam Barisan Nasional membuat sesuatu bukan untuk kepentingan sesuatu parti atau sesuatu kaum tetapi kegiatan dan tindakan kita adalah demi kepentingan masyarakat Malaysia. Barisan Nasional bertindak dan berjuang untuk kepentingan seluruh masyarakat. Barisan Nasional adalah parti politik yang walaupun terdiri daripada beberapa buah parti, tetapi pada dasarnya mempunyai satu matlamat dan objektif yang sama iaitu untuk menegakkan negara Malaysia yang maju, bersatupadu, dan bermaruah tinggi.

Demi kepentingan negara dan masyarakat, Barisan Nasional selalu menyeru kepada parti-parti politik yang lain dalam negara ini supaya tidak selalu bermain politik. Kita selalu menyeru kepada parti-parti lawan supaya mengelak dari menjadikan semua isu yang dihadapi sebagai isu politik. Janganlah dijadikan sebagai isu politik perkara-perkara yang sememangnya bukan berunsur politik. Kita tidak seharusnya berpolitik semata-mata untuk kepentingan politik peribadi kita atau untuk kepentingan sempit parti-parti kita sahaja. Kita harus berpolitik untuk kebaikan parti yang secukupnya dengan kepentingan masyarakat dan negara kita.

Saya percaya parti-parti komponen Barisan Nasional sentiasa menyedari hakikat bahawa masa depan negara kita bergantung kepada kestabilan politik dan perpaduan

di kalangan masyarakat. Justeru itu, kita mestilah menumpukan tindakan dan kegiatan kita untuk meningkatkan lagi kedua-dua perkara ini. Barisan Nasional bersatu bukan sahaja semasa pilihanraya atau pilihanraya kecil atau semasa menghadapi cabaran tetapi Barisan Nasional sentiasa bersatu dan bersepakat dalam segala kegiatan dan tindakannya. Walaupun kadangkala terdapat perbezaan pendapat mengenai perkara-perkara tertentu, tetapi pada umumnya Barisan Nasional tetap bersatu dan sebarang perbezaan dapat diatasi demi kebaikan Barisan Nasional dan negara.

Saya yakin Parti GERAKAN akan terus memberikan sumbangannya kepada Barisan Nasional di masa hadapan. GERAKAN telah memainkan peranan yang berkesan dan membantu usaha-usaha Barisan Nasional. Saya yakin GERAKAN akan dapat meningkatkan lagi peranan dan sumbangannya.

Saya percaya persidangan ini akan menghasilkan sesuatu yang akan memberi manfaat kepada GERAKAN dan Barisan Nasional. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan Parti GERAKAN ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN
PARTI BERSATU SABAH (PBS), DI KOTA KINABALU
29HB. SEPTEMBER, 1989

Saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Pairin dan Jawatankuasa PBS kerana menjemput saya berucap dan merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan PBS ini. Saya berharap Persidangan kali ini akan membawa PBS ke arah kekukuhan dan dengan itu akan mengukuhkan lagi Barisan Nasional. Sudah semestinya kita semua mengharapkan semua parti komponen BN semakin hari semakin kukuh supaya kita dapat mentadbirkan negara ini dengan penuh kewibawaan.

Inilah kali pertama saya hadir di upacara seperti ini untuk PBS. Dengan itu, saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi pandangan-pandangan mengenai beberapa perkara.

Sabah telah mencapai kemajuan dan pembangunan yang pesat semenjak mencapai kemerdekaan menerusi Malaysia. Dalam masa hanya kira-kira suku abad, rakyat Sabah telah menyaksikan satu tingkat pembangunan yang mengatasi kemajuan yang dicapai dalam tempoh lebih satu abad dijajah. Pembangunan fizikal seperti jalanraya, bekalan air dan elektrik, sekolah serta hospital dan klinik membuktikan tingkat pembangunan yang pesat itu. Pembangunan sosial seperti pendidikan dan kesihatan juga bertambah baik. Kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan kepada rakyat juga meningkat. Hasil-hasil pertanian dan perindustrian pada umumnya telah berkembang dengan pesatnya sekiranya dibandingkan dengan sebelum kemerdekaan.

Semenjak merdeka Sabah telah menikmati pembangunan yang pesat. Parti Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional telah memerintah negeri ini walaupun parti komponen yang mengetuai Kerajaan sudah tiga kali bertukar. Satu lagi fenomena di Sabah ialah parti pembangkang juga adalah parti komponen BN. Keadaan ini jarang berlaku walaupun ianya tidaklah terlalu asing daripada amalan yang terdapat dalam BN. Kita memang fleksibel dan mengambilkira keadaan setempat dan semasa. Walau bagaimanapun ini bukanlah satu amalan yang harus digalakkan. Kerjasama antara parti-parti komponen BN akan mengurangkan peluang parti-parti pembangkang mencelah. Dengan itu kestabilan dan kekukuhan Kerajaan tidak akan terdedah kepada berbagai ancaman. Namun demikian saya amat berbangga bahawa dalam keadaan inipun Sabah dapat dibangunkan dengan pesat. Kerajaan Persekutuan tetap akan memberi perhatian kepada pembangunan Sabah dan menolong mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh negeri Sabah, termasuklah masalah pendatang haram.

Salah satu unsur perpaduan negara ialah menjalinkan integrasi antara wilayah, terutama antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Unsur integrasi antara wilayah ini hendaklah dijadikan satu prioriti. Apabila kita menerimanya sebagai satu unsur yang penting dan utama, kita akan berusaha untuk mencapai objektif yang dirancangkan. Saya berpendapat Kerajaan Persekutuan telah bertindak secara positif untuk menentukan integrasi nasional ini mencapai hasil sedikit demi sedikit, semoga fikiran dan pendirian kita tidak lagi terlalu tertakluk oleh perasaan kedaerahan. Saya yakin integrasi akan membawa kebahagiaan bukan sahaja kepada rakyat Sabah tetapi juga kepada seluruh rakyat Malaysia.

Kerajaan Persekutuan berpuas hati dengan kerjasama yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak, dalam usaha mengintegrasikan rakyat Malaysia. Seperti yang kita sedia maklum, kita telah secara beransur-ansur menyatukan sistem pelajaran di Sabah dan Sarawak dengan sistem pelajaran kebangsaan. Usaha ini termasuklah penggunaan satu kurikulum yang seragam di sekolah-sekolah. Masa standard telah diseragamkan, dan untuk tujuan ini masa standard Sabah dan Sarawak telah digunakan sebagai masa standard seluruh Malaysia.

Setakat ini kejayaan yang dicapai dalam pengangkutan udara dan laut antara negeri boleh dianggap memuaskan. Kerajaan telah juga berjaya meningkatkan perkhidmatan radio, television, telekomunikasi dan perkhidmatan pos supaya perpindahan fizikal antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak tidak terasa sangat. Dengan peningkatan sistem pengangkutan laut dan udara serta perhubungan yang lebih baik, kita telah dapat menambahkan lagi hubungan ekonomi antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Berbagai-bagai langkah lain juga telah dilaksanakan bagi menjayakan cita-cita integrasi kita.

Ini tidak bermakna Kerajaan sudah puas hati sehingga kita tidak perlu berikhtiar lagi. Kita akan terus berusaha supaya integrasi ini semakin hari semakin kuat dan erat. Sementara itu, Kerajaan berharap usaha ke arah integrasi tidaklah terhad kepada kerajaan-kerajaan sahaja, tetapi melibatkan semua lapisan rakyat.

Menyentuh tentang perkembangan dalam parti-parti komponen Barisan Nasional, pernah saya katakan baru-baru ini bahawa pada sesuatu masa, akan terdapat satu-dua parti komponen yang menghadapi masalah dalaman. Walaupun begitu, Barisan Nasional yang mempunyai lebih daripada 10 buah parti komponen pada umumnya adalah kukuh, oleh kerana pada sesuatu masa itu juga, parti-parti komponen yang lain berada dalam keadaan yang kukuh dan stabil.

Telah dibuktikan bahawa masa dan kepimpinan yang kukuh dalam satu-satu parti komponen akhirnya dapat mengatasi masalah dalaman yang dihadapi. UMNO juga telah beberapa kali menghadapi masalah dalaman, tetapi kerana wujudnya kesabaran, kesederhanaan dan sikap tolak-ansur oleh semua pihak, akhirnya masalah-masalah yang dihadapi dapat diatasi. Kita harus mempunyai fikiran terbuka untuk menghadapi sebarang masalah parti yang timbul dari masa ke masa.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi kenyataan saya di Sarawak baru-baru ini mengenai usaha merebut kuasa secara luar dari Perlembagaan. Ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa pandangan ini adalah untuk seluruh negara, baik di peringkat Kerajaan Persekutuan atau di peringkat Kerajaan Negeri. Kerajaan adalah fleksibel dan liberal tetapi jika sesuatu kegiatan itu terkeluar daripada lunas-lunas yang ditentukan atau kegiatan tersebut menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara, tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh Kerajaan. Dalam demokrasi kita sudah ada peruntukan yang cukup dan sah untuk kita bertanding bagi mendapatkan sokongan rakyat dan mendirikan Kerajaan. Kita tidak perlu kepada cara-cara yang tidak diizinkan.

Negara kita memerlukan perpaduan yang kukuh untuk terus maju dan mencapai pembangunan yang lebih pesat lagi. Negara kita pernah mengalami pembangunan ekonomi yang pesat dan pernah juga mengalami kemelesetan. Pada masa ini kita sedang mengalami perkembangan ekonomi yang sangat membanggakan. Seperti yang kita semua maklum, prestasi ekonomi mempunyai hubungan yang rapat dengan kestabilan politik. Tidak terdapat sebuah negarapuan yang dapat membangun dengan baik sekiranya terdapat keadaan kacau-bilau dan pertelingkahan sesama sendiri.

Justeru itu, semua institusi dan setiap lapisan rakyat hendaklah memastikan pertumbuhan ekonomi yang baik tidak terganggu. Walaupun kita harus berpolitik, tetapi politik kita hendaklah bertujuan membawa kebahagiaan kepada rakyat dan negara. Kuasa politik bukanlah untuk memenuhi 'ambition' atau cita-cita besar diri sendiri. Kuasa politik bukan matlamat terakhir tetapi ianya adalah saluran atau 'means' untuk mencapai pembangunan negara. Masalahnya ialah sesetengah pihak hanya mahukan kuasa kerana ghairah dengan kuasa dan penggunaannya untuk kepentingan diri sendiri. Jika ini berlaku maka negara akan melalui zaman yang gelap. Sebab itulah kita mengamalkan sistem demokrasi yang memberi kuasa kepada rakyat menentukan siapa yang akan memerintah.

Sudah tentu sesiapa yang membelakangkan kepentingan rakyat tidak mungkin kekal dengan kuasa yang dianugerah oleh rakyat. Tetapi kita juga harus ingat bahawa di Malaysia, oleh kerana rakyat terdiri daripada berbagai kaum maka tidak mudah bagi Kerajaan yang dipilih menjadi popular dengan semua pihak. Sebaliknya jika kita ingin popular dengan satu pihak sahaja, kita tidak akan dapat sokongan yang mencukupi. Inilah dilema kita di Malaysia. Tetapi inilah juga yang menyebabkan BN berjaya di Malaysia. BN mempunyai formula yang memberi tempat dan layanan kepada semua kaum tetapi tidak secara keterlaluan. Dalam BN, yang menang tidak boleh mengambil semuanya dan yang kalah tidak akan hilang semuanya. Dalam keadaan masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia ini, inilah sahaja cara yang sesuai dan mampu kita amalkan. Jika kita tidak sanggup membahagi-bahagikan kuasa yang kita perolehi maka sokongan terhadap BN akan menjadi lemah. Demikianlah berkesannya cara dan amalan BN ini sehingga PAS dan DAP cuba meniru dan mengamalkannya. Tetapi mereka tidak mungkin berjaya kerana tidak ada kejujuran dalam kerjasama mereka. Mereka hanya ingin mengabui para pengundi untuk memenangi pilihanraya. Sokongan DAP kepada negara Islam PAS, dan sokongan PAS kepada Malaysian Malaysia DAP adalah untuk pilihanraya sahaja.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada PBS kerana menjemput saya berucap dan merasmikan Persidangan ini. Saya berharap Persidangan ini akan dapat menghasilkan resolusi-resolusi yang membawa manfaat kepada parti dan juga kepada BN. Adalah diharapkan PBS akan bertambah kukuh dan meningkatkan sumbangannya kepada keutuhan dan keteguhan BN.

Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan PBS ini.

**UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI DEWAN MERDEKA
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR
17HB. NOVEMBER, 1989**

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita sekali lagi bersama-sama menghadiri Perhimpunan Agung UMNO ini. Saya bagi pihak parti dan Majlis Tertinggi mengucapkan selamat datang kepada para tetamu dan wakil-wakil parti komponen Barisan Nasional, para perwakilan dan pemerhati sekalian ke Perhimpunan Agung ini. Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala supaya kita diberi hidayat dan petunjukNya bagi menjayakan Perhimpunan Agung ini mengikut lunas-lunas demokrasi, perlembagaan dan tradisi parti demi keutuhan perjuangan UMNO.

Tahun 1989 merupakan tahun yang bertuah bagi UMNO. Pada tahun ini kita telah berjaya memulihkan sepenuhnya pertubuhan yang kita semua sayangi ini, pertubuhan yang begitu berjasa kepada orang Melayu, kepada rakyat Malaysia dan kepada negara Malaysia.

Pada tahun yang lepas kita mengadakan Perhimpunan Agung hanya untuk meluluskan undang-undang pertubuhan kita. Wakil-wakil yang hadir tidak dipilih melalui proses biasa tetapi melalui peruntukan perlembagaan khusus untuk masa penubuhan.

Pada tahun lalu cawangan-cawangan belum ditubuhkan dan sudah tentu cawangan-cawangan tidak bermesyuarat bagi melantik wakil ke mesyuarat bahagian untuk memilih wakil ke mesyuarat agung. Peraturan yang kita amalkan tahun lepas adalah peraturan-peraturan sementara; sesuatu yang perlu dilakukan dalam proses penubuhan parti-parti atau menghidupkan semula parti.

Untuk menentukan parti kita dipulihkan semula, kita telah menyekat kemasukan mereka yang tidak berminat untuk memulihkan UMNO. Sudah tentu dalam keadaan di mana susunan rapi bagi parti belum selesai, kehadiran mereka ini akan menyukarkan proses pemulihan. Justeru itu, mereka ditinggalkan buat sementara waktu di luar parti.

Setelah kita memulihkan parti kita UMNO, daripada segi semangat keahlian, pentadbiran dan perlembagaan serta di sisi undang-undang, setelah kita mendapat sokongan daripada sebahagian besar daripada ahli UMNO yang setia, setelah kita mendapat pengiktirafan daripada orang Melayu umumnya dan pengundi Melayu khususnya, seperti yang dibuktikan daripada kejayaan kita dalam beberapa pilihanraya kecil,

maka kita telah membukakan pintu parti kita kepada semua bekas ahli parti yang belum menyertai UMNO dan juga semua orang Melayu lain. Kita tidak khuatir lagi dengan mereka ini sekarang walaupun semangat UMNO dan semangat perpaduan mungkin belum tertanam secukupnya dalam hati sanubari mereka.

Ahli yang setia, ahli yang bersemangat UMNO, ahli yang percaya kepada perpaduan Melayu akan menjamin kekuatan dan kejayaan UMNO. Kita percaya ahli yang setia dan bersemangat ini jauh lebih ramai dan lebih berwibawa daripada yang kurang bersemangat. Kita juga percaya mereka tidak akan berani mengulangi sesuatu yang akan menyebabkan UMNO dihukum tidak sah sekali lagi.

Undang-undang tubuh dan disiplin parti akan dikuatkuasakan ke atas semua yang menjadi ahli UMNO. Kita semua berada dalam UMNO kerana UMNO sahajalah yang mampu memberi perlindungan dan kejayaan kepada orang Melayu dalam negara yang berbilang kaum ini. UMNO sahajalah yang boleh menstabil dan mententramkan keadaan dalam negara kita Malaysia. UMNO sahajalah yang mampu menjamin keutuhan agama, bangsa dan negara, insya-Allah. Sejarah perjuangan orang Melayu membuktikan kebolehan UMNO ini.

Perlembagaan UMNO semenjak dahulu lagi memang mempunyai semua peruntukan untuk menyelesaikan sebarang masalah dan pertikaian dalam parti. Kita sedar bahawa perlembagaan parti tidak boleh mengatasi undang-undang negara. Memang benar ahli boleh mendakwa parti dan orang tertentu termasuk pemimpin-pemimpin di mahkamah. Tetapi, kita menjadi ahli parti dengan rela hati. Kita menjadi ahli parti kerana kita percaya kepada perjuangan parti. Kita menjadi ahli parti kerana kita yakin bahawa cita-cita kita ahli UMNO, bahkan cita-cita orang Melayu umumnya, boleh diperjuang dan dijayakan melalui gabungan tenaga dalam parti UMNO.

Kemasukan kita dalam parti bermakna kita menerima perlembagaan, tradisi dan cara-cara pentadbiran parti. Walaupun perlembagaan parti tidak boleh mengatasi undang-undang negara, tetapi apabila kita menyertai UMNO sebagai ahli, kita tentulah sanggup meletakkan diri kita di bawah perlembagaan parti. Ini bermakna bahawa kita mengutamakan kepentingan parti dan perjuangannya yang ditentukan melalui suara ramai.

Jika kita tidak bersetuju dengan suara ramai, maka tindakan yang harus diambil ialah menarik diri kita keluar daripada parti. Kita boleh menyertai parti lain atau menubuhkan parti kita sendiri. Tetapi di mana juga kita berada kita akan menghadapi masalah jika kita tidak sanggup menerima suara ramai dan cara-cara pengurusan parti. Pendek kata setiap orang yang menjadi ahli parti mestilah meletakkan dirinya di bawah kepentingan parti.

Perbuatan menghancurkan parti kerana kita tidak bersetuju dengan suara ramai, perbuatan membelakangkan jentera parti dan mencari penyelesaian di luar daripada parti, perbuatan menghalang perjalanan parti kerana kita tidak mendapat sesuatu untuk diri sendiri — semua ini menunjukkan kita tidak faham selok-belok berparti dan konsep suara ramai dalam parti yang demokratik.

Sebenarnya mengikut perlembagaan parti, tidak terdapat wakil yang tidak sah di Perhimpunan Agung 1987. Perlembagaan parti memberi kuasa kepada Majlis Tertinggi menentukan kesahihan wakil-wakil. Majlis Tertinggi telah memberi peluang sebelum Perhimpunan Agung 1987 untuk semua ahli UMNO membuat pengaduan tentang apa-apa masalah sebelum perhimpunan agung diadakan, supaya semua aduan dapat diputuskan mengikut peruntukan dalam perlembagaan parti.

Beberapa perkara telah dibangkitkan mengenai mesyuarat di peringkat cawangan dan bahagian sebelum Perhimpunan Agung 1987. Ini telah dibincang dan diputuskan oleh Majlis Tertinggi mengikut cara dan kuasa yang diberi kepadanya oleh perlembagaan parti. Dalam sebuah parti yang mempunyai lebih satu juta ahli dan 8,000 cawangan, adalah amat sukar, bahkan tidak mungkin bagi Majlis Tertinggi sendiri mengawasi setiap mesyuarat cawangan setiap kali diadakan. Akan ada beberapa orang yang keahliannya tidak sah yang menghadiri satu atau dua mesyuarat cawangan daripada 8,000 cawangan. Dengan itu mesyuarat cawangan itu menjadi tidak sah. Jika mesyuarat cawangan itu memilih wakil ke mesyuarat bahagian, maka mesyuarat bahagian pula menjadi tidak sah. Jika mesyuarat perwakilan bahagian itu memilih wakil ke perhimpunan agung UMNO, maka perhimpunan agung UMNO juga menjadi tidak sah.

Semuanya boleh jadi tidak sah termasuk parti juga kerana hanya satu-dua orang antara lebih sejuta ahli atau satu-dua orang yang mungkinpun bukan ahli UMNO, tetapi menghadiri mesyuarat cawangan dengan sengaja, atau mungkin dengan tujuan tertentu. Mengikut undang-undang yang ada, amat mudah bagi seseorang individu meniadakan hak sebilangan besar rakyat yang lain. Apakah ini demokrasi? Apakah erti suara ramai jika seorang dua boleh meniadakan hak satu juta orang lain?

Jika tindakan seperti ini digunakan, maka tidak akan wujud hak mereka yang ramai lagi. Siapa sahaja boleh mengharamkan mana-mana organisasi, sepertimana juga siapa sahaja boleh mendapat 'injunction' atau perintah mahkamah untuk menganggu perjalanan mana-mana pertubuhan.

Kita tidak menyalahkan mahkamah kerana membuat keputusan mengikut undang-undang. Memang rakyat, negara dan kerajaan juga mahu hakim dan mahkamah berpegang kepada undang-undang apabila memutuskan hukuman. Di zaman feodal, raja-raja dan hakim-hakim menggunakan budi-bicara mereka sendiri untuk memutuskan sesuatu kes dan mengenakan jenis dan bentuk hukuman yang difikirkan sebagai amat sesuai dengan jenayah yang dilakukan. Tetapi di zaman ini dan di negara kita, bukan sahaja kerajaan dan rakyat harus patuh kepada undang-undang, tetapi hakim juga harus patuh kepada undang-undang. Oleh yang demikian jika sesuatu itu menyalahi undang-undang maka hakim akan menghukum salah dan mengenakan hukuman mengikut undang-undang.

Jika tafsiran yang dibuat oleh hakim tidak seperti yang dikehendaki oleh rakyat, maka rakyat melalui wakil-wakil mereka boleh meminda undang-undang melalui parlimen. Rakyat tidak boleh membatalkan sesuatu hukuman yang sudahpun dibuat oleh

mahkamah mengikut undang-undang. Hanya mahkamah sahaja yang boleh membatalkan hukuman mahkamah yang lebih rendah daripadanya. Inilah proses undang-undang. Inilah 'Rule of Law'. Jika wakil-wakil rakyat boleh membatalkan keputusan mahkamah, maka sesiapa pun tidak akan percaya lagi kepada mahkamah.

Hari ini pintu UMNO terbuka luas untuk siapa saja menjadi ahlinya. Mereka yang telah menyebabkan parti kita diheret ke mahkamah pun sanggup kita terima. Mungkin mereka sekali lagi akan membuat angkara yang sama, tetapi kita tidak mahu sesiapa pun menuduh bahawa parti UMNO tertutup kepada orang Melayu tertentu. UMNO terbuka kepada semua orang Melayu, tetapi mana-mana parti politik juga memerlukan setiap ahli mereka menerima prinsip dan matlamat parti serta juga perlembagaan dan pentadbirannya. Memang ada peraturan-peraturan untuk meminda perlembagaan dan mengubah corak pentadbiran, bahkan kadang-kadang untuk menukar matlamat parti. Tetapi peraturan-peraturan ini mestilah dipatuhi sekiranya hendak membuat sebarang pindaan.

Apabila kita menjadi ahli sesuatu pertubuhan bermakna kita membuat satu perjanjian, satu kontrak untuk mengutamakan syarat-syarat keahlian kita dalam pertubuhan itu. Jika kita bertindak di luar daripada syarat-syarat perjanjian itu, maka kita mungkir janji dan orang yang mungkir janji akan hilang kepercayaan orang lain. Justeru itu setiap ahli UMNO mestilah patuh kepada syarat-syarat kontrak sebagai ahli.

Sebagai sebahagian daripada proses pemulihan parti, kita telah mengadakan mesyuarat-mesyuarat cawangan dan bahagian bertujuan antara lain memilih pemimpin-pemimpin cawangan dan bahagian. Majlis Tertinggi telah menasihatkan supaya pertandingan tidak diadakan untuk jawatan-jawatan tertentu.

Memanglah benar perlembagaan parti memberi hak untuk memilih pemimpin-pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian. Namun demikian, Majlis Tertinggi yang bertanggungjawab terhadap keutuhan dan kewibawaan parti perlu memberi nasihat supaya parti berada dalam keadaan sihat dan teguh.

Kita mendapati bahawa pemilihan pemimpin di masa-masa yang lampau ini sering membawa kepada perpecahan. Sesiapa juga yang dipilih dalam pertandingan, beliau tidak mungkin mendapat sokongan daripada semua pihak. Yang tidak menyokongnya akan kecewa dan mungkin mengasingkan diri. Ini akan menyebabkan kepimpinan orang yang terpilih itu menjadi lemah kerana terdapat ahli yang tidak sanggup merapatkan barisan di belakangnya selepas pemilihan.

Dengan itu, pemimpin yang terpilih akan kurang berkesan dan tidak akan berjaya memimpin parti di peringkat bahagian untuk menentukan kemenangan calon Barisan Nasional dalam pilihanraya. Apa gunanya menang menjadi pemimpin bahagian tetapi kemudiannya kerusi dewan undangan negeri atau parlimen bagi kawasan berkenaan jatuh ke tangan pihak lawan? Lebih buruk lagi jika di kebanyakan tempat berlaku perebutan kepimpinan, parti akan kalah dalam pilihanraya umum dan tidak

dapat membentuk kerajaan. Kita hendaklah ingat bahawa kemenangan dalam parti tidak bermakna, jika parti kita tidak mendapat kemenangan dalam pilihanraya umum.

Ada yang berpendapat bahawa calon-calon dalam pilihanraya akan datang ialah ketua-ketua bahagian. Juga ada yang berpendapat bahawa jika ketua bahagian tidak dipilih sebagai calon, maka ianya tidak akan menyokong calon lain yang dicalonkan. Fikiran seumpama ini adalah cetek kerana ketua bahagian yang dipilhupun mungkin tidak akan mendapat sokongan daripada semua ahli UMNO kerana ada yang kecewa dengan pemilihannya. Mungkin mereka ini tidak ramai tetapi mencukupi untuk mengurangkan undi sehingga kalah.

Sebab itulah Majlis Tertinggi telah menasihatkan supaya tidak ada pertandingan pada kali ini. Selepas pilihanraya, dan apabila pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian diadakan sekali lagi, pertandingan bolehlah diadakan semula. Pada ketika itu pilihanraya tidak akan terganggu, dan insya-Allah kita akan dapat memulihkan perpaduan dalam parti sebelum pilihanraya yang berikutnya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada bahagian-bahagian yang telah menerima nasihat Majlis Tertinggi, terutama calon-calon yang telah menarik diri daripada pertandingan kerana mahu menentukan bahagian dan parti tidak berpecah dan menjadi lemah. Kematangan UMNO dalam bidang politik terbukti sekali lagi.

Sekarang amatlah penting bagi kita semua menghentikan ugutan untuk tidak menyokong calon parti jika kita tidak dipilih sebagai calon. Kemenangan bergantung kepada semua pihak, bukan kepada satu kumpulan sahaja. Parti mestilah bebas memilih calon walaupun amalan payung terjun tidak popular. Sebagai seorang daripada anggota payung terjun dalam UMNO, saya sedar bahawa saya tidak akan berada di tempat ini kalau saya tidak dibenarkan terjun ke kawasan Kubang Pasu selepas kawasan terjun lama saya penuh dengan 'pengganas'. Namun amalan calon payung terjun tidak harus diamalkan terlalu kerap. Orang tempatan mesti diberi peluang.

Kita harus ingat bahawa tujuan pilihanraya diadakan ialah untuk membentuk kerajaan. Kerajaan dibentuk untuk kepentingan rakyat dan bukan untuk kepentingan kerajaan atau orang tertentu. Tetapi jika rakyat tersalah pilih, maka mereka akan mendapat kerajaan dan para pemimpin yang hanya asyik untuk berkuasa sahaja.

Kata pepatah barat, "A people deserves the Government it gets" atau lebih kurang maksudnya "Sesuatu bangsa mendapat Kerajaan yang padan bagi bangsa itu". Jika kita hendak kerajaan yang baik, kita akan dapat Kerajaan yang baik, tetapi jika kita sengaja memilih kerajaan yang buruk, kita akan mendapat Kerajaan yang buruk. Dalam sistem demokrasi terutamanya, rakyat tidak boleh menyalahkan sesiapa jika pemerintahan negara buruk kerana ia adalah pilihan rakyat sendiri.

Parti UMNO berjaya menubuhkan Kerajaan yang memerintah secara adil dan terbukti boleh membawa kebahagiaan kepada rakyat. UMNO ditubuhkan bukan kerana kita ingin menentukan si polan-si polan menjadi Perdana Menteri atau ingin

memberi orang tertentu pangkat dan pendapatan, atau menjadi calon. Oleh itu janganlah sesiapa cuba mencari kesempatan daripada UMNO. Kita tidak harus berhempas-pulas untuk mendapatkan tempat dalam UMNO. UMNO akan memberi tempat kepada mereka yang UMNO kehendaki mendapat tempat. UMNO berbuat demikian supaya mereka dapat menjayakan cita-cita UMNO, orang Melayu dan Malaysia.

Syukur Alhamdulillah, keadaan dalam negara kita, kemajuan yang dicapai, ketenteraman yang kita nikmati — semuanya menunjukkan rakyat berhati-hati dalam pemilihan kerajaan. Rakyat terus memberi kepercayaan mereka kepada UMNO dari masa Malayan Union hinggalah sekarang. Justeru itu UMNO, ahli-ahlinya dan pemimpin-pemimpinnya mestilah bertanggungjawab dan membuktikan bahawa kepercayaan rakyat kena pada tempatnya.

Malaysia bukanlah sebuah negara yang mudah ditadbir. Selain daripada mempunyai penduduk berbilang kaum, selain daripada dipisahkan dengan lautan yang luas, selain daripada mengamalkan sistem demokrasi yang sofistikated, kita sekarang terpaksa menumpukan perhatian kepada kesan-kesan pertumbuhan penduduk yang pesat.

Mungkin ada yang akan ketawa besar kerana matlamat kerajaan untuk meningkatkan penduduk sehingga menjadi 70 juta nampaknya berjaya terlalu awal. Tetapi saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa matlamat kita ialah 70 juta pada tahun 2100 iaitu 115 tahun daripada tarikh matlamat itu diumumkan. Sebenarnya berdasarkan perangkaan tahun 1985, kita perlu kurangkan kelahiran anak untuk mencapai 70 juta penduduk pada tahun 2100. Mengikut perkiraan yang kita buat angka 70 juta akan tercapai pada tahun 2030, iaitu 70 tahun lebih awal daripada tarikh yang kita anggarkan.

Sekarang ini jelas bahawa jika kita tidak berjaga-jaga, penduduk negara ini akan bertambah menjadi 70 juta lebih awal lagi. Peningkatan bilangan penduduk sekarang adalah lebih daripada 340,000 setahun atau 1 juta setiap tiga tahun. Ini bermakna kerajaan perlu meningkatkan perbelanjaan sekurang-kurangnya sebanyak 2% hingga 3% setahun untuk pembangunan infrastruktur dan keperluan-keperluan lain, selain daripada tambahan perbelanjaan biasa untuk pentadbiran, gaji dan pencen. Masalahnya ialah kerajaan tidak akan dapat membekalkan wang yang cukup melainkan ekonomi negara berkembang dengan pesat. Untuk menentukan ekonomi negara terus berkembang kita perlu kepada beberapa syarat dan fakta.

Syarat pertama yang penting ialah kestabilan politik. Tetapi ada sahaja pihak-pihak tertentu yang ingin menggugat kestabilan politik supaya ekonomi negara terjejas dan rakyat kurang yakin kepada kerajaan. Memandangkan akan kesan buruk ketidakstabilan politik, kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang cuba membangkitkan isu-isu kaum dan isu-isu lain yang sensitif.

Rakyat pula perlu faham bahawa demi kepentingan rakyat sendiri, mereka janganlah memberi galakan kepada pihak-pihak yang suka menggunakan isu sensitif untuk kepentingan politik mereka. Negara telah merdeka selama 32 tahun dan tidak

siapapun dapat menafikan bahawa rakyat sudah menjadi lebih makmur. Tidak banyak negara yang dahulunya dijajah setelah merdeka berjaya membangun dengan lebih pesat lagi daripada zaman penjajahan. Banyak negara menjadi lebih mundur, terutamanya kerana tidak ada kestabilan politik dan kerana tidak ada demokrasi yang memberi kuasa kepada rakyat bagi membolehkan mereka menggantikan kerajaan yang tidak berusaha untuk kesejahteraan mereka.

Bagi sesebuah negara yang membangun, demokrasi yang diamalkan tidak perlu terlalu liberal sehingga kerajaan menjadi kaku dan hanya ingin menjadi popular. Salah satu daripada kelemahan demokrasi ialah tuntutan terhadap kerajaan adalah berlebihan. Jika Kerajaan lemah dan cuba melayan semua tuntutan kerana ingin kekal sebagai kerajaan, negara akan menjadi bankrap. Unsur ini terdapat pada satu ketika dahulu apabila kerajaan berhutang terlalu banyak untuk perbelanjaan pengurusan dan pembangunan kerana pihak tertentu ingin menjadi popular. Jika amalan ini diteruskan, Malaysia mungkin termasuk dalam senarai negara-negara yang hampir bankrap. Sebab itu semenjak tahun 1984, kita telah mengurangkan perbelanjaan kita walaupun kerajaan menjadi tidak begitu popular .

Syarat yang keduanya ialah peningkatan bilangan penduduk memerlukan tambahan peluang-peluang pekerjaan setiap tahun. Dengan bilangan 17 juta rakyat dan pertumbuhan penduduk pada kadar lebih 2% kita memerlukan 340.000 peluang pekerjaan setiap tahun. Ini bukanlah suatu perkara yang mudah diadakan. Tetapi jika rakyat kita terkenal kerana rajin, tidak suka menimbulkan masalah, insya-Allah, kita bukan sahaja akan dapat menarik pelaburan dan mengadakan peluang-peluang pekerjaan yang banyak, tetapi pendapatan pekerja juga akan meningkat. Majikan tidak khuatir akan kenaikan gaji asalkan produktiviti meningkat dan dengan itu keuntungan juga meningkat bersama. Mereka yang suka menimbulkan suasana perusahaan yang menakutkan para pelabur bukanlah kawan para pekerja, jauh sekali kepada mereka yang menganggur. Mereka yang mudah mengugut akan merosakkan perkhidmatan dan menyusahkan rakyat jika tuntutan mereka tidak dilayan. Mereka ini sebenarnya melambatkan proses peningkatan pendapatan rakyat akhirnya. Amatlah tidak adil kita memburukkan nasib orang lain untuk memperbaiki pendapatan kita. Ketika kita menganggur dahulu kita berdoa untuk mendapatkan pekerjaan. Patutkah setelah kita mendapat pekerjaan kita membuat perkara yang menghalang orang lain daripada mendapat kerja?

Sebenarnya kerajaanlah yang menjadi kawan kepada para pekerja kerana Kerajaanlah yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan di dalam dan di luar Kerajaan. Insentif yang diberikan kepada para pelabur adalah bertujuan menambah peluang pekerjaan dan membantu gaji pekerja. Tidak ada sesiapa yang boleh menafikan bahawa jika tidak ada pelaburan maka tidak akan ada peluang pekerjaan. Bagaimanapun Kerajaan tidak boleh mengadakan peluang pekerjaan hanya untuk menampung pengangguran.

Dengan iklim perusahaan dipelihara dengan baik dan dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, Kerajaan akan mendapat cukai untuk menyediakan berbagai-

bagai kemudahan untuk rakyat. Pertumbuhan penduduk biasanya menyebabkan taraf hidup menurun. Tetapi, jika rakyat bekerjasama rapat dengan Kerajaan, insyaAllah taraf hidup rakyat tidak akan menurun, bahkan akan meningkat.

Sebagai sebuah parti politik yang bertanggungjawab, UMNO mesti memimpin rakyat ke arah kebahagiaan. UMNO mesti kekal sebagai teras kepada Barisan Nasional, kepada Kerajaan dan kepada negara. Renunglah ke hadapan dan jadikan parti kita sebagai contoh kepada rakyat. Janganlah kita kelirukan rakyat dengan bercakaran sesama sendiri, berebut-rebut untuk mendapat tempat dan menggunakan wang untuk kepentingan diri. Sebenarnya jika kita berebut-rebut, yang dikendong berciciran dan yang dikejar tidak dapat. Sia-sia sahajalah segala usaha kita.

Rakyat juga harus bertanggungjawab. Jika rakyat mudah dibeli dengan wang, jika rakyat menganggap demokrasi sebagai alat untuk membuat tuntutan yang berlebihan, maka akhirnya rakyat akan mendapat Kerajaan yang tidak bertanggungjawab dan yang akan berbelanja secara berlebih-lebihan untuk menjadi popular. Kerajaan yang hanya ingin popular akan bankrapkan negara.

Kerajaan telah menubuhkan sebuah majlis perundingan untuk membincangkan dasar ekonomi selepas 1990. Kita belum mengetahui apakah yang akan disyorkan oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara atau MAPEN. Wakil kita dalam MAPEN bertanggungjawab untuk menentukan keseimbangan tercapai dalam pembangunan ekonomi negara selepas 1990.

Selama 19 tahun kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, kita dapat mengenalpasti beberapa kelemahan yang menyebabkan orang Melayu dan bumiputera yang lain tidak mencapai kejayaan yang diharapkan. Penguasaan 20% daripada punca ekonomi moden untuk bumiputera sekarang ini adalah hasil usaha Kerajaan. Jika pada tahun 1991 kita menyerahkan kesemua aset ini kepada individu atau syarikat bumiputera, kita khuatir secara langsung dan tidak langsung, aset ini akan berpindah ke tangan bukan bumiputera. Dengan itu kita tidak akan mencapai apa-apa kejayaan yang boleh ditunjukkan sebagai hasil 20 tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan.

Sementara kita boleh menyalahkan pihak lain kerana pencapaian kita yang rendah dalam bidang ekonomi, kita juga harus memeriksa diri kita. Apakah kita tidak bersalah langsung?

Orang Melayu tidak suka kelemahan mereka didedahkan, tetapi hakikatnya ialah semua orang sering menyindir tentang kelemahan kita ini, bahkan mereka memeralatkan kelemahan ini sehingga menjejaskan Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu eloklah jika kita mengenalpasti kelemahan kita dan mengambil tindakan yang positif untuk mengatasinya.

Saya tidak berhajat menghuraikan semua kelemahan-kelemahan ini. Memadailah jika saya sebutkan bahawa antaranya ialah sikap-sikap dan nilai-nilai yang kita pegang dalam pengurusan kegiatan ekonomi kita. Selagi sikap-sikap dan

nilai-nilai kita tidak sesuai dengan pengurusan yang baik, selama itulah kita akan gagal.

Justeru itu, walau apapun bentuk dasar ekonomi selepas 1990, tumpuan mestilah diberikan kepada pembentukan sikap dan pengamalan nilai-nilai yang sesuai dengan pengurusan yang baik. Kita tidak lagi akan melantik pengurus bumiputera hanya kerana ia seorang bumiputera. Sebaliknya kita akan menentukan kebolehan dan keupayaannya terlebih dahulu. Kita akan memberi latihan amali walaupun terpaksa meletakannya di bawah pengurusan bukan bumiputera. Kita akan membuat penilaian yang teliti tentang kebolehannya, bukan sahaja dari segi pengetahuan tetapi lebih penting lagi daripada segi sikap dan nilai-nilai yang diamalnya. Mungkin proses ini akan memakan masa yang lama. Kita harus bersabar. Orang asing yang menjadi pengurus dalam perniagaan dan perusahaan mereka, biasanya sudah berumur sebelum diberi tanggungjawab yang berat. Terlalu ramai pengurus Melayu dan bumiputera yang muda dan yang tidak mencukupi pengalaman memegang jawatan-jawatan yang amat berat.

Yang penting bukan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru sebanyak 30% tetapi sama ada apa yang kita peroleh akan kekal dalam tangan bumiputera dan berpotensi untuk meningkat. Mereka yang melihat Dasar Ekonomi Baru sebagai peluang untuk kaya hari ini, walaupun akan bankrap esok hari, bukanlah orang yang boleh menajayakan hasrat dan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Jalan yang akan kita lalui mempunyai banyak ranjau. Insya-Allah kita akan melaluinya dengan mata yang terbuka dan perancangan yang kemas. Kita akan menambah usaha kita dan berserah kepada Allah Subhanahu Wataala. Kita adalah hamba Allah. Menyalahkan takdir adalah sama dengan menyalahkan Tuhan, jika kita tidak berusaha memperbaiki diri kita dan tidak berusaha sedaya upaya. Tambahkan unta itu dan berserahlah kepada Allah.

Cita-cita kita untuk meningkatkan maruah bangsa tidak akan tercapai dengan memaksa orang lain menghormati kita. Maruah bangsa adalah hasil daripada pencapaian bangsa itu. Bangsa yang bersusila, bersopan-santun, berhemah tinggi, berbudi bahasa, rajin dan terkenal kerana mengamalkan nilai-nilai yang mulia dengan sendirinya akan bermaruah tinggi. Kejayaan sesuatu bangsa amat mustajab dalam menentukan bangsa itu dihormati.

Mungkin kita berpendapat amat sukar bagi sesuatu bangsa mempunyai semua nilai yang ideal tadi. Tetapi tanpa memiliki semuapapun akan membawa sedikit sebanyak kejayaan yang diidami. Amatlah negatif kalau awal-awal lagi kita menolak kemungkinan kita memiliki nilai-nilai yang disebut itu tanpa mencuba.

Dalam sejarah manusia, berjaya atau tidaknya sesuatu bangsa itu bergantung kepada nilai-nilai yang dipegang dan yang diamalkan oleh bangsa itu.

Orang Melayu boleh memilih sama ada untuk mencapai kejayaan atau kehinaan. Dalam bidang politik apabila orang Melayu bersatupadu, mereka berjaya menewaskan

British. Tetapi apabila mereka berpecah-belah mereka jatuh satu demi satu. Demikian sejarah penjajahan Negeri-negeri Melayu.

Perpaduan orang Melayu wujud kerana tekanan daripada luar. Pada tahun 1946 orang Melayu tertekan dengan rancangan British mengambilalih Negeri-negeri Melayu. Dalam ketakutan, mereka bersatupadu dan menentang British. Tanpa senjata, tanpa wang, tanpa cerdik-pandai yang ramai mereka berjaya. Senjata mereka hanyalah perpaduan. Semangat yang ada pada tahun 1946 ialah semangat perpaduan, yang menyatupadukan bangsa tanpa mengira raja atau rakyat, daerah atau keturunan.

Sekarang ini kita menganggap kemerdekaan dan kuasa orang Melayu sebagai perkara biasa. Generasi muda terutamanya tidak dapat menggambarkan keadaan ketika dijajah. Demikian juga ketika kita dijajah, kita tidak dapat memikirkan bahawa kemerdekaan boleh dicapai oleh orang Melayu yang telah dijajah selama hampir 450 tahun. Oleh itu tuntutan kemerdekaan yang diusahakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merupakan satu inisiatif yang luar biasa. Ramai yang berkata ini adalah angan-angan besar Tunku Abdul Rahman yang akan tinggal sebagai angan-angan sahaja. Tetapi hari ini kita tahu apa yang dikatakan angan-angan itu sudah menjadi kenyataan.

Demikian juga kejayaan orang Melayu dalam bidang ekonomi. Pencapaian mereka tanpa bergantung kepada Kerajaan bukanlah sesuatu yang mustahil. Kita boleh berjaya dan berjaya dengan gilang-gemilang. Tetapi kita hendaklah terlebih dahulu mengakui bahawa kita memerlukan pengorbanan, kita perlu menukar sikap dan pegangan kita kepada nilai-nilai tertentu, kita perlu menyokong tindakan yang baik walaupun pedih, dan kita perlu menolak sogokan daripada mana-mana pihak untuk keuntungan jangka pendek.

Tidak ada jalan yang mudah untuk mencapai matlamat yang mulia. Kita perlu masa, yakni kita perlu bersabar, sambil bertekun menghadapi segala rintangan dan masalah.

Kerajaan tahu dan kita semua juga tahu bagaimana orang Melayu boleh berjaya, tetapi selalunya mereka yang berkepentingan suka menggunakan politik untuk menggagalkan usaha Kerajaan. Usaha mereka tidak akan berjaya jika rakyat tidak melayan orang seperti ini. Jika orang Melayu tidak mahu mengamalkan cara yang mereka tahu boleh membawa kejayaan, akhirnya kita akan menderita.

Negara kita belum lagi menjadi negara yang maju dan kaya. Tetapi ramai yang berlagak seolah-olah negara ini sudahpun menjadi negara maju seperti negara-negara di Eropah dan Amerika Utara. Ramai yang mendesak supaya Kerajaan membekalkan kemudahan-kemudahan yang bermutu tinggi. Kita hendakkan jalanraya, elektrik, air, sekolah, universiti, hospital, pelabuhan, lapangan terbang dan semua kemudahan lain yang terdapat di negara maju. Kita mahu meniru cara negara-negara maju. Kita hendak supaya bandar-bandar kita mempunyai taman yang besar dan indah, supaya bangunan-bangunan lama dipelihara, bangunan-bangunan baru tidak

terlalu padat dan kawasan lapang dan luas. Kita mahu hutan kita dipelihara, ampangan hidro-elektrik tidak dibina, industri kita lebih bersih daripada bersih.

Kita mahu rumah murah yang besar, mempunyai tiga bilik tidur lengkap dengan bilik mandi, satu standard yang lebih tinggi daripada rumah-rumah yang setaraf di negara-negara maju. Kita tidak suka rumah bertingkat-tingkat. Sebaliknya di negara-negara maju kebanyakan pekerja tinggal dalam sebuah bilik yang menjadi tempat tidur di waktu malam. Mereka tidak memiliki tempat tinggal sendiri, hanya sekadar menyewa. Apabila pendapatan sudah meningkat dan mereka berkahwin, barulah mereka berpindah ke tempat tinggal dua bilik. Peratusan rakyat negara maju yang memiliki rumah sendiri amatlah rendah berbanding dengan pendapatan tinggi yang mereka perolehi.

Tetapi di Malaysia kita mengeluh jika rumah murah tidak ada tiga bilik tidur, tidak ada halaman, tidak ada pintu belakang, tidak ada lif yang cukup besar untuk mayat dan lain-lain lagi. Sebenarnya dengan harga \$25,000 kita tidak mungkin mampu membeli sebuah bilikpun di kebanyakan negara-negara maju dan juga negara-negara tidak maju.

Semuanya adalah soal sikap dan nilai. Jika kita sanggup bersusah sedikit, jika kita tidak selalu menuntut berlebih-lebihan, kita tidak akan berasa tertekan dan terdesak. Kita akan mudah bersyukur seperti yang dituntut oleh agama kita. Kita tidak akan mudah dihasut dan bertindak tanpa memikir dengan lebih jauh dan mendalam. Kita tenang dan akan sanggup menghadapi cabaran hidup dengan jiwa yang teguh. Allah Subhanahu Wataala telah berjanji, jika kita bersyukur kita akan mendapat lebih banyak nikmat lagi.

Sistem demokrasi kita sekarang memberi hak kepada kita mendesak kerajaan yang kita pilih. Tetapi apabila desakan menjadi ugutan, cara ini tidak demokratik lagi. Apabila kita menyalahgunakan hak demokrasi kita, maka kita tidak akan mendapat nikmat daripada demokrasi. Demokrasi boleh membawa kebahagiaan jika kita tahu menggunakan demokrasi dengan baik. Oleh itu berhati-hatilah menggunakan hak demokrasi. Janganlah kita menggunakan demokrasi untuk menekan pihak berkuasa supaya memberi apa yang tidak mampu diberikan.

Sebelum bulan April 1991, kita akan menghadapi pilihanraya. Menjelang pilihanraya kita akan digoda dan dinoda oleh orang tertentu. Mereka akan menjolok perasaan kita sehingga kita akan berasa marah dan tidak lagi dapat menimbang sesuatu dengan fikiran yang waras. Ingatlah apa yang telah terjadi kepada kita apabila kita disogok dengan fitnah dan tuduhan yang tidak berasas. Pepatah Inggeris berkata, "Beware of Greeks bearing gifts" atau "Berjaga-jagalah apabila orang Greek membawa hadiah". Wilayah Troy telah jatuh ke tangan orang Greek kerana mereka menerima hadiah kuda kayu yang diberi oleh orang Greek. Demikian juga dengan orang yang akan datang ketika pilihanraya untuk membuat janji-janji yang memikat nafsu kita. Mereka sanggup membuat apa juga janji kerana mereka tahu mereka tidak akan dapat menubuhkan Kerajaan yang akan bertanggungjawab menunaikan janji-janji itu. Mereka berharap akan menang di beberapa kawasan untuk kepentingan diri mereka sahaja.

Apabila parti kita UMNO dihukum tidak sah oleh mahkamah, kita terpaksa menghadapi bermacam-macam kesulitan, dan masalah. Kita bukan sahaja perlu mendaftarkan semula parti kita, tetapi kita juga terpaksa menyusunsemula parti supaya ia dapat bergerak seperti dahulu. Ahli-ahli Majlis Tertinggi yang asal telah berusaha menubuhkan semula badan perhubungan negeri, bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan. Ahli-ahli lama terpaksa dicari untuk menghidupkan semula cawangan-cawangan yang menjadi tunjang politik parti di kampung-kampung.

Untuk mengelak daripada tindakan-tindakan yang boleh mengharamkan parti sekali lagi, pendaftaran ahli terpaksa dibuat di peringkat pusat dengan menggunakan komputer. Tanggungjawab yang lebih berat terpaksa dipikul oleh ibu pejabat parti. Parti bukan sahaja memerlukan ahli, tetapi lebih penting lagi ialah simpati dan sokongan yang diberikan kepada parti oleh orang ramai. Kita bernasib baik kerana telah ada beberapa pilihanraya kecil untuk menguji sokongan rakyat berbilang kaum kepada parti kita. Alhamdulillah, daripada lapan pilihanraya kecil, enam membuktikan pengiktirafan dan sokongan rakyat kepada parti kita. Yang dua lagi pula tidak menunjukkan bahawa terdapat sokongan yang bermakna daripada orang Melayu kepada pihak lain yang mendakwa mereka mewarisi UMNO.

Malangnya masalah kita tidak selesai hanya dengan kejayaan kita mendapat pengiktirafan majoriti ahli UMNO dan orang Melayu serta kaum-kaum lain, bahawa parti kita adalah penyambung dan pewaris kepada UMNO yang telah dihukum tidak sah oleh mahkamah. Masalah yang belum dapat kita atasi ialah pengambilan balik harta dan pentadbiran harta UMNO daripada Pemegang Harta. Semua harta dan saham serta wang tunai UMNO berada dengan Jabatan Pemegang Harta. Kita tidak boleh sentuh walau satu senpun. Kita tidak boleh menggunakan bangunan kita sendiri tanpa membayar sewa. Walaupun hutang kita juga diambilalih, tetapi harta yang kita sudah bayar sepenuhnyapun bukan kita punya. Pusat Dagangan Dunia Putra dengan Dewan Merdeka di mana kita berada inipun bukan milik kita lagi.

Masalah mendapat balik harta kita ini amat sukar diusahakan kerana bilangan keahlian UMNO dahulu yang sering kita sebut sebagai 1.4 juta sukar dibuktikan. Walaupun kita tahu daripada 1.3 juta ahli UMNO sekarang, lebih 900,000 adalah ahli lama, tetapi bukti keahlian 900,000 ini sukar didapati untuk diterima oleh mahkamah.

Beban yang kita terpaksa pikul kerana orang yang mengheret kita ke mahkamah amatlah berat. Sepatutnya kita tidak memaafkan mereka. Tetapi kita sanggup membendung perasaan kita. Walaupun berkali-kali kita dikecam dan berbagai-bagai tuduhan dibuat, kita bersabar. Yang utama bagi kita ialah perpaduan semula orang Melayu dalam UMNO. Justeru itu kita telah membuka dengan seluas-luasnya pintu UMNO. Kita terima semua mereka yang ingin menyertai pertubuhan kita dengan tidak mengambilkira latarbelakang dan peranan mereka dalam menyeret UMNO ke mahkamah. Ramai daripada mereka yang dahulu tidak bersetuju dengan UMNO di bawah kepimpinannya sekarang, telah kita terima dengan hati terbuka dan kita akan terus menerima dan berusaha supaya mereka merujuk semula kepada UMNO.

Baru-baru ini kita terperanjat dengan kenyataan yang dikatakan dibuat oleh Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman. Walaupun pada mulanya ramai pemimpin dan ahli UMNO berasa amat marah tetapi kita berjaya membendung rasa kecil hati kita. Sebaliknya kita bertenang dan mengambil jalan yang lebih matang iaitu dengan cara berbincang dari hati ke hati dengan Yang Teramat Mulia Tunku sendiri.

Pemuda yang biasanya lekas marah telah mengambil langkah pertama di bawah pimpinan Ketua Pemuda, Yang Berhormat Dato Najib Tun Razak. Mereka berjaya bertemu dengan Yang Teramat Mulia Tunku dan berbincang dengan beliau dalam suasana muhibah. Walaupun perjumpaan itu tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh UMNO dan orang Melayu, ia berjaya meneroka satu pendekatan yang lebih waras. Pemuda juga berjaya menjelaskan pendirian Pemuda dan UMNO dan Tunku pula dapat menyampaikan niat dan cita-cita beliau kepada Pemuda, berhubung dengan perpaduan orang Melayu dan peranan yang harus dimainkan oleh UMNO.

Pihak Majlis Tertinggi telah mendengar laporan Ketua Pemuda dan bersetuju supaya Wanita UMNO juga turut berjumpa dengan Yang Teramat Mulia Tunku. Seperti mana kita semua maklum, perjumpaan Wanita dengan Tunku juga diadakan dalam suasana muhibah. Dalam perjumpaan itu Yang Teramat Mulia Tunku telah menyatakan kesanggupan beliau menghadiri Perayaan Wanita UMNO pada 15hb. November dan juga untuk menghadiri Perhimpunan Agung UMNO pada hari ini.

Pada 11hb. November pula, saya telah diterima bertemu Yang Teramat Mulia Tunku, yang saya hormati sebagai bekas Presiden UMNO, sebagai bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama, sebagai Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia. Sudah tentu saya menghormati Tunku sebagai orang yang lebih tua daripada saya, kerana ini adalah adat bangsa Melayu, lebih-lebih lagi Tunku adalah daripada keluarga Di-Raja negeri saya.

Saya berpeluang mendengar pandangan Tunku berkenaan dengan perpaduan orang Melayu dan berkenaan kedudukan dan hak kaum-kaum di Malaysia. Saya juga berpeluang menjelaskan sedikit-sebanyak berkenaan dengan kedudukan UMNO sekarang dan bagaimana Parlimen tidak berkuasa membatalkan hukuman yang telah dibuat oleh mahkamah.

Pertemuan yang diadakan itu membuka peluang untuk perbincangan-perbincangan di masa hadapan dalam usaha mententeramkan lagi keadaan politik di Malaysia, khususnya di kalangan orang Melayu. Saya yakin bahawa Yang Teramat Mulia Tunku dapat memainkan peranan sebagai orang tengah yang tidak memihak kepada mana-mana pihak, tetapi hanya kepada keseluruhan orang Melayu dan negara Malaysia. Insya-Allah perjuangan UMNO untuk menyatupadukan orang Melayu akan berhasil dengan pertolongan Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Malaysia mempunyai masa hadapan yang cerah. Kita telah membuktikan kemampuan kita mentadbir dan membangunkan negara kita ini. Kita mempunyai

rancangan yang teratur yang memberi tekanan kepada semua aspek pembangunan; rohani dan jasmani, dunia dan akhirat. Kita yakin kita mampu melaksanakan rancangan kita dengan sempurna dan berkesan. Kita bukan komunis, atau sosialis atau kapitalis. Kita tidak ekstrim; yang jernih kita terima, yang keruh kita buang. Kita tidak terkongkong dengan apa-apa ideologi. Kita mengakui kelemahan yang ada pada kita dan kita cuba mengatasi kelemahan ini. Yang kita hendak ialah supaya semua rakyat Malaysia hidup bahagia, terpelihara daripada segala mala-petaka ciptaan manusia dan dihormati oleh dunia.

Rancangan-rancangan Kerajaan dan pengurusannya telah membuktikan kemampuan kita mengatasi tekanan kemelesetan ekonomi dunia dan membawa negara ke era kemajuan sekali lagi. Kita yakin kita dapat, insya-Allah, meneruskan rancangan kita untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang maju dengan penduduk yang berhemah tinggi dan menikmati kehidupan yang sempurna.

Kita yakin keadaan tidak seimbang antara kaum di Malaysia akan dapat kita atasi sedikit demi sedikit tanpa menjejaskan pembangunan negara. Tetapi semuanya terpulang kepada rakyat. Dalam negara yang tidak demokratik sekalipun kemajuan negara banyak bergantung kepada sikap rakyat. Inikan pula negara kita yang demokratik. Rakyat boleh menentukan stabil atau tidak stabil, maju atau tidak majunya negara ini.

Kerajaan dan pemimpin parti boleh memberi panduan dan merancang. Kerajaan hanya boleh berusaha. Tetapi akhirnya rakyat yang akan menentukan nasib mereka dan nasib negara.

Dunia sekarang mengiktiraf dan menerima kemampuan Malaysia mengadakan pemerintahan yang berkesan dan mampu mengatasi masalah kemelesetan ekonomi dan pergolakan politik. Dunia tidak lagi memandang rendah terhadap Malaysia. Pendek kata, usaha kita untuk mempertingkatkan maruah agama, bangsa dan negara sudah mula berhasil.

Malaysia adalah sebuah negara majmuk. Agama Islam diterima sebagai agama rasmi negara, tetapi agama-agama lain bebas diamalkan oleh penganut-penganutnya.

Agama Islam memberi kelonggaran dalam berbagai-bagai perkara dan mengam-bilkira keadaan semasa. Dalam pentadbiran, yang penting ialah keselamatan dan kesempurnaan masyarakat. Inilah yang dilakukan oleh Kerajaan.

Di Malaysia pentadbiran Kerajaan tidak bertentangan dengan lunas-lunas Islam dan Kerajaan mengam-bilkira keadaan semasa, termasuklah keadaan di mana ramai daripada rakyat negara ini bukan beragama Islam. Perhubungan antara orang Islam dengan bukan Islam di negara ini adalah baik dan keadaan ini mestilah dikekalkan. Alhamdulillah, Malaysia terkenal sebagai sebuah negara Islam di mana rakyat majmuknya hidup dalam keadaan aman dan damai, dan pembangunan negara berjalan dengan baik. Kita tidak boleh berbangga dengan kelslaman negara jika bukan sahaja pembangunan tidak ada tetapi rusuhan dan peperangan juga berlaku.

Dalam usaha kita mengembangkan syiar Islam, kita akan sentiasa bersikap liberal dan toleran dan seperti mana yang dikehendaki oleh agama Islam tidak akan menggunakan sebarang paksaan. Antara usaha-usaha yang kita laksanakan ialah penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan kehidupan harian kita. Insya-Allah, dengan kejujuran dan keikhlasan, usaha-usaha kita ini akan memperolehi kejayaan.

Hari ini kita boleh berbangga dengan negara kita Malaysia. Apabila kita melihat bendera Malaysia yang tersergam indah berkibar di atas tiang yang tinggi mencakar langit, satu perasaan datang kepada kita, perasaan bersyukur bercampur bangga. Kita tidak lagi rasa terhina kerana kemunduran kita. Ini bendera kita. Ini ibukota kita. Ini negara kita dan kita berdiri megah dalam masyarakat dunia. Insya-Allah, dengan perpaduan dan kematangan kita, akan kita majukan lagi negara yang tercinta ini.

Marilah kita jayakan Perhimpunan Agung kita ini. Marilah kita kukuhkan lagi semangat dan tekad kita dalam menghadapi segala cabaran dan rintangan demi agama, bangsa dan negara. Marilah kita sama-sama berdoa agar perjuangan murni UMNO direstui Allah Subhanahu Wataala.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG AKTA PERTUBUHAN
(PINDAAN) 1989 (BACAAN KALI KEDUA)
DI DEWAN RAKYAT, 13HB. DISEMBER, 1989

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta Suntuk meminda Akta Pertubuhan 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Parti politik adalah pertubuhan yang berbeza daripada pertubuhan-pertubuhan lain. Ia tidak ditubuh dan diwujudkan kerana hanya kepentingan ahli-ahlinya.

Tujuan sesebuah parti politik ialah untuk berusaha supaya fahaman atau ideologi parti itu dapat akhirnya mempengaruhi cara dan matlamat pemerintahan sesebuah negara. Dengan itu sama ada bilangan ahli parti politik tertentu itu kecil atau besar, kesan perjuangannya akan melibatkan semua rakyat dan seluruh negara. Semua bidang kemasyarakatan, iaitu politik, sosial dan ekonomi negara akan menerima kesan kegiatan sesuatu parti politik.

Dalam negara demokratik, seperti Malaysia, tidak ada sekatan terhadap penubuhan parti politik melainkan jika ianya bertujuan menghapuskan sistem demokrasi atau bertujuan mencetuskan huru-hara dalam negara. Sebab itulah parti komunis tidak dibenarkan di negara kita. Jika terdapat terlalu banyak parti politik, ini juga akan menjejaskan demokrasi kerana ia boleh menjadikan keadaan dalam negara tidak stabil dengan memecah-belahkan rakyat sehingga tidak ada parti yang boleh memerintah.

Dalam sistem pemerintahan di negara ini tidak ada paksaan terhadap rakyat untuk menyertai mana-mana parti politik. Setiap orang bebas memilih untuk menjadi ahli mana-mana parti politik mengikut selera dan kehendaknya. Jika ideologi, dasar dan matlamat sesebuah parti diterima dan dipercayai oleh seseorang, ia boleh menjadi ahli atau penyokong parti itu. Jika ia berpendapat ideologi, dasar, perjuangan, matlamat atau urusan parti tidak seperti yang dikehendaknya ia tidak perlu menyertai atau menyokong parti itu. Jika ia sudah menjadi ahli dan kemudian tidak lagi dapat menerima perjuangan, cara atau pentadbiran parti itu, ia bebas keluar daripada parti tersebut.

Parti-parti politik mempunyai perlembagaan dan undang-undang kecilnya yang menentukan perjuangan serta pentadbiran parti. Jika seseorang menjadi ahli parti ia mestilah menerima perlembagaan dan undang-undang kecil parti. Seseorang itu tidak

boleh memaksa sesebuah parti meminda undang-undang parti supaya ia boleh menyertainya.

Perlembagaan parti serta undang-undang kecilnya bukanlah sesuatu yang tidak boleh dipinda sama sekali. Ia boleh dipinda dan cara-cara memindanya boleh dibuat melalui peruntukan perlembagaan parti yang tentulah menitik-beratkan pandangan ahli-ahli. Jika ahli-ahli menerima secara majoriti atau secara konsensus, pindaan boleh dibuat. Jika ahli-ahli tidak menerima maka yang kecewa bolehlah meninggalkan parti dan membuat apa sahaja di luar parti. Tetapi tentulah tidak demokratik dan tidak adil bagi mana-mana ahli atau kumpulan minoriti untuk memaksa parti melalui proses lain supaya menerima juga pendapat mereka.

Seperti pertubuhan-pertubuhan lain kegiatan parti politik tertakluk kepada perlembagaannya yang juga terkandung dalamnya segala dasar dan matlamat perjuangan parti. Untuk menentukan parti dapat berjalan dengan berkesan satu badan pengurusan yang dianggotai oleh pegawai-pegawai ini juga dibuat melalui peruntukan dalam perlembagaan parti. Demikian juga pemberhentian pegawai-pegawai ini boleh dibuat melalui peruntukan dalam perlembagaan parti.

Selagi pegawai-pegawai ini tidak diberhentikan mengikut proses perlembagaan parti, mereka berhak meneruskan tugas-tugas mereka sebagai pegawai. Jika mereka disekat melalui proses di luar perlembagaan parti, perbuatan ini tentulah bukan sahaja bertentangan dengan perlembagaan parti tetapi juga menghinakan ahli-ahli parti yang mendokong perlembagaan parti. Tindakan ini juga mencabul demokrasi dalam parti.

Jika sesuatu tindakan itu disokong oleh majoriti ahli-ahli parti, mustahil golongan minoriti atau seseorang individu boleh menyekat kehendak pihak majoriti. Walaupun seseorang itu memegang jawatan yang tertinggi atau kumpulan minoriti itu terdiri daripada badan yang menguruskan parti, mereka tidak mungkin membelakangkan kehendak majoriti selama-lamanya. Jika mereka cuba juga, majoriti ahli akan menyingkirkan mereka.

Dengan perkataan lain sesebuah parti politik mempunyai semua peruntukan untuk menentukan cara parti diperjuangkan. Jika ada penyelewengan ia tidak mungkin berlarutan. Pada akhirnya jika tidak ada jalan lain, ahli-ahli boleh bertindak dengan menarik diri daripada parti sehingga parti itu tidak lagi boleh menjadi parti yang berkesan.

Dalam sesebuah negara yang demokratik dan mengamalkan pemerintahan mengikut undang-undang, rakyat diberi hak untuk membawa segala rintihan dan masalah ke mahkamah untuk mendapatkan penyelesaian. Ini memang adil dan berasas. Tetapi penyelesaian melalui mahkamah adalah cara yang terakhir, selepas cara-cara yang lain gagal. Jika semua masalah dan rintihan rakyat dibawa ke mahkamah untuk penyelesaian, pemerintahan tidak mungkin mengadakan bilangan mahkamah yang mencukupi.

Salah satu daripada undang-undang yang boleh diguna oleh orang-orang yang menghadapi masalah ialah dengan mendapat perintah mahkamah atau "injunction" untuk menyekat pihak-pihak lain daripada membuat sesuatu yang boleh merugikan atau ternampak seolah-olah merugikan pengadu. Sesuatu yang istimewa dalam amalan "injunction" ini ialah pihak yang didakwa tidak perlu dipanggil untuk mempertahankan dirinya. Melalui "ex parte injunction" hukuman boleh dibuat yang tidak memberi hak kepada pihak lain untuk mempertahankan diri atau "right to be heard" – sesuatu prinsip yang utama dalam sistem demokrasi dan pemerintahan mengikut undang-undang.

Dengan ini "injunction" boleh didapati tanpa pengetahuan pihak yang menjadi sasaran dan ia dihalang daripada membuat sesuatu yang belum tentu salah. Dengan ini pihak yang mendakwa akan mencapai objektifnya untuk beberapa masa tertentu walaupun akhirnya setelah mendengar penjelasan daripada pihak yang didakwa maka didapati yang didakwa tidak bersalah.

Seseorang boleh mendapat "injunction" pada hari Sabtu untuk menghalang sesuatu yang akan dilakukan pada keesokan hari iaitu hari Ahad. Pihak yang terhalang tidak berpeluang untuk membatalkan "injunction" kerana hari Ahad adalah hari cuti. Proses membatalkan "injunction" pula tidak secepat proses mendapat "injunction". Ia memakan masa yang panjang dan mungkin tidak bermakna lagi bila ianya didapati.

Akhir-akhir ini ramai ahli politik yang membuat dakwaan di mahkamah atau meminta supaya "injunction" dikeluarkan untuk menyekat pihak lain. Akibatnya ialah perlembagaan parti disia-siakan dan jentera penyelesaian masalah dalam parti menjadi tidak berguna. Kesannya juga ialah seseorang ahli boleh meniadakan hak majoriti ahli yang kadang-kadang berjumlah berjuta.

Kesalahan teknikal, seperti kehadiran seseorang ahli yang tidak sah atau seseorang yang bukan ahli dalam sesuatu mesyuarat cawangan, boleh menjadikan sesebuah parti yang mempunyai sejuta ahli tidak sah. Dengan itu juga segala harta parti akan diambil-alih oleh pihak berkuasa, dan proses yang amat rumit perlu dilalui untuk mengesahkan semula parti. Berbagai halangan politik boleh dibuat oleh pihak yang berkepentingan semasa parti dihukum tidak sah. Jelas sekali banyak keuntungan boleh diperolehi oleh orang-orang yang ingin menghalang perjalanan sesebuah parti politik.

Jika demokrasi ditakrif sebagai suara ramai, maka amatlah tidak demokratik dan tidak adil jika seseorang boleh meniadakan hak sejuta orang. Mengikut undang-undang yang ada sekarang ini, kemungkinan ini berlaku bukan sahaja memang ada tetapi juga boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja. Seseorang yang berniat buruk boleh dengan sengaja menghadiri mesyuarat satu cawangan yang terpencil secara tidak sah dan kemudian menggunakan kehadirannya sebagai bukti mesyuarat itu tidak sah. Jika mesyuarat cawangan itu memilih wakil ke mesyuarat bahagian, maka mesyuarat bahagian pula menjadi tidak sah dengan tidak diketahui oleh bahagian itu.

Jika dari mesyuarat bahagian itu wakil-wakil dipilih ke mesyuarat agung parti,

seperti yang berlaku kepada UMNO, maka mesyuarat agung itu menjadi tidak sah dan segala perlantikan oleh mesyuarat agung menjadi tidak sah. Akhirnya parti itu boleh dihukum tidak sah sepertimana yang telah berlaku kepada UMNO. Demikianlah undang-undang yang ada sekarang dan kesannya terhadap perjalanan parti politik.

Seseorang yang menjadi ahli parti politik menjadi ahli atas pilihannya sendiri. Permohonannya untuk menjadi ahli dan perasmian kemasukannya sebagai ahli parti bermakna ia membuat suatu perjanjian atau kontrak dengan parti — iaitu akan mematuhi syarat-syarat keahlian yang sudah tentu termasuk penerimaan perlembagaan dan undang-undang kecil parti. Jika ia membelakangkan perlembagaan parti dan undang-undang kecil parti, ia sebenarnya mengkhianati kontraknya. Apakah undang-undang negara harus melindungi orang yang mengkhianati kontrak dan janji? Apakah akan jadi kepada masyarakat jika orang yang mungkir janji dipertahankan, sementara orang yang mematuhi janji dirampas hak mereka? Apakah ini yang dikatakan keadilan?

Undang-undang digubal untuk kebaikan dan kita mematuhi undang-undang kerana kita menerima pemerintahan berundang-undang atau "rule of law". Malangnya setiap kali kita menggubal undang-undang, ada sahaja orang yang sengaja mencari peluang atau "loophole" dan mengambil kesempatan untuk membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan maksud dan tujuan undang-undang itu. Demikianlah ketaranya usaha ini sehingga maksud undang-undang itu tercapai dan sebaliknya ia membawa ketidakadilan kepada pihak yang ia sepatutnya melindungi.

Oleh kerana kita tidak boleh membelakangkan undang-undang maka undang-undang yang menyebabkan ketidakadilan mestilah dihapus atau dipinda. Undang-undang pertubuhan yang ada sekarang ini sudah menjadi undang-undang yang tidak adil kepada parti politik dan ahli-ahlinya.

Pindaan yang dikemukakan ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada parti politik menyelesaikan masalah dalam parti tanpa dirujuk ke mahkamah. Parti politik mestilah mempunyai jentera untuk tujuan mentadbir parti secara adil. Perlembagaan parti mestilah diterima dan diluluskan oleh majoriti anggota parti sama ada secara langsung atau melalui perwakilan. Sesiapa yang menjadi ahli parti mestilah menganggotai parti dengan penuh kesedaran dan penerimaan akan perlembagaan parti. Kemasukannya secara rasmi mestilah dianggap sebagai satu kontrak di antaranya dengan parti. Penarikan diri daripada parti hendaklah tertakluk kepada perlembagaan parti.

Jika parti berpendapat ia tidak lagi layak menjadi ahli, parti, melalui badan-badan tertentu yang diberi kuasa oleh parti, bolehlah menyingkirkannya. Jika ia berpendapat tindakan terhadapnya tidak adil, ia mesti menggunakan saluran parti untuk mendapat keadilan. Penyingkirannya oleh pihak yang berkuasa dalam parti mestilah diterima sebagai tindakan yang sah. Jika badan yang berkuasa dalam parti membuat tindakan yang tidak dipersetujui oleh majoriti daripada ahli, maka pihak majoriti berpeluang

melalui cara-cara tertentu dalam parti menggantikan badan yang berkuasa dalam parti itu dengan orang-orang lain yang boleh membatalkan keputusan yang telah dibuat oleh badan tersebut dan melucutkan kuasanya.

Dengan cara ini, seseorang yang menjadi ahli boleh mendapat keadilan tanpa merosakkan parti dan mengeneipkan hak ahli-ahli lain. Cara ini adalah lebih demokratik dan lebih adil kepada semua pihak. Jika seseorang berpendapat ia tidak mungkin mendapat keadilan daripada sesebuah parti politik, maka ia tidak harus menyertai parti itu. Parti yang tidak ada perlembagaan yang adil tidak akan menarik ramai ahli. Dengan itu ia tidak akan berkesan dan penyertaan di dalamnya tidak berguna kepada sesiapa.

Sebaliknya perlembagaan parti boleh dipinda oleh mana-mana ahli melalui saluran yang ada dan cara-cara yang ditentukan. Jika ia tidak berjaya meminda perlembagaan parti, ia harus menerima keagalannya itu. Jika ia tidak dapat menerima kegagalan itu, maka ia boleh menarik diri daripada parti. Jika ia mempunyai pengikut, ia boleh menubuhkan sebuah parti baru dengan bentuk perlembagaan yang ia suka.

Pindaan undang-undang Pertubuhan ini akan menolong proses keadilan bagi pihak-pihak lain juga. Sekarang ini terdapat lebih daripada setengah juta kes yang perlu didengar oleh mahkamah. Oleh kerana kes-kes politik dan "injunction" biasanya mendapat "priority", kes-kes lain terganggu dan lewat dibicarakan oleh mahkamah. Perpatah Inggeris berkata "Justice delayed is justice denied" atau "keadilan yang dilewatkan berarti ketidakadilan berlaku". Kes-kes parti politik yang banyak bermakna kes-kes lain dilambat-lambatkan dan ketidakadilan berlaku.

Dengan pindaan ini mahkamah-mahkamah bolehlah menumpukan tenaga dan masa kepada perbicaraan kes-kes lain dan dapat mengurangkan kes-kes yang tertangguh. Dengan itu pihak-pihak lain yang menunggu begitu lama untuk penyelesaian kes-kes mereka akan mendapat keadilan.

Pindaan ini tidak menyelamatkan parti politik daripada undang-undang lain. Jika parti politik melakukan jenayah atau melanggar undang-undang negara, tindakan undang-undang boleh dikenakan. Jika pemimpin-pemimpin parti politik menyalahgunakan kuasa atau terlibat dengan rasuah atau melakukan apa-apa jenayah, tindakan boleh dan akan diambil. Pindaan ini hanya menghalang ahli-ahli parti daripada memeralatkan proses kehakiman untuk mencapai tujuan politik dirinya atau kumpulannya dalam urusan dan masalah parti semata-mata. Ahli-ahli parti masih boleh melaporkan kepada pihak berkuasa sebarang jenayah sekiranya ia mempunyai bukti perkara itu berlaku dalam parti oleh mana-mana anggota parti. Pihak berkuasa tidak kehilangan hak untuk menyelidik dan memeriksa parti atau anggota-anggotanya jika ada tuduhan yang berasas dan munasabah bahawa undang-undang negara telah dicabul.

Pindaan kepada undang-undang Pertubuhan ini terhad hanya kepada

pentadbiran dan perjalanan parti politik sebagai parti politik. Ia akan menghalang penggunaan proses kehakiman untuk kepentingan politik ahli-ahli atau pemimpin-pemimpin parti politik. Ia akan membebaskan mahkamah daripada membuat keputusan-keputusan politik. Mahkamah dan sistem kehakiman tidak lagi dapat diperalatkan oleh orang-orang politik untuk mencapai kepentingan diri mereka sendiri.

Saya mohon mencadangkan.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG AKTA
PILIHANRAYA (PINDAAN) 1990 DI DEWAN RAKYAT
15HB. MAC, 1990

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1958 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang Akta Pilihanraya (Pindaan) 1990 adalah bertujuan untuk meminda Akta Pilihanraya 1958 bagi maksud-maksud berikut:

- a) meminda takrif "tempat mengundi" bagi memperluaskan penggunaannya sebagai tempat mengira undi;
- b) memberi kuasa kepada Ketua Tempat Mengundi menolak kertas-kertas undi yang tidak sah atau tidak boleh diterima, dan
- c) meminda istilah yang terdapat dalam teks Bahasa Malaysia daripada "Pegawai Pengetua" kepada "Ketua Tempat Mengundi".

Sukacita saya mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini latarbelakang dan asas pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini. Suruhanjaya Pilihanraya telahpun menjalankan sistem pengiraan undi yang dipusatkan (centralise counting) semenjak pilihanraya dijalankan di negara ini. Selaras dengan kemajuan negara kita daripada segi perhubungan, pengurusan serta kemudahan-kemudahan lain, maka Suruhanjaya Pilihanraya berpendapat sistem yang telah berjalan semenjak beberapa lama ini perlu dipinda dan digantikan dengan sistem yang baru, iaitu pengiraan undi di tempat mengundi.

Mengikut sistem pengiraan undi yang dicadangkan pengiraan undi dijalankan di tempat mengundi oleh Ketua Tempat Mengundi sendiri dan tidak oleh Pegawai Pengurus di satu pusat pengiraan undi bagi sesuatu bahagian pilihanraya seperti yang dilakukan sekarang. Walau bagaimanapun bagi kawasan-kawasan tertentu di mana didapati pengiraan undi di tempat mengundi tidak dapat diadakan, sistem yang wujud sekarang masih boleh dipakai dengan sedikit pindaan.

Dengan menggunakan sistem yang dicadangkan ini perkara-perkara berikut akan diwujudkan:

- a) Tiap-tiap tempat mengundi menjadi tempat mengira undi dan kakitangan pengundian yang sama akan menjadi kakitangan yang bertanggungjawab

bagi pengiraan undi. Agen-agen calon boleh mengawasi sepanjang pengiraan undi berjalan.

- b) Setelah pengiraan undi selesai, keputusan sementara bolehlah disampaikan menerusi telefon atau alat semboyan kepada Pegawai Pengurus.
- c) Pegawai Pengurus akan menjumlahkan kesemua keputusan untuk menentukan calon yang menang.
- d) Keputusan muktamad hanya akan diumumkan setelah Pegawai Pengurus menerima penyata pengundian dari Ketua Tempat Mengundi.

Sistem mengira undi di tempat mengundi ini akan memberi beberapa kebaikan seperti berikut:-

- a) Keputusan pilihanraya akan dapat diperolehi dengan lebih cepat iaitu di antara jam 8 malam hingga 9 malam. Ketua Tempat Mengundi akan hanya mengira paling banyak 700 kertas undi atau 1,400 kertas undi sekiranya pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dijalankan serentak. Mengikut sistem yang berjalan sekarang semua peti-peti undi mestilah sampai ke tempat pengiraan undi sebelum pengiraan undi dapat dimulakan. Dengan cara ini pengiraan undi biasanya hanya dapat dimulakan pada kira-kira jam 8.30 malam dalam mana purata sebanyak kira-kira 100,000 kertas undi bagi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang akan dikira. Kebanyakan keputusan pengundian biasanya diketahui hanya selepas jam satu pagi keesokan harinya.
- b) Sistem baru ini akan mewujudkan suasana yang lebih aman dan tenteram dengan mengalihkan tumpuan dan perhatian penyokong-penyokong parti dan orang ramai ke beberapa tempat mengira undi berbanding dengan ke satu pusat pengiraan undi sahaja seperti yang berlaku sekarang. Suasana tegang serta gangguan-gangguan seperti yang dihadapi sekarang dapat dielakkan.
- c) Pergerakan peti undi sebelum kertas undi dikira dapat dielakkan. Pada masa ini telah timbul tohmahan-tohmahan yang tidak berasas di kalangan beberapa pihak yang mendakwa kononnya peti undi ditukarganti ketika dalam perjalanan ke tempat mengira undi. Dengan pelaksanaan sistem baru ini maka tohmahan-tohmahan sedemikian dapat diatasi dan akan memberi lebih keyakinan kepada semua pihak.
- d) Sistem ini akan menjelaskan kedudukan jumlah undi sebenar bagi pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Mengikut sistem yang ada sekarang, disebabkan pengiraan undi dijalankan di satu pusat sahaja, ada kalanya telah timbul keraguan di kalangan beberapa pihak berhubung dengan perbezaan jumlah undi Parlimen dan Negeri dalam bahagian Parlimen yang berkenaan.

- e) Sistem ini juga akan dapat mengelak dan mengurangkan kesilapan pengiraan undi kerana jumlah kertas undi yang dikira bagi satu-satu tempat mengira undi adalah kecil jumlahnya. Sistem ini juga menggunakan kertas pengumpulan maklumat (tally sheet) dalam mana agen-agen mengira undi berpeluang sama mencatat undi-undi yang diperolehi oleh calon-calon. Ini dapat mengelakkan tohmahan-tohmahan yang tidak benar di kalangan setengah-setengah pihak bahawa kononnya kerani-kerani mengira undi dengan sengaja menyalahkira kertas-kertas undi untuk faedah calon tertentu.

Sistem pengiraan undi di tempat mengundi bukanlah merupakan satu sistem asing. Sistem ini telah dilaksanakan dengan jayanya di kebanyakan negara maju dan juga negara-negara membangun. Kerajaan memberi jaminan bahawa segala sokongan dan kemudahan akan diberikan bagi memudahkan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan sistem ini dengan jayanya.

Pindaan-pindaan ke atas Akta ini tidaklah menunjukkan peraturan-peraturan pengiraan undi secara terperinci. Peraturan-peraturan secara terperinci akan disediakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya mengikut kuasa yang ada padanya di bawah Seksyen 16 (i) (j) Akta Pilihanraya 1958.

Satu lagi pindaan yang dicadangkan ialah meminda istilah "Pegawai Pengetua" sebagaimana yang terdapat dalam teks Bahasa Malaysia kepada "Ketua Tempat Mengundi". Istilah "Ketua Tempat Mengundi" ini lebih sesuai digunakan dan istilah ini digunakan di dalam Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1981.

Memandangkan sistem pengiraan undi yang hendak dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya adalah satu sistem yang boleh mengurangkan berbagai masalah yang telah diterangkan sebentar tadi, maka saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan ragu-ragu memberi sokongan kepada pindaan ini. Saya percaya dengan wujudnya sistem baru ini berbagai tuduhan berkaitan dengan pengiraan undi ini dengan sendirinya akan terhapus. Dan ini seterusnya akan meringankan beban Suruhanjaya Pilihanraya di dalam menjalankan urusannya.

Saya memohon mencadangkan.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERSIDANGAN PERWAKILAN PARTI GERAKAN
DI KUALA LUMPUR
9HB. JUN, 1990

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Parti Gerakan kerana sekali lagi menjemput saya untuk merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan.

Parti Gerakan seperti lain-lain parti komponen dalam Barisan Nasional telah turut memberi sumbangan kepada kestabilan dan kekuatan Barisan Nasional. Kerjasama di antara parti-parti komponen Barisan Nasional telah memberi manfaat bukan sahaja kepada kelicinan pentadbiran Kerajaan, tetapi juga kepada rakyat Malaysia keseluruhannya. Dalam hubungan ini, saya yakin Parti Gerakan akan terus memberi sumbangannya demi keutuhan Barisan Nasional dan Kerajaan.

Barisan Nasional adalah gabungan parti-parti politik yang mewakili masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Di sinilah terletaknya keistimewaan Barisan Nasional. Dalam hubungan ini dasar-dasar yang digubal oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah berteraskan kepada aspirasi serta kepentingan rakyat berbilang kaum di negara kita. Keputusan-keputusan adalah berdasarkan kepada prinsip konsensus. Formula secara ini jelas terbukti mendapat sokongan majoriti rakyat Malaysia.

Falsafah perjuangan Barisan Nasional adalah untuk berbakti kepada rakyat. Politik bagi kita dalam Barisan Nasional merupakan satu saluran untuk kita berkhidmat kepada masyarakat. Kita merancang dasar-dasar dan melaksanakan projek-projek demi faedah rakyat keseluruhannya. Dengan itu berbagai-bagai kemajuan telah dicapai di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan telah berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas. Ini jelas terbukti di merata tempat di negara kita.

Malahan pertumbuhan ekonomi negara kita diakui oleh masyarakat antarabangsa sebagai salah satu yang terbaik di kalangan negara-negara yang membangun. Kalau dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara membangun taraf hidup rakyat Malaysia adalah jauh lebih tinggi. Kemakmuran serta kestabilan yang kita nikmati selama ini bukanlah terjadi dengan begitu sahaja. Ianya adalah hasil daripada perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar sosio-ekonomi yang baik dan teratur oleh Kerajaan Barisan Nasional. Pihak-pihak yang lain hanya berjanji akan membuat itu dan ini tetapi kita sudahpun membuatnya dan hasilnya adalah nyata.

Kita di dalam Barisan nasional tidak menggunakan politik sebagai alat untuk cita-cita atau kepentingan peribadi kita. Politik bagi kita adalah satu cara untuk berbakti kepada rakyat dan negara. Kerana inilah rakyat telah memberi mandat kepada Barisan Nasional di pilihanraya-pilihanraya yang lalu. Kita yakin rakyat akan terus memberikan sokongan mereka kepada kita kerana rakyat mengetahui bahawa masa depan mereka terjamin di bawah pimpinan Barisan Nasional.

Dalam hubungan ini marilah kita bersama-sama mengukuhkan lagi kerjasama dan persefahaman yang terdapat di dalam Barisan Nasional. Kita hendaklah terus memelihara keharmonian dan hubungan baik yang terjalin dalam Barisan Nasional supaya kita dapat menghadapi cabaran-cabaran di masa depan.

Memang benar dari semasa ke semasa mungkin terdapat perbezaan pendapat di antara parti-parti komponen Barisan Nasional. Sebagai sebuah gabungan memanglah menjadi perkara biasa jika terdapat perbezaan pendapat mengenai perkara-perkara tertentu. Akan tetapi seperti yang telah terbukti perbezaan pendapat ataupun masalah telah dapat diselesaikan dalam suasana yang harmoni dan dengan cara "non-confrontational". Di sinilah letaknya kekuatan Barisan Nasional. Tidak banyak parti-parti politik yang boleh berbuat demikian.

Kejayaan Barisan Nasional telah membuat pihak-pihak tertentu di negara ini cuba meniru kita. Melihat kejayaan sistem Barisan Nasional ini pihak-pihak ini juga nampaknya sedang berhempas-pulas berusaha untuk menubuhkan gabungan yang mereka harap akan dapat berfungsi seperti Barisan Nasional. Tetapi usaha ini tidak akan berjaya kerana tujuan mereka hanyalah untuk mengabui mata rakyat dan mendapat undi daripada rakyat. Dengan menyatakan bahawa kerjasama selepas pilihanraya akan dirunding sesudah memenangi pilihanraya terbuktilah niat mereka ini hanyalah untuk memperdayakan para pengundi yang mempunyai pendirian tertentu.

Barang tiruan adalah kurang baik daripada barang yang asal. Rakyat hendaklah berjaga-jaga tentang gabungan mereka ini. Gabungan mereka ini bolehlah kita panggil gabungan BT. BT adalah singkatan nama bagi barisan tiruan. Barisan tiruan ini dipelopori oleh semangat yang juga bukan asli tetapi sebenarnya adalah semangat tiruan. Semangat yang sebenarnya ialah kepentingan diri sendiri.

Kerjasama antara beberapa pihak memerlukan kejujuran dan keikhlasan. Apakah ada kejujuran atau keikhlasan antara mereka daripada parti-parti pembangkang ini? Apakah ada matlamat yang sama antara mereka? Rakyat tahu bahawa yang satu kononnya hendak mendirikan negara Islam dan yang satu lagi pula menentang sebarang unsur keislaman dalam Kerajaan atau negara. Pelekat antara dua pihak yang bertentangan haluan ini ialah satu kumpulan orang-orang yang hanya dikuasai oleh kekecewaan. Di sekeliling parti-parti ini pula terdapat banyak parti-parti oportunist termasuk mereka yang menggugurkan ideologi mereka kerana kiblat mereka telah pun menggugurkan ideologi itu. Inilah kumpulan yang cuba menggambarkan diri mereka sebagai BT atau Barisan Tiruan. "If I may use English this is a hodge-podge

collection of political opportunists sharing a common bed without even the formality of a political marriage. They smell of adultery".

Turut menyertai kumpulan Barisan Tiruan ini ialah pemimpin-pemimpin tertentu dalam MTUC. Badan ini mendakwa bahawa mereka akan menyokong siapa sahaja yang pro-pekerja. Jika benarlah ini pendirian MTUC maka mereka harus menggugurkan beberapa pemimpin mereka yang menyokong penarikan GSP Amerika Syarikat dari Malaysia.

Pada mulanya AFL-CIO dan ILRERF mendakwa bahawa mereka memperjuangkan nasib pekerja-pekerja di Malaysia. Sekarang dengan kenyataan dan "petition" yang dibuat oleh beberapa kesatuan sekerja di Amerika Syarikat termasuk International Brotherhood of Electrical Workers maka adalah jelas niat mereka ialah untuk memelihara kepentingan pekerja-pekerja mereka sendiri. Mereka mendakwa bahawa 30,000 orang pekerja Amerika Syarikat menganggur kerana barang-barang buatan mereka tidak dapat menyaingi barang-barang elektronik dari Malaysia. Maksud mereka ialah barang-barang kita jangan dibenarkan bersaing dengan barang-barang mereka. Jika kita tidak boleh menjual barang-barang kita maka industri berkeuntungan terpaksa ditutup dan pekerja-pekerja kita akan menganggur.

Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dan parti-parti politik pembangkang yang menyokong penarikan balik GSP adalah orang yang mengancam hak pekerja-pekerja di Malaysia walaupun mereka adalah pembela pekerja-pekerja Amerika Syarikat. Ini tidaklah hairan kerana pemimpin-pemimpin tertentu MTUC tidak pernah menolong mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi pekerja yang menganggur di Malaysia. Tidak ada seorang pun daripada pekerja Malaysia yang mendapat kerja kerana usaha MTUC. Yang berusaha ialah Kerajaan Barisan Nasional dengan menggalakkan pelaburan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Pemimpin-pemimpin MTUC hanya menunggu penganggur-penganggur mendapat kerja dan kemudian mereka pun sibuk menjadi jaguh kononnya kepada pekerja-pekerja. Tetapi yang mereka utamakan ialah menggunakan kedudukan mereka sebagai pemimpin kesatuan untuk kepentingan politik mereka.

Jika MTUC berpendirian menyokong sesiapa yang pro-pekerja mereka harus menyokong Kerajaan dan Barisan Nasional dan bukan pemimpin-pemimpin mereka yang menjadi ahli parti-parti pembangkang. Akan menganggurlah pekerja-pekerja Malaysia jika pemimpin-pemimpin MTUC dengan parti-parti pembangkang mendapat sokongan mereka. Sokongan kepada pekerja yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin MTUC ialah pekerja-pekerja Amerika Syarikat yang tidak senang hati melihat kejayaan industrialisasi di Malaysia.

Inilah parti-parti dan orang-orang yang dipelekatkan oleh Semangat 46 untuk membentuk Barisan Tiruan yang bercita-cita menggulingkan Kerajaan Barisan Nasional.

Saya percaya rakyat Malaysia sedar akan risiko dan implikasi menyokong orang-orang seperti ini yang cuba tidur satu bantal dan bermimpi mimpi yang bertentangan.

Apabila mereka terjaga mereka akan berkelahi dan merebut apa juga harta yang mungkin mereka peroleh. Dengan itu segala kebahagiaan kesejahteraan kekayaan kestabilan dan keharmonian yang ada sekarang akan hancur dan rakyat akan menderita.

Barisan Nasional sebagai parti yang bertanggungjawab tidak boleh membenarkan gejala seperti ini menimpa rakyat dan negara. Adalah menjadi tanggungjawab Barisan Nasional untuk mendedahkan pemalsuan yang dibuat oleh barisan tiruan ini. Dalam usaha kita untuk mengekalkan Kerajaan Barisan Nasional matlamatnya bukanlah semata-mata kerana kita ingin terus menjayakan dasar-dasar kita tetapi adalah untuk memelihara dan melindungi rakyat dan negara daripada nasib yang malang yang akan menimpa kita jika cita-cita besar seorang yang ingin mendapat tempat bagi dirinya dilayan. Pada analisa yang terakhir semua ini berpunca daripada kegagalan seorang sahaja untuk mendapat tempat yang ia idami.

Barisan Nasional yang mewarisi Perikatan mempunyai rekod yang tahan diuji dan yang sukar ditandingi. Malaysia sekarang stabil dan makmur terkenal kepada para pelabur dan para peniaga antarabangsa serta kepada pemimpin-pemimpin dan bangsa-bangsa di seluruh dunia. Hasrat Kerajaan Barisan Nasional ialah untuk mengekalkan kestabilan dan meningkatkan lagi kebahagiaan hidup rakyat. Barisan Nasional percaya bahawa hanya negara yang makmur sahaja yang akan dapat mengagihkan kekayaan negara kepada semua rakyat. Negara yang miskin tidak mempunyai apa-apa untuk diagihkan.

Hak asasi manusia dan kebebasan bersuara dijamin oleh Barisan Nasional. Kita boleh meneka apakah jenis kebebasan yang akan dialami oleh rakyat jika parti lawan memerintah. Sementara Kerajaan Barisan Nasional membenarkan begitu banyak akhbar dan majalah mengecam Kerajaan dan melemparkan tuduhan yang tidak berasas terhadap pemimpin-pemimpin Kerajaan parti-parti lawan sebaliknya sudah menunjukkan dengan jelas bahawa mereka tidak suka kepada akhbar yang tidak menyokong mereka. Mereka telah membakar akhbar dan mengugut untuk membina nasakan wartawan. Jikalau mereka memerintah sudah tentu *New Straits Times*, *Berita Harian* dan *Utusan Melayu* akan ditutup dan wartawan dibuang kerja melainkan jika wartawan-wartawan ini menyokong parti mereka. Akhbar-akhbar yang tertentu yang sanggup menjadi alat mereka sahaja yang akan mendapat kebenaran untuk mencetak jika mereka ini memerintah.

Di sebuah negeri di mana mereka berpengaruh melalui pihak tertentu pegawai-pegawai, penghulu-penghulu dan imam-imam diugut jika tidak mahu menyokong mereka. Pihak tertentu digunakan untuk mempengaruhi pegawai-pegawai Persekutuan dan pensyarah-pensyarah universiti. Demikianlah tekanan terhadap pegawai-pegawai ini sehingga mereka berasa serba salah dan tidak berani menjalankan tugas biasa mereka. Mereka tidak berani dilihat bersama dengan Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan atau anggota-anggota Kerajaan Negeri. Jika mereka ternampak mendekati Kerajaan atau parti Kerajaan maka tindakan diambil terhadap mereka melalui saluran tertentu.

Kita percaya sekiranya parti ini berjaya mengambilalih pemerintahan negeri berkenaan ramai pegawai akan menderita termasuk juga yang menyokong mereka kerana akan ada fitnah yang akan dilemparkan oleh penyokong-penyokong yang berkepentingan dalam parti itu supaya disingkir pegawai-pegawai tertentu. Pemerintahan secara ini adalah pemerintahan berat sebelah dan akan rosaklah sistem pemerintahan kerana kebebasan pegawai-pegawai tidak akan ada lagi. Urusan kenaikan pangkat dan kenaikan gaji akan ditentukan oleh sistem pilih kasih dan kunci-kunci orang-orang tertentu akan memiliki kuasa bagi menentukan nasib pegawai-pegawai.

Rakyat harus fikir dengan mendalam mengenai usaha untuk menggantikan Kerajaan yang ada sekarang dengan Kerajaan Barisan Tiruan ini. Sebelum pun mereka memerintah mereka sudah tunjuk kuku mereka. Jika mereka berjaya merebut kuasa bukan sahaja pemerintahan kuku besi akan wujud tetapi juga negara tidak akan tenang. Kucar kacir akan berlaku dan hutang negara akan meningkat di samping kemerosotan ekonomi seperti yang berlaku pada tahun 1983 hingga 1986. Kita tidak harus lupa bahawa kerap kali nasib yang malang yang menimpa sesebuah negara adalah akibat dikuasai oleh orang-orang tertentu seperti Stalin di Russia, Mao Tse Tung di China dan Ceausescu di Romania.

Barisan Nasional dan parti-parti komponennya mempunyai tanggungjawab yang berat. Kita tidak boleh mengutamakan kepentingan orang tertentu atau parti komponen sehingga menjejaskan kredibiliti kita di mata rakyat. Yang utama bagi kita di Barisan Nasional ialah pembangunan negara yang kita semua cintai ini. Untuk pembangunan ini kemenangan bagi Barisan Nasional amatlah penting. Pencapaian negara kita dalam semua bidang hari ini adalah hasil pemerintahan Barisan Nasional. Masih banyak lagi yang perlu dibuat untuk memajukan negara Malaysia. Kita mempunyai banyak idea dan rancangan dan kita tahu cara-cara melaksanakan idea-idea ini untuk kesejahteraan rakyat dan kebaikan negara. Justeru itu tidak ada tempat bagi perbezaan pendapat yang remeh-temeh di antara kita yang mungkin melemahkan kita dan mengecewakan rakyat.

Sehubungan dengan ini saya amat gembira dengan kemenangan tanpa bertanding empat orang pemimpin tertinggi Parti Gerakan. Ini membuktikan kedewasaan dan solidariti yang terdapat dalam Parti Gerakan. Rebutan tempat tidak harus dibuat hanya kerana pertandingan dibenarkan sama seperti kita tidak semestinya berbelanja hanya kerana kita ada duit dan bebas untuk berbelanja. Solidariti dalam Parti Gerakan mempunyai alamat yang amat baik bagi Barisan Nasional dalam pilihanraya yang akan datang. Bersama-sama dengan lain-lain parti komponen kita akan rapatkan barisan untuk meneruskan usaha-usaha kita menjadikan Malaysia negara yang aman makmur dan mulia.

Saya ucapkan selamat bersidang kepada Persidangan Perwakilan Parti Gerakan tahun 1990 ini dan saya percaya ia akan mencapai matlamatnya.

Dengan ini saya dengan segala sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan tahun 1990 ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD DI PERASMIAN
PERHIMPUNAN AGUNG MCA DI WISMA MCA, KUALA LUMPUR
28HB. JULAI, 1990

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA kerana menjemput saya sekali lagi merasmikan Perhimpunan Agung MCA ini. Saya berharap Perhimpunan ini akan merapatkan lagi hubungan bukan sahaja antara ahli-ahli parti MCA, bahkan antara MCA dengan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain yang turut menghantar wakil masing-masing hari ini.

Barisan Nasional sekarang hampir menamatkan tahun keempat pemerintahannya selepas diberi mandat pada bulan Ogos 1986. Pendek kata, pada bila-bila masa dalam tempoh kira-kira setahun akan datang ini kita akan menghadapi pilihanraya umum. Dalam pilihanraya umum, kekuatan BN adalah berasaskan kepada kekuatan parti-parti komponen. Oleh itu adalah penting parti-parti komponen Barisan Nasional mengemaskan parti masing-masing.

Adakalanya terdapat satu-dua parti komponen yang menghadapi sedikit sebanyak masalah dalaman. Walaupun parti ini mungkin kecil, tetapi kita tidak boleh memperkecilkan kesan masalah dalaman parti-parti komponen. Justeru itu, segala usaha hendaklah dibuat untuk menyelesaikan sebarang masalah dalaman parti komponen Barisan Nasional. Di masa yang sama parti-parti komponen Barisan Nasional hendaklah merapatkan lagi barisan supaya salah faham dapat dikurangkan dan kerjasama erat dikekalkan. Insya-Allah, 'God willing', Barisan Nasional akan mendapat kejayaan yang cemerlang dalam pilihanraya akan datang.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan MCA, terutama Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Datuk Lee Kim Sai, kerana berjaya menyelesaikan masalah kepimpinan parti baru-baru ini. Penyelesaian ini menjamin kekukuhan MCA. Saya percaya majoriti ahli MCA dan penyokong-penyokong parti mengalu-alukan penyelesaian itu. Kita harus mengutamakan kekukuhan parti daripada kedudukan mana-mana personaliti. Janganlah kita menang sorak tetapi kalah sabung; janganlah kita membuang tenaga untuk memenangi pemilihan dalam parti tetapi parti tewas di dalam pilihanraya. Saya berharap semangat ini akan diteladani oleh parti-parti lain dalam Barisan Nasional.

Saya berharap selepas pemilihan ini ahli-ahli MCA akan memberi sokongan penuh kepada sesiapa sahaja yang menang. Inilah asas demokrasi yang bukan sahaja

harus disemaikan di kalangan ahli-ahli MCA bahkan juga di kalangan semua ahli parti-parti komponen. Para pemimpin dan penyokong pihak yang kalah harus memberi sokongan bulat kepada pemimpin yang menang supaya perpaduan dan kekesanan tetap dijaga. Peribahasa Cina ada menyatakan bahawa 'orang tua kehilangan kudanya, entah akan membawa tuah' — apabila seseorang itu mengalami kegagalan, janganlah berputus asa oleh kerana kegagalan itu mungkin membawa tuah atau sesuatu yang baik pada masa hadapan. Saya berharap para pemimpin dan ahli-ahli MCA akan terus memberi sokongan penuh kepada para pemimpin yang menang supaya kekukuhan parti tidak tergugat. Janganlah bertindak secara negatif dengan memburukkan pihak yang menang sehingga parti menjadi lemah kerana berbelah-bahagi atau 'divided' dan diserang oleh soal kredibiliti sepanjang masa.

Menyentuh tentang konsep muafakat dan kerjasama dalam Barisan Nasional pula, kita bernasib baik kerana para pemimpin parti kita semenjak dahulu lagi telah menyusun konsep sepakat ini, bermula dengan Perikatan dan kemudiannya ditingkatkan kepada Barisan Nasional. Susunan ini dibuat mengikut kejujuran setiap parti komponen yang mempunyai asas-asas perjuangan yang selari dan harmoni. Sebab itulah muafakat dalam Perikatan dan Barisan Nasional berjalan lancar dan mampu bukan sahaja untuk mentadbirkan negara, bahkan juga mampu menangkis sebarang muslihat parti-parti pembangkang.

Konsep muafakat dan kerjasama dalam Barisan Nasional jelas tergambar apabila kita menghadapi beberapa pilihanraya umum dan pilihanraya kecil sehinggakan ianya membawa kejayaan satu demi satu. Kejayaan kita di pilihanraya-pilihanraya yang lalu, terutamanya dalam beberapa pilihanraya kecil duatiga tahun kebelakangan ini, membuktikan sokongan rakyat kepada Barisan Nasional adalah kuat dan muafakat dalam Barisan Nasional adalah kukuh.

Dalam Barisan Nasional, kita semua harus mengakui bahawa kitapun sekali-sekala menghadapi halangan untuk bermuafakat. Walau bagaimanapun, dengan wujudnya semangat ingin bekerjasama dan keikhlasan, dan dengan mementingkan kepentingan negara dan majoriti rakyat, halangan-halangan itu dapat diatasi. Apa yang penting ialah kita dalam BN dapat bekerjasama menghadapi kebanyakan isu atau masalah. Apa-apa rintangan merupakan perkara yang sementara, yang 'temporary', yang akhirnya dapat kita selesaikan dengan cara yang tidak merugikan negara dan tidak membawa perpecahan di kalangan masyarakat Malaysia.

Kejayaan muafakat Barisan Nasional membuatkan parti-parti pembangkang terkocoh-kocoh untuk menirunya. Tetapi muafakat dalam BN ada asasnya. Kita adalah parti-parti yang bersikap sederhana, yang memahami bahawa dalam negara majmuk seperti Malaysia tidak mungkin mana-mana kaum mendapat semua yang dituntut oleh mereka. Setiap kaum mesti mengambilkira kepentingan kaum lain. Mereka yang tidak menerima sikap sederhana dan toleransi ini tidak seharusnya berada dalam Barisan Nasional. Parti lawan menjadi parti lawan kerana mereka tidak sanggup bertolak ansur, bersikap toleran dan sederhana.

PAS tidak ada dalam Barisan Nasional kerana mereka begitu ekstrim sehingga menganggap kerjasama dengan orang bukan Islam akan menjadikan mereka bukan Islam atau kafir. Sebaliknya DAP tidak langsung mahu menerima kedudukan orang Melayu dan lain-lain bumiputera dan sebarang unsur Islam dalam negara. Dengan itu, mereka juga tidak boleh masuk Barisan Nasional. Tetapi sekarang ini PAS dan DAP dengan perjuangan yang bertentangan ini mengadakan kerjasama hanya kerana mahu menang pilihanraya. Tujuan mereka ialah untuk memperdayakan pengundi kerana mereka tidak mungkin meneruskan kerjasama selepas pilihanraya tanpa membelakangkan perjuangan mereka masing-masing. Jika mereka membelakangkan perjuangan mereka, maka ahli-ahli dan penyokong-penyokong mereka pula akan tertipu. Pemimpin-pemimpin PAS dan DAP sudahpun memberitahu ahli masing-masing bahawa kerjasama mereka adalah satu helah untuk mendapat undi penyokong-penyokong rakan mereka sahaja. Sebenarnya kata pemimpin mereka kepada penyokong mereka, mereka tidak berganjak daripada perjuangan masing-masing. Dengan mengamalkan "double-face" ini, jelaslah pakatan mereka adalah pakatan sementara yang cetek, yang tidak mampu menghasilkan sebuah Kerajaan yang kukuh untuk menggantikan Kerajaan Barisan Nasional.

Jika mereka mendirikan kerajaan campuran, ianya tidak akan stabil dan negara akan menghadapi keadaan kucar-kacir. Perniagaan dan perusahaan tidak akan dapat berkembang maju dan keselamatan rakyat tidak boleh dijamin. Zaman yang gelap akan menimpa negara ini kerana pertelingkahan antara parti-parti barisan tiruan ini dan rebutan tempat yang akan berlaku. Amat malanglah nasib negara kita ini jika pengundi tertipu oleh strategi yang dicipta oleh Parti Semangat 46 untuk membentuk barisan tiruan dalam mana parti yang kecil ini dapat "ride to power on the backs of PAS dan DAP". Hakikat ini diakui oleh pemimpin 46 kepada penyokong-penyokong kuat mereka untuk meyakinkan penyokong-penyokong yang terdiri daripada bekas ahli UMNO bahawa kerjasama mereka dengan PAS dan DAP hanyalah untuk memenangi pilihanraya dan mereka tidak akan menerima negara Islam PAS atau Malaysian Malaysia DAP.

Daripada penipuan-penipuan secara besar-besaran yang dibuat oleh parti-parti yang bercita-cita untuk menjadi alternatif kepada Barisan Nasional, adalah nyata bahawa barisan tiruan anjuran Tengku Razaleigh bukanlah alternatif kepada Barisan Nasional. Kononnya gabungan mereka akan mewujudkan sistem dua parti di Malaysia, iaitu Barisan Nasional dan barisan tiruan. Ini adalah satu lagi strategi untuk mengabui mata rakyat yang idealistik supaya tercapai cita-cita besar seorang yang kecewa.

Adalah menjadi tanggungjawab anggota-anggota Barisan Nasional mendedahkan penipuan-penipuan ini. Rakyat Malaysia mesti diberitahu tentang rancangan tipu-helah ini supaya mereka dapat menyelamatkan diri mereka.

Sekarang negara kita aman dan maju. Dengan kestabilan yang dihasilkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan kerjasama parti-parti dalam Barisan Nasional, rakyat daripada semua kaum, sama ada di bandar atau di luar bandar, telah mendapat nikmat daripada kemajuan dan pembangunan.

Hari ini ekonomi negara mencapai pertumbuhan yang pesat. Dalam tiga bulan pertama tahun 1990, pertumbuhan adalah luar biasa, iaitu 10.4%. Ini bermakna peluang-peluang pekerjaan sudah bertambah. Kilang-kilang mengiklankan jawatan-jawatan setiap hari. Calon-calon tidak perlu menulis surat permohonan. "Walk-in interviews" diadakan untuk bermacam-macam jenis kerja. Perniagaan kecil dan besar bertambah dengan pesatnya. Keuntungan syarikat-syarikat berlipat ganda. Pembelian barang-barang adalah laris kerana para pengguna mempunyai wang untuk berbelanja. Peningkatan KDNK atau GNP bukan satu angka statistik tetapi adalah sesuatu yang mempunyai kesan kepada setiap orang rakyat Malaysia di mana juga mereka berada.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat ini adalah hasil pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional. Tidak banyak negara dapat mengatasi kemelesetan ekonomi seperti Malaysia. Demi kepentingan rakyat dan negara, kita perlu menentukan Barisan Nasional terus berjaya dan kekal sebagai Kerajaan. Parti-parti dalam Barisan Nasional mestilah bersikap bertanggungjawab. Kita tidak boleh membenarkan masalah menimpa parti-parti kita, terutama masalah yang boleh memecah-belah dan mengurangkan kekesanan atau 'effectiveness' kita. Jika ada masalah, ianya hendaklah diselesaikan secara rundingan dengan fikiran terbuka. Setelah selesai, semua pihak hendaklah merapatkan balik barisan dan meneruskan usaha menjayakan parti sendiri dan Barisan Nasional. Tolak-ansur, seperti yang dibuat oleh MCA baru-baru ini, hendaklah dijadikan teladan dan contoh untuk semua parti komponen Barisan Nasional.

Selain daripada itu, kerjasama yang erat hendaklah diadakan antara parti-parti komponen Barisan Nasional terutamanya dalam pilihanraya akan datang. Kita sedar sementara kita semua setia kepada konsep Barisan Nasional, ada juga perselisihan pendapat di antara parti-parti komponen Barisan Nasional. Oleh kerana perselisihan ini, kadang-kadang penyokong-penyokong sebuah parti komponen tidak sanggup menyokong calon daripada parti komponen tertentu. Mereka ini tidak menganggap calon itu sebagai calon BN tetapi sebagai calon parti tertentu dan mereka berusaha untuk mengalahkannya. Kadang-kadang calon bebas ditaja untuk mengalahkan calon BN daripada parti yang tidak digemari.

Perbuatan ini amat bahaya kerana jika kita berbuat demikian kepada parti komponen lain, parti itu pula akan membuat tindakan yang sama kepada calon daripada parti kita di kawasan lain. Dengan itu kedua-dua pihak mungkin gagal dan Barisan Nasional akan kalah. Oleh itu kita mestilah ikhlas dan jujur menyokong parti Barisan Nasional dalam pilihanraya. Penipuan oleh satu pihak hanya akan menghasilkan penipuan oleh pihak yang lain. Akhirnya semua pihak akan rugi.

Dalam Perhimpunan Agung MCA hari ini pemimpin-pemimpin akan dipilih bagi memimpin MCA untuk masa depan dan semasa pilihanraya yang akan datang. Saya tidak ingin campurtangan dalam hal dalaman MCA. Tidak seperti Parti DAP yang pemimpinnya tidak boleh ditukar, Parti MCA sebagai parti demokratik boleh dan biasa menukar kepimpinannya. Penukaran pemimpin boleh dibuat tetapi setelah penukaran dibuat, adalah amat penting pihak yang gagal menerima keputusan secara demokratik dan merapatkan barisan di belakang yang menang. Ini sahaja nasihat yang

ingin saya berikan, bukan sahaja kepada MCA tetapi juga kepada UMNO dan parti-parti komponen lain Barisan Nasional.

Saya berharap Perhimpunan Agung MCA ini akan berjalan dengan baik dan akan mengekalkan MCA sebagai parti yang gagah dan berkemampuan di masa depan.

Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MCA tahun 1990 ini.

**UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO
DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR
30HB. NOVEMBER, 1990**

Alhamdulillah, pada hari yang berbahagia ini kita berhimpun sekali lagi sebagai parti politik yang terulung dan terbesar di negara kita Malaysia untuk menunaikan tanggungjawab kita kepada bangsa, agama dan tanahair.

Bagi pihak UMNO saya ingin mengalu-alukan kehadiran ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional di acara perasmian Perhimpunan Agung UMNO 1990 ini. Kita juga mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli veteran UMNO dan para jemputan yang lain.

Pemulihan parti UMNO bukan sahaja sudah lengkap tetapi hari ini kita bersidang dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan kerana sekali lagi dengan izin Allah Subhanahu Wataala kita telah menang dalam pilihanraya dan dapat terus meneraju kerajaan di negara yang tercinta ini.

Liku-liku dan cabaran yang telah kita hadapi semenjak kemenangan besar pada tahun 1986 tidak diduga oleh sesiapa pada ketika itu. Biasanya sebuah parti politik yang begitu berjaya dalam pilihanraya tidak akan menghadapi apa-apa masalah dalam. Hanya kekalahan yang teruk sahaja yang memaksa parti membuat perubahan dan menukar kepimpinan. Tetapi sepertimana kita semua maklum, ada percubaan untuk menukar kepimpinan sebelumpun genap setahun selepas kemenangan besar parti kita dalam pilihanraya.

Namun sebagai sebuah parti yang demokratik kita menerima bahawa kepimpinan boleh ditukar pada bila-bila masa. Yang menyedihkan ialah penukaran yang diusahakan bukanlah kerana kegagalan parti di bawah pemimpin-pemimpin yang ada atau perbezaan ideologi atau apa-apa keburukan kepada parti atau negara, tetapi hanya kerana minat seorang untuk merebut tempat bagi dirinya.

Yang lebih menyedihkan parti dan dipercayai menyedihkan juga orang Melayu amnya ialah tindakan yang dilakukan apabila gagal merebut kepimpinan parti. UMNO, parti yang terbesar ini, parti yang telah menerajui Kerajaan dari sebelum merdeka, parti yang menyelamatkan hak orang Melayu, yang menentang Malayan Union, yang memerdekakan negara, yang membangunkan Malaysia, yang jasa-jasanya tidak boleh dinafikan oleh sesiapa; parti ini diheret dan didakwa di mahkamah seperti penjenayah

biasa atau "common criminal" kerana mahu pemilihan pemimpin diadakan semula. Jika tidak kerana tindakan undang-undang ini, hari ini mereka yang mengambil tindakan itu boleh bertanding secara teratur dan tertib untuk apa juga jawatan dalam Majlis Tertinggi Parti termasuk jawatan Presiden. Dan mungkin mereka akan menang, kerana kekalahan calon Presiden mereka pada tahun 1987 hanya dengan 43 undi sahaja. Jika semua wakil dari sebuah negeri tertentu itu mempunyai semangat kedaerahan, seperti yang ditunjukkan dalam pilihanraya umum tahun ini, tidak syak lagi calon berkenaan akan menang jikalau wakil negeri-negeri lain boleh dipengaruhi seperti pada tahun 1987.

Tetapi Allah Maha Kuasa. Pengkhianatan orang ini kepada parti yang telah memberi tempat tinggi kepadanya dalam arena politik, sudah disedari bukan sahaja oleh ahli-ahli parti, tetapi juga oleh orang Melayu keseluruhannya. Ia dan rakan-rakannya ditolak oleh rakyat dalam pilihanraya yang lalu. Di Kelantan ia mengalah dengan PAS. Di negeri-negeri lain ia kalah kepada UMNO dan BN. Tidak ada apa-apa kejayaan yang dicapai oleh parti serpihan daripada UMNO ini. Daripada mempunyai 12 ahli Dewan Rakyat, mereka hanya tinggal lapan sahaja. Hampir semua yang memimpin parti ini kalah. Perjuangan mereka tidak ada makna lagi melainkan hanya kerana ingin terus memecah-belah dan melemahkan orang Melayu dan untuk memberi kemenangan kepada musuh UMNO seperti DAP, PBS dan PAS.

Kita amat sedih dengan cara-cara yang mereka gunakan untuk memancing undi. Janji yang bukan-bukan dibuat kepada pengundi, janji yang tidak mungkin mereka tunaikan sekiranya mereka menang. Sudah tentu tidak mungkin sama sekali jika mereka tidak berjaya membentuk kerajaan. Allah Subhanahu Wataala memberi kemenangan kepada rakan mereka di Kelantan.

Kita tidak dapat meneka sama ada kemenangan ini adalah kerana malaikat bersama mereka seperti didakwa oleh mereka atau ia adalah satu ujian supaya rakyat dapat melihat bagaimana mereka telah ditipu. Sama-samalah kita saksikan.

Memang benar ada perkara-perkara yang diletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Tetapi ada janji-janji yang mereka buat berkenaan dengan cukai-cukai dan lesen majlis tempatan yang boleh ditunaikan oleh kerajaan negeri. Kita ingin melihat mereka menghapuskan cukai-cukai ini. Janganlah memberi alasan bahawa janji yang dibuat adalah oleh Angkatan Perpaduan Ummah (APU), sementara kerajaan Kelantan adalah kerajaan PAS. PAS adalah anggota APU dan janji APU adalah juga janji PAS. PAS juga terikat secara langsung dan tidak langsung dengan janji-janji Gagasan Rakyat. Sebagai parti politik yang mendakwa berpegang kuat kepada ajaran Islam, PAS mestilah menunaikan janji-janjinya.

Di samping itu Kerajaan Persekutuan tidak bercadang menghalang Kerajaan PAS di Kelantan mengambil tindakan dalam beberapa perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, jika perkara-perkara tersebut tidak tertakluk kepada undang-undang tertentu. Umpamanya jika PAS berpendapat bahawa sekolah-sekolah kerajaan adalah sekolah sekular, kanak-kanak di Kelantan boleh pergi ke

sekolah yang tidak sekular yang didirikan oleh kerajaan PAS. Lesen-lesen untuk tempat berniaga bagi barang-barang yang PAS anggap haram boleh ditarik balik oleh PAS, termasuklah institusi-institusi kewangan tertentu dan pajak gadaai.

Mengenai wanita pula, sebenarnya wanita PAS tidak ada hak yang sama untuk bekerja dengan lelaki di mana-mana jua. Jika salah mereka bekerja pada malam hari di luar rumah bersama-sama orang lelaki, salah jugalah di siang hari. Tidak ada undang-undang yang menghalang wanita di Kelantan daripada hanya tinggal di rumah sebagai suri rumah sahaja.

Saya mengingatkan PAS dan Parti 46 tentang janji-janji mereka kerana sedih dengan penipuan yang dibuat oleh mereka. Sudah lama kita melihat pemimpin PAS mentafsir agama Islam mengikut selera mereka. Wanita kononnya tidak boleh jadi pemimpin. Tetapi bila mereka berkepentingan, mereka memberi sokongan yang kuat kepada calon wanita untuk menjadi wakil rakyat.

PAS mendakwa bekerjasama dengan orang kafir akan menjadikan orang Islam kafir. Tetapi bila mereka perlu kepada sokongan orang kafir, mereka sedia bekerjasama. Dan di Kedah pula, Yang Di-Pertua PAS selepas menang pilihanraya berjanji akan bekerjasama dengan Encik George dari DAP dalam Dewan Undangan Negeri. Apa salahnya jika bekerjasama dengan UMNO, atau apakah hanya sanggup bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan apabila terdesak sahaja?

Namun ada orang yang masih berkata PAS adalah Islam dan Islam adalah PAS. Ada orang PAS yang memukul anak kerana menyertai UMNO dengan berkata "Hang tak tahukah PAS itu Islam. Pasal apa nak tinggal Islam?"

Berapa lama lagikah pemimpin PAS boleh dibiarkan menipu orang Islam di Malaysia? Berapa lama lagikah ayat Al-Quran dan hadith Nabi hendak diperalatkan oleh PAS untuk kepentingan politik beberapa kerat pemimpin di kalangan mereka? Berapa lama lagikah orang-orang yang berpelajaran agama mahu memejam mata kerana ingin percaya bahawa orang yang berpelajaran agama adalah maksom, tidak bersalah walau apapun yang mereka lakukan?

Penyertaan Parti 46 dengan PAS meningkatkan kepintaran putar-belit PAS dengan adanya orang-orang yang ahli dalam bidang itu yang dahulu berada dalam UMNO. Jika dahulu pemimpin PAS berpegang juga kepada matlamat perjuangan mereka, selepas berdamping dengan Parti 46, pemimpin PAS sanggup membuat apa sahaja. Bagi pemimpin PAS yang ada sekarang, apa juga penipuan dan mungkir janji adalah sah asalkan mendapat tempat.

UMNO rela menerima kekalahan di Kelantan. Kita rela Kelantan berada di bawah PAS berpuluh tahun jika ini adalah kehendak majoriti rakyat Kelantan. Kita percaya jika kerajaan PAS di Kelantan berjaya menjadikan Kelantan sebagai serambi Mekah, sebagai negeri yang bahagia dengan penduduk yang maju jaya, maka rakyat

di negeri lain akan memilih PAS sebagai kerajaan bagi negeri-negeri mereka. Sebaliknya, jika PAS gagal saya berharap rakyat akan lebih mengetahui akan janji-janji kosong PAS dan akan menolaknya.

Kerajaan Persekutuan tidak akan berhempas pulas untuk menolong kerajaan PAS. Kita tahu sebarang bantuan yang diberi oleh kita akan digunakan oleh PAS untuk membuktikan bahawa tidak ada ruginya memilih PAS sebagai kerajaan. Semasa pilihanrayapun bantuan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan dikatakan oleh pegawai-pegawai Kerajaan Negeri yang memihak kepada parti-parti lawan, sebagai bantuan oleh mereka. Mereka dapat menyakinkan rakyat bahawa tanpa bantuan Kerajaan Persekutuanpun tidak menjadi masalah kerana mereka boleh mendapat bantuan wang daripada Presiden Parti 46. Dakwaan bahawa Brunei akan membantu Kerajaan Kelantan adalah tidak benar, kerana Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei sendiri telah menafikan akan memberi apa-apa bantuan. Usaha Menteri Besar Kelantan untuk berbaik-baik tidak bermakna kerana pihak lain dalam PAS dan HAKAKAH tidak berhenti-henti mengecam Barisan Nasional, UMNO dan Kerajaan Persekutuan. Justeru itu Kerajaan Persekutuan tidak akan berusaha untuk menjayakan Kerajaan PAS.

Di Sabah pula pemimpin Parti 46 mendapat kejayaan yang besar. Dengan PBS menarik diri daripada Barisan Nasional, maka Kerajaan PBS di Sabah bebas melakukan apa sahaja. Memang benar PBS menghasut rakyat Sabah supaya membenci Kerajaan Persekutuan. Rakyat Sabah dahulu tidak pernah benci Kerajaan Persekutuan sehinggalah PBS memerintah. Melalui Institute for Development Studies Sabah, berbagai-bagai perkara dibangkitkan dengan niat menimbulkan kebencian rakyat Sabah terhadap Malaysia untuk memberi kemenangan politik bagi PBS. Sekarang sebuah lagi institusi telah ditubuhkan di Sabah untuk "brainwash" rakyat Sabah. Penafian yang dibuat oleh Ketua Menteri Sabah bahawa ini bukan tujuannya hanyalah alasan sahaja kerana dalam ucapannya kepada Perhimpunan PBS baru-baru ini, beliau membuat tuduhan yang bukan-bukan terhadap Kerajaan Persekutuan yang menambahkan kemarahan rakyat Sabah terhadap Kerajaan Persekutuan. Dengan mengalihkan perhatian rakyat Sabah daripada penyelewengan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin PBS di Sabah, PBS berharap mereka akan terus berkuasa di Sabah. Demikianlah berjayanya taktik mereka ini sehingga pemimpin-pemimpin PBS yang menyalahi undang-undang dianggap sebagai "hero" oleh rakyat Sabah apabila tindakan diambil oleh Kerajaan Persekutuan terhadap mereka. Dengan ini pemimpin-pemimpin Kerajaan PBS berharap mereka akan bebas untuk menyalahgunakan kuasa tanpa sebarang sekatan.

Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan teragak-agak bertindak jika sesiapa menyalahi undang-undang walaupun tindakan Kerajaan Persekutuan itu akan dituduh sebagai menindas. Yang salah mesti dianggap salah, walau apapun kesan politik daripadanya.

Dasar Kerajaan Persekutuan terhadap Sabah adalah jelas. Kita ingin tentukan kekayaan Sabah tidak dibolot oleh orang-orang tertentu melalui penyalahgunaan

kuasa. Kita tidak memihak kepada sesiapa. Kita tidak mengutamakan mana-mana suku kaum atau mana-mana penganut agama. Semua rakyat Malaysia di Sabah adalah sama, dan mereka juga adalah sama dengan rakyat Malaysia di negeri-negeri lain.

Jikalau Sabah sekarang ini kekurangan hasil, sebabnya ialah kerana Kerajaan PBS telah terlalu banyak mengeluarkan balak tanpa membiayai pembangunan untuk rakyat. Sepatutnya dengan hasil pengeluaran balak yang begitu banyak, pembangunan Sabah sama dengan Sarawak. Tetapi, jelas sekali Sabah ketinggalan.

Walaupun Sabah diperintah oleh PBS, Kerajaan Persekutuan tidak berniat untuk menganiayakan rakyat Sabah. Semua kaum di Sabah akan diberi layanan yang sama, walaupun salurannya akan ditukar.

Seperti di Kelantan, Parti 46 hanya memberi kejayaan kepada PBS tetapi ianya tidak mendapat apa-apa faedah.

Parti 46 adalah parti serpihan UMNO. Umumnya pemimpin mereka terdiri daripada orang-orang UMNO yang kecewa kerana tidak dapat sesuatu untuk diri sendiri. Ada yang tidak dapat jadi Perdana Menteri, atau Menteri atau Timbalan Menteri. Ada yang tidak dicalonkan semula. Ada yang gagal merebut jawatan ketua bahagian. Ada yang berhutang dan tidak dapat membayar.

Sebut sahaja nama pemimpin-pemimpin Parti 46, kita akan dapat memastikan masalah yang melanda diri mereka. Tetapi mereka ini mempunyai wang yang banyak, dan tidak diketahui daripada mana puncanya. Kita tahu kegiatan politik memerlukan wang, dan cara Parti 46 berpolitik memerlukan lebih banyak wang daripada biasa. Dengan wang dan fitnah, mereka berjaya mempengaruhi ramai juga bekas-bekas ahli UMNO dan orang lain. Sedikit sebanyak Parti 46 telah menjejaskan kekuatan UMNO. Jikalau kita tidak bekerja dengan lebih kuat dan lebih tersusun, mungkin kejayaan kita dalam pilihanraya tidak seperti yang kita telah capai, iaitu kita tidak kalah barang satupun kerusi Parlimen di sembilan daripada sebelas buah negeri di Semenanjung.

Walaupun Parti 46 tidak kuat tetapi kemampuannya menjayakan PAS dan DAP dan menggugat Barisan Nasional di Sabah perlu diambil kira. Parti 46 melemahkan kekuatan politik orang Melayu yang mana kekuatan inilah yang menjayakan Perikatan dan BN dan menstabilkan negara Malaysia.

UMNO - Teras Politik Negara

Orang Melayu tidak berniat menguasai atau mendominasi orang-orang lain. Jika kita berminat, UMNO tidak akan meletakkan hanya 84 calon sedangkan kawasan yang orang Melayu menjadi majoriti adalah 96. Kita rela mengorbankan 12 kerusi kerana kita tidak tamak.

Tetapi orang Melayu melalui UMNO mestilah menjadi teras dan tunjang bagi Kerajaan Malaysia. Kerajaan campuran tidak boleh kukuh dan kekal jika tidak ada sebuah parti yang kuat yang boleh menjadi teras kepadanya. Jika semua parti dalam kerajaan campuran sama kuat, rebutan untuk mendapat tempat pertama akan berlaku. Dan ini sudah tentu akan menjadikan kerajaan campuran berkenaan tidak stabil dan lemah.

Rakan-rakan kita dalam BN harus faham mengapa UMNO perlu menjadi teras BN dan Kerajaan. Saya tahu bahawa satu daripada fitnah yang dibuat oleh parti lawan di Sarawak dan di Pulau Pinang selepas PBS keluar daripada Barisan Nasional ialah mengapakah parti bukan Melayu harus dikuasai atau "dominated" oleh orang Melayu dalam UMNO. Jika PBS berani menolak BN dan terasnya UMNO, kenapa orang bukan Melayu lain tidak mahu memilih parti bukan Melayu yang tidak tunduk kepada Melayu UMNO? Saranan ini mendapat sambutan daripada mereka dari orang bukan Melayu yang berfikiran cetek.

Nasib baiklah BN terus menang walaupun ramai pengundi bukan Melayu tidak mengundi BN. Jika berjaya usaha mereka memberi kemenangan kepada APU dan Gagasan, hari ini akan ada Kerajaan Persekutuan yang tidak mempunyai teras dan tunggak yang kuat, yang dianggotai oleh bermacam parti yang mengutamakan kepentingan diri sendiri. Di Kelantanpun sudah kita lihat betapa tipisnya kerjasama PAS dengan Parti 46. Untuk jawatan Timbalan Menteri Besarpun mereka berhempas pulas untuk mendapatkannya bagi parti masing-masing. Jika Gagasan dan APU mendirikan Kerajaan Persekutuan, maka rebutan yang sengit akan berlaku. Mungkin jawatan Timbalan Perdana Menteri terpaksa ditambah menjadi 5 atau 6. Dan Perdana Menteri pula adalah daripada parti yang lemah. Kerana lemah, Perdana Menteri akan terpaksa mengemis sepanjang masa untuk mendapat sokongan daripada parti-parti komponen dua ikatan yang berasingan iaitu APU dan Gagasan.

Sudah tentu kerajaan APU/Gagasan tidak akan dapat membawa kestabilan kepada Malaysia. Kita mendapati kerajaan campuran di negara-negara lain yang tidak mempunyai tunggak yang kuat kerap gagal. Jika kerajaan APU/Gagasan memerintah Malaysia, kestabilan tidak akan wujud. Ekonomi negara akan merosot. Sabah dan Kelantan akan hanyut dengan kedaerahannya. Percubaan PAS untuk mendirikan negara Islam ala PAS akan menjadi punca perselisihan faham yang akan menjejaskan keamanan dan kestabilan negara.

Tetapi, Alhamdulillah, majoriti rakyat di Malaysia berfikiran waras, dan tidak mahu memperjudikan masa depan mereka. Mereka yang tidak mengundi BN harus insaf dan bersyukur kerana penyokong BN dapat menyelamatkan mereka. Akhbar-akhbar bahasa Cina yang begitu ghairah mendokong konsep sistem dua parti atau "two-party system" bermain dengan api apabila berkempen untuk parti lawan. Janganlah fikir bahawa sistem dua parti boleh membawa keadilan dan kebahagiaan. Hari ini semua negara Barat yang mengamalkan sistem dua parti menghadapi bermacam masalah. Bukan sahaja politik mereka tidak stabil tetapi ekonomi mereka merosot. Kerajaan sistem dua parti di sebuah negara Barat yang terkemuka terpaksa ditutup beberapa hari kerana Presidennya tidak menandatangani peruntukan untuk membayar gaji.

Janganlah fikir bahawa apa sahaja yang dibuat oleh orang kulit putih dari Barat adalah baik. Sudah lama masanya berlepas yang kita harus mendewakan mereka. Sistem politik dan falsafah mereka tidakpun sesuai dengan masyarakat mereka. Apakah sebabnya yang kita harus meniru mereka secara membuta tuli? Tidakkah dapat kita melihat bahawa sekarang mereka lebih kerap gagal daripada kita sendiri, dan juga daripada negara-negara Timur yang lain, yang penduduknya berkulit kuning, sawo matang ataupun hitam?

"I would like to ask the Chinese press, when are you going to lose your inferiority complex? Have some confidence in Malaysia's multi-party system. Cannot you see that it has served you well all these years of independence? You are able to survive because of Malaysia's multi-party system. Under PAS you won't last two days. So do not abuse your rights especially on racial matters".

Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum jauh lebih berjaya daripada negara-negara Barat dalam membendung gejala perkauman di samping membangunkan ekonomi negara. Statistik jelas membuktikan pembangunan ekonomi negara kita. Kemewahan bandar-bandar Malaysia yang ramai penduduknya bukan bumiputera adalah nyata dan dapat dirasai. Mengapa akhbar Cina menutup mata kepada yang nyata dan membenarkan diri dikongkong oleh falsafah dan cara-cara Barat dan memainkan api perkauman?

Demokrasi

Barat telah mengongkong fikiran manusia terlalu lama. Konsep keadilan mereka, konsep kebebasan mereka, konsep moral mereka, konsep kerajaan mereka, institusi-institusi mereka dan cara-cara dan pendekatan mereka diterima oleh dunia sebagai "the only way, and the right way", seolah-olah tidak ada nilai dan cara yang lain. Jika Barat menukar fikiran mereka, maka duniapun turut bersama tanpa soal. Jika mereka balik ke asal, maka dunia turut juga. Dunia seolah-olah terpukau oleh Barat sehingga sanggup memperhambakan tubuh badan dan akal fikiran kepada Barat.

Ramai di Malaysia juga sudah menjadi Pak Turut. Bilakah mereka ini akan sedar bahawa Barat mungkin salah dan kita yang bukan dari Barat mungkin betul? Bilakah pihak ini akan berani berfikir sendiri tanpa dikongkong oleh Barat?

Kita menerima sistem demokrasi. Kita harus menerimanya kerana ia adalah satu sistem yang baik walaupun dicipta di Barat. Tetapi apakah semua interpretasi dan amalan demokrasi di Barat itu baik?

Umpamanya kebebasan. Apakah ianya 'absolute' atau mutlak - tidak terhad? Adakah kita boleh membuat apa sahaja atas alasan bahawa dalam demokrasi kita bebas? Di Barat mereka begitu bebas sehingga bersekedudukan adalah perkara biasa. Demikian lelaki berkahwin dengan lelaki dan wanita dengan wanita; ini diiktiraf oleh undang-undang sesetengah negara Barat sebagai sah sehinggakan jika mereka berpisah, ini dianggap sebagai penceraian dan nafkah mesti dibayar.

Apakah kita mahu kebebasan seperti ini? Jika kita berpendapat kita patut menolak keganjilan dan keterlaluhan ini, apakah kita tidak boleh menolak yang lain juga jika kita mendapati ia keterlaluhan, tidak mendatangkan faedah dan tidak sesuai dengan masyarakat kita?

Demokrasi bagi kita ialah hak bagi rakyat menentukan siapa yang dipilih untuk memerintah atau menjadi kerajaan yang akan mengurus dan mentadbir supaya majoriti rakyat hidup bebas daripada tekanan. Kesalahan dan penindasan bukan sahaja boleh dilakukan oleh kerajaan. Kumpulan-kumpulan yang lain dalam masyarakat demokratik boleh melakukan kezaliman dengan apa juga pengaruh dan kuasa yang ada pada mereka.

Dalam masyarakat demokratik, kumpulan-kumpulan seperti media massa, kumpulan pendesak, kesatuan-kesatuan sekerja, persatuan-persatuan, kumpulan-kumpulan profesional semuanya boleh memaksa masyarakat dan menekan parti-parti politik. Jika tekanan mereka bertujuan kebaikan, maka tidak ada masalah yang akan wujud. Tetapi keghairahan kepada kuasa tanpa tanggungjawab kadang-kadang melanda mereka dan mereka menghasut dan menghalang hak rakyat untuk membuat pilihan.

Baru-baru ini Majlis Peguam Malaysia telah mengambil tindakan mahkamah untuk memasukkan Ketua Hakim Negara ke dalam penjara, iaitu untuk melucutkan beliau daripada jawatan Ketua Hakim Negara. Majlis Peguam ini jugalah yang menghentam Kerajaan kerana melucutkan jawatan seorang Ketua Hakim Negara yang lain.

Sementara Kerajaan bertindak mengikut peruntukan undang-undang dan Perlembagaan, Majlis Peguam cuba melucutkan Ketua Hakim Negara daripada jawatannya dengan tidak berpegang kepada undang-undang yang khusus.

Peguam yang terlibat dengan kes ini apabila didakwa kerana menghina mahkamah telah didapati bersalah dan didenda hanya lima ribu ringgit. Sebaliknya, jika tindakannya mendakwa Ketua Hakim Negara kerana menghinakan mahkamah berjaya, maka Ketua Hakim Negara akan kehilangan jawatan, suatu hukuman yang amat berat.

Kita menghormati mahkamah tetapi apakah percubaan memasukkan hakim ke dalam penjara, terutamanya hakim yang tertinggi sekali, merupakan penghormatan Majlis Peguam kepada mahkamah? Jika Majlis Peguam boleh berbuat demikian kepada Ketua Hakim Negara, apakah ia tidak boleh berbuat demikian kepada hakim-hakim yang lain? Bagaimanakah kita hendak menghormati mahkamah jika ia boleh diugut oleh Majlis Peguam?

Ini adalah satu contoh yang jelas betapa badan bukan Kerajaan boleh menindas masyarakat dan menutup mulut pengkritik. Mereka sering mengugut untuk mengambil tindakan mahkamah kepada sesiapa sahaja yang mengkritik mereka. Dan mereka sepanjang masa berhubung dengan majlis-majlis peguam di seluruh dunia untuk

menghinakan mahkamah Malaysia. Tidak ada tindakan yang diambil terhadap penghinaan mereka ini kerana pihak yang boleh menghukum mereka takut dituduh dan diserang oleh Majlis Peguam. Dengan perkataan lain, kebebasan mahkamah diganggu oleh Majlis Peguam, bukan oleh Kerajaan.

Dalam pilihanraya umum yang lalu, satu kumpulan kesatuan sekerja telah diperalatkan oleh sekumpulan orang politik untuk kepentingan diri mereka. Kesatuan sekerja dibenarkan berfungsi bukan untuk berpolitik tetapi untuk melindungi hak-hak pekerja. Hak-hak tertentu diberi kepada kesatuan sekerja untuk memperjuangkan nasib para pekerja.

Ada ahli-ahli politik menyarankan bahawa kepentingan pekerja akan lebih terpelihara jika pemimpin pekerja melibatkan diri dalam politik dan dapat membentuk kerajaan. Mungkin ini lojik. Tetapi pengalaman di negara-negara lain menunjukkan bahawa nasib pekerja tidak menjadi lebih baik walaupun pemimpin mereka atau pihak yang mendakwa diri mereka sebagai pejuang hak pekerja berjaya menubuhkan kerajaan. Sebaliknya nasib pekerja menjadi lebih buruk.

Inilah salah satu sebabnya hari ini ideologi komunis dan sosialis ditolak oleh semua pihak. Pekerja yang tinggal di negara komunis adalah seperti hamba negara. Dan ekonomi kebanyakan negara sosialis merosot walaupun sebelumnya mereka maju dan mewah. Pekerja 'di syurga pekerja' seperti yang didakwa oleh komunis hidup sengsara, tidak mendapat ganjaran yang dijanjikan oleh pemimpin pekerja yang mendapat kuasa kerana sokongan daripada "the working class".

Justeru itu kita perlu memikir semula tentang peranan kesatuan sekerja. Sebenarnya kesatuan sekerja bermula kerana ada penindasan daripada majikan di zaman permulaan revolusi industri lebih daripada dua ratus tahun dahulu. Di zaman itu tidak ada undang-undang yang melindungi pekerja. Mereka menjadi seperti hamba kepada majikan. Pendapatan mereka tidak lebih daripada pendapatan hamba.

Semenjak itu pandangan masyarakat terhadap pekerja dan majikan telah berubah. Standard minimum dan layanan kepada pekerja dipelihara dan dilindungi oleh undang-undang dan kerajaan. Selain daripada negara komunis, lazimnya pekerja benar-benar mendapat tempat yang terhormat dalam masyarakat dan bagi yang berkebolehan dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Anak buruh tidak semestinya menjadi buruh. "Upward mobility" adalah satu kenyataan di zaman ini.

Semua ini adalah hasil tindakan perusahaan oleh kesatuan-kesatuan sekerja dahulu. Tetapi kesan yang besar daripada gerakan kesatuan sekerja ialah menyedarkan masyarakat bahawa penindasan terhadap pekerja tidak boleh diterima. Masyarakat umum menyokong penggubalan undang-undang yang melindungi pekerja. Hari ini penindasan pekerja seperti yang berlaku di masa dahulu tidak mungkin berlaku lagi. Pekerja sekarang bebas untuk menjayakan diri, mendapat pelajaran dan berpindah daripada menjadi pekerja upahan kepada bekerja sendiri atau memasuki bidang-bidang lain yang lebih berpotensi. Lapisan masyarakat atau kelas tidak wujud

lagi. Demikianlah perkembangan dalam bidang kesatuan sekerja sehingga mereka yang mendapat gaji berpuluh kali ganda lebih daripada gaji minimum dan hidup mewah, mereka boleh mengambil tindakan perusahaan yang membawa masalah kepada masyarakat jika tuntutan mereka untuk menaikkan lagi gaji tidak dilayan.

Dalam keadaan ini apakah kita harus menyelesaikan masalah antara pekerja dengan majikan melalui tindakan perusahaan? Mogok dan cara-cara lain untuk memaksa majikan tunduk kepada tuntutan pekerja menyebabkan kerugian besar kepada kedua-dua pihak, majikan dan pekerja. Lebih daripada itu tindakan perusahaan menjadi beban kepada masyarakat, kerana akhirnya orang ramai yang akan menanggung kenaikan kos akibat layanan oleh syarikat atau pertubuhan kepada tuntutan-tuntutan kesatuan sekerja. Amatlah cetek untuk memikirkan bahawa majikan sahaja yang akan menanggung beban kos ini.

Di negara-negara yang sering dilanda oleh tindakan perusahaan, perniagaan dan perusahaan tidak boleh berkembang maju. Negara yang sudah maju sekalipun merosot prestasinya apabila kerap mengalami tindakan perusahaan. Kemerosotan ekonomi serta prestasi negara-negara Barat berbanding dengan negara-negara Timur tertentu adalah disebabkan oleh tidak adanya keamanan perusahaan atau "industrial peace" di negara-negara Barat. Sebab itulah pihak-pihak tertentu di negara-negara Barat cuba menghasut kesatuan-kesatuan sekerja di negara-negara Timur supaya membuat berbagai-bagai tuntutan dan mengambil tindakan perusahaan. Dahulu Korea Selatan dan Taiwan amat maju, tetapi setelah para pekerja mereka dihasut oleh pihak-pihak Barat, prestasi negara-negara ini mulai merosot, dan mereka tidak lagi mampu bersaing dengan negara Barat. Pertumbuhan ekonomi mereka terjejas dan mereka tidak mungkin menjadi negara maju. Sebaliknya pekerja-pekerja di negara yang tidak dapat bersaing dengan negara Barat, walaupun lebih tertindas, tidak menarik perhatian kesatuan sekerja Barat.

Janganlah kita memikirkan bahawa simpati yang ditunjukkan oleh pihak Barat kepada pekerja kita adalah kerana mereka ingin melihat pekerja kita menikmati taraf hidup yang lebih baik. Tindakan kesatuan-kesatuan sekerja di Amerika Syarikat seperti AFL-C10 bukan disebabkan oleh perasaan tanggungjawab dan simpati terhadap pekerja kita di Malaysia. Secara terus-terang mereka menyebut tentang kehilangan peluang-peluang pekerjaan bagi pekerja di negara mereka dan dengan itu sukar bagi mereka membuat tuntutan kerana syarikat-syarikat mereka tidak dapat bersaing dengan syarikat-syarikat di Malaysia. Amat aneh sekali apabila pemimpin tertentu kesatuan sekerja Malaysia menyokong tindakan AFL-C10 yang mengancam kepentingan pekerja-pekerja kita.

Malaysia sedang membangun. Kita perlu kepada pelaburan, baik dari dalam mahupun dari luar negeri. Jika keamanan perusahaan tidak wujud di Malaysia, tidak ada siapapun yang mahu melabur. Kenapakah harus mereka mendedahkan modal mereka kepada kerugian? Jika pelaburan tidak ada, peluang pekerjaan juga tidak akan ada. Jika peluang pekerjaan tidak ada, tuntutan melalui apa cara sekalipun untuk mendapat gaji yang lebih oleh mereka yang sudah bekerja tidak akan berhasil. Sebaliknya, jika ter-

perusahaan daripada mengutamakan kepentingan pekerja. Jika mereka terdiri daripada ahli politik dengan kepentingan politik tertentu, maka pekerja dan kesatuan sekerja adalah alat semata-mata untuk menjayakan cita-cita politik mereka.

Kerajaan yang didirikan oleh parti buruh di negara-negara Barat tidak pernah maju dan gagal meningkatkan taraf hidup pekerja. Pekerja dalam negara yang diperintah oleh parti buruh juga terpaksa mengadakan mogok untuk mendapat gaji lebih. Kebanyakan negara yang diperintah oleh parti buruh atau sosialis merosot ekonominya dan pekerja mereka tidak semewah pekerja negara yang mengamalkan ekonomi pasaran. Hendaklah kita bezakan antara negara yang mengamalkan ekonomi pasaran atau "market economy" daripada negara kapitalis. Kapitalis tidak berkuasa dalam negara ekonomi pasaran, tetapi mereka diberi peranan terkawal untuk mengembangkan ekonomi di samping mendapat keuntungan untuk diri mereka. Kerajaan Malaysia mendokong ekonomi pasaran kerana ia memberi peluang kepada semua yang sanggup bekerja kuat mendapat kehidupan yang bahagia. Kerana mendokong sistem ekonomi pasaran, kita kadang-kadang ternampak seolah-olah anti-pekerja. Ini tidak benar. Ingatlah akan pepatah Melayu 'Sayang anak, tangan-tangan'. Teguran kita adalah untuk kebaikan bersama. Jika kita syorkan pendekatan yang lain daripada tindakan perusahaan untuk menyelesaikan masalah pekerja, sebabnya ialah kerana ia boleh memberi keadilan kepada pekerja.

Penerapan Nilai-Nilai Islam

Kebahagiaan hidup di dunia bergantung sebahagiannya kepada kekayaan material. Tetapi kekayaan material tidak menentukan ketenangan jiwa dan kebahagiaan di akhirat.

Sebab itulah kerajaan menekankan penerapan nilai-nilai Islam. Nilai-nilai Islam adalah nilai-nilai yang tidak keterlaluan. Nilai-nilai Islam juga mengambilkira keadaan semasa.

Enam puluh tahun dahulu, banyak benda yang dianggap haram tetapi hari ini kita tidak lagi menekankan sebagai haram. Antaranya ialah gambar lukisan dan gambar foto. Dahulu lukisan rupa tidak boleh dibuat kerana dikatakan sama seperti patung yang boleh disembah. Sudah tentu sebarang ukiran yang bercorak rupa ditegah.

Tetapi sekarang ini soal haram atau halal gambar-gambar rupa manusia tidak lagi disebut. Gambar orang-orang tertentu yang mendakwa mereka alim dalam bidang agama disebar luas. Ada negara yang kononnya kuat pegangan kepada agama memamerkan gambar pemimpin mereka di dalam masjid.

Ada yang berkata gambar bergerak atau "movie" adalah haram, tetapi mereka yang begitu konservatif sehingga tidak mahu wanita bekerja, mereka juga menggunakan gambar bergerak lengkap dengan suara untuk kepentingan politik mereka. Tidak disebut lagi bahawa gambar atau lukisan rupa bentuk adalah haram jika ia memenuhi kepentingan politik mereka.

dapat keamanan perusahaan, pelaburan akan meningkat, dan para pengusaha akan berebut-rebut untuk mendapat pekerja. Ini sedang berlaku di Malaysia. Kerana perebutan ini paras gaji sudahpun meningkat tanpa desakan melalui tindakan perusahaan.

Menyelesaikan masalah tuntutan pekerja melalui konfrontasi, ugutan akan menutup kilang, dan mogok, samalah dengan menyelesaikan masalah di antara dua pihak dengan cara bertinju untuk menentukan siapa menang. Dalam masyarakat bertamadun, segala pertikaian diselesaikan melalui rundingan atau dengan merujuk kepada pihak ketiga, atau kehakiman. Mengapakah dalam soal pertikaian antara pekerja dengan majikan, penyelesaian harus dibuat melalui ujian kekuatan yang membinasakan bukan sahaja pekerja dan majikan tetapi juga orang lain yang tidak terlibat, dan ekonomi negara.

Jika kerana mogok dan kenaikan gaji barang-barang naik harga, bukan sahaja penjualan mungkin tidak laris tetapi barang-barang lain juga akan turut naik harga, kerana penjual barang-barang lain ingin mendapat pendapatan yang lebih untuk membeli barang-barang yang sudah naik harganya. Dengan itu berlakulah inflasi dan kenaikan gaji tidak boleh membeli lebih banyak barang-barang daripada dahulu. Apakah artinya kenaikan gaji jika daya membeli atau "purchasing power" sama sahaja seperti dahulu.

Jika barang-barang yang kita keluarkan itu dipasarkan di luar negara, maka tekanan saingan daripada pengeluar-pengeluar lain boleh menyebabkan kegagalan dan kerugian yang besar sehingga mungkin perusahaan dihentikan dan pekerja hilang kerja.

Jika kenaikan gaji dibuat melalui rundingan atau "arbitration" dan disertai dengan peningkatan daya pengeluaran yang seimbang atau lebih tinggi daripada tambahan kos, maka barang-barang yang dikeluarkan tidak akan naik harganya. Barang-barang lain juga tidak perlu dinaikkan harganya dan inflasi tidak akan berlaku. Dalam keadaan ini, daya membeli pekerja akan meningkat bersama kenaikan gaji dan semua pihak lain akan dapat menumpang daripada daya pembelian pekerja yang bertambah. Ekonomi akan berkembang hasil daripada kenaikan gaji.

Jikalau kerajaan sekali-sekala dilihat sebagai tidak suka kepada tindakan perusahaan, sebabnya bukanlah kerana kerajaan anti-pekerja, tetapi sebaliknya kerana kerajaan adalah pro-pekerja. Kerajaan mahukan pendapatan pekerja dan daya pembelian mereka meningkat. Dengan pendapatan yang lebih, pekerja akan dapat membeli lebih banyak barang-barang, yang mana ini akan menolong kemajuan pasaran, yang akan menolong lagi industri-industri lain seperti pembuatan, import, pengangkutan, minyak dan seribu satu kegiatan perniagaan yang mempunyai ramai pekerja. Hasil Kerajaan juga akan meningkat dan pekerja sektor awam juga akan mendapat nikmat.

Dalam keadaan keamanan perusahaan, ekonomi akan tumbuh dengan lebih pesat, permintaan untuk pekerja akan meningkat, gaji yang akan ditawarkan akan meningkat dan semua pihak akan mendapat nikmat. Sebaliknya, sesetengah pemimpin kesatuan sekerja lebih asyik dengan kuasa mengugut melalui tindakan

Demikian juga dengan pemakaian topi tentera yang mempunyai "peak". Kononnya haram kerana tidak boleh sembahyang. Dengan itu di dua buah negeri di Malaysia dicipta topi ala tentera yang tidak ada "peak". Hari ini tidak ada siapa lagi yang membahaskan tentang halal-haram topi tentera yang mempunyai "peak".

Hakikatnya ialah perubahan dalam dunia menghendaki kita membuat tafsiran agama yang lebih tepat. Masalah agama bukan berpunca daripada agama. Agama Islam tidak cacat sama sekali. Yang cacat ialah tafsiran mengenai agama Islam. Yang cacat ialah pentafsir.

Di zaman Rasulullah s.a.w. terdapat hanya satu tafsiran sahaja kerana kumpulan orang Islam, yang belum tersebar jauh, dapat merujuk kepada Rasulullah s.a.w. sendiri. Tetapi selepas wafat Nabi, orang Islam terpaksa bergantung kepada keluarga dan para sahabat. Pada zaman Khulafah al Rashidinpun sudah ada perbezaan pendapat, khusus mengenai siapakah yang harus menjadi waris Nabi, sama ada Saidina Ali daripada keluarga Rasulullah s.a.w. atau pemimpin yang dipilih oleh orang Islam.

Selain daripada pembunuhan yang berlaku kepada Saidina Omar, Saidina Othman dan Saidina Ali, perbalahan mengenai hak Saidina Ali menjadi Khalifah tidak pernah putus. Peperangan berlaku dan anak kepada Saidina Ali juga terbunuh. Dan orang-orang Islam terbahagi kepada dua — Ahlul Sunnah wal Jamaah dan Shiah, sehinggalah sekarang.

Di kalangan ahli Sunnah pula terdapat empat imam besar, masing-masing dengan tafsirannya yang walaupun tidak terlalu jauh berbeza tetapi tetap berbeza sehingga amalan agama pengikut imam masing-masing berbeza.

Demikian juga di kalangan puak Shiah. Sekurang-kurangnya ada dua belas imam yang membawa ajaran yang berbeza-beza di kalangan pengikut-pengikut mazhab Shiah.

Tetapi pengajaran dan tafsiran agama Islam tidak terhenti dengan imam-imam tertentu di kalangan Sunnah dan Shiah. Sepanjang masa tafsiran yang berbeza-beza di buat oleh orang-orang yang mengkhusus dalam bidang agama.

Ijtihad adalah satu cara mencari penyelesaian berkenaan dengan tafsiran agama dan dalam menghadapi soalan-soalan baru yang timbul kerana peredaran masa. Apa yang dahulu diterima tanpa soalan, semakin lama semakin kerap disoal. Dan soalan-soalan ini apabila dijawab oleh pentafsir yang berlainan, kerap berbeza. Melalui Ijtihad kata sepakat mungkin dicapai. Tetapi ada pula yang berpendapat bahawa pintu Ijtihad sudah ditutup.

Pendapat bahawa pintu Ijtihad telah ditutup tidak menyelesaikan masalah orang Islam. Soalan-soalan baru terus muncul dan jawapan atau fatwa lama dipersoalkan. Perkembangan dalam dunia moden dengan pendekatan sains dan kemudahan-kemudahan yang dicipta melaluinya, menghadapkan umat Islam kepada beribu-ribu soalan yang tidak boleh dijawab oleh mereka yang hanya arif dalam hukum-hukum agama

tetapi tidak berpengetahuan dalam bidang-bidang lain. Demikian seorang tok guru yang terkenal, apabila diberitahu manusia sudah mendarat di bulan, mendakwa bahawa ini adalah suatu pembohongan orang putih dan orang kafir. Soal bagaimana menentukan waktu sembahyang dan puasa di tempat yang matahari dilihat 24 jam sehari selama enam bulan, dan malam juga selama enam bulan tidak dapat dijawab dengan tepat kerana ada ulama yang tidak percaya wujud keadaan seperti ini. Dan kita belum sampai kepada soal waktu sembahyang di bulan.

Masalah bertambah apabila ada ulama yang berminat dengan politik. Menyedari bahawa kedudukan mereka sebagai ulama memberi pengaruh yang amat kuat kepada mereka, mereka tidak segan-segan menyalahafsirkan agama untuk kepentingan politik diri sendiri. Mereka dengan mudah menghukum sesiapa yang tidak sebulu dengan mereka, sehingga sanggup mengkafirkan orang-orang yang tidak mahu menerima politik mereka. Mereka mendakwa Islam adalah parti mereka dan parti mereka adalah Islam. Malangnya ada orang Islam yang percaya ini benar dan secara membuta tuli mengikut mereka dan tidak mahu menerima kenyataan.

Pelajaran dan ilmu yang terkeluar daripada bidang pengetahuan orang yang berkepentingan ini dikatakan sekular dan mereka menuntut supaya diharamkan. Dengan menghad dan melumpuhkan bidang pengetahuan orang Islam, iaitu dengan menjadikan orang Islam orang yang kolot, mereka berharap dapat mengekalkan pengaruh dan kuasa mereka dalam masyarakat Islam. Jika ada ulama yang tidak sanggup menerima tafsiran atau cara-cara mereka, maka ulama itu dicap sebagai penyeleweng dan talibarut, dan orang yang sudah tidak Islam. Dengan itu ramai juga ulama yang membisu apabila sesuatu penyelewengan agama dibuat.

Dalam suasana ini dan dengan kesedaran akan kekeliruan yang ketara di kalangan orang-orang Islam di Malaysia, Kerajaan cuba berusaha untuk meningkatkan pengetahuan agama serta menerapkan nilai-nilai Islam yang sebenar. Sejurus selepas Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam diisytiharkan, bermacam-macam tafsiran dibuat tentang apa dianya nilai-nilai Islam. Tafsiran-tafsiran yang negatif disebarikan sehingga ia menjejaskan pencapaian Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan pencapaian orang Islam sendiri.

Walau bagaimanapun Kerajaan tidak berputus asa. Kerajaan, yang diterajui oleh UMNO, akan terus berusaha menerangkan dengan sejelas-jelasnya akan maksud dan matlamat Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Kita penuh yakin jika orang Islam di Malaysia menerap nilai-nilai Islam yang sebenar, dan bukan seperti yang ditafsirkan oleh orang-orang yang berkepentingan, kita akan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat. Orang-orang bukan Islam tidak harus khuatir orang-orang Islam menerap nilai-nilai Islam. Islam tidak menyuruh orang Islam bermusuh dengan orang bukan Islam hanya kerana mereka bukan beragama Islam. Orang Islam hanya bermusuh dengan orang bukan Islam jika mereka itu bermusuh dengan orang Islam.

Tidak ada paksaan dalam Islam. Kita tidak berniat untuk memaksa orang bukan Islam memeluk agama Islam. Wujudnya pendakwaan yang ekstrim di sebuah negeri

bukan kerana disuruh oleh Islam, tetapi kerana ada pendakwah-pendakwah ekstrim yang berpendapat mereka akan dapat pahala dan ganjaran yang lebih bagi diri mereka di akhirat. Pendakwah-pendakwah ekstrim seperti inilah yang bersalah.

Kerajaan tidak berniat untuk melakukan kesalahan ini. Sebenarnya ramai daripada mereka yang mendakwa diri mereka sebagai pendakwah Islam lebih asyik mencari salah dan kadang-kadang mengkafirkan orang Islam daripada minat untuk mengIslamkan orang bukan Islam. Justeru itu orang bukan Islam tidak harus khuatir dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam oleh orang Islam dan orang Islam pula harus menyambut dengan ikhlas dasar berkenaan. Insyallah semua pihak akan mendapat nikmat dan kebahagiaan.

Bersatu - Bersetia - Berkhidmat

Tiada siapa boleh menafikan bahawa politik menarik minat sebahagian besar daripada rakyat Malaysia, terutamanya orang Melayu. Malangnya ramai melihat politik bukan sebagai satu alat untuk membangunkan masyarakat amnya tetapi sebagai satu profesion yang mereka anggap boleh membawa banyak keuntungan kepada diri sendiri.

Sama ada mereka bergiat dalam parti lawan atau parti Kerajaan, ramai yang menumpukan kepada nikmat dan bukan khidmat. Berlakunya perpecahan dalam UMNO adalah disebabkan kepentingan diri orang-orang tertentu. Isu sebenarnya tidak ada, tetapi isu telah dicipta dan diada-adakan bagi menyokong perjuangan diri sendiri.

Antara parti-parti politik yang terkemuka dan penting di Malaysia ialah UMNO. Dalam sejarah Malaysia, UMNO adalah parti yang mempunyai sejarah yang terpanjang. Ini amatlah membanggakan. Lazimnya parti politik di Malaysia merosot apabila berumur dan lambat-laun hilang dan lenyap.

UMNO kekal dan kukuh kerana beberapa faktor. UMNO mendokong hasrat dan cita-cita orang Melayu untuk maju dan dihormati. UMNO berusaha bersungguh-sungguh dan kerap berjaya memenuhi janji-janjinya. Pendekatan UMNO diterima oleh orang Melayu dan juga tidak ditolak oleh orang bukan Melayu. Kebanyakan pemimpin-pemimpin UMNO bertanggungjawab dan jujur kepada parti. Banyak lagi sebab-sebabnya mengapa UMNO kekal, berkembang dan berjaya.

Tetapi tanda-tanda tokoh-tokoh dalam UMNO sudah lupa akan falsafah dan perjuangan UMNO sudah menjadi semakin ketara. Tradisi yang memainkan peranan yang amat penting dalam pengekalan dan kejayaan parti, sekarang ini tidak begitu didokong sepenuhnya lagi. Sebaliknya yang ditekankan ialah demokrasi semata-mata, atau peluang-peluang melalui amalan demokrasi.

Demokrasi semata-mata tidak boleh memberi kejayaan. Bukan semua masyarakat yang mengamalkan demokrasi berjaya. Banyak negara yang demokratik

tidak stabil, tidak berjaya dan kerap kali mengalami huru-hara. Demokrasi hanya boleh membawa kejayaan jika pengamalannya tahu akan batasan-batasan demokrasi atau "limitations of democracy".

UMNO dahulu memilih Majlis Tertinggi tiap-tiap tahun tanpa banyak masalah besar. Sekarang pemilihan diadakan tiga tahun sekali dan bermacam-macam penyakit menyerang UMNO. Yang bertanding kadang-kadang terlupa memikir tentang apa yang baik bagi UMNO, tetapi apa dia caranya yang boleh memberi kemenangan bagi diri sendiri. Jika dalam proses itu parti hancur, ini tidak mengapa. Sikap ini amatlah mendukacitakan.

Contohnya kita semua tahu dan tidak perlu diulangi. Tetapi walaupun pengalaman pahit ini kita baharu sahaja lalui, nampaknya ia tidak menjadi penghalang kepada amalan yang tidak sihat.

Pengajaran yang harus kita sematkan dalam hati ialah pertandingan boleh mengakibatkan perpecahan jika kita mengutamakan calon tertentu dan tidak mengutamakan parti. Apa yang berlaku ialah penyokong seorang calon akan terus mengikatkan dirinya kepada calon pilihannya, sama ada calon itu menang atau kalah. Dengan ikatan yang terlalu kuat ini, jika terdapat dua calon, maka pemenang akan mendapat sokongan daripada hanya sebahagian sahaja ahli-ahli parti. Jika yang kalah mengasingkan diri, maka parti yang tinggal dengan yang menang akan menjadi lebih kecil daripada dahulu. Jika seperti yang telah berlaku, yang kalah keluar terus daripada parti dan menubuh parti lain, ahli-ahli yang menyokongnya akan hilang terus daripada parti asal. Sekiranya pertandingan diadakan lagi, seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan dan terdapat lebih daripada satu calon untuk sesuatu jawatan tertinggi, maka serpihan akan berlaku lagi dan parti akan menjadi semakin kecil. Jika pertandingan ini berlaku di peringkat yang tertinggi sekali, parti akan pecah dua setiap kali pemilihan diadakan.

Jika tidak pun di peringkat tertinggi tetapi di kalangan barisan pelapis, permusuhan secara berkekalan di antara penyokong-penyokong calon yang menang dan yang kalah akan membawa banyak masalah dan sudah tentu akan melemahkan parti. Akhirnya yang tinggal ialah nama parti sahaja, tetapi bisanya sudah hilang dan perjuangannya sudah tidak berkesan lagi. Apa gunanya dapat menjadi pemimpin parti dengan gelaran-gelaran yang mulia bunyinya tetapi akhirnya parti akan kalah dalam pilihanraya dan tidak boleh meneruskan perjuangannya?

Sebaik-baiknya cara ialah setelah pertandingan selesai, semua ahli parti merapatkan barisan di belakang calon yang menang. Tetapi ini tidak mungkin jika semasa pertandingan tuduh-menuduh, caci-mencaci, fitnah-memfitnah dan cara-cara yang tidak sihat digunakan. Buku-buku yang mengandungi tohmahan dan fitnah yang begitu buruk hanya akan menyebabkan permusuhan berterusan.

Pertandingan sepatutnya bercorak "gentleman" dan berasaskan kepada prestasi calon sebagai seorang individu, sebagai seorang pendukung parti, sebagai seorang pemimpin, dan jika ia berada dalam Kerajaan sebagai seorang anggota Kerajaan yang

berjaya. Rekod baik seorang calon jika ianya betul-betul baik, tidak perlu dilaungkan melalui kempen. Parti boleh memperkenalkan rekod setiap calon secara adil untuk diketahui oleh para perwakilan. Dalam pada itu, kita harus ingat yang bertanding adaiiah manusia biasa dan bukannya malaikat. Dan sebagai manusia biasa, kita memang mempunyai sedikit sebanyak kelemahan.

Sekiranya pertandingan dijalankan secara ini tidak akan ada banyak sakit hati dan tidak banyak permusuhan yang kental. Dengan itu selepas keputusan dicapai, amatlah mudah merapatkan semula barisan dalam parti dan meneruskan perjuangan untuk mencapai matlamat parti.

Lambat laun kepimpinan terpaksa diganti. Amatlah sedih dan mendukacitakan jika proses mengganti pemimpin-pemimpin ini menghancurkan parti. Tiga orang presiden mengetuai parti UMNO tanpa sebarang cabaran yang bersungguh-sungguh. Tidak adanya cabaran tidak bererti pemimpin dahulu tidak ada kelemahan sama sekali. Tidak adanya cabaran adalah kerana tokoh-tokoh yang berkebolehan dalam parti tidak sanggup mencabar pemimpin yang sedia ada pada masa itu. Perpaduan parti dianggap lebih penting daripada cita-cita besar mana-mana tokoh. Apabila ada individu daripada barisan pemimpin tinggi yang bercita-cita besar, individu yang mengutamakan cita-citanya lebih daripada parti, maka berlakulah kekecohan yang boleh memusnahkan parti.

Hari ini kita akan memilih pemimpin-pemimpin parti. Saya menyeru saudara-saudari sekalian supaya mengutamakan parti dan perjuangannya. Janganlah kita terlalu mengikatkan diri kepada calon kita. Undilah mereka yang mempunyai rekod khidmat yang baik. Tetapi yang penting dan utama ialah sesudah kita membuat pilihan, semua ahli hendaklah merapatkan barisan di belakang calon yang menang dan memberi sokongan penuh kepadanya. Dengan itu perjuangan parti yang mulia dapat diteruskan. Perjuangan parti lebih penting daripada calon atau mana-mana individu atau pemimpin.

Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada bahagian-bahagian yang mencalonkan dan memberi kemenangan kepada saya sebagai Presiden. Insya-Allah saya akan cuba untuk tidak menghampakan kepercayaan ini.

Pembangunan Negara Dan Kemajuan Ekonomi

UMNO ditubuhkan kerana matlamat tertentu. Semasa menentang Malayan Union kita semua tahu dengan tepat perjuangan parti. Demikian juga semasa berjuang untuk kemerdekaan. Tetapi selepas kemerdekaan dicapai, matlamat perjuangan kita menjadi luas dan kadang-kadang kabur. Perjuangan adalah umum – untuk meningkatkan maruah dan martabat bangsa, agama dan tanahair.

Kita sudah merdeka tiga puluh tiga tahun. Dalam masa itu kita telah mencapai banyak kemajuan yang menepati matlamat perjuangan kita. Tidak siapapun boleh menafikan bahawa kedudukan orang Melayu sekarang lebih baik, mereka lebih terpelajar, lebih mampu daripada tahun 1957. Agama Islam pula mendapat tempat yang mulia dalam negara di mana lebih ramai mengamal ajaran Islam dan lebih ramai yang

mempunyai pengetahuan Islam yang mendalam. Negara diiktiraf oleh dunia sebagai negara Islam dan dihormati oleh dunia Islam dan bukan Islam.

Tiada siapa boleh menafikan bahawa sekarang Malaysia lebih stabil, aman dan makmur. Jika kita ingin menggunakan ukuran ekonomi, pendapatan per kapita kita meningkat daripada \$775 Ringgit dalam tahun 1957 kepada \$6,147 Ringgit dalam tahun 1990 walaupun rakyat negara ini pada tahun 1957 adalah seramai lebih daripada 6 juta orang sedangkan hari ini penduduk Malaysia berjumlah lebih daripada 17 juta.

Sekarang dunia lebih mengenali Malaysia. Malaysia memainkan peranan utama dalam arena antarabangsa. Di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kita menjadi ahli Majlis Keselamatan dan kita pernah mempengerusikan Majlis tersebut. Kita pernah mempengerusikan Kumpulan 77. Kita juga telah mempengerusikan Persidangan Komanwel dan Kumpulan 15 negara-negara membangun.

Saya tidak dapat menyenaraikan semua kejayaan dan kemajuan yang telah dicapai oleh negara kita semenjak merdeka. Jadi sekarang apakah matlamat khusus negara kita yang diperjuangkan oleh parti UMNO? Apakah impian kita? Apakah kita ingin kekal sebagai negara dunia ketiga yang terus ditindas oleh kuasa-kuasa besar, ataupun kita ingin mengukuhkan lagi kebebasan kita sebagai negara yang merdeka dan berdaulat?

Di Eropah ada negara yang kecil dengan jumlah penduduk yang lebih kecil daripada kita tetapi maju, dikenali dan dihormati. Apakah hanya orang kulit putih sahaja yang boleh mencapai taraf kemajuan ke tahap ini atau apakah kita juga boleh mencapai kejayaan yang sama? Soal ini memang terbuka dalam hati tiap seorang daripada kita dan jawapannya, walau diakui atau tidak, kerap kali negatif.

Di Timur kita dapat melihat negara-negara yang mundur dan miskin dahulu tetapi sekarang sudah mencapai kemajuan yang sama dengan negara-negara maju di Barat. Jepun, daripada negara yang miskin dan papa dan hancur akibat peperangan, sekarang menjadi kaya-raya sehingga Baratpun terpaksa mengemis kepada Jepun. Korea Selatan, yang pada satu masa dijajah oleh Jepun, dan ekonominya hancur akibat peperangan, berjaya mengatasi segala cabaran dan menjadi satu daripada apa yang dikenali sebagai Asian Tigers. Demikian juga Taiwan, dan lebih dekat dengan kita, Singapura.

Apakah kita mempunyai kekurangan tertentu yang menyebabkan kita tidak mungkin membangun dan menjadi maju? Apakah kita orang Melayu khususnya akan mundur selama-lamanya?

Dalam arena politik, kita telah berjaya beralih daripada bangsa feodal yang menyerah politik kepada kumpulan tertentu sehingga negara kita dijajah, kepada bangsa yang boleh menggunakan sistem politik yang asing dan canggih untuk membangunkan negara serta mencapai keamanan dan kestabilan. Kita lebih berjaya dalam politik berbanding dengan banyak negara yang mencapai kemerdekaan selepas

Perang Dunia Kedua ataupun yang tidak pernah dijajah. Kejayaan kita menjadi lebih unik memandangkan negara kita mempunyai penduduk berbilang kaum, berbilang agama, berbilang bahasa dan berbilang kebudayaan di mana kita orang Melayu adalah golongan yang ketinggalan dalam berbagai-bagai bidang. Dengan itu kejayaan politik yang dicapai oleh orang Melayu adalah lebih mengagumkan.

Soalnya ialah apakah kita boleh terus berjaya? Bolehkah kita terus menstabilkan negara, mengekalkan keamanan dan membangunkan negara kita sehingga Malaysia ditakrif sebagai negara maju di mana orang Melayu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum-kaum lain dalam semua bidang?

Jawapannya ialah kita mampu dan kita boleh. Orang Melayu boleh berjaya sama seperti kaum lain dalam negara ini. Dan negara ini, dengan penduduknya yang berbilang kaum, boleh menjadi negara maju sama seperti negara-negara maju di Barat dan di Timur.

Yang diperlukan ialah kepercayaan kepada diri sendiri dan kesanggupan menerima perubahan-perubahan kepada budaya kerja kita supaya lebih sesuai dengan dunia yang penuh persaingan. Hari ini kita telahpun membuktikan bahawa jika kita sanggup, kita boleh menguasai kecekapan-kecekapan tertentu sehingga hasil kerja kita setanding dengan orang lain. Apakah rahsia pencapaian ini?

Maju atau mundurnya sesuatu kaum atau bangsa itu bergantung kepada budaya kerja yang diamalkan oleh kaum atau bangsa itu. Jika bangsa Melayu kekal dengan feodalismenya, Malaysia tidak akan merdeka dan kita tidak mungkin membangunkan negara ini. Tetapi kita sanggup menggugurkan nilai-nilai dan budaya politik yang telah menjadikan kita hamba kepada kuasa Barat dan kita serapkan nilai dan budaya politik yang baru yang memberi peranan yang utama kepada rakyat. Dengan penukaran ini, kita berjaya mencapai kemerdekaan, membebaskan diri daripada penjajahan bangsa asing.

Demikian juga dalam bidang ekonomi dan pembangunan. Jika kita sanggup menerapkan nilai dan membentuk budaya kerja yang baik, kita akan berjaya. Insya-Allah kita akan dapat menjadi bangsa dan negara yang maju.

Parti dan Kerajaan mempunyai rancangan dan pendekatan yang boleh memajukan kita. Jika kita tidak menghabiskan masa berdebat berpanjangan baik-buruknya rancangan dan pendekatan ini, kita akan berjaya dengan lebih cepat, Insya-Allah. Kita dapati halangan yang terbesar ialah keinginan berpolemik. Apabila kita membentuk Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, Pandang ke Timur, Persyarikatan Malaysia, Penswastaan, Industri Berat dan beberapa dasar lain, banyak masa dihabiskan dengan perbincangan yang tidak membawa kita ke mana-mana.

Musuh Kerajaan dan musuh parti melemparkan bermacam-macam tohmahan dan fitnah kerana kepentingan politik mereka atau kerana mereka ingin memamerkan kebijaksanaan mereka. Malangnya penyokong Kerajaan, ahli parti, dan orang Melayu umumnya kerap terperangkap dengan hujah-hujah mereka dan mula mengganggu dan mengkritik dasar yang dicipta oleh parti orang Melayu sendiri.

Dengan itu usaha menjayakan sesuatu dasar tergendala kerana rakyat terkeliru dan menjadi kurang yakin.

Orang Melayu mestilah yakin akan kebolehan mereka. Mereka mempunyai bakat tetapi bakat ini perlu dicungkil. Sifat-sifat yang boleh menjadikan mereka bangsa yang berjaya dalam semua bidang perlu diperkenal, diterima, disemai dan dipupuk. Insyallah kita akan mencapai kejayaan.

Kita harus ingat bahawa kejayaan tidak akan dicapai hanya dengan membentuk dasar, atau menggubal undang-undang, atau menyekat orang lain sementara kita bersiap sedia. Sebaliknya, kita harus sanggup menghadapi cabaran dan, dengan penerimaan cara-cara baru dan budaya kerja yang sesuai, kita akan dapat bersaing dengan siapa sahaja. Kita juga harus sanggup belajar daripada orang yang lebih berjaya daripada kita. Janganlah kita terlalu sombong sehingga tidak sanggup menukar nilai-nilai kita kerana mendewa-dewakan identiti kita walaupun nilai-nilai itu akan memusnahkan kita. 'Biar mati anak jangan mati adat' mungkin tinggi semangatnya, tetapi jika anak sudah mati, siapakah yang akan meneruskan adat?

Matlamat Pembangunan

Rancangan Malaysia Kelima akan berakhir pada penghujung tahun ini. Satu program ekonomi selepas 1990 perlu digubal. Jika dengan adanya dasar sahaja maka kita boleh berjaya, maka hari ini kita sudah berjaya. Tetapi kita tahu dasar sahaja tidak menentukan kejayaan. Yang akan menentukan kejayaan ialah usaha kita melaksanakan dasar itu dengan ikhlas, tekun dan teratur.

Yang perlu dibuat oleh UMNO ialah mengakui kelemahan-kelemahan kita yang menyebabkan kita tidak dapat mencapai sepenuhnya matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan telahpun mengenalpasti kelemahan-kelemahan ini. Kerajaan mempunyai pendekatan yang dipercayai boleh mengatasi kelemahan-kelemahan yang menghalang kejayaan sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan, yang dipilih oleh rakyat, sanggup mengadakan usaha besar-besaran dan membuat peruntukan yang mencukupi untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum dan menghapuskan kemiskinan. Tetapi semua pihak mestilah bukan sahaja menerima dasar tetapi juga menerima cara dan pendekatan yang dirancang oleh Kerajaan. Melayu dan Bumiputera khususnya mesti bersikap terbuka dan sanggup membuat perubahan sikap dan pendekatan supaya mereka akan lebih berjaya.

Usaha baru ini adalah bagi dekad terakhir abad ke-20. Kita mempunyai sepuluh tahun sahaja untuk mencapai matlamat ini. Kita tidak ada masa untuk perkara remeh-temeh. Insyallah, kita akan berjaya dan kita akan dapat memelihara maruah dan kehormatan bangsa.

Sementara matlamat kita tertumpu kepada kejayaan material, ini tidak bermakna kita harus lupa akan nilai-nilai dan amalan rohaniah. Kita dapat melihat bagaimana negara-negara yang maju daripada segi material, mempunyai penduduk yang tidak

mempunyai pegangan agama dan nilai-nilai rohaniyah. Mereka mengejar keseronokan semata-mata. Akhirnya ini juga tidak menghentikan jeritan batin mereka. Dan berlakulah bermacam-macam perkara yang tidak sopan dan berbagai-bagai jenis kegilaan. Sifat-sifat kehaiwanan muncul di kalangan mereka.

Walaupun kita ingin kepada kejayaan yang setanding dengan negara maju di dunia, ini tidak bermakna kita sanggup menerima gejala-gejala yang tidak siuman yang melanda masyarakat maju di Barat. Kita mesti memelihara nilai-nilai yang mulia dan pegangan kita kepada agama kita. Kita tidak mahu melupakan daratan.

Sebenarnya segala kebolehan dan kekayaan kita di dunia adalah sementara. Kita hanya meminjam masa dan kekayaan di dunia. Tetapi apakah kita harus menolak kekayaan di dunia kerana ia merupakan pemberian sementara oleh Allah Subhanahu Wataala? Tidakkah ini juga membayangkan sifat-sifat tidak bersyukur dengan nikmat Allah Subhanahu Wataala? Memang benar nyawa kita juga sementara. Tetapi apakah kita harus pendekkan nyawa kita kerana semakin lama kita hidup di dunia semakin banyak dosa yang akan kita lakukan? Tentulah tidak. Kita adalah dikehendaki memelihara nyawa kita kerana ia adalah pemberian Allah Subhanahu Wataala. Demikian juga kecerdasan otak, tenaga dan kekayaan di dunia. Semuanya adalah pemberian Allah Subhanahu Wataala. Kita tidak berhak mensia-siakan semua ini semata-mata kerana ingin mengejar akhirat yang kekal.

Kita ingin mengimbangkan pencapaian kebendaan dengan pembangunan kerohanian kerana kita tidak mahu masyarakat kita apabila maju hilang pedoman. Imbangan ini menjadi satu unsur yang penting yang akan mempengaruhi usaha kita ke arah kemajuan. Kita berharap dengan cara ini masyarakat kita tidak akan rosak seperti masyarakat-masyarakat yang maju di Barat, di Timur dan di Timur Tengah. Dalam sejarah manusia banyak tamadun yang muncul dan maju dan kemudian hapus kerana terlalu mementingkan kebendaan atau melupakannya sama sekali. Kesederhanaan dan imbangan di antara dunia dan akhirat adalah saranan Islam dan ini kita tidak akan lupakan

UMNO - Parti Yang Bertanggungjawab

UMNO berkebolehan dan berkeupayaan. UMNO parti yang bertanggungjawab. Kedudukan dan kuasa yang diamanahkan kepada UMNO oleh rakyat bukan untuk kepentingan diri sesiapa. Kedudukan dan kuasa ini adalah untuk melindungi, memelihara dan membangunkan bangsa, agama dan negara. Kita tidak boleh mengabaikan amanah ini. Kita tidak berhak mengabaikan dan mengecewakan mereka yang memilih kita. Taraf hidup rakyat negara ini, selepas kita dalam UMNO menunaikan tanggungjawab kita dalam masa lima tahun yang akan datang, mestilah lebih baik daripada sekarang.

UMNO mesti diperkukuhkan bukan kerana kita ghairah dengan kekuatan. UMNO mesti diperkukuhkan kerana hanya UMNO yang kukuh sahaja yang boleh menunaikan segala janjinya. Inilah tanggungjawab kita. Inilah ikrar kita. Dan kita akan bersama-sama menunaikan dan menjayakan segala janji yang telah kita buat, Insya-Allah.

UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
SEMASA MENGGULUNG PERBAHASAN
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO
KUALA LUMPUR
2HB. DISEMBER, 1990

Saya amat bersyukur kerana kita telah mengadakan persidangan selama 3 hari ini, dalam keadaan yang tenang, dalam keadaan yang selamat, dalam keadaan yang cukup bersih. Kita juga telah dapat menjalankan pemilihan Ahli-ahli Majlis Tertinggi dan Naib-naib Presiden tanpa sebarang ketegangan walaupun memang ada pertandingan tetapi pertandingan yang sihat.

Memang benar saya telah membuat teguran berkenaan dengan kempen-kempen yang telah dilakukan, tetapi teguran itu ialah supaya kita dapat mengurangkan sedikit kempen-kempen. Pada umumnya kempen yang dijalankan tidaklah seperti yang kita telah lihat pada tahun 1987, yang mana kempen menjadi begitu buruk sehingga akhirnya parti kita telah berpecah dan UMNO diharamkan. Dan usaha yang amat berat terpaksa dilakukan untuk menghidupkan semula UMNO. Alhamdulillah pada hari ini kita lihat bagaimana tegasnya UMNO. Bagaimana kita dapat uruskan kerja-kerja kita dengan begitu sempurna dan kita telah melalui ujian yang terbesar sekali, iaitu kita telah menghadapi pilihanraya. Pada pilihanraya lalu bukan sahaja ahli-ahli UMNO yang menentukan sama ada kita berjaya ataupun tidak, tetapi orang ramai, orang-orang Melayu yang tidak menjadi ahli UMNO. Tentulah kerana sokongan mereka juga barulah kita dapat kemenangan.

Dari itu kita berbangga dengan kejayaan ini, kejayaan hasil daripada minat dan semangat setiap seorang ahli UMNO dan wakil-wakil mereka ke Persidangan UMNO ini. Persidangan ini telah membincangkan bermacam-macam masalah yang sensitif tetapi ianya tidak terkeluar daripada batasan. Sebaliknya cakap-cakap, perkataan-perkataan yang digunakan ialah yang mengikut adat resam orang-orang Melayu.

Adanya perhimpunan yang seperti ini kadang-kadang dianggap sebagai satu perkara biasa sahaja, kerana di Malaysia apabila kita mengadakan perhimpunan memanglah perhimpunan itu berjalan dengan tertib dan teratur, tidak ada rusuhan, tidak ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku. Tetapi walaupun demikian kita harus juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada mereka yang terlibat dengan menguruskan supaya perjumpaan ini berada di dalam keadaan yang tertib dan teratur dan mereka terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan ibu pejabat yang diketuai oleh Mat Bulat. Dia tanya saya tadi sama ada dia dah tidak dapat gelaran Mat Bulat. Saya kata masih nampak dia bulat lagi. Dia tidak tahu bulat itu ada penyakit.

Saya tidak bulatpun dapat penyakit juga. Ini lagi satu, Menteri Kewangan marah dengan saya kerana bagi nama Keling pada dia. Dia kata nama Hindu. Dia kata macam mana panggil dia Raja Money. Bukan Raja Money tetapi nama Raja Mahani.

Bagi pihak Majlis Tertinggi dan para perwakilan sekalian, saya mengucapkan terima kasih kepada para pegawai dan kakitangan dan juga kepada pasukan keselamatan PWTC dan juga kepada polis yang telah menentukan segala urusan yang berjalan dengan begitu baik semasa Persidangan kita ini. Memang kadang-kadang semasa pilihanraya mungkin didapati polis tidak dapat mengawal segala-galanya dan saya sebagai Menteri yang berkenaan memohon maaf kerana kita tidak mempunyai bilangan polis yang cukup untuk kecemasan-kecemasan yang tidak disangka. Kalaulah Encik Abdul Rahman Bakar boleh bagi tahu dia hendak kena kurung kita hantarlah. Tetapi dia tidak tahu, kitapun tidak tahu, terlewat sampai pukul 6.00 tak boleh keluar, tak boleh mengundi, dia kalah. Bukanlah sengaja, pihak polis tidak sengaja, mereka berusaha dan kita pula memberi larangan kepada mereka supaya janganlah berlaku kekasaran kepada orang ramai kerana kita tidak ingin peristiwa Memali berlaku sekali lagi. Sebab itu biasa terjadi orang yang ganas daripada parti PAS ini sehingga sanggup menangkap polis. Bukan polis menangkap mereka, mereka menangkap polis. Kita pula dengan senangnya boleh melepaskan polis yang ditawan oleh parti PAS dengan menggunakan senjata dan sebagainya, tetapi kita tidak ingin berbuat demikian. Kita ingin supaya mereka sedar kesalahan mereka dan tidak melakukannya lagi.

Saya telah mengikuti perbincangan yang berlaku dan perkara-perkara yang telah disuarakan dan tidak banyak yang boleh saya sentuh di sini. Kita kadang-kadang terlupe berkenaan dengan sesuatu yang kita ingin melarang orang melakukannya tetapi apabila kita buat, maka itu kita benarkan kepada diri kita. Kalau kita ingin memerintah secara yang adil kita harus tidak buat apa yang kita larang orang lain membuatnya.

Di sini saya ingin menyentuh ucapan daripada Bang Li saya daripada Perlis. Dia hendak suruh saya pergi ke masjid, ada kuliah subuh dan kuliah isya'. Kononnya ini akan dapat memberi penjelasan sedikit sebanyak berkenaan dengan agama kerana dia anggap saya ini sebagai seorang yang arif dalam bidang ini semata-mata kerana ucapan saya. Kita tidak hendak masjid digunakan untuk apa-apa tujuan politik. Kita tidak hendak orang lain menggunakan masjid untuk tujuan politik dan kita juga tidak akan menggunakan masjid untuk tujuan politik.

Ada banyak forum lain lagi yang boleh kita guna untuk memberi penerangan berkenaan dengan agama kita supaya rakyat umat Islam di negara kita ini tidak terkeliru dengan hujah-hujah yang dibuat oleh parti PAS demi kepentingan politik parti mereka. Saya sedar tentang penyelewengan yang dilakukan oleh parti PAS di mana mereka menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka sehingga ramai daripada rakyat Malaysia sudah terkeliru dan adanya yang memikir bahawa kalau mereka naik kenderaan PAS walau macam mana buruk sekalipun drebarnya, mereka akan sampai ke syurga. Ini adalah pendapat mereka. Ini adalah hasil daripada kekeliruan kerana tafsiran yang bukan-bukan dibuat oleh parti PAS. Juga saya mengambil mak-

lum tentang rasa curiga ramai daripada ahli-ahli terhadap nama Islam yang dilekatkan kepada parti ini. Kita dapati oleh kerana dianya menggunakan nama Islam kepada partinya maka ramai yang keliru bahawa PAS adalah Islam dan Islam adalah PAS. Oleh itu pihak kerajaan akan menimbang dan memikirkan secara mendalam tentang penyalahgunaan perkataan Islam, muslim dan sebagainya oleh parti politik yang membawa kepada kekeliruan ramai daripada umat Islam di negara kita ini. Kita bukan ingin membuat ini kerana ingin mengalahkan mereka dalam arena politik. Tetapi kerana kita tidak ingin orang Islam keliru tentang agama mereka.

Dalam arena politik kita boleh menang dengan mereka walau apa cara sekalipun yang mereka gunakan. Kali ini mereka menang bukan semata-mata kerana mereka dapat menipu rakyat di Kelantan dan setengah tempat di Terengganu kerana kononnya mereka Islam, tetapi ada juga perkara-perkara lain yang menyebabkan mereka mencapai kemenangan. Mereka biasa kalah dahulu dan mereka mungkin kalah lagi di masa hadapan.

Ada seorang jurucakap daripada sebuah negeri yang saya terlupa hendak catat di sini yang menyentuh tentang dasar kita terhadap Kuwait. Ada yang menyatakan bahawa mereka berasa tidak senang dengan keputusan kita, menyokong usul di dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita telah memikirkan dengan mendalam tentang masalah ini. Kita sedar bahawa kita tidak suka tentang penglibatan Amerika Syarikat dengan krisis Teluk. Kita tidak suka kepada Amerika Syarikat yang mempunyai banyak pengaruh Yahudi di dalamnya. Kita juga sedar bahawa mungkin Israel mengambil kesempatan daripada serangan dan penaklukan Kuwait oleh Iraq. Tetapi dalam pada itu kita harus ingat bahawa orang-orang Kuwait telahpun ditawan oleh Iraq, oleh Saddam Hussein dan ramai daripada mereka ini menderita, menunggu pertolongan daripada pihak lain. Dalam masa kita cemas, kita tidak boleh memilih siapa yang patut menolong kita.

Kalaupun orang-orang Islam sanggup menghantar askar-askar mereka yang cukup dan kuat untuk mengganti askar-askar Amerika Syarikat, maka kita tidak perlu menyokong apa-apa usul di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Tetapi sepertimana kita tahu, kita sendiri tidak sanggup kerana kita tidak mempunyai tentera yang cukup kuat. Demikian juga dengan negara-negara Islam yang lain, mereka tidak sanggup. Kalaupun sanggup bala tentera mereka tidaklah cukup kuat untuk melawan bala tentera Iraq. Oleh kerana itu apabila Arab Saudi berasa cemas, mereka terpaksa meminta pertolongan daripada siapa sahaja yang sanggup menolong mereka. Saya telah jelaskan ini dengan memberi contoh orang yang hampir tenggelam dalam sungai dan kalau ada orang yang menghulur tangan untuk menyelamatkannya dia tidak akan bertanya tangan itu tangan Islam ataupun tangan Kristian. Yang penting baginya ialah menyelamatkan dirinya dahulu.

Kita dahulu juga pernah diserang oleh jiran kita yang sebangsa dan seagama dengan kita. Pada ketika itu juga kita meminta tolong daripada orang lain dan kita tidak mengambil kira apa anutan agama mereka. Yang kita tahu ialah kita ingin menyelamatkan diri kita. Inilah keadaan yang dihadapi oleh rakyat Kuwait sekarang

ini. Bangsa mereka hendak dihapuskan sama sekali dan ada berita-berita yang boleh dipercayai bahawa ramai daripada rakyat Kuwait telahpun dibunuh ataupun disiksa. Kita tidak boleh menafikan kebenaran cerita ini. Kalau kita hendak dan kalau kita dibenar, kita boleh menghantar pemerhati ke Kuwait. Tetapi kita tidak mungkin menghantar pemerhati ke Kuwait. Kita telah bersetuju dengan sekatan segala bekalan ke Iraq, tetapi kalau bekalan-bekalan kepada Iraq tersekat, sudah tentu yang akan menderita ialah rakyat Kuwait sendiri. Kalau ada makanan siapakah yang mendapat makanan itu dahulu?. Percubaan untuk menghantar pemerhati ke Kuwait telah ditolak oleh Iraq. Dengan ini kita percaya kalaulah kita menunggu 'sanction', maka dianya akan berlarutan bukan sahaja berbulan-bulan tetapi bertahun-tahun. Kita telah menge-nakan 'sanction' kepada Afrika Selatan selama 10 tahun dengan tidak ada kesan di segi menyebabkan mereka begitu lapar sehingga tidak ada makanan di negara mereka. Justeru itu jikalau kita menyelesaikan masalah ini melalui 'sanction' maka terpaksa kita menunggu bertahun-tahun.

Kita sedar tentang nasib orang-orang Palestin. Kita memberi perhatian dan mendesak supaya orang Palestin juga diberi pertimbangan yang sama dengan nasib orang-orang Kuwait. Tetapi apakah kita boleh menunggu sehingga selesainya masalah Palestin sebelum menumpu kepada nasib orang-orang Kuwait. Sebab itu kita meminta kepada Saddam Hussein supaya dia mengundurkan tenteranya daripada Kuwait. Memang Malaysia mempunyai pendirian tidak bersetuju dengan mana-mana jiran yang kuat memasuki jiran yang lemah dan menguasainya. Kita menentang Vietnam kerana melanggar Kambojia. Kita menentang Russia kerana masuk ke Afghanistan dan kita mengkritik Amerika kerana tindakannya terhadap Grenada dan Panama. Kita tidak bersetuju dengan sebarang ugutan daripada kuasa yang besar, tetapi dalam kes ini kita tidak boleh mengecualikan. Kita masih terus menentang tindakan yang telah diambil oleh Iraq menawan Kuwait. Kalaulah tentera Iraq itu begitu kuat dan boleh dan berani menghadapi bala tentera Amerika Syarikat, kenapakah tidak Iraq menyerang Israel dan menghadapi Israel dan Amerika Syarikat?.

Dengan menyerang Kuwait maka Iraq telah membenarkan pintu belakangnya diancam oleh Israel yang sekarang ini bebas daripada sebarang tuduhan dan lebih ganas lagi daripada dahulu, kerana sekarang ini kita tidak tumpu lagi perhatian kepada Palestin, orang-orang Palestin dan Israel. Sebaliknya kita terpaksa tumpukan perhatian kepada apa yang berlaku di Teluk dan apa yang berlaku kepada rakyat Kuwait yang menderita kerana serangan dan penaklukan oleh Iraq. Sebab itu kita ingin supaya masalah Krisis Teluk ini diselesaikan dengan seberapa cepat yang boleh. Kita memberi masa 45 hari untuk Iraq undur daripada Kuwait, masa yang jauh lebih cukup kerana untuk menawan Kuwait, Iraq mengambil masa 24 jam. Dalam 24 jam Kuwait telah ditawan kerana Kuwait adalah sebuah negara yang kecil. Kita tidak nampak masalah Iraq tarik tenteranya daripada Kuwait dalam jangkamasa 45 hari, kalau dianya ingin mengundurkan diri daripada Kuwait.

Kita menyokong usul ini kerana dianya memberi peluang kepada Iraq untuk menarik balik tenteranya dan kita akan cuba menyelesaikan sebarang masalah antara Iraq dengan Kuwait melalui rundingan. Kalau tidak hendak Bangsa-Bangsa Bersatu

menyelesaikannya, maka negara-negara Islam termasuk Malaysia sanggup berunding menyelesaikan masalah antara Kuwait dengan Iraq. Kita telah sampaikan mesej ini kepada Iraq tetapi kita tidak dapat apa-apa 'response' sama sekali. Sebaliknya Iraq telah menghantar lebih banyak tenteranya ke Kuwait dan mengancam akan menyerang Arab Saudi. Sebab itulah kita terpaksa menyokong usul ini bukan kerana kita sayang kepada Amerika ataupun menyebelahi Amerika. Kita tidak ada hak untuk menganiayakan orang-orang Kuwait, semata-mata kerana kita benci kepada Amerika dan Israel. Sebab itu saya harap kita faham kenapa kita mengambil keputusan untuk menyokong usul di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini.

Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan usul Raja dan Perlembagaan. Pepatah Melayu berkata "kerana nila setitik, rosak susu sebelanga". Kerana nila setitik maka Perhimpunan Agung UMNO kali ini terpaksa membahas usul Raja dan Perlembagaan.

Dalam sejarah UMNO selepas merdeka, soal-soal yang berkaitan dengan Raja-raja tidak pernah dibahas. Sebabnya ialah sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen tidak pernah dicabul oleh sesiapa. Selama 33 tahun kita merdeka, sistem ini telah berjalan dengan baik. Walaupun ada krisis Perlembagaan pada tahun 1983, masih juga UMNO tidak membahas perkara-perkara yang menyentuh Raja-raja walaupun pada masa itu perasaan tidak senang didapati di dalam mahupun di luar parti UMNO.

Oleh kerana kita membahas tajuk Raja dan Perlembagaan dalam konteks sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen, amatlah penting kita faham dengan secukupnya makna Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Untuk ini kita harus rujuk kepada sejarah negara kita untuk mendapat pedoman.

Negeri-negeri Melayu sebelum dijajah mengamalkan sistem feodal di mana hanya keluarga Di-Raja dan pembesar-pembesar Negeri sahaja yang terlibat dengan politik. Rakyat tidak mempunyai apa-apa peranan. Keadaan politik di Negeri-negeri Melayu di zaman itu jarang stabil. Usaha menjatuhkan Raja-raja Negeri Melayu berlaku sepanjang masa. Justeru itu Negeri-negeri Melayu lemah dan rusuhan kerap berlaku, termasuk rusuhan oleh orang asing yang datang untuk mengaut kekayaan di negara ini.

Oleh sebab itu penjajah mudah campurtangan, mempengaruhi dan mengambil alih pemerintahan. Memang benar British dijemput dan diterima melalui perjanjian tetapi apabila British masuk, mereka begitu berkuasa sehingga boleh menentukan siapa yang naik takhta dan siapa yang tidak. Raja terpaksa duduk di bawah telunjuk British terutama di Negeri-negeri yang disekutukan. Namun British mengiktiraf bahawa Negeri-negeri di Semenanjung adalah Negeri-negeri Melayu yang BeRaja, dan wilayah seperti Pulau Pinang, Melaka, Dinding dan Pangkor adalah sebahagian daripada Negeri-negeri Melayu yang berkenaan.

Inilah kedudukan Negeri-negeri Melayu dan Raja-raja Melayu semasa Jepun menakluk Semenanjung Tanah Melayu. Di masa pemerintahan Jepun kedudukan

Raja-raja adalah samar-samar. Yang jelas ialah Jepun berkuasa penuh dalam semua perkara walaupun mereka membenarkan soal agama dan adat istiadat Melayu ditentukan oleh orang Melayu.

Harapan orang Melayu ialah apabila British balik, jikapun tidak memberi kemerdekaan, keadaan 'status quo ante' iaitu keadaan sebelum Jepun menakluki Negeri-negeri Melayu dikembalikan dengan pentadbiran diletak di bawah British sementara Negeri-negeri Melayu diiktiraf sebagai Negeri-negeri Melayu yang Beraja dan bukan tanah takluk British secara langsung. Negeri-negeri Melayu adalah 'British Protectorates', iaitu Negeri yang dilindungi oleh British dan bukan koloni British.

Malangnya apabila Perang Dunia Kedua tamat, pihak penjajah British merancang untuk menakluk secara langsung Negeri-negeri Melayu dan menjadikannya koloni British yang dinamakan Malayan Union.

Dalam rancangan Malayan Union ini Raja-raja Melayu dikekalkan hanya sebagai Ketua Agama Islam dan adat-istiadat Melayu. Pemerintahan Malayan Union akan diambil sepenuhnya oleh pihak British.

Dalam keadaan di mana Raja tidak ada perhubungan sama sekali dengan rakyat dan rakyat pula tidak ada peranan dalam politik dan pemerintahan Negeri-negeri Melayu, maka Raja-raja Melayu tidak mempunyai tempat untuk bersandar atau untuk mendapat sokongan. Justeru itu apabila MacMichael mengugut tidak akan mengiktiraf mana-mana Raja yang tidak menandatangani penyerahan kuasa kepada British, Raja-raja Melayu tidak mempunyai pilihan melainkan bersetuju dengan penyerahan Negeri-negeri Melayu kepada Kerajaan British.

Penyerahan ini mungkin tidak dapat dibatalkan jika rakyat Melayu tidak secara terbuka dan menyeluruh bangun dan dengan keras menentang British. Rakyat Melayu mahu supaya Raja Melayu dikekalkan dan kedudukan orang Melayu sebagai warganegara tunggal di Negeri-negeri Melayu diiktiraf oleh British. Setelah orang Melayu mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran di seluruh Negeri-negeri Melayu dan di Pulau Pinang serta Melaka dan mengambil lain-lain tindakan, pihak British akhirnya terpaksa membatalkan rancangan menakluk secara langsung Negeri-negeri Melayu.

Dengan itu Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu atau 'Federation of Malaya' di mana kedudukan Raja-raja berbalik semula seperti kepada keadaan sebelum Jepun melanggar Tanah Melayu. Mereka tidaklah terlibat secara langsung dengan pentadbiran yang diletak di bawah Majlis Perundangan atau 'Legislative Council' dan Pesuruhjaya Tinggi British mengetuai sebuah 'Executive Council' yang berkuasa penuh.

Adalah jelas bahawa orang Melayu melalui UMNO telah berjuang untuk mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu yang telah hilang setelah ditandatangani perjanjian Malayan Union. Selepas dari itu kemerdekaan diperjuangkan oleh UMNO

yang disokong oleh hampir semua orang Melayu. Tanah Melayu yang merdeka yang diperjuangkan oleh UMNO dan orang Melayu adalah Tanah Melayu yang masih mengekalkan Raja-raja. Tidak ada niat sama sekali bagi UMNO untuk menghapuskan sistem BeRaja. Yang diperjuangkan hanyalah bagaimana bagi mengekalkan Raja-raja tanpa mengeneipkan demokrasi. Dengan itu maka dibentuklah sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Justeru itu semasa kita UMNO menuntut kemerdekaan daripada British, kita telah mencapai kata sepakat dengan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu iaitu kita mengekalkan sistem BeRaja di Malaya (ketika itu) tetapi pemerintahan dikuasai oleh Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Sistem Raja Berperlembagaan British dijadikan contoh. Pemisahan Raja daripada Pemerintahan bertujuan memberi peranan kepada rakyat sendiri menentukan nasib mereka, iaitu menjadikan Malaya negara yang demokratik.

Pemerintahan oleh Raja semestinya tidak boleh demokratik kerana Raja tidak boleh ditukar. Sebaliknya pemerintahan yang diketuai oleh rakyat biasa yang dipilih melalui proses demokrasi boleh ditukar melalui proses yang sama. Sudah tentu jika seorang rakyat yang dipilih menerajui Kerajaan tidak menjalankan tugasnya dengan memuaskan atau melakukan apa-apa kesalahan, ia boleh disingkir atau didakwa di mahkamah. Pada kebiasaannya Raja tidak boleh dihadapkan ke mahkamah dan tidak boleh disingkir. Dengan itu Kerajaan oleh Raja tetap akan menjadi Kerajaan mutlak yang tidak demokratik.

Sebab itu sementara kita ingin mengekalkan Sistem BeRaja, Raja tidak boleh diberi kuasa eksekutif. Raja Berperlembagaan, seperti konsep British, tidak terlibat secara langsung dengan pemerintahan tetapi Raja mempunyai peranan-peranan tertentu. Dalam sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia, Raja bertindak atas nasihat Ketua Eksekutif, yang dipilih oleh rakyat, melainkan berkenaan dengan pembubaran Parlimen dan pemilihan Ketua Eksekutif itu sendiri, selain daripada perkara-perkara mengenai agama Islam dan adat. Dalam pemilihan Ketua Eksekutif, Raja tertakluk juga kepada pendirian wakil-wakil rakyat dalam Parlimen. Jika Raja memilih seorang yang tidak mendapat sokongan majoriti wakil rakyat, ia mungkin dijatuhkan melalui undi tidak percaya. Justeru itu Ketua Eksekutif, sama ada Menteri Besar atau Perdana Menteri, mestilah terdiri daripada seorang wakil rakyat yang mendapat sokongan daripada majoriti wakil rakyat. Biasanya pucuk pimpinan Parti yang mendapat majoriti dalam pilihanraya adalah orang yang lebih mungkin mendapat sokongan daripada majoriti wakil rakyat. Jika ia tidak dipilih dan seorang wakil rakyat yang lain dipilih oleh Raja, walaupun ia telah mengangkat sumpah jawatan, ia akan jatuh apabila sahaja dewan bersidang dan undi tidak percaya dibuat.

Dengan perkataan lain walaupun Raja boleh melantik Ketua Eksekutif Kerajaan, perlantikan ini tertakluk kepada pendirian wakil-wakil rakyat yang dipilih dalam pilihanraya.

Malaysia mempunyai Perlembagaan bertulis dan berbagai-bagai undang-undang yang menjelaskan kedudukan Raja-raja dan hak-hak rakyat. Tidak disebut secara

khusus dalam Perlembagaan bahawa Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Tetapi peruntukan tertentu dalam Perlembagaan dan undang-undang memberi kefahaman bahawa Raja di Malaysia adalah Raja Berperlembagaan dan sistem pemerintahan adalah menurut sistem Demokrasi Berparlimen. Tidak ada sistem undang-undang di mana-mana negara yang begitu lengkap sehingga tiap pihak tahu apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dibuat. Jika apa yang tidak dilarang secara khusus bermakna dibenar, maka Raja dibenar berpolitik, bahkan mengundi dan menjadi wakil rakyat, Menteri Besar dan Perdana Menteri dalam sistem Demokrasi Berparlimen. Hanya yang ditegah dalam Perlembagaan secara khusus bagi Raja-raja ialah memegang jawatan yang bergaji dan berniaga.

Tetapi jika Raja berpolitik dalam sistem Demokrasi, maka Raja mestilah sanggup dicabar dan digugur. Jika ini boleh dibuat maka Raja sudah tidak menjadi Raja lagi dalam erti kata biasa. Sebaliknya di Malaysia kita menerima dan ingin kekalkan Raja yang tidak boleh disingkir oleh rakyat. Dengan itu, walaupun tidak ada larangan khusus dalam undang-undang supaya Raja tidak berpolitik, demi kesinambungan Sistem BeRaja penyertaan Raja dalam politik adalah bercanggah dengan Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Kefahaman mengenai perkara ini oleh semua pihak amatlah penting. Pengetahuan Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen memerlukan semua pihak mematuhi kepada bukan sahaja undang-undang yang bertulis tetapi juga kefahaman tentang konsep, semangat dan tradisi yang tidak ditulis.

Soalnya ialah bagaimana dapat kita memperingati semua pihak akan betapa pentingnya Perlembagaan, undang-undang, konsep, semangat dan tradisi dihormati?. Apakah ini boleh dibuat melalui saluran yang ada tanpa bukti yang jelas bahawa perkara ini benar-benar sudah sampai kepada tahap yang merbahaya dan nasihat perlu diberi?.

Di dalam keadaan di mana teguran sukar dibuat, dan reaksi terhadap sesuatu yang menyimpang daripada peraturan-peraturan tidak boleh ditunjuk dengan jelas, maka amat sukar bagi meyakinkan pihak berkenaan akan betapa seriusnya keadaan.

Mengikut Akta Hasutan 1948, sebarang tindakan atau ucapan yang mempunyai kecenderungan hasutan terhadap seorang Raja boleh ditafsir sebagai hasutan. Sama ada sesuatu itu mempunyai kecenderungan menghasut atau tidak, terpulang kepada mahkamah untuk membuat penilaian dan hukuman. Oleh kerana takut kepada tindakan undang-undang, maka perasaan kegelisahan mungkin dibendung dan tidak dinyatakan.

Oleh kerana tidak terdapat bukti yang jelas berkenaan kegelisahan yang melanda rakyat, maka perbuatan yang menimbulkan kegelisahan ini akan diteruskan dan mungkin meningkat. Dengan itu semakin lama semakin kuat perasaan kegelisahan sehingga ia meluap dan dengan tiba-tiba ia meletup. Pada ketika itu agak terlewat untuk menyekat gerakan keterlaluan. Inilah yang berlaku kepada beberapa

masyarakat yang mengongkong pemikiran rakyat sehingga tiba-tiba tanpa apa-apa alat pemberontakan berlaku.

Akta Hasutan juga melarang orang ramai daripada "kecenderungan menghasut" bukan sahaja terhadap Raja tetapi juga terhadap Kerajaan. Tetapi Kerajaan bersikap terbuka kepada teguran terhadapnya. Kerajaan jarangkali mendakwa ke mahkamah sesiapa di bawah Akta Hasutan walaupun banyak dan kerapnya tuduhan dilempar terhadap Kerajaan oleh individu, kumpulan dan media yang boleh menimbulkan perasaan benci di kalangan rakyat terhadap Kerajaan, iaitu mempunyai kecenderungan menghasut. Tuduhan yang tidak berasas, kononnya Kerajaan terlibat dengan rasuah, sudah tentu menyebabkan rakyat benci dan ingin menjatuhkan Kerajaan. Tetapi Kerajaan yang ada sekarang tidak mengguna Akta Hasutan untuk menyelamatkan dirinya. Hanya apabila tuduhan-tuduhan ini jelas akan mencetuskan rusuhan dan huru-hara, barulah Kerajaan yang ada sekarang ini mengambil tindakan.

Jelaslah bahawa walaupun Kerajaan boleh menggunakan Akta Hasutan untuk menutup mulut dan membendung sebarang kegiatan yang boleh menimbulkan kebencian kepada Kerajaan tetapi Kerajaan enggan menggunakan Akta Hasutan untuk berbuat demikian. Sebabnya ialah Kerajaan perlu menyedari akan perasaan rakyat dan kritikan rakyat terhadapnya. Jika tidak ada langsung kritikan kepada Kerajaan, maka apa juga kesalahan yang dibuat oleh Kerajaan akan diteruskan. Dengan itu perasaan dan kebencian rakyat terhadap Kerajaan akan meningkat sehingga pada satu hari ia tidak dapat dikawal lagi dan akan menyebabkan pemberontakan untuk menjatuhkan Kerajaan.

Justeru itu walaupun ada Akta Hasutan, rakyat mestilah diberi kebebasan menegur dan teguran ini hendaklah dibuat dengan cara yang jelas. Jika hanya satu dua orang tertentu sahaja membuat teguran, ini mungkin dianggap sebagai pendapat mereka ini sahaja dan bukan pendapat rakyat umum. Rakyat, dan sudah tentu ahli-ahli UMNO, mestilah diberi peluang untuk menyuarakan secara terbuka akan apa-apa yang terbuku di hati mereka tanpa disekat terlalu sangat oleh Akta Hasutan.

Dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia, Raja adalah bebas daripada tindakan undang-undang mengikut peruntukan berikut:

Article 181(2)

"No proceedings whatsoever shall be brought in any court against the Ruler of a State in his personal capacity", atau dalam Bahasa Malaysia, "Tiada apa-apa percabaran boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu Negeri atas sifat dirinya sendiri".

Namun ini tidak bermakna bahawa Raja bebas membuat secara sesuka hati. Kebebasan itu juga terhad mengikut kefahaman yang tidak bertulis. Kebebasan tidak bermakna Raja boleh mencuri atau membunuh atau melakukan berbagai-bagai jenayah yang ditegah bagi rakyat. Apabila kebebasan daripada tindakan undang-undang diperuntukkan, kepercayaan ialah Raja tidak akan sengaja dan secara keterlaluan melakukan

sesuatu yang dilarang oleh undang-undang. Mungkin sekali dua pelanggaran undang-undang dilakukan, masyarakat akan menutup mata. Tetapi jika dengan sengaja dan berkali-kali pencabulan undang-undang dibuat masyarakat tidak akan menerimanya.

Kadang-kadang yang melakukan kesalahan bukan sahaja Raja yang memerintah tetapi keluarga Di-Raja. Oleh kerana menghormati Raja, maka kerap kali kesalahan ini dibiarkan begitu sahaja. Tetapi sikap yang ditunjukkan ini amatlah bahaya kerana perasaan yang dibangkitkan tidak dituju kepada anggota keluarga berkenaan sahaja tetapi juga kepada Raja. Secara langsung imej Raja terjejas.

Sedikit sebanyak Raja mempunyai pengaruh. Ada sahaja orang yang ingin menggunakan pengaruh itu. Oleh itu jika ada sesiapa yang menegur Raja demi memelihara kedudukan Raja, ada pula orang yang akan cuba mengambil kesempatan untuk menimbulkan kebencian Raja kepada orang yang menegur.

Dalam arena politik jika pihak yang bertanggungjawab menasihati Raja cuba menegur Raja, maka ini mungkin digunakan oleh musuh politik yang menegur untuk mendapat sokongan dan simpati Raja dengan tujuan menggunakan pengaruh Raja dalam arena politik.

Oleh kerana risiko ini, maka mereka yang harus menasihati Raja tidak memberi nasihat yang diperlukan. Dengan ini Raja tidak akan sedar tentang perasaan rakyat terhadap perbuatannya. Sekali lagi ini boleh menyebabkan Raja tidak menghentikan perbuatan itu. Dengan itu, walaupun Akta Hasutan dan adat menghalang rakyat daripada bertindak, perasaan marah rakyat tetap akan meningkat. Ini mungkin akhirnya membawa kepada tindakan untuk menghapuskan Sistem BeRaja.

Tujuan kita membahas secara terbuka tentang pencabulan Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen di Kelantan bukanlah untuk menukar Sistem BeRaja di negeri itu atau untuk mengadakan revolusi. Niat dan tujuan kita ialah untuk memperingati pihak tertentu, awal-awal lagi, akan penyelewengan yang telah berlaku dan bahayanya penyelewengan ini. Kita yakin jika tidak ditegur, maka pihak berkenaan akan meneruskan perbuatannya dan ini mungkin akan menyebabkan teguran yang lebih keras yang akan memburukkan suasana, atau ia mungkin akan menyebabkan tindakan oleh pihak-pihak yang terkilan yang tidak boleh dibendung dengan mudah.

Matlamat terakhir dan sebenar perbincangan kita ialah untuk menyelamatkan sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia. Perlembagaan dan undang-undang sahaja tidak boleh menyelamatkan apa juga sistem Kerajaan di mana-mana juga. Yang boleh menyelamatkan sesuatu sistem itu ialah hasil yang baik yang datang daripada amalnya, dan sokongan rakyat yang berterusan kepada sistem tersebut.

**UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN MCA
DI WISMA MCA, KUALA LUMPUR
28HB. JULAI, 1991**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA kerana memberi penghormatan kepada saya untuk sekali lagi merasmikan Perhimpunan Agung MCA ini.

Semasa saya merasmikan Perhimpunan Agung MCA tahun lalu, mandat Barisan Nasional memerintah telah hampir tamat dan angin bertiup kencang ketika itu bahawa pilihanraya umum akan diadakan tidak lama lagi. Seperti yang kita sedia maklum Barisan Nasional telah memperolehi kejayaan besar dalam pilihanraya umum yang diadakan tidak lama daripada itu pada tahun lalu. Parti MCA bersama-sama parti komponen Barisan Nasional yang lain telah sama-sama memainkan peranan penting dalam membawa kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum 1990.

Perhimpunan Agung MCA kali ini juga "significant" kerana ianya diadakan tidak lama selepas kita melancarkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Rancangan Malaysia Keenam (RME). DPN dan RME merupakan rancangan pembangunan negara ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Negara kita Malaysia aman dan stabil, tidak seperti kebanyakan negara membangun lain yang penduduknya juga terdiri daripada berbagai kaum. Hari ini kita lihat di Eropahpun terdapat rusuhan, bahkan peperangan antara kaum berlaku dan akibatnya ekonomi merosot dan rakyat menderita.

Keamanan dan kestabilan di Malaysia berbas dan berpunca daripada pembentukan kerjasama Melayu-Cina di Kuala Lumpur pada tahun 1951. Dalam pilihanraya 'Municipal' Kuala Lumpur pada tahun 1952, UMNO Kuala Lumpur dan MCA Kuala Lumpur telah meneroka satu kerjasama yang amat berkesan yang memberi kemenangan besar kepada calon-calon MCA dan UMNO. Selepas itu, Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan mendiang Tun Tan Cheng Lok telah membentuk 'Alliance' atau Perikatan yang menggabungkan UMNO dan MCA dalam satu parti coalition yang bukan sahaja memberi kejayaan kepada kedua-dua parti bersama MIC dalam pilihanraya yang penting pada tahun 1955, tetapi juga menentukan satu bentuk kerjasama antara kaum yang unik dan yang menjamin keamanan dan kestabilan Malaysia semenjak dari itu.

Saya yakin jika Perikatan tidak dibentuk, negara kita akan menjadi seperti lain-lain negara berbilang kaum yang selalu mengalami rusuhan dan tidak stabil.

Kerjasama memerlukan tolak-ansur pihak-pihak yang terlibat. Tolak-ansur atau "give and take" mestilah adil dan "fair" atau saksama. Jika satu pihak meminta terlalu banyak untuk dirinya, maka ini bermakna tolak-ansur yang tidak adil. Tetapi masalahnya ialah menentukan apakah yang adil dan apakah yang tidak?

Peristiwa Mei 1969 berlaku kerana adil ditakrifkan sebagai Melayu bekerja dengan Kerajaan dan bukan Melayu memonopoli sektor swasta, di mana kekayaan yang tidak terhad boleh diperolehi. Takrif adil seperti ini adalah salah kerana orang Melayu mahu bahagian mereka dalam ekonomi dan orang bukan Melayu juga mahu bahagian mereka dalam sektor awam. Oleh kerana kita terlalu liberal dalam mempraktikkan demokrasi, walaupun ada ISA pada ketika itu, cakap-cakap dan tindakan-tindakan yang ekstrim dibenarkan sehingga keadaan menjadi amat tegang dan rusuhan berlaku pada tahun 1969.

Hari ini kita lebih faham dan kita lebih matang mengenai amalan demokrasi dalam negara kita. Kita lebih tahu tentang apa ianya tolak-ansur atau "give and take" dan sebanyak mana satu kaum mesti "give and take" berbanding dengan kaum lain.

Pada tahun 1970 Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dibentuk bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya kegiatan ekonomi tidak ditentukan mengikut kaum. Dasar ini diterima oleh semua pihak. Mungkin semasa pelaksanaannya ada penyelewengan berlaku. Tetapi hasil DEB yang tidak dapat dinafikan ialah, pertama; rusuhan kaum tidak lagi berlaku tetapi sebaliknya negara menjadi aman dan stabil, kedua; pembahagian kekayaan menjadi lebih baik antara kaum walaupun matlamat 30, 40, 30 tidak tercapai sepenuhnya, dan ketiga; pertumbuhan ekonomi Malaysia tidak terjejas bahkan mencapai tahap yang tinggi dan jauh lebih baik dari negara-negara yang tidak perlu disusun semula masyarakatnya.

Pencapaian ini adalah hasil kerjasama kaum melalui Barisan Nasional, terutama di antara UMNO dengan MCA. Sepertimana juga MCA dikecam oleh parti "chauvinist" DAP, UMNO juga dikecam kerana bekerjasama dengan MCA oleh parti ekstremis PAS.

Ada kalanya MCA berasa begitu terancam oleh DAP sehingga ada dalam MCA orang-orang yang cuba menjadi lebih chauvinistik daripada DAP. Mereka berpendapat bahawa dengan menunjukkan bahawa mereka mengutamakan kaum Cina lebih daripada DAP, mereka boleh mengalahkan DAP. Pendirian ini tidak secocok dengan konsep Barisan Nasional, dan pada satu ketika hampir memecahkan pakatan UMNO/MCA yang menjadi tulang Barisan Nasional. Tetapi kepimpinan MCA berjaya membendung sentimen dan pendekatan ala DAP ini.

Hari ini apa yang berlaku ialah DAP yang berasa terancam kerana kerjasama Melayu/Cina melalui UMNO/MCA lebih berkesan dalam memberi kejayaan kepada

MCA. Walaupun DAP kadang-kadang memenangi lebih banyak kerusi, tetapi DAP tidak berjaya memerintah di peringkat negeri. Justeru itu perjuangan DAP bagi pihak orang Cina tidak pernah berhasil. Hanya yang dapat dibuat oleh DAP ialah mengeruhkan suasana dalam negara.

DAP juga sudah berputar 180 darjah dan bukan sahaja sanggup bekerjasama dengan Semangat 46 dan berjanji menerima kepimpinan Semangat 46 jika berjaya membentuk Kerajaan, tetapi DAP sanggup juga bekerjasama dengan PAS, parti yang begitu ekstrim yang mendakwa kononnya akan membentuk pemerintahan Islam ala PAS.

Apakah yang DAP tawar kepada kaum Cina yang lebih baik daripada MCA? Yang akan diperolehi oleh kaum Cina jika DAP berjaya ialah hanya Ketua Menteri Pulau Pinang akan terdiri daripada Lim Kit Siang dan bukan Dr. Koh Tsu Koon, Perdana Menteri dan Menteri-menteri Besar akan terdiri daripada orang Melayu juga - Melayu daripada Semangat 46 atau PAS. Tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan oleh DAP bagi pihak orang Cina, yang tidak dapat lebih dijayakan oleh MCA dan GERAKAN. Masyarakat Cina Malaysia patut sedar akan hakikat ini. Sebagai parti pembangkangpun, tidak ada apa yang boleh dibuat oleh DAP.

Justeru itu, MCA tidak harus terikut-ikut dengan cara-cara DAP. Sebenarnya DAP yang terpaksa mengikut MCA dan strateginya. Tetapi sekarang ada orang Melayu yang terpicak dengan kerjasama DAP-PAS sehingga ada kemungkinan DAP mempengaruhi lebih ramai lagi orang Melayu. Dalam pilihanraya yang lepas memang ada bukti penyokong PAS memberi undi kepada DAP. Jika orang Melayu mengangap MCA terlalu chauvinis, sukar bagi calon MCA mendapat undi mereka. Daripada segi perhitungan politik sokongan pengundi Melayu masih berkesan kepada parti-parti bukan Melayu.

Saya menarik perhatian kepada "about turn DAP" ini kerana ingin menekankan bahawa sebenarnya strategi kerjasama UMNO/MCA dan BN adalah lebih baik bagi kestabilan, keamanan dan pembangunan ekonomi Malaysia daripada chauvinisme ala DAP atau PAS dalam menjayakan masa depan orang Cina atau orang Melayu.

Oleh itu MCA tidak harus takut dikedam oleh orang Cina kerana kononnya tidak memperjuangkan hak mereka. Sebenarnya kerjasama Melayu/Cina dan UMNO/MCA lebih menguntungkan masyarakat Cina daripada konfrontasi Melayu/Cina yang dianjurkan oleh DAP. Tidak ada keuntungan bagi orang Cina dalam sebuah negara di mana mereka menghadapi ketegangan dengan bumiputera.

Sokongan MCA, bersama-sama dengan MIC dan GERAKAN serta parti-parti komponen Barisan Nasional kepada Dasar Pembangunan Nasional (DPN) adalah se-cocok dengan kerjasama antara kaum ini. DAP pun tidak berani menolak bulat-bulat DPN kerana penolakan akan ditentang oleh rakannya daripada Semangat 46 dan PAS. DPN daripada segi prinsipnya tidak boleh dijadikan isu politik untuk mengancam MCA.

Apa yang dibuat oleh DAP ialah apa yang dikatakan "nit-picking" atau mencari kutu, satu-satunya tabiat DAP.

MCA mesti kekalkan kerjasamanya dengan UMNO dan lain-lain anggota BN. Kerjasama inilah yang menjadikan Malaysia stabil daripada segi politik dan menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang diakui oleh dunia sebagai yang tertinggi sekali dalam dunia dan yang mana hasilnya banyak dinikmati oleh masyarakat Cina. Hari ini banyak negara lain ingin tahu apakah rahsia kejayaan Malaysia. Mereka kagum dengan harmoni antara kaum yang terdapat di Malaysia berbanding dengan ketegangan antara kaum di lain-lain negara berbilang kaum. Mereka kagum dengan dasar-dasar yang dibentuk oleh kita bersama dan kejayaan kita melaksanakan rancangan-rancangan lima tahun kita.

Kita percaya bahawa pembahagian kekayaan hanya boleh dibuat daripada "the enlarged portion of the economic cake." Hanya apabila ekonomi tumbuh baharulah pembahagian dibuat. Dengan adanya kestabilan politik maka ekonomi negara telah tumbuh dengan pesat dan kita dapat membahagikan kepada semua kaum apa yang kita rancang untuk mereka.

Dalam sistem BN kita menyelesaikan masalah melalui rundingan, bukan melalui demonstrasi atau "public debate" yang tegang. Inilah cara yang terbaik dan inilah rahsia kestabilan negara.

Semakin lama semakin ramai ahli MCA yang terdiri daripada golongan muda. Golongan muda ini harus faham sejarah, asal-usul, tradisi dan sistem yang telah dibentuk oleh pengasas-pengasas MCA. Jika mereka tidak termaklum akan perkara-perkara ini, maka mungkin mereka akan mengeneapkan asas yang sehingga kini menjadikan negara kita Malaysia begitu stabil dan makmur.

Adalah lebih baik kita membahagi-bahagikan kekayaan yang bertambah daripada kita berebut-rebut apa yang ada sehingga mencetuskan rusuhan dan ketidakstabilan yang mengakibatkan kemerosotan ekonomi.

Justeru itu semua pihak harus berusaha dengan gigih untuk menjayakan Dasar Pembangunan Nasional, Rancangan Malaysia Keenam dan Wawasan 2020.

Ke arah mengekalkan kestabilan politik ini, adalah amat penting pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menerus serta meningkatkan kerjasama rapat yang terjalin di antara mereka. Pihak-pihak lawan yang tidak senang melihat Barisan Nasional menjadi bertambah kukuh dan stabil akan terus cuba dan berusaha untuk memecah-belahkan perpaduan di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional. Mereka sedar bahawa selagi perpaduan di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional kukuh dan kuat, selagi itulah mereka tidak akan dapat memperluaskan pengaruh politik mereka. Justeru itu, dari semasa ke semasa, mereka akan cuba menimbulkan isu-isu lapuk dan yang tidak relevan yang mereka harap dapat digunakan untuk mengelirukan orang ramai. Kita akan dapat menangkis dakyah-dakyah mereka jika kita

mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan diri sendiri. Kepentingan negara mendahului segala kepentingan yang lain.

Negara kini telah melangkah ke era baru yang mana matlamat kita ialah menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam semua bidang menjelang tahun 2020. Tanggungjawab ini adalah tanggungjawab semua kaum. Oleh yang demikian, kita semua mestilah menumpukan hati, usaha serta tenaga dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai segala matlamat yang telah kita tetapkan bersama.

Saya difahamkan banyak perkara akan dibincangkan di perhimpunan ini. Saya harap perbincangan dan perbahasan yang akan diadakan kelak akan berlangsung dengan penuh tanggungjawab dan tata-tertib dan mencerminkan kematangan politik parti-parti komponen Barisan Nasional.

Saya berharap Perhimpunan Agung MCA ini akan berlangsung dengan baik dan berakhir dengan menjadikan MCA lebih teguh dan kuat yang boleh membantu Barisan Nasional mengukuhkan kedudukannya di arena politik negara.

Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MCA bagi tahun 1991.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD DI PERSIDANGAN
PERWAKILAN PARTI GERAKAN KE-20 DI KUALA LUMPUR
3HB. OGOS, 1991

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Parti GERAKAN kerana menjemput saya sekali lagi untuk merasmikan Persidangan Perwakilan Parti GERAKAN Ke-20 ini.

Sebagai salah sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN), GERAKAN telah turut memberi sumbangan yang positif dan ini telah membantu memantap dan mengukuhkan lagi Barisan Nasional. Kerjasama yang rapat serta kefahaman yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin GERAKAN telah membolehkan Barisan Nasional menumpukan tenaga dan usaha ke arah pembangunan negara yang lebih pesat.

Sebagaimana yang kita semua sedar, kekuatan Barisan Nasional selama ini ialah kerana wujudnya kerjasama yang erat di antara parti-parti komponennya. Konsep kerjasama rapat ini telah menjadi asas kepada kekukuhan Barisan Nasional. Justeru itu, marilah kita bersama-sama berusaha untuk meningkatkan lagi kerjasama antara kita supaya rakyat boleh terus menikmati faedah daripada pembangunan.

Seperti yang saya nyatakan ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA minggu lepas, kita baharu sahaja melancarkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Rancangan Malaysia ke-6 (RME) untuk meneruskan usaha-usaha memaju dan membangunkan negara. Matlamat yang kita hendak tuju ialah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Sokongan yang diberikan oleh parti-parti komponen BN termasuk GERAKAN, kepada DPN dan RME membuktikan bahawa DPN dan RME membuktikan bahawa DPN dan RME diterima baik oleh semua kaum.

Bagi mencapai matlamat ini, kita perlu mengekalkan kestabilan politik dan keharmonian kaum yang wujud di negara ini. Tanpa kestabilan politik dan keharmonian kaum ini, kita tidak akan dapat melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan kita dengan jayanya. Kejayaan kita melaksanakan rancangan-rancangan lima tahun dan Dasar Ekonomi Baru membuktikan betapa pentingnya hakikat ini. Sehubungan dengan ini, rakyat hendaklah sedar bahawa hanya Kerajaan BN sahaja yang dapat menjamin negara ini akan terus stabil dan rakyat berbagai kaum terus hidup bersatu padu, aman damai dan menikmati pembangunan yang pesat. Tidak mungkin Kerajaan mana-mana parti pembangkang atau kombinasi parti-parti pembangkang yang mempunyai ideologi dan pendirian yang bertentangan boleh mewujudkan kestabilan dalam negara berbilang kaum ini dan memajukannya.

Semasa Pilihanraya Umum 1990 kita telah lihat satu jenis kerjasama DAP, Semangat 46, PAS dan beberapa parti yang kecil. Kerjasama ini ditempah sejurus sebelum pilihanraya dan juga semasa pilihanraya. Amat jelas sekali bahawa kerjasama ini bukan berasaskan kepada pendirian politik yang sama, tetapi semata-mata kerana ingin mengalahkan Barisan Nasional. Kerjasama ini adalah satu 'marriage of convenience' yang mudah retak dan pecah. Rakyat jelas tidak percaya kepada kerjasama ini dan terus menolaknya. Di Kelantan kerjasama PAS/46/DAP telah berjaya menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi hanya beberapa hari sahaja selepas Kerajaan PAS/46 dibentuk, tanda-tanda keretakan telah kelihatan. Hanya kerana paksaan melalui undang-undang sahaja yang hari ini pakatan PAS/46 kekal. Dalam hubungan ini jika PAS/DAP berjaya membentuk Kerajaan, pasti mereka akan memperkenalkan undang-undang yang lebih ketat lagi untuk mengekalkan Kerajaan campuran mereka. Kerajaan seperti ini tidak boleh membawa kebahagiaan kepada rakyat.

Namun demikian, ketiga-tiga parti lawan ini akan terus bekerjasama dan sentiasa berusaha untuk memburuk-burukkan Kerajaan Barisan Nasional. Bagaimanapun, kita yakin mereka tidak akan berjaya kerana hakikat sebenarnya mereka tidak sebulu dan sehaluan. Kerjasama mereka adalah palsu dan penuh dengan kepura-puraan. Tujuan mereka hanyalah untuk mendapat kuasa.

Justeru itu, adalah penting kita dalam BN mendedahkan kepalsuan dan kepura-puraan yang terdapat dalam gabungan DAP/46/PAS. DAP sanggup bekerjasama dengan 46 dan PAS kerana DAP sedar mereka memerlukan sokongan orang Melayu untuk memenuhi cita-cita mereka membentuk Kerajaan. Semangat 46 pula sanggup bekerjasama dengan DAP, parti yang satu ketika dahulu sangat dibenci dan dikedam hebat oleh pemimpin-pemimpin 46, hanya kerana ingin melihat UMNO hancur. Tetapi kita semua tahu bahawa DAP adalah sebuah parti yang chauvinistik dan menentang segala rancangan Kerajaan membantu orang Melayu. Selagi DAP merupakan sebuah parti chauvinistik dan suka memainkan sentimen kaum Cina, selagi itulah ia tidak akan mendapat sokongan orang Melayu dan akan gagal.

Begitu juga, adalah mustahil DAP boleh bekerjasama dengan PAS sedangkan pendirian mereka mengenai penubuhan Kerajaan Islam ala PAS jauh berbeza. Kita pun tahu bahawa seorang pemimpin DAP pernah menyatakan bahawa Kerajaan Islam akan dapat didirikan hanya setelah melangkah mayatnya.

Jelaslah antara pemimpin-pemimpin parti-parti lawan ini, tidak wujud kerjasama. Kita khuatir kalau ditakdirkan mereka memerintah, rakyat akan menderita dan negara akan hancur kerana mereka akan bertelingkah di antara satu sama lain.

Hari ini ramai daripada anggota 46, bahkan PAS, yang sudah sedar dan meninggalkan parti-parti itu atau hilang semangat untuk bergerak lagi. Di Prai pula, kita lihat penyokong-penyokong kuat DAP sudah berpaling tadah. Rakyat semakin sedar bahawa apa yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin parti-parti lawan ialah untuk mendapat kuasa bagi diri mereka sendiri.

Dalam usaha untuk mendapat sokongan dan pengaruh, kemungkinan besar sesetengah parti lawan akan menggunakan sentimen kaum dengan lebih meluas. Kita sudahpun melihat bagaimana dengan memainkan sentimen kaum, parti-parti lawan telah menang di beberapa kawasan pilihanraya dalam Pilihanraya Umum 1990. Dalam Pilihanraya kecil Prai, kita telah melihat bagaimana parti lawan memburuk-burukkan Kerajaan dengan tuduhan-tuduhan palsu dan mengeksploitasikan isu-isu perkauman.

Langkah Kerajaan meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 telah diputarbelitkan untuk kepentingan parti lawan. Dalam hal ini, ada pihak yang menuduh bahawa tujuannya ialah hendak merampas tanah kepunyaan bukan bumiputera. Tuduhan ini tidak berasas sama-sekali. Tindakan seperti ini adalah tidak bertanggungjawab dan merbahaya. Dalam pengambilan apajua tanah, Kerajaan tidak mengambilkira sama ada ianya kepunyaan bumiputera atau bukan bumiputera. Kerajaan tidak akan menggunakan sentimen perkauman. Ini bukan cara pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional. Sebenarnya, memandangkan tanah merupakan aset yang kian susut, adalah penting Kerajaan diberi kuasa mendapatkan tanah untuk tujuan pembangunan yang berterusan. Pindaan tersebut adalah untuk kebaikan bersama rakyat memandangkan bilangan penduduk yang bertambah dan juga kerana keperluan pembangunan. Kerajaan akan memberi pampasan yang berpatutan dan jika rakyat tidak puashati dengan jumlah pampasan, mereka boleh membawa hal ini ke mahkamah. Seperti yang diketahui tidak banyak lagi tanah yang masih tinggal. Jika Kerajaan gagal melaksanakan rancangan pembangunan kerana kekurangan tanah, rakyatlah yang akan mengalami kerugian. Rakyat juga akan menderita apabila Kerajaan tidak dapat mendirikan rumah, hospital, jalan, sekolah dan lain-lain kemudahan disebabkan tidak ada lagi tanah.

Menuduh pindaan dibuat bermotivasikan perkauman untuk mengambil tanah daripada sesuatu kaum adalah tuduhan yang tidak logik dan tidak bertanggungjawab. Sebagai Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, ia tidak akan mengambil tanah rakyat jika tidak atas sebab kepentingan nasional.

Tuduhan parti-parti lawan bahawa Kerajaan tidak bertanggungjawab dan adil sudah menjadi satu tabiat kepada parti lawan. Mereka mengulangi tuduhan-tuduhan ini setiap kali mereka berucap. Walaupun penyiasatan dibuat oleh tokoh-tokoh yang memihak kepada mereka, dan penyiasatan menunjukkan bahawa tuduhan mereka tidak benar, namun mereka akan terus mengulangi tuduhan yang sama. Hanya apabila orang yang dituduh oleh mereka menjadi kawan mereka barulah mereka akan hentikan tuduhan itu.

Rakyat sekarang sudah bosan dan tidak percaya lagi kepada mereka. Anggota Barisan Nasional mestilah mendedahkan pembbohongan mereka habis-habisan dan jangan sekali-kali terperangkap dengan cuba menjadi juara dalam isu ciptaan parti lawan. Jika ini dibuat maka anggota Barisan Nasional pula akan tidak dipercayai.

Rakyat Malaysia bernasib baik kerana mempunyai Kerajaan yang bertanggungjawab dan komited kepada pembangunan. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sen-

tiasa memikirkan cara-cara untuk membawa pembangunan yang lebih pesat kepada rakyat. Itulah sebabnya, Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Visi 2020 ini dirancang supaya rakyat Malaysia akan dihormati dan disanjung tinggi serta boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan penduduk negara-negara maju. Pemimpin-pemimpin Kerajaan yang ada sekarang merancang untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju bukanlah untuk kepentingan diri mereka. Ianya ialah untuk faedah generasi akan datang. Ini kerana apabila Malaysia mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020, kebanyakan pemimpin yang ada sekarang sudah tidak ada lagi. Kita perlu membuat permulaan dan ianya perlu dilakukan dari sekarang. Jika kita tidak memulakan dari sekarang, masa akan berlalu tanpa apa-apa kemajuan dan apabila tiba tahun 2020 kita akan berada ditakuk yang lama.

Saya percaya banyak perkara yang akan dibincangkan di persidangan ini. Adalah diharapkan para perwakilan akan membincangkan perkara-perkara ini dengan rasional serta mengambilkira kepentingan negara. Saya yakin sebagai sebuah parti komponen Barisan Nasional yang bertanggungjawab, GERAKAN akan terus memberi sumbangan yang positif kepada Barisan Nasional dan negara. Saya juga berharap Persidangan ini akan berjalan dengan baik dan akan mengekalkan GERAKAN sebagai sebuah parti komponen Barisan Nasional yang kukuh dan berkemampuan.

Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-20 Parti GERAKAN.

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC
DAN MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ULANGTAHUN KE-46 MIC
KUALA LUMPUR
13HB. SEPTEMBER, 1991

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MIC kerana menjemput saya sekali lagi untuk merasmikan Perhimpunan Agung MIC ini. Saya yakin perhimpunan ini dapat meningkatkan lagi perpaduan di kalangan ahli-ahli MIC, di samping membolehkan ahli-ahli parti bertukar-tukar pendapat dan pandangan mengenai isu-isu yang melibatkan kepentingan parti MIC dan kepentingan negara.

Saya merasa gembira bahawa MIC pada hari ini lebih bersatu-padu dan kukuh setelah menghadapi sedikit masalah kepimpinan yang hampir mengancam keutuhan parti. Kejayaan MIC menyelesaikan masalah dalaman parti menunjukkan kematangan dan sikap pandangan jauh pucuk pimpinan parti ini. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan MIC, terutama Datuk Samy Vellu dan Datuk Subramaniam. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli MIC yang turut menunjukkan kematangan dan kefahaman bahawa perpaduan dalam parti adalah amat penting demi kepentingan masyarakat India dan masa depan parti. Saya yakin semangat baru ini akan membolehkan MIC mencapai kejayaan yang lebih tinggi di masa akan datang.

Sebagai sebuah parti rakan yang telah lama menyertai Barisan Nasional, MIC terus memainkan peranan yang positif dalam perkembangan politik tanahair. Komitmen dan semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh pucuk pimpinan MIC telah membolehkan Barisan Nasional selama ini menghadapi cabaran-cabaran dengan jayanya. Semangat kerjasama inilah yang telah membolehkan Kerajaan Barisan Nasional menumpukan perhatian kepada usaha-usaha membangun dan memajukan negara demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Kepercayaan rakyat kepada pemerintahan Barisan Nasional jelas terbukti apabila Barisan Nasional sekali lagi diberi mandat dalam pilihanraya umum tahun lalu untuk memerintah negara. Mandat yang diberikan oleh rakyat ini menunjukkan bahawa konsep perkongsian kuasa melalui parti-parti Komponen Barisan Nasional diterima baik oleh rakyat. Justeru itu, usaha-usaha hendaklah sentiasa dipertingkatkan supaya konsep Barisan Nasional ini bukan sahaja kekal bahkan juga menjadi lebih kukuh.

Seperti yang diketahui, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Rancangan Malaysia Keenam (RME) yang menandakan permulaan era baru dalam usaha kita

menjadikan Malaysia sebuah negara maju telahpun diterima baik oleh rakyat, termasuk masyarakat India. Matlamat kita ialah menjadikan Malaysia bukan sahaja maju daripada segi ekonomi, tetapi juga maju dalam pelbagai bidang lain termasuk politik, sosial, kebudayaan dan nilai-nilai hidup. Dalam lain perkataan, bentuk negara maju yang hendak kita tujui ialah dalam bentuk kita sendiri.

Salah satu fakta penting ke arah pencapaian matlamat ini ialah rakyat Malaysia perlu terus bersatu padu dan hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Jika rakyat berbagai kaum dan agama dapat mengekal serta meningkatkan perpaduan dan keharmonian, tidak ada kuasa yang akan dapat menghalang usaha kita untuk menjadi sebuah negara yang maju. Sehubungan dengan ini, parti-parti komponen Barisan Nasional boleh memainkan peranan yang berkesan. Mereka boleh membantu rakyat memahami dan menghayati hasrat Kerajaan untuk membawa negara ke peringkat kemajuan yang lebih tinggi.

Parti-parti lawan akan sentiasa berusaha untuk memburuk-burukkan Kerajaan Barisan Nasional. Mereka akan menimbulkan isu-isu lama dan mencari serta mengada-adakan isu-isu baru untuk mengelirukan rakyat. Harapan mereka ialah supaya perpaduan dan kekuatan Barisan Nasional dapat dihancurkan. Parti-parti lawan, tidak akan peduli sama ada cara ini akan menjejaskan pembangunan negara. Mereka hanya mahu berkuasa. Mereka sedar bahawa jika rakyat hidup dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera, mereka tidak akan memperolehi sokongan. Mereka tahu hanya rakyat yang berasa tidak puashati dan kecewa sahaja yang akan menentang Kerajaan. Justeru itu, kita mestilah sentiasa berwaspada supaya tidak jatuh ke dalam perangkap parti-parti lawan.

Antara isu yang kerap ditimbulkan oleh mereka ialah kononnya Kerajaan tidak berlaku adil kepada semua kaum. Di kalangan masyarakat India pun ada cakap-cakap bahawa kaum India tidak memperolehi "a fair share of the nation's economic cake". Sebenarnya, Kerajaan Barisan Nasional telah berlaku adil kepada semua kaum. Semua kaum telah menikmati faedah daripada dasar pembangunan Kerajaan. Ini mesti kita akui kerana ini adalah satu kenyataan.

Kita akui walaupun kita telah berjaya menurunkan peratusan kemiskinan di dalam negara ini, kemiskinan masih wujud. Tetapi kemiskinan ini tidak terhad kepada satu kaum sahaja — ada kaum Melayu, kaum Cina, kaum India, kaum Iban, kaum Kadazan dan kaum-kaum lain yang masih miskin. Dalam hal ini, penekanan akan diberi oleh Kerajaan untuk membasmi kemiskinan yang masih wujud. Perlu ditegaskan bahawa di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2), Kerajaan akan memberi tumpuan terhadap membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Begitu juga dalam usaha menyusun semula masyarakat, Kerajaan melalui tindakan administrative akan memberi perhatian yang sewajarnya kepada keperluan masyarakat-masyarakat lain.

Di samping itu, negara kita mempraktikkan sistem ekonomi bebas. Dalam sistem ini semua orang dan pihak, tidak mengira kaum, mempunyai peluang untuk mem-

perbaiki diri mereka. Kerajaan menyediakan peluang yang luas untuk rakyat yang mempunyai inisiatif, sanggup bekerja keras dan mempunyai semangat keusahawanan untuk memajukan diri.

Justeru itu, tidak ada kaum yang patut merasa mereka telah diketepikan di dalam pembahagian kekayaan negara. Juga tidak timbul soal 'tidak adil' atau perasaan "economically deprived". Kerajaan Barisan Nasional akan menentukan bahawa semua kaum akan menikmati faedah daripada pembangunan. Untuk ini "economic cake" yang sedia ada yang mencukupi untuk semua kaum akan diagihkan dengan saksama. Yang penting ialah kita perlu mengekalkan kestabilan politik dan perpaduan supaya pertumbuhan ekonomi dapat dikembangkan lagi. Jika kestabilan dan perpaduan antara kaum tergugat, maka sukarlah bagi kita untuk mencapai pertumbuhan. Tanpa ada pertumbuhan, semua kaum tidak akan dapat menikmati faedah.

Hanya Barisan Nasional yang dapat menjamin masa depan masyarakat India di negara ini. Barisan Nasional adalah parti yang dapat menjaga kepentingan semua kaum, termasuklah masyarakat India. Ini telahpun terbukti di masa yang lepas. Semenjak MIC menjadi rakan Perikatan lagi, kepentingan masyarakat India telah dijaga dengan baik oleh pakatan UMNO-MCA-MIC dan kemudian Barisan Nasional.

Kejayaan Barisan Nasional menjaga kepentingan semua kaum ialah kerana wujudnya semangat kerjasama dan sikap tolak ansur di kalangan pemimpin-pemimpinnya. Segala masalah telah dibawa ke meja rundingan dan diputuskan melalui "consensus". Inilah satu keunikan yang terdapat di dalam Barisan Nasional dan keunikan inilah yang telah menjamin negara terus stabil, makmur dan maju.

Oleh yang demikian, adalah penting masyarakat India terus memberi sokongan kepada Barisan Nasional dan tidak terpengaruh dengan taktik parti lawan yang sentiasa menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat. Parti lawan seperti DAP tidak akan teragak-agak mengeksploitasikan sentimen perkauman supaya rakyat benci kepada Kerajaan.

Pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli MIC tidak harus terpengaruh dengan dakyah-dakyah dan tuduhan-tuduhan parti lawan seperti DAP. Sebarang masalah yang dihadapi oleh masyarakat India hendaklah dibawa ke meja perundingan. Tidak ada faedahnya kita mengemukakan masalah kita dikhalayak ramai. Ini akan hanya memberi peluang kepada musuh-musuh Barisan Nasional untuk mengambil kesempatan membesar-besarkan lagi masalah tersebut. Seperti yang telah kita alami, tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh Barisan Nasional melalui kerjasama dan tolak ansur.

Tanggungjawab yang besar di hadapan kita ialah menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, aman dan makmur. Ke arah mencapai matlamat ini, kita tidak boleh membuang masa dengan isu-isu yang remeh-temeh yang boleh menghalang kita daripada menumpu kepada usaha-usaha positif yang diperlukan untuk menjayakan matlamat negara. Untuk menghadapi cabaran-cabaran yang mungkin timbul

dalam usaha kita menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020, kita semua perlu mengukuhkan lagi perpaduan kaum dan kestabilan politik negara. Hanya melalui perpaduan kaum dan kestabilan politik sahaja yang dapat menjamin masa depan rakyat Malaysia.

Saya harap Perhimpunan Agung MIC ini akan berjalan dengan baik dan menghasilkan resolusi-resolusi yang bukan sahaja akan memberi manfaat kepada ahli-ahli MIC, tetapi juga kepada negara.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC.

**UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO
DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR
8HB. NOVEMBER, 1991**

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita sekali lagi bersama-sama menghadiri Perhimpunan Agung UMNO pada hari ini. Sebagai Presiden Parti, saya bagi pihak parti dan Majlis Tertinggi mengucapkan selamat datang kepada para perwakilan sekalian. Marilah kita bersama-sama berdoa semoga Perhimpunan kita ini direstui dan diberkati Allah s.w.t.

Kita juga mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil parti-parti komponen Barisan Nasional ke Perhimpunan ini. Turut juga dialu-alukan ialah para pemerhati dan para jemputan yang telah sudi hadir bersama-sama kita di perjumpaan hari ini.

Hari ini juga kita mengalu-alukan kehadiran pada kali pertama para perwakilan UMNO dari Sabah. UMNO, walaupun baru di Sabah, telah memainkan peranan penting dalam menyedarkan penduduk Sabah mengenai betapa pentingnya wujud kerjasama yang erat di antara negeri-negeri di Malaysia, betapa pentingnya perpaduan dan persefahaman ditingkatkan dan lebih-lebih lagi betapa pentingnya rakyat Malaysia bersatupadu menghadapi cabaran-cabaran di masa hadapan. Kita mengalu-alukan penyertaan rakan-rakan kita dari Sabah.

Baru-baru ini juga rakan-rakan kita di Sarawak telah mencapai kemenangan cemerlang dalam pilihanraya negeri. Saya ucapkan tahniah dan syabas. Barisan Nasional di Sarawak telah sekali lagi diberi mandat oleh penduduk Sarawak. Kemenangan Barisan Nasional ini menunjukkan bahawa rakyat inginkan pembangunan, kerjasama dan persefahaman. Pengundi-pengundi di Sarawak menolak politik perkauman dan politik perpecahan. Mereka tidak mahu orang yang tidak laku dan kecewa di Semenanjung melepaskan perasaan iri-hati mereka di Sarawak. Syabas sekali lagi Sarawak.

Kuasa Dan Tanggungjawab

Pada tahun ini genaplah 34 tahun UMNO mentadbir Persekutuan Tanah Melayu pada mulanya dan kemudian Malaysia, melalui Perikatan dan selepas itu Barisan Nasional. Ini bererti sepanjang kemerdekaan negara ini, UMNO tidak putus-putus berkuasa dan mendirikan Kerajaan.

Dalam tempoh 34 tahun ini, negara telah mencapai kemajuan demi kemajuan sehingga hari ini dunia mengiktiraf pembangunan negara Malaysia sebagai luar biasa dan mengagumkan. Sementara banyak negara merosot setelah mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua, Malaysia bukan sahaja membangun dengan pesat tetapi juga dianggap oleh kebanyakan negara membangun sebagai model yang patut dicontohi. UMNO berhak menepuk dada kerana semua ini berlaku semasa UMNO memerintah.

Tetapi sebelum kita terlalu berpuas-hati dengan kejayaan kita, marilah kita mengingatkan diri kita bahawa pemisahan di antara kejayaan dengan kegagalan adalah amat tipis dan mudah ditembusi. Justeru itu, marilah kita menoleh ke belakang untuk melihat asal usul kita, menganalisa sebab-sebab kejayaan kita, dan kemudian menentukan tindakan yang perlu diambil untuk mencapai matlamat yang telah kita rancangkan untuk bangsa, agama dan negara.

Sebelum merdeka, kita dijajah dan diperintah oleh British dan juga lain-lain kuasa Eropah. Ada juga negeri-negeri Melayu yang bebas tetapi mereka juga terpaksa menghantar 'bunga emas' kepada Siam dan China. Dengan perkataan lain, negeri-negeri Melayu tidak pernah bebas daripada dikuasai oleh kuasa asing.

Soal yang harus kita tanya diri kita ialah kenapalah kita mudah dijajah dahulu? Apakah ianya disebabkan semata-mata kerana keganasan dan ketamakan orang Eropah dan jiran-jiran kita? Apakah kita tidak langsung bersalah? Apakah Kerajaan Raja-raja Melayu memerintah negeri-negeri Melayu dengan baik dan menjaga ketahanan negeri masing-masing? Apakah pembesar-pembesar Melayu ketika itu menjalankan tugas-tugas mereka dengan bertanggungjawab?

Apakah tidak ada rebutan takhta dan kuasa di kalangan keluarga Di-Raja? Apakah pegawai-pegawai istana dan pembesar-pembesar lain tidak terlibat menghasut keluarga Raja-raja dengan tujuan mendapatkan tempat untuk diri sendiri? Apakah mereka ini tidak berusaha untuk menjatuhkan orang atasan melalui tohmah dan fitnah supaya mereka akan mendapat jawatan-jawatan tertentu dalam istana dan Kerajaan? Apakah kegiatan-kegiatan orang seumpama ini tidak melemahkan negeri-negeri Melayu?

Sebenarnya pemerintahan Kerajaan-kerajaan Melayu sebelum penjajahan kuasa-kuasa barat tidak merupakan pemerintahan sebuah negara atau negeri, tetapi sebaliknya adalah pemerintahan untuk kepentingan beberapa kerat golongan bangsawan. Mereka seolah-olah menganggap negeri yang mereka memerintah itu milik mereka dan segala hasil cukai adalah hak mereka dan boleh digunakan mengikut sesuka hati mereka.

Oleh kerana sesiapa yang berkuasa akan menikmati keuntungan untuk diri sendiri, maka rebutan untuk mendapat kuasa dan tempat berlaku sepanjang masa tanpa mengambilkira keselamatan negeri dan kesejahteraan rakyat.

Apakah rakyat ketika itu tidak bersalah sama sekali dalam perkara ini? Jika diteliti, rakyat juga didapati bersalah. Mereka menerima tanpa soal sistem pemerinta-

han yang penuh dengan penyalahgunaan kuasa dan rasuah kerana mereka berharap akan mendapat faedah daripada sistem itu. Mereka menyokong pemimpin dan Raja yang mahu merebut kuasa kerana berharap giliran mereka menerima rasuah akan tiba. Bahawa dengan berlakunya rebutan dan rasuah ini negeri mereka menjadi lemah, tidak sedikitpun dipedulikan oleh mereka.

Tujuan semua pihak, daripada rakyat biasa sehinggalah kepada Raja, ialah bagaimana hendak mengaut kekayaan negeri untuk diri sendiri semata-mata. Negeri disifatkan sebagai lembu tenusu yang boleh diperah untuk diminum sendiri. Negeri tidak dibangunkan supaya berdaya maju, kuat terselamat, dan semua penduduknya, sama ada Raja atau rakyat, dihormati dan memperolehi kebahagiaan.

Kerana tidak beramanah, cukai yang dipungut tidak semuanya sampai kepada Perbendaharaan. Setiap pegawai dan kakitangan yang ditugaskan mengutip cukai meraih sebahagian daripada cukai itu untuk diri sendiri. Akhirnya, kurang daripada separuh hasil yang dipungut benar-benar sampai kepada Perbendaharaan dan Raja.

Dalam keadaan ini datanglah taukeh yang menawar kepada Raja jumlah cukai yang sekali ganda lebih daripada yang pernah didapati oleh Raja jika taukeh ini diberi monopoli untuk mengutip cukai bagi Kerajaan. Tawaran ini amat menarik dan monopoli diberi kepada taukeh. Apa yang dibuat oleh taukeh ialah mengutip cukai dengan menggunakan orangnya sendiri tanpa sedikit pun cukai yang dipungut dicuri. Walaupun Raja memperolehi jumlah sekali ganda daripada biasa, tetapi taukeh pula dapat lebih daripada itu kerana sebenarnya cukai yang dikutip amatlah besar. Namun Raja berasa terhutang budi kepada taukeh dan selalu berdamping dengannya dan memberi gelaran Kapitan Cina kepadanya.

Demikianlah juga dengan monopoli penjualan candu di masa itu. Semasa pihak pemerintah memonopoli penjualan candu, tidak banyak hasil yang sampai kepada Perbendaharaan. Tetapi apabila monopoli diberi kepada taukeh, jumlah hasil jualan candu meningkat dengan banyaknya. Dengan itu pengaruh Kapitan Cina meningkat dalam istana.

Mungkin taukeh boleh disalahkan. Tetapi perkara ini berlaku kerana sikap orang Melayu ketika itu. Jika mereka bekerja dengan jujur dan memandang hina kepada perbuatan tidak beramanah, perkara-perkara seumpama ini tidak akan berlaku. Oleh kerana mereka bukan sahaja memandang ringka kepada amalan rasuah tetapi juga menganggapnya sebagai perkara biasa yang harus dilakukan oleh sesiapa yang berkuasa, maka akhirnya mereka hilang kuasa sebagai pentadbir, dan maruah bangsa terjejas.

Dalam rebutan kuasa yang sering berlaku dalam keluarga Raja, bantuan pihak asing diminta dengan menjanjikan hak monopoli berniaga kepada yang membantu. Akhirnya negeri-negeri Melayu dibanjiri oleh tentera-tentera asing yang kononnya diperlukan untuk mempertahankan "trading post" mereka tetapi secara tidak langsung menguasai wilayah berkenaan.

Kita mungkin asyik menyalahkahkan penjajah. Tetapi harus kita ingat bahawa British tidak merampas negeri-negeri Melayu melalui peperangan. Kerajaan-kerajaan Melayu ketika itu menjemput British kerana mereka terlalu lemah untuk memerintah dengan berkesan.

Alhamdulillah, hari ini kita telah merdeka dan kita boleh menentukan nasib kita sendiri. Pejuang-pejuang kemerdekaan tidak memikir dan terfikir untuk mendapatkan sesuatu bagi diri mereka sendiri. Tumpuan mereka adalah kepada maruah bangsa, agama dan tanah air. Perselisihan antara pemimpin-pemimpin politik Melayu dalam tahun-tahun sebelum merdeka bukan kerana jawatan, tetapi kerana pendekatan dalam memperjuangkan nasib bangsa. Sementara Allahyarham Dato Onn, setelah berjaya menewaskan Malayan Union, ingin menjadikan UMNO sebuah parti berbilang kaum, pemimpin-pemimpin lain, termasuk Almarhum Tunku Abdul Rahman, ingin mengekalkan UMNO sebagai parti orang Melayu.

Oleh kerana perjuangan yang ikhlas, UMNO di bawah pimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham-Allahyarham Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail, Tun Sardon Jubir dan lain-lain tokoh berjaya menebus kemerdekaan negeri-negeri Melayu dan membentuk sebuah negara. Secara kebetulan sahaja mereka mendapat jawatan-jawatan yang tinggi dalam Kerajaan dengan pendapatan yang tetap dan kuasa tertentu. Tetapi perjuangan mereka bukanlah untuk mendapat jawatan dan kuasa. Mereka berjuang kerana bangsa, agama dan tanahair.

Mereka tidak taksub dengan kuasa. Mereka tidak menggunakan kuasa untuk kepentingan peribadi. Apa yang dibuat oleh mereka adalah untuk kebaikan umum, untuk orang Melayu, untuk agama dan untuk tanahair.

Tetapi, lama kelamaan ada yang mendapat jawatan dan kuasa dalam Kerajaan lebih mementingkan cita-cita atau "ambition" mereka sendiri. Jawatan dalam Kerajaan bukan digunakan sepenuhnya untuk memajukan negara, tetapi juga untuk memajukan diri. Wang kerajaan digunakan untuk mempopularkan diri dalam parti, supaya berjaya memperolehi jawatan yang lebih tinggi. Matlamat terakhir ialah untuk menjadi Perdana Menteri.

Pernah seorang bekas Menteri Kewangan berjanji memberi tiga ribu juta ringgit kepada Kerajaan Selangor dan juga lesen bank supaya perwakilan UMNO dari Selangor menyokongnya untuk jawatan tertentu dalam Majlis Tertinggi. Dewan-dewan Perniagaan Melayu di tiap-tiap negeri diberi lesen "finance company" olehnya. "On-the-sport grant", yang sebenarnya digunakan untuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sahaja, juga digunakan oleh Menteri ini untuk mempopularkan dirinya. Bermacam-macam lagi kuasa Kementerian Kewangan digunakan olehnya semata-mata untuk mendapatkan sokongan bagi diri sendiri dalam pertandingan untuk merebut jawatan tinggi dalam UMNO.

Amalan buruk Menteri ini sepatutnya dipandang hina dan ditolak oleh semua pihak. Malangnya ada juga yang menerima dan sanggup mengamalkan cara yang keji

ini. Terdapat juga anggota-anggota Kerajaan dan pemimpin-pemimpin parti yang masih suka menggunakan pendekatan ini.

Demikian juga mereka yang menjadi kaya kerana Dasar Ekonomi Baru. Dengan wang yang diperolehi, pengaruh dibeli untuk mendapatkan tempat dalam parti di peringkat cawangan dan bahagian. Mereka yang mendapat jawatan dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan juga menggunakan kedudukan dan pendapatan mereka untuk mendapat sokongan dan tempat.

Contoh buruk bekas Menteri Kewangan ini menular ke semua peringkat sehingga ada calon Majlis Tertinggi yang sanggup memberi sogokan untuk mendapat sokongan. Sebab itulah sementara sejumlah besar daripada bahagian mencalonkan orang tertentu bagi satu jawatan, tetapi apabila para perwakilan mengundi, keputusan didapati jauh berbeza daripada keputusan yang dibuat oleh bahagian-bahagian. Kerana amalan rasuah dan mengutamakan diri sendiri ini, UMNO akhirnya diheret ke mahkamah dan dihukum tidak sah. Syukur Alhamdulillah kerana masih ramai yang secara ikhlas mencintai UMNO, UMNO dapat dipulihkan semula.

Ramai rakyat biasa juga tidak boleh berbangga dengan sikap mereka. Undi bukan digunakan untuk memilih pemimpin dan parti yang boleh menjayakan negara, tetapi untuk mendapatkan sesuatu bagi diri sendiri atau untuk kampung atau tempat. Adakalanya apabila sipolan-sipolan membuat kesalahan, seperti mencerobohi tanah Kerajaan, ugutan dibuat supaya tindakan tidak diambil jika parti Kerajaan ingin kemenangan. Walaupun Kerajaan telah memberi banyak bantuan, semua ini dilupakan begitu sahaja jika yang dituntut tidak dilayan. Bahawa Kerajaan mentadbir dengan baik dan adil dan membawa pembangunan yang menguntungkan rakyat dan mengukuhkan negara, semua ini dianggap tidak penting. Seperti di zaman pemerintahan Raja-raja Melayu dahulu, ramai rakyat sekarang ini mengutamakan diri sendiri lebih daripada bangsa dan negara.

Nampaknya kita sekarang sedang menuju ke arah keadaan di zaman pemerintahan Raja-raja Melayu dahulu. Sepertimana rasuah dan penyalahgunaan kuasa dahulu akhirnya menyebabkan negeri-negeri Melayu ditakluk oleh bangsa asing dan orang Melayu diperhambakan, demikian juga keasyikan menyalahgunakan apa jua kuasa yang ada di semua peringkat akan melumpuhkan orang Melayu dan menyekat kejayaan mereka. Jika keadaan ini berterusan, saya khawatir, orang Melayu akan diperhambakan sekali lagi.

Saya sedar apa yang saya katakan ini akan menyebabkan kemarahan pihak-pihak tertentu di dalam dan di luar parti dan Kerajaan. Tetapi saya tidak akan bertanggungjawab jika saya tidak perkatakan yang benar demi menyelamatkan bangsa Melayu yang menjadi tunggak Kerajaan negara ini, bangsa yang menegakkan agama Islam dan kedaulatan negara Malaysia.

Mengutamakan keuntungan hari ini bagi diri sendiri akan merugikan bangsa dengan banyak pada hari esok. Jika bangsa sudah menjadi lemah, diri sendiri tidak

akan terselamat daripada padahnya. Sebaliknya, mereka yang bersabar dan sanggup menunggu kebahagiaan daripada keteguhan bangsa kemudian hari akan memperoleh kebahagiaan bagi diri sendiri secara yang lebih kekal. Menerima sedikit rasuah mungkin dianggap perkara ringan. Tetapi percayalah kesan buruk rasuah tidak bergantung kepada kecil atau besar jumlahnya. Jika rasuah dalam berbagai-bagai bentuk sudah menjadi tabiat, lambat laun bangsa akan lumpuh. Jika kita ingin menjadi bangsa yang mulia, bermaruah dan berjaya, elakkanlah diri daripada apa jua jenis rasuah, termasuk penyalahgunaan kuasa mengundi, sogokan wang dan sogokan sokongan. Rasuah adalah kotor dan jijik dan akan membawa kecelakaan kepada bangsa, agama dan negara.

Islam Dan Kemajuan

Kejayaan atau kegagalan seseorang banyak bergantung kepada dirinya sendiri. Sebab itulah walaupun peluang dan kemudahan yang sama disediakan, kejayaan yang diperolehi tidak pernah sama di antara satu sama lain. Demikianlah juga dengan bangsa. Bangsa yang dikelilingi oleh keadaan yang menekan boleh berjaya sedangkan bangsa yang mempunyai negara yang serba mewah mungkin lebih miskin dan lemah. Sebabnya ialah kualiti dan sifat yang ada pada bangsa-bangsa berkenaan.

Ada orang yang menyalahkan takdir. Kononnya Tuhan telah mentakdirkan seseorang itu miskin. Justeru itu, ia tidak perlu mencuba memperbaiki nasibnya. Masyarakat juga tidak perlu mencuba memperbaiki nasibnya. Orang Islam yang hanya menyalahkan takdir sedangkan ia boleh memperbaiki nasibnya adalah orang yang kurang percaya kepada keadilan Allah s.w.t. Allah s.w.t. tidak memberi akal fikiran, tenaga dan pancaendera kepada manusia jika mereka hanya dikehendaki menunggu dan menerima nasibnya sahaja. Segala anggota, tenaga dan akal fikiran diberi kepada makhluk Allah s.w.t. untuk digunakan bagi menyelamatkan dan menjayakan diri mereka. Manusia yang bermulut tetapi tidak makan dan minum akan mati. Kematianya apabila berlaku memang ditakdirkan. Tetapi jika ia makan dan minum dan hidup serta bertenaga, itu cuma takdir.

Guru-guru agama yang mengajar orang Islam supaya tidak berusaha bersungguh-sungguh adalah guru-guru yang jahil walaupun memiliki ijazah berjela-jela. Guru yang fasih dalam bahasa Arab dan mengangap orang yang tidak fasih dalam bahasa tersebut sebagai tidak berhak mengulas ajaran Islam adalah orang yang angkuh dan sombong, dan Allah tidak suka kepada orang yang sombong. Bukanlah sesuatu yang luar biasa bagi guru yang berpengetahuan agama yang tinggi tetapi membuat perkara-perkara yang salah. Tidak akan wujud fahaman yang berbeza-beza yang memecahbelah dan mengasingkan orang Islam jika tidak kerana ajaran oleh mereka yang menyalah tafsirkan ajaran Islam secara sedar atau sengaja.

Agama Islam sepatutnya membawa kejayaan kepada umatnya. Orang Arab yang jahil, setelah menerima agama Islam telah menjadi bangsa yang berjaya di dunia pada masa itu. Islam adalah Ad-deen atau cara hidup. Dengan bangganya kita mendakwa kepada dunia bahawa Islam bukan sebarang agama, tetapi adalah Ad-deen - cara hidup

- "a law of life". Tetapi ajaran yang kerap disampaikan kepada umat Islam tertumpu semata-mata kepada kebahagiaan di akhirat. Jika ada sesiapa yang bercakap atau berusaha untuk kebahagiaan di dunia, maka ada sahaja orang yang mendakwa diri mereka sebagai ulama yang akan menuduh orang itu bersalah dan tidak Islam. Bagi mereka Ad-deen bermakna cara bersedia untuk menghadapi kematian semata-mata.

Ajaran 'ulama inilah yang menyebabkan umat Islam menghabiskan hayat mereka semata-mata membuat persediaan untuk akhirat. Dan untuk ini berbagai-bagai ibadat dicipta dan ditokok-tambah untuk memenuhi masa hidup mereka. Dan jika ada sesiapa yang tidak mengikut ibadat tambahan ini, mereka dianggap sebagai kurang Islam atau tidak Islam. Kerana takut dituduh tidak Islam atau kurang Islam, ramai orang Islam yang membusu atau ikut mengamal ibadat-ibadat yang dicipta ini sehingga tidak ada masa lagi untuk mengejar kejayaan di dunia atau menjalankan dengan sempurna tugas biasa yang belajar dan jika mereka pekerja, mereka abaikan kerja yang diamanahkan kepada mereka.

Kerana ajaran pentafsir-pentafsir ini, orang Islam hari ini menjadi masyarakat yang mundur dan jahil dalam berbagai-bagai ilmu. Mereka menjadi lemah sehingga tidak mampu mempertahankan diri sendiri. Apabila sebuah negara Islam yang kaya, kerana hasil bumi kurniaan Tuhan, diserang oleh sebuah negara Islam yang tamak, negara yang diserang itu terpaksa meminta pertolongan bukan daripada negara Islam lain tetapi daripada negara bukan Islam. Dan negara-negara Islam yang menjadi jiran negara yang diserang terpaksa bekerjasama dengan orang bukan Islam untuk mempertahankan diri. Secara langsung dan tidak langsung, ini meletakkan negara-negara Islam ini di bawah telunjuk bukan Islam. Dan negara yang tamak tadi telah dikalahkan dengan teruk, dilumpuh dan dihina oleh dunia.

Dengan itu umat Islam dan dunia Islam terhina, berpecah dan bermusuhan-musuhan. Kerana peperangan sia-sia ini, semua negara Islam yang kaya sudah menjadi miskin dan papa dan terpaksa tunduk kepada kuasa asing yang bukan Islam. Tidak ada satu pun keuntungan bagi agama Islam atau umat Islam daripada peperangan ini.

Umat Islam diwajibkan bersedia untuk mempertahankan diri. Di zaman Nabi Muhammad s.a.w. ini bermakna mengadakan kuda, pedang dan panah. Tetapi kerana penguasaan ilmu moden tidak ditekankan, sebaliknya dianggap tidak penting, hari ini umat Islam tidak mampu mempertahankan diri. Hanya dengan berdoa sahaja tidak akan menyelamatkan umat Islam selama-lamanya. Doa perlu disertai dengan usaha yang sesuai. Tetapi kerana tekanan hanya kepada ibadat-ibadat, termasuk yang dicipta kononnya untuk akhirat, maka umat Islam menjadi jahil dalam bidang pertahanan moden dan perlu meletakkan diri mereka di bawah kuasa bukan Islam. Kerana ajaran sesat, ada umat Islam telah membelakangkan Al-Quran.

Hari ini kita telahpun melihat peristiwa yang amat memalukan. Sebuah negara Islam yang bebas dan kuasa-kuasa asing kerana bertindak melulu tanpa perhitungan. Apabila kalah dalam peperangan, askar-askar negara Islam ini melutut dan mencium kaki musuh bukan Islam kerana ketakutan. Di manakah semangat dan maruah orang

Islam? Apakah ini hasil ajaran agama Islam yang sebenarnya atau hasil ajaran yang salah oleh mereka yang kononnya lebih berhak mentafsir agama Islam?

Dalam Perang Teluk ini, tidak ada sesiapa yang boleh menganggap diri mereka tidak bersalah. Negara-negara Islam yang berperang sesama sendiri bersalah. Negara yang mendapat senjata dari orang bukan Islam untuk menakluk negara Islam lain bersalah. Negara yang mendapat pertolongan negara bukan Islam untuk melindungi diri dan kemudian menyerang negara Islam lain bersalah. Negara Islam yang tidak kuat dan dengan itu tidak sanggup meleraikan negara-negara Islam yang berperang sesama sendiri bersalah. Negara-negara Islam yang tidak mampu mempertahankan negara Islam yang lemah daripada ditakluk oleh jiran gergasi Islam juga bersalah.

Tetapi yang lebih bersalah ialah mereka yang mentafsir dan membawa ajaran yang dikatakan Islam yang menyebabkan umat Islam dan negara-negara Islam menjadi semakin lama semakin lemah, mundur, jahil dan mudah diperalat dan dipermainkan oleh musuh-musuh Islam. Mereka yang mengajar bahawa bagi umat Islam hidup di dunia hanyalah untuk persediaan bagi akhirat adalah orang yang bersalah besar. Umat Islam dan agama Islam tidak akan dihina jika tidak kerana ajaran seperti ini. Dan apabila kita menyoal mereka ini, jawapan mereka ialah 'Takdir'. Tuhan kononnya telah mentakdirkan supaya umat Islam melutut dan menyembah musuh-musuh Islam. Benarkah Tuhan menjadikan orang Islam supaya mereka dihina di dunia ini? Apakah Tuhan benci kepada orang Islam dan mentakdirkan mereka dihina, atau apakah semua ini berlaku kerana tafsiran yang berkepentingan orang tertentu?

Kita patut mengambil iktibar daripada ajaran dan amalan Nabi Muhammad s.a.w. Tidak ada sesuatu yang lebih mulia di sisi Nabi Muhammad s.a.w. daripada amanah. Baginda mendapat gelaran 'Al-Amin' kerana beramanah. Kerana amanah, Baginda telah menyampaikan ajaran Islam yang benar. Ajaran Islam yang disampaikan oleh Baginda begitu baik sehingga bangsa Arab yang jahil dan suka berperang antara kabilah-kabilah mereka telah dapat didamaikan, dan dalam jangkamasa dua ratus tahun bangsa yang hanya tahu merayau-rayau di padang pasir telah menjadi bangsa yang kuat, berpengetahuan dan mulia. Dalam masa yang singkat, mereka bukan sahaja berjaya mendirikan sebuah empayar yang besar dan gemilang di dunia, tetapi juga dalam semua bidang ilmu duniawi mereka mendahului bangsa-bangsa dan penganut-penganut agama lain. Mereka berjaya menerokai bidang-bidang sains yang baru. Demikian juga orang lain yang memeluk agama Islam di zaman ini mencapai kejayaan yang besar di dunia. Penduduk Asia Tengah yang menjadi orang yang terawal memeluk agama Islam berjaya mengembangkan lagi bidang ilmu sambil memperluaskan lagi wilayah Islam. Demikian kesan Al-Amin Nabi Muhammad s.a.w. yang beramanah.

Kecekapan belayar dengan berpandukan gerakan matahari dan bintang membolehkan orang Islam ke negeri-negeri Melayu dan mengembangkan Islam di kalangan orang Melayu yang pada masa itu menganuti agama Hindu atau tidak beragama.

Semua ini adalah kejayaan duniawi yang diimbangi dengan amalan-amalan ibadat untuk akhirat. Jika orang Arab yang menerima Islam hanya asyik menyediakan diri sendiri untuk akhirat, dan ini lebih mudah dibuat di Mekah dan Madinah di mana mereka tinggal, hari ini orang Melayu akan terus menyembah busut dan pokok-pokok kayu. Tetapi kerana penerima-penerima agama Islam di zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan juga di zaman selepasnya beramanah dan menganggap mereka bertanggungjawab menjayakan diri mereka supaya mampu mengembangkan agama Islam, orang Melayu dari ini semuanya Islam.

Malangnya orang Melayu di zaman ini tidak menganggap mereka diamanahkan untuk menjayakan diri mereka supaya lebih mampu mengembangkan agama Islam. Mereka lebih asyik menentukan tempat untuk diri sendiri di akhirat. Dengan ini mereka tidak menumpukan kepada kejayaan di dunia dan mereka menokok kepada tuduhan bahawa Islam adalah agama yang menghalang kejayaan. Secara langsung ini menyekat perkembangan agama Islam dan pemulihan zaman kegemilangan Islam. Harus diingat bahawa zaman kegemilangan Islam yang disebut-sebutkan ialah pencapaian duniawi.

Semua ilmu boleh digunakan untuk kebaikan atau keburukan. Kebolehan menulis boleh digunakan untuk menyebarkan penulisan yang kotor dan fitnah. Tetapi ia juga boleh digunakan untuk mengembangkan agama dan ajaran yang baik. Yang menjadikan sesuatu ilmu itu baik atau buruk bukanlah ilmu itu tetapi cara manusia menggunakannya. Pisau di tangan seorang doktor pembedah akan memulih pesakit. Pisau yang sama di tangan pembunuh membawa lain akibatnya. Justeru itu, yang salah bukanlah pisau tetapi orang menggunakannya.

Islam tidak cacat. Islam tidak menghalang mengejar kejayaan di dunia. Yang cacat ialah mereka yang membuat tafsiran yang menyebabkan umat Islam mengamalkan cara hidup yang menyekat kejayaan mereka. Amatlah penting bagi umat Islam dan orang Melayu berhati-hati dengan ajaran-ajaran yang boleh menghalang kejayaan di dunia dan yang menekankan semata-mata syurga di akhirat. Imbangan di antara dunia dengan akhirat hendaklah dijadikan pegangan kita semasa hidup di dunia ini. Hanya dengan berpandukan kepada tafsiran ajaran Islam yang benar, yang tidak menolak kejayaan di dunia baharulah segala rancangan untuk memajukan orang Melayu akan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan berdaya maju.

Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Pada tahun ini kita telah melancarkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) untuk menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan bersungguh-sungguh. Jika DEB tidak mencapai sepenuhnya matlamat yang ditentukan sebabnya bukanlah kerana dasar atau kelemahan Kerajaan. Jika dijumlahkan semua agihan kekayaan yang dibuat oleh Kerajaan selama 20 tahun DEB dilaksanakan, mungkin Bumiputera hari ini akan memiliki lebih daripada 30 peratus ekonomi negara.

Tetapi kerana ada yang tidak cekap atau kurang amanah, maka sebahagian daripada apa yang diperolehi telah terlepas daripada tangan Bumiputera dan kembali kepada pihak lain. Ada kemungkinan bahawa apa yang ada di tangan Bumiputera sekarang inipun akan terlepas juga jika apa yang dimiliki melalui badan-badan amanah dipindahkan ke tangan individu atau syarikat Bumiputera. Jika kita ingin mendapatkan bahagian kita dan mengekalkannya, adalah penting kita mempunyai sifat-sifat tertentu dan juga kecekapan bukan sahaja untuk mengekalkan apa yang sudah diperolehi, tetapi juga melipatgandakannya. Harus diingatkan bahawa ekonomi berkembang sepanjang masa. Jumlah kekayaan yang memenuhi tiga puluh peratus hari ini boleh menjadi kurang daripada tiga puluh peratus pada tahun depan. Jika ekonomi berkembang pada paras tujuh peratus setahun kekayaan milik Bumiputera juga perlu meningkat sekurang-kurangnya purata tujuh peratus setahun hanya untuk mempertahankan kedudukan yang telah dicapai.

Justeru itu, kemampuan Bumiputera menambah apa yang sudah dimiliki dan melipatgandakan harta kekayaan mereka selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara adalah amat penting.

Di bawah Dasar Pembangunan Nasional, Kerajaan akan terus memberi peluang dan mengagihkan sebahagian daripada punca kekayaan negara kepada Bumiputera. Tetapi Kerajaan tidak boleh menentukan bahawa bahagian yang diperuntukkan kepada Bumiputera akan kekal dan bertambah. Bumiputera sendirilah yang harus berusaha dan bertanggungjawab untuk memelihara dan melipatgandakan harta kekayaan mereka.

Untuk mencapai itu, orang Melayu Bumiputera perlu kepada budaya dan nilai hidup yang sesuai dengan pengurusan harta kekayaan di dunia. Oleh kerana ada bukti-bukti bahawa budaya orang Melayu tidak sesuai dengan persaingan hebat dalam dunia ekonomi moden, maka Kerajaan akan berusaha untuk membentuk dan menyemai budaya dan kecekapan yang diperlukan untuk kejayaan orang Melayu dalam rancangan-rancangan ekonomi negara.

Untuk menentukan peluang yang diberi oleh Kerajaan tidak disalahgunakan atau diuruskan secara tidak cekap, di bawah DPN peluang akan hanya diberikan kepada mereka yang cekap dan beramanah, yang telah melalui latihan, mempunyai bakat dan sanggup bekerja keras dan tidak tahu penat-lelah, dan tidak berharap untuk mencapai kekayaan dengan segera. Jika setelah diberikan peluang, ianya tidak digunakan dengan baik, atau janji tidak ditunaikan atau terbukti tidak ada kecekapan dan ketekunan, maka peluang tidak akan diberi lagi sehinggalah syarat-syarat tertentu dipenuhi.

Hanya kerana seseorang itu Melayu atau Bumiputera tidak akan menjamin ia akan dapat apa yang dipohonnya. Sebaliknya jika seseorang itu menunjuk sifat-sifat yang baik, beramanah, cekap dan sering berjaya, Kerajaan akan menambahkan lagi peluang kepadanya mengikut kemampuannya walaupun tuduhan dilempar bahawa ada pilih kasih. Yang dipilih dan dikasihi ialah mereka yang boleh menjayakan matlamat DPN dan bukan Bumiputera yang membazirkan harta kekayaan negara.

Kerajaan bercadang untuk membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera atau "Bumiputera Commercial and Industrial Community" (BCIC). Siapa sahaja boleh menganggotai kumpulan ini, tetapi syaratnya ialah mereka terlatih dan mampu menjayakan perniagaan dan perusahaan mereka. Tidak ada gunanya kita membentuk peniaga yang cekap dan mampu berjaya jika setelah ianya berjaya peluang kepadanya diberhentikan. Jika ini dilakukan maka kejayaan juga tidak akan kekal dan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera tidak akan wujud. Dalam lain perkataan, usaha mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera akan gagal kerana yang berjaya akan disekat daripada mencapai kejayaan berterusan.

Namun demikian, mereka yang berjaya tidak harus mengharapkan peluang daripada Kerajaan semata-mata. Kecekapan mereka tidak bermakna selagi mereka tidak mampu bersaing dalam pasaran terbuka. Jika mereka benar-benar cekap, ujian yang bermakna ialah apabila mereka mampu menembusi pasaran terbuka. Bumiputera yang hanya boleh berniaga dengan Kerajaan bukanlah peniaga yang tulen. Keistimewaan yang diperolehi di bawah DPN bukanlah satu perkara yang patut dibanggakan kerana ia adalah satu pengakuan bahawa orang Melayu dan Bumiputera adalah lemah. Apakah yang hendak dibanggakan dengan pengakuan bahawa diri sendiri adalah lemah? Ini bukan keistimewaan tetapi adalah satu penghinaan terhadap bangsa.

Kita tidak ingin kepada peniaga Bumiputera yang hanya menjadi "front" kepada bukan Bumiputera, atau hanya berminat untuk mendapatkan lesen daripada Kerajaan untuk dijual kepada bukan Bumiputera. Kita sedar bahawa ini adalah satu cara menjadi cepat kaya dan kononnya memenuhi kehendak dasar menjadikan pemilikan Bumiputera kekal dan mampu bersaing dengan orang lain.

Ini tidak bermakna bahawa kita tidak ingin melihat kerjasama di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Tetapi dalam perniagaan Ali dan Baba ini, Ali hendaklah mengambil bahagian yang cergas dalam segala urusan dan kerja. Bumiputera hendaklah tekun mempelajari daripada rakan bukan Bumiputera semua aspek perniagaan.

Seseorang Bumiputera tidak perlu mendapat banyak projek Kerajaan bagi menghasilkan keuntungan sepuh daripada projeknya jika ia berusaha bersungguh-sungguh. Mereka yang meminta banyak projek Kerajaan biasanya bertujuan untuk menyerahkannya kepada bukan Bumiputera dan menjadi "sleeping partner" yang terus jahil dalam selok-belok pengurusan perniagaan. Orang seperti ini tidak berguna dalam usaha mengekalkan kekayaan Bumiputera. Jika orang Melayu tidak bersungguh-sungguh mempelajari cara-cara pengurusan perniagaan, maka usaha mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera akan gagal. Jika sesuatu berlaku kepada kuasa politik orang Melayu sebelum matlamat DPN dicapai, maka mereka akan lumpuh buat selama-lamanya. Harus diingat bahawa hari ini sudah ada orang Melayu yang sanggup mengkhianati kepentingan orang Melayu.

Kerajaan berpendapat bahawa bagi menjayakan DPN, satu dua projek yang maju dan berjaya oleh seseorang Bumiputera adalah lebih bermakna dan memenuhi dasar tersebut daripada memberi banyak projek yang semuanya gagal dan merugikan atau diserahkan kepada orang lain.

DPN tidak mempunyai had masa. Tekanan adalah kepada penyertaan Bumiputera secara yang bermakna, iaitu kecekapan Bumiputera dalam bidang pengurusan ekonomi sehingga mampu mengekal dan melipatgandakan kekayaan mereka tanpa bergantung kepada kuasa politik Bumiputera dan Melayu.

Apakah ini mungkin dicapai? Sebenarnya, orang Melayu dan Bumiputera tidak kurang bakat ataupun kemampuan jika dibandingkan dengan bukan bumiputera. Sebab itulah orang Melayu yang berhijrah ke negara lain sering berjaya. Yang menyebabkan orang Melayu dan Bumiputera gagal ialah sikap dan pendekatan mereka kepada pengurusan perniagaan, iaitu budaya niaga mereka.

Amanah, berjimat-cermat, tekun dan kuat bekerja adalah sifat-sifat yang penting dalam mencapai kejayaan. Jika sifat-sifat ini dan lain-lain nilai yang mulia ada pada seseorang perniagaan hampir boleh dijamin. Jangan percaya bahawa keuntungan daripada perniagaan hanya boleh didapati melalui penipuan. Keuntungan daripada penipuan bukan sahaja tidak kekal, tetapi juga akan membawa akibat yang buruk.

Kecekapan boleh diperolehi melalui latihan dan pendedahan yang mencukupi dalam bidang pengurusan dan perniagaan. Adalah lebih baik jika proses ini dibenarkan mengambil masa daripada membiarkan Bumiputera mendapat bahagian kekayaan dalam jangkamasa yang singkat, tetapi tidak kekal dan tidak mampu tumbuh bersama dengan pertumbuhan ekonomi negara. Seperti kata pepatah, 'Biar lambat asalkan selamat'. Mereka yang ingin cepat kaya tidak akan selamat. Begitu juga pepatah Mat Salleh, 'Easy come, easy go', atau 'Mudah datang, mudah hilang'. Inilah yang kita lihat semasa kemelesetan ekonomi pada tahun-tahun 1985-1986 di waktu mana Bumiputera lebih daripada memenuhi kuota bankrap mereka.

Kejayaan tidak akan datang bergolek. Emas di dalam bumi pun perlu dikaji dan dikeluarkan sebelum ia berharga. Tidak ada yang mudah untuk dunia atau untuk akhirat. Segala-galanya memerlukan kepada pelaburan. Ibadat untuk dunia tidak kurang perlunya dengan ibadat (iaitu pelaburan) untuk akhirat.

Bumiputera perlu bekerja lebih kuat daripada bukan bumiputera jika kita ingin mengejar mereka. Kerajaan boleh menolong tetapi akhirnya usaha sendiri yang akan menentukan pencapaian bahagian Melayu dan Bumiputera dan penebusan maruah mereka.

Dengan mengamalkan nilai-nilai Islam, dengan kepercayaan bahawa kegagalan orang Islam bukan sudah ditakdirkan, dengan keyakinan bahawa orang Melayu Islam tidak kurang kebolehan daripada bukan Islam, dengan menolak ajaran tok-tok guru yang berkepentingan, insya-Allah orang Melayu akan berjaya - percayalah.

Zaman beredar dan semuanya beredar dan berubah dengannya. Mereka yang tidak sanggup berubah akan ketinggalan zaman. Tidak ada bangsa atau negara yang boleh mengasingkan diri daripada perubahan yang berlaku di seluruh dunia moden ini.

Sehingga tahun 1511 orang Melayu hidup dalam dunia yang terhad dan mereka berjaya mempertahankan negeri-negeri mereka dengan lembing, tombak dan gajah perang. Tetapi kedatangan Portugis membuka dunia baru dengan senjata dan alat-alat yang lebih berkesan. Semenjak daripada itu pengasingan orang Melayu daripada dunia luar tidak mungkin lagi.

Oleh kerana orang Melayu tidak mengubah cara hidup mereka dengan cepat, mereka ditewas dan ditakluk. Hampir empat ratus lima puluh tahun berlalu sebelum mereka dapat membebaskan diri mereka. Tetapi kemerdekaan yang diperolehi bukan terjamin selama-lamanya. Jika kita tidak sedia mengikut perubahan zaman, pihak yang dahulu menjajah akan menjajah kita semua. Hanya kali ini pendekatan penjajah berbeza.

Mereka tidak lagi perlu menempatkan tentera dan pentadbiran mereka untuk menakluki kita. Melalui ilmu dan kepintaran serta kekayaan, mereka dapat menguasai kita. Di zaman selepas perang dingin atau "Cold War" ini, nilai dan falsafah baru telah dicipta oleh pihak yang menjadi kuasa tunggal dalam apa yang dikenal sebagai Dunia Unipolar, dunia yang mempunyai satu kuasa sahaja.

Falsafah baru anjuran Barat ialah mereka berhak campurtangan dalam hal-ehwal negara asing jika mereka berpendapat negara berkenaan tidak demokratik, atau mengabaikan hak asasi manusia, atau tidak memberi kebebasan berakhbar atau bersuara, atau mencemar alam sekitar dan berbagai-bagai lagi. Dengan falsafah ini kemerdekaan negara-negara kecil tergugat.

Campurtangan kuasa besar ini adalah dalam berbagai-bagai bentuk daripada sekatan dagangan dan bantuan sehingga kepada penghantaran pasukan tentera untuk menangkap dan membicarakan pemimpin-pemimpin negara yang diadakan oleh mereka bersalah. Lebih lemah sesebuah negara, lebih berkemungkinan kemerdekaannya dicabul.

Jika Malaysia ingin mempertahankan kemerdekaannya, negara ini mestilah mempunyai kekuatan tersendiri. Yang dimaksudkan bukanlah kekuatan ketenteraan walaupun kekuatan ketenteraan mempunyai peranan. Yang dimaksudkan ialah kekayaan ekonomi dan kemampuan membangunkan negara sendiri. Hanya jika kita dapat menjadi negara maju, barulah kita akan dapat bertahan jika sekatan dagang dan lain-lain ancaman bukan tentera dilancarkan terhadap kita.

Wawasan 2020

Kita telah membentuk Wawasan 2020 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Negara maju yang dimaksudkan bukan

semata-mata negara industri yang pendapatan per kapitanya adalah sekian banyak. Yang dimaksudkan dengan negara maju ialah negara yang berupaya membangunkan diri sendiri melalui penguasaan ilmu kecekapan dan moral yang tinggi yang akan membolehkan kita bersaing dengan negara maju yang lain dalam semua bidang.

Untuk mencapai Wawasan 2020 kita perlu pertumbuhan ekonomi di paras tujuh peratus setahun atau sekali ganda setiap sepuluh tahun. Ini bermakna pada tahun 2020 ekonomi kita akan menjadi lapan kali lebih besar daripada sekarang.

Apakah ini mungkin dicapai? Jawapannya ialah ia tidak mustahil kerana purata pertumbuhan dalam dekad 70 dan 80an ialah hampir tujuh peratus. Lagipun segala infrastruktur sudah atau sedang disediakan.

Sistem politik dan pentadbiran yang kukuh dan cekap sudah terbentuk. Sistem kewangan, urusan bank, pasaran saham dan modal sudah wujud dan mampu menampung segala keperluan. Demikian juga dengan peningkatan kebolehan dalam bidang industri dan dagangan. Pendekatan baru dalam semua bidang boleh diterima dan diamlkan dengan cepat.

Telekomunikasi, sistem jalan, lapangan terbang, pelabuhan, penyaluran gas dan minyak, bekalan air dan elektrik dan lain-lain kemudahan asas yang diperlukan untuk pembangunan negara secara pesat.

Walau bagaimanapun, ada masalah yang boleh mencacat pencapaian Wawasan 2020. Masalahnya ialah sama ada pertumbuhan ekonomi sebanyak tujuh peratus setahun akan disertai dengan pertumbuhan bahagian Bumiputera dengan paras yang sama ataupun lebih. Tentulah orang Melayu dan Bumiputera akan kecewa jika dalam negara yang maju pada tahun 2020 mereka menjadi kelompok yang mundur dan miskin.

Ini tidak akan berlaku jika orang Melayu khususnya faham betapa pentingnya mereka melibatkan diri dalam usaha-usaha untuk meningkatkan pencapaian mereka. Yang pertama mereka tidak harus membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh kumpulan-kumpulan yang mendakwa bahawa yang penting bukan Wawasan 2020 tetapi wawasan akhirat.

Sekali lagi percubaan dibuat untuk melemahkan semangat orang Melayu dengan tafsiran agama Islam yang tidak berasas dan berbau politik. Mereka ini menuduh bahawa Wawasan 2020 adalah untuk dunia semata-mata, dan patut ditolak oleh orang Islam Malaysia. Orang seperti inilah yang menyebabkan orang Islam sesat, lemah dan dihina kerana terpaksa bergantung kepada orang lain. Apabila ada sahaja usaha untuk membangunkan orang Islam supaya mampu bersaing dengan sesiapa sahaja dalam dunia moden ini, maka akan muncullah orang yang suka orang Islam kekal dengan kelemahan mereka dan dihina di dunia ini.

Sebenarnya jika orang Islam tidak dapat mengejar kemajuan di dunia dan berjaya seperti orang bukan Islam, ada kemungkinan mereka akan kecewa sehingga

hilang kepercayaan kepada agama Islam. Kemiskinan dan kedaifan akan membawa kepada kekufuran. Dengan itu tidak akan ada akhirat bagi mereka. Dengan perkataan lain mereka akan mencanang wawasan akhirat inilah yang mungkin kehilangan tempat di akhirat. Sebaliknya mereka yang mengimbangkan dunia dengan akhirat seperti yang dikehendaki oleh agama Islam akan bahagia di dunia dan di akhirat, insya-Allah. Ini jugalah yang kita tekankan dalam wawasan 2020.

Kita percaya jika orang Melayu tidak diganggu lagi dengan dakwaan yang karut daripada pihak-pihak yang ingin mengkhianati orang Islam, mereka berupaya mencapai kejayaan di paras yang sama dengan kaum-kaum lain. Yang perlu ialah pembentukan sikap dan budaya yang sesuai dengan kemajuan seperti yang disarankan dalam Dasar Pembangunan Nasional. Insya-Allah, jika orang Melayu mengamalkan nilai-nilai yang mulia seperti yang dituntut oleh agama Islam, tidak akan cacat pencapaian Wawasan 2020 disebabkan oleh Melayu ketinggalan.

Tanggungjawab UMNO

UMNO dan ahli-ahli UMNO mempunyai tanggungjawab yang amat berat menjelang abad ke-21. Lebih daripada orang Melayu dan Bumiputera lain, kita perlu tingkatkan usaha kita untuk menjadikan diri kita orang yang mampu mengambil tempat yang wajar dalam dunia moden ini. Untuk ini kita perlu kepada bangsa Melayu dan Bumiputera yang baru, yang mempunyai budaya yang sesuai dengan aliran zaman, yang sanggup menghadapi segala cabaran, yang dapat bersaing tanpa bantuan, yang terpelajar dan berilmu, cangguh, jujur, disiplin, beramanah dan cekap.

Ahli-ahli UMNO di semua peringkat mestilah menganggap tugas mereka ke arah pembentukan Melayu dan Bumiputera abad ke-21 ini sebagai satu perjuangan atau jihad, kerana ia adalah perjuangan yang mulia yang akan menyelamatkan iman dan agama Islam mereka di kalangan Bumiputera, dan secara tidak langsung orang Islam lain. Hanya jika ada bangsa yang beragama Islam yang berdayamaju dan dapat bersaing dengan jayanya dengan bangsa bukan Islam, barulah anggapan bahawa Islam membawa kelemahan, kemunduran dan kemiskinan dapat dikikiskan. Orang Melayu mampu menebus maruah orang Islam dan menjadi contoh bagi orang Islam lain dan mereka mesti bertanggungjawab terhadap usaha ke arah ini secara serius.

Zaman orang Islam bertelagah sesama sendiri dan bermusuh dengan orang bukan Islam secara buta tuli sudah berakhir. Ada pihak yang menolak sebarang usaha untuk mencapai keamanan antara orang Islam dengan bukan Islam. Mereka menolak kedamaian kerana mereka terselamat di negara ini. Jika mereka begitu yakin berperang secara membuta-tuli boleh membawa kejayaan dan kebahagiaan kepada orang Islam, mereka patut tinggalkan negara yang aman ini dan pergi berperang. Bagi kita, yang penting ialah melengkapkan diri dengan ilmu, kecekapan, kekayaan dan kekuatan dahulu sebelum kita menghadapi peperangan sekiranya terpaksa. Ini adalah ajaran Islam dan orang Melayu yang menuntut kejayaan di dunia dikehendaki menunaikan kewajipan sebagai orang Islam.

Sebab itulah sekali lagi saya ingin tegaskan akan tanggungjawab orang Melayu, khususnya ahli-ahli parti yang menjadi teras pemerintahan Malaysia. Kita tidak mempunyai masa untuk tafsiran yang karut mengenai Islam. Kita tidak mempunyai masa untuk berebut-rebut tempat bagi diri sendiri. Kita tidak perlu tanya siapa akan mengganti siapa. Kita tidak perlu kepada klik dan "team". Kita tidak perlu kepada pembaziran masa dengan berbagai-bagai ramalan.

Yang diperlukan menjelang abad ke-21 ini ialah UMNO yang kukuh dan penuh disiplin, yang tersusun rapi untuk menjayakan cita-cita agama dan bangsa dan pencapaian Wawasan 2020.

Insya-Allah, UMNO dan ahli-ahlinya tidak akan mengecewakan harapan bangsa, harapan negara dan harapan umat Islam amnya.